




KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA

# MAKLUM BALAS KE ATAS LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**Siri 3**  
**TAHUN 2014**

PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN  
KEWANGAN TAHUN 2014 DAN AKTIVITI  
KEMENTERIAN / JABATAN SERTA PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN AKTIVITI  
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI



LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2014 DAN AKTIVITI KEMENTERIAN /  
JABATAN SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN  
DAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI  
BAGI SIRI 3 TAHUN 2014



# **ISI KANDUNGAN**



**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2014**  
**PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
2	Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan	3 - 27
6	Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negara	28 - 33

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2014**  
**SENARAI KEMENTERIAN / JABATAN PERSEKUTUAN**

Perenggan	Kementerian / Jabatan	Muka Surat
	<b>JABATAN PERDANA MENTERI</b>	
2	- <b>Bahagian Pengurusan Hartanah</b> - Pengurusan Kwarters Kakitangan Awam	37 - 83
3	- <b>Jabatan Kemajuan Islam Malaysia</b> - Pengurusan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA)	84 - 92
	<b>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</b>	
4	- <b>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b> - Pengurusan Cukai Pegangan	93 - 102
5	- Pengurusan Percukaian Individu Berpendapatan Perniagaan (Fail OG)	103 - 120
6	- <b>Jabatan Kastam Diraja Malaysia</b> - Taksiran Duti Kenderaan Import Pasang Siap	121 - 128
	<b>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI</b>	
7	- Pengurusan Subsidi Beras ST15% dan S15%	129 - 144
	<b>KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH</b>	
8	- <b>Jabatan Kemajuan Orang Asli</b> - Program Pembangunan Sosial, Ekonomi Dan Bantuan Orang Asli	145 - 159

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
9	<b>KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir</li> </ul> </li> </ul>	160 - 175
10	<b>KEMENTERIAN KERJA RAYA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Jabatan Kerja Raya</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Kerja Awalan Melalui Kontrak Kerja</li> </ul> </li> </ul>	176 - 180
11	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Pejabat Kerajaan Di Putrajaya</li> </ul>	181 - 192
12	<b>KEMENTERIAN KERJA RAYA / KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Projek Menaik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor</li> </ul>	193 - 214
13	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pembinaan Ambulatory Care Center dan Hemodialisis, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan</li> </ul>	215 - 239
14	<b>KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Tabung Khas Pelancongan</li> </ul> </li> </ul>	240 - 249
15	<b>KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan Dana Bawah Bidang Ekonomi Utama Negara – Kandungan Dan Infrastruktur Komunikasi Projek Permulaan 1 – Memupuk Kandungan Kreatif Malaysia</li> </ul> </li> </ul>	250 - 261

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
	<b>KEMENTERIAN PERTAHANAN</b>	
16	- Projek Pembinaan Pusat Pengajian Pertahanan Nasioanal (PUSPAHANAS)	262 - 270
17	- Pembinaan Kem Batalion Infantri Tentera Darat, Batu Pahat	271 - 279
	<b>KEMENTERIAN DALAM NEGERI</b>	
18	- <b>Jabatan Penjara Malaysia</b> - Pengurusan Kuarters	280 - 290
19	- <b>Agensi Antidadah Kebangsaan</b> - Pengurusan Kuarters	291 - 306
	<b>KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA</b>	
20	- Pengurusan Projek-Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan	307 - 326
21	- Pengurusan Buku Teks	327 - 334
22	- Pengurusan Penyenggaraan Dan Pembaikan Infrastruktur Sekolah Di Negeri Sarawak	335 - 343

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2014**  
**PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Kementerian / Jabatan</b>	<b>Muka Surat</b>
23	Analisis Kewangan Dan Pemantauan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan	347 - 349
24	Pengurusan UDA Dayaurus Sdn. Bhd.	350 - 358

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2014**  
**PENGURUSAN AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

Perenggan	Badan Berkanun Persekutuan	Muka Surat
2	<b>Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam</b> - Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	361 - 389
3	<b>Pertubuhan Keselamatan Sosial</b> - Pengurusan Projek <i>ICT Core System</i>	390 - 414
4	<b>Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran</b> - Pengurusan Pinjaman	415 - 432
5	<b>Majlis Sukan Negara</b> - Pengurusan Pembinaan dan Penyenggaraan Kompleks Sukan	433 - 450
6	<b>Lembaga Minyak Sawit Malaysia</b> - Pengurusan Skim Tanaman Semula dan Tanaman Baru Sawit Pekebun Kecil	451 - 468

**MAKLUM BALAS BAGI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 3 TAHUN 2014  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN**

<b>Perenggan</b>	<b>Syarikat Subsidiari Badan Berkanun Persekutuan</b>	<b>Muka Surat</b>
11	<b>Universiti Kebangsaan Malaysia</b> - Pengurusan Syarikat UKM Tech Sdn. Bhd.	471 - 483



**(PENYATA KEWANGAN DAN PENGURUSAN  
KEWANGAN)**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN KEWANGAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014**

**Perenggan 2 : Prestasi Kewangan Secara Menyeluruh**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.1.3.1	<p><b>Perbelanjaan Mengurus</b></p> <p>Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan tanggungan (Vot T) dan bekalan (Vot B). Pada tahun 2014, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2014 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM217.651 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumlah RM6.605 bilion yang terdiri daripada peruntukan tambahan pertama berjumlah RM4.612 bilion yang diluluskan oleh Parlimen pada 15 Ogos 2014 serta peruntukan khas dan pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka yang berjumlah RM1.993 bilion. Selain itu, Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan waran penyekatan peruntukan berjumlah RM2.175 bilion. Dengan ini, peruntukan muktamad bagi tahun 2014 adalah berjumlah RM222.081 bilion. Manakala perbelanjaan mengurus pada tahun 2014 adalah berjumlah RM219.589 bilion (98.9%) daripada jumlah yang diperuntukkan.</p>	<p>Prestasi perbelanjaan mengurus pada tahun 2014 adalah masih berada dalam tahap varian yang dipersetujui iaitu pada tahap 5% daripada jumlah perbelanjaan. Prestasi ini didorong oleh 11 langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemat yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada Januari 2014. Secara perbandingan, prestasi perbelanjaan mengurus tahun 2014 adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan prestasi tahun 2011 (102.6%) dan 2012 (103.4%) tetapi mencatatkan sedikit peningkatan jika dibanding dengan prestasi tahun 2013 (97.5%).</p>
2.1.3.2	<p>Perbelanjaan mengurus tahun 2014 meliputi pemberian dan kenaikan bayaran tetap berjumlah RM115.097 bilion; emolumen berjumlah RM66.947 bilion; perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM34.259 bilion; aset berjumlah RM1.802 bilion dan perbelanjaan lain berjumlah RM1.484 bilion. Perbelanjaan bagi pemberian dan kenaikan bayaran tetap merupakan perbelanjaan terbesar Kerajaan Persekutuan dan ia menunjukkan trend peningkatan setiap tahun.</p>	<p>Prestasi perbelanjaan bagi pemberian dan kenaikan bayaran tetap menunjukkan trend peningkatan disebabkan berlakunya peningkatan berterusan perbelanjaan Tanggungan khususnya melibatkan pemberian kepada negeri di bawah Maksud T.12 – Perbendaharaan (meningkat RM310.8 juta), pembayaran khidmat hutang di bawah Maksud T.13 – Perbelanjaan Kerana Hutang Negara (meningkat RM1.812 bilion) dan peningkatan pembayaran pencen di bawah Maksud T.14 – Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran (meningkat RM3.208 bilion).</p>
2.1.3.3	<p>Analisis Audit selanjutnya terhadap perbelanjaan mengurus mendapati 4 Kementerian/Jabatan iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Luar Negeri telah berbelanja melebihi peruntukan yang diluluskan. Jabatan Perkhidmatan Awam memaklumkan bahawa perbelanjaan melebihi peruntukan berlaku disebabkan tiada peruntukan awal disediakan bagi pembayaran Bantuan Khas Kewangan kepada pesara. Manakala Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pembayaran adalah untuk emolumen. Kementerian Luar Negeri pula memaklumkan bahawa perbelanjaan melebihi peruntukan berlaku disebabkan faktor luar jangka yang tidak dapat dielakkan antaranya peningkatan kos</p>	<p>Perbelanjaan melebihi peruntukan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Luar Negeri telah diselaraskan melalui Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015 yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 17 Jun 2015. Perbelanjaan ini berlaku disebabkan oleh faktor luar jangka serta pelaksanaan dasar baharu oleh Kerajaan seperti bayaran Bantuan Khas Kewangan kepada pesara, pengisian perjawatan guru dan pegawai perubatan serta pelanjutan operasi <i>Search and Rescue</i> MH370.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sewaan bangunan pejabat Perwakilan dan kediaman, yuran sekolah dan bil utiliti. Faktor lain adalah kejatuhan nilai matawang ringgit, penganjuran program dan aktiviti di luar negeri serta lawatan rasmi bagi operasi <i>Search and Rescue</i> MH370 dan MH17. Pada 17 Jun 2015, Parlimen telah meluluskan peruntukan tambahan bagi menampung perbelanjaan melebihi peruntukan tersebut.</p>	
<p><b>2.1.3.4</b></p>	<p>Selain itu, semakan Audit mendapati 7 Kementerian/Jabatan telah memohon membuat viremen berjumlah RM41.58 juta untuk menampung perbelanjaan bagi 19 aktiviti. Bagaimanapun, viremen yang diluluskan itu tidak dibelanjakan malah peruntukan asal selepas ditolak kurangan (waran sekatan) masih mempunyai baki. Adalah juga didapati Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah membuat viremen berjumlah RM23.05 juta tetapi peruntukan asal dan viremen tersebut tidak dibelanjakan. Perkara ini berlaku disebabkan perbelanjaan bagi program/aktiviti berkenaan yang bersifat perbelanjaan modal telah diselaraskan sebagai perbelanjaan pembangunan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 20 Mac 2015 Hingga 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian/Jabatan memaklumkan viremen tidak dibelanjakan kerana langkah penjimatan, pembekal lewat menghantar bekalan, tuntutan lewat diterima, kerja lewat disiapkan, ketiadaan tempoh Akaun Kena Bayar, waran peruntukan tambahan lewat diterima serta peruntukan tidak dibelanjakan di peringkat negeri. Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan bahawa perbincangan telah diadakan dengan Kementerian/ Jabatan terlibat.</i></p>	<p>Perbendaharaan melalui Pemberitahuan Undang-undang P.U.(B) 261 bertarikh 12 Jun 2008 telah menurunkan sebahagian kuasa untuk melaksanakan pindah peruntukan kepada Pegawai Pengawal Kementerian/jabatan selaras dengan prinsip <i>Let Managers Manage</i>. Penurunan kuasa ini diperjelaskan lebih lanjut di dalam 1PP PB 2.6.</p> <p>Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, Perbendaharaan telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian/ Jabatan terlibat.</p>
<p><b>2.1.5.2.a</b></p>	<p><b>Perbelanjaan Pembangunan</b></p> <p>Analisis Audit terhadap perbelanjaan pembangunan tahun 2014 bagi 25 Kementerian/Jabatan Persekutuan mendapati ada kelemahan dalam pengurusan peruntukan pembangunan iaitu peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% dan pindah peruntukan tidak dibelanjakan. Bagaimanapun, jumlah peruntukan tidak dibelanjakan telah berkurangan berbanding dengan tahun 2013.</p> <p>Sejumlah RM44.70 juta yang diluluskan pada tahun 2014 bagi membiayai 15 projek di 7 Kementerian/Jabatan telah dibelanjakan kurang daripada 50%.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Semakan Audit mendapati hanya RM13.32 juta (29.8%) daripada peruntukan yang diluluskan telah dibelanjakan menjadikan sejumlah RM31.38 juta tidak dibelanjakan. Perkara ini berlaku antara lainya berpunca daripada kelewatan pelaksanaan projek, tiada kelulusan penyelarasan akhir harga projek atau bayaran kurang daripada anggaran keperluan semasa.	
2.1.5.2.b	<p>Adalah didapati 6 Kementerian telah membuat pindah peruntukan berjumlah RM9.48 juta bagi membiayai 9 projek. Bagaimanapun, pindah peruntukan tersebut tidak dibelanjakan malah perbelanjaan sebenar bagi projek berkenaan adalah kurang daripada peruntukan asal.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 10 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian/Jabatan memaklumkan pindah peruntukan tidak dibelanjakan kerana tuntutan pembayaran oleh kontraktor adalah kurang daripada peruntukan.</i></p>	
2.1.6.3.a	<p><b>Kutipan Balik Wang Pendahuluan Kepada Kontraktor</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 4/2013 menyatakan bahawa Kementerian/Jabatan dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak bagi memastikan semua pendahuluan kepada kontraktor dapat dikutip balik selewat-lewatnya semasa kerja siap pada tahap 75%. Sekiranya pihak kontraktor gagal melaksanakan projek, bayaran wang pendahuluan yang belum dikutip balik hendaklah dituntut daripada bank/syarikat kewangan/insurans/takaful yang mengeluarkan jaminan bagi maksud tersebut. Baki wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum diimbuh/dikutip balik walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75% pada akhir tahun 2014 meningkat sejumlah RM34.88 juta berbanding akhir tahun 2013. Kedudukan baki wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum dikutip balik walaupun kemajuan kerja telah mencapai 75% atau projek terbengkalai/ditamatkan pada akhir tahun 2010 hingga 2014.</p>	
2.1.6.3.b	<p>Pada akhir tahun 2014, sebanyak 5 Kementerian masih belum mengutip balik baki bayaran pendahuluan berjumlah RM198.63 juta daripada 50 syarikat walaupun projek telah ditamatkan/terbengkalai atau kemajuan kerja telah melebihi 75%.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.1.6.3.c	<p>Wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum dikutip balik bagi projek Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah ditamatkan/terbengkalai/siap melebihi 75% menunjukkan peningkatan yang ketara (&gt;100%) iaitu peningkatan sejumlah RM54.16 juta berbanding dengan tahun 2013 manakala Kementerian Pengangkutan menunjukkan penurunan sejumlah RM19.84 juta (22.9%) kepada RM66.89 juta. Wang pendahuluan kepada kontraktor yang belum dikutip balik bagi Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri pula tidak menunjukkan perubahan dari tahun 2012 sehingga 2014.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 30 Mac 2015 Hingga 8 Mei 2015</b></p> <p><i>Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan bahawa bagi sebahagian kes, tindakan sedang diambil untuk merampas Wang Jaminan Pelaksanaan manakala bagi sebahagian kes yang lain, Kementerian akan mengambil kira amaun ini dalam Akaun Penamatan oleh Juru Perunding. Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri pula memaklumkan bahawa kes tersebut masih dalam tindakan mahkamah atau dalam proses timbang tara. Manakala Kementerian Kerja Raya memaklumkan bahawa sebahagian kes masih dalam proses tindakan mahkamah dan bagi kes yang telah selesai di peringkat mahkamah, tuntutan akan dibuat daripada kontraktor. Kementerian Kerja Raya juga akan mengambil tindakan merampas Wang Jaminan Pelaksanaan atau menghapus kira sebahagian pendahuluan kepada kontraktor yang tidak dapat dikutip balik bagi kes kontraktor yang telah mufliis. Kementerian Pengangkutan pula memaklumkan bagi projek yang masih belum dibayar sepenuhnya, pendahuluan kepada kontraktor akan dikutip balik semasa bayaran kemajuan atau diambil kira dalam penutupan akaun.</i></p>	
2.1.7.1	<p><b>Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 59</b></p> <p>Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP 59) hanya boleh dilakukan dengan kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia atas pengesahan pihak Kementerian/Jabatan bahawa perkhidmatan atau barang yang dipesan dan dibekalkan dengan suci hati kepada Kerajaan telah diterima dengan sempurna. Pembayaran ini akan dipertanggungjawabkan kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) Kod 853207 sementara menunggu siasatan dijalankan oleh Kementerian/Jabatan. Pada tahun 2014, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan 50 permohonan pendahuluan diri berjumlah RM19.65 juta kepada 11 Kementerian/Jabatan bagi pembayaran di bawah AP 59. Adalah diperhatikan pendahuluan diri bagi pembayaran di</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bawah AP 59 yang diluluskan pada tahun 2014 telah berkurangan sejumlah RM1.62 juta (7.6%) berbanding dengan tahun 2013 yang berjumlah RM21.27 juta.</p>	
<p><b>2.1.7.2</b></p>	<p>Sehingga akhir tahun 2014, baki pendahuluan yang belum diselaraskan adalah berjumlah RM25.19 juta melibatkan 14 Kementerian/ Jabatan. Baki yang belum diselaraskan pada tahun 2014 telah meningkat sejumlah RM0.69 juta berbanding dengan tahun 2013. Tempoh pendahuluan diri paling lama tidak diselaraskan adalah selama 15 tahun iaitu kes pendahuluan diri yang diluluskan pada tahun 1999.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 1 Jun 2015 Hingga 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian/Jabatan memaklumkan sebahagian pembayaran di bawah AP 59 telah/sedang diselaraskan dan sebahagian sedang menunggu keputusan pelarasan daripada Perbendaharaan Malaysia.</i></p>	
<p><b>2.1.7.4</b></p>	<p>Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.2/2013 menetapkan pembayaran di bawah AP 59 kepada kontraktor/pembekal hendaklah dibuat dengan serta-merta tidak lewat 14 hari daripada tarikh kelulusan pendahuluan diri diterima daripada Perbendaharaan Malaysia. Semakan Audit terhadap 137 sampel pembayaran di bawah AP 59 mendapati 114 (83.2%) daripadanya yang berjumlah RM12.86 juta melibatkan 9 Kementerian/Jabatan telah dibayar melebihi tempoh 14 hari. Tempoh kelewatan bayaran adalah antara 5 hingga 104 hari.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Antara 5 Jun 2015 Hingga 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian/Jabatan memaklumkan bahawa pembayaran di bawah AP 59 melebihi 14 hari antaranya disebabkan proses penyediaan dokumen bayaran kepada pelbagai pembekal mengambil masa yang lama. Kementerian Kewangan Malaysia pula memaklumkan bahawa peringatan telah diberi kepada Kementerian/Jabatan supaya pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.1.7.5.a	<p>Selaras dengan AP 59, Pegawai Pengawal adalah dikehendaki mengemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia laporan siasatan lengkap dengan menghuraikan bagaimana penyimpangan peraturan biasa boleh berlaku dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pendahuluan diluluskan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:</p> <p>15 daripada 37 laporan siasatan lewat dikemukakan antara 13 hingga 382 hari.</p>	
2.1.7.5.b	<p>19 laporan siasatan yang sepatutnya dikemukakan pada tahun 2014 masih belum dikemukakan kepada Perbendaharaan Malaysia sehingga tarikh pengauditan iaitu pada 4 Mac 2015. Kelewatan mengemukakan laporan siasatan sehingga 4 Mac 2015 bagi 19 kes tersebut adalah antara 197 hingga 390 hari.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 5 Jun 2015 Hingga 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian/Jabatan memaklumkan laporan siasatan lewat dikemukakan kerana proses siasatan mengambil masa yang lama.</i></p>	
2.2.1.1	<p><b>Akaun Belum Terima</b></p> <p>Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Secara keseluruhannya ABT Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.765 bilion (3.5%) iaitu daripada RM21.810 bilion pada tahun 2013 kepada RM22.575 bilion pada tahun 2014. Peningkatan ABT sebahagian besarnya disumbangkan oleh peningkatan ABT Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Perbendaharaan Malaysia. ABT JKDM meningkat sejumlah RM142.48 juta (9.7%) pada tahun 2014 berbanding tahun 2013 hasil keberkesanan penguatkuasaan yang dijalankan oleh JKDM. Manakala peningkatan ABT di Perbendaharaan Malaysia pula disebabkan peningkatan tunggakan bayaran balik pinjaman. Selain itu, selaras dengan perakaunan akruan yang akan dilaksanakan, Kementerian/Jabatan juga telah mengambil langkah untuk mengenal pasti ABT baharu.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.2.1.2	Perbendaharaan Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), JKDM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) masih kekal sebagai Kementerian/Jabatan yang mempunyai ABT tertinggi bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014.	
2.2.1.3	Akaun Belum Terima yang dihapus kira pada tahun 2014 adalah berjumlah RM0.512 bilion iaitu penurunan sejumlah RM1.343 bilion berbanding tahun 2013. Akaun Belum Terima yang berusia melebihi 6 tahun berkurangan sejumlah RM0.978 bilion pada tahun 2014 berbanding dengan tahun 2013 disebabkan sebahagiannya telah dihapus kira.	
2.2.1.4	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati 50% daripada ABT bersih bagi 3 Kementerian pada akhir tahun 2014 telah berusia melebihi tempoh 6 tahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, usaha mengutip balik ABT perlu diteruskan dengan lebih proaktif terutama tunggakan ABT yang tertakluk kepada Akta Had Masa 1953 bagi mengelakkan hapus kira ABT. Hapus kira ABT merupakan suatu kerugian kepada Kerajaan.</p>	
2.2.2.1	<p><b>Mendapatkan Bayaran Balik Pinjaman Yang Tertunggak</b></p> <p>Kerajaan Persekutuan adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan pinjaman daripada sumber dalam dan luar negeri. Pinjaman yang diperolehi ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat Kerajaan dan Bukan Kerajaan, Perseorangan serta Pelbagai Agensi untuk membiayai pelbagai tujuan. Baki pinjaman belum selesai pada akhir tahun 2013 berjumlah RM92,547,188,214 dinyatakan semula kepada RM92,444,600,374 untuk mengambil kira pelarasan pertukaran mata wang asing kepada Ringgit Malaysia.</p>	
2.2.2.2	Semakan Audit terhadap pinjaman oleh Kerajaan Negeri, Syarikat, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Pelbagai Agensi, Perbadanan Kemajuan Negeri dan Koperasi mendapati 526 (49%) daripada 1,074 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 34 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2014 meningkat sejumlah RM0.794 bilion (9.3%) menjadi RM9.366 bilion berbanding dengan RM8.572 bilion pada akhir tahun 2013. Tunggakan bayaran balik pinjaman syarikat adalah tidak termasuk tunggakan pinjaman Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. berjumlah RM1.426 bilion	MOF sentiasa berusaha untuk meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman bagi mengurangkan tunggakan. Antaranya mengadakan perjumpaan dengan peminjam bagi membincangkan mengenai penyelesaian tunggakan bayaran balik pinjaman. Bagi pinjaman baru, MOF akan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman dan memastikan kutipan bayaran balik dilaksanakan mengikut jadual.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>di mana Kerajaan telah memutuskan untuk menyediakan peruntukan hapus kira berjumlah RM100 juta setiap tahun 2011 dan dijangka selesai pada tahun 2027.</p>	
<p><b>2.2.2.3</b></p>	<p>Peningkatan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman ini antaranya adalah disebabkan oleh peminjam membuat bayaran balik kurang daripada amaun anuiti tahun 2014. Walaupun pada tahun 2014 terdapat peminjam yang membayar anuiti tertunggak tahun sebelumnya, pinjaman yang dihapus kira dan penjadualan semula pinjaman, namun jumlah tersebut adalah kurang berbanding anuiti yang sepatutnya dijelaskan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan kutipan bayaran balik pinjaman bagi mengurangkan tunggakan antaranya mengadakan perjumpaan dengan peminjam. Bagi pinjaman baru, Kementerian Kewangan Malaysia akan mengenakan syarat pinjaman yang lebih ketat seperti penyediaan sekuriti atas pinjaman bagi memastikan bayaran balik dilaksanakan mengikut jadual.</i></p>	<p>Projek pembedungan telah diluluskan untuk dihapus kira pada 17 Januari 2013. Walau bagaimanapun, hapus kira tersebut hanya akan diselaraskan setelah tanah tapak dan sistem pembedungan DBKL diwartakan kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Oleh yang demikian, pinjaman bagi projek pembedungan tidak akan dibayar dan akan kekal sebagai tunggakan sehingga proses pewartaan selesai.</p> <p>Kebanyakan pinjaman Kerajaan Negeri yang tidak dibuat bayaran balik adalah melibatkan projek bekalan air. Masalah tunggakan bayaran balik pinjaman bagi projek bekalan air dijangka akan dapat diatasi setelah projek-projek yang berkaitan siap dan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) secara berperingkat mengikut negeri.</p> <p>Antara sebab peningkatan tunggakan adalah disebabkan oleh anuiti 2015 bagi projek bekalan air tidak dibayar oleh Kerajaan Negeri.</p>
<p><b>2.2.2.a</b></p>	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Syarikat</b></p> <p>Pada 31 Disember 2014, sebanyak 50 (45%) daripada 111 pinjaman yang disalurkan kepada 34 syarikat kerajaan/bukan kerajaan mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 10 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM3.591 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM0.482 bilion (15.5%) berbanding RM3.109 bilion pada akhir tahun 2013. Bayaran balik pinjaman berjumlah RM599.16 juta adalah termasuk pelarasan terhadap perkara-perkara berikut:-</p> <p>i. Bayaran balik faedah selepas tamat tempoh bayaran balik pinjaman berjumlah RM5.51 juta bagi pinjaman UDA Holdings Berhad.</p>	<p>Kebanyakan pinjaman kepada syarikat sedang dalam proses penjadualan semula. Selagi perjanjian penjadualan semula belum dimuktamadkan, tunggakan pinjaman tidak akan berkurangan.</p> <p><b>UDA Holdings Berhad (UDA)</b></p> <p>YBMK II pada 20 Mei 2015 telah meluluskan penstrukturan semula ke atas baki belum selesai pinjaman sehingga 30 September 2014 berjumlah RM304,444,104.62. Surat Tawaran Penstrukturan Semula Pinjaman bertarikh 10 Jun 2015 telah dikeluarkan kepada UDA dengan terma dan syarat baru seperti berikut:</p> <p>(i) Faedah : 4% setahun</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ii. <i>Prepayment</i> anuiti tahun 2015 hingga 2016 bagi pinjaman Sabah Electricity Sdn. Bhd. berjumlah RM3.91 juta.</p> <p>iii. Penyelesaian penuh pinjaman tahun 2015 hingga 2017 berjumlah RM42.69 juta bagi pinjaman Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.</p> <p>Selain daripada bayaran balik anuiti tahun 2014, pengiraan tunggakan adalah mengambil kira perkara berikut:</p> <p>i. Tunggakan faedah lewat bayar (default interest) tahun 2014 bagi pinjaman Cyberview Sdn. Bhd., Malaysia Venture Capital Management Berhad, JKP Sdn. Bhd., Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd., Perwaja Steel Sdn. Bhd., Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Equal Concept Sdn. Bhd., Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB), Airport Limo (M) Sdn. Bhd., SME Ordnance Sdn. Bhd., M.Y. Ikan Sdn. Bhd. dan Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.</p>	<p>(ii) Faedah Lewat : 8%</p> <p>(iii) Tempoh Bayar Balik : 51 bulan (1 Oktober 2014 – 31 Disember 2018) dibayar secara suku tahunan.</p> <p>(iv) UDA hendaklah mengemukakan 3 keping cek tertunda dengan jumlah keseluruhan RM20,786,477.04 sebagai pendahuluan/komitmen bayaran balik ansuran pinjaman yang akan matang bagi tahun 2015.</p> <p>(v) Bayaran berjumlah RM13,614,802.87 yang telah diterima daripada UDA pada 31 Disember 2014 dan 31 Mac 2015 dianggap sebagai memenuhi bayaran ansuran Disember 2014 dan Mac 2015 di bawah penstrukturan semula pinjaman ini.</p> <p>UDA telah bersetuju dengan segala terma dan syarat penstrukturan semula pinjaman sepertimana surat tawaran Kementerian Kewangan dan sedang menyediakan dokumen perjanjian untuk dimeterai. UDA telah mengemukakan deraf pertama perjanjian pada 3 November 2015 untuk semakan Kementerian.</p> <p><b>Sabah Electricity Sdn Bhd</b></p> <p>Jadual Bayaran Balik yang baru mengambil kira Prepayment anuiti tersebut telah dikemukakan kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB). Perkara in telah selesai.</p> <p><b>Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.</b></p> <p>Pinjaman telah diselesaikan sepenuhnya.</p> <p><b>Cyberview Sdn. Bhd. (Cyberview)</b></p> <p>Rundingan penstrukturan semula pinjaman masih berjalan. MOF masih meneliti ke atas cadangan balas terma dan syarat pinjaman baru daripada Cyberview melalui surat bertarikh 27 Mei 2015. Penyediaan kertas pertimbangan akan disediakan untuk kelulusan YBMK II selepas kedua-dua pihak bersetuju dengan terma dan syarat penstrukturan semula pinjaman tersebut.</p> <p>Cyberview telah mengemukakan cadangan penstrukturan semula baharu kepada Kementerian pada 14 Julai 2015, di mana keseluruhan baki belum selesai Pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Cyberview berjumlah RM557,198,348.88 setakat 30 September 2015 dicadangkan untuk di off-set dengan Hospital Cyberjaya yang akan dibina oleh Cyberview. Kos keseluruhan pembangunan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Hospital Cyberjaya yang dianggarkan berjumlah RM515.1 juta dijangka mula dilaksanakan pada tahun 2016 dan siap pada tahun 2022. Kementerian sedang meneliti cadangan ini dan rundingan terma dan syarat masih diadakan dengan Cyberview.</p> <p><b>Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP)</b></p> <p>MAVCAP telah memohon cadangan penepian pinjaman/penukaran pinjaman kepada ekuiti. Perbincangan bersama MAVCAP telah diadakan pada 6 Apr 2015 berkenaan permohonan tersebut. MOF telah memaklumkan MAVCAP bahawa sebarang penukaran pinjaman kepada ekuiti adalah tidak dibenarkan.</p> <p>Sehubungan itu, MAVCAP telah mengemukakan surat cadangan penyelesaian pinjaman tertunggak pada 6 Okt 2015 dengan sebahagian tunggakan akan dibayar oleh MAVCAP dan pengecualian faedah lewat. Sehingga 31 Okt 2015, MAVCAP telah mengemukakan bayaran balik sebanyak RM17.43 juta.</p> <p>Penyediaan kertas pertimbangan akan disediakan untuk kelulusan YBMK II bagi cadangan penyelesaian pinjaman tersebut.</p> <p><b>JKP Sdn. Bhd. (JKP)</b></p> <p>MOF telah memberikan persetujuan untuk JKP menstruktur semula pinjaman sebanyak RM2.7 juta sahaja dan menuntut baki pinjaman pokok berjumlah RM12.30 juta berserta faedah pelaburan dipulangkan semula kepada Kerajaan Malaysia melalui surat bertarikh 27 Mac 2015 dan 11 Mei 2015. Walau bagaimanapun, JKP telah mengemukakan surat rayuan kepada YAB Perdana Menteri dan surat disalinkan kepada MOF berhubung permohonan syarikat untuk menggunakan keseluruhan pinjaman sebanyak RM15 juta bagi melaksanakan projek perumahan mampu milik di Pulau Pinang.</p> <p>JKP melalui Bahagian Penyelaras Penyeretaan Bumiputera, Jabatan Perdana Menteri membuat permohonan yang sama kepada YAB Perdana Menteri bertarikh 11 Ogos 2015 untuk menggunakan baki pinjaman Kerajaan sebanyak RM12.3 juta serta faedah atas simpanan bertujuan membiayai kos pembelian tanah. Kementerian masih meneliti permohonan ini dengan keputusan awal untuk mengemukakan surat persetujuan pertimbangan bersyarat kepada JKP.</p> <p><b>Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd. (MTDC)</b></p> <p>MOF telah meluluskan penyelesaian penuh bagi Pinjaman Bukan ICT 1 dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>menghapus kira segala faedah lewat. Kelulusan bagi penjadualan semula Pinjaman Bukan ICT 3 dengan pelanjutan tempuh pinjaman daripada 10 tahun kepada 11 tahun. Pembekuan ke atas Akaun Pinjaman Khas (SLA) ditarik balik bagi tujuan pelaburan.</p> <p>Draf perjanjian penjadualan semula Pinjaman Bukan ICT 3 masih -dalam semakan dan penelitian.</p> <p><b>Perwaja Steel Sdn. Bhd. (PSSB) / Equal Concept Sdn. Bhd. (ECSB)</b></p> <p>PSSB telah mengemukakan cadangan penstrukturan semula hutangnya (termasuk hutang ECSB) pada 6 Februari 2015 dan cadangan tersebut didapati tidak memihak kepada Kerajaan. MOF telah menolak cadangan penstrukturan hutang tersebut melalui surat bertarikh 17 April 2015 dan meminta PSSB mengemukakan cadangan baharu yang lebih adil kepada Kerajaan. Sehingga kini, MOF masih belum menerima sebarang cadangan dari PSSB.</p> <p>Perwaja akhirnya membuat pembetulan Skim Penyusunan Semula Hutang kepada Kementerian Kewangan (SID) pada 7 Ogos 2015. Perwaja telah mengemukakan Skim Penyusunan Semula Hutang yang baharu mengambil kira cadangan penambahbaikan oleh SID. Surat maklum balas mengenai perkara ini telah dihantar kepada Perwaja pada 6 Oktober 2015 kepada Perwaja.</p> <p><b>Perbadanan Usahawan Nasional Berhad</b></p> <p>PUNB telah membuat bayaran balik pinjaman pada 24 Februari 2015 berjumlah RM31.46 juta. Penjadualan semula pinjaman kepada PUNB diluluskan di mana tempuh bayaran balik dilanjutkan daripada 10 tahun kepada 12 tahun dan segala faedah lewat ta'wid serta gantirugi bagi nilai masa wang (time value of money) kepada Kerajaan dipermodalkan.</p> <p>Draf perjanjian penjadualan semula pinjaman PUNB dalam semakan dan penelitian.</p> <p><b>Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)</b></p> <p>KTMB telah memohon penstrukturan semula pinjaman. MOF telah menganalisa unjuran aliran tunai yang telah dikemukakan oleh KTMB pada 24 Mac 2015. Bagaimanapun, melalui perbincangan bersama KTMB pada bulan April 2015, KTMB perlu mengemukakan unjuran aliran tunai yang lebih komprehensif dan terperinci bagi penilaian MOF.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>KTMB telah mengemukakan unjuran aliran tunai berkenaan dan penyediaan kertas pertimbangan akan diangkat untuk kelulusan YBMK II.</p> <p><b>Airport Limo (M) Sdn. Bhd. (ALM)</b></p> <p>Sehingga 12 Mei 2015, ALM telah membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM400 ribu melalui 4 keping cek (masing-masing berjumlah RM100 ribu). MOF sedang menyediakan kertas pertimbangan cadangan semakan audit ke atas ALM oleh Jabatan Audit Negara sebelum memuktamadkan cadangan penstrukturan semula pinjaman ALM.</p> <p>Satu surat makluman bertarikh 13 Julai 2015 telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara (JAN) bagi tujuan semakan audit ke atas ALM. JAN telah maklumkan melalui surat bertarikh 28 Ogos 2015 atas kekangan sumber manusia bagi tugas pengauditan (due diligence), JAN memberi saranan supaya Bhgn Audit Dalam Perbendaharaan (ADP) melaksanakannya. Memo dari ADP memaklumkan bahawa ADP tidak mempunyai mandat bagi pengauditan ke atas ALM. Berdasarkan peruntukan kuasa bawah Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013, hanya Jabatan Audit Negara (JAN) boleh mengaudit Syarikat Kerajaan.</p> <p>Jabatan Audit Negara tidak dapat menjalankan pengauditan berkaitan atas faktor kebebasan juruaudit (objektif, skop dan metodologi yang ditentukan oleh JAN) dan kekangan sumber (masa dan personnel). Perbincangan dan permohonan kepada JAN akan dikemuka semula supaya semakan audit ke atas ALM akan dilaksanakan mengikut takwim dan keperluan JAN.</p> <p><b>SME Ordnance Sdn. Bhd. (SME Ordnance)</b></p> <p>Perbendaharaan telah menghantar beberapa Notis Peringatan kepada National Aerospace &amp; Defence Industries (NADI) iaitu syarikat induk kepada SMEO serta mengemukakan Notice of Demand bertarikh 8 Mei 2014 dan Notice of Termination bertarikh 11 Disember 2014 kepada SMEO untuk menuntut amaun pinjaman yang belum selesai. Walau bagaimanapun, Perbendaharaan tidak menerima sebarang bayaran atau kertas cadangan penyelesaian daripada peminjam setakat ini. Oleh yang demikian, Perbendaharaan sedang dalam proses untuk mengambil tindakan undang-undang kepada Peminjam bagi menuntut jumlah keseluruhan baki pinjaman.</p> <p><b>M.Y. Ikan Sdn. Bhd. (M.Y. Ikan)</b></p> <p>Notice of Demand kepada MY Ikan telah dikemukakan pada 8 Disember 2014 dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ii. Tunggakan faedah lewat bayar (default interest) dari tahun 2012 bagi pinjaman National Feedlot Corporation (NFC) Sdn. Bhd. berjumlah RM0.34 juta.</p> <p>iii. Pelarasan mata wang asing kepada Ringgit Malaysia berjumlah RM7.98 juta dan pelarasan bayaran balik tunggakan pinjaman tahun 2013 berjumlah RM109.30 juta bagi pinjaman Malaysian Debt Ventures</p>	<p>tiada maklumbalas diterima. MOF sedang menyediakan Notice of Termination perjanjian kemudahan pinjaman Kerajaan serta menuntut keseluruhan baki belum selesai pinjaman. Sekiranya peminjam gagal menyelesaikan bayaran selepas tempoh yang diberikan, MOF akan meneruskan dengan tindakan undang-undang.</p> <p>Sehingga kini tiada sebarang maklum balas diterima daripada MY Ikan terhadap Notis Penamatan Perjanjian yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan. Sehubungan itu, memo pertimbangan dan kelulusan YB Menteri Kewangan II sedang dirangka untuk memohon mengambil tindakan undang-undang ke atas MY Ikan.</p> <p><b>Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDEC)</b></p> <p>MOF telah mempertimbangkan sebahagian pinjaman MDEC dihapuskan dan baki selebihnya dibuat penstrukturan semula melalui surat bertarikh 11 Februari 2015. Sehubungan itu, MDEC telah diminta untuk mengemukakan cadangan bayaran balik sebahagian baki pinjaman tersebut kepada MOF untuk kelulusan pihak atasan. Sehingga kini, tiada maklum balas diterima daripada MDEC.</p> <p>MDeC melalui surat bertarikh 4 Ogos 2015 memohon daripada Kementerian Kewangan supaya bayaran yang telah dibuat sebanyak RM13 juta pada 19 Ogos 2013 diambilkira sebagai pembayaran prepayment digunakan untuk bayaran balik ansuran dari tahun 2013 hingga 2017.</p> <p>Melalui surat kepada MDeC bertarikh 14 Ogos 2015, Kementerian Kewangan menyatakan bahawa tiada halangan dengan cadangan MDeC tersebut. Sehubungan itu juga, faedah lewat ke atas jumlah tunggakan sehingga 31 Julai 2015 tidak dikenakan. Kementerian Kewangan turut mengemukakan revised Jadual Bayaran Balik Pinjaman, di mana ansuran berikutnya akan matang pada 23 Disember 2017. Kementerian Kewangan juga mengambil perhatian MDeC bahawa cadangan Kementerian Kewangan seperti surat rujukan KK/SID/E/(S)/680/1/1 bertarikh 11 Februari 2015 adalah terbatal.</p> <p><b>National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. (NFC)</b></p> <p>MOF sedang dalam pertimbangan untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas NFC.</p> <p><b>Malaysian Debt Ventures Berhad (MDV)</b></p> <p>Tiada tunggakan pinjaman.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Berhad (MDV).</p> <p>iv. Hapus kira faedah tertunggak dan faedah lewat bayar (default interest) dari tahun 2010 hingga 2011 berjumlah RM3.79 juta dan pelarasan faedah tertunggak tahun 2014 berjumlah RM2.94 juta bagi pinjaman Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd.</p> <p>v. Pelarasan penjadualan semula jadual bayaran balik bagi pinjaman Agro Qas Sdn. Bhd. berjumlah RM3.60 juta.</p> <p>vi. Tunggakan anuiti tahun 2013 bagi pinjaman M.Y. Ikan Sdn. Bhd. berjumlah RM1.89 juta.</p> <p>vii. Penjadualan semula jadual bayaran balik bagi pinjaman Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. berjumlah RM20.80 juta.</p>	<p><b>Lebuhraya Shapadu Sdn. Bhd. (LSSB)</b></p> <p>MOF dijangka akan menerima bayaran akhir hasil pelikuidasian LSSB selepas akaun syarikat disempurnakan oleh likuidator yang dijangka pada Jun 2015.</p> <p>Proses penyempurnaan pelikuidasi masih berjalan.</p> <p><b>Agro Qas Sdn. Bhd. (Agro Qas)</b></p> <p>Agro Qas telah memutuskan untuk menjual tanah dan fasiliti projek bagi menyelesaikan jumlah pinjamannya. Rundingan jual beli tanah telah dibuat namun belum dimuktamadkan. Surat peringatan kepada Agro Qas bertarikh 5 Mac 2015 telah dikeluarkan mengarahkan peminjam untuk menyetujui penjualan tanah cagaran tersebut. MOF akan mengambil tindakan lelongan tanah cagaran sekiranya peminjam gagal menjual tanah tersebut selewat-lewatnya pada 31 Disember 2015.</p> <p>Bahagian Pelaburan Strategik, Kementerian Kewangan sedang menyediakan kertas pertimbangan dan kelulusan YB Menteri Kewangan II untuk mengambil tindakan undang-undang (lelongan) ke atas Agro Qas. Kelulusan dijangka diperoleh pada Disember 2015.</p> <p><b>M.Y. Ikan Sdn. Bhd. (M.Y. Ikan)</b></p> <p>Notice of Demand kepada MY Ikan telah dikemukakan pada 8 Disember 2014 dan tiada maklumbalas diterima. MOF sedang menyediakan Notice of Termination perjanjian kemudahan pinjaman Kerajaan serta menuntut keseluruhan baki belum selesai pinjaman. Sekiranya peminjam gagal menyelesaikan bayaran selepas tempoh yang diberikan, MOF akan meneruskan dengan tindakan undang-undang.</p> <p>Sehingga kini tiada sebarang maklum balas diterima daripada MY Ikan terhadap Notis Penamatan Perjanjian yang dikemukakan oleh Kementerian Kewangan. Sehubungan itu, memo pertimbangan dan kelulusan YB Menteri Kewangan II sedang dirangka untuk memohon mengambil tindakan undang-undang ke atas MY Ikan.</p> <p><b>Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.</b></p> <p>Pinjaman KMP telah dijadualkan semula. Setakat 31 Mei 2015, tiada tunggakan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia telah/akan membuat penjadualan/penstrukturan semula pinjaman bagi 10 syarikat manakala penyelesaian baki akan dibuat secara share swap bagi satu syarikat, lelongan harta bagi 3 syarikat dan hapus kira sebahagian pinjaman bagi satu syarikat. Kementerian Kewangan Malaysia juga akan mengambil tindakan undang-undang terhadap 3 syarikat.</i></p>	<p>dilaporkan.</p>
<p><b>2.2.2.b.i</b></p>	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri</b></p> <p>Pada tahun 2014, sebanyak 410 (46.5%) daripada 882 pinjaman yang disalurkan kepada Kerajaan Negeri mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman dengan tempoh tunggakan antara satu hingga 16 tahun. Tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM0.292 juta (8.3%) iaitu daripada RM3.500 bilion pada akhir tahun 2013 menjadi RM3.792 bilion pada akhir tahun 2014. Peningkatan tunggakan ini melibatkan pinjaman Kerajaan Negeri Kedah, Pahang, Kelantan, Melaka, Perlis, Negeri Sembilan, Perak dan Sarawak. Manakala tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri Terengganu, Johor, Sabah dan Selangor telah berkurangan. Bagaimanapun, tiada perubahan jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sejumlah RM635.88 juta (14.5%) telah dibayar balik oleh Kerajaan-kerajaan Negeri pada tahun 2014 berbanding dengan RM4.384 bilion yang sepatutnya dibayar balik (tunggakan pinjaman dan anuiti tahun 2014). Bayaran balik pinjaman berjumlah RM635.88 juta ini adalah termasuk:-</p> <p>Penyelesaian tunggakan bagi pinjaman yang telah tamat tempoh bayaran balik oleh Kerajaan Negeri Terengganu.</p>	<p>Kebanyakan pinjaman Kerajaan Negeri yang tidak dibuat bayaran balik adalah melibatkan projek bekalan air. Masalah tunggakan bayaran balik pinjaman bagi projek bekalan air dijangka akan dapat diatasi setelah projek-projek yang berkaitan siap dan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) secara berperingkat mengikut negeri.</p> <p>Antara sebab peningkatan tunggakan adalah disebabkan oleh anuiti 2015 bagi projek bekalan air tidak dibayar oleh Kerajaan Negeri.</p> <p>MOF telah memaklumkan semua Kerajaan Negeri yang beberapa langkah akan diambil bagi mengatasi isu tunggakan pinjaman iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Bayaran balik pinjaman yang tertunggak dibuat melalui potongan geran tahunan;</li> <li>Klausa tambahan dimasukkan ke dalam perjanjian baru di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan komitmen Kerajaan Negeri dalam membayar balik pinjaman Kerajaan Persekutuan. Klausa tersebut adalah seperti berikut:</li> </ol>
<p><b>2.2.2.b.ii</b></p>	<p>Penyelesaian tunggakan anuiti tahun sebelumnya oleh Kerajaan Negeri Johor, Sabah, Selangor dan Sarawak.</p>	<p>Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri:</p>
<p><b>2.2.2.b.iii</b></p>	<p>Hapus kira pinjaman tertunggak sehingga tahun 2014 dan hapus kira pinjaman pokok dari tahun 2015 hingga 2038 bagi Kerajaan Negeri Kelantan.</p>	<p>"Pegawai Kewangan Negeri atau mana-mana pegawai yang dipertanggungjawabkan perlu memastikan supaya projek yang dilaksanakan berjalan lancar dengan pinjaman ini dan menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan mengikut jadual yang ditetapkan"</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.2.2.b.iv	Penyelesaian bayaran balik pokok dan faedah bagi Kerajaan Negeri Sembilan menggunakan bayaran balik hasil.	
2.2.2.b.v	<p>Lebih bayaran balik pokok tahun 2014 bagi pinjaman luar negeri Kerajaan Negeri Sarawak.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan tunggakan pinjaman meningkat disebabkan oleh Kerajaan Negeri tidak membuat bayaran balik terutamanya pinjaman bagi projek bekalan air. Tunggakan bayaran balik pinjaman dijangka akan dapat diselesaikan setelah projek bekalan air siap dan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) secara berperingkat mengikut negeri. Kementerian Kewangan Malaysia juga akan mengambil langkah memotong geran tahunan dan memasukkan klausa tambahan dalam perjanjian baru antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan komitmen Kerajaan Negeri membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan.</i></p>	<p>Isu tunggakan ini akan dibincangkan dalam Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan YAB PM pada 29 Jun 2015 ini.</p>
2.2.2.c	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Badan Berkanun</b></p> <p>Pada tahun 2014, tiga Badan Berkanun mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.386 bilion iaitu meningkat sejumlah RM189.26 juta (15.8%) berbanding tahun 2013. Tempoh tunggakan adalah antara satu hingga 23 tahun. Adalah didapati sejumlah RM1.052 bilion (75.9%) daripada keseluruhan jumlah tunggakan adalah melibatkan tunggakan bayaran balik pinjaman oleh Perbadanan Aset Keretapi (PAK).</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan sebahagian baki pinjaman Perbadanan Aset Keretapi (PAK) berjumlah RM651.06 juta telah dihapus kira manakala sebahagian lagi pinjaman akan distrukturkan semula.</i></p>	<p><b>Perbadanan Aset Keretapi (PAK)</b></p> <p>Baki pinjaman bagi No. Pinjaman 2260/1996/004 berjumlah RM651.06 juta telah dihapus kira melalui surat rujukan: KK/BPKA/D3/10/631/20 (15) bertarikh 4 Februari 2015.</p> <p>Lain-lain pinjaman PAK akan distruktur semula. Satu perbincangan lanjut akan diadakan dengan PAK pada 25 Jun 2015 untuk mendapatkan dokumen sokongan bagi tujuan tersebut.</p> <p>Perbincangan tidak dapat dilaksanakan atas sebab tertentu. Namun, penyediaan kertas pertimbangan akan disediakan untuk kelulusan YBMK II bagi cadangan penstrukturan semula pinjaman PAK yang telah dikemukakan sebelum ini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.2.2.d	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan</b></p> <p>Pada akhir tahun 2014, tunggakan bayaran balik pinjaman 3 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan 41 pinjaman adalah berjumlah RM436.23 juta meningkat sejumlah RM7.89 juta (1.8%) berbanding tahun 2013. Tempoh tunggakan bayaran balik bagi ketiga-tiga PBT adalah antara 21 hingga 27 tahun. Adalah didapati sepanjang tahun 2014 hanya DBKL membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM8.65 juta manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang tidak membuat sebarang bayaran balik tunggakan pinjaman.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan tunggakan bayaran balik pinjaman bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan dihapus kira setelah isu pewartaan tanah selesai.</i></p>	<p>Pinjaman DBKL, MPSP dan MPPP bagi projek pembedaan akan dihapuskan setelah isu pewartaan tanah selesai. Dijangka selesai pada pertengahan 2016.</p>
2.2.2.e	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pelbagai Agensi</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 3 pelbagai agensi mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM97.53 juta yang mana berkurangan sejumlah RM168.34 juta (63.3%) berbanding pada akhir tahun 2013 dengan tempoh tunggakan bayaran balik pinjaman antara 2 hingga 14 tahun. Pengurangan yang ketara ini disebabkan hapus kira pinjaman tertunggak sehingga tahun 2014 bagi pinjaman Jabatan Penerbangan Awam.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia akan mengadakan mesyuarat dengan Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi untuk membincangkan penyelesaian bayaran balik pinjaman. Kementerian Kewangan Malaysia juga sedang mendapatkan pandangan Bahagian Undang-Undang berkaitan keperluan pindaan Surat Iktan Amanah bagi Amanah Ikhtiar Malaysia sebelum penstrukturan semula pinjaman dilaksanakan.</i></p>	<p><b>Yayasan Amanah Saham Anak Langkawi (YASAL)</b></p> <p>YASAL telah mengemukakan email kepada MOF pada 5.8.2015 yang menyatakan YASAL akan mengemukakan permohonan hapuskira baki pinjaman berjumlah RM6.8 juta. Walau bagaimanapun, tiada permohonan diterima daripada YASAL sehingga kini. MOF telah mengemukakan e-mel peringatan sekali lagi pada 5 November 2015</p> <p><b>Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)</b></p> <p>MOF sedang dalam proses rundingan terma dan syarat penstrukturan semula pinjaman AIM berjumlah RM782.6 juta bagi menggabungkan lapan (8) pinjaman AIM kepada satu pinjaman.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.2.2.f	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perbadanan Kemajuan Negeri</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2013, dua pinjaman di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri (PKN) Negeri Sembilan dan Perlis mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM56.13 juta dengan tempoh tunggakan 12 tahun. Pada tahun 2014, PKN Negeri Sembilan telah mendapat kelulusan hapus kira faedah berjumlah RM8.31 juta. Manakala bagi PKN Perlis, jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman masih tiada perubahan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan penjadualan semula bagi pinjaman Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis akan dibuat setelah penjualan aset selesai dilaksanakan.</i></p>	<p><b>Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan (PKNNS)</b></p> <p>MOF melalui surat rujukan KK/BPKA/D2/(S)/540/696/8 Jld. 4(4) bertarikh 29 April 2014 telah meluluskan pengecualian kadar faedah sebanyak RM8.31 juta. Pelarasan ini telah dibuat oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia pada bulan Mei 2014. (SELESAI)</p> <p><b>Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENP)</b></p> <p>PKENP melalui surat rujukan: PKENPs (KEW) 001/1 (17) bertarikh 10 Oktober 2013 telah memohon "hair cut" bagi menyelesaikan pinjaman berjumlah RM41 juta. Pinjaman ini dibuat bagi membiayai bayaran balik pinjaman bank yang dibuat bagi membiayai pembinaan projek Terminal Bas Medan Kangar dan Bangunan Hotel Putra Palace di mana kedua-dua projek ini tidak mendatangkan sebarang keuntungan kepada PKENP. PKENP juga bercadang untuk menjual Pejabat PKENPs dan Hotel Putra Palace untuk membayar tunggakan pinjaman ini. PKENPs memaklumkan kepada MOF melalui surat bertarikh 26 Jun 2015 bahawa PKENPs sedang dalam proses membuat penilaian semula harga ke atas semua asset dimiliki selaras dengan garis panduan perakaunan yang baharu iaitu Malaysia Private Entities Reporting Standard (MPERS).</p> <p>Keputusan penjadualan semula hanya boleh dimuktamadkan setelah PKENPs memaklumkan MOF asset baharu bagi menggantikan Pejabat PKENPs dan Hotel Putra Palace sebagai cagaran penjadualan semula tersebut.</p>
2.2.2.g	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Koperasi</b></p> <p>Pada akhir tahun 2014, kedua-dua koperasi tidak membuat bayaran balik pinjaman dan jumlah tunggakan kekal RM15.75 juta. Tempoh tunggakan adalah antara 18 hingga 34 tahun.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia akan mengeluarkan Notice of Demand kepada Koperasi Belia Nasional Berhad bagi menuntut tunggakan bayaran balik pinjaman. Manakala, bayaran balik pinjaman oleh Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad akan dibuat setelah proses penjualan</i></p>	<p><b>Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA)</b></p> <p>MOF akan mengeluarkan <i>Notice of Demand</i> bagi menuntut tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM9.69 juta.</p> <p><b>Koperasi Pembangunan Belia Negara Berhad (KPBNP)</b></p> <p>MOF mendapat keutamaan dalam penyelesaian hutang KPBNP. Penjualan aset (bangunan) KPBNP telah dibuat dan dalam proses penukaran nama di pejabat tanah. Setelah kesemuanya selesai, pelikuidasi akan menyediakan cadangan Skim Pembahagian Aset (SPA) berdasarkan kepada penyata kewangan terakhir yang telah diaudit. Keseluruhan proses dijangka selesai pada akhir tahun 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>aset selesai dilaksanakan.</i>	
2.3.2.1	<p><b>Pelaburan Dalam Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Dan Agensi</b></p> <p>Pada akhir tahun 2014, Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalam 109 agensi yang terdiri daripada satu agensi antarabangsa, 6 Badan Berkanun Persekutuan dan 102 syarikat. Kerajaan Persekutuan memegang saham dengan nilai buku berjumlah RM29.883 bilion pada akhir tahun 2014 berbanding dengan RM29.679 bilion pada tahun sebelumnya dengan peningkatan sejumlah RM0.204 bilion (0.7%).</p>	
2.3.2.2	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati Kerajaan telah melupuskan pegangan saham dengan nilai buku berjumlah RM30.50 juta di dalam syarikat Profesional Services Development Corporation Sdn. Bhd. apabila syarikat dibubarkan pada bulan Oktober 2014. Berikutan pembubaran ini, Kerajaan telah menerima bayaran berjumlah RM4.87 juta dan mengalami kerugian berjumlah RM25.63 juta.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan tindakan pembubaran syarikat adalah merupakan langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan tanggungan kerugian berterusan serta pembaziran sumber.</i></p>	
2.4.1.1.a	<p><b>Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan - Pinjaman Perumahan Yang Belum Selesai</b></p> <p>Sehingga akhir tahun 2014, sebanyak 1,097,086 pinjaman perumahan telah dikeluarkan di mana baki pinjaman perumahan yang belum selesai adalah berjumlah RM65.774 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 469,077 pinjaman dengan baki RM21.818 bilion telah dijual kepada Cagamas MBS Berhad melalui pensukuritan. Dengan itu pada akhir tahun 2014, Bahagian Pinjaman Perumahan mempunyai 628,009 akaun pinjaman dengan baki pinjaman belum selesai berjumlah RM43.956 bilion.</p>	
2.4.1.1.b	<p><b>Akaun Pinjaman Berbaki Kredit</b></p> <p>Akaun pinjaman perumahan berbaki kredit memberi gambaran seolah-olah Kerajaan berhutang dengan peminjam. Semakan Audit mendapati pada akhir</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tahun 2014, terdapat 50,152 akaun pinjaman perumahan berbaki kredit dengan baki kena faedah pinjaman antara RM0.01 hingga melebihi RM100,000.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan isu berbaki kredit ini berlaku disebabkan waris peminjam masih belum mengemukakan Surat Tadbir Harta bagi kes kematian atau masih tertakluk kepada kes-kes perundangan dan menyebabkan Bahagian Pinjaman Perumahan tidak dapat membuat bayaran baki kredit berkenaan. Bahagian Pinjaman Perumahan sedang berusaha untuk mengemaskini rekod pinjaman berbaki kredit melalui aktiviti Data Cleansing secara berterusan. Cadangan Data Cleansing secara menyeluruh akan dijalankan secara out sourcing selepas Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) beroperasi mulai 1 Oktober 2015.</i></p>	
2.4.1.1.c.i	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Perumahan</b></p> <p>Bayaran balik pinjaman perumahan tertunggak sehingga akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM937.64 juta melibatkan 44,155 akaun pinjaman. Tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat sejumlah RM42.36 juta (4.7%) dan bilangan akaun yang mempunyai tunggakan meningkat sebanyak 137 akaun (0.3%) berbanding dengan tahun 2013.</p>	
2.4.1.1.c.ii	<p>Mengikut rekod Bahagian Pinjaman Perumahan, tuntutan sekali gus, tindakan guaman serta arahan potongan gaji/pencen telah diambil terhadap 34,838 peminjam dengan amaun tunggakan berjumlah RM859.77 juta. Bagaimanapun, tiada status tindakan direkodkan bagi 9,317 pinjaman dengan amaun tunggakan berjumlah RM77.87 juta.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Dan Bahagian Pinjaman Perumahan Yang Diterima Antara 21 Mei 2015 Hingga 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan tunggakan pinjaman sentiasa berlaku disebabkan oleh potongan gaji terhenti kerana peminjam berpindah tempat bertugas, peminjam tidak memaklumkan persaraan, tentera bersara tanpa pencen dan juga meninggalkan perkhidmatan. Tindakan mengesan peminjam yang mempunyai tunggakan mengambil masa yang</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>lama kerana memerlukan pihak ketiga untuk membantu seperti Kementerian/Jabatan akhir peminjam, Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya. Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu (SPPB) telah mula digunakan mulai Mac 2015 untuk mengesan akaun pinjaman tertunggak melalui modul Kawalan Kredit.</i></p>	
<p><b>2.4.1.2.a.i</b></p>	<p><b>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan - Akaun Pinjaman - Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam - Akaun Pinjaman Berbaki Kredit</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2014, sebanyak 453 akaun pinjaman kenderaan berbaki kredit berjumlah RM0.55 juta dan sebanyak 940 akaun pembiayaan komputer berbaki kredit berjumlah RM0.28 juta. Bilangan pinjaman berbaki kredit bagi kedua-dua akaun menunjukkan penurunan yang ketara iaitu daripada 11,141 akaun pinjaman pada akhir tahun 2011 kepada 453 akaun pinjaman pada akhir tahun 2014 bagi Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan. Bilangan pinjaman berbaki kredit bagi Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer juga menunjukkan penurunan daripada 5,981 akaun pinjaman pada akhir tahun 2011 kepada 940 akaun pinjaman pada akhir tahun 2014.</p>	<p>Bilangan pinjaman berbaki kredit bagi kedua-dua akaun menunjukkan penurunan iaitu daripada 453 akaun pinjaman pada akhir tahun 2014 kepada 28 akaun pinjaman pada 30 September 2015 bagi Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan. Bilangan pinjaman berbaki kredit bagi Kumpulan Wang Pembiayaan Komputer juga menunjukkan penurunan daripada 940 akaun pinjaman pada akhir tahun 2014 kepada 255 akaun pinjaman pada 30 September 2015.</p>
<p><b>2.4.1.2.a.ii</b></p>	<p><b>Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman</b></p> <p>Bayaran balik pinjaman kenderaan yang tertunggak sehingga akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM2.81 juta yang melibatkan 1,054 akaun pinjaman. Manakala bayaran balik pembiayaan komputer yang tertunggak sehingga akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM1.18 juta melibatkan 921 akaun pinjaman.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 30 April 2015 Hingga 8 Jun 2015</b></p> <p><i>Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sedang bekerjasama dengan Kementerian/Jabatan untuk menyelesaikan kes akaun berbaki kredit dan akaun yang mempunyai tunggakan. Antara tindakan yang diambil adalah mengeluarkan notis tuntutan, membuat potongan gaji dan merujuk kes kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian. Sehingga 30 April 2015, akaun pinjaman berbaki kredit telah berjaya dikurangkan kepada 86 akaun bagi pinjaman kenderaan dan 299 akaun bagi pembiayaan komputer. Selain itu, JANM sedang berusaha melengkapkan dan mengemas kini akaun pinjaman</i></p>	<p>Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sedang bekerjasama dengan Kementerian/Jabatan untuk menyelesaikan kes akaun berbaki kredit dan akaun yang mempunyai tunggakan. Antara tindakan yang diambil adalah mengeluarkan notis tuntutan, membuat potongan gaji dan merujuk kes kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian. Sehingga 30 September 2015, akaun pinjaman berbaki kredit telah berjaya dikurangkan kepada 28 akaun bagi pinjaman kenderaan dan 255 akaun bagi pembiayaan komputer. Selain itu, JANM sedang berusaha melengkapkan dan mengemas kini akaun pinjaman untuk memastikan maklumat lengkap dapat dipindahkan ke Sistem 1GFMS bagi tujuan pelaksanaan perakaunan akruan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>untuk memastikan maklumat lengkap dapat dipindahkan ke Sistem 1GFMAS bagi tujuan pelaksanaan perakaunan akruan.</p>	
<p><b>2.4.1.2.b.i</b></p>	<p><b>Akaun Pinjaman - Pendahuluan Diri/Pelbagai</b></p> <p>Pendahuluan diri adalah merupakan pendahuluan yang diluluskan kepada penjawat awam bagi pelbagai bayaran seperti bayaran sewa hotel dan elaun makan semasa menjalankan tugas rasmi di luar pejabat, pendahuluan sewaan rumah di luar negara, bayaran balik emolumen dan sebagainya. Manakala pendahuluan pelbagai adalah sejumlah wang yang diberikan kepada ketua jabatan atau pegawai yang diberi kuasa yang memerlukan wang tunai untuk membiayai perbelanjaan program/aktiviti yang diluluskan. Pendahuluan diri dan pelbagai perlu dibayar balik/diselaraskan dalam tempoh tertentu. Baki pendahuluan diri dan pelbagai yang belum diselaraskan pada akhir tahun 2014 adalah berjumlah RM88.44 juta dan RM1.58 juta masing-masingnya. Semakan Audit mendapati sebahagian daripada baki pendahuluan diri/pelbagai yang belum diselaraskan pada akhir tahun 2014 merupakan baki pendahuluan diri/pelbagai yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun sebelumnya.</p>	
<p><b>2.4.1.2.b.ii</b></p>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati 14 akaun pendahuluan diri melibatkan pelbagai Kementerian/Jabatan berbaki kredit.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian/Jabatan Yang Diterima Pada 17 April 2015 Hingga 8 Jun 2015</b></p> <p><i>JANM sedang bekerjasama dengan Kementerian/Jabatan untuk mengemas kini rekod akaun subsidiari bagi pendahuluan diri/pelbagai. Tindakan menyemak, mengesah dan mengenal pasti rekod transaksi sedang/telah dilaksanakan. Kementerian/Jabatan juga memaklumkan bahawa tindakan telah/sedang diambil untuk menyelesaikan isu mengenai akaun pendahuluan diri berbaki kredit.</i></p>	<p>JANM dengan kerjasama dengan Kementerian/Jabatan masih dalam proses mengemas kini rekod akaun subsidiari bagi pendahuluan diri/pelbagai dengan tindakan menyemak, mengesah dan mengenal pasti rekod transaksi sedang giat dilaksanakan. Kementerian/Jabatan juga memaklumkan bahawa tindakan telah/sedang diambil untuk menyelesaikan isu mengenai akaun pendahuluan diri berbaki kredit.</p>
<p><b>2.4.2.1</b></p>	<p><b>Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II)</b></p> <p>Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (PFI II) telah ditubuhkan pada 23 Disember 2011. Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah RM10 bilion telah diterima daripada Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. Sejumlah RM8.322 bilion (83.2%) daripada RM10 bilion tersebut telah diperuntukkan kepada 16 Kementerian/Jabatan untuk melaksanakan 340</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>projek dan sehingga 31 Disember 2014 sejumlah RM7.143 bilion telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati Surat Kuasa Berbelanja telah dikeluarkan kepada 2 Kementerian bagi membiayai 2 projek. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2014 projek tersebut masih belum dilaksanakan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 5 Jun 2015</b></p> <p><i>Kementerian Dalam Negeri memaklumkan peruntukan tidak dibelanjakan kerana projek masih tidak dapat dilaksanakan. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pula memaklumkan projek masih dalam peringkat perolehan.</i></p>	
2.4.3.1.a	<p><b>Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal Dan Akaun Pembatalan Bayaran Pindahan Dana Elektronik (EFT)</b></p> <p>Cek yang tidak ditunaikan pada akhir tempoh 3 bulan dari tarikh ia dikeluarkan disifatkan sebagai terbatal dan hendaklah diselaraskan ke Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal. Manakala, pemindahan wang secara elektronik yang dikembalikan oleh bank disifatkan sebagai terbatal dan hendaklah diselaraskan dengan mengkreditkan Akaun Pembatalan Bayaran EFT. Pada akhir tahun 2014, baki Akaun Deposit Pelarasan Cek Terbatal adalah berjumlah RM35.65 juta iaitu penurunan sejumlah RM463.30 juta (92.8%) berbanding dengan akhir tahun 2009. Manakala, Akaun Pembatalan Bayaran EFT menunjukkan peningkatan pada tahun 2009 hingga 2011 dan telah berkurangan pada tahun 2012 dan 2013. Bagaimanapun, pada akhir tahun 2014, baki Akaun Pembatalan Bayaran EFT meningkat kepada RM123.79 juta.</p>	
2.4.3.1.b	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati pada akhir tahun 2014, sebanyak 308 cek terbatal berjumlah RM0.39 juta dan 49 EFT terbatal berjumlah RM0.02 juta melibatkan sumbangan berkanun dan bayaran balik pinjaman perumahan masih belum diganti.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 8 Jun 2015</b></p> <p><i>Jabatan Akauntan Negara Malaysia memaklumkan tindakan telah diambil oleh Pejabat Perakaunan dengan mengemukakan surat arahan penggantian bayaran kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan memastikan pembayaran</i></p>	<p>Proses penggantian Cek dan EFT Terbatal hanya dapat dilaksanakan setelah Pejabat Perakaunan mendapat permohonan penggantian daripada PTJ. Isu berkaitan pertanyaan audit ini telah diambil tindakan oleh Pejabat Perakaunan melalui tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengemukakan surat kepada PTJ bagi tujuan memproses penggantian bayaran;</li> <li>ii. Memastikan pembayaran berkaitan sumbangan terkanun dan bayaran balik pinjaman dilaksanakan melalui potongan gaji.</li> </ul> <p>Bagi pertanyaan audit ini, Pejabat Perakaunan telah diminta untuk memberi perhatian khusus dan mengambil tindakan pemantauan secara berterusan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>berkaitan sumbangan berkanun dan bayaran balik pinjaman dilaksanakan melalui potongan gaji.</i>	
2.4.3.2	<p><b>Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan</b></p> <p>Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan diwujudkan untuk mengakaunkan terimaan yang belum diberi kod amanah atau belum ditentukan kegunaannya. Pada akhir tahun 2014, Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan berbaki RM24.41 juta iaitu berkurangan sejumlah RM58.99 juta berbanding dengan akhir tahun 2013 yang berjumlah RM83.40 juta apabila sebahagian terimaan tersebut telah dipelaraskan kepada akaun hasil.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mei 2015</b></p> <p><i>Jabatan Akauntan Negara Malaysia memaklumkan sebahagian amaun Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan tidak dapat dikosongkan antaranya disebabkan pindaan kepada Surat Ikatan Amanah belum dimuktamadkan, tempoh pegangan tidak diketahui, tiada maklumat nombor kes dan projek masih dalam pelaksanaan.</i></p>	<p>Amaun Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan masih berbaki dan tidak dapat dikosongkan antaranya disebabkan pindaan kepada Surat Ikatan Amanah belum dimuktamadkan, tempoh pegangan tidak diketahui, tiada maklumat nombor kes dan projek masih dalam pelaksanaan.</p>
2.4.3.3	<p><b>Mewartakan Deposit Yang Tidak Dituntut</b></p> <p>Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Jika deposit itu masih tidak dituntut dalam masa 3 bulan selepas pemberitahuan itu maka ia hendaklah dikredit kepada Akaun Hasil Disatukan. Semakan Audit mendapati sejumlah RM107.73 juta deposit bagi tempoh 1986 hingga 2010 yang melibatkan 16 Kementerian/Jabatan/Negeri masih belum dituntut. Sekiranya tempoh pegangan deposit tersebut telah tamat, tindakan pewartaan perlu dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Negeri yang terlibat.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Akauntan Negara Malaysia Yang Diterima Pada 15 Mei 2015 Hingga 8 Jun 2015</b></p> <p><i>Jabatan Akauntan Negara Malaysia memaklumkan Kementerian/Jabatan sedang/telah melakukan semakan untuk mewartakan deposit yang tidak dituntut. Bagaimanapun, terdapat kes deposit yang masih belum boleh</i></p>	<p>Kementerian/Jabatan sedang mengambil tindakan untuk menyemak dan mewartakan deposit yang tidak dituntut seterusnya mengambil tindakan untuk menyelaraskannya ke Akaun Hasil Disatukan.</p> <p>Bagaimanapun, terdapat kes deposit yang masih belum boleh diwartakan kerana masih menunggu keputusan mahkamah, kes dalam siasatan, akaun muktamad belum siap dan tempoh tanggungan kecacatan masih belum tamat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>diwartakan kerana masih menunggu keputusan mahkamah, kes dalam siasatan, akaun muktamad belum siap dan tempoh tanggungan kecacatan masih belum tamat. Manakala, bagi kes yang telah diwartakan, tindakan akan diambil untuk menyelaraskannya ke Akaun Hasil Disatukan.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN KEWANGAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014**

**Perenggan 6 : Pengurusan Kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia Di Luar Negara**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>6.5.3.1.1</b>	<p><b>Kawalan Perbelanjaan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati secara umumnya tahap pematuhan terhadap kawalan perbelanjaan bagi semua pejabat perwakilan yang dilawati adalah memuaskan kecuali Perwakilan Tetap ASEAN di Jakarta, Indonesia. Pengurusan perbelanjaan bagi 8 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara masih perlu dipertingkatkan terutama berkaitan penyemakan Buku Vot dan Daftar Bil; pematuhan terhadap proses pembayaran serta penyemakan dan penghantaran Laporan Perbelanjaan kepada Ibu Pejabat.</p>	<p><b><u>Perwakilan Tetap Malaysia di Jakarta (PTM ASEAN)</u></b></p> <p>Laporan buku Vot yang dijana melalui sistem Sistem Perakaunan Luar Negeri (SPLN) telah dibuat dan telah diturunkan tandatangan ringkas berserta tarikh. Selain itu, semakan ke atas Daftar Bil telah dibuat dan telah ditandatangani.</p> <p>Kelewatan PTM dalam mengemukakan laporan perbelanjaan kepada Ibu Pejabat berlaku adalah disebabkan oleh kawalan peruntukan yang dikenakan oleh Kementerian bagi OS21000 (Perbelanjaan Bertugas Rasmi di Luar Negeri). Seterusnya, kelewatan menerima inbois daripada hotel dan syarikat penerbangan juga menyumbang kepada kelewatan tersebut. Walau bagaimanapun, PTM ASEAN telah mengatasi masalah ini dengan memperbaiki koordinasi dengan Kementerian serta pihak-pihak yang terlibat.</p>
<b>6.5.3.1.2</b>	<p>Berdasarkan maklum balas daripada pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati, tindakan penambahbaikan telah diambil sebagaimana yang disyorkan.</p>	<p>Tindakan penambahbaikan telah diambil terhadap pemerhatian audit oleh perwakilan-perwakilan berkenaan.</p>
<b>6.5.3.1.3</b>	<p>Semakan selanjutnya terhadap peruntukan dan perbelanjaan mengurus tahun 2014 bagi pejabat perwakilan Malaysia di luar negara mendapati ada perbezaan jumlah peruntukan dan perbelanjaan antara rekod di JANM dan KLN. Mengikut rekod JANM (Laporan A499), peruntukan yang diluluskan untuk keseluruhan 106 pejabat perwakilan Malaysia di luar negara adalah berjumlah RM386.93 juta dan perbelanjaan berjumlah RM413.76 juta (106.9%). Manakala mengikut rekod di KLN, jumlah peruntukan dan perbelanjaan keseluruhan pejabat perwakilan Malaysia di luar negara adalah RM401.41 juta dan RM378.58 juta masing-masingnya. Perbezaan peruntukan dan perbelanjaan tersebut adalah RM14.48 juta (3.7%) bagi jumlah peruntukan dan RM35.18 juta (8.5%) bagi jumlah perbelanjaan.</p>	<p>Perbezaan di antara laporan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (A499) dan laporan dari Kementerian bagi perbelanjaan pejabat Perwakilan Malaysia adalah kerana laporan yang disediakan oleh Kementerian diperolehi dari kesemua Perwakilan di luar negeri disediakan secara individu yang melibatkan perbelanjaan yang dibuat di Perwakilan sahaja. Manakala laporan JANM merupakan keseluruhan perbelanjaan dibawah aktiviti berkenaan termasuk yang dibuat di Kementerian seperti pembelian sebahagian tiket penerbangan yang dibuat oleh ibu pejabat.</p> <p>Semenjak diperkenalkan pada tahun 2012, Sistem Perakaunan Luar Negeri (SPLN) telah dilaksanakan di Perwakilan-Perwakilan Malaysia di luar Negara secara berperingkat sehinggalah pada tahun 2014. Sistem perakaunan Perwakilan yang selama ini di buat secara manual telah melalui proses migrasi kepada sistem baru ini yang diperkenalkan untuk mempertingkatkan sistem perakaunan pejabat Perwakilan di luar Negara. Dalam proses migrasi ini, masih terdapat kekeliruan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		pada peringkat awal pelaksanaan bagi beberapa Perwakilan yang terlibat.
6.5.3.1.4	Berdasarkan maklum balas daripada KLN, perbezaan rekod ini adalah kerana laporan yang disediakan oleh KLN diperolehi daripada kesemua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang mana berkemungkinan terdapat maklumat yang kurang tepat. Bagaimanapun, KLN merujuk kepada laporan JANM bagi tujuan rekod sebenar perbelanjaan.	Secara keseluruhannya, Kementerian Luar Negeri berpandukan kepada Laporan JANM untuk mendapatkan perbelanjaan sebenar memandangkan laporan ini adalah yang paling lengkap dan tepat. Laporan lengkap perbelanjaan Jabatan Akauntan Negara (A499) merupakan rujukan utama Kementerian di dalam semua pelaporannya termasuk di Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Akaun (JPKA) termasuklah bagi Program 120000 Perwakilan Luar Negara.
6.5.3.1.5	Semakan terhadap Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun Pejabat Perwakilan Bil. 4 Tahun 2014 mendapati peruntukan mengurus bagi setiap pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati adalah berjumlah RM55.50 juta dan perbelanjaannya pula berjumlah RM53.88 juta (97.1%).	Pelbagai faktor mempengaruhi peratus perbelanjaan di Perwakilan yang antara lain adalah penugasan pegawai di Perwakilan. Pada masa tertentu, terdapat tempoh pengisian jawatan terutamanya yang melibatkan jarak masa yang agak panjang kerana proses yang perlu dilalui di peringkat pertukaran Ketua Perwakilan. Perbelanjaan bagi seorang pegawai melibatkan pelbagai bayaran seperti pembayaran elaun, sewa rumah dan yuran sekolah anak-anak.
6.5.6.4.a	<p><b>Kawalan Keselamatan Pejabat Perwakilan</b></p> <p>Lawatan Audit ke Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia pada 22 September 2014 mendapati peralatan yang tidak digunakan turut disimpan di dalam bilik server. Keadaan ini boleh menyebabkan kerosakan kepada peralatan server kerana terdedah kepada habuk dan risiko kebakaran. Kabel/wayar juga tidak disenggara dengan baik. Selain itu, pemeriksaan mengejut Audit turut mendapati pintu bilik server tidak berkunci. Ini boleh mendedahkan peralatan server kepada risiko pencerobohan.</p>	<p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Moscow</u></b></p> <p>Pejabat KBM Moscow telah mengambil tindakan serta merta dengan mengunci bilik server dan semua peralatan yang tidak berkaitan diletakkan di stor. KBM Moscow akan sentiasa memastikan keadaan bilik server sentiasa berada di dalam keadaan yang kondusif.</p>
6.5.6.4.b	Semakan Audit mendapati alat pemadam api di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia; Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat; Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina dan Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia telah luput tarikh pemeriksaan. Manakala tiada alat pemadam api di Bangunan Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. Penyenggaraan dan penjagaan terhadap peralatan tersebut perlu diberi perhatian agar ia dapat digunakan pada waktu kecemasan.	<p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Moscow</u></b></p> <p>Alat pemadam api telahpun diganti oleh KBM Moscow pada 21 April 2014 dan tarikh luput adalah pada bulan April 2019 iaitu sebelum pemeriksaan Audit pada 22 September 2014. Jabatan Audit Negara merujuk kepada sebahagian alat pemadam api yang telah luput tarikh dan disimpan berhampiran tangga yang mana alat pemadam api tersebut telahpun dilupus/dikembalikan kepada pembekal.</p> <p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Manila</u></b></p> <p>Pada masa ini terdapat 100 unit alat pemadam api di bangunan Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Manila dan akan tamat tempoh pada akhir tahun 2015. Tindakan telah diambil untuk mendapatkan sebutharga bagi tujuan memperbaharui alat-alat pemadam api sebelum tarikh luput berkenaan.</p> <p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Washington</u></b></p> <p>Gambar alat pemadam api yang diambil di Washington DC tersebut terletak di</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Bangunan Annex 1 di mana bangunan tersebut, ketika lawatan Pasukan Audit, masih belum diputuskan status penggunaannya oleh Kementerian Luar Negeri samaada sebagai pejabat wakil Agensi atau kediaman HBS. Kini Bangunan Annex 1 dan 2 sedang dibaiki dan diubahsuai menjadi dua unit kediaman HBS yang berasingan sebagaimana yang telah diluluskan oleh Bahagian Pembangunan, Kementerian Luar Negeri. Alat pemadam api yang baru akan dilengkapkan di kediaman berkenaan selepas projek pengubahsuaian selesai.</p> <p>Untuk makluman, semua alat pemadam api di Bangunan Canseri sentiasa berada dalam keadaan baik dan kemaskini.</p> <p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Phnom Penh</u></b> Malawakil telah meminta kerjasama Jabatan Polis Bomba Cambodia untuk menggantikan kandungan dan menyelenggarakan alat pemadam api tersebut. Sebanyak 16 alat pemadam jenis ABC (cecair) dan 30 alat pemadam api jenis powder yang tempoh luput telah diselenggara dan akan tamat tempoh pada 1 Mei 2016.</p> <p><b><u>Konsulat Jeneral Malaysia, Dubai</u></b> Malawakil telah berbincang dengan pihak tuan rumah bagi penyediaan alat pemadam api selaras dengan cadangan pihak audit. Alat pemadam api berkenaan telah disediakan oleh pihak tuan rumah pada Januari 2015.</p>
6.5.6.4.c	<p>Lawatan Audit mendapati <i>Closed Circuit Television</i> (CCTV) di Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia; Kedutaan Besar Malaysia di Washington, Amerika Syarikat; Kedutaan Besar Malaysia di Manila, Filipina; Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh, Cambodia dan Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu tidak berfungsi.</p> <p>Pada pendapat Audit, kebolegunaan peralatan/fasiliti keselamatan bangunan secara sepenuhnya dan pada bila-bila masa adalah satu aspek keselamatan yang sentiasa perlu dititik beratkan.</p>	<p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Manila</u></b> Seorang Pembantu Keselamatan ditempatkan di Bilik CCTV, dipertanggungjawabkan untuk memantau situasi keselamatan dan menyemak rakaman pita CCTV di Kedutaan Besar Malaysia di Manila.</p> <p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Moscow</u></b> Semasa pemeriksaan Audit pada 22 September 2014, didapati CCTV tidak berfungsi selama 7 hari kerana bateri UPS telah luput/rosak. KBM Moscow telah memaklumkan kepada Jabatan Audit Negara bahawa perolehan bateri telah dibuat sebelum bateri luput bagaimanapun proses pembekalan oleh pembekal memakan masa dan bateri hanya diterima selepas 2 minggu. KBM Moscow telah mengambil tindakan dengan menyimpan satu bateri UPS tambahan di dalam stok inventori bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang</p> <p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Washington</u></b> Permohonan peralatan Closed Circuit Television (CCTV) yang baru untuk Pejabat Kedutaan telah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan, Kementerian Luar Negeri pada 31 Julai 2015. Namun demikian, permohonan tersebut tidak</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>diluluskan pada tahun ini memandangkan peruntukan yang terhad bagi pembelian asset bagi tahun 2015.</p> <p>Malawakil Washington akan mengemukakan cadangan permohonan unit baru untuk bajet tahun 2016 sewajarnya.</p> <p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Phnom Penh</u></b>  Malawakil Phnom Penh sedia maklum perkara ini dan permohonan untuk mendapatkan Peruntukan Khas Penyelenggaraan Kecil di Bawah Peruntukan Pembangunan (P13) 2015 telah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan Kementerian pada 22 September 2015. Malawakil juga bercadang semua kotak-kotak tempat kawalan kamera CCTV yang berada di luar bangunan akan dipindahkan ke dalam Bilik Kawalan bagi mengelakkan kerosakan fiber optik dan fuis yang kebanyakannya telah terbakar disebabkan keadaan cuaca yang panas di luar.</p> <p><b><u>Konsulat Jeneral Malaysia di Dubai</u></b>  Sistem Closed Circuit Television (CCTV) di Bangunan Canseri adalah dibawah senggaraan Education Malaysia (EM) di mana monitor kawalan CCTV berkenaan ditempatkan di bilik pegawai EM.</p> <p>Semasa pemeriksaan pasukan Audit pada hari berkenaan, didapati sistem CCTV berkenaan gagal berfungsi setelah mengalami gangguan akibat hujan yang berlaku pada malam berkenaan.</p> <p>Langkah membaikpulih telah dilaksanakan pada keesokan harinya dengan kehadiran vendor CCTV yang terlibat dengan sistem berkenaan.</p>
6.5.6.5.a	<p><b>Pengurusan Hartanah</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Bangunan Annex 1 dan 2 yang masing-masingnya telah dibeli pada tahun 1979 dan 1984 dengan kos RM1.45 juta dan RM1.05 juta telah terbiar kosong sejak tahun 2002 apabila semua Pejabat Perwakilan Malaysia di Washington, Amerika Syarikat berpindah ke Bangunan Canseri yang diduduki sekarang. Pemeriksaan Audit pada 19 Ogos 2014 mendapati bangunan tersebut telah mula dibaik pulih pada tahun 2010 dan siap pada tahun 2012 dengan kos RM14.17 juta. Bagaimanapun, ia belum diduduki dan masih terbiar kosong. Selain itu, tempoh jaminan kecacatan bangunan telah tamat pada 29 Jun 2013. Pejabat Kedutaan Besar Malaysia juga menanggung kos bayaran utiliti dan perkhidmatan pembersihan bangunan yang berjumlah antara USD2,000 hingga USD3,000 sebulan.</p>	<p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Washington</u></b>  Bangunan Annex 1 dan 2 merupakan sebahagian bangunan Canseri Kedutaan Besar Malaysia Washington yang perlu diselenggara bagi memastikan imej Kedutaan berada di dalam keadaan baik. Cadangan menjadikan ruang pejabat tidak dapat dilaksanakan memandangkan lokasi yang tidak sesuai.</p> <p>Ekoran daripada itu, Malawakil telah mengemukakan cadangan kepada Bahagian Pembangunan KLN untuk mengubahsuai ruang pejabat tersebut. Pihak KLN akhirnya telah meluluskan kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian kedua-dua unit berkenaan daripada ruang pejabat sedia ada menjadi dua unit kediaman (kuarters) HBS.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		Proses tender telah pun diselesaikan dan kini Syarikat Insight Engineering Inc yang berjaya mendapat tender projek berkenaan. Kerja-kerja pembaikan dan pengubahsuaian telah dimulakan sebaik sahaja kelulusan diberikan oleh pihak berkuasa tempatan Amerika Syarikat pada 23 Oktober 2015.
6.5.6.5.b	<p>Semakan Audit di Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia mendapati maklumat mengenai status tanah sama ada pegangan bebas atau pajakan tidak diperolehi kerana tiada dokumen berkaitan dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara. Selain itu, Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta, Indonesia dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura tidak mempunyai Daftar Premis Aset yang perlu didaftarkan dalam Kad Pengenalan Aset Tak Alih (JKR.PATA.F6/8) seperti yang ditetapkan dalam Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, Bangunan Annex 1 dan 2 di Washington, Amerika Syarikat yang telah diubahsuai tetapi masih belum digunakan adalah satu pembaziran. Kerajaan Malaysia juga perlu terus menanggung kos bayaran utiliti dan perkhidmatan pembersihan bangunan. Selain itu, tempoh jaminan kecacatan yang telah tamat dan jika berlaku kerosakan sama ada sebelum atau selepas bangunan diduduki tidak boleh dituntut daripada kontraktor.</p>	<p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Singapura</u></b> Malawakil telah menyediakan Daftar Premis Aset(DPA) dengan menggunakan Kad Pendaftaran Aset Tak Alih (JKR.PATA.F6/8).</p> <p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia Jakarta</u></b> Status bagi enam (6) bidang tanah Kerajaan Malaysia di Jakarta adalah bertaraf "GUNAPAKAI" bermaksud tanah tersebut adalah milik Kerajaan Malaysia selagi ia digunakan untuk urusan rasmi (Dinas). Perkara ini tertera dalam Sertifikat Tanah/Geran Tanah berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Jl. Imam Bonjol No. 17 Jakarta Pusat</li> <li>ii. Jl. H.R Rasuna Said Kav. X/6, No. 1-3 Kuningan, Jakarta Selatan</li> <li>iii. Jl. Kemang Raya No. 48, Jakarta Selatan</li> <li>iv. Jl. HOS. Cokroaminoto No.30, Jakarta Pusat</li> <li>v. Jl. HOS. Cokroaminoto No. 14, Jakarta Pusat</li> <li>vi. JL. Budi Kemuliaan No. 8, Jakarta Pusat</li> </ol>
6.6.1.2	<p><b>Pengurusan Sistem Perakaunan Luar Negeri</b></p> <p>Semakan Audit terhadap pengurusan SPLN di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara yang dilawati mendapati SPLN telah mula dilaksanakan sebagaimana yang dirancang. Secara umumnya, SPLN telah membantu memudahkan proses kerja; mengurangkan kadar kesilapan perekodan dan berupaya mengawal perbelanjaan mengikut peruntukan yang disalurkan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi penambahbaikan SPLN seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• maklum balas yang diterima daripada <i>Helpdesk</i> SPLN kerap kali lewat dan tidak menjawab pertanyaan yang dikemukakan dengan tepat;</li> <li>• laporan vot mengikut kod objek tidak dapat dijana secara elektronik sebaliknya perlu dijana secara manual; dan</li> <li>• gangguan rangkaian komputer (<i>networking</i>).</li> </ul>	<p>Untuk makluman, eHelpdesk merupakan satu sistem yang dikelolakan oleh pihak Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Semua isu berkaitan SPLN akan dilog di eHelpdesk dan akan diambil tindakan oleh JANM. Sekiranya terdapat aduan kelewatan maklumbalas bagi isu yang dilog oleh Perwakilan di eHelpdesk, perkara telah dibincangkan dengan Bahagian Khidmat Perunding, JANM dalam mesyuarat mengenai isu-isu eHelpdesk. Mesyuarat terakhir yang telah diadakan pada 29 April 2014. Merujuk kepada mesyuarat tersebut, pihak JANM memaklumkan isu-isu yang dilog akan diambil tindakan dari semasa ke semasa mengikut keutamaan isu.</p> <p>Laporan Vot mengikut kod objek boleh dijana di SPLN melalui Tab Laporan Butang 26 Laporan Harian Buku Vot.</p> <p>Berdasarkan maklumat daripada Bahagian Teknologi Maklumat, kapasiti bandwidth bagi Malawakil yang dilawati oleh pihak Audit adalah melebihi tahap minima yang diperlukan iaitu 4 Mbps. Gangguan yang berlaku adalah bersifat sementara</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>terutama waktu puncak capaian SPLN oleh pengguna.</p> <p>Selain itu, keupayaan peralatan ICT yang lama menyumbang kepada gangguan pengoperasian SPLN.</p>
6.6.1.3.a	<p>Semakan selanjutnya terhadap transaksi dalam SPLN mendapati perkara seperti berikut:-</p> <p>Konsulat Jeneral Malaysia di New York, Amerika Syarikat - laporan penyata penyesuaian bank yang dijana daripada SPLN mendapati dua urus niaga yang berlaku pada tahun 2009 dan 2010 masih ditunjukkan dalam Penyata Penyesuaian Bank dan belum diselaraskan.</p>	<p><b><u>Kedutaan Besar Malaysia New York</u></b>            Penyata Penyesuaian Bank – Cek 9921 bertarikh 1.7.2009 (USD 9.00) dan cek 11001 bertarikh 24.5.2010 (USD 375.00) telah selesai di selaraskan pada bulan November 2014.</p>
6.6.1.3.b	<p>Kedutaan Besar Malaysia di Moscow, Rusia - had kuasa berbelanja tidak ditetapkan dan pegawai yang telah bertukar masih berstatus Aktif dalam SPLN.</p>	<p><b><u>Kedutaan Besar Moscow</u></b>            KBM Moscow mengambil maklum teguran Jabatan Audit Negara dan telah memaklumkan kepada Cawangan Akaun dan Bahagian ICT, Kementerian Luar Negeri berhubung perkara ini. Tindakan pembetulan telahpun diambil.</p>



**(AKTIVITI KEMENTERIAN / JABATAN)**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bahagian Pengurusan Hartanah**

**Perenggan 2 : Pengurusan Kuarters Kakitangan Awam**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																					
2.5.1.a	<p><b>Prestasi Pengisian Kuarters</b></p> <p>Setakat bulan Jun 2015, bilangan unit Kuarters BPH bagi semua kawasan adalah sebanyak 26,859 unit kuarters. Daripada jumlah ini, sebanyak 25,278 (94.1%) unit telah diisi. Manakala baki sebanyak 1,581 (5.9%) daripada 26,859 unit kuarters tidak boleh diisi penjawat awam kerana 1,052 (66.5%) unit masih dalam proses pembaikan selepas penghuni lama keluar kuarters, 205 (12.9%) unit telah diserahkan untuk dibangunkan oleh pihak swasta dan 324 (20.5%) unit telah dijadikan rumah transit, surau, rumah komuniti dan disewakan kepada NGO.</p>	<p>Sehingga Oktober 2015, bilangan unit Kuarters BPH bagi semua kawasan adalah sebanyak 26,654 unit kuarters pengurangan sebanyak 207 unit kuarters berbanding Jun 2015 kerana terlibat dengan syor roboh bagi penjanaan hasil kerajaan. Daripada jumlah ini kuarters terkini, sebanyak 25,293 (94.89%) unit telah diisi. Manakala baki sebanyak 1361 (5.11%) tidak boleh diisi penjawat awam kerana 832 (61.13%) unit masih dalam proses pembaikan selepas penghuni lama keluar kuarters, 205 (15.06%) unit telah diserahkan untuk dibangunkan oleh pihak swasta dan 324 (23.80%) unit telah dijadikan rumah transit, surau, rumah komuniti dan disewakan kepada NGO.</p>																					
2.5.1.b	<p>Setakat bulan Mei 2015, senarai menunggu telah meningkat sebanyak 1,855 (6.7%) berbanding 27,596 pada bulan Mac 2015. Analisis Audit terhadap senarai menunggu bulan Mei 2015 mendapati bilangan permohonan kuarters tertinggi adalah bagi Kelas D dan E iaitu masing-masing 8,241 (28.0%) dan 8,018 (27.2%) unit berbanding bilangan kekosongan iaitu masing-masing hanya 75 dan 39 unit. Berdasarkan temubual Audit dengan pegawai BPH di Unit Kuarters, senarai menunggu untuk kuarters Kelas D dan E adalah termasuk pegawai yang telah ditawarkan kuarters Kelas F dan G yang telah bersetuju turun taraf kelas kuarters semasa membuat permohonan.</p>	<p>Sehingga Oktober 2015, senarai menunggu yang direkodkan adalah 29677 peningkatan sebanyak 2,081 (7%) berbanding 27,596 pada bulan Mac 2015. Pecahan senarai menunggu mengikut lokasi adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">BIL</th> <th style="text-align: center;">LOKASI</th> <th style="text-align: center;">SENARAI MENUNGGU</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1.</td> <td>Putrajaya</td> <td style="text-align: center;">19528</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2.</td> <td>KL / PJ, KKKA Jalan Duta, KKKA Jalan U Thant, dan KKKA Brickfields</td> <td style="text-align: center;">9325</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">3.</td> <td>KLIA, Nilai</td> <td style="text-align: center;">235</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">4.</td> <td>Tg Kupang, Johor</td> <td style="text-align: center;">403</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">5.</td> <td>WP Labuan</td> <td style="text-align: center;">186</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;"><b>JUMLAH</b></td> <td style="text-align: center;"><b>29677</b></td> </tr> </tbody> </table>	BIL	LOKASI	SENARAI MENUNGGU	1.	Putrajaya	19528	2.	KL / PJ, KKKA Jalan Duta, KKKA Jalan U Thant, dan KKKA Brickfields	9325	3.	KLIA, Nilai	235	4.	Tg Kupang, Johor	403	5.	WP Labuan	186	<b>JUMLAH</b>		<b>29677</b>
BIL	LOKASI	SENARAI MENUNGGU																					
1.	Putrajaya	19528																					
2.	KL / PJ, KKKA Jalan Duta, KKKA Jalan U Thant, dan KKKA Brickfields	9325																					
3.	KLIA, Nilai	235																					
4.	Tg Kupang, Johor	403																					
5.	WP Labuan	186																					
<b>JUMLAH</b>		<b>29677</b>																					
2.5.1.c	<p>Berdasarkan Piagam Pelanggan, Unit Kuarters Ibu Pejabat BPH hendaklah mengeluarkan surat tawaran kepada pemohon yang berkelayakan dalam tempoh 5 hari dari tarikh kunci kuarters diterima daripada Unit Senggara selepas pembaikan dilaksanakan.</p>	<p>Berdasarkan piagam pelanggan, tempoh masa bagi proses penawaran sehingga penyerahan kunci kepada pemohon adalah seperti berikut:</p> <p style="margin-left: 20px;">i. Tempoh agihan (agihan, buka fail, sediakan surat tawaran dan dokumen</p>																					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini												
		<p>berkaitan) sehingga pemakluman kepada pemohon (telefon/emel) dari tarikh terima kunci dari Unit Senggara adalah 5 hari;</p> <p>ii. Pemohon diberi masa 30 hari (termasuk maklum balas setuju terima, melengkapkan dokumen berkaitan dan menguruskan kemasukan serta terima kunci kuarters) daripada tarikh surat tawaran;</p> <p>iii. Tempoh masa keseluruhan mengikut piagam pelanggan dari tarikh terima kunci kuarters siap dibaikan sehingga penyerahan kunci kepada pemohon adalah 35 hari.</p> <p>iv. Bagi kes penawaran yang telah ditolak oleh pemohon, tempoh masa terpakai bagi setiap penawaran baru akan dikira semula.</p> <p>v. Memandangkan tempoh masa pengauditan yang telah dikira adalah tempoh penyerahan kunci siap dibaikan dari unit senggara sehingga pengisian unit rumah, terdapat unit rumah yang telah dikenal pasti melewati tempoh piagam berada dalam kategori di para iv.</p>												
2.5.1.d	<p>Lawatan Audit telah dijalankan di 266 unit kuarters kosong di semua lokasi yang dipilih untuk diaudit dan didapati sebanyak 33 (12.4%) unit Kuarters Tanjung Kupang, Johor masih boleh diduduki. Bagaimanapun kuarters tersebut masih belum ditawarkan kepada pemohon. Semakan Audit selanjutnya mendapati bilangan permohonan menunggu kuarters tersebut adalah sebanyak 340 permohonan.</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1196 676 1294 703">BIL</th> <th data-bbox="1294 676 1464 703">PERKARA</th> <th data-bbox="1464 676 2078 703">CATATAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1196 703 1294 815">1.</td> <td data-bbox="1294 703 1464 815">H-13-07 (1 unit)</td> <td data-bbox="1464 703 2078 815">Rumah Transit</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 815 1294 1043">2.</td> <td data-bbox="1294 815 1464 1043">H-07-03 (1 unit)</td> <td data-bbox="1464 815 2078 1043">Data di Ibu Pejabat mendapati unit ini adalah unit Rumah Transit, walaubagaimanapun setelah semakan dan pengesahan semula bersama cawangan di KIK didapati unit ini adalah unit kuarters. Sehubungan itu, surat tawaran kepada pemohon telah dikeluarkan pada 6 Oktober 2015.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 1043 1294 1385">3.</td> <td data-bbox="1294 1043 1464 1385">A-05-02 A-03-02 D-14-01 E-10-06 E-07-01 E-06-03 F-16-03 F-13-08 F-12-06 F-09-06 F-02-05</td> <td data-bbox="1464 1043 2078 1385"> <p>Pada Disember 2014, Ibu Pejabat telah menerima senarai sebanyak 177 buah unit kuarters yang siap dibaikan untuk penawaran kepada pemohon. Tawaran telah dikeluarkan secara berperingkat kepada pemohon yang layak. Walaubagaimanapun, sewaktu proses penawaran pihak Ibu Pejabat telah menerima aduan daripada pemohon berikutan keadaan kuarters yang tidak sempurna dibaikan.</p> <p>Sehubungan itu, kesemua tawaran unit kuarters telah ditangguh bagi tujuan semakan semula. Kerja-</p> </td> </tr> </tbody> </table>	BIL	PERKARA	CATATAN	1.	H-13-07 (1 unit)	Rumah Transit	2.	H-07-03 (1 unit)	Data di Ibu Pejabat mendapati unit ini adalah unit Rumah Transit, walaubagaimanapun setelah semakan dan pengesahan semula bersama cawangan di KIK didapati unit ini adalah unit kuarters. Sehubungan itu, surat tawaran kepada pemohon telah dikeluarkan pada 6 Oktober 2015.	3.	A-05-02 A-03-02 D-14-01 E-10-06 E-07-01 E-06-03 F-16-03 F-13-08 F-12-06 F-09-06 F-02-05	<p>Pada Disember 2014, Ibu Pejabat telah menerima senarai sebanyak 177 buah unit kuarters yang siap dibaikan untuk penawaran kepada pemohon. Tawaran telah dikeluarkan secara berperingkat kepada pemohon yang layak. Walaubagaimanapun, sewaktu proses penawaran pihak Ibu Pejabat telah menerima aduan daripada pemohon berikutan keadaan kuarters yang tidak sempurna dibaikan.</p> <p>Sehubungan itu, kesemua tawaran unit kuarters telah ditangguh bagi tujuan semakan semula. Kerja-</p>
BIL	PERKARA	CATATAN												
1.	H-13-07 (1 unit)	Rumah Transit												
2.	H-07-03 (1 unit)	Data di Ibu Pejabat mendapati unit ini adalah unit Rumah Transit, walaubagaimanapun setelah semakan dan pengesahan semula bersama cawangan di KIK didapati unit ini adalah unit kuarters. Sehubungan itu, surat tawaran kepada pemohon telah dikeluarkan pada 6 Oktober 2015.												
3.	A-05-02 A-03-02 D-14-01 E-10-06 E-07-01 E-06-03 F-16-03 F-13-08 F-12-06 F-09-06 F-02-05	<p>Pada Disember 2014, Ibu Pejabat telah menerima senarai sebanyak 177 buah unit kuarters yang siap dibaikan untuk penawaran kepada pemohon. Tawaran telah dikeluarkan secara berperingkat kepada pemohon yang layak. Walaubagaimanapun, sewaktu proses penawaran pihak Ibu Pejabat telah menerima aduan daripada pemohon berikutan keadaan kuarters yang tidak sempurna dibaikan.</p> <p>Sehubungan itu, kesemua tawaran unit kuarters telah ditangguh bagi tujuan semakan semula. Kerja-</p>												

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																		
		F-02-03 H-04-02 J-16-01 K-02-03 A-06-02 A-01-01 C-16-01 D-15-06 D-12-03 D-11-03 D-07-01 F-16-04 F-11-07 G-08-02 H-15-03 H-12-07 K-12-06 K-07-03 K-04-01 K-02-01  (31 Unit)	<p>kerja penyemakan semula selesai dijalankan sehingga Februari 2015 dan proses penawaran secara berperingkat telah dilakukan semula kepada pemohon.</p> <p>Semakan ke atas 31 unit kuarters ini mendapati kesemua kerja-kerja pembaikan telah dijalankan dengan sempurna dan proses penawaran dilakukan.</p> <p>Kesemua unit kuarters ini telah selesai ditawarkan kepada pemohon.</p>																	
<b>2.5.1.e</b>	<p>BPH menetapkan sekiranya terdapat kekosongan, penyerahan kunci kuarters akan diuruskan dalam masa satu hari sebagai piagam pelanggan untuk perkhidmatan pengagihan dan penawaran kuarters. Analisis Audit terhadap sampel Rekod Penyerahan kunci tahun 2013 dan 2014 bagi kuarters di Putrajaya dan kesemua Rekod Penyerahan kunci tahun 2012, 2013 dan 2014 bagi kuarters di KLIA dengan senarai penghuni dan sistem SISPINTAR mendapati Unit Kuarters telah mengambil masa antara 31 hingga 853 hari setelah pembaikan selesai dilaksanakan sehingga penghuni baru masuk bagi 575 unit rumah. Tempoh yang lama bagi membuat penawaran/pengisian kuarters yang kosong boleh menyebabkan berlakunya kes kecurian/vandalisme.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses penawaran kuarters pada umumnya adalah cekap namun masih mempunyai ruang untuk ditambahbaik.</p>	<p>Sambungan jawapan bagi soalan 2.5.1.c</p> <p>Berdasarkan kepada 586 unit rumah yang telah diaudit, berikut adalah pecahan berdasarkan tempoh masa yang sebenar pengagihan dilakukan:</p> <table border="1" data-bbox="1218 1034 2056 1374"> <thead> <tr> <th rowspan="2">BIL</th> <th rowspan="2">JULAT TEMPO H (Bil Hari)</th> <th colspan="2">UNIT RUMAH</th> <th rowspan="2">CATATAN</th> </tr> <tr> <th>PUTRAJAYA</th> <th>KLIA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>≤ 35</td> <td>35</td> <td>31</td> <td>Mematuhi piagam pelanggan.</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>36-150</td> <td>157</td> <td>11</td> <td>Surat tawaran telah dikeluarkan berdasarkan piagam walau bagaimanapun pemohon yang ditawarkan telah menolak tawaran. Proses</td> </tr> </tbody> </table>		BIL	JULAT TEMPO H (Bil Hari)	UNIT RUMAH		CATATAN	PUTRAJAYA	KLIA	1.	≤ 35	35	31	Mematuhi piagam pelanggan.	2.	36-150	157	11	Surat tawaran telah dikeluarkan berdasarkan piagam walau bagaimanapun pemohon yang ditawarkan telah menolak tawaran. Proses
BIL	JULAT TEMPO H (Bil Hari)	UNIT RUMAH				CATATAN														
		PUTRAJAYA	KLIA																	
1.	≤ 35	35	31	Mematuhi piagam pelanggan.																
2.	36-150	157	11	Surat tawaran telah dikeluarkan berdasarkan piagam walau bagaimanapun pemohon yang ditawarkan telah menolak tawaran. Proses																

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
	<p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Unit Kuarters mengambil maklum penawaran 13 unit kuarters (kosong dan telah dibaiki) adalah lewat berbanding KPI 3 hari tempoh penawaran kepada pemohon disebabkan maklumat unit kuarters yang telah sedia untuk ditawarkan oleh Pejabat Cawangan Tanjung Kupang hanya diterima melalui e-mel. Walau bagaimanapun, keseluruhan 32 unit kuarters tersebut telah ditawarkan di antara bulan Mac sehingga Jun 2015.</i></p> <p><i>Antara langkah-langkah penambahbaikan yang telah/akan diambil adalah bagi memastikan masalah kelewatan diatasi terutamanya di luar kawasan Putrajaya adalah seperti berikut:</i></p> <p><i>i. Bagi kuarters di luar Putrajaya pelarasan berikut telah dilaksanakan:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Pemakluman kuarters siap pembaikan dibuat dalam tempoh 1 hari bekerja kepada Ibu Pejabat sama ada melalui emel/faks.</i></li> <li>• <i>Pelarasan rekod kuarters kosong sedia ditawarkan dengan semua Pejabat Cawangan dilaksanakan secara mingguan.</i></li> <li>• <i>Pejabat Cawangan perlu melaporkan kepada Ibu Pejabat jika kuarters yang siap pembaikan tetapi masih tidak dihuni dalam tempoh 30 hari berkuatkuasa pada 15 Oktober 2015.</i></li> <li>• <i>Senarai tawaran diemel/difakskan kepada Pejabat Cawangan bagi memastikan urusan penawaran/kemasukan ke kuarters dapat diuruskan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 35 hari (seperti mana di dalam Piagam Pelanggan)</i></li> </ul> <p><i>ii. Bengkel Standard Operating Procedure (SOP) akan dilaksanakan pada minggu ke-3 bulan November 2015 bagi mengkaji dan menyemak semula setiap piagam pelanggan, proses dan tatacara kerja melibatkan semua unit seperti Unit Kuarters, Unit Naziran, Unit Senggara dan Unit Kesejahteraan Komuniti di Seksyen Pengurusan Kuarters demi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan utama BPH.</i></p> <p><i>Melalui Sistem Bersepadu BPH (SBBPH), tambahan notifikasi peringatan "penawaran akan tamat tempoh" melalui sistem berkenaan kepada desk officer diharapkan dapat membantu maklum balas dalam tempoh yang</i></p>				240	<p>pengiraan tempoh masa tarikh masuk kuarters akan dikira semula setelah surattawaran baru dikeluarkan.</p> <p>Kelewatan pegawai menawarkan kuarters / membuat pemantauan kemasukan kuarters kepada pemohon kerana semakan dibuat secara manual dan hanya dibuat oleh seorang pembantu tadbir yang melibatkan kerja-kerja permohonan, penawaran, pemantauan, senarai menunggu, dan kerja-kerjayang diarahkan dan menyebabkan semakan tidak dapat dilakukan secara berkala.</p>
		3.	151-300	5		<p>Surat tawaran telah dikeluarkan berdasarkan piagam walau bagaimanapun kesemua pemohon yang ditawarkan telah menolak tawaran. Proses pengiraan tempoh masa tarikh masuk kuarters akan dikira semula setelah surat tawaran baru dikeluarkan.</p>
				2	67	<p>Kelewatan pegawai menawarkan/ pemantauan masuk kuarters kepada pemohon kerana semakan dibuat secara manual dan hanya dibuat oleh seorang pembantu tadbir yang melibatkan kerja-kerja</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
	<p><i>ditetapkan, penawaran tersebut akan dibatalkan dan penawaran semula kepada pemohon lain dapat disegerakan.</i></p>					<p>permohonan, penawaran, pemantauan, senarai menunggu, dan kerja-kerja yang diarahkan dan menyebabkan semakan tidak dapat dilakukan secara berkala.</p>
		4.	301-450	1	20	<p>Kelewatan pegawai menawarkan/pemantauan masuk kuarters kepada pemohon kerana semakan dibuat secara manual dan hanya dibuat oleh seorang pembantu tadbir yang melibatkan kerja-kerja permohonan, penawaran, pemantauan, senarai menunggu, dan kerja-kerja yang diarahkan dan menyebabkan semakan tidak dapat dilakukan secara berkala.</p>
		5.	≥451	-	15	<p>Kelewatan pegawai menawarkan/pemantauan masuk kuarters kepada pemohon kerana semakan dibuat secara manual dan hanya dibuat oleh seorang pembantu tadbir yang melibatkan kerja-kerja permohonan, penawaran, pemantauan, senarai menunggu, dan kerja-kerja yang diarahkan dan menyebabkan semakan tidak dapat dilakukan secara berkala.</p>
					1	<p>Berdasarkan analisis unit</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
					1	<p>13-D-00-01 masih belum ditawarkan sehingga 943 berdasarkan tarikh serah kunci pada 20 Jun 2012. Melalui semakan semula tarikh serah kunci pembaikan adalah pada 21 Julai 2014. Proses penawaran pertama telah dibuat pada 23 Julai 2014, kedua pada 20 Ogos 2014, ketiga 9 September 2015 dan keempat pada 19 Januari 2015. Walau bagaimanapun tawaran tersebut dibatalkan kerana kuarters mengalami kerosakan major (resapan pada struktur binaan)</p> <p>04-A-00-01 adalah Rumah Komuniti dan digunakan bagi aktiviti komuniti setempat.</p>
		<b>JUMLAH</b>	<b>200</b>	<b>386</b>		
<p>Berdasarkan jadual di atas hanya 1.5% daripada 200 unit rumah di audit di Putrajaya telah lewat ditawarkan. Bahagian ini mengambil bahawa sebanyak 342 (88.6%) unit kuarters di KLIA telah lewat ditawarkan.</p> <p>Antara justifikasi penolakan penawaran adalah atas alasan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kedudukan unit di tingkat 4 dan tiada lif (Kuarters KLIA);</li> <li>ii. Kedudukan kuarters yang ditawarkan jauh daripada lokasi sekolah anak pemohon;</li> <li>iii. Pemohon tidak berminat bagi menduduki rumah secara berkongsi (bujang) (Kuarters KLIA);</li> <li>iv. Tempoh masa bagi mendapatkan pasangan berkongsi unit bujang mengikut jantina, agama dan bangsa (Kuarters KLIA);</li> </ol>						

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>v. Keadaan rumah yang tidak memenuhi citarasa pemohon;</p> <p>vi. Pegawai yang ditawarkan kuarters telah berpindah tempat bertugas (pemohon tidak mengemaskini maklumat permohonan kuarters);</p> <p>vii. Pegawai yang ditawarkan kuarters telah membeli rumah sendiri dan tidak mahu menduduki kuarters (pemohon tidak mengemaskini maklumat permohonan kuarters).</p> <p>Antara justifikasi kelewatan penawaran adalah seperti berikut;</p> <p>i. Tiada sistem pemantauan yang khusus menyebabkan semakan dilakukan secara manual;</p> <p>ii. Bebanan kerja seorang pembantu tadbir yang bertugas yang perlu memantau sebanyak 1706 unit kuarters di samping melaksanakan kerja-kerja lain yang diarahkan; dan</p> <p>iii. Sikap pegawai yang kurang penelitian dalam pelaksanaan tugas.</p> <p><b><u>LANGKAH-LANGKAH PENAMBAHBAIKAN</u></b></p> <p>Antara langkah-langkah penambahbaikan yang telah/akan diambil adalah bagi memastikan masalah kelewatan diatasi terutamanya di luar kawasan Putrajaya adalah seperti berikut:</p> <p>i. Bagi kuarters di luar Putrajaya pelarasan berikut <b><u>telah</u></b> dilaksanakan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemakluman kuarters siap pembaikan dibuat dalam tempoh 1 hari bekerja kepada Ibu Pejabat sama ada melalui emel/faks.</li> <li>• Pelarasan rekod kuarters kosong sedia ditawarkan dengan semua Pejabat Cawangan dilaksanakan secara mingguan.</li> <li>• Pejabat Cawangan <b><u>perlu</u></b> melaporkan kepada Ibu Pejabat jika kuarters yang siap pembaikan tetapi masih tidak dihuni dalam tempoh 30 hari berkuatkuasa pada 15 Oktober 2015.</li> <li>• Senarai tawaran diemel/difakskan kepada Pejabat Cawangan bagi memastikan urusan penawaran/kemasukkan ke kuarters dapat</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>diuruskan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 35 hari (sepertimana di dalam Piagam Pelanggan).</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Bengkel <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) akan dilaksanakan pada minggu ke- 3 bulan November 2015 bagi mengkaji dan menyemak semula setiap piagam pelanggan, proses dan tatacara kerja melibatkan semua unit seperti Unit Kuarters, Unit Naziran, Unit Senggara dan Unit Kesejahteraan Komuniti di Seksyen Pengurusan Kuarters demi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan utama BPH.</li> <li>iii. Melalui Sistem Bersepadu BPH (SBBPH), tambahan notifikasi peringatan "penawaran akan tamat tempoh" melalui sistem berkenaan kepada <i>desk officer</i> diharapkan dapat membantu pegawai dalam memastikan sekiranya pemohon tidak memberikan maklumbalas dalam tempoh yang ditetapkan, penawaran tersebut akan dibatalkan dan penawaran semula kepada pemohon lain dapat disegerakan.</li> <li>iv. Pengisian jawatan kosong di Unit Kuarters BPH telah diselaraskan pada Oktober 2015.</li> <li>v. Mesyuarat seksyen dengan semua wakil cawangan secara berkala diadakan 2 bulan sekali bagi memastikan isu-isu berbangkit dapat dikenal pasti dan diselesaikan dengan segera.</li> </ul>
2.5.2	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Mei 2015, BPH telah mengagihkan peruntukan kepada agensi pelaksana yang menguruskan penyenggaraan kuarters seperti JKR dan PPJ berjumlah RM241.82 juta. Peruntukan tersebut diagihkan kepada agensi pelaksana secara berperingkat setiap tahun. Jumlah perbelanjaan sebenar bagi tempoh tahun tersebut adalah sebanyak RM209.82 juta (86.8%).</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan keseluruhannya oleh BPH terhadap peruntukan bagi penyenggaraan kuarters adalah baik. Bagaimanapun pada tahun 2013 dan 2014, terdapat jabatan/agensi telah kurang membelanjakan peruntukan yang diterima.</p>	<p>Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Mei 2015, BPH telah mengagihkan peruntukan kepada agensi pelaksana yang menguruskan penyenggaraan kuarters seperti JKR dan PPJ berjumlah RM241.82 juta. Peruntukan tersebut diagihkan kepada agensi pelaksana secara berperingkat setiap tahun. Jumlah perbelanjaan sebenar bagi tempoh tahun tersebut adalah sebanyak RM209.82 (86.77%). Perbelanjaan sebenar pada tahun 2014 oleh BPH untuk penyenggaraan kuarters adalah sebanyak RM259.64 juta daripada peruntukan yang diluluskan berjumlah RM311.98 juta (93.71%).</p>






Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																																																																																																																																						
	<p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Jumlah perbelanjaan memang didapati agak rendah jika dibandingkan dengan peruntukan yang telah diluluskan. Walau bagaimanapun perbelanjaan yang rendah ini bukan disebabkan kerja-kerja yang dirancang gagal dilaksanakan. Semua kontrak untuk kerja-kerja penyenggaraan telah berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang iaitu sebaik sahaja tamat tempoh kontrak kontraktor di bawah JKR.</i></p> <p><i>Dalam permohonan peruntukan pada masa akan datang, maklumat kontrak-kontrak yang terdahulu akan dijadikan panduan bagi mendapatkan anggaran kos kerja yang lebih tepat.</i></p> <p><i>Mesyuarat Penyelaras Penyenggaraan Kuarters Kerajaan akan diadakan secara berkala di mana isu-isu diperingkat stakeholders seperti prestasi kewangan, pemantauan aduan dan perancangan kerja dapat dibincangkan dengan lebih teliti.</i></p>	<p style="text-align: center;"><b>JADUAL 8 (JADUAL 2.4)</b></p> <p style="text-align: center;"><b>PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA 2014</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>TAHUN</th> <th>PERUNTUKAN (RM)</th> <th>PERBELANJAAN (RM)</th> <th>PERATUS (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2012</td> <td>75,935,307.23</td> <td>73,133,620.31</td> <td>96.31%</td> </tr> <tr> <td>2013</td> <td>68,292,613.68</td> <td>59,966,520.55</td> <td>87.81%</td> </tr> <tr> <td>2014</td> <td>89,492,413.42</td> <td>83,860,209.30</td> <td>93.71%</td> </tr> <tr> <td>2015*</td> <td>78,257,512.57</td> <td>42,682,756.01</td> <td>54.54%</td> </tr> <tr> <td><b>JUMLAH</b></td> <td><b>311,977,846.90</b></td> <td><b>259,643,106.17</b></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;"><b>JADUAL 9 (JADUAL 2.7)</b></p> <p style="text-align: center;"><b>PERUNTUKAN DI BAWAH OBJEK SEBAGAI 28900 DAN PERBELANJAAN OBJEK LANJUT 28101 MENGIKUT AGENSI PELAKSANA BAGI TEMPOH TAHUN 2012 HINGGA BULAN MEI 2015</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Nama Agensi</th> <th colspan="3">TAHUN 2012</th> <th colspan="3">TAHUN 2013</th> <th colspan="3">TAHUN 2014</th> <th colspan="3">TAHUN 2015</th> </tr> <tr> <th>PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)</th> <th>PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)</th> <th>PERATUS (%)</th> <th>PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)</th> <th>PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)</th> <th>PERATUS (%)</th> <th>PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)</th> <th>PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)</th> <th>PERATUS (%)</th> <th>PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)</th> <th>PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)</th> <th>PERATUS (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>JKR W/P Putrajaya</td> <td>39.55</td> <td>39.39</td> <td>99.60</td> <td>34.20</td> <td>34.09</td> <td>99.68</td> <td>45.53</td> <td>45.27</td> <td>99.43</td> <td>19.35</td> <td>15.22</td> <td>99.60</td> </tr> <tr> <td>JKR W/P KL</td> <td>10.48</td> <td>10.48</td> <td>100.00</td> <td>14.13</td> <td>10.06</td> <td>71.13</td> <td>15.73</td> <td>15.71</td> <td>99.87</td> <td>8.82</td> <td>3.64</td> <td>100.00</td> </tr> <tr> <td>JKR Negeri Sembilan</td> <td>4.63</td> <td>4.62</td> <td>99.78</td> <td>2.42</td> <td>1.56</td> <td>73.58</td> <td>2.42</td> <td>2.41</td> <td>99.59</td> <td>1.32</td> <td>0.38</td> <td>99.78</td> </tr> <tr> <td>JKR Johor</td> <td>4.22</td> <td>4.14</td> <td>98.10</td> <td>1.99</td> <td>1.66</td> <td>87.93</td> <td>3.46</td> <td>3.46</td> <td>100.00</td> <td>3.00</td> <td>0.97</td> <td>98.10</td> </tr> <tr> <td>JKR W/P Labuan</td> <td>1.61</td> <td>1.61</td> <td>100.00</td> <td>0.26</td> <td>0.14</td> <td>53.85</td> <td>0.55</td> <td>0.55</td> <td>100.00</td> <td>0.14</td> <td>0.09</td> <td>100.00</td> </tr> <tr> <td>PPj</td> <td>TB</td> <td>TB</td> <td>TB</td> <td>TB</td> <td>TB</td> <td>TB</td> <td>9.01</td> <td>4.22</td> <td>84.23</td> <td>29.38</td> <td>10.14</td> <td>39.95</td> </tr> <tr> <td><b>JUMLAH</b></td> <td><b>66.49</b></td> <td><b>60.24</b></td> <td><b>99.59</b></td> <td><b>52.60</b></td> <td><b>47.56</b></td> <td><b>90.30</b></td> <td><b>72.72</b></td> <td><b>71.64</b></td> <td><b>98.51</b></td> <td><b>56.01</b></td> <td><b>30.44</b></td> <td><b>54.35</b></td> </tr> <tr> <td></td> <td>Peruntukan 2012-2015</td> <td>Belanja 2012-2015</td> <td>Peratus (%)</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td>241.82</td> <td>209.82</td> <td>86.77%</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Prestasi 84.23% untuk PPj disebabkan:</b></p> <p>a) Jumlah perbelanjaan memang didapati agak rendah jika dibandingkan dengan peruntukan yang telah diluluskan. Walau bagaimanapun perbelanjaan yang rendah ini bukan disebabkan kerja-kerja yang dirancang gagal dilaksanakan. Semua kontrak untuk kerja-kerja penyelenggaraan telah berjaya dilaksanakan seperti yang dirancang iaitu sebaik sahaja tamat tempoh kontrak kontraktor di bawah JKR.</p>	TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)	2012	75,935,307.23	73,133,620.31	96.31%	2013	68,292,613.68	59,966,520.55	87.81%	2014	89,492,413.42	83,860,209.30	93.71%	2015*	78,257,512.57	42,682,756.01	54.54%	<b>JUMLAH</b>	<b>311,977,846.90</b>	<b>259,643,106.17</b>		Nama Agensi	TAHUN 2012			TAHUN 2013			TAHUN 2014			TAHUN 2015			PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)	PERATUS (%)	PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)	PERATUS (%)	PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)	PERATUS (%)	PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)	PERATUS (%)	JKR W/P Putrajaya	39.55	39.39	99.60	34.20	34.09	99.68	45.53	45.27	99.43	19.35	15.22	99.60	JKR W/P KL	10.48	10.48	100.00	14.13	10.06	71.13	15.73	15.71	99.87	8.82	3.64	100.00	JKR Negeri Sembilan	4.63	4.62	99.78	2.42	1.56	73.58	2.42	2.41	99.59	1.32	0.38	99.78	JKR Johor	4.22	4.14	98.10	1.99	1.66	87.93	3.46	3.46	100.00	3.00	0.97	98.10	JKR W/P Labuan	1.61	1.61	100.00	0.26	0.14	53.85	0.55	0.55	100.00	0.14	0.09	100.00	PPj	TB	TB	TB	TB	TB	TB	9.01	4.22	84.23	29.38	10.14	39.95	<b>JUMLAH</b>	<b>66.49</b>	<b>60.24</b>	<b>99.59</b>	<b>52.60</b>	<b>47.56</b>	<b>90.30</b>	<b>72.72</b>	<b>71.64</b>	<b>98.51</b>	<b>56.01</b>	<b>30.44</b>	<b>54.35</b>		Peruntukan 2012-2015	Belanja 2012-2015	Peratus (%)											241.82	209.82	86.77%									
TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)																																																																																																																																																																					
2012	75,935,307.23	73,133,620.31	96.31%																																																																																																																																																																					
2013	68,292,613.68	59,966,520.55	87.81%																																																																																																																																																																					
2014	89,492,413.42	83,860,209.30	93.71%																																																																																																																																																																					
2015*	78,257,512.57	42,682,756.01	54.54%																																																																																																																																																																					
<b>JUMLAH</b>	<b>311,977,846.90</b>	<b>259,643,106.17</b>																																																																																																																																																																						
Nama Agensi	TAHUN 2012			TAHUN 2013			TAHUN 2014			TAHUN 2015																																																																																																																																																														
	PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)	PERATUS (%)	PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)	PERATUS (%)	PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)	PERATUS (%)	PERUNTUKAN OI28900 (RM Juta)	PERBELANJAAN OL28101 (RM Juta)	PERATUS (%)																																																																																																																																																												
JKR W/P Putrajaya	39.55	39.39	99.60	34.20	34.09	99.68	45.53	45.27	99.43	19.35	15.22	99.60																																																																																																																																																												
JKR W/P KL	10.48	10.48	100.00	14.13	10.06	71.13	15.73	15.71	99.87	8.82	3.64	100.00																																																																																																																																																												
JKR Negeri Sembilan	4.63	4.62	99.78	2.42	1.56	73.58	2.42	2.41	99.59	1.32	0.38	99.78																																																																																																																																																												
JKR Johor	4.22	4.14	98.10	1.99	1.66	87.93	3.46	3.46	100.00	3.00	0.97	98.10																																																																																																																																																												
JKR W/P Labuan	1.61	1.61	100.00	0.26	0.14	53.85	0.55	0.55	100.00	0.14	0.09	100.00																																																																																																																																																												
PPj	TB	TB	TB	TB	TB	TB	9.01	4.22	84.23	29.38	10.14	39.95																																																																																																																																																												
<b>JUMLAH</b>	<b>66.49</b>	<b>60.24</b>	<b>99.59</b>	<b>52.60</b>	<b>47.56</b>	<b>90.30</b>	<b>72.72</b>	<b>71.64</b>	<b>98.51</b>	<b>56.01</b>	<b>30.44</b>	<b>54.35</b>																																																																																																																																																												
	Peruntukan 2012-2015	Belanja 2012-2015	Peratus (%)																																																																																																																																																																					
	241.82	209.82	86.77%																																																																																																																																																																					





Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>b) Jumlah perbelanjaan yang rendah adalah disebabkan kos kerja penyelenggaraan oleh pihak kontraktor semasa memasuki tender adalah lebih rendah daripada anggaran kos kerja oleh PPj.</p> <p>c) Selain daripada itu adalah dimaklumkan bahawa perbelanjaan kos kontrak terbahagi kepada dua (2) iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perbelanjaan tetap – ia adalah merangkumi bayaran yang dikeluarkan untuk kerja-kerja tetap seperti kos untuk kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan (<i>preventive maintenance</i>). Kerja-kerja ini telah ditetapkan dalam senarai harga (BQ) dan bayaran adalah perlu dibuat mengikut selang masa kerja seperti yang telah ditetapkan.</li> <li>ii. Perbelanjaan berubah- ia merangkumi perbelanjaan yang tidak dapat ditentukan. Kerja-kerja yang melibatkan perbelanjaan jenis ini adalah seperti kerja-kerja pembaikan (<i>corrective maintenance</i>) dan penambahbaikan (<i>up-grading</i>). Kerja-kerja pembaikan hanya dijalankan sekiranya diperlukan atau ada aduan manakala kerja-kerja penambahbaikan memerlukan perancangan yang lebih teliti dan mungkin memerlukan kontrak berasingan untuk perlaksanaannya.</li> </ul> <p><b>1) Tindakan Penambahbaikan</b>            Dalam permohonan peruntukan pada masa akan datang, maklumat kontrak-kontrak yang terdahulu akan dijadikan panduan bagi mendapatkan anggaran kos kerja yang lebih tepat.</p> <p>Mesyuarat penyelarasan penyelenggaraan kuarters kerajaan akan diadakan secara berkala dimana isu-isu diperingkat <i>stakeholders</i> seperti prestasi kewangan, pemantauan aduan dan perancangan kerja dapat dibincangkan dengan lebih teliti.</p>
2.5.3.1.a	<p><b>Pengurusan Kuarters BPH - Potongan Imbuan Tetap Perumahan (ITP), Bantuan Sara Hidup (COLA) Atau Elaun Perumahan Wilayah (EPW) Dan Caj Pembentungan</b></p> <p>Perintah-Perintah Am Bab E (Rumah dan Pejabat Kerajaan) dan Perenggan 4 Surat Perjanjian Menduduki Kuarters Kerajaan berkenaan potongan Imbuan Tetap Perumahan (ITP), Bantuan Sara Hidup (COLA) atau Elaun Perumahan Wilayah (EPW) menyatakan bahawa sepanjang tempoh Penghuni menduduki kuarters, potongan ITP, COLA atau EPW (yang mana berkenaan) hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan masing-masing bermula dari</p>	<p>1) BPH tidak menguatkuasakan surat arahan potongan ITP, COLA &amp; EPW mulai September 2012 sehingga Februari 2014 di atas perubahan dasar pada masa tersebut. Dalam tempoh tersebut, klausa yang terkandung di dalam Sijil Akuan Masuk Rumah digunapakai sebagai arahan potongan gaji kepada Jabatan penghuni. Salinan kepada Jabatan bagi Sijil Akuan Masuk Rumah telah diserahkan kepada penghuni semasa pengambilan kunci kuarters untuk dikemukakan kepada Jabatan masing-masing bagi tujuan potongan sewa kuarters.</p> <p>2) Berdasarkan kepada peraturan di para 3.2 dan 3.3 Sijil Akuan Masuk Rumah</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
	<p>tarikh Sijil Akuan Masuk dan akan terhenti pada tarikh di Sijil Akuan Keluar. Setiap penghuni bertanggungjawab untuk memastikan Jabatan masing-masing melaksanakan pemotongan tersebut. Selain itu, Perenggan 6 pula menyatakan penghuni bertanggungjawab untuk menjelaskan segala bayaran bersabit dengan kuarters seperti caj pembentungan. Perenggan 10.1.11. menyatakan penghuni boleh hilang kelayakan menduduki kuarters sekiranya tidak menjelaskan bayaran sewa kuarters selama 3 bulan berturut-turut.</p>	<p>adalah menjadi tanggungjawab Jabatan mengemukakan penyata gaji potongan kuarters (ITP/COLA/EPW) kepada BPH.</p> <p>3) Klausa 4.3 Perjanjian Menduduki Kuarters juga menjelaskan bahawa penghuni hendaklah memastikan jabatan masing-masing melaksanakan potongan ITP/COLA/EPW.</p> <p>4) Dalam hal ini, tunggakan sebenar di bawah BPH bagi pembayaran ITP, COLA atau EPW adalah bagi kes penghuni yang tidak lagi berkhidmat dalam perkhidmatan awam sahaja, manakala penghuni yang masih berkhidmat adalah dibawah tunggakan Jabatan masing-masing.</p>								
<p><b>2.5.3.1.b</b></p>	<p>Mengikut prosedur BPH, Surat Arahan Potongan Gaji (APG) akan dikeluarkan kepada semua Jabatan penghuni sebaik sahaja penghuni memasuki kuarters. Semakan Audit mendapati perkara berikut:</p> <p>i. Surat Arahan Potongan Gaji (APG) yang dikeluarkan oleh BPH hanya memohon Jabatan untuk mengemukakan semula borang potongan serta slip gaji sebelum dan selepas potongan penghuni dilaksanakan. Bagaimanapun, BPH tidak memohon Jabatan untuk mengemukakan resit pembayaran (pembayaran secara tunai)/Borang Perubahan Gaji (SG20) (pembayaran secara ansuran bulanan) untuk mengesahkan pembayaran/pemotongan gaji.</p> <p>ii. Sebanyak 23 (3.82%) daripada sampel 602 fail penghuni tidak mempunyai bukti mengenai pengeluaran surat APG.</p> <p>iii. Sebanyak 424 (64.8%) daripada sampel 602 fail penghuni tidak ada bukti mengenai penerimaan slip gaji sebelum dan selepas potongan gaji.</p>									
<p><b>2.5.3.1.c</b></p>	<p>Analisis Audit terhadap senarai penghuni menduduki kuarters yang bertugas di agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan penyata gaji bulan Jun 2015 mendapati potongan ITP, COLA atau EPW dan caj pembentungan bagi 39 penghuni kuarters yang mula menduduki kuarters pada tahun 2005 hingga 2014 iaitu melibatkan 8 hingga 125 bulan masih belum dibuat. Tunggakan ITP, COLA atau EPW dan caj pembentungan setakat bulan Jun 2015 adalah dianggarkan berjumlah RM811,326. Semakan Audit selanjutnya terhadap 39 penghuni terlibat mendapati 29 (74%) surat APG dikeluarkan terus kepada Jabatan penghuni manakala 10 (26%) lagi surat APG dikeluarkan kepada Jabatan melalui penghuni. Kegagalan membuat pemotongan telah menyebabkan berlaku ketirisan pendapatan Kerajaan di bawah kod Terimaan Pulang Balik Perbelanjaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan pemotongan ITP/COLA/EPW kurang efektif kerana tidak dapat mengesan dengan segera penghuni yang</p>	<p>Penjelasan berhubung analisis Audit berhubung tunggakan ITP, COLA, EPW dan caj pembentungan bagi 40 penghuni kuarters adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1198 1066 2072 1374"> <thead> <tr> <th data-bbox="1198 1066 1335 1177">BIL</th> <th data-bbox="1335 1066 1543 1177">BILANGAN INDIVIDU TERLIBAT</th> <th data-bbox="1543 1066 1731 1177">JUMLAH TUNGGAKAN (RM)</th> <th data-bbox="1731 1066 2072 1177">CATATAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1198 1177 1335 1374">1.</td> <td data-bbox="1335 1177 1543 1374">1 orang</td> <td data-bbox="1543 1177 1731 1374">57,770.00</td> <td data-bbox="1731 1177 2072 1374">Selesai. Semakan buku servis mendapati pegawai ini telah mengambil cuti tanpa gaji dan tidak pernah menduduki kuarters.</td> </tr> </tbody> </table>	BIL	BILANGAN INDIVIDU TERLIBAT	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	CATATAN	1.	1 orang	57,770.00	Selesai. Semakan buku servis mendapati pegawai ini telah mengambil cuti tanpa gaji dan tidak pernah menduduki kuarters.
BIL	BILANGAN INDIVIDU TERLIBAT	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)	CATATAN							
1.	1 orang	57,770.00	Selesai. Semakan buku servis mendapati pegawai ini telah mengambil cuti tanpa gaji dan tidak pernah menduduki kuarters.							







Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini			
	<p>belum membuat pemotongan. Keadaan ini menyebabkan tindakan terhadap penghuni yang tidak menjelaskan bayaran sewa kuarters selama 3 bulan berturut-turut sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perintah Am sukar diambil disamping memberi kesan kepada pendapatan Kerajaan. Selain itu, BPH perlu mengkaji penganan denda kepada penghuni yang gagal membuat pemotongan bayaran sewa selain membuat bayaran balik.</p> <p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Berdasarkan peraturan dan dasar sedia ada, BPH tidak menjadikan resit pembayaran (pembayaran secara tunai) atau Borang Perubahan Gaji (SG20) (pembayaran secara ansuran bulanan) oleh penghuni sebelum potongan gaji dibuat sebagai dokumen wajib untuk dikemukakan semula kepada BPH dalam fail penghuni.</i></p> <p><i>Tindakan telah diambil bagi 39 penghuni seperti membuat potongan gaji, penyelarasan lejar bayaran dan kes diserahkan kepada Unit Naziran untuk disiasat.</i></p> <p><i>Bermula pada pertengahan Februari 2014 Surat Arahan Potongan Gaji telah dikeluarkan semula kepada Ketua Jabatan penghuni. Pemakluman untuk kemukakan slip gaji sebelum dan selepas potongan telah diemlkan kepada penghuni bagi mereka yang tiada slip gaji dalam fail.</i></p> <p><i>BPH juga akan melaksanakan penambahan klausa yang terkandung dalam surat tawaran kuarters dan surat perjanjian menduduki kuarters yang menyatakan tanggungjawab penghuni dan Jabatan penghuni bertugas dalam memastikan setiap dokumen slip gaji sebelum dan selepas potongan sewa kuarters serta resit pembayaran (pembayaran secara tunai)/Borang Perubahan Gaji (SG 20) (pembayaran secara ansuran bulanan) oleh penghuni sebelum potongan gaji dibuat dikemukakan segera kepada pihak BPH.</i></p> <p><i>BPH juga akan mengkaji semula peraturan dan tindakan penguatkuasaan kepada penghuni kuarters yang tidak mengemukakan Salinan slip gaji sebelum dan selepas pemotongan ITP/COLA/EPW dan caj pembedung walaupun Surat Arahan Potongan Gaji telah diterima dalam Bengkel SOP yang akan diadakan dalam masa terdekat.</i></p>				Kuarters telah ditawarkan dan diduduki oleh pemohon lain semenjak 17 November 2003.
		2.	2 orang	20,582.81	Potongan telah dilakukan mulai Februari dan September 2015.
		3.	7 orang	173,658.50	Penyelarasan lejar bayaran sedang diproses oleh Unit Kewangan BPH bagi tindakan memaklumkan Jabatan terkini untuk membuat potongan.
		4.	12 orang	169,411.99	Unit Kuarters sedang menyediakan senarai kes untuk diserahkan kepada Unit Naziran pada 16 Oktober 2015.
		5.	18 orang	447,663.62	Senarai dalam proses semakan penempatan terkini di JPA untuk memastikan Jabatan terkini bagi proses tuntutan tunggakan.
		<b>JUMLAH</b>	<b>40</b>	<b>869,086.92</b>	
		<p>Berdasarkan jadual di atas sebanyak RM 363,653.30 (41.8%) telah dikenal pasti untuk tindakan peringkat Jabatan terkini penghuni kuarters. Proses pemakluman, penyelarasan lejar dan surat peringatan kepada Jabatan terlibat sedang dilakukan dan dijangka siap akhir November 2015.</p>			



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Bagi tunggakan sebanyak RM 447,663.62 (51.5%) proses pengenalpastian Jabatan terkini penghuni telah dipanjangkan kepada JPA pada 15 Oktober 2015 (no telefon yang diberikan penghuni tidak aktif dan jabatan terkini tidak dapat dikenal pasti). Proses pemakluman, penyelarasan lejar dan surat peringatan kepada Jabatan terlibat akan dilakukan setelah mendapat maklum balas daripada pihak JPA.</p> <p><b><u>Tindakan Penambahbaikan</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Bermula pada pertengahan Feb 2014 Surat Arahan Potongan Gaji telah dikeluarkan semula kepada Ketua Jabatan penghuni;</li> <li>2) Pemakluman untuk mengemukakan slip gaji sebelum dan selepas potongan telah diemelkan kepada penghuni bagi mereka yang tiada slip gaji dalam fail;</li> <li>3) BPH juga akan melaksanakan penambahbaikan daripada segi klausa yang terkandung dalam surat tawaran kuarters dan surat perjanjian menduduki kuarters yang menyatakan tanggungjawab penghuni dan Jabatan penghuni bertugas dalam memastikan setiap dokumen slip gaji sebelum dan selepas potongan sewa kuarters serta resit pembayaran (pembayaran secara tunai)/Borang Perubahan Gaji (SG20) (pembayaran secara ansuran bulanan) oleh penghuni sebelum potongan gaji dibuat dikemukakan segera kepada pihak BPH; dan</li> <li>4) BPH juga akan mengkaji semula peraturan dan tindakan penguatkuasaan kepada penghuni kuarters yang tidak mengemukakan salinan slip gaji sebelum dan selepas pemotongan ITP/COLA/EPW &amp; Caj Pembentukan walaupun Surat Arahan Potongan Gaji telah diterima dalam Bengkel SOP yang akan diadakan dalam masa terdekat.</li> </ol>
2.5.3.2.b	<p><b>Pelanggaran Syarat Perjanjian</b></p> <p>Perenggan 6.1.4. Syarat Perjanjian Menduduki Kuarters menyatakan penghuni bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Kerajaan dengan segera jika terdapat kerosakan kepada bangunan kuarters tersebut atau mana-mana peralatan atau pemasangan tersekat, tersumbat, bocor ataupun rosak atau berlaku kacau ganggu terhadap kemudahan bersama. Lawatan Audit mendapati terdapat kerosakan yang berlaku pada kuarters. Namun, pihak Audit tidak dapat menemui bukti kerosakan tersebut telah dilaporkan untuk diambil tindakan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, pihak BPH</p>	<p>BPH bersetuju dengan penemuan Audit berkaitan kerosakan yang berlaku di Kuarters. Bagi kerosakan yang telah dinyatakan dalam LKAN, penjelasan bagi kerosakan adalah seperti berikut:</p> <p>Gambar 2.1 – Pokok-pokok selain daripada pokok pagar ditanam sendiri oleh penghuni kuarters. Di dalam kontrak, skop penyenggaraan hanya merangkumi memangkas pokok pagar kecil. Surat mohon pandangan BPH telah dikeluarkan pada 9 September 2015. (8.9.2015)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	telah mengambil tindakan untuk memperbaiki kerosakan.	Gambar 2.2 – Pembaikan telah dilaksanakan (3/9/15)
2.5.3.2.c	<p>Perenggan 6.1.15. Syarat Perjanjian Menduduki Kuarters menyatakan bahawa penghuni tidak dibenarkan membuat sebarang pengubahsuaian atau perubahan tambahan atau pertukaran bentuk dengan apa cara sekalipun kepada kuarters tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa persetujuan bertulis Kerajaan. Lawatan Audit ke 266 unit kuarters kosong di semua lokasi mendapati 5 (1.9%) penghuni telah membuat perubahan warna cat pada dinding dan kipas kepada warna lain. Kegagalan penghuni dalam memastikan kuarters yang diserahkan dalam keadaan asal akan menyebabkan kos mengecat semula ditanggung oleh BPH.</p>	<p>Gambar 2.3 – Pembaikan telah dilaksanakan (1/9/15)</p> <p>Gambar 2.4 –Tiada aduan daripada penghuni. Walaubagaimanapun pihak JKR telah mengarahkan kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan.</p> <p><b>Status Gambar 2.1 hingga 2.4</b></p>  <p>Pokok-pokok selain daripada pokok pagar ditanam sendiri oleh penghuni kuarters. Di dalam kontrak, skop penyenggaraan hanya merangkumi memangkas pokok pagar kecil. Surat daripada JKRWPP memohon pandangan BPH telah dikeluarkan pada 9 September 2015. (8/9/2015)</p>
2.5.3.2.d	<p>Peraturan menduduki perumahan penjawat awam menetapkan bahawa penghuni hendaklah menjaga harta benda dan kemudahan awam daripada dirosakkan atau vandalisme. Lawatan Audit terhadap bangunan kuarters mendapati terdapat kerosakan, bagaimanapun tindakan pembaikan telah diambil selepas teguran Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelanggaran syarat penjagaan kuarters oleh penghuni yang tidak diambil tindakan yang berkesan akan menyebabkan Kerajaan terpaksa berterusan menanggung kos dalam membaik pulih kuarters.</p> <p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>BPH akan mengeluarkan peringatan secara notis kepada penghuni agar mengemukakan aduan dengan segera kepada Kontraktor Penyenggaraan bagi sebarang kerosakan.</i></p> <p><i>Operasi pemantauan dan pemeriksaan ke kuarters mengikut lokasi secara berjadual yang berterusan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan penghuni sentiasa mematuhi peraturan menduduki kuarters. Walau bagaimanapun masih terdapat penghuni yang tidak mematuhi peraturan menduduki kuarters Kerajaan.</i></p> <p><i>Kerosakan disebabkan oleh vandalisme telah diambil tindakan pembaikan. Dialog kesedaran bersama penduduk dan komuniti sentiasa diadakan secara berkala dan berterusan oleh BPH bersama agensi yang terlibat bagi memberi kesedaran tanggungjawab dalam menjaga harta benda Kerajaan.</i></p> <p><i>Penghuni tidak dikenakan sebarang kos pembaikan kerana peraturan tidak</i></p>	<p><b>Gambar 2.1 (Sebelum)</b></p>  <p><b>Gambar 2.1 (Selepas)</b></p>  <p><b>Gambar 2.2 (Sebelum) 3/9/15</b></p>  <p><b>Gambar 2.2 (Selepas) - Selesai</b></p> 

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>boleh mengubah warna dinding tidak dipanjangkan kepada Cawangan. Kerosakan rumah tersebut akan dibaiki oleh kontraktor lantikan BPH melalui Jadual Kadar Harga yang disediakan oleh BPH. Semua peraturan menduduki kuarters telah dikuatkuasakan serta merta dan diselaras di semua cawangan.</i></p>	<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;">  <p><b>Gambar 2.3 (Sebelum)</b> 1/9/15</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p><b>Gambar 2.3 (Selepas) – Selesai</b></p> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;"> <div style="text-align: center;">  <p><b>Gambar 2.4 (Sebelum)</b> 28/9/15</p> </div> <div style="text-align: center;">  <p><b>Gambar 2.4 (Selepas) – Selesai</b></p> </div> </div> <p><b><u>Tindakan Penambahbaikan</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. BPH akan mengeluarkan peringatan secara notis kepada penghuni agar mengemukakan aduan dengan segera kepada Kontraktor Penyelenggaraan bagi sebarang kerosakan.</li> <li>ii. Klausula mengenai kerosakan telah dimasukkan dalam Surat Perjanjian Menduduki Kwarters Kerajaan di perenggan 6.1.4</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><b>2.5.3.2.c</b> Merujuk kepada Gambar 2.5 dan 2.6, BPH mengambil maklum terdapat unit kuarters yang diserahkan tidak berada dalam keadaan asal sewaktu ditawarkan. Bagi mengatasi perkara ini beberapa tindakan telah diambil bagi mengelakkan masalah ini berulang.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u> a) BPH telah memastikan tatacara keluar kuarters akan dipatuhi sepenuhnya dan pegawai yang bertanggungjawab akan diberi penerangan sepenuhnya.</p> <p>BPH telah menyediakan senarai semak kepada pegawai yang bertanggungjawab mengambil kunci kuarters.</p> <p><b>2.5.3.2.d</b> BPH bersetuju dengan penemuan Audit berkaitan kerosakan yang berlaku di Kuarters. Bagi kerosakan yang telah dinyatakan dalam LKAN, penjelasan bagi kerosakan adalah seperti berikut:</p> <p>Gambar 2.7 – Pembaikan telah dilaksanakan            Gambar 2.8 – Pembaikan telah dilaksanakan            Gambar 2.9 – Pembaikan telah dilaksanakan            Gambar 2.10 – Pembaikan telah dilaksanakan            Gambar 2.11 – Pembaikan telah dilaksanakan</p> <p><b>Status gambar 2.7 hingga 2.11</b></p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div data-bbox="1198 981 1624 1276">  </div> <div data-bbox="1646 981 2072 1276">  </div> </div> <p><b>Gambar 2.7 (Sebelum)</b> 26/3/15</p> <p><b>Gambar 2.7 (Selepas) – Selesai</b></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; flex-wrap: wrap;"> <div style="width: 50%;">  <p data-bbox="1196 547 1451 576"><b>Gambar 2.8 (Sebelum)</b></p> </div> <div style="width: 50%;">  <p data-bbox="1688 547 1944 576"><b>Gambar 2.8 (Selepas)</b></p> </div> <div style="width: 50%;">  <p data-bbox="1196 898 1451 927"><b>Gambar 2.9 (Sebelum)</b></p> </div> <div style="width: 50%;">  <p data-bbox="1720 898 2078 927"><b>Gambar 2.9 (Selepas) – Selesai</b></p> </div> <div style="width: 50%;">  <p data-bbox="1196 1249 1473 1305"><b>Gambar 2.10 (Sebelum) Selesai</b></p> </div> <div style="width: 50%;">  <p data-bbox="1794 1249 2078 1278"><b>Gambar 2.10 (Selepas) – Selesai</b></p> </div> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p><b>Gambar 2.11 (Sebelum) – Selesai</b> <span style="float: right;"><b>Gambar 2.11 (Selepas) – Selesai</b></span></p> <p><b><u>Tindakan Penambahbaikan</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Kerosakan disebabkan oleh vandalisma telah diambil tindakan pembaikan.</li> <li>b) Dialog kesedaran bersama penduduk &amp; komunit sentiasa diadakan secara berkala dan berterusan oleh BPH bersama agensi yang terlibat bagi memberi kesedaran tanggungjawab dalam menjaga harta benda kerajaan.</li> <li>c) Pemantauan secara berkala oleh pegawai BPH bagi memastikan perkara ini dapat diatasi.</li> </ol>
2.5.3.3.a	<p><b>Penghuni Keluar Kuarters Tanpa Membuat Penyerahan Kepada BPH</b></p> <p>Berdasarkan Perenggan 11 Surat Perjanjian Menduduki Kwarters Kerajaan berkenaan pengosongan kuarters, sekiranya penghuni gagal menyerahkan semua kunci kuarters dan tidak mendapatkan Sijil Akuatn Keluar Rumah, penghuni dianggap masih menghuni kuarters dan perlu bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kuarters tersebut. Manakala Perenggan 10.1.9. menyatakan penghuni boleh hilang kelayakan menduduki kuarters sekiranya tidak menduduki Kwarters sepenuh masa.</p>	<p>Penghuni masih akan dikenakan bayaran sewa kuarters mulai memasuki kuarters sehingga kuarters diserahkan secara rasmi kepada BPH atau kuarters diambil alih (pecah masuk) oleh BPH. Penghuni akan dikenakan sewaan kuarters pada kadar pasaran semasa sepertimana yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) seperti yang dinyatakan di perenggan 10.2, Surat Perjanjian Menduduki Kwarters Kerajaan. Sewaan pada kadar pasaran semasa dianggap sebagai 'denda' kepada penghuni di atas kegagalan / keingkaran penghuni untuk menyerahkan kuarters kepada BPH setelah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters Kerajaan.</p> <p>Penyata Tunggakan akan disediakan untuk setiap penghuni yang telah keluar kuarters dan tuntutan tunggakan akan dikemukakan kepada penghuni. Sekiranya penghuni masih di dalam perkhidmatan, surat arahan potongan gaji akan dikemukakan kepada jabatan penghuni bagi membuat potongan gaji penghuni. Manakala bagi penghuni yang tidak lagi berada di dalam perkhidmatan, notis tuntutan tunggakan akan dikemukakan kepada penghuni sebanyak 3 kali dan kemudian kes akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk proses</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																		
		tuntutan. Sekiranya penghuni mempunyai pencen, surat arahan potongan bayaran pencen bulanan penghuni akan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk tindakan kutipan balik tunggakan.																		
<p><b>2.5.3.3.b</b></p>	<p>Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 6 unit kuarters iaitu masing-masing 2 dan 4 unit rumah di Kuarters Putrajaya dan KLIA telah ditinggalkan oleh penghuni. Semakan Audit selanjutnya terhadap fail penghuni dan sistem SISPINTAR mendapati kuarters tersebut masih berpenghuni. Selain itu, semakan juga mendapati tiada bukti potongan ITP, COLA dan bayaran caj pembentungan telah dibuat bagi 4 unit Kuarters yang ditinggalkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada satu mekanisme diwujudkan dengan Jabatan penghuni untuk mengenalpasti penghuni yang hilang kelayakan menduduki kuarters seperti berpindah kawasan, dikenakan tindakan tatatertib dan berhenti.</p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang berkesan dapat mengesan dengan awal penghuni yang hilang kelayakan menduduki kuarters.</p> <p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Penghuni yang tidak menyerahkan kuarters secara rasmi akan dimasukkan ke dalam senarai hitam di mana penghuni tidak lagi akan ditawarkan kemudahan untuk menduduki kuarters di bawah kawalan BPH.</i></p> <p><i>Melalui Sistem Bersepadu BPH, pautan kepada HRMIS akan membolehkan BPH menyemak tempat jabatan semasa bagi setiap penghuni kuarters untuk mengesan penghuni yang telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters. Pengesanan lebih awal akan mengatasi kes-kes rumah terbiar, tunggakan sewa kuarters yang tinggi dan kuarters boleh ditawarkan kepada pemohonan yang berkecukupan sahaja.</i></p> <p><i>Memperkemaskinikan jadual operasi supaya pemantauan dan pemeriksaan ke kuarters dilaksanakan dengan lebih kerap bagi mengesan kuarters yang telah ditinggalkan terbiar oleh penghuni terdahulu dan kuarters yang tidak diduduki sepenuh masa.</i></p>	<p>Pemeriksaan telah dilaksanakan ke atas semua unit kuarters yang dilaporkan dan tindakan telah dilaksanakan mengikut status kes penghuni yang terlibat.</p> <p>Berikut adalah status kepada 6 unit kuarters yang dilaporkan berdasarkan Jadual 2.10 :</p> <table border="1" data-bbox="1294 536 2051 983"> <thead> <tr> <th>STATUS KES PENGHUNI</th> <th>BIL. KES</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Penghuni masih menduduki kuarters dan masih berkecukupan untuk menduduki kuarters tersebut</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Penghuni telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters disebabkan telah bertukar tempat bertugas dan di dalam proses mendapatkan maklumat pertukaran daripada jabatan penghuni</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>Penghuni telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters dan Notis Pengosongan Kuarters telah dikemukakan</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>Penghuni telah diberikan Notis Tunjuk Sebab dan Notis Tunjuk Sebab melalui Ketua Jabatan kerana disyaki tidak menduduki kuarters sepenuh masa</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td><b>JUMLAH</b></td> <td><b>6</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Berikut adalah status kepada 2 unit kuarters yang dilaporkan berdasarkan gambar 2.19 – 2.20 :</p> <table border="1" data-bbox="1294 1094 2051 1386"> <thead> <tr> <th>GAMBAR</th> <th>STATUS KES PENGHUNI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2.19 (K10-A-T03-U28, KLIA)</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeriksaan pada 07.09.2015 mendapati pokok yang tumbuh di saluran gutter telah dibersihkan.</li> <li>• Notis Pengosongan I telah dikemukakan kepada penghuni pada 04.08.2015</li> <li>• Notis Pengosongan II telah dikemukakan kepada penghuni pada 13.10.2015</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td>2.20 (D-T06-U03, P17RK1)</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Notis Tunjuk Sebab telah dikemukakan kepada penghuni pada 14.09.2015</li> <li>• Notis Tunjuk Sebab melalui Ketua Jabatan</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table>	STATUS KES PENGHUNI	BIL. KES	Penghuni masih menduduki kuarters dan masih berkecukupan untuk menduduki kuarters tersebut	1	Penghuni telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters disebabkan telah bertukar tempat bertugas dan di dalam proses mendapatkan maklumat pertukaran daripada jabatan penghuni	2	Penghuni telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters dan Notis Pengosongan Kuarters telah dikemukakan	2	Penghuni telah diberikan Notis Tunjuk Sebab dan Notis Tunjuk Sebab melalui Ketua Jabatan kerana disyaki tidak menduduki kuarters sepenuh masa	1	<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	GAMBAR	STATUS KES PENGHUNI	2.19 (K10-A-T03-U28, KLIA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeriksaan pada 07.09.2015 mendapati pokok yang tumbuh di saluran gutter telah dibersihkan.</li> <li>• Notis Pengosongan I telah dikemukakan kepada penghuni pada 04.08.2015</li> <li>• Notis Pengosongan II telah dikemukakan kepada penghuni pada 13.10.2015</li> </ul>	2.20 (D-T06-U03, P17RK1)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Notis Tunjuk Sebab telah dikemukakan kepada penghuni pada 14.09.2015</li> <li>• Notis Tunjuk Sebab melalui Ketua Jabatan</li> </ul>
STATUS KES PENGHUNI	BIL. KES																			
Penghuni masih menduduki kuarters dan masih berkecukupan untuk menduduki kuarters tersebut	1																			
Penghuni telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters disebabkan telah bertukar tempat bertugas dan di dalam proses mendapatkan maklumat pertukaran daripada jabatan penghuni	2																			
Penghuni telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters dan Notis Pengosongan Kuarters telah dikemukakan	2																			
Penghuni telah diberikan Notis Tunjuk Sebab dan Notis Tunjuk Sebab melalui Ketua Jabatan kerana disyaki tidak menduduki kuarters sepenuh masa	1																			
<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>																			
GAMBAR	STATUS KES PENGHUNI																			
2.19 (K10-A-T03-U28, KLIA)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemeriksaan pada 07.09.2015 mendapati pokok yang tumbuh di saluran gutter telah dibersihkan.</li> <li>• Notis Pengosongan I telah dikemukakan kepada penghuni pada 04.08.2015</li> <li>• Notis Pengosongan II telah dikemukakan kepada penghuni pada 13.10.2015</li> </ul>																			
2.20 (D-T06-U03, P17RK1)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Notis Tunjuk Sebab telah dikemukakan kepada penghuni pada 14.09.2015</li> <li>• Notis Tunjuk Sebab melalui Ketua Jabatan</li> </ul>																			

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div data-bbox="1294 256 2051 300" style="border: 1px solid black; padding: 2px; text-align: center;">dikemukakan pada 06.10.2015</div> <p>Maklumat lengkap tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti di lampiran.</p> <p>Kes-kes kuarters ditinggalkan kosong oleh penghuni berlaku adalah disebabkan jabatan penghuni tidak memaklumkan kepada BPH bahawa penghuni telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters Kerajaan. BPH memperoleh maklumat berhubung kuarters yang telah ditinggalkan melalui pemantauan yang dilaksanakan dan melalui aduan serta maklumat daripada penghuni setempat.</p> <p>Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan adalah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Melalui Sistem Bersepadu BPH, pautan kepada HRMIS akan membolehkan BPH menyemak tempat jabatan semasa bagi setiap penghuni kuarters untuk mengesan penghuni yang telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters. Pengesanan lebih awal akan mengatasi kes-kes rumah terbiar, tunggakan sewa kuarters yang tinggi dan kuarters boleh ditawarkan kepada pemohonan yang berkelayakan sahaja.</li> <li>ii. Memperkemaskan jadual operasi supaya pemantauan dan pemeriksaan ke kuarters dilaksanakan dengan lebih kerap bagi mengesan kuarters-kuarters yang telah ditinggalkan terbiar oleh penghuni terdahulu dan kuarters yang tidak diduduki sepenuh masa.</li> </ol>
2.5.3.4.a	<p><b>Penghuni Hilang Kelayakan Menduduki Kuarters</b></p> <p>Mengikut Perenggan 10.1 Surat Perjanjian Menduduki Kuarters Kerajaan, terdapat 15 keadaan yang menyebabkan penghuni hilang kelayakan menduduki kuarters antaranya bersara atau berhenti dari perkhidmatan dengan Kerajaan, meninggal dunia dalam tempoh Perjanjian berkuatkuasa dan ditukarkan perkhidmatan ke mana-mana negeri.</p>	<p>Majoriti jabatan tidak mengetahui tanggungjawab jabatan masing-masing untuk memaklumkan kepada BPH apabila terdapat pegawai di bawah jabatan mereka yang telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters Kerajaan.</p> <p>Walau bagaimanapun, BPH telah mengeluarkan dua surat edaran kepada semua Ketua-Ketua Kementerian, Jabatan dan Agensi supaya memaklumkan kepada BPH dari semasa ke semasa sekiranya terdapat pegawai di jabatan masing-masing yang telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters Kerajaan. Surat edaran adalah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. BPH.D-100-2/14/1 Jld.3(9) bertarikh 23 Mei 2012</li> <li>ii. BPH/AM/15/17 Jld.2(25) bertarikh 7 Oktober 2015</li> </ol> <p>Surat edaran tersebut akan dikemukakan secara tahunan bagi mengingatkan tanggungjawab setiap jabatan memaklumkan kepada BPH sekiranya terdapat pegawai di bawah jabatan masing-masing yang telah hilang kelayakan untuk</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>menduduki kuarters Kerajaan.</p> <p>BPH akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi memberikan taklimat kepada semua Pengurus Sumber Manusia di setiap Kementerian, Jabatan dan Agensi berhubung pengurusan pegawai yang menduduki kuarters Kerajaan.</p>
<b>2.5.3.4.b</b>	<p>Setakat bulan April 2015, penghuni yang hilang kelayakan menduduki kuarters ialah sebanyak 236 penghuni.</p>	<p>Penghuni telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters apabila tersenarai di dalam kategori 'Hilang Kelayakan' seperti yang dinyatakan di dalam Surat Perjanjian Menduduki Kuarters Kerajaan.</p> <p>Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan penghuni untuk memaklumkan kepada BPH apabila terdapat penghuni yang telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters. Notis Pengosongan Kuarters akan dikemukakan melalui Ketua Jabatan penghuni bagi penghuni yang masih di dalam perkhidmatan manakala Notis Pengosongan Kuarters akan dikemukakan terus kepada penghuni dan disalinkan kepada Ketua Jabatan terdahulu bagi yang tidak lagi berada di dalam perkhidmatan. Sewaan kuarters pada kadar pasaran semasa akan dikenakan ke atas penghuni berdasarkan penilaian oleh Jabatan dan Perkhidmatan Harta mulai dari tarikh penghuni hilang kelayakan sehingga kuarters diserahkan atau diambil alih oleh BPH sebagai 'denda' kepada penghuni kerana tidak menyerahkan kuarters secara rasmi kepada BPH.</p> <p>Daripada 236 penghuni tersebut juga, terdapat penghuni yang membuat rayuan dan telah diberikan kelulusan pelanjutan untuk menduduki kuarters mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan</p>
<b>2.5.3.4.c</b>	<p>Setakat bulan April 2015, pihak Audit mendapati 607 penghuni yang hilang kelayakan menduduki kuarters mempunyai tunggakan berjumlah RM3,582,583. Semakan Audit mendapati tunggakan tersebut masih dalam tindakan BPH, Jabatan Peguam Negara Putrajaya dan Jabatan Peguam Negara Kuala Lumpur. Semakan Audit terhadap minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun (JPKA) Bil. 4 Tahun 2014 bertarikh 21 Januari 2015 mendapati jumlah Akaun Belum Terima yang dilaporkan setakat 31 Disember 2014 hanya berjumlah RM5,406 iaitu berbeza dengan jumlah tunggakan sebenar berdasarkan rekod Unit Naziran berjumlah RM2,531,542.</p>	<p>Laporan ABT yang dilaporkan pada April 2015 adalah laporan keseluruhan bagi ABT yang melibatkan kuarters di bawah kawalan BPH dan meliputi seluruh ABT bagi jabatan-jabatan lain.</p> <p>Mulai laporan ABT September 2015, senarai ABT terdahulu telah dimurnikan dan tunggakan NGO turut dilaporkan. Senarai kes penghuni dan jumlah ABT yang dilaporkan adalah di bawah tanggungan BPH sahaja. Laporan ABT terkini yang telah dimurnikan akan dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun (JPKA) yang berikutnya. Ringkasan ABT BPH bagi bulan September 2015 adalah seperti berikut :</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
		TUNGGAKAN	BILANGAN KES	JUMLAH (RM)				
		Penghuni	215	1,728,766.42				
		JPN (Kuala Lumpur)	157	1,847,303.06				
		JPN (Putrajaya)	95	1,367,486.30				
		NGO	43	190,428.45				
<b>2.5.3.4.d</b>	<p>Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan April 2015 sebanyak 149 kuarters dipecah masuk oleh BPH kerana penghuni telah keluar kuarters tanpa mengisi Sijil Akuan Keluar Rumah. Antara sebab-sebab penghuni tidak mengisi Sijil Akuan Keluar Rumah ialah tiada potongan gaji dibuat dan telah hilang kelayakan menduduki kuarters.</p>	<p>Kuarters diambil alih (pecah masuk) terpaksa dilaksanakan oleh BPH disebabkan penghuni yang telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters Kerajaan dan tidak menyerahkan kuarters secara rasmi kepada BPH serta meninggalkan kuarters terbiar dan berada di dalam keadaan tidak terurus.</p> <p>Kuarters yang diambil alih (pecah masuk) akan diserahkan untuk proses pembaikan dan penawaran semula. Maklumat penghuni terdahulu akan disemak dan diperolehi daripada jabatan penghuni dan Penyata Tunggakan akan disediakan di mana sewaan kuarters pada kadar pasaran semasa akan dikenakan mulai tarikh penghuni hilang kelayakan sehingga kuarters diambil alih oleh BPH.</p> <p>Sekiranya penghuni masih berada di dalam perkhidmatan, Surat Arahan Potongan Gaji akan dikemukakan kepada Jabatan semasa penghuni bagi pelaksanaan potongan gaji manakala bagi penghuni yang tidak lagi berada di dalam perkhidmatan, Notis Tuntutan Tunggakan akan dikemukakan sebanyak 3 kali sebelum kes dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara bagi proses kutipan balik.</p> <p>Berikut adalah status kepada 4 unit kuarters yang dilaporkan berdasarkan gambar 2.21 – 2.24 :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>GAMBAR</th> <th>STATUS KES PENGHUNI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>2.21</b> (No. 1, Jalan P8E/5, Presint 8, Putrajaya)</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kuarters Diambil Alih (Pecah Masuk) Pada 15.12.2014</li> <li>Penawaran Kuarters Kepada Penghuni Baru Pada 20.04.2015</li> <li>Notis Tuntutan Tunggakan I Telah Dikemukakan Kepada Penghuni Pada 13.01.2015 (Tempoh 30 Hari)</li> <li>Penghuni Mengemukakan Rayuan Melalui</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table>			GAMBAR	STATUS KES PENGHUNI	<b>2.21</b> (No. 1, Jalan P8E/5, Presint 8, Putrajaya)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kuarters Diambil Alih (Pecah Masuk) Pada 15.12.2014</li> <li>Penawaran Kuarters Kepada Penghuni Baru Pada 20.04.2015</li> <li>Notis Tuntutan Tunggakan I Telah Dikemukakan Kepada Penghuni Pada 13.01.2015 (Tempoh 30 Hari)</li> <li>Penghuni Mengemukakan Rayuan Melalui</li> </ul>
GAMBAR	STATUS KES PENGHUNI							
<b>2.21</b> (No. 1, Jalan P8E/5, Presint 8, Putrajaya)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kuarters Diambil Alih (Pecah Masuk) Pada 15.12.2014</li> <li>Penawaran Kuarters Kepada Penghuni Baru Pada 20.04.2015</li> <li>Notis Tuntutan Tunggakan I Telah Dikemukakan Kepada Penghuni Pada 13.01.2015 (Tempoh 30 Hari)</li> <li>Penghuni Mengemukakan Rayuan Melalui</li> </ul>							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini	
			<ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Bertarikh 13.02.2015</li> <li>• Minit Bebas Dikemukakan Kepada Setiausaha Bahagian Pada 17.03.2015</li> <li>• Dalam Proses Penyediaan Minit Bebas Kepada Pengurusan Tertinggi Jpm</li> </ul>
		<p><b>2.22</b> (Blok A-T17-U04, 14-7, Presint 14, Putrajaya)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuarters Diambil Alih (Pecah Masuk) Pada 13.02.2015</li> <li>• Notis Tuntutan Tunggakan I Dikemukakan Kepada Penghuni Pada 20.05.2015</li> <li>• Notis Tuntutan Tunggakan li Dikemukakan Kepada Penghuni Pada 04.09.2015</li> <li>• Notis Tuntutan Tunggakan Terakhir Dikemukakan Kepada Penghuni Pada 01.10.2015</li> <li>• Kes Dikemukakan Pada Jabatan Penguam Negara Pada 12.10.2015</li> </ul>
		<p><b>2.23</b> (Blok F-T11-U08, KKKA Tanjung Kupang, Johor)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuarters Diambil Alih (Pecah Masuk) Pada 07.08.2014</li> <li>• Surat Memohon Dokumen Sokongan Daripada Jabatan Penghuni Pada 12.10.2015</li> </ul>
		<p><b>2.24</b> (Blok F-T11-U08, KKKA Tanjung Kupang, Johor)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuarters Diambil Alih (Pecah Masuk) Pada 07.08.2014</li> <li>• Surat Memohon Dokumen Sokongan Daripada Jabatan Penghuni Pada 12.10.2015</li> </ul>
<p><b>2.5.3.4.e</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/penghuni bagi 17 (30%) daripada 57 orang penghuni yang telah hilang kelayakan menduduki kuarters tidak/lambat memaklumkan kepada BPH berkenaan letak jawatan/tamat kontrak/bertukar tempat kerja/tidak hadir bertugas dan buang kerja/bersara. Semakan selanjutnya mendapati tempoh kelewatan adalah antara 200 hingga 4,004 hari dari tarikh hilang kelayakan dengan surat menyurat BPH dengan penghuni yang hilang kelayakan menduduki kuarters. Keadaan ini berlaku kerana tiada satu mekanisme diwujudkan oleh BPH dengan Jabatan penghuni untuk mengenalpasti penghuni yang hilang kelayakan.</p>	<p>Penghuni telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters apabila tersenarai di dalam kategori 'Hilang Kelayakan' seperti yang dinyatakan di dalam Surat Perjanjian Menduduki Kuarters Kerajaan.</p> <p>Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan penghuni untuk memaklumkan kepada BPH apabila terdapat penghuni yang telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters. Notis Pengosongan Kuarters akan dikemukakan melalui Ketua Jabatan penghuni bagi penghuni yang masih di dalam perkhidmatan manakala Notis Pengosongan Kuarters akan dikemukakan terus kepada penghuni dan disalinkan kepada Ketua Jabatan terdahulu bagi yang tidak lagi berada di dalam perkhidmatan. Sewaan kuarters pada kadar pasaran semasa akan dikenakan ke atas penghuni berdasarkan penilaian oleh Jabatan dan Perkhidmatan Harta mulai dari tarikh penghuni hilang kelayakan sehingga kuarters</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																
	<p>Pada pendapat Audit, maklumat berkaitan pegawai yang menduduki kuarters telah bertukar tempat kerja atau Kementerian/Jabatan, bersara, dikenakan tatatertib dan meletak jawatan dapat membantu pihak BPH melaksanakan tindakan seterusnya.</p> <p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 18 September 2015</b></p> <p><i>Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Akaun (JPKA) Bil. 4 Tahun 2014 bertarikh 21 Januari 2015 mendapati jumlah Akaun Belum Terima (ABT) yang dilaporkan setakat 31 Disember 2014 hanya berjumlah RM5,405.86 iaitu berbeza dengan jumlah tunggakan sebenar berdasarkan rekod Unit Naziran berjumlah RM2,531,541.74, kerana rekod ABT di Unit Naziran adalah terdiri daripada penghuni yang hilang kelayakan tetapi masih berkhidmat dengan Kerajaan. Memandangkan penghuni masih berkhidmat dengan Kerajaan, ABT tersebut adalah di bawah tanggungjawab jabatan penghuni masing-masing.</i></p> <p><i>Surat edaran rujukan BPH.D-100-2/14/1 Jld. 3 (9) bertarikh 23 Mei 2015 telah dikemukakan kepada semua Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berhubung tanggungjawab jabatan penghuni untuk memaklumkan kepada BPH sekiranya terdapat penghuni di bawah jabatan masing-masing yang telah hilang kelayakan untuk menduduki kuarters.</i></p>	<p>diserahkan atau diambil alih oleh BPH sebagai 'denda' kepada penghuni kerana tidak menyerahkan kuarters secara rasmi kepada BPH.</p> <p>Berikut adalah status kepada 17 unit kuarters yang dilaporkan berdasarkan Jadual 2.14 :</p> <table border="1" data-bbox="1249 421 2027 874"> <thead> <tr> <th>STATUS KES PENGHUNI</th> <th>BIL. KES</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Di dalam proses mendapatkan alamat terkini penghuni melalui semakan dengan JPA, JPN, JPJ, SPR</td> <td>2</td> </tr> <tr> <td>Di dalam proses mendapatkan maklumat daripada Jabatan penghuni</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>Notis Tuntutan Tunggakan telah dikemukakan kepada penghuni</td> <td>6</td> </tr> <tr> <td>Notis Pengosongan Kuarters telah dikemukakan kepada penghuni</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>Kes dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara bagi tindakan undang-undang</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Kes selesai (tiada tunggakan)</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td><b>JUMLAH</b></td> <td><b>17</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan adalah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kajian semula terhadap dasar dan peraturan hilang kelayakan penghuni apabila bertukar tempat bertugas di antara KLIA, Nilai dan Putrajaya atau sebaliknya akan dilaksanakan.</li> <li>ii. SBBPH yang akan menerima maklumat terkini tempat di mana penghuni kuarters bertugas daripada sistem HRMIS. Arahan pengosongan kuarters akan dikeluarkan kepada penghuni setelah kesan hilang kelayakan untuk menduduki kuarters tersebut.</li> </ol> <p>Menambahbaik tindakan yang akan dikenakan ke atas penghuni yang melanggar peraturan menduduki kuarters Kerajaan.</p>	STATUS KES PENGHUNI	BIL. KES	Di dalam proses mendapatkan alamat terkini penghuni melalui semakan dengan JPA, JPN, JPJ, SPR	2	Di dalam proses mendapatkan maklumat daripada Jabatan penghuni	4	Notis Tuntutan Tunggakan telah dikemukakan kepada penghuni	6	Notis Pengosongan Kuarters telah dikemukakan kepada penghuni	3	Kes dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara bagi tindakan undang-undang	1	Kes selesai (tiada tunggakan)	1	<b>JUMLAH</b>	<b>17</b>
STATUS KES PENGHUNI	BIL. KES																	
Di dalam proses mendapatkan alamat terkini penghuni melalui semakan dengan JPA, JPN, JPJ, SPR	2																	
Di dalam proses mendapatkan maklumat daripada Jabatan penghuni	4																	
Notis Tuntutan Tunggakan telah dikemukakan kepada penghuni	6																	
Notis Pengosongan Kuarters telah dikemukakan kepada penghuni	3																	
Kes dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara bagi tindakan undang-undang	1																	
Kes selesai (tiada tunggakan)	1																	
<b>JUMLAH</b>	<b>17</b>																	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.4.1.a	<p><b>Pembaikan/Pyengggaraan/Pembersihan Kuarters - Pembaikan Rumah Kosong Selepas Penghuni Keluar</b></p> <p>Pembaikan kuarters setelah penghuni keluar melibatkan pembaikan keseluruhan rumah yang mengalami kerosakan seperti mengecat, penggantian tombol pintu, kerosakan lantai jenis parket serta pembersihan rumah akan dilaksanakan oleh 574 kontraktor kelas F yang berdaftar dengan BPH setakat bulan Mei 2015. Bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Mei 2015, sebanyak 6,498 kerja yang melibatkan kos berjumlah RM57.86 juta telah dikeluarkan kepada kontraktor untuk melaksanakan kerja pembaikan.</p>	BPH mengambil maklum dengan penemuan audit.
2.5.4.1.b	Berdasarkan prosedur kerja yang ditetapkan, pemilihan kontraktor bagi melaksanakan pembaikan kuarters kosong perlu dilaksanakan oleh Unit Senggara dalam tempoh 21 hari dari tarikh terima kunci daripada Unit Kwarters/Unit Penguatkuasa dan pembaikan oleh kontraktor yang dipilih perlu diselesaikan dalam tempoh 21 hari. Piagam pelanggan BPH pula menetapkan kerja pembaikan kuarters kosong hendaklah diselesaikan dalam tempoh 45 hari dari tarikh penerimaan kunci.	Kerja pembaikan kuarters kosong mengikut norma adalah selama 60 hari dari tarikh penerimaan kunci dan bukannya 21 hari atau 45 hari seperti mana tercatat dalam penemuan audit.
2.5.4.1.c	Analisis Audit terhadap senarai inden kerja yang dikeluarkan pada tahun 2015 dengan Rekod Kwarters Kosong mendapati Unit Senggara telah mengambil masa antara 32 hingga 741 hari setelah menerima kunci daripada Unit Kwarters/Unit Penguatkuasa untuk melantik kontraktor bagi melaksanakan pembaikan 616 unit Kwarters di Putrajaya, Tanjung Kupang, KLIA, Jalan Duta, Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.	<p>Tempoh perlantikan kontraktor yang lama adalah disebabkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) <u>7B1-T03-U06 Fasa 7 Presint 9 (741 hari)</u>  Penerimaan kunci dari Unit Kwarters pada 04 April 2013. Pemeriksaan mendapati terdapat kebocoran di saluran Rain Water Down Pipe (RWDP) yang melibatkan kerja pembaikan major. Penyerahan kunci dan surat kepada Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya (JKRWPP) telah diserahkan pada 15 April 2013. Pemeriksaan susulan telah dilakukan pada 24 November 2014. Surat dan kunci pendua diserahkan pada 24 November 2014. Pada 29 Disember 2014 JKRWPP telah menyerahkan kembali kunci. BPH telah melakukan pemeriksaan dan Jadual Kadar Harga (JKH) telah disiapkan pada 26 Januari 2015. Kerja-kerja pembaikan telah dilaksanakan melalui inden Kerja P302/2015 D Maqbul Trading bermula 15 April 2015 dan kunci telah diserahkan kepada Unit Kwarters pada 18 Mei 2015.</li> <li>2) <u>A-T12-U08 5R1 Presint 5 (737 hari)</u>  Tarikh penerimaan kunci dari Unit Kwarters pada 8/4/2013. Kerosakan yang dialami adalah dibawah tanggungan Putrajaya Holding (PJH) iaitu kebocoran. Diserahkan kepada PJH untuk pembaikkan pada 29/5/2013. Siap pembaikan oleh PJH pada 9/1/2015. BPH melaksanakan JKH dan siap pada 27/1/2015. Pelaksanaan pembaikan melalui Inden Kerja P338/2015, tarikh</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>perolehan ialah 15/4/15.</p> <p>3) <u>C-T09-U20 5R4 Presint 5 (573 hari)</u></p> <p>Tarikh penerimaan kunci dari Unit Kwarters pada 19/9/2013. Kerosakan yang dialami adalah dibawah tanggungan Putrajaya Holding (PJH) iaitu kebocoran. Menyerahkan ke PJH untuk membaiki pada 22/10/2013. Siap membaiki oleh PJH pada 9/1/2015. BPH melaksanakan JKH dan siap pada 22/1/2015. Pelaksanaan membaiki melalui Inden P289/2015, tarikh perolehan ialah 15/4/15.</p> <p>4) <u>C-T11-U17, 5R4, Presint 5 (508 hari)</u></p> <p>Tarikh penerimaan kunci dari Unit Kwarters pada 23/8/2013. Kerosakan yang dialami adalah dibawah tanggungan Putrajaya Holding (PJH) iaitu kebocoran. Menyerahkan ke PJH untuk membaiki pada 1/10/2013. Siap membaiki oleh PJH pada 21/8/2014. BPH melaksanakan JKH dan siap pada 10/9/2014. Pelaksanaan membaiki melalui Inden P160/2015, tarikh perolehan ialah 13/1/15.</p> <p>5) <u>D-T01-U01, 5R3, Presint 5 (502 hari)</u></p> <p>Tarikh penerimaan kunci dari Unit Kwarters pada 29/11/2013. Kerosakan yang dialami adalah dibawah tanggungan PJH iaitu kebocoran. Diserahkan kepada PJH untuk membaiki pada 29/1/2014. Siap membaiki oleh PJH pada 9/1/2015. BPH melaksanakan JKH dan siap pada 21/1/2015. Pelaksanaan membaiki melalui Inden P293/2015, tarikh perolehan ialah 15/4/15.</p> <p>Secara keseluruhannya, kelewatan adalah disebabkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kekangan peruntukan semasa. Tarikh penyerahan kunci pada bulan Julai, Ogos, September, Oktober, November dan Disember 2014 tidak dapat diteruskan perolehannya kerana kekangan peruntukan. Disamping itu, isu bayaran juga dikaitkan dengan kelewatan ini, dimana kerja-kerja membaiki diberhentikan pada November dan Disember untuk mengelakkan pembayaran untuk kerja siap melepasi tahun semasa. Putrajaya, 500 unit daripada 521 keseluruhan (96%).</li> <li>ii. Kelewatan pelaksanaan membaiki rumah kosong di Putrajaya adalah akibat daripada kerosakan yang berada dibawah tanggungan Putrajaya Holding (PJH) seperti kebocoran (masalah lapisan kalis lembap). (13 daripada 521 – 2.5%)</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>iii. Pembaikan <i>major</i> yang tidak dapat dilaksanakan oleh BPH diserahkan kepada agensi teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya (JKRWPP). Rumah-rumah kosong ini mengambil masa yang lama untuk pembaikan dibawah seliaan PJH dan JKRWPP kerana kerumitan masalah setiap rumah kosong tersebut (Jika melibatkan pasukan Forensik daripada Cawangan Kejuruteraan Awam &amp; Struktur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya). (7 daripada 521 – 1.3%)</p> <p>iv. Tempoh penyediaan JKH yang lama menjadi salah satu sebab kelewatan perlantikan kontraktor bagi kuarters KLIA oleh sebab kekangan masa memandangkan pada tahun 2013 terdapat kerja tender yang perlu dipantau oleh Pegawai di PPA KLIA</p>
2.5.4.1.d	<p>Analisis Audit selanjutnya terhadap Rekod Penyerahan Kunci mendapati Unit Senggara setelah menerima kunci daripada Unit Kuarters/Unit Penguatkuasa untuk melaksanakan pembaikan telah mengambil masa antara 61 hingga 542 hari untuk pembaikan 1,985 unit kuarters kosong bagi tempoh tahun 2013 dan 2014 di Putrajaya dan 61 hingga 612 hari untuk pembaikan 464 kuarters kosong bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 di KLIA.</p>	<p>Tempoh pembaikan melebihi 60 hari adalah disebabkan oleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Terdapat 1 unit rumah yang mana penghuni telah bertukar sebanyak 2 kali dalam tempoh pembaikan yang dinyatakan. (Bil 2 Lampiran 8(d)) Implikasi dari kesilapan tarikh tersebut menyebabkan bilangan hari yang dilaporkan tidak tepat. Sebenarnya pembaikan telah dibuat dan diserahkan pada Jun 2013. Unit senggara menerima kembali kunci untuk unit yang sama pada 22/8/14 dan menyerahkan kembali ke unit kuarters setelah siap pembaikan pada 14/10/14.</li> <li>2) Kesilapan tarikh terima serahan kunci ke Unit Kuarters yang mana tarikh sebenar penyerahan merupakan tarikh pada tahun 2013 bukan 2014 (Bil 5 &amp; 6 di Lampiran 8(d)) dan tahun 2012 bukan 2011 (Bil 2 di Lampiran 8(e)). Implikasi dari kesilapan tarikh tersebut menyebabkan bilangan hari yang dilaporkan tidak tepat. Sebenarnya hanya melibatkan 57 dan 52 hari sahaja untuk bil 5 &amp; 6 di Lampiran 8(d). Bil. 2 di Lampiran 8(e) – 179 hari.</li> <li>3) Antara masalah lain yang dihadapi adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Masalah peruntukan semasa yang mengakibatkan kerja pembaikan kuarters kosong tidak dapat dilaksana</li> <li>ii. Isu bayaran dimana kerja-kerja pembaikan diberhentikan pada November dan Disember untuk mengelakkan pembayaran untuk kerja siap melepasi tahun semasa.</li> <li>iii. Terdapat kerosakan yang dialami adalah di bawah tanggungan PJH (bagi kuarters Putrajaya) dan kerja pembaikan major yang memerlukan kepakaran pihak JKR.</li> </ol> </li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<ul style="list-style-type: none"> <li>iv. Kekangan kakitangan di Pejabat Cawangan KLIA di mana kakitangan sediaada pada ketika itu perlu melaksanakan pemeriksaan rumah kosong termasuk pemantauan kontraktor pembersihan, keselamatan, penguatkuasaan, pengurusan utiliti dan pemantauan kerja-kerja pembaikan oleh kontraktor penyelenggaraan lantikan JKR Seremban</li> <li>v. Pembaikan seperti pemasangan tiles atau parque yang memerlukan kemahiran yang tinggi di samping memakan masa dan kerja-kerja waterproofing yang melibatkan pihak ketiga.</li> <li>vi. Kerja-kerja pembaikan yang tidak kemas menyebabkan tempoh pembaikan dipanjangkan bagi kontraktor membaiki semula sehingga Penyelia Kerja berpuas hati.</li> </ul>
2.5.4.1.e	<p>Lawatan fizikal terhadap 266 unit kuarters sedang dalam pembaikan/ telah selesai pembaikan di setiap lokasi kuarters yang telah dipilih mendapati rumah teres/berkembar/pangsapuri banyak mengalami masalah resapan air pada siling dan dinding yang disebabkan oleh masalah bumbung/<i>water proofing</i> dan telah menyebabkan kerosakan pada lantai jenis parket. BPH telah membelanjakan sejumlah RM57.8 juta untuk melaksanakan kerja pembaikan rumah kosong bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan April 2015.</p>	<p>Status Gambar 2.20 hingga 2.25 adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1) Gambar 2.20 – telah selesai pembaikan dan telah di serah di Unit Kuarters pada 15/4/15. Telah ditawarkan dan penghuni masuk pada 15/5/15</li> <li>2) Gambar 2.21 – pembaikan oleh JKRWPP telah selesai (serah kepada JKRWPP pada 16/12/14)</li> <li>3) Gambar 2.22 – telah selesai pembaikan dan serah ke Unit Kuarters pada 7/9/15. Telah ditawarkan dan penghuni masuk pada 22/9/15</li> <li>4) Gambar 2.23 – telah selesai pembaikan dan serah ke Unit Kuarters pada 7/9/15. Telah ditawarkan dan penghuni masuk pada 16/10/15. 2 kali tawaran ditolak dan mengalami masalah sistem.</li> <li>5) Gambar 2.24 – telah selesai pembaikan dan serah ke Unit Kuarters pada 17/6/15</li> <li>6) Gambar 2.25 – Aduan kerosakan telah dipanjangkan kepada JKR W.P Putrajaya bagi pembaikan pada 17/11/2014. Kerosakan telah diselesaikan oleh pihak JKR dan telah diserahkan semula kepada BPH pada 4/9/2015. Status semasa, JKH bagi pembaikan rumah kosong telah disediakan dan dalam proses perlantikan kontraktor.</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.4.1.f	<p>Semakan Audit terhadap Jadual Kerja Harga (JKH) yang disediakan oleh pihak Pejabat Cawangan BPH Tg. Kupang mendapati skop kerja pembaikan bagi 7 (87.5%) daripada 8 JKH yang disemak adalah sama iaitu melibatkan kos pembaikan berjumlah RM12,157.24 bagi setiap unit kuarters. Pihak Audit tidak dapat memastikan JKH telah disediakan berdasarkan pemeriksaan terhadap kerosakan yang perlu dibaiki kerana tiada rekod pemeriksaan disediakan oleh Pejabat Cawangan BPH Tanjung Kupang. Selain itu, pihak Audit juga tidak dapat memastikan pejabat Cawangan telah membuat pemeriksaan setiap unit kuarters yang telah selesai pembaikan sebelum penerimaan kerja siap kerana tidak ada rekod mengenainya.</p>	<p>Kos pembaikan yang sama bagi 7 JKH berjumlah RM12,157.24 adalah berdasarkan purata kos pembaikan inden-inden kerja sebelum ini memandangkan pemeriksaan di tapak tidak dapat dijalankan dengan sempurna disebabkan oleh perkara berikut.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kekangan masa dan kakitangan pejabat Cawangan BPH KKKA Tanjung Kupang hanya seorang Penolong Jurutera (JA 29) dan seorang Pembantu Kemahiran (H11, Tukang Kayu) untuk menguruskan 10 blok kuarters (1060 unit).</li> <li>2) Kuarters kosong juga perlu diperbaiki segera bagi mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu 60 hari dari tarikh terima kunci.</li> <li>3) Selain itu skop kerja pegawai Cawangan juga berlainan daripada pegawai di Ibu Pejabat yang mana pegawai di Cawangan membuat pemantauan perkhidmatan kebersihan, kawalan keselamatan, penguatkuasaan, pengurusan kemudahan utiliti (gelanggang, taman permainan dan dewan), pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan di bawah selian JKR Daerah Johor Bahru (Awam, Elektrik dan Mekanikal).</li> </ol> <p><b><u>Beberapa tindakan penambahbaikan telah diambil:</u></b></p> <p>Emel bertarikh 27 Februari 2015 telah dikemukakan kepada Penolong Jurutera di Pejabat Cawangan Tg Kupang berkenaan teguran agar pelaksanaan pemeriksaan kuarters kosong perlu dilakukan bagi setiap Unit tanpa menggunakan kaedah pukal.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pada 16 Mac 2015, seramai 17 orang kakitangan daripada ibu pejabat BPH Putrajaya telah turun ke KKKA Tanjung Kupang untuk membantu kerja-kerja pemeriksaan kuarters untuk 52 unit kuarters kosong sebelum penyediaan JKH.</li> <li>2) Pasukan <i>task force</i> akan disediakan untuk menyelesaikan isu isu kekurangan staf teknikal di Cawangan jika diperlukan dari semasa ke semasa.</li> <li>3) Semua inden mesti disyorkan oleh Jurutera HQ dan diluluskan oleh SUB</li> </ol>
2.5.4.1.g	<p>Lawatan Audit di kuarters kosong yang telah selesai menjalani pembaikan dan diserahkan semula kepada Pejabat Cawangan BPH Tanjung Kupang mendapati pembaikan bagi 2 unit kuarters di Tanjung Kupang iaitu D-T10-U07 dan D-T07-U02 tidak dilaksanakan dengan sempurna oleh 2 kontraktor yang</p>	<p>Tindakan susulan telah diambil dengan memanggil kontraktor bagi menyempurnakan kerja yang tidak disiapkan dan kerja telah diselesaikan pada 12 Mac 2015. Pihak Cawangan Tg Kupang menjelaskan pintu-pintu almari tersebut hanya di sapu dengan 'shellac' seperti yang termaktub di dalam skop kerja.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dilantik. Selain daripada unit kuarters tersebut, kontraktor juga melaksanakan pembaikan bagi 6 unit kuarters yang lain. Kedua-dua Kontraktor tersebut telah dibayar sejumlah RM42,933.59 dan RM48,628.96 bagi kerja pembaikan tersebut. Antara kerja yang tidak diselesaikan adalah pintu bilik tidak dicat, tumbol pintu tidak dipasang, pintu almari tidak dicat dan jubin dapur yang tertinggal tidak dipasang.</p>	<p>Manakala bagi jubin dapur yang tertinggal tidak dipasang, kerosakan ini merupakan kerosakan yang baru selepas penyediaan JKH dimana skop kerja pemasangan jubin tidak dimasukkab di dalam skop kontraktor.</p> <p><b><u>Tindakan Penambahbaikan</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Pihak Cawangan BPH telah memanggil semula kontraktor terlibat untuk menyempurnakan item yang tidak disiapkan iaitu pintu bilik tidak dicat dan tumbol pintu tidak dipasang. Kerja-kerja tersebut telah diselesaikan pada 12 Mac 2015.</li> <li>2) Peraturan pemeriksaan akan dikuatkuasakan sepenuhnya agar pekara yang sama tidak lagi berulang.</li> </ol>
<p><b>2.5.4.1.h</b></p>	<p>Selain itu, didapati beberapa unit kuarters yang telah selesai dibaiki dan telah diserahkan kepada Pejabat Cawangan BPH Tanjung Kupang/Unit Senggara dalam keadaan yang tidak bersih di mana kontraktor telah meninggalkan sampah pembaikan seperti tong cat, kipas, pagar besi dan lain-lain. Terdapat juga sampah pembaikan yang ditinggalkan oleh Kontraktor dalam bilik meter elektrik dan kawasan kuarters.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengesahan kerja siap tidak dilaksanakan dengan teratur untuk menjamin Kerajaan berbelanja secara berhemat dan pembayaran tidak sepatutnya dibuat terhadap kerja-kerja yang tidak siap.</p> <p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 18 September 2015</b></p> <p><i>Norma tempoh daripada menerima sehingga menyerahkan semula kunci kepada unit kuarters adalah 60 hari. Bagi tempoh pembaikan yang melebihi dari 60 hari adalah disebabkan oleh perkara berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Kekangan peruntukan semasa</i></li> <li>ii. <i>Pembaikan seperti pemasangan tiles atau parque yang memerlukan kemahiran yang tinggi di samping mengambil masa yang lama dan kerja-kerja waterproofing yang melibatkan pihak ketiga.</i></li> <li>iii. <i>Kerja-kerja pembaikan yang tidak kemas menyebabkan tempoh pembaikan dipanjangkan bagi kontraktor membaiki semula sehingga Penyelia Kerja berpuas hati.</i></li> </ol>	<p>Bagi kes yg dibangkitkan di Tg. Kupang, sampah yang dimaksudkan adalah daripada kerja –kerja yang sedang berjalan ketika sesi pengauditan dijalankan di Kuarters Tg. Kupang. Sampah telah dibersihkan setelah kerja disiapkan. Pemeriksaan di tapak dilakukan semasa dan selepas kerja dijalankan di tapak untuk memastikan semua tanggungjawab kontraktor dilaksanakan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Untuk makluman semua kontraktor telah diberi taklimat lengkap sebelum memulakan kerja-kerja pembaikan termasuk isu pembuangan sisa/sampah selepas siap kerja pembaikan dilaksanakan.</li> </ol> <p><b><u>Tindakan Penambahbaikan</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Kontraktor yang dikenalpasti meninggalkan sisa pembaikan/sampah ini telah dipanggil semula untuk mengeluarkan/membuang semua sampah berkenaan dan diberi teguran serta amaran agar tidak mengulangi perkara ini.</li> <li>2) BPH telah memaklumkan kepada Kontraktor Pembaikan Rumah Kosong agar menyerahkan Notis Makluman kepada Kontraktor Penyelenggaraan berkenaan dengan kerja-kerja pembaikan yang akan dijalankan di unit-unit yang berkaitan.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Penyelia Kerja berpuas hati.</i></p> <p>iv. <i>Kelewatan pelaksanaan pembaikan rumah kosong di Putrajaya adalah akibat daripada kerosakan yang berada di bawah tanggungan Putrajaya Holding (PJH) seperti kebocoran (masalah lapis kalis lembap).</i></p> <p>v. <i>Pembaikan major yang tidak dapat dilaksanakan oleh BPH diserahkan kepada agensi teknikal iaitu Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Putrajaya (JKRWPP). Rumah-rumah kosong ini mengambil masa yang lama untuk pembaikan di bawah seliaan PJH dan JKRWPP kerana kerumitan masalah setiap rumah kosong tersebut (Jika melibatkan pasukan Forensik daripada Cawangan Kejuruteraan Awam &amp; Struktur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya).</i></p> <p><i>Pada 16 Mac 2015, seramai 17 orang kakitangan daripada ibu pejabat BPH Putrajaya telah turun ke KKKA Tanjung Kupang untuk membantu kerja-kerja pemeriksaan kuarters untuk 52 unit kuarters kosong sebelum penyediaan JKH.</i></p> <p><i>Tindakan susulan telah diambil dengan memanggil kontraktor bagi menyempurnakan kerja yang tidak disiapkan dan kerja telah diselesaikan pada 12 Mac 2015.</i></p>	
2.5.4.2.a	<p><b>Pembaikan Rumah Kosong Yang Melibatkan Tindakan JKR/Putrajaya Holding Sdn. Bhd. (PJH)</b></p> <p>Berdasarkan surat BPH kepada JKR W.P. Putrajaya dan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. (PJH) bertarikh 8 Oktober 2014, bagi tempoh tahun 2012 hingga bulan Oktober 2014, sebanyak 93 unit kuarters di Putrajaya yang memerlukan pembaikan melibatkan kepakaran dan pembaikan di bawah jaminan. Pembaikan melibatkan kepakaran seperti struktur bangunan dan lain-lain akan diserahkan kepada JKR manakala pembaikan yang melibatkan kerosakan di bawah jaminan akan diserahkan kepada PJH.</p>	<p><u>Penjelasan/Ulasan</u></p> <p>a) (PJH)</p> <p>Presint 5R1, 5R3, 5R4, 5R6, 8R2, ZON 6B, 17RK1, 18R4 dan 18R12 mengambil tempoh yang lama diambil tindakan kerana beberapa perkara berikut:</p> <p>i. Penghuni unit di atas sukar memberikan kerjasama kerana dia tidak membuat aduan kerosakan (isu kelemahan kalis air). Beliau tidak tahu bahawa unit di bawahnya menghadapi masalah tersebut. Ia rasa kurang senang dengan tindakan kerja-kerja pembaikan pada tempat yang dipasang dengan kalis air di unitnya, bagi mereka ia menimbulkan kesulitan dan tidak memberi keselesaan.</p> <p>ii. Masa yang sukar ditetapkan oleh pembuat aduan itu sendiri membuatkan kerja tergendala serta tidak bertepatan dengan perancangan kami. Senarai menunggu telah diatitkan dan ia sukar ditukar ganti, justeru penghuni perlu mencari tarikh baharu yang akan diberitahu kepada kami kemudian.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>iii. Jika berlaku masalah gangguan struktur dan rekabentuk pada bangunan yang telah siap, pihak PjH akan menghubungi perunding asal untuk membuat siasatan, memajukan laporan, menyediakan pelan rekabentuk lain dan strategi pemulihan.</p> <p>iv. Melantik kontraktor pihak ketiga untuk tindakan sebutharga agar proses perolehan dapat dibuat secara telus dan ia juga mengambil masa yang agak lama.</p> <p>Zon 17RK2</p> <p>i. Masalah 'Design' dan 'Selection of Material' yang dipasang /dibina sedang diteliti oleh pihak Arkitek, Jurutera dan kontraktor utama itu sendiri bagi mencari kaedah pembaikan yang bersesuaian dan terbaik mengikut teknologi pembinaan masa kini.</p> <p>ii. Ia mengambil masa lama sedikit kerana banyak faktor diambil kira oleh pihak perunding agar pelaksanaan kerja pembaikan pada kecacatan yang berlaku itu dapat diatasi secara kekal, tidak mudah luput dan yang penting tidak akan berulang kecacatannya kembali.</p> <p>1) <u>Penjelasan/Ulasan (JKR)</u></p> <p>a) Rekabentuk bangunan kuarters yang mengalami kebocoran telah direkabentuk menggunakan sistem proprietary IBS, iaitu sistem yang dibangunkan dan dipasarkan secara eksklusif oleh pembekal sistem.</p> <p>b) Kelewatan tempoh pembaikan bagi masalah serapan air dinding (sealant) dan lapisan kalis air (waterproofing) adalah disebabkan perkara berikut:</p> <p>i. Masalah serapan air dinding (sealant) dan lapisan kalis air (waterproofing) sukar diatasi kerana bangunan dibina menggunakan kaedah IBS. Teknologi penyelenggaraan adalah kompleks dan tidak semudah penyelenggaraan bangunan yang dibina secara konvensional.</p> <p>ii. Bagi mengenalpasti punca kebocoran, maklumat terperinci seperti lukisan struktur pemasangan komponen bangunan, metod pemasangan komponen bangunan yang dilaksanakan di tapak, pelan pemasangan paip air kumbahan, pelan paip air bersih dan pelan saluran turun air permukaan perlu diperolehi. Dokumen-</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>dokumen ini hanya boleh diperolehi daripada Pemaju Projek berkenaan kerana pihak mereka yang melantik pembina dan pembekal sistem. Sehingga kini, dokumen-dokumen berkenaan tidak diperolehi.</p> <p>iii. JKR sudah merujuk kepada Bahagian Khidmat Pakar Bangunan, Ibu Pejabat JKR dan mereka pernah dimaklumkan bahawa pihak Kontraktor Specialist juga tidak berminat untuk melaksanakan kerja pembaikan tanpa maklumat yang lengkap kerana risiko masalah kebocoran yang berlaku tidak dapat diselesaikan.</p> <p>iv. Berdasarkan maklumbalas, PJH selaku pelaksana pembinaan juga turut mengalami kesukaran untuk mengatasi/membaiki masalah serapan air dinding (sealant) dan lapisan kalis air (<i>waterproofing</i>) yang mengguna kaedah pembinaan IBS.</p> <p>v. Kurang kerjasama daripada penghuni sekitar yang terlibat juga menyumbang kepada kelewatan pembaikan. Sebagai contoh; penetapan tarikh temujanji dengan kontraktor yang berubah-ubah, penangguhan atau pembatalan temujanji yang menghalang akses kontraktor ke lokasi pembaikan.</p> <p>vi. Status semasa kerja pembaikan 76 unit rumah kosong adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 unit telah selesai dibaiki.</li> <li>• 6 unit melibatkan isu bumbung bocor - sebutharga telah diiklan pada 9 September 2015</li> <li>• 17 unit melibatkan isu resapan air yang mengguna kaedah pembinaan IBS - JKR</li> <li>• 48 unit melibatkan isu resapan air – PJH</li> </ul> <p>2) <u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>a) Sementara menunggu dokumen berkaitan dibekalkan, perbincangan awal telah dibuat bersama dengan Bahagian Khidmat Pakar JKR tentang cara alternatif bagi mendapatkan maklumat yang terkandung dalam dokumen berkenaan. Kaedah mendapatkan maklumat secara pengukuran terbina dan ujian tanpa musnah di tapak telah dicadangkan.</p> <p>b) Kajian pakar ke atas rekabentuk struktur IBS dan kaedah penggunaan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>bahan sealant dan waterproofing perlu ditambahbaik agar bahan tersebut mempunyai jangka hayat yang boleh mencapai rekabentuk hayat bangunan.</p> <p>c) Simpanan rekod – pendaftaran simpanan kunci dan penyerahan kunci perlu dikemaskini.</p> <p>d) Kerja yang di luar skop kontraktor senggara yang tidak melibatkan IBS akan diuruskan secara sebutharga.</p> <p>e) Mengeluarkan skop kerja pembaikan rumah kosong daripada kontrak penyelenggaraan (akan dibincang bersama BPH).</p> <p>3) <u>Tempoh Jangkaan Selesai</u></p> <p>a) JKR Putrajaya akan berterusan merujuk Bahagian Khidmat Pakar JKR dalam usaha mengenalpasti metod ujian tanpa musnah dan tatacara memperolehi pengukuran terbina. Ini memerlukan peruntukan kos yang tinggi dari pihak pelanggan serta keperluan pemindahan penghuni kuarters terbabit sepanjang tempoh pengukuran dan ujian dijalankan, pendekatan ini ditangguhkan sehingga pihak Pemaju dapat mengesahkan bahawa dokumen yang diperlukan tidak boleh diperolehi.</p> <p>b) Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan setelah kaedah pembaikan diperolehi. Keperluan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berhubung dengan sistem IBS yang telah digunakan tidak boleh dipandang remeh kerana kerja pembaikan yang bakal dijalankan perlu mampu menyelesaikan masalah di tapak dan tidak menimbulkan masalah baru yang lebih rumit.</p> <p>c) JKR akan rujuk juga kaedah pembaikan yang digunakan pihak PJH sekiranya didapati dapat menyelesaikan masalah sealant dan <i>waterproofing</i></p>
2.5.4.2.b	Semakan Audit terhadap unit kuarters yang diserahkan kepada JKR/PJH untuk pembaikan mendapati pembaikan bagi 76 (81.7%) unit kuarters masih belum diselesaikan. Antara kerosakan yang berlaku adalah melibatkan <i>water proofing</i> di tandas dan air hujan meresap masuk melalui sambungan dinding Sistem Bangunan Berindustri (IBS). Adalah didapati unit kuarters tersebut telah dikosongkan antara 285 hingga 2,151 hari.	<p><b>2.5.4.2.b</b></p> <p>e) Kelewatan tempoh pembaikan bagi masalah serapan air dinding (sealant) dan lapisan kalis air (<i>waterproofing</i>) adalah disebabkan perkara berikut:</p> <p>v. Masalah serapan air dinding (sealant) dan lapisan kalis air (<i>waterproofing</i>) sukar diatasi kerana bangunan dibina menggunakan kaedah IBS. Teknologi penyelenggaraan adalah kompleks dan tidak</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 18 September 2015</b></p> <p>c) <i>Rekabentuk bangunan kuarters yang mengalami kebocoran telah direkabentuk menggunakan sistem proprietary IBS, iaitu sistem yang dibangunkan dan dipasarkan secara eksklusif oleh pembekal sistem.</i></p> <p>d) <i>Kelewatan tempoh pembaikan bagi masalah serapan air dinding (sealant) dan lapisan kalis air (waterproofing) adalah disebabkan perkara berikut:</i></p> <p>vii. <i>Masalah serapan air dinding (sealant) dan lapisan kalis air (waterproofing) sukar diatasi kerana bangunan dibina menggunakan kaedah IBS. Teknologi penyelenggaraan adalah kompleks dan tidak semudah penyelenggaraan bangunan yang dibina secara konvensional.</i></p> <p>viii. <i>Bagi mengenalpasti punca kebocoran, maklumat terperinci seperti lukisan struktur pemasangan komponen bangunan, metod pemasangan komponen bangunan yang dilaksanakan di tapak, pelan pemasangan paip air kumbahan, pelan paip air bersih dan pelan saluran turun air permukaan perlu diperolehi. Dokumen-dokumen ini hanya boleh diperolehi daripada Pemaju Projek berkenaan kerana pihak mereka yang melantik pembina dan pembekal sistem. Sehingga kini, dokumen-dokumen berkenaan tidak diperolehi.</i></p> <p>ix. <i>JKR sudah merujuk kepada Bahagian Khidmat Pakar Bangunan, Ibu Pejabat JKR dan mereka pernah dimaklumkan bahawa pihak Kontraktor Specialist juga tidak berminat untuk melaksanakan kerja pembaikan tanpa maklumat yang lengkap kerana risiko masalah kebocoran yang berlaku tidak dapat diselesaikan.</i></p> <p>x. <i>Berdasarkan maklumbalas, PjH selaku pelaksana pembinaan juga turut mengalami kesukaran untuk mengatasi/membaiki masalah serapan air dinding (sealant) dan lapisan kalis air (waterproofing) yang mengguna kaedah pembinaan IBS.</i></p> <p>xi. <i>Kurang kerjasama daripada penghuni sekitar yang terlibat juga menyumbang kepada kelewatan pembaikan. Sebagai contoh; penetapan tarikh temujanji dengan kontraktor yang berubah-ubah, penangguhan atau pembatalan temujanji yang menghalang akses kontraktor ke lokasi pembaikan.</i></p>	<p>semudah penyelenggaraan bangunan yang dibina secara konvensional.</p> <p>vi. Bagi mengenalpasti punca kebocoran, maklumat terperinci seperti lukisan struktur pemasangan komponen bangunan, metod pemasangan komponen bangunan yang dilaksanakan di tapak, pelan pemasangan paip air kumbahan, pelan paip air bersih dan pelan saluran turun air permukaan perlu diperolehi. Dokumen-dokumen ini hanya boleh diperolehi daripada Pemaju Projek berkenaan kerana pihak mereka yang melantik pembina dan pembekal sistem. Sehingga kini, dokumen-dokumen berkenaan tidak diperolehi.</p> <p>vii. JKR sudah merujuk kepada Bahagian Khidmat Pakar Bangunan, Ibu Pejabat JKR dan mereka pernah dimaklumkan bahawa pihak Kontraktor Specialist juga tidak berminat untuk melaksanakan kerja pembaikan tanpa maklumat yang lengkap kerana risiko masalah kebocoran yang berlaku tidak dapat diselesaikan.</p> <p>viii. Berdasarkan maklumbalas, PjH selaku pelaksana pembinaan juga turut mengalami kesukaran untuk mengatasi/membaiki masalah serapan air dinding (sealant) dan lapisan kalis air (waterproofing) yang mengguna kaedah pembinaan IBS.</p> <p>ix. Kurang kerjasama daripada penghuni sekitar yang terlibat juga menyumbang kepada kelewatan pembaikan. Sebagai contoh; penetapan tarikh temujanji dengan kontraktor yang berubah-ubah, penangguhan atau pembatalan temujanji yang menghalang akses kontraktor ke lokasi pembaikan.</p> <p>x. Status semasa kerja pembaikan 76 unit rumah kosong adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 unit telah selesai dibaiki.</li> <li>• 6 unit melibatkan isu bumbung bocor - sebutharga telah diiklan pada 9 September 2015</li> <li>• 17 unit melibatkan isu resapan air yang mengguna kaedah pembinaan IBS - JKR</li> <li>• 48 unit melibatkan isu resapan air – PJH</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>xii. Status semasa kerja pembaikan 76 unit rumah kosong adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 unit telah selesai dibaiki.</li> <li>• 6 unit melibatkan isu bumbung bocor - sebutharga telah diiklan pada 9 September 2015</li> <li>• 17 unit melibatkan isu resapan air yang mengguna kaedah pembinaan IBS - JKR</li> <li>• 48 unit melibatkan isu resapan air - PJH</li> </ul>	<p>2) <u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>f) Sementara menunggu dokumen berkaitan dibekalkan, perbincangan awal telah dibuat bersama dengan Bahagian Khidmat Pakar JKR tentang cara alternatif bagi mendapatkan maklumat yang terkandung dalam dokumen berkenaan. Kaedah mendapatkan maklumat secara pengukuran terbina dan ujian tanpa musnah di tapak telah dicadangkan.</li> <li>g) Kajian pakar ke atas rekabentuk struktur IBS dan kaedah penggunaan bahan sealant dan waterproofing perlu ditambahbaik agar bahan tersebut mempunyai jangka hayat yang boleh mencapai rekabentuk hayat bangunan.</li> <li>h) Simpanan rekod – pendaftaran simpanan kunci dan penyerahan kunci perlu dikemaskini.</li> <li>i) Kerja yang di luar skop kontraktor senggara yang tidak melibatkan IBS akan diuruskan secara sebutharga.</li> </ul> <p>3) <u>Tempoh Jangkaan Selesai</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) JKR Putrajaya akan berterusan merujuk Bahagian Khidmat Pakar JKR dalam usaha mengenalpasti metod ujian tanpa musnah dan tatacara memperolehi pengukuran terbina. Ini memerlukan peruntukan kos yang tinggi dari pihak pelanggan serta keperluan pemindahan penghuni kuarters terbabit sepanjang tempoh pengukuran dan ujian dijalankan, pendekatan ini ditangguhkan sehingga pihak Pemaju dapat mengesahkan bahawa dokumen yang diperlukan tidak boleh diperolehi.</li> <li>b) Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan setelah kaedah pembaikan diperolehi. Keperluan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berhubung dengan sistem IBS yang telah digunakan tidak boleh dipandang remeh kerana kerja pembaikan yang bakal dijalankan perlu mampu menyelesaikan masalah di tapak dan tidak menimbulkan masalah baru yang lebih rumit.</li> <li>c) JKR akan rujuk juga kaedah pembaikan yang digunakan pihak PJH sekiranya didapati dapat menyelesaikan masalah sealant dan waterproofing.</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.5.5.a	<p><b>Pemeriksaan Fizikal</b></p> <p>Secara keseluruhannya, keadaan kuarters BPH adalah baik dan tidak mengalami kerosakan yang kritikal kerana kerja penyenggaraan dilakukan secara berjadual, <i>ad hoc</i> atau berdasarkan aduan daripada penghuni telah dilaksanakan oleh BPH melalui agensi pelaksana.</p> <p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 18 September 2015</b></p> <p><i>Kerja pembaikan dalam pelaksanaan dan dijangka siap dalam tempoh 2 minggu. Sistem pencegahan kebakaran masih boleh beroperasi secara manual.</i></p> <p><i>Bagi set janakuasa tindakan telah diambil seperti berikut:</i></p> <p>a) <i>Surat permohonan salinan asal sijil pendaftaran no. rujukan (30) dlm. JKR/WPP/100.002/2012 kepada PJH telah dikeluarkan pada 9 September 2013.</i></p> <p>b) <i>Permohonan kelonggaran pendaftaran semula pemasangan telah dikemukakan melalui surat no ruj.(28) JKR/WPP/100.000/U.S bertarikh 1 September 2015.</i></p> <p>c) <i>Pelantikan Jurutera Perkhidmatan Elektrik akan dibuat sekiranya kelonggaran tidak diperolehi.</i></p> <p><i>Proses memperbaharui PMA sedang dilaksanakan dan dijangka akan dapat diperolehi pada tahun 2015.</i></p>	<p><b><u>1) PENJELASAN</u></b></p> <p><b>Penjelasan/Ulasan</b></p> <p>a) Hasil pemeriksaan pihak JKR pada awal Disember 2014 mendapati terdapat resapan air hujan akibat ketiadaan <i>waterproofing</i> pada lantai konkrit gelanggang yang mengakibatkan retakan pada lantai tersebut.</p> <p>b) Cadangan pembaikan melibatkan kerja pembaikan bagi keseluruhan kawasan lapang (kawasan gelanggang, taman permainan dan lanskap) memerlukan masa yang panjang serta kos yang tinggi.</p> <p>c) Cadangan pembaikan tersebut tidak dapat dilaksanakan di dalam tempoh kontrak penyelenggaraan semasa yang tamat pada 31 Mac 2015.</p> <p><b>Tindakan Pembedulan</b></p> <p>a) Pihak JKR telah menjelaskan tentang kerosakan tersebut semasa mesyuarat penyerahan bersama BPH dan PPj.</p> <p>Kerosakan yang dialami adalah disebabkan kegagalan sistem kalis air yang masih dibawah jaminan Putrajaya Holding. Tindakan pembaikan masih belum dilaksanakan kerana Keutamaan PJH adalah di rumah berpenghuni dan memerlukan perhatian yang lebih berbanding di kawasan umum.</p> <p><b><u>Bilangan pekerja tidak mencukupi seperti kontrak.</u></b></p> <p><b><u>Rumah Berkembar 2 Tingkat/Teres Presint 8</u></b></p> <p><b>1) Penjelasan/Ulasan</b></p> <p>a) 2 kakitangan wireman PW 2 telah meletak jawatan pada Januari 2015 dan tiada pembayaran dibuat sehingga kini.</p> <p>b) Peringatan lisan telah disampaikan berkali-kali kepada kontraktor dan surat peringatan telah dikeluarkan pada 2 September 2015.</p> <p>Nota: Berdasarkan kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 (Peraturan-Peraturan Elektrik 1994), pemegang PW4 boleh melaksanakan tugas-tugas yang sepatutnya dilaksanakan oleh PW2. PW4 boleh membuat pendawaian sehingga</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>3-fasa dan pengujian pengesahan borang (Borang G&amp;H). PW2 hanya boleh membuat pendawaian fasa tunggal sahaja.</p> <p><b>2) Tindakan Pembetulan</b></p> <p>a) Tindakan diambil dengan memberi amaran bertulis kepada kontraktor sejajar dengan kehendak kontrak klausa 10 dalam <i>General Requirement</i>.</p> <p><b>Rumah Berkembar 2 Ttingkat/Teres Zon 2, 3B dan 3C Presint 11</b></p> <p><b>1) Penjelasan/Ulasan</b></p> <p>a) Perjawatan Juruteknik Sivil telah dikosongkan mulai Disember 2014 dan tiada bayaran bermula pada tarikh dikosongkan.</p> <p><b>2) Tindakan Pembetulan</b></p> <p>a) Tindakan diambil sejajar dengan kehendak kontrak klausa 10 dalam <i>General Requirement</i>. Kontraktor akan diberi amaran sekiranya tidak mematuhi keperluan kontrak tersebut.</p> <p><b>Rumah Berkembar 2 Tingkat/Teres Zon 9A, 10A, 11A, 11B dan 12B Presint 11</b></p> <p><b>1) Penjelasan/Ulasan</b></p> <p>a) Potongan bayaran dibuat sepanjang jawatan tersebut dikosongkan.</p> <p>b) Juruteknik Mekanikal telah diisi pada Jun 2015 manakala 2 Handyman telah diisi jawatan pada Mei 2015.</p> <p><b>2) Tindakan Pembetulan</b></p> <p>a) Tindakan diambil dengan memberi amaran bertulis kepada kontraktor sejajar dengan kehendak kontrak klausa 10 dalam <i>General Requirement</i>.</p> <p><b>Rumah Banglo/Berkembar 2 Tingkat/Teres Sub Presint 14-1, 14-4, 14-5, 14-9 Dan 14-10 Presint 14</b></p> <p><b>1) Penjelasan/Ulasan</b></p> <p>a) 2 jawatan Juruteknik Mekanikal telah diisi pada Mei 2015 dan 2 jawatan <i>Wireman</i> PW 2 telah diisi pada April 2015.</p> <p>b) 1 jawatan <i>Wireman</i> PW 4 yang masih belum diisi dan tiada pembayaran dibuat sehingga kini.</p> <p>c) Peringatan secara lisan telah diberi berkali-kali kepada kontraktor dan surat peringatan telah dikeluarkan pada 2 September 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><b>2) Tindakan Pembetulan</b></p> <p>a) Tindakan diambil dengan memberi amaran bertulis kepada kontraktor sejajar dengan kehendak kontrak klausa 10 dalam General Requirement.</p> <p><b>Rumah Teres Fasa 1 &amp; 2 Presint 9</b></p> <p><b>1) Penjelasan/Ulasan</b></p> <p>a) Kekosongan jawatan Pengurus Fasiliti di tapak, pejabat ini telah mengeluarkan surat peringatan kepada pihak kontraktor agar segera mengisi jawatan tersebut pada 26 Mac 2015 dan 5 Mei 2015.</p> <p>b) Tiada bayaran ke atas jawatan tersebut.</p> <p><b>2) Tindakan Pembetulan</b></p> <p>a) Tindakan diambil dengan memberi amaran bertulis kepada kontraktor sejajar dengan kehendak kontrak klausa 10 dalam General Requirement.</p> <p><b><u>Sistem pencegahan kebakaran tidak berfungsi</u></b></p> <p><b>Rumah Pangsapuri Presint 9 - Fasa 5 Dan 6</b></p> <p><b>1) Penjelasan/Ulasan</b></p> <p>a) Arahan pembaikan telah dikeluarkan pada 9 September 2015 dan dijangka siap dalam tempoh 2 hingga 4 minggu.</p> <p>b) Sistem masih boleh beroperasi secara manual.</p> <p><b>2) Tindakan Penambahbaikan</b></p> <p>a) Cadangan membuat kunci tambahan kepada panel untuk lokasi kuarters pangsapuri yang menghadapi masalah vandalisme yang tinggi (kecurian bateri).</p> <p>b) Menulis tarikh pemasangan pada bateri baru di dalam panel. Boleh merancang penukaran bateri setiap 2 tahun.</p> <p><b>3) Tempoh Jangkaan Selesai</b></p> <p>Dalam tempoh 2 hingga 4 minggu daripada arahan yang dikeluarkan pada 9 September 2015</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p><b>Rumah Pangsapuri Presint 8 - Fasa 4C</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) Telah selesai diambil tindakan pada 2 September 2015.</li> <li>2) Sijil Bomba <i>portable fire extinguisher</i> telah diperbaharui dan akan tamat tempoh pada 24 Februari 2016.</li> </ol> <p><b><u>Set janakuasa tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga</u></b></p> <p><b>Rumah Pangsapuri Presint 9 - Fasa 5 Dan 6</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>1) Penjelasan/Ulasan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Keperluan pendaftaran ini perlu dilaksanakan oleh kontraktor binaan/perunding elektrik (PJH).</li> </ol> </li> <li><b>2) Tindakan Penambahbaikan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Surat permohonan salinan asal sijil pendaftaran no. rujukan (30)d/m.JKR/WPP/100.002/2012 kepada PJH telah dikeluarkan pada 9 September 2013.</li> <li>b) Permohonan kelonggaran pendaftaran semula pemasangan telah dikemukakan melalui surat no ruj.(28) JKR/WPP/100.000/U.S bertarikh 1 September 2015.</li> <li>c) Pelantikan Jurutera Perkhidmatan Elektrik akan dibuat sekiranya kelonggaran tidak diperolehi.</li> </ol> </li> <li><b>3) Tempoh Jangkaan Selesai</b> Tindakan memulakan pendaftaran akan dibuat selepas menerima maklumbalas daripada ST.</li> </ol> <p><b>Rumah Pangsapuri Presint 9 - Fasa 7</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><b>1) Penjelasan/Ulasan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Keperluan pendaftaran ini perlu dilaksanakan oleh kontraktor binaan/perunding elektrik (PJH).</li> </ol> </li> <li><b>2) Tindakan Penambahbaikan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Surat permohonan salinan asal sijil pendaftaran no. rujukan (30)d/m.JKR/WPP/100.002/2012 kepada PJH telah dikeluarkan pada 9 September 2013.</li> <li>b) Permohonan kelonggaran pendaftaran semula pemasangan telah dikemukakan melalui surat no ruj.(28) JKR/WPP/100.000/U.S bertarikh 1 September 2015.</li> </ol> </li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>c) Pelantikan Jurutera Perkhidmatan Elektrik akan dibuat sekiranya kelonggaran tidak diperolehi.</p> <p><b>3) Tempoh Jangkaan Selesai</b> Tindakan memulakan pendaftaran akan dibuat selepas menerima maklumbalas daripada ST.</p> <p><b><i>Rumah Pangsapuri Presint 14 - Sub-Presint 14-7</i></b></p> <p><b>1) Penjelasan/Ulasan</b> a) Keperluan pendaftaran ini perlu dilaksanakan oleh kontraktor binaan/perunding elektrik (PJH).</p> <p><b>2) Tindakan Penambahbaikan</b> a) Surat permohonan salinan asal sijil pendaftaran no. rujukan (30)d/m.JKR/WPP/100.002/2012 kepada PJH telah dikeluarkan pada 9 September 2013. b) Permohonan kelonggaran pendaftaran semula pemasangan telah dikemukakan melalui surat no ruj.(28) JKR/WPP/100.000/U.S bertarikh 1 September 2015. c) Pelantikan Jurutera Perkhidmatan Elektrik akan dibuat sekiranya kelonggaran tidak diperolehi.</p> <p><b>3) Tempoh Jangkaan Selesai</b> Tindakan memulakan pendaftaran akan dibuat selepas menerima maklumbalas daripada ST.</p> <p><b><u>Permit Mesin Angkat telah tamat tempoh</u></b></p> <p><b><i>Rumah Pangsapuri Presint 9 - Fasa 7</i></b></p> <p><b>1) Penjelasan/Ulasan</b> a) Semasa lawatan audit, permohonan pembaharuan Lesen PMA telah dibuat.</p> <p><b>2) Tindakan Penambahbaikan</b> a) Memastikan permohonan pemeriksaan dikemukakan oleh kontraktor seawal 4 bulan sebelum tamat tempoh PMA mengikut keperluan JKPP dan sesalinan surat permohonan dan Sijil dikemukakan kepada JKR bagi tujuan rekod dan pemantauan. b) Memperkhemaskan prosedur pemantauan penyelenggaraan berkala</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>tahunan agar kontraktor dapat diberi amaran awal.</p> <p><b>3) Tempoh Jangkaan Selesai</b></p> <p>a) Lesen PMA telah diperolehi dan tarikh luput yang baru ialah 11 Jun 2016</p> <p><b><u>Rumah Pangsapuri Presint 9 - Fasa 12</u></b></p> <p><b>1) Penjelasan/Ulasan</b></p> <p>a) Pihak Perbadanan melalui kontraktor lif Kone Elevator (M) Sdn. Bhd. sedang menguruskan pembaharuan Sijil Perakuan Kelayakan Mesin Angkat (PMA) untuk lif-lif yang terdapat di Kuarters ini. Bagi memperbaharui PMA terdapat beberapa kerja pembaikan major dan penyelenggaraan pencegahan yang perlu dilaksanakan. Anggaran kos bagi melaksanakan kerja-kerja ini adalah sebanyak RM121,096.66. Oleh itu disebabkan peruntukan sementara dalam kontrak Detik Horizon (M) Sdn. Bhd. adalah terhad maka bagi menjimatkan masa dan mendapatkan harga pembekal yang lebih murah pihak Perbadanan berdasarkan kepada Surat Pekeliling Jabatan Kewangan Bil. 3 Tahun 2015 telah membuat lantikan terus kepada Kone Elevator (M) Sdn. Bhd. bagi melaksanakan kerja-kerja ini. Pihak Kone Elevator (M) Sdn. Bhd. telah memaklumkan bahawa kerja-kerja tersebut telah hampir disiapkan dan proses permohonan PMA akan dapat dilaksanakan selepas kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan pencegahan ini diselesaikan.</p> <p><b>2) Tindakan Penambahbaikan</b></p> <p>a) Usia lif dari masa ke masa adalah meningkat. Oleh itu kecekapan komponen-komponen dalam lif dari masa ke masa akan menurun dan akan bertambah buruk disebabkan penggunaan tanpa kawalan oleh penghuni. Oleh itu semasa permohonan untuk membaharui PMA, akan keluar berbagai ulasan daripada pihak JKPP yang memerlukan kerja pembaikan dijalankan dan ini menyebabkan proses untuk memperbaharui PMA menjadi panjang. Oleh itu bagi mengurangkan masalah semasa membaharui PMA, kerja-kerja penyelenggaraan lif secara rutin biasa adalah tidak mencukupi. Penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan major adalah perlu dijalankan juga mengikut masa yang ditetapkan. Kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan major ini biasanya tidak termasuk dalam penyelenggaraan rutin biasa yang dijalankan pada masa ini. Oleh itu dalam kontrak terbaru Perbadanan Putrajaya telah ditambah item untuk penyelenggaraan lif yang tidak dapat ditentukan yang mana ia akan dapat</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>digunakan untuk menangani masalah seperti yang dinyatakan di atas. Bagi memastikan proses pembayaran dapat berjalan lancar semakan kos dijalankan sebelum arahan kerja dikeluarkan.</p> <p><b>3) Tempoh Jangkaan Selesai</b> Proses membaharui PMA sedang dilaksanakan dan dijangka akan dapat diperolehi dalam tahun 2015.</p>
2.5.5.b.i	<p><b>Kerja Pembersihan Kuarters</b></p> <p>Pemeriksaan Audit mendapati kerja pembersihan kawasan kuarters secara berkala/berjadual dilaksanakan di setiap kuarters jenis pangsapuri. Manakala kerja pembersihan kawasan kuarters jenis teres/berkembar akan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh pihak PPJ/majlis perbandaran/majlis daerah tertakluk kepada kawasan yang telah diwartakan dibawah tanggungjawab pihak tersebut. Selain daripada kawasan yang telah diwartakan di bawah tanggungjawab pihak PPJ/majlis perbandaran/majlis daerah, tanggungjawab untuk membersihkan persekitaran rumah teres/ semi-d adalah terletak pada penghuni sendiri kecuali bagi rumah kosong di Kuala Lumpur/Petaling Jaya/Labuan di mana kerja pemotongan rumput akan dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh JKR.</p>	<p>Urusan pembersihan kuarters kerajaan di luar Putrajaya dijalankan melalui proses perolehan secara tender yang dilaksanakan di peringkat BPH. Penilaian kerja bagi pembayaran akan dinilai oleh pegawai BPH di Cawangan dan pemotongan akan dilakukan jika Kontraktor Pembersihan tidak mengikut kontrak.</p> <p>Manakala di Putrajaya, skop pembersihan telah dimasukkan di dalam Kontrak Penyelenggaraan di bawah PPj atau JKRWPP.</p>
2.5.5.b.ii	<p>Lawatan Audit mendapati beberapa kawasan persekitaran dalam dan luar bangunan kuarters yang melibatkan kawasan guna sama tidak diurus dengan baik iaitu rumput tidak dipotong, pokok pagar tidak dicantas dan pokok yang tumbuh di atas bumbung tidak dibersihkan. Keadaan ini boleh menjejaskan imej Kerajaan di samping mengundang kepada permasalahan lain seperti pembiakan nyamuk aedes dan boleh menggalakkan kehadiran binatang liar seperti serangga berbisa dan ular. Selain itu, sikap penghuni yang tidak prihatin terhadap amalan menjaga kebersihan persekitaran dan aset Kerajaan juga menyumbang kepada permasalahan ini.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyenggaraan persekitaran kuarters BPH di kawasan guna sama adalah memuaskan kecuali beberapa perkara seperti tersebut di atas. Penglibatan penghuni, kontraktor dan juga BPH adalah penting dalam memastikan persekitaran kuarters bersih dan selesa.</p>	<p><b>Penjelasan/Ulasan</b></p> <p>a) Urusan pembersihan kuarters kerajaan di luar Putrajaya dijalankan melalui proses perolehan secara tender yang dilaksanakan di peringkat BPH. Penilaian kerja bagi pembayaran akan dinilai oleh pegawai BPH di Cawangan dan pemotongan akan dilakukan jika Kontraktor Pembersihan tidak mengikut kontrak.</p> <p>b) Manakala di Putrajaya, skop pembersihan telah dimasukkan di dalam Kontrak Penyelenggaraan di bawah PPj atau JKRWPP.</p> <p>ii. Kawasan persekitaran</p> <p><b>1) Penjelasan / Ulasan</b></p> <p>a) Kontraktor Pembersihan di KKKA Jalan Duta, Jalan Ang Seng, PPA KLIA dan KIK Tg Kupang merupakan kontraktor pembersihan yang dilantik oleh BPH melalui tender selama 2 tahun. Kerja-kerja permbersihan dipantau oleh pegawai di Pejabat Cawangan BPH di lokasi yang berkenaan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 18 September 2015</b></p> <p><i>BPH akan terus memantau kerja-kerja yang dijalankan oleh Kontraktor Pembersihan dari semasa ke semasa melalui dialog kesedaran bersama persatuan penduduk dan pemeriksaan berkala oleh pegawai di Cawangan.</i></p>	<p>b) Setiap Kontraktor Pembersihan perlu menyediakan perancangan jadual pembersihan dan akan dikemukakan kepada Pejabat Cawangan. Pemantauan secara berkala dilakukan oleh pegawai cawangan bagi memastikan kerja-kerja pembersihan dilaksanakan mengikut kontrak.</p> <p>c) Setiap aduan yang dinyatakan telah diselesaikan oleh pihak BPH dan PPj.</p> <p><b>2) <u>Tindakan Penambahbaikan</u></b></p> <p>BPH akan terus memantau kerja-kerja yang dijalankan oleh Kontraktor Pembersihan dari semasa ke semasa melalui</p> <p>a) Dialog kesedaran bersama persatuan penduduk b) Pemeriksaan berkala oleh pegawai di Cawangan</p>
<p><b>2.5.6</b></p>	<p><b>Penyewaan Rumah Kepada NGO</b></p> <p>Setakat 30 April 2015, sebanyak 42 unit kuarters telah disewakan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Semakan Audit mendapati 5 daripada 10 penyewa NGO yang dikenakan sewa bulanan mempunyai tunggakan berjumlah RM88,787 setakat 30 April 2015 bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015.</p> <p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 18 September 2015</b></p> <p><i>BPH telah mengemukakan Notis Tuntutan Tunggakan kepada NGO yang terlibat dan sehingga kini kadar tunggakan tersebut telah berkurangan sebanyak RM83,787.10 daripada RM88,787.00.</i></p> <p><i>BPH akan mengemukakan Notis Tuntutan Tunggakan yang seterusnya bagi memastikan NGO yang terlibat menjelaskan tunggakan tersebut. Sekiranya NGO yang terlibat tidak menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan, kes tersebut akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diambil tindakan.</i></p> <p><i>BPH di dalam proses mengemas kini semua perjanjian dengan NGO yang menduduki kuarters Kerajaan dan pengiraan tunggakan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti NGO yang tidak menjelaskan sewa kuarters. Notis Tuntutan Tunggakan akan dikemukakan sebaik sahaja tempoh bagi menjelaskan bayaran sewa pada setiap bulan tamat.</i></p>	<p>BPH di dalam proses mengemas kini semua perjanjian dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang menduduki kuarters Kerajaan dan pengiraan tunggakan akan dibuat dari semasa ke semasa untuk mengenal pasti NGO yang tidak menjelaskan sewa kuarters. BPH telah mengemukakan Notis Tuntutan Tunggakan kepada NGO yang terlibat dan sehingga kini kadar tunggakan tersebut telah berkurangan sebanyak RM83,787.10 daripada RM88,787.00.</p> <p>BPH akan mengemukakan Notis Tuntutan Tunggakan I, II dan Terakhir mengikut status kes NGO masing-masing. Sekiranya NGO yang terlibat tidak menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan selepas Notis Tuntutan Tunggakan Terakhir, kes tersebut akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diambil tindakan undang-undang.</p> <p>Di antara faktor yang menyebabkan berlakunya tunggakan tersebut adalah proses penawaran kuarters kepada NGO yang dilaksanakan pada masa dahulu yang tidak menyatakan bayaran sewa yang dikenakan terhadap NGO berkenaan. NGO-NGO yang mempunyai tunggakan tersebut adalah NGO yang tidak pernah membuat bayaran sejak mula menduduki kuarters tersebut sehingga kini.</p> <p><b>Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan adalah seperti berikut :</b></p> <p>i. Memperkemaskan jadual operasi supaya pemantauan dan pemeriksaan ke kuarters yang diperuntukkan kepada NGO dilaksanakan dengan lebih kerap bagi memastikan peraturan menduduki kuarters Kerajaan sentiasa dipatuhi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
		ii. Menambahbaik dasar dan peraturan berhubung tindakan yang akan dikenakan ke atas NGO yang didapati melanggar peraturan menduduki kuarters Kerajaan.  iii. Menambahbaik prosedur dan proses penawaran kuarters kepada pihak NGO.						
<b>2.5.7.a</b>	<b>Pemantauan</b>  Aktiviti pemantauan daripada pihak pengurusan adalah penting bagi memastikan peraturan yang ditetapkan dipatuhi dan dapat dikuatkuasakan. Selain itu ia juga dapat membantu mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh penghuni terutama dalam aspek kebajikan. Pemantauan ini dijalankan oleh Pegawai dari Unit Naziran BPH yang dibahagikan kepada 6 Zon bagi kesemua lokasi kuarters.	Unit Naziran yang terdiri 48 orang pegawai dan kakitangan bertanggungjawab untuk memantau keseluruhan 26,861 unit kuarters Kerajaan di bawah kawalan BPH yang terletak di Putrajaya, Kuala Lumpur, Petaling Jaya, KLIA, Tanjung Kupang dan Labuan dari segi pelanggaran peraturan menduduki kuarters, hilang kelayakan menduduki kuarters, kutipan balik tunggakan sewa kuarters, pengurusan pelanjutan penghuni kuarters, naziran kebersihan kuarters dan pengurusan kuarters yang diperuntukkan kepada NGO. Di samping itu juga, Unit Naziran perlu menguruskan aduan yang diterima yang perlu diambil tindakan dalam tempoh 5 hari bekerja.						
<b>2.5.7.b</b>	<p>           Semakan Audit ke atas kawasan kuarters yang dilawati mendapati Unit Naziran ada menjalankan pemeriksaan dan notis juga telah dikeluarkan kepada penghuni yang telah melanggar syarat. Notis juga telah diletakkan ditempat di mana berlaku pelanggaran syarat seperti di kawasan di mana penghuni meletakkan barang persendirian di ruang gunasama/rumah pecah masuk. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan tindakan susulan telah dijalankan terhadap notis yang telah dikeluarkan bagi memastikan penghuni telah mengambil tindakan seperti yang ditegur oleh Unit Naziran. Unit Naziran juga tidak menyediakan laporan berkala secara bertulis, hanya gambar pemeriksaan dan notis yang disimpan sebagai rekod. Manakala Mesyuarat Unit Naziran tidak pernah diadakan pada tahun 2012 hingga 2014. Setakat bulan Mei 2015, mesyuarat tersebut telah diadakan sekali iaitu pada 21 Januari 2015.         </p> <p>           Pada pendapat Audit, Laporan bertulis dan mesyuarat secara berkala bagi mengenal pasti status dan keadaan kuarters dapat membantu pihak pengurusan memantau dan merancang tindakan selanjutnya.         </p> <p> <b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 18 September 2015</b>   <i>BPH mengambil maklum bahawa tiada laporan secara bertulis yang disediakan untuk makluman pihak pengurusan BPH dan simpanan rekod.</i> </p>	<p>           Setiap Surat Saman dan Notis Amaran dikeluarkan kepada penghuni yang melakukan pelanggaran peraturan menduduki kuarters. Penghuni akan diberikan tempoh di antara 7 hingga 14 hari untuk mengambil tindakan pembetulan atau penambahbaikan. Setiap Surat Saman dan Notis Amaran akan disusul sehingga penghuni selesai mengambil tindakan. Sekiranya penghuni masih belum mengambil tindakan, Notis Peringatan I, II dan Terakhir akan dikeluarkan kepada penghuni. Arahan Pengosongan kuarters akan dikeluarkan kepada penghuni sekiranya masih tiada tindakan yang dilaksanakan selepas tamat tempoh Notis Peringatan Terakhir.         </p> <p>           Semakan dan pemeriksaan telah dilaksanakan ke atas kedua-dua unit kuarters seperti gambar 2.47 dan 2.48 dan ringkasan maklumat adalah seperti berikut :         </p> <table border="1" data-bbox="1256 1094 1973 1369"> <thead> <tr> <th data-bbox="1256 1094 1458 1137">GAMBAR</th> <th data-bbox="1458 1094 1973 1137">STATUS KES PENGHUNI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1256 1137 1458 1241">2.47</td> <td data-bbox="1458 1137 1973 1241"> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemeriksaan pada 03.09.2015, didapati barang-barang tersebut telah dialihkan dari kawasan tersebut</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1256 1241 1458 1369">2.48</td> <td data-bbox="1458 1241 1973 1369"> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemeriksaan pada 12.10.2015, didapati barang-barang di dalam unit kuarters telah dialihkan dan kuarters di dalam proses penyediaan Jadual Kadar Harga.</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table>	GAMBAR	STATUS KES PENGHUNI	2.47	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemeriksaan pada 03.09.2015, didapati barang-barang tersebut telah dialihkan dari kawasan tersebut</li> </ul>	2.48	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemeriksaan pada 12.10.2015, didapati barang-barang di dalam unit kuarters telah dialihkan dan kuarters di dalam proses penyediaan Jadual Kadar Harga.</li> </ul>
GAMBAR	STATUS KES PENGHUNI							
2.47	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemeriksaan pada 03.09.2015, didapati barang-barang tersebut telah dialihkan dari kawasan tersebut</li> </ul>							
2.48	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemeriksaan pada 12.10.2015, didapati barang-barang di dalam unit kuarters telah dialihkan dan kuarters di dalam proses penyediaan Jadual Kadar Harga.</li> </ul>							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>Tindakan penambahbaikan:</u></p> <p>a) Menambah baik dan mengemaskini proses kerja Unit Naziran.</p> <p>b) Menambahbaik dan mengemaskini Manual Prosedur Kerja Unit Naziran serta Fail Meja pegawai yang bertanggungjawab.</p> <p>c) Memperkemaskan jadual operasi supaya pemantauan dan pemeriksaan ke kuarters dilaksanakan dengan lebih kerap bagi memastikan penghuni sentiasa patuh kepada peraturan menduduki kuarters Kerajaan.</p> <p>d) Menambahbaik tindakan yang akan dikenakan ke atas penghuni yang melanggar peraturan menduduki kuarters Kerajaan.</p>	<p>Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan adalah seperti berikut :</p> <p>i. Menambah baik dan mengemaskini proses kerja Unit Naziran.</p> <p>ii. Menambahbaik dan mengemaskini Manual Prosedur Kerja Unit Naziran serta Fail Meja pegawai yang bertanggungjawab.</p> <p>iii. Memperkemaskan jadual operasi supaya pemantauan dan pemeriksaan ke kuarters dilaksanakan dengan lebih kerap bagi memastikan penghuni sentiasa patuh kepada peraturan menduduki kuarters Kerajaan.</p> <p>iv. Menambahbaik tindakan yang akan dikenakan ke atas penghuni yang melanggar peraturan menduduki kuarters Kerajaan.</p>
<p><b>2.5.8.a</b></p>	<p><b>Penilaian Terhadap Kepuasan Penghuni Kuarters</b></p> <p>Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 1,470 borang selidik kepada penghuni kuarters semasa lawatan Audit bagi menilai tahap kepuasan penghuni terhadap pengurusan kuarters oleh BPH. Sebanyak 112 (7.6%) borang telah dikembalikan.</p>	<p>BPH mengambil maklum akan Borang Soal Selidik yang tidak dikembalikan semula oleh penghuni kuarters.</p> <p>Untuk masa akan datang, notis peringatan akan dikemukakan kepada penghuni /diletakkan di lobi-lobi lif supaya mereka memulangkan semula borang soal selidik tersebut.</p>
<p><b>2.5.8.b</b></p>	<p>Soal selidik ini merangkumi aspek proses permohonan, kemudahan yang disediakan seperti tempat letak kenderaan dan lif, kerja-kerja pembaikan, kebersihan dan keselamatan.</p> <p>i. 8.0% responden tidak berpuas hati dalam proses permohonan kuarters kerana BPH lambat membuat penawaran kuarters;</p> <p>ii. 49.1% responden menyatakan tempat letak kereta yang disediakan adalah tidak mencukupi. Ini adalah kerana terdapat penghuni yang memiliki lebih daripada sebuah kenderaan bagi setiap unit;</p> <p>iii. 28.0% responden mengadu kerosakan lif sering berlaku. Ini adalah disebabkan lif sudah berusia melebihi 10 tahun dan dalam proses penggantian;</p> <p>iv. 25.9% responden mendakwa kerja pembaikan lambat diambil tindakan; dan</p> <p>v. 26.8% responden tidak berpuas hati dengan tahap keselamatan penghuni. Ini adalah kerana pegawai keselamatan tidak disediakan,</p>	<p>Sesi Penyelarasan dan penjajaran semula SOP semasa Seksyen Pengurusan Kuarters yang dijadualkan, akan mengambil kira dapatan dari soal selidik yang telah dibuat oleh Jabatan Audit Negara.</p> <p>Teguran, pandangan dan syor sepanjang sesi pengauditan berjalan, dan sesi-sesi selepas akan di murnikan dan dijadikan input kepada Sesi yang dijadualkan tersebut.</p> <p>Soal Penyelenggaraan, keselamatan dan kelewatan respon dalam isu pembaikan akan diberikan perhatian di dalam sesi penjajaran tersebut.</p> <p>Selain itu, kerjasama berterusan dan lebih erat antara BPH dengan pihak PDRM dan Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN) diperkukuhkan dengan mengadakan program bersama dan sentiasa berkongsi maklumat-maklumat berkaitan terutamanya berkenaan dengan keselamatan penduduk.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>rumah tidak berpagar dan lokasi kuarters yang berisiko tinggi untuk berlaku pencerobohan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tahap kepuasan penghuni terhadap pengurusan kuarters secara umumnya adalah memuaskan namun masih mempunyai ruang untuk ditambahbaik khususnya bagi aspek berkenaan tempat letak kereta, penyenggaraan, keselamatan dan penyediaan kemudahan awam.</p> <p><b>Maklum Balas BPH Yang Diterima Pada 18 September 2015</b></p> <p><i>BPH mengambil maklum akan penilaian terhadap kepuasan penghuni kuarters berkenaan. Kajian semula melibatkan kesemua perkara akan diteliti dan disemak semula bagi penambahbaikan perkhidmatan kepada pelanggan utama BPH iaitu penghuni kuarters Kerajaan.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**Perenggan 3 : Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA)**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>3.5.2</b></p> <p><b>3.5.2.1</b></p>	<p><b>Penyertaan Murid Ke Program KAFA</b></p> <p>Antara objektif penubuhan KAFA adalah memastikan semua kanak-kanak Islam yang berumur 7 hingga 12 tahun di negara ini dapat mempelajari dan boleh menguasai bacaan Al-Quran dan mengamalkan perkara-perkara asas fardhu ain. Kemasukan murid-murid ke kelas KAFA tidak diwajibkan dan adalah berdasarkan kehendak ibu bapa masing-masing. Semakan Audit mendapati pada tahun 2012 seramai 1,178,432 (77.4%) daripada 1,521,917 murid Islam berumur 7 hingga 12 tahun di seluruh negara telah memilih Program KAFA. Analisis Audit selanjutnya mendapati bilangan murid Islam yang memilih Program KAFA ini semakin menurun dari tahun 2012 hingga 2014. JAKIM tidak ada maklumat mengenai murid-murid Islam yang tidak menyertai Program KAFA iaitu sama ada mereka mengikuti kelas seumpamanya di luar atau mereka tidak langsung mengikuti mana-mana kelas seumpamanya.</p>	<p>JAKIM telah membuat semakan enrolmen pelajar dari KPM dan mendapati selain mengikuti program KAFA, pelajar Islam mempunyai alternatif untuk mengikuti pengajian Islam di Sekolah Rendah Agama Swasta. Penurunan jumlah pelajar KAFA didapati signifikan dengan kenaikan jumlah pelajar di Sekolah Rendah Agama Swasta. JAKIM juga akan memohon peruntukan khusus untuk tahun 2016 bagi melaksanakan kajian menyeluruh mengenai Pendidikan Islam kepada murid peringkat rendah dan keciciran murid Islam di Sekolah Kebangsaan dari mengikuti Pendidikan Islam yang ditawarkan oleh pihak kerajaan atau agensi swasta.</p>
<p><b>3.5.2.2</b></p>	<p>Analisis Audit terhadap penyertaan murid Islam ke dalam Program KAFA mengikut negeri/wilayah mendapati 9 buah negeri mencatatkan penyertaan murid ke Program KAFA melebihi 50% di mana 2 negeri iaitu Kelantan dan Sarawak mencatatkan sehingga 91% penyertaan. Lain-lain negeri/ wilayah adalah rendah penyertaannya. Pihak Audit mendapati JAKIM tidak ada satu mekanisme untuk mengesan kedudukan murid yang tidak menyertai Program KAFA atau tidak menyertai mana-mana program seumpamanya di luar. Ini penting supaya JAKIM dapat menentukan bilangan sebenar sasaran untuk mencapai objektif Program KAFA. Maklumat mengenai sebab-sebab penurunan penyertaan juga tidak diperolehi. Kaedah pelaksanaan Program KAFA pada masa ini tidak dapat menjamin pencapaian objektif program.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, penyertaan murid Islam dalam Program KAFA pada umumnya adalah memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKIM Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>JAKIM telah membuat semakan enrolmen pelajar dari KPM dan mendapati selain mengikuti program KAFA, pelajar Islam mempunyai alternatif untuk mengikuti pengajian Islam di Sekolah Rendah Agama Swasta. Penurunan jumlah pelajar KAFA didapati signifikan dengan kenaikan jumlah pelajar di Sekolah Rendah Agama Swasta. JAKIM juga akan memohon peruntukan khusus untuk tahun 2016 bagi melaksanakan kajian menyeluruh mengenai Pendidikan Islam kepada murid peringkat rendah dan keciciran murid Islam di Sekolah Kebangsaan dari mengikuti Pendidikan Islam yang tawarkan oleh pihak kerajaan atau agensi swasta.</i></p>	
<p><b>3.5.3</b></p> <p><b>3.5.3.2</b></p>	<p><b>Premis KAFA</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sejumlah 4,300 (74%) kelas KAFA telah diadakan di sekolah manakala sejumlah 1,493 (26%) kelas KAFA diadakan di premis selain daripada sekolah.</p>	<p>KPM dalam Mesyuarat Penyelarasan Isu-Isu Pendidikan Islam Bil. 1/2015 telah bersetuju agar pihak JAKIM menghantar surat permohonan kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia untuk mendapatkan persetujuan dan kebenaran mengadakan kelas KAFA di sekolah bawah kawalan KPM. Sehubungan itu, JAKIM telah mengemukakan surat permohonan kepada KPM untuk membenarkan kelas KAFA beroperasi di premis Sekolah Kebangsaan milik KPM. Penggunaan premis ini walau bagaimanapun tertakluk kepada Pejabat Pendidikan Negeri. JAKIM berhasrat untuk memohon peruntukan kerajaan bagi membina kelas KAFA bagi menggantikan premis-premis selain premis sekolah supaya murid KAFA dapat belajar dalam suasana yang lebih kondusif.</p>
<p><b>3.5.3.2.a</b></p>	<p><b>Penutupan Kelas KAFA Di Sekolah</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 4 kelas KAFA di Kedah yang diadakan di sekolah telah ditutup dan dipindahkan ke masjid atau surau yang berhampiran.</p>	
<p><b>3.5.3.2.b</b></p>	<p><b>Kelas Pembelajaran Yang Tidak Kondusif</b></p> <p>Bagi memastikan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, kelas KAFA hendaklah diadakan di premis yang sesuai, selesa, selamat dan mempunyai bilik darjah yang mencukupi. Pihak Audit telah membuat lawatan terhadap 59 buah premis/sekolah KAFA di mana sejumlah 21 diadakan di sekolah manakala 38 diadakan selain daripada sekolah dan mendapati:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Program KAFA yang diadakan di sekolah adalah memuaskan daripada segi kemudahan pembelajaran serta kelas yang mencukupi untuk murid-murid belajar. Bagaimanapun, ia berbeza dengan Program KAFA yang diadakan di premis selain daripada sekolah di mana ia tidak sempurna dari segi kemudahan peralatan pembelajaran</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>seperti tiada kerusi dan meja serta kelas yang tidak mencukupi sehingga menyebabkan 2 pembelajaran diadakan di dalam satu kelas dan murid yang terlalu ramai di dalam satu kelas. Semakan selanjutnya juga mendapati guru KAFA menampung sebahagian bayaran sewa rumah dan utiliti untuk dijadikan kelas KAFA.</p> <p>ii. Hasil soal selidik terhadap 257 orang guru KAFA dan 85 orang waris murid KAFA mendapati antara aduan yang dikemukakan ialah kekurangan kelas untuk menampung jumlah murid yang ramai; keadaan kelas yang kurang selesa; rosak dan tidak sesuai untuk menempatkan murid seperti di surau; kelas yang sempit dan pelajar kurang selesa; kelas KAFA sering digunakan untuk program lain; dan tiada bekalan elektrik.</p> <p><b>Maklum Balas JAKIM Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>KPM dalam Mesyuarat Penyelaras Isu-Isu Pendidikan Islam Bil. 1/2015 telah bersetuju agar pihak JAKIM menghantar surat permohonan kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia untuk mendapatkan persetujuan dan kebenaran mengadakan kelas KAFA di sekolah bawah kawalan KPM. Sehubungan itu, JAKIM telah mengemukakan surat permohonan kepada KPM untuk membenarkan kelas KAFA beroperasi di premis Sekolah Kebangsaan milik KPM. Penggunaan premis ini walau bagaimanapun tertakluk kepada Pejabat Pendidikan Negeri. JAKIM berhasrat untuk memohon peruntukan kerajaan bagi membina kelas KAFA bagi menggantikan premis-premis selain premis sekolah supaya murid KAFA dapat belajar dalam suasana yang lebih kondusif.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, Program KAFA yang diadakan di premis sekolah adalah memuaskan kerana selesa dan mempunyai kemudahan yang mencukupi. Bagaimanapun Program KAFA yang diadakan di premis selain daripada sekolah tidak memuaskan kerana kelas tidak mencukupi dan kekurangan kemudahan.</p>	
<p><b>3.5.4</b></p> <p><b>3.5.4.1</b></p>	<p><b>Kemudahan Pembelajaran Program KAFA</b></p> <p>Bagi memastikan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, guru KAFA hendaklah dibekalkan dengan Alat Bantuan Mengajar (ABM) yang sesuai untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Antara keperluan ABM di kelas KAFA</p>	<p>Peruntukan persekutuan yang disalurkan untuk membiayai program KAFA adalah dikhususkan untuk pembayaran elaun guru sahaja. Selain daripada elaun guru, JAKIM sentiasa berusaha memohon peruntukan bagi tujuan penambahbaikan program KAFA. Pada tahun 2015, JAKIM telah mengemukakan permohonan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	adalah seperti kertas A4, alat tulis serta LCD dan komputer.	
3.5.4.2	Pada tahun 2012, JAKIM telah menggunakan peruntukan daripada Elaun Guru KAFA sejumlah RM1.9 juta untuk pembelian ABM seperti buku rujukan, LCD, komputer dan Rancangan Mengajar Harian kepada setiap negeri. Manakala pada tahun 2013 dan sehingga bulan Mac 2014, peruntukan sejumlah RM5 juta dan RM2 juta telah diagihkan kepada setiap negeri untuk pembelian ABM.	kelulusan khas bagi tujuan pembelian Alat/Bahan Bantu Mengajar (ABM/BBM) kelas KAFA kepada Pejabat Menteri di JPM dengan kos keseluruhan sebanyak RM13.45 juta.
3.5.4.3	<p>Berdasarkan soal selidik terhadap 257 orang guru KAFA berkaitan ABM mendapati antara aduan yang dikemukakan oleh guru KAFA adalah mereka telah menggunakan duit sendiri untuk membeli peralatan mengajar. Selain itu, hasil soal selidik yang sama menyatakan guru KAFA memerlukan peralatan mengajar seperti LCD dan komputer, peralatan keperluan mengajar seperti <i>marker pen</i> dan rehal untuk murid-murid KAFA.</p> <p>Pada pendapat Audit, peruntukan bagi ABM adalah tidak mencukupi.</p> <p><b>Maklum Balas JAKIM Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Peruntukan persekutuan yang disalurkan untuk membiayai program KAFA adalah dikhususkan untuk pembayaran elaun guru sahaja. Selain daripada elaun guru, JAKIM sentiasa berusaha memohon peruntukan bagi tujuan penambahbaikan program KAFA. Pada tahun 2015, JAKIM telah mengemukakan permohonan kelulusan khas bagi tujuan pembelian Alat/Bahan Bantu Mengajar (ABM/BBM) kelas KAFA kepada Pejabat Menteri di JPM dengan kos keseluruhan sebanyak RM13.45 juta.</i></p>	
3.5.5	<b>Pengisian Perjawatan Guru KAFA</b>	
3.5.5.1	Bagi tahun 2014, JAKIM telah meluluskan sejumlah 33,664 jawatan guru untuk mengajar KAFA di seluruh negara. JAKIM telah menetapkan bilangan kuota guru KAFA bagi setiap negeri. Kuota ini digunakan untuk menentukan peruntukan pembayaran elaun kepada guru KAFA di setiap negeri. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati asas penetapan kuota mengikut negeri adalah tidak jelas.	Pengisian perjawatan guru KAFA dibuat sepanjang tahun oleh agensi pelaksana. Bagaimanapun adalah sukar untuk mengekalkan jumlah guru memandangkan pelantikan mereka dibuat secara kontrak untuk tempoh setahun dan tidak disandarkan kepada mana-mana skim perkhidmatan yang membolehkan mereka menikmati keistimewaan seperti penjawat awam yang lain. Justeru, mereka cenderung menerima tawaran kerja lain sekiranya ditawarkan jawatan tetap atau imbuhan yang lebih menarik. Sebanyak 848 kekosongan daripada 33,664 jawatan guru adalah disebabkan oleh proses transisi penamatan dan pengambilan baru perjawatan guru. Proses pengambilan guru KAFA yang baru mengambil masa kerana perlu melalui proses temuduga bertulis dan lisan yang dilaksanakan oleh
3.5.5.2	Jika sesebuah negeri memerlukan guru KAFA yang melebihi kuota yang telah ditetapkan, maka kuota guru dari negeri lain akan digunakan dengan syarat mendapat persetujuan dari negeri tersebut. Semakan Audit mendapati	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pengisian bagi Guru Kafa ini tidak dibuat sepenuhnya di mana masih terdapat 848 kekosongan sungguhpun sebenarnya masih ada permohonan untuk pengisian. Semakan selanjutnya di Kedah mendapati 6 permohonan untuk pembukaan kelas Kafa tidak dapat diluluskan disebabkan kuota guru Kafa tidak mencukupi.</p>	<p>agensi pelaksana di peringkat negeri. Bagi tujuan penyelesaian jangka masa pendek, pada tahun 2015, JAKIM telah menimbangkan permohonan pertambahan jumlah guru dari Kedah, Negeri Sembilan, Sarawak dan Perak seramai 373 orang. Permohonan ini adalah ekoran pertambahan pelajar di negeri-negeri berkenaan. JAKIM menyedari keperluan untuk menambah jumlah guru Kafa berdasarkan kepada permohonan semasa.</p>
<p><b>3.5.5.3</b></p>	<p>Pihak JHEAIK telah membuat permohonan penambahan kuota guru Kafa bagi tahun 2014 kepada JAKIM pada 2 Disember 2013. Permohonan ini berdasarkan kepada anggaran pertambahan murid Kafa bagi tahun 2014 seramai 90,445 orang iaitu peningkatan sebanyak 17% dari tahun 2013. Selain itu juga, JHEAIK juga turut menerima permohonan pembukaan kelas baru dari daerah-daerah negeri Kedah di mana ia memerlukan tambahan guru Kafa. Oleh itu, JHEAIK telah memohon penambahan kuota guru Kafa seramai 544 orang. Berdasarkan maklum balas JAKIM melalui surat bertarikh 3 April 2014, JAKIM bersetuju meluluskan penambahan kuota guru Kafa seramai 50 orang sahaja atas faktor kekangan kewangan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKIM Yang Diterima Pada 15 Mei 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pengisian perjawatan guru Kafa dibuat sepanjang tahun oleh agensi pelaksana. Bagaimanapun adalah sukar untuk mengekalkan jumlah guru memandangkan pelantikan mereka dibuat secara kontrak untuk tempoh setahun dan tidak disandarkan kepada mana-mana skim perkhidmatan yang membolehkan mereka menikmati keistimewaan seperti penjawat awam yang lain. Justeru, mereka cenderung menerima tawaran kerja lain sekiranya ditawarkan jawatan tetap atau imbuhan yang lebih menarik. Sebanyak 848 kekosongan daripada 33,664 jawatan guru adalah disebabkan oleh proses transisi penamatan dan pengambilan baru perjawatan guru. Proses pengambilan guru Kafa yang baru mengambil masa kerana perlu melalui proses temuduga bertulis dan lisan yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana di peringkat negeri. Bagi tujuan penyelesaian jangka masa pendek, pada tahun 2015, JAKIM telah menimbangkan permohonan pertambahan jumlah guru dari Kedah, Negeri Sembilan, Sarawak dan Perak seramai 373 orang. Permohonan ini adalah ekoran pertambahan pelajar di negeri-negeri berkenaan. JAKIM menyedari keperluan untuk menambah jumlah guru Kafa berdasarkan kepada permohonan semasa.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, proses pengisian perjawatan guru Kafa boleh ditingkatkan kecekapannya jika JAKIM mempunyai data lengkap tentang</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	keperluan guru di semua negeri dan seterusnya membuat penyelarasan dengan kekosongan yang wujud agar jawatan tersebut dapat diisi sewajarnya. Jawatankuasa-jawatankuasa KAFA di peringkat Negeri perlu memainkan peranan menentukan keperluan guru dan memaklumkan kepada JAKIM mengikut tempoh tertentu untuk memudahkan JAKIM membuat keputusan penyelarasan.	
<p><b>3.5.6</b></p> <p><b>3.5.6.1</b></p>	<p><b>Latihan Dan Kursus Penyelia Dan Guru KAFA</b></p> <p><b>Peruntukan Bagi Kursus/Latihan Penyelia Dan Guru KAFA</b></p> <p>Pelaksanaan sesuatu kursus adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan yang mencukupi. Semakan Audit mendapati JAKIM tidak mempunyai peruntukan khusus untuk melaksanakan kursus/latihan kepada penyelia dan guru KAFA. Untuk memastikan Program KAFA dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, pada tahun 2012, JAKIM telah memohon kepada Kementerian Kewangan untuk menggunakan peruntukan di bawah OS42000 (Elaun Guru KAFA) bagi latihan Guru KAFA untuk pembelian peralatan mengajar serta buku rujukan guru KAFA berjumlah RM3.7 juta dan telah diluluskan pada bulan April 2012. Bagaimanapun, bagi tahun 2013 dan 2014, tiada peruntukan untuk kursus dan latihan diberi.</p>	<p>Mengikut Garis Panduan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain 2011, tanggungjawab melaksanakan latihan kepada guru dilaksanakan oleh agensi pelaksana seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), JAIN, Yayasan Islam Negeri (YIN) dan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP). Peruntukan persekutuan yang disalurkan untuk membiayai program KAFA adalah dikhususkan untuk bayaran elaun guru sahaja tidak termasuk latihan penyelia dan guru. JAKIM telah membuat perancangan dan permohonan tetapi tidak pertimbangkan di peringkat agensi pusat. Memandangkan peruntukan KAFA yang amat terhad, agensi pelaksana telah mengambil inisiatif mengadakan kerjasama dengan lain-lain agensi yang menawarkan latihan seperti Institut Pendidikan Guru Malaysia. Pada 11 Februari 2014, JAKIM telah menandatangani Nota Kerjasama Strategik dengan Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam di mana kerjasama antara kedua pihak ialah program peningkatan profesionalisme guru-guru agama bagi meningkatkan kemahiran dan pembelajaran pendidikan Islam. Pada masa ini beberapa siri perbincangan mengenai kaaedah pelaksanaan sedang dilaksanakan khususnya berkaitan modul, kurikulum dan bajet. Latihan kepada guru dilaksanakan oleh Agensi Bertanggungjawab di peringkat negeri. JAKIM telah merekod maklumat latihan yang dihadiri oleh guru dan penyelia KAFA mulai tahun 2014.</p>
<p><b>3.5.6.2</b></p>	<p><b>Guru KAFA Tidak Menghadiri Kursus/Latihan</b></p> <p>Latihan dan kursus merupakan elemen penting dalam meningkatkan kemahiran dan keyakinan seseorang guru dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. Sebagai contoh di Selangor dan Kedah, JAIS dan JHEAIK ada membuat perancangan latihan untuk guru KAFA seperti Kursus Tahsin Qiraat dan Kursus Asas Perguruan. Di Sabah, pihak JAKIM Sabah telah membuat perancangan kursus seperti Kursus Peningkatan Kecemerlangan Guru KAFA dan Kursus Peningkatan Pengajaran Dan Pembelajaran Guru KAFA, manakala di Kelantan, JPPK Kelantan telah menjalankan kerjasama di antara JPN Kelantan untuk mengadakan kursus/latihan seperti Kursus Pengajaran Dan Pembelajaran bagi Guru-Guru KAFA. Semakan Audit terhadap 282 orang guru bagi 5 buah daerah di Sabah mendapati 156 orang guru tidak pernah diberi latihan antara 2 hingga lebih 7 tahun. Manakala baki 126 orang guru tidak mempunyai maklumat di Pejabat JAKIM Sabah. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada guru-guru KAFA tersebut telah mendapat pendedahan dan pengetahuan yang sewajarnya untuk menjalankan tugasnya.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.5.6.3	<p><b>Rekod Latihan/Kursus Penyelia Dan Guru KAFA Tidak Teratur</b></p> <p>Pengurusan rekod dan maklumat yang baik membolehkan maklumat mudah diperolehi. Ini dapat membantu pihak atasan membuat pemantauan dan perancangan mengenai program KAFA. Oleh yang demikian, sistem pengurusan rekod dan maklumat yang teratur dan berkesan perlu dilaksanakan. Semakan Audit mendapati tiada maklumat berkaitan latihan/kursus yang dihadiri oleh Penyelia dan guru KAFA di seluruh negara yang dipantau dan diuruskan oleh pihak JAKIM. Pihak Audit juga mendapati tiada mekanisme pemantauan untuk menilai tahap pelaksanaan latihan dengan menentukan bilangan/kekerapan mereka yang telah menghadiri latihan/kursus.</p> <p>Pada pendapat Audit, program kursus/latihan tidak diuruskan dengan cekap bagi tujuan latihan pengajaran dan pembelajaran serta kekerapan latihan/kursus kepada penyelia dan guru KAFA. Di samping itu, rekod latihan mengenai penyelia dan guru KAFA juga tidak diwujudkan di peringkat JAKIM bagi membolehkan pemantauan dan pengukuran keberkesanan latihan dibuat.</p> <p><b>Maklum Balas JAKIM Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Mengikut Garis Panduan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain 2011, tanggungjawab melaksanakan latihan kepada guru dilaksanakan oleh agensi pelaksana seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), JAIN, Yayasan Islam Negeri (YIN) dan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP). Peruntukan persekutuan yang disalurkan untuk membiayai program KAFA adalah dikhususkan untuk bayaran elaun guru sahaja tidak termasuk latihan penyelia dan guru. JAKIM telah membuat perancangan dan permohonan tetapi tidak pertimbangkan di peringkat agensi pusat. Memandangkan peruntukan KAFA yang amat terhad, agensi pelaksana telah mengambil inisiatif mengadakan kerjasama dengan lain-lain agensi yang menawarkan latihan seperti Institut Pendidikan Guru Malaysia. Pada 11 Februari 2014, JAKIM telah menandatangani Nota Kerjasama Strategik dengan Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam di mana kerjasama antara kedua pihak ialah program peningkatan profesionalisme guru-guru agama bagi meningkatkan kemahiran dan pembelajaran pendidikan Islam. Pada masa ini beberapa siri perbincangan mengenai kaaedah pelaksanaan sedang dilaksanakan khususnya berkaitan modul, kurikulum dan bajet. Latihan kepada guru dilaksanakan oleh Agensi Bertanggungjawab di peringkat negeri. JAKIM telah merekod maklumat latihan yang dihadiri oleh guru dan penyelia KAFA mulai tahun 2014.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>3.5.7.</b></p>	<p><b>Elaun Terlebih Dibayar</b></p> <p>Berdasarkan surat tawaran kepada guru Kafa di negeri Selangor, Guru Kafa boleh memohon untuk meletak jawatan dengan memberi notis 14 hari. Bayaran elaun Guru Kafa hendaklah diberhentikan serta merta berkuat kuasa mulai tarikh peletakan jawatan. Mengikut prosedur guru yang meletak jawatan, surat perletakan jawatan akan dikemukakan ke Pejabat Agama Islam Daerah melalui Ketua Guru Kafa dan akan dipanjangkan ke Bahagian Pendidikan Islam, JAIS. Maklumat penamatan elaun akan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan untuk tujuan pemberhentian elaun dan makluman kutipan balik. Pemberhentian elaun dapat dilakukan jika maklumat penamatan elaun yang dikemukakan diterima sebelum proses pembayaran dilakukan. Semakan Audit mendapati seramai 852 orang guru telah meletak jawatan bagi tahun 2012 hingga 2014. Daripada jumlah itu seramai 63 orang guru masih mempunyai tunggakan elaun yang berjumlah RM66,209 dengan JAIS. Surat makluman kutipan balik elaun telahpun dikeluarkan kepada guru yang terlibat namun masih terdapat guru yang belum membuat bayaran balik.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kutipan elaun yang terlebih bayar kepada guru Kafa yang telah meletakkan jawatan adalah tidak memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKIM Yang Diterima Pada 15 Mei 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>JAKIM akan memberi perhatian kepada perkara ini. Isu kewangan akan dibincang secara terperinci dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Kafa Peringkat Persekutuan yang akan diadakan pada 5 Jun 2015. Sehingga 13 Ogos 2015, sejumlah RM35,592.69 telah berjaya dikutip.</i></p>	<p>JAKIM akan memberi perhatian kepada perkara ini. Isu kewangan akan dibincang secara terperinci dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Kafa Peringkat Persekutuan yang akan diadakan pada 5 Jun 2015. Sehingga 13 Ogos 2015, sejumlah RM35,592.69 telah berjaya dikutip.</p>
<p><b>3.5.8</b></p> <p><b>3.5.8.1</b></p>	<p><b>Kajian Mengenai Keberkesanan Program Kafa Oleh JAKIM</b></p> <p>Bagi menentukan sejauh mana sesuatu program yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah mencapai matlamat asal penubuhannya, satu kajian menyeluruh terhadap pelaksanaan program perlu dilakukan bagi sesuatu tempoh tertentu. Semakan Audit mendapati sejak Program Kafa mula dilaksanakan, JAKIM belum pernah menjalankan sebarang kajian menyeluruh untuk mengenal pasti keberkesanan program ini dan faktor-faktor yang menjejaskan keberkesanan program agar penambahbaikan program boleh dilakukan. Bagaimanapun, didapati pada tahun 1996, pihak MAMPU pernah menjalankan kajian keberkesanan terhadap Program Kafa. Di samping itu,</p>	<p>Kajian Keberkesanan Program Kafa telah dimasukkan sebagai salah satu agenda dalam pelan Strategik JAKIM 2015 – 2019, iaitu di bawah Teras 2 – Mengukuhkan Bidang Penyelidikan dan Pembangunan Islam Ke Arah Melestarikan Kemajuan Ummah dan turut dijadikan sebagai Key Performance Indicator (KPI) Bahagian. Kajian ini akan dihasilkan melalui Strategi Lautan Biru dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bengkel Penyediaan Kerangka Kajian Keberkesanan Kafa Siri Pertama telah diadakan pada 25 Ogos 2015 yang melibatkan peserta dari Bahagian Kemajuan Islam JAKIM. Bengkel Siri ke Dua telah diadakan pada 17 hingga 18 September 2015 yang melibatkan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Jabatan Audit Negara di peringkat negeri pada tahun 2008 juga pernah menjalankan pengauditan terhadap pelaksanaan program KAFA.</p>	<p>penyertaan peserta dari semua agensi pelaksana manakala Bengkel Siri ke Tiga diadakan pada 22 Oktober 2015 bagi mengelas input dan menambahbaik kerangka kajian.</p>
<p><b>3.5.8.2</b></p>	<p>Hasil analisis Audit mendapati sebahagian besar masalah yang pernah dibangkitkan oleh MAMPU dan Jabatan Audit Negara di peringkat negeri dalam kajian/pengauditan tersebut adalah sama seperti yang dibangkitkan di dalam pengauditan ini terutamanya masalah dari segi penempatan kelas pelajar, kemudahan pembelajaran, peranan jawatankuasa KAFA pelbagai peringkat, latihan guru dan penyelia, peranan penyelia dan kekurangan bilangan guru. Memandangkan masalah yang sama masih berbangkit, JAKIM perlu memberikan keutamaan untuk melaksanakan satu kajian/penilaian semula yang menyeluruh terhadap pelaksanaan Program KAFA dengan memberi tumpuan kepada masalah yang sering berbangkit, menilai pencapaian <i>outcome</i> serta menentukan faktor yang memberi kesan kepada kecekapan dan keberkesanan program dan seterusnya merangka pelan tindakan jangka panjang untuk penambahbaikan program.</p> <p>Pada pendapat Audit, penilaian semula program adalah langkah penting untuk memastikan pelaksanaan program yang lebih cekap dan berkesan serta <i>best value for money</i>.</p> <p><b>Maklum Balas JAKIM Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kajian Keberkesanan Program KAFA telah dimasukkan sebagai salah satu agenda dalam pelan Strategik JAKIM 2015 – 2019, iaitu di bawah Teras 2 – Mengukuhkan Bidang Penyelidikan dan Pembangunan Islam Ke Arah Melestarikan Kemajuan Ummah dan turut dijadikan sebagai Key Performance Indicator (KPI) Bahagian. Kajian ini akan dihasilkan melalui Strategi Lautan Biru dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bengkel Penyediaan Kerangka Kajian Keberkesanan KAFA Siri Pertama telah diadakan pada 25 Ogos 2015 yang melibatkan peserta dari Bahagian Kemajuan Islam JAKIM. Bengkel Siri ke Dua telah diadakan pada 17 hingga 18 September 2015 yang melibatkan penyertaan peserta dari semua agensi pelaksana manakala Bengkel Siri ke Tiga diadakan pada 22 Oktober 2015 bagi mengelas input dan menambahbaik kerangka kajian.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**Perenggan 4 : Pengurusan Cukai Pegangan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>4.5.1</b>	<b>Prestasi Unit Cukai Pegangan</b>	
<b>4.5.1.1</b>	Unit Cukai Pegangan, Cawangan Tidak Bermastautin bertanggungjawab terhadap kutipan cukai pegangan melalui aktiviti audit luar dan audit meja. Pemilihan kes audit luar terhadap pembayar adalah berdasarkan analisis kes berpotensi terhadap industri serta <i>cross border transaction</i> dan pembayaran berisiko tinggi melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP). Pemilihan kes audit meja pula dibuat mengikut keperluan sekiranya terdapat kes kenaikan cukai, pembayaran balik cukai serta pindahan kredit cukai.	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.1
<b>4.5.1.2</b>	Pengukuran prestasi bagi aktiviti audit luar adalah berdasarkan bilangan kes yang berjaya diselesaikan oleh seorang pegawai audit luar dalam tempoh setahun. Manakala bagi aktiviti audit meja pula, pengukuran prestasi adalah berdasarkan bilangan tindakan yang diambil oleh seseorang pegawai audit meja di mana sasaran tahunan ialah 6,500 tindakan bagi setiap pegawai audit meja.	
<b>4.5.1.3</b>	Setakat bulan Disember 2014, Unit Cukai Pegangan, Cawangan Tidak Bermastautin Kuala Lumpur diketuai oleh Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 48 dan dibantu oleh seramai 23 orang pegawai di mana 10 orang pegawai menjalankan audit luar manakala 11 orang pegawai menjalankan audit meja (tidak termasuk Pembantu Am).	
<b>4.5.1.4.a</b>	<b>Prestasi Aktiviti Audit Luar</b>	
	Sasaran tahunan penyelesaian kes yang ditetapkan bagi aktiviti audit luar telah dicapai iaitu 107 kes berbanding 101 kes (105.9%) pada tahun 2012 dan 134 kes berbanding 130 kes (103.1%) pada tahun 2013. Manakala pencapaian penyelesaian kes bulan Januari hingga Jun 2014 adalah sebanyak 80 kes (123.1%) berbanding 65 kes. Secara umumnya, sasaran	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>bagi aktiviti audit luar telah dicapai dengan penyelesaian sebanyak 321 kes (108.4%) berbanding 296 kes yang ditetapkan untuk tempoh 2012 hingga bulan Jun 2014. Sehubungan dengan itu, aktiviti audit luar juga berjaya mengutip sejumlah RM22.56 juta untuk tempoh yang sama. Analisis Audit selanjutnya mendapati kutipan adalah lebih tinggi pada tahun 2012 berbanding tahun 2013 disebabkan kes cukai pegangan yang dibangkitkan oleh Cawangan Audit Syarikat di negeri dan bahagian di LHDNM.</p>	
<p><b>4.5.1.4.b</b></p>	<p><b>Prestasi Aktiviti Audit Meja</b></p> <p>Sasaran tahunan aktiviti audit meja yang ditetapkan adalah 6,500 tindakan yang diselesaikan bagi setiap pegawai audit meja untuk tempoh satu tahun. Pihak Audit mendapati sasaran tahunan aktiviti audit meja telah dicapai iaitu 67,474 tindakan berbanding 65,000 tindakan (103.8%) pada tahun 2012 dan 77,341 tindakan berbanding 65,000 tindakan (119%) pada tahun 2013. Manakala pencapaian penyelesaian tindakan bulan Januari hingga Jun 2014 adalah sebanyak 39,470 tindakan (121.4%) berbanding 32,500 tindakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi Unit Cukai Pegangan dalam melaksanakan aktiviti audit luar dan audit meja adalah baik. Bagaimanapun, penetapan bilangan tindakan sebagai sasaran tahunan untuk aktiviti audit meja adalah kurang sesuai kerana sukar untuk mengenal pasti bilangan tindakan yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu kes.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pada masa sekarang norma kerja pegawai audit meja adalah ditentukan dengan bilangan tindakan berdasarkan surat bayaran. Jabatan Audit Negara berpandangan bahawa pengiraan norma kerja berdasarkan tindakan adalah tidak wajar. Sehubungan itu Jabatan Pematuhan Cukai telah mencadangkan norma kerja pegawai ditentukan berdasarkan kes (surat bayaran). Mulai tahun 2016, audit meja unit cukai pegangan akan menggunakan KPI pegawai audit meja berdasarkan borang bayaran iaitu 1 kes = 1 borang bayaran.</i></p> <p><i>Minit bebas Cadangan Penetapan Key Performance Indicator (KPI) Audit Meja Cukai Pegangan telah disediakan pada 6 Oktober 2015 berdasarkan maklumat daripada Unit Cukai Pegangan di Cawangan Tidak Bermastautin dan telah diluluskan pada 13 Oktober 2015.</i></p>	<p><b>Maklumbalas bertarikh 3 November 2015</b></p> <p>Pada masa sekarang norma kerja pegawai audit meja adalah ditentukan dengan bilangan tindakan berdasarkan surat bayaran. Jabatan Audit Negara berpandangan bahawa pengiraan norma kerja berdasarkan tindakan adalah tidak wajar. Sehubungan itu Jabatan Pematuhan Cukai telah mencadangkan norma kerja pegawai ditentukan berdasarkan kes (surat bayaran). Mulai tahun 2016, audit meja unit cukai pegangan akan menggunakan KPI pegawai audit meja berdasarkan borang bayaran iaitu 1 kes = 1 borang bayaran.</p> <p>Minit bebas Cadangan Penetapan Key Performance Indicator (KPI) Audit Meja Cukai Pegangan telah disediakan pada 6 Oktober 2015 berdasarkan maklumat daripada Unit Cukai Pegangan di Cawangan Tidak Bermastautin dan telah diluluskan pada 13 Oktober 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Kertas Konsep bagi penyediaan Sistem Unit Cukai Pegangan telah dikemukakan oleh Cawangan Tidak Bermastautin kepada Jabatan Operasi Cukai, Jabatan Pematuhan Cukai, Jabatan Pungutan Hasil dan Jabatan Teknologi Maklumat pada 30 September 2015. Mesyuarat Pemurnian Kertas Konsep Sistem Unit Cukai Pegangan akan diadakan pada 16 Oktober 2015 yang melibatkan semua jabatan terlibat bagi kelulusan Jawatankuasa Pembangunan ICT (JPIC) melalui Jabatan Operasi Cukai. Bagaimanapun, pembangunan sistem tertakluk kepada kelulusan JPIC dan peruntukan belanjawan.</i></p>	<p>Kertas Konsep bagi penyediaan Sistem Unit Cukai Pegangan telah dikemukakan oleh Cawangan Tidak Bermastautin kepada Jabatan Operasi Cukai, Jabatan Pematuhan Cukai, Jabatan Pungutan Hasil dan Jabatan Teknologi Maklumat pada 30 September 2015. Mesyuarat Pemurnian Kertas Konsep Sistem Unit Cukai Pegangan telah diadakan pada 19 Oktober 2015 yang melibatkan semua jabatan terlibat bagi kelulusan Jawatankuasa Pembangunan ICT (JPIC) melalui Jabatan Operasi Cukai. Bagaimanapun, pembangunan sistem tertakluk kepada kelulusan JPIC dan peruntukan belanjawan.</p>
<p><b>4.5.2</b></p> <p><b>4.5.2.1</b></p> <p><b>4.5.2.1.a</b></p>	<p><b>Mekanisme Pengesanan Dan Kesedaran Pengenaan Cukai Pegangan</b></p> <p><b>Pengesanan Kehadiran Individu Bukan Pemastautin Di Malaysia</b></p> <p>Sebelum tahun 2007, penganjur di Malaysia yang ingin mendapatkan perkhidmatan bukan pemastautin perlu mengemukakan surat permohonan kepada LHDNM terlebih dahulu sebelum membuat permohonan Pas Lawatan Ikhtisas (PLIK) kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Mulai tahun 2007, pihak penganjur hanya perlu mengemukakan permohonan kepada JIM tanpa melalui LHDNM untuk mendapatkan PLIK. Sehubungan itu, pihak LHDNM telah mengambil inisiatif dengan memohon salinan borang permohonan PLIK daripada JIM bagi menyemak sekiranya terdapat cukai pegangan yang layak dikenakan kepada individu bukan pemastautin.</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.2</p>
<p><b>4.5.2.1.b</b></p>	<p>Berdasarkan temu bual dengan pegawai LHDNM, didapati semakan yang dijalankan oleh LHDNM terhadap salinan borang permohonan PLIK ini tidak dapat mengesan dengan efektif kehadiran bukan pemastautin yang layak dikenakan cukai pegangan. Ini adalah kerana maklumat pada salinan borang permohonan PLIK yang diterima adalah terhad. Oleh itu, LHDNM perlu mendapatkan maklumat tambahan daripada penganjur yang terdapat pada borang PLIK tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, inisiatif LHDNM dengan mendapat dan menyemak salinan borang permohonan PLIK adalah baik. Kaedah ini perlu ditambah baik dengan mengintegrasikan sistem antara LHDNM dan JIM bagi membolehkan LHDNM mengesan dengan lebih efektif kehadiran bukan pemastautin yang layak dikenakan cukai.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Sebuah Jawatankuasa Kerja JIM-LHDNM telah ditubuhkan di peringkat LHDNM pada 11 Jun 2014. Jawatankuasa Kerja ini telah mengadakan beberapa perbincangan mengenai dasar serta sistem kerjasama perkongsian maklumat berkaitan kemasukan pekerja asing bukan mastautin yang layak dikenakan cukai. Perbincangan antara pihak IT JIM dan JTM telah diadakan pada 28 April 2015 bagi pembangunan sistem. Pembentangan konsep perkongsian data dan perundangan untuk kelulusan Timbalan Ketua Pegawai (Operasi Percukaian) telah diadakan pada 11 Mei 2015.</i></p> <p><i>Sistem integrasi perkongsian maklumat di antara LHDNM-JIM ke atas maklumat JIM sedang dalam pembangunan dan dijangka siap untuk dilancarkan pada penghujung Oktober 2015. Sistem ini membolehkan integrasi perkongsian maklumat ke atas maklumat JIM oleh LHDNM dibuat secara real time bagi tujuan seperti untuk pendaftaran fail pembayar cukai tidak bermastautin, pengeluaran sijil penyelesaian cukai dan kutipan cukai dalam tempoh. Sistem berasaskan web service ini dapat membantu LHDNM mendapatkan maklumat yang lebih lengkap bagi setiap pekerja dagang asing yang memasuki Malaysia dan membolehkan tindakan yang lebih efektif diambil.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.2.1.b</p>
<p><b>4.5.2.2.b</b></p>	<p><b>Kesedaran Pengenaan Cukai Pegangan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati sebanyak 14 agensi Kerajaan yang telah membuat potongan bayaran cukai pegangan terhadap perkhidmatan yang diterima (perolehan aset Kerajaan dan perkhidmatan perunding) daripada bukan pemastautin. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa terdapat agensi Kerajaan lain yang menggunakan perkhidmatan bukan pemastautin tetapi tidak membuat potongan cukai pegangan. Antara punca ketidakpatuhan ini adalah seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Unit Cukai Pegangan Cawangan Tidak Bermastautin tidak pernah menjalankan pengauditan luar terhadap agensi Kerajaan;</li> <li>ii. terdapat agensi Kerajaan yang tidak menyedari akan kewajipan potongan cukai pegangan terhadap perkhidmatan yang diterima daripada bukan pemastautin; dan</li> <li>iii. untuk mendapatkan perkhidmatan bukan pemastautin, setiap agensi Kerajaan perlu membuat permohonan kepada Perbendaharaan. Bagaimanapun, borang permohonan tersebut tidak mempunyai elemen cukai pegangan.</li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, kesedaran agensi Kerajaan terhadap kewajipan pengenaan cukai pegangan masih pada tahap rendah. Oleh itu, semua pihak yang terlibat (LHDNM, Perbendaharaan Malaysia dan agensi Kerajaan) perlu memainkan peranan dan tanggungjawab bagi memastikan peraturan cukai pegangan dipatuhi.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>LHDNM telah mengambil tindakan susulan terhadap pandangan Jabatan Audit Negara berkaitan kesedaran Cukai Pegangan kepada agensi Kerajaan dengan mengeluarkan surat pemakluman: Tanggungjawab Kementerian/Agensi Kerajaan Berhubung Pengenaan Cukai Pegangan Di Bawah Akta Cukai Pegangan Di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 pada minggu kedua bulan Mei 2015. Perbincangan dengan JIM berkaitan konsultan kepada Kerajaan akan diadakan secara berterusan.</i></p> <p><i>Unit Cukai Pegangan, Cawangan Tidak Bermastautin telah mengadakan beberapa taklimat kepada Kementerian-Kementerian atas permintaan Kementerian bagi meningkatkan pengetahuan dan keperluan mematuhi bayaran cukai pegangan. Antara kementerian-kementerian tersebut ialah Kementerian Kewangan Malaysia pada 29 Jun 2015, Kementerian Pertahanan pada 14 Julai 2015, Kementerian Komunikasi dan Multimedia pada 20 Ogos 2015 dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 7 Oktober 2015.</i></p> <p><i>Surat bertajuk Kegagalan Mematuhi Cukai Pegangan Penemuan Jabatan Audit Negara telah dikeluarkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 22 Mei 2015. Surat ini bertujuan memohon kerjasama pihak Kementerian Kewangan supaya memberi penekanan kepada Kementerian dan agensi Kerajaan mematuhi peruntukan statutori di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 mengenai tanggungjawab membuat potongan cukai pegangan oleh Kementerian dan agensi Kerajaan sebelum membuat bayaran kepada bukan pemastautin.</i></p> <p><i>Pihak LHDNM juga telah berbincang dengan Bahagian Perolehan Kerajaan (BPK), Kementerian Kewangan Malaysia pada 12.10.2015 berhubung bayaran kepada perunding/konsultan oleh Jabatan/Kementerian yang telah dimasukkan melalui system ePerunding. Pihak BPK menyatakan pihak mereka sedang dalam proses untuk mengemaskini data dalam sistem berkenaan. BPK berjanji akan mula menyalurkan data berkenaan mulai awal</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.2.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>tahun 2016. Sistem ePerunding merupakan sistem yang telah dibangunkan oleh Kementerian Kewangan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mempercepatkan proses pelantikan perunding berserta mewujudkan satu pusat pangkalan data pelantikan perunding bagi semua projek/kajian Kerajaan.</i></p> <p><i>Surat bertajuk Permohonan Maklumat Pembayaran kepada Kontraktor Asing dan Konsultan Asing telah dikeluarkan kepada Akauntan Negara Malaysia pada 22 Mei 2015. Surat ini bertujuan memohon maklumat berkaitan pembayaran oleh Jabatan dan agensi Kerajaan kepada kontraktor asing dan konsultan asing bagi tahun 2010 sehingga 2014. Oleh kerana LHDNM masih belum menerima sebarang maklum balas, satu emel susulan berserta salinan surat permohonan maklumat telah dikeluarkan pada 12 Oktober 2015 kepada Jabatan Akauntan Negara (Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)).</i></p>	
<p><b>4.5.3</b></p> <p><b>4.5.3.2</b></p>	<p><b>Manual Prosedur Kerja Tidak Disediakan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Unit Cukai Pegangan tidak menyediakan MPK dan hanya mengguna pakai proses kerja di fail meja dan Arahan/Ketetapan Umum yang dikeluarkan oleh LHDNM bagi pengendalian operasi Audit luar dan Audit meja. Arahan/Ketetapan Umum yang digunakan adalah tidak menerangkan secara terperinci prosedur kerja bagi rujukan pegawai ketika menjalankan tugas. Antara perkara yang tidak dinyatakan dalam Arahan/Ketetapan Umum ialah norma masa untuk menyelesaikan kes dan pengeluaran Borang Pemberitahuan Kenaikan (CP17A). Disebabkan tiada norma masa ditetapkan, pihak Audit mendapati proses kerja untuk menyelesaikan sesuatu kes dan tempoh mengeluarkan borang CP17A mengambil masa yang terlalu lama.</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.3</p>
<p><b>4.5.3.2.a</b></p>	<p>Pegawai audit luar mengambil masa antara 190 hari hingga 2,284 hari untuk menyelesaikan kes melibatkan 61 pembayar berjumlah RM7.03 juta.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Manual Prosedur Kerja Cukai Pegangan Audit Meja dan Manual Prosedur Kerja Cukai Pegangan Audit Luar telah diluluskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM pada 31 Julai 2015 dan telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2015. Manual tersebut telah dimasukkan dalam Sistem K-base, LHDNM pada 6 Ogos 2015.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.3.2.a</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																														
	<p><i>Tempoh penyelesaian kes bagi audit luar adalah 6 bulan dari tarikh lawatan Audit seperti Perenggan 6.6.1 MPKAL Cukai Pegangan. Manakala tempoh penyelesaian kes bagi audit meja adalah bergantung kepada aktiviti yang diambil seperti yang telah ditetapkan dalam Standard Kualiti Aktiviti Audit Meja di Bahagian D, MPKAM seperti yang berikut:</i></p> <table border="1" data-bbox="331 424 1167 906"> <thead> <tr> <th data-bbox="331 424 477 483">AKTIVITI</th> <th data-bbox="477 424 947 483">PROSES KERJA DI DALAM FAIL FIZIKAL</th> <th data-bbox="947 424 1167 483">STANDARD KERJA</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="331 483 477 520">1</td> <td data-bbox="477 483 947 520">SEMAKAN SURAT BAYARAN</td> <td data-bbox="947 483 1167 520">30 surat/60 minit</td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 520 477 579">2</td> <td data-bbox="477 520 947 579">CUKAI PEGANGAN TERKURANG BAYAR</td> <td data-bbox="947 520 1167 579">60 minit</td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 579 477 616">3</td> <td data-bbox="477 579 947 616">KENAIKAN CUKAI PEGANGAN</td> <td data-bbox="947 579 1167 616">60 minit</td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 616 477 675">4</td> <td data-bbox="477 616 947 675">PENGENDALIAN RAYUAN TERHADAP KENAIKAN CUKAI PEGANGAN</td> <td data-bbox="947 616 1167 675">80 minit</td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 675 477 711">5</td> <td data-bbox="477 675 947 711">PINDAHAN KREDIT</td> <td data-bbox="947 675 1167 711">130 minit</td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 711 477 748">6</td> <td data-bbox="477 711 947 748">PENYESUAIAN AKAUN</td> <td data-bbox="947 711 1167 748">130 minit</td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 748 477 807">7</td> <td data-bbox="477 748 947 807">BAYARAN BALIK SELAIN SEKSYEN 107A</td> <td data-bbox="947 748 1167 807">200 minit</td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 807 477 844">8</td> <td data-bbox="477 807 947 844">BAYARAN BALIK SEKSYEN 107A</td> <td data-bbox="947 807 1167 844">200 minit</td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 844 477 903">9</td> <td data-bbox="477 844 947 903">PENGENEPIAN (WAIVER) PERENGGAN 107A(1)(b)</td> <td data-bbox="947 844 1167 903">110 minit</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Unit Audit Luar telah dimulakan pada tahun 2007 dengan 3 orang pegawai pada masa itu yang merupakan dalam proses pembelajaran. Fail meja yang diguna pakai pada masa sekarang adalah berdasarkan fail meja audit syarikat yang telah disesuaikan selaras dengan tugas audit luar Unit Cukai Pegangan. Tiada tempoh masa yang ditetapkan dalam fail meja bagi menyelesaikan sesuatu kes audit luar cukai pegangan memandangkan beberapa sebab:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Kes cukai pegangan merupakan transaksi dengan luar negara yang memerlukan semakan yang lebih jitu disebabkan terdapat lebih kurang 10 Seksyen yang berbeza dalam menentukan seksyen yang betul dan memungut cukai yang sepatutnya.</i></li> <li>- <i>Dokumen transaksi biasanya disimpan di luar negara dan memerlukan masa yang lama untuk mendapatkan.</i></li> <li>- <i>Terdapat isu-isu teknikal seperti 'Software and Rental of Moveable property' yang perlu dapat pengesahan daripada Jabatan Dasar Percukaian, Jabatan Percukaian Antarabangsa dan Cawangan</i></li> </ul>	AKTIVITI	PROSES KERJA DI DALAM FAIL FIZIKAL	STANDARD KERJA	1	SEMAKAN SURAT BAYARAN	30 surat/60 minit	2	CUKAI PEGANGAN TERKURANG BAYAR	60 minit	3	KENAIKAN CUKAI PEGANGAN	60 minit	4	PENGENDALIAN RAYUAN TERHADAP KENAIKAN CUKAI PEGANGAN	80 minit	5	PINDAHAN KREDIT	130 minit	6	PENYESUAIAN AKAUN	130 minit	7	BAYARAN BALIK SELAIN SEKSYEN 107A	200 minit	8	BAYARAN BALIK SEKSYEN 107A	200 minit	9	PENGENEPIAN (WAIVER) PERENGGAN 107A(1)(b)	110 minit	
AKTIVITI	PROSES KERJA DI DALAM FAIL FIZIKAL	STANDARD KERJA																														
1	SEMAKAN SURAT BAYARAN	30 surat/60 minit																														
2	CUKAI PEGANGAN TERKURANG BAYAR	60 minit																														
3	KENAIKAN CUKAI PEGANGAN	60 minit																														
4	PENGENDALIAN RAYUAN TERHADAP KENAIKAN CUKAI PEGANGAN	80 minit																														
5	PINDAHAN KREDIT	130 minit																														
6	PENYESUAIAN AKAUN	130 minit																														
7	BAYARAN BALIK SELAIN SEKSYEN 107A	200 minit																														
8	BAYARAN BALIK SEKSYEN 107A	200 minit																														
9	PENGENEPIAN (WAIVER) PERENGGAN 107A(1)(b)	110 minit																														

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Labuan LHDNM sebelum sesuatu kes itu diselesaikan.</i></p> <p><i>Oleh yang demikian pegawai audit memang mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan sesuatu kes audit. Walau bagaimanapun kes-kes tersebut tiada wujud ketirisan hasil.</i></p>	
<p><b>4.5.3.2.b</b></p>	<p>Kenaikan amaun yang terhutang bagi cukai pegangan dikemas kini secara automatik melalui sistem STSC adalah mulai 3 Jun 2011. Namun, Borang Pemberitahuan Kenaikan (CP17A) masih dikeluarkan secara manual. Adalah didapati tempoh masa yang diambil bagi pengeluaran Borang CP17A adalah antara 34 hari hingga 3,617 hari dari tarikh kenaikan cukai di lejar STSC melibatkan 121 kes berjumlah RM1.77 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketiadaan MPK yang menetapkan norma masa untuk setiap proses menyebabkan penyelesaian kes dan pengeluaran CP17A mengambil masa terlalu lama. MPK yang lengkap perlu disediakan kerana dapat membantu dan menerangkan proses kerja sesuatu aktiviti dengan lebih terperinci dan mampu meningkatkan kecekapan pegawai di Unit Pegangan Cukai.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kenaikan amaun yang terhutang bagi cukai pegangan dikemas kini secara automatik melalui sistem STSC mulai 3 Jun 2011 bagi resitan bermula 03/05/2011 dan seterusnya (berdasarkan memo JPH bertarikh 01/06/2011 dan 08/07/2011). Bagi kes-kes yang tidak termasuk dalam kriteria pengeluaran automatik, cawangan perlu mengambil tindakan penganan kenaikan secara atas talian. Kenaikan automatik dijalankan setiap bulan bagi resitan yang telah dibuat dalam bulan sebelum. Kes berikut tidak akan diambil untuk kenaikan automatik:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Tiada maklumat tarikh bayaran kredit</i></li> <li><i>ii. Tarikh bayaran kredit = tarikh terima dokumen</i></li> <li><i>iii. Tarikh bayaran kredit sebelum 03/08/2006</i></li> <li><i>iv. Kes pindahan kredit (keluar dan masuk)</i></li> <li><i>v. Tarikh resitan sebelum 03/05/2011</i></li> <li><i>vi. Status bayaran: Cek tak laku</i></li> <li><i>vii. Status bayaran : Batal</i></li> </ul>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 4.5.3.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Mulai bayaran yang diresitkan pada Mei 2015, kenaikan akan dikenakan pada setiap minggu.</i></p> <p><i>Norma masa penyelesaian kes CP17A bermula dari:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. Menyemak surat bayaran dan lejar pembayar di STSC dan STSNC.</i></li> <li><i>ii. Mengenakan kenaikan cukai ke atas bayaran cukai pegangan yang dibayar luar tempoh.</i></li> <li><i>iii. Mengeluarkan Notis Pemberitahu Amaun Kenaikan CP17A(2) bagi Subseksyen 109(2)/ 109B(2)/ 109D(3)/ 109E(4)/ 109F(2)/ 109G(2), ACP 1967 dan CP17A(1) bagi Subseksyen 107A(2), ACP 1967 melalui STSC.</i></li> </ol> <p><i>Kesemua tindakan di atas mengambil masa 40 minit seperti yang ditetapkan dalam Standard Kualiti Aktiviti Audit di Bahagian D, MPKAM Cukai Pegangan.</i></p> <p><i>Sebelum 3 Jun 2011, semua kenaikan adalah dikeluarkan secara manual. Pengegaan kenaikan secara manual memerlukan surat bayaran. Apabila surat bayaran yang diterima dari kaunter bayaran setelah diresitkan (anggaran surat bayaran yang diterima sebanyak 11,000 sebulan), Surat Bayaran perlu disemak oleh pegawai audit meja sama ada dokumen seperti invois, perjanjian dan bukti bayaran yang diterima adalah lengkap atau tidak. Sekiranya dokumen tersebut tidak lengkap, pembayar cukai akan dihubungi untuk mengemukakan dokumen tersebut. Maklum balas yang diterima daripada pembayar cukai adalah di luar kawalan Unit Cukai Pegangan. Ini kerana pembayar cukai lewat mengemukakan dokumen tersebut. Terdapat juga pembayar cukai tidak memberi maklum balas langsung. Bagi kes pada awalnya bayaran di dalam tempoh tetapi setelah pemeriksaan dokumen dibuat mendapati bayaran sebenarnya adalah di luar tempoh, maka kenaikan dikenakan secara manual. Oleh itu, kesemua tindakan tersebut mengakibatkan kelewatan pengeluaran CP17.</i></p> <p><i>Selepas 3 Jun 2011 kenaikan secara automatik dikeluarkan. Walau bagaimanapun, kelewatan pengeluaran CP17A masih berlaku kerana sistem baru dibangunkan dan kurang stabil. Mulai Mei 2015 masalah kelewatan pengeluaran CP17A telah dapat diatasi dan diselesaikan.</i></p> <p><i>Jumlah keseluruhan proses kenaikan cukai pegangan (Aktiviti 3 di Standard Kualiti Aktiviti Audit Meja di Bahagian D, MPKAM) adalah 60 minit berdasarkan tindakan berikut:</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>i. Menyemak surat bayaran dan lejar pembayar di STSC dan STSNC.</p> <p>ii. Mengenakan kenaikan cukai ke atas bayaran cukai pegangan yang dibayar luar tempoh.</p> <p>iii. Mengeluarkan Notis Pemberitahu Amaun Kenaikan CP17A(2) bagi Subseksyen 109(2)/ 109B(2)/ 109D(3)/ 109E(4)/ 109F(2)/ 109G(2), ACP 1967 dan CP17A(1) bagi Subseksyen 107A(2), ACP 1967 melalui STSC.</p> <p>iv. Mengeluarkan surat peringatan jika bayaran kenaikan tidak diterima dalam tempoh 30 hari dari tarikh Notis Pemberitahu Amaun Kenaikan dikeluarkan.</p> <p>v. Mengeluarkan memo kepada Cawangan berkaitan untuk tindakan di bawah perenggan 39(1)(f), 39(1)(j), 39(1)(i), ACP 1967.</p> <p>Bagi pengeluaran CP17A, tindakan hanya melibatkan proses i, ii, dan iii diatas yang mengambil masa 40 minit. Walau bagaimanapun, sekiranya bayaran masih tidak diterima, proses iv dan v perlu diambil. Proses ini akan mengambil masa tambahan 20 minit lagi. Oleh itu, jumlah keseluruhan proses kenaikan cukai pegangan adalah 60 minit berdasarkan Standard Kualiti Aktiviti Audit Meja.</p>	
4.5.4	<p><b>Ketidapatuhan Kepada Prosedur Kerja - Aktiviti Audit Luar</b></p> <p>Arahan Operasi Bil. 1 Tahun 2012 (Kuasa Melulus Audit Luar, Audit Meja, Siasatan dan Pemungutan) menyatakan bahawa surat rasmi perlu dikeluarkan apabila permohonan bayaran ansuran diluluskan. Semakan Audit mendapati 9 (10.1%) daripada 89 pembayar telah membuat bayaran cukai pegangan berjumlah RM1.47 juta secara ansuran antara tiga hingga enam kali. Bagaimanapun, surat kelulusan bayaran ansuran tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit sehingga pengauditan selesai dijalankan.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 29 Mei 2015</b></p> <p><i>Kelulusan bayaran secara ansuran dimaklumkan kepada pembayar/wakil cukai melalui telefon dan juga semasa perbincangan dengan pembayar/wakil cukai selepas mendapat kelulusan daripada Pegawai Penyelia Audit. Tiada ketirisan hasil.</i></p>	<p><b>Maklum Balas bertarikh 3 November 2015</b></p> <p>Cawangan dikehendaki mematuhi Arahan / Pekeliling / Memo yang sedang berkuatkuasa.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

**Perenggan 5 : Pengurusan Percukaian Individu Berpendapatan Perniagaan (Fail OG)**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>5.5.1</p> <p>5.5.1.2</p>	<p><b>Perjawatan</b></p> <p>Semakan lanjut terhadap perjawatan di Unit Pungutan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mendapati LHDNM turut mengambil pegawai sambilan untuk menjalankan tugas pemungutan</p> <p>Pada pendapat Audit, pegawai sambilan yang telah lama berkhidmat akan memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam urusan pemungutan cukai secara khususnya. Pengambilan pegawai baru akan mempunyai implikasi kos kewangan tambahan bagi tujuan melatih dan boleh mewujudkan <i>opportunity cost</i> kepada pengurusan LHDNM.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bilangan pegawai tetap adalah tidak mencukupi dan penggunaan khidmat pegawai sambilan adalah tindakan yang terbaik bagi menampung kekurangan pegawai tetap tersebut. Pengambilan pegawai sambilan di LHDNM adalah untuk melaksanakan tugas pemungutan kerana Unit Pungutan di Cawangan yang berkenaan mempunyai kekangan pegawai tetap untuk melaksanakan tugas tersebut. Pegawai sambilan yang berkhidmat dengan LHDNM perlu melalui prosedur pengambilan yang ditetapkan sebelum boleh dilantik ke jawatan tetap dan tertakluk kepada kekosongan jawatan. Pegawai-pegawai sambilan diberi peluang untuk mengisi jawatan tetap. Pengambilan seramai 67 Penolong Pegawai Penaksir, 23 Pembantu Penaksir dan 28 Pembantu Tadbir (Perkeranian) akan dilaksanakan pada Disember 2015.</i></p>	<p><b>Maklum Balas bertarikh 04 November 2015</b></p> <p>Bilangan pegawai tetap adalah tidak mencukupi dan penggunaan khidmat pegawai sambilan adalah tindakan yang terbaik bagi menampung kekurangan pegawai tetap tersebut. Pengambilan pegawai sambilan di LHDNM adalah untuk melaksanakan tugas pemungutan kerana Unit Pungutan di Cawangan yang berkenaan mempunyai kekangan pegawai tetap untuk melaksanakan tugas tersebut. Pegawai sambilan yang berkhidmat dengan LHDNM perlu melalui prosedur pengambilan yang ditetapkan sebelum boleh dilantik ke jawatan tetap dan tertakluk kepada kekosongan jawatan. Pegawai-pegawai sambilan diberi peluang untuk mengisi jawatan tetap. Pengambilan seramai 76 jawatan Penolong Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 31, 89 jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian) Gred 21, 150 jawatan Pembantu Tadbir (Penaksiran) Gred 21 telah dilaksanakan dan akan dilantik pada 1 Januari 2016. Pengambilan adalah terdiri dari pegawai tetap dan sambilan LHDNM.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>LHDNM juga telah mengemukakan permohonan pertambahan pelbagai jawatan sebanyak 14,774 sejak tahun 2008 kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tetapi hanya 600 perjawatan yang telah diluluskan. Mulai 6 Januari 2015, LHDNM telah diberi status Self Financing. Ekoran itu, sebarang permohonan pertambahan jawatan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga LHDNM. Sebagai permulaan, Lembaga LHDNM pada 14 Ogos 2015 telah meluluskan pertambahan 500 perjawatan dan pengisian dijangka selesai pada Januari 2016.</i></p>	<p>Sebanyak 53 jawatan bagi tugas pungutan juga diambil di kalangan pegawai sambilan, kontrak dan tetap bagi jawatan Pegawai Eksekutif (Penaksiran) Gred 41 dan tarikh lantikan adalah 1 Januari 2016.</p> <p>LHDNM juga telah mengemukakan permohonan pertambahan pelbagai jawatan sebanyak 14,774 sejak tahun 2008 kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tetapi hanya 600 perjawatan yang telah diluluskan. Mulai 6 Januari 2015, LHDNM telah diberi status <i>Self Financing</i>. Ekoran itu, sebarang permohonan pertambahan jawatan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga LHDNM. Sebagai permulaan, Lembaga LHDNM pada 14 Ogos 2015 telah meluluskan pertambahan 500 perjawatan dan pengisian dijangka dibuat dalam bulan Januari dan April 2016.</p>
<p><b>5.5.2</b></p> <p><b>5.5.2.1</b></p> <p><b>5.5.2.1.a</b></p>	<p><b>Penerimaan Borang B</b></p> <p><b>Prestasi Penerimaan Borang B</b></p> <p>Peratus penerimaan Borang B berbanding fail aktif OG di cawangan LHDNM seluruh Malaysia bagi Tahun Taksiran 2011, 2012 dan 2013 adalah pada kadar 51.2%, 49.5% dan 44.2%.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Fail aktif adalah fail berpotensi untuk dikenakan cukai termasuk fail yang memenuhi kriteria dan tidak memenuhi kriteria pengeluaran BNCP yang telah ditetapkan setiap tahun. Pengeluaran am tahunan borang pula adalah berdasarkan kriteria seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1, Pekeliling Bil. 1 Tahun 2015 Pengeluaran Am dan Penerimaan Borang Nyata Cukai Pendapatan, Penyata dan Borang Anggaran Cukai bagi Tahun 2015. Antaranya ialah fail aktif dan tidak ditandakan 'NR', Fail mati atau ditandakan 'NR' tetapi terdapat transaksi bayaran di lejer pada tahun 2014, bukan fail pendua, fail ditandakan 'NR' tetapi ada rekod penerimaan borang TT 2013 dan kena cukai, tiada rekod penggunaan e-Filing TT 2013, tiada taksiran pendahuluan bagi TT 2014 (final) dan format No. Pengenalan sah.</i></p> <p><i>Berdasarkan petikan baru yang dibuat pada 5 Oktober 2015, jumlah fail aktif bagi tahun taksiran 2011 ialah 1,296,775 fail aktif dengan 719,303 fail menepati kriteria pengeluaran am, 1,392,685 fail aktif bagi tahun taksiran 2012 dengan 765,273 fail menepati kriteria pengeluaran am dan 1,481,483 fail aktif bagi tahun taksiran 2013 dengan 716,775 fail menepati kriteria pengeluaran</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.2.1.a.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																								
	<p>am. LHDNM akan memperjelaskan takrifan fail aktif dalam Program Percukaian Tahun 2016 yang dijangka dilaksanakan pada bulan Mac 2016. Tindakan pemantauan berkala juga dilakukan bagi memastikan penyenggaraan status fail aktif dibuat.</p>																									
<p><b>5.5.2.1.b</b></p>	<p>Berdasarkan jumlah penerimaan Borang B berbanding fail aktif OG bagi cawangan LHDNM seluruh Malaysia, setelah diambil kira jumlah Borang B yang tidak dikemukakan bagi ketiga-tiga Tahun Taksiran tersebut, terdapat sejumlah fail aktif OG yang statusnya tidak dapat ditentukan.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kolum D, di Jadual 5.5 tersebut adalah tidak termasuk dalam kriteria Pengeluaran Am BNCP. Kriteria Borang Tidak Terima adalah berdasarkan senarai pengeluaran am dan memenuhi kriteria asas berikut iaitu pembayar cukai aktif dan tidak ditandakan NR, BNCP tidak diterima pada tarikh petikan, BNCP telah dikembalikan kepada pembayar cukai kerana tidak lengkap dan pembayar cukai gagal mengembalikannya semula, pengemukaan BNCP melalui e-Filing bagi tahun semasa tidak dibuat sedangkan pembayar membuat e-filing bagi tahun sebelumnya dan fail tidak ditandakan pendua.</i></p> <p><i>Berdasarkan petikan pada 5 Oktober 2015, Kolum D, di Jadual 5.5 tersebut boleh diperincikan seperti berikut:</i></p> <p><i>Nota: (TT) – Tahun Taksiran</i></p> <table border="1" data-bbox="331 1023 1160 1321"> <thead> <tr> <th><i>Fail Yang Tidak Tertakluk Kepada Pengeluaran Am BN / Pengeunaan Cukai</i></th> <th><i>TT2011</i></th> <th><i>TT2012</i></th> <th><i>TT2013</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><i>BN tidak dikeluarkan</i></td> <td><i>101,009</i></td> <td><i>118,867</i></td> <td><i>128,369</i></td> </tr> <tr> <td><i>Tiada transaksi lejer</i></td> <td><i>88,585</i></td> <td><i>152,999</i></td> <td><i>223,642</i></td> </tr> <tr> <td><i>Tiada pendapatan perniagaan</i></td> <td><i>329,547</i></td> <td><i>289,165</i></td> <td><i>336,681</i></td> </tr> <tr> <td><i>Lain-lain</i></td> <td><i>58,331</i></td> <td><i>66,381</i></td> <td><i>76,016</i></td> </tr> <tr> <td><b><i>JUMLAH</i></b></td> <td><b><i>577,472</i></b></td> <td><b><i>627,412</i></b></td> <td><b><i>764,708</i></b></td> </tr> </tbody> </table>	<i>Fail Yang Tidak Tertakluk Kepada Pengeluaran Am BN / Pengeunaan Cukai</i>	<i>TT2011</i>	<i>TT2012</i>	<i>TT2013</i>	<i>BN tidak dikeluarkan</i>	<i>101,009</i>	<i>118,867</i>	<i>128,369</i>	<i>Tiada transaksi lejer</i>	<i>88,585</i>	<i>152,999</i>	<i>223,642</i>	<i>Tiada pendapatan perniagaan</i>	<i>329,547</i>	<i>289,165</i>	<i>336,681</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>58,331</i>	<i>66,381</i>	<i>76,016</i>	<b><i>JUMLAH</i></b>	<b><i>577,472</i></b>	<b><i>627,412</i></b>	<b><i>764,708</i></b>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.2.1.b.</p>
<i>Fail Yang Tidak Tertakluk Kepada Pengeluaran Am BN / Pengeunaan Cukai</i>	<i>TT2011</i>	<i>TT2012</i>	<i>TT2013</i>																							
<i>BN tidak dikeluarkan</i>	<i>101,009</i>	<i>118,867</i>	<i>128,369</i>																							
<i>Tiada transaksi lejer</i>	<i>88,585</i>	<i>152,999</i>	<i>223,642</i>																							
<i>Tiada pendapatan perniagaan</i>	<i>329,547</i>	<i>289,165</i>	<i>336,681</i>																							
<i>Lain-lain</i>	<i>58,331</i>	<i>66,381</i>	<i>76,016</i>																							
<b><i>JUMLAH</i></b>	<b><i>577,472</i></b>	<b><i>627,412</i></b>	<b><i>764,708</i></b>																							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>5.5.2.2</p> <p>5.5.2.2.a</p>	<p><b>Tindakan Taksiran Anggaran <i>Non Liabile</i>, Taksiran Anggaran Kena Cukai Dan Notis Tindakan Pendakwaan (CP626) Terhadap Borang B Yang Tidak Terima</b></p> <p>Semakan Audit mendapati ketiga-tiga tindakan tersebut telah diambil melalui STSNC dan CMS terhadap 93,776 (48.8%) daripada 192,015 jumlah Borang B yang tidak diterima bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan jumlah sebenar tindakan selesai diambil dan jumlah Borang B yang telah dikemukakan kepada LHDNM oleh pembayar cukai setelah tindakan berkenaan diambil disebabkan statistik yang diterima daripada pihak LHDNM pada 5 Februari 2015 tidak menyatakan status maklum balas daripada pembayar cukai.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 22 September 2015</b></p> <p><i>Petikan yang dibuat adalah berdasarkan pengeluaran Am Borang B dan ada penerimaan e-filing tahun sebelumnya. Data Borang Tidak Diterima bagi ketiga-tiga tahun taksiran tersebut tidak disimpan untuk rujukan. Bagi kes BNCP tidak diterima dan taksiran anggaran secara auto tidak dapat dilakukan, kes akan dihantar ke cawangan di bawah kod 23. Cawangan telah mengambil tindakan sewajarnya sebagaimana yang dinyatakan dibawah Jadual 6 (Tindakan CMS). Tindakan diambil mengikut arahan dan prosedur sedia ada sama ada membangkitkan taksiran anggaran atau mengeluarkan arahan Notis Terakhir (Pendakwaan) kepada pembayar cukai. Tindakan yang telah diambil ini dianggap selesai diperingkat Jabatan Pematuhan Cukai.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.2.2.a.</p>
<p>5.5.2.2.b</p>	<p>Semakan lanjut mendapati sejumlah 98,239 kes (51.2%) tidak dapat ditentukan sama ada terdapat tindakan lain diambil oleh LHDNM kerana tiada sebarang maklumat yang disertakan dalam statistik yang diterima daripada LHDNM.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kes yang tidak boleh dibangkitkan Taksiran Anggaran di bawah subseksyen 90(3) dan Notis Tindakan Pendakwaan secara automatik oleh sistem, dimasukkan ke dalam CMS. Berdasarkan petikan semula yang dibuat pada 2 Oktober 2015, baki yang akan diambil tindakan telah berkurangan berbanding baki pada tarikh petikan 5 Februari 2015, iaitu 20,427 pada tahun 2011 berbanding 29,766, 23,223 pada tahun 2012 berbanding 31,924 dan 27,124</i></p>	<p><b>Maklum Balas bertarikh 3 November 2015</b></p> <p>Kes yang tidak boleh dibangkitkan Taksiran Anggaran di bawah subseksyen 90(3) dan Notis Tindakan Pendakwaan secara automatik oleh sistem, dimasukkan ke dalam CMS. Berdasarkan petikan semula yang dibuat pada 29 Oktober 2015, baki yang akan diambil tindakan telah berkurangan berbanding baki pada tarikh petikan 2 Februari 2015, iaitu 6,820 pada tahun 2011 berbanding 29,766, 20,433 pada tahun 2012 berbanding 31,924 dan 26,853 pada tahun 2013 berbanding 36,549.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pada tahun 2013 berbanding 36,549.</i></p> <p><i>Secara keseluruhannya, sehingga 16 Oktober 2015 sebanyak 11,028 kes telah di dalam tindakan cawangan. Baki 59,746 kes akan disalurkan secara berperingkat untuk tindakan cawangan. Baki ini merangkumi 9,061 kes perniagaan (OG) dan selebihnya adalah kes penggajian (SG).</i></p>	<p>Secara keseluruhannya, sehingga 29 Oktober 2015 sebanyak 11,028 kes telah di dalam tindakan cawangan. Baki 43,088 kes akan disalurkan secara berperingkat untuk tindakan cawangan. Baki ini merangkumi 4,162 kes perniagaan (OG) dan selebihnya adalah kes penggajian (SG).</p>
<p><b>5.5.2.3</b></p> <p><b>5.5.2.3.a</b></p>	<p><b>Notis Terakhir (CP100) Yang Gagal Dipatuhi</b></p> <p>Analisis Audit terhadap data CP100 yang dikeluarkan bagi tahun taksiran 2011, 2012 dan 2013 yang masing-masing berjumlah 7,908 kes, 5,211 kes dan 214 kes mendapati sejumlah 13,068 kes (98%) telah gagal mematuhi CP100 tersebut.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>LHDNM telah mengambil tindakan mengeluarkan arahan bertarikh 18 September 2015 kepada Cawangan supaya mengambil tindakan pendakwaan terhadap notis tawaran kompaun/notis tindakan pendakwaan dan mengemaskini status pendakwaan. LHDNM juga telah memaklumkan kepada Cawangan untuk mengambil tindakan secara berterusan terhadap notis yang tertunggak dan akan sentiasa melakukan pemantauan secara berterusan terhadap Cawangan yang berkenaan. Kertas konsep bagi membangunkan sistem MySaman (Slot Pendakwaan) yang akan digunapakai oleh Cawangan bagi penyediaan Aduan dan Pertuduhan yang lebih efisien, sistematik dan seragam dijangka dapat disediakan pada Disember 2015. Pembangunan sistem MySaman akan ditentukan selepas perbincangan dibuat.</i></p> <p><i>Setelah semakan dibuat, didapati statistik awal yang diberikan kepada Jabatan Audit Negara pada 5 Februari 2015 adalah data statistik bagi Notis Terakhir (CP100) yang telah dikeluarkan untuk semua BNCP termasuk Borang B, BE, M, P, TF dan TP. Berdasarkan statistik terkini pada tarikh petikan sehingga 1 Oktober 2015 yang telah dipecahkan mengikut BNCP, berlaku penambahan bilangan kes Notis CP100 disebabkan dalam tempoh Februari hingga September 2015 terdapat Notis baru yang dikeluarkan oleh cawangan-cawangan. Jumlah terkini CP100 yang dikeluarkan adalah 4,159 bagi tahun 2011, 2,739 bagi tahun 2012 dan 1,293 bagi tahun 2013. Tindakan penyelesaian dilakukan oleh cawangan secara berterusan, walaupun cawangan menghadapi masalah kekangan pegawai. Sehingga tarikh petikan tersebut, kes belum selesai bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 adalah masing-</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.2.3.a.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>masing berjumlah 3,797, 2,505 dan 1,208 kes.</i>	
<p><b>5.5.2.4</b></p> <p><b>5.5.2.4.a</b></p>	<p><b>Tindakan Pendakwaan Terhadap Kes Kompaun Belum Selesai</b></p> <p>Sehingga 31 Disember 2014, sejumlah 40,573 kompaun telah dikeluarkan terhadap pembayar cukai yang gagal mengemukakan Borang B, yang telah dikeluarkan CP626 untuk Tahun Taksiran 2011, 2012 dan 2013. Sebanyak 37,792 (93.2%) daripada jumlah kompaun yang dikeluarkan tersebut melibatkan kes kompaun belum diselesaikan sama ada tempoh tawaran kompaun belum luput atau ianya belum diteruskan tindakan pendakwaan.</p>	
<p><b>5.5.2.4.b</b></p>	<p>Bagi tindakan melalui CP634 yang dikeluarkan secara manual pula, sebanyak 56 (51.4%) kes kompaun belum selesai daripada 109 kes kompaun dikeluarkan bagi tahun taksiran 2011 dan 2012. Manakala tiada kompaun dikeluarkan bagi tahun taksiran 2013.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Sehingga 5 Oktober 2015, baki kes belum selesai bagi CP626 ialah masing-masing berjumlah 3,875 kes bagi tahun 2011, 19,584 kes bagi tahun 2012 dan 12,588 kes bagi tahun 2013. Manakala baki kes belum selesai bagi CP634 ialah 10 kes bagi tahun 2011 dan 5 kes bagi tahun 2012. LHDNM telah memaklumkan kepada Cawangan pada 2 Oktober 2015 supaya mengambil tindakan secara berterusan terhadap notis yang tertunggak dan akan sentiasa melakukan pemantauan secara berterusan terhadap Cawangan yang berkenaan.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.2.4.b.</p>
<p><b>5.5.2.5</b></p> <p><b>5.5.2.5.a</b></p>	<p><b>Taksiran Anggaran Di Bawah Subseksyen 90(3) ACP 1967 Kena Cukai</b></p> <p>Analisis Audit terhadap senarai kredit belum guna bagi tahun taksiran 2011, 2012 dan 2013 mendapati taksiran anggaran subseksyen 90(3) ACP 1967 tidak dibangkitkan terhadap kredit belum guna berjumlah RM1,000 dan ke atas melibatkan 2,432 hingga 10,793 pembayar cukai yang kredit belum gunanya berjumlah RM156.58 juta untuk tiga tahun taksiran tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang berkesan dan menyeluruh terhadap penerimaan Borang B akan membantu meningkatkan lagi kutipan hasil LHDNM dan seterusnya mewujudkan kesedaran untuk memenuhi tanggungjawab sebagai pembayar cukai dengan mematuhi ACP 1967.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Tindakan untuk membangkitkan taksiran anggaran subseksyen 90(3) secara automatik ke atas kes baki kredit yang tidak memenuhi kriteria borang tidak diterima sedang diambil tindakan. Kriteria untuk membangkitkan taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) secara auto akan disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa berdasarkan situasi terkini dan dimaklumkan kepada cawangan melalui memo.</i></p>	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.2.5.a.
<p><b>5.5.3</b></p> <p><b>5.5.3.1</b></p> <p><b>5.5.3.1.a</b></p>	<p><b>Pemungutan Cukai</b></p> <p><b>Tunggakan Cukai</b></p> <p>Semakan di lejar STSNC terhadap 2,206 fail pungutan di bawah fail OG yang melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM76.90 juta mendapati sebanyak 72 (3.3%) pembayar cukai tidak mempunyai tunggakan cukai. Manakala 585 (26.5%) pembayar cukai dengan tunggakan cukai berjumlah RM24.70 juta telah diambil tindakan pemungutan.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>LHDNM sentiasa memantau prestasi tunggakan hasil cawangan melalui laporan yang dikeluarkan setiap bulan kepada cawangan. Di peringkat Ibu Pejabat, pemantauan debit semasa dan debit akhir tahun dilakukan oleh pegawai pemantau setiap cawangan di Bahagian Pungutan Hutang, Jabatan Pungutan Hasil. Tindakan secara automasi dipertingkatkan setiap tahun di peringkat awal sebelum cukai diwujudkan.</i></p> <p><i>Hasil daripada tindakan pemungutan yang dilakukan secara berterusan, sejumlah RM3.84 juta telah dapat dikutip setakat 15 Oktober 2015 daripada 188 pembayar cukai yang membuat bayaran tunggakan secara ansuran dengan baki tunggakan berjumlah RM4.07 juta. Manakala sejumlah RM1.41 juta dapat dikutip hasil daripada tindakan guaman sivil yang telah diambil terhadap 393 pembayar cukai dengan baki tunggakan berjumlah RM15.29 juta bagi tempoh yang sama.</i></p>	Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.3.1.a.
<p><b>5.5.3.1.b</b></p>	<p>Semakan Audit secara terperinci mendapati sebanyak 1,383 (62.7%) pembayar cukai melibatkan 5,933 kes masih mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM44.03 juta dengan julat antara RM20.08 hingga RM945, 347.14 sehingga tarikh semakan audit.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Penambahbaikan di peringkat Ibu Pejabat sentiasa dipertingkatkan dengan usaha-usaha baru seperti menubuhkan Jawatankuasa task force bagi memantau kes tertunggak tertinggi, mewujudkan Bahagian Pengurusan Hutang dan membangunkan Sistem Pengurusan Analitik Hutang (DMAS) yang berupaya memberi cadangan kepada pegawai tindakan seterusnya yang perlu diambil bagi kes yang kemungkinan boleh membayar. Sistem ini mulai digunakan pada Januari 2015. Selain itu, pengeluaran surat peringatan debit semasa kepada pembayar cukai yang dikeluarkan secara automatik telah dibuat sebanyak dua kali sebulan dalam tahun 2015. Setakat 15 Oktober 2015, sejumlah 363 pembayar cukai dengan 1,394 kes daripada keseluruhan 1,383 pembayar cukai melibatkan 5,933 kes telah menyelesaikan tunggakan cukai berjumlah RM10.56 juta. Baki terkini tunggakan ialah RM33.47 juta.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.3.1.b.</p>
<p><b>5.5.3.1.c</b></p>	<p>Semakan lanjut mendapati daripada jumlah tunggakan tersebut, sejumlah RM37.29 juta (84.7%) telah melebihi tempoh 6 bulan di mana RM26.32 juta (70.6%) melebihi 2 tahun melibatkan 1,351 (61.3%) pembayar cukai.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Setakat 15 Oktober 2015, sejumlah RM0.86 juta telah berjaya dikutip daripada tunggakan berusia melebihi 6 bulan hingga satu tahun, RM1.33 juta bagi tunggakan berusia melebihi satu tahun hingga 2 tahun dan RM4.28 juta bagi tunggakan berusia melebihi 2 tahun.</i></p> <p><i>Di peringkat Ibu Pejabat, pemantauan debit semasa dan debit akhir tahun dilakukan oleh pegawai pemantau setiap cawangan di Bahagian Pungutan Hutang, Jabatan Pungutan Hasil. Sasaran KPI pengurangan daripada taksiran yang dibangkitkan sehingga 31 Disember mesti kurang daripada 3% daripada jumlah debit semasa untuk mengelakkan debit menjadi tunggakan. Laporan bulanan dikeluarkan oleh Bahagian Informasi Pungutan Dan Bayaran, Jabatan Pungutan Hasil ke semua cawangan.</i></p> <p><i>Secara amnya tindakan pemungutan diambil ke atas cukai tertunggak berdasarkan strategi dan mengikut keutamaan memandangkan kakitangan yang terhad. LHDNM telah menyediakan langkah-langkah dan strategi untuk mengatasi kes tunggakan hasil seperti yang dinyatakan dalam Program Operasi Percukaian 2015. Di peringkat Ibu Pejabat tindakan secara automasi dipertingkatkan setiap tahun di peringkat awal sebelum cukai diwujudkan.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.3.1.c.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Antaranya mengeluarkan Surat Peringatan secara automatik bagi kegagalan mematuhi Notis Bayaran Ansuran CP 500 kepada pembayar cukai selain syarikat mulai April 2014 dan penghantaran e-mel peringatan dilaksanakan melalui CRMS pada minggu kelima Julai 2013 dan dibuat secara berkala kepada pembayar cukai yang mempunyai e-mel kerana gagal membayar CP500.</p> <p>Penambahbaikan dan pembaharuan telah dilaksanakan oleh Ibu pejabat bagi memungut baki selepas cukai wujud:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengeluaran surat peringatan debit semasa kepada pembayar cukai. Surat dikeluarkan secara automatik mulai 11 Februari 2011. Dikeluarkan dua kali sebulan pada tahun 2015.</li> <li>• Senarai kes debit semasa juga dikemukakan ke Pusat Khidmat Pelanggan secara mingguan mulai 20 Jun 2009 bertujuan mengingatkan pembayar cukai untuk membuat bayaran dan jika gagal kenaikan akan dikenakan selepas tarikh kena bayar.</li> <li>• Surat Peringatan debit baru daripada ReMS juga dijana secara automatik.</li> <li>• Kenaikan cukai secara automatik bagi seksyen 103 ACP, subseksyen 107B(3) &amp; 107B(4) ACP.</li> <li>• Pengeluaran Pemberitahu Tindakan Mahkamah (CP91) secara automatik telah dibuat pada minggu ketiga November 2013.</li> <li>• Mengenakan sekatan perjalanan ke atas individu secara automatik yang telah dilaksanakan mulai tahun 2014.</li> <li>• Penyediaan kes XC 18 bagi cukai pendapatan telah disediakan secara automatik dalam STSNC bertujuan untuk mempercepatkan tindakan pengemukaan kes guaman sivil mulai Mei 2014.</li> <li>• Submodul Kaveat Pendaftar dalam STSNC telah siap dibangunkan dan boleh dicapai mulai Februari 2014.</li> <li>• Di Peringkat Cawangan: <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Tunggakan Hasil Cawangan diadakan setiap bulan bagi memantau prestasi penyelesaian kes tunggakan hasil terutama kes debit amaun besar.</li> <li>➤ Menubuhkan Unit Mesra Hasil cawangan bagi membuat panggilan ke atas kes yang telah dikenakan kenaikan tetapi tidak membuat bayaran. Arahan Operasi Bil. 8 Tahun 2011 Aktiviti Unit Mesra Hasil Pungutan.</li> <li>➤ membenarkan ansuran bagi kes permohonan pembayar cukai yang tidak mampu membuat bayaran.</li> <li>➤ Mengenakan sekatan perjalanan ke atas individu secara manual</li> </ul> </li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>secara berterusan.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ <i>Lawatan premis pada September sehingga Disember 2015 telah dimaklumkan ke seluruh cawangan untuk tindakan.</i></li> <li>➤ <i>Melaksanakan tindakan kaveat.</i></li> <li>➤ <i>Mengambil tindakan undang-undang ke atas kes layak:</i> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) <i>Sasaran ditetapkan bagi tahun 2015 iaitu 30% daripada bilangan baki Akaun Belum Terima bersih selepas mengambil kira kes berstatus hapus kira dan di bawah ambang guaman sivil bagi fail OG dan C.</i></li> <li>b) <i>Memastikan kes debit semasa diambil tindakan guaman sivil dalam tempoh sebulan selepas tarikh layak kenaikan 5% CP dan 10% CKHT.</i></li> </ul> </li> </ul> <p><i>Pihak Ibu Pejabat LHDNM telah mengarahkan semua cawangan memantau dengan lebih kerap bagi kes debit akhir tahun dan debit semasa yang mempunyai tunggakan yang besar kerana kes ini akan menghasilkan kutipan yang besar untuk Kerajaan di samping mengambil tindakan pemungutan ke atas kes tunggakan kecil.</i></p>	
<p><b>5.5.3.2</b></p> <p><b>5.5.3.2.a</b></p>	<p><b>Tindakan Pemungutan Tunggakan Cukai</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 1,418 pembayar cukai yang masih mempunyai cukai tertunggak mendapati tiada tindakan pemungutan diusahakan/diambil selepas tamat tempoh pungutan (dari transaksi terakhir dilejar bagi tahun taksiran yang mempunyai tunggakan cukai) yang melebihi 2 bulan hingga 6 tahun 10 bulan. Ianya melibatkan 27 pembayar cukai dengan 88 kes cukai tertunggak berjumlah RM351,237.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Dengan wujudnya Bahagian Pengurusan Hutang di Ibu Pejabat pemantauan ke atas kes yang tidak diambil tindakan akan berkurangan.</i></p> <p><i>Di peringkat ibu pejabat, LHDNM telah mengambil tindakan seperti berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) <i>Pengeluaran surat Kelewatan/Kegagalan Mematuhi Notis Bayaran Ansuran (CP516);</i></li> <li>2) <i>Surat Pemberitahuan Debit Semasa CP546/ Pemberitahuan Baki CKHT Debit CKHT546;</i></li> <li>3) <i>Penghantaran data ke Pusat Khidmat Pelanggan untuk tujuan panggilan telefon dan e-mel;</i></li> </ol>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.3.2.a.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>4) <i>E-mel blast secara auto;</i>  5) <i>Kenaikan cukai secara auto bagi seksyen 103 ACP, subseksyen 107B(3) &amp; 107B(4) ACP, CP38; Sekatan perjalanan seksyen 104 ACP; dan</i>  6) <i>Tindakan Pemberitahuan Tindakan Mahkamah CP91 automatik.</i></p> <p><i>LHDNM telah membangunkan Sistem Pengurusan Analitik Hutang (DMAS) yang berupaya memberi cadangan kepada pegawai berkenaan tindakan seterusnya yang perlu diambil bagi kes yang berkemungkinan boleh membayar. Sistem ini mula digunakan pada Januari 2015.</i></p>	
<p><b>5.5.3.2.b</b></p>	<p>Semakan lanjut mendapati LHDNM telah melaksanakan tindakan pemungutan terhadap sebahagian kes tunggakan cukai. Bagaimanapun, tiada tindakan susulan dilakukan terhadap tindakan pemungutan tersebut antara 2 bulan hingga 12 tahun 11 bulan daripada tindakan pemungutan terakhir dibuat terhadap 869 pembayar cukai melibatkan 3,430 kes dengan tunggakan cukai berjumlah RM26.72 juta.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 6 Oktober 2015</b></p> <p><i>LHDNM memberikan lebih tumpuan kepada kes-kes yang berupaya mendatangkan hasil. Namun, kes-kes lain masih diurus dan dipantau melalui Sistem Pengurusan Hasil (ReMS). ReMS yang telah dibangunkan memudahkan cawangan melakukan carian berdasarkan usia. Kekangan pegawai menyebabkan tidak semua kes dapat disemak dalam tempoh terdekat. Setakat 30 September 2015, seramai 367 pembayar cukai daripada 869 pembayar cukai yang dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara, LHDNM telah menyelesaikan tunggakan berjumlah RM8.13 juta melibatkan 1,654 kes.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.3.2.b.</p>
<p><b>5.5.3.3</b></p>	<p><b>Kenaikan Cukai Bagi Bayaran Baki Cukai Yang Gagal Dibayar</b></p> <p>Seksyen 103 ACP 1967 menetapkan kenaikan cukai sebanyak 10% jika cukai terhutang tidak dijelaskan dalam tempoh ditetapkan dan kenaikan 5% lagi jika baki cukai masih tidak dibayar selepas 60 hari daripada tarikh kenaikan cukai 10%. Bagi memastikan kenaikan cukai dikenakan dari semasa ke semasa kepada pembayar cukai yang gagal menyelesaikan baki cukai, kenaikan cukai ini akan dikenakan secara automatik melalui STSNC. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kenaikan cukai sejumlah RM687,698 tidak dikenakan terhadap 498 kes melibatkan 284 pembayar cukai yang gagal membuat bayaran baki cukai mengikut tempoh yang ditetapkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>LHDNM telah mengambil inisiatif melaksanakan kenaikan cukai secara automatik. Bagaimanapun, kenaikan cukai tidak dapat dibuat secara automatik untuk semua kes kerana:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) <i>kod transaksi dan tahun bayaran yang diberikan oleh pembayar cukai tidak tepat mengakibatkan baki lejar juga tidak tepat. Penting untuk memastikan bayaran adalah untuk bayaran anggaran cukai atau bayaran semasa atau bayaran tunggakan;</i></li> <li>2) <i>perlu mengeneipkan kes yang ada ansuran. Semua ansuran perlu diinput ke dalam sistem;</i></li> <li>3) <i>mengenalpasti tarikh kredit wujud apabila berlakunya taksiran kurangan;</i></li> <li>4) <i>peraturan penggunaan kredit hendaklah betul jika dibuat melalui sistem:</i> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Menjelaskan semua cukai / baki cukai tertunggak di bawah ACP 1967, Akta Kewangan 2007 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976;</i></li> <li>ii. <i>Menjelaskan semua kenaikan cukai di bawah ACP 1967, Akta Kewangan 2007 dan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 yang layak dikenakan; dan</i></li> <li>iii. <i>Menjelaskan ansuran anggaran cukai tahun taksiran semasa di bawah seksyen 107C ACP 1967 yang telah melewati tarikh tetapi belum dijelaskan.</i></li> </ol> </li> <li>5) <i>kes pembayar cukai bukan residen;</i></li> <li>6) <i>kes dimana wujud SPC bagi tahun taksiran tersebut;</i></li> <li>7) <i>kenaikan telah dikenakan secara dalam talian;</i></li> <li>8) <i>kenaikan telah dihapuskan;</i></li> <li>9) <i>amaun debit belum dijelaskan adalah sama dengan amaun kredit belum diguna;</i></li> <li>10) <i>ada bayaran kredit selain kod 084, 092 dan 052;</i></li> <li>11) <i>ada penyesuaian akaun kredit dan debit;</i></li> <li>12) <i>kod taksiran pertama 102;</i></li> <li>13) <i>mempunyai lebih daripada satu kod taksiran bagi lejar yang mempunyai bayaran;</i></li> <li>14) <i>alamat surat menyurat di luar negara;</i></li> <li>15) <i>tahun taksiran ada dalam maklumat tunggakan ansuran; dan</i></li> <li>16) <i>amaun kenaikan kurang RM5.</i></li> </ol> <p><i>Bagi kes yang tidak dikenakan kenaikan secara automatik, tindakan kenaikan secara manual adalah berdasarkan senarai tunggakan hasil yang telah</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.3.3</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dikeluarkan setiap awal tahun. Setakat 15 Oktober 2015, kenaikan cukai berjumlah RM368,043 telah dikenakan terhadap 148 pembayar cukai melibatkan 235 kes.</i></p>	
<p><b>5.5.3.4</b></p>	<p><b>Kenaikan Cukai Bagi Kegagalan Mematuhi Ansuran Anggaran Cukai</b></p> <p>Selaras dengan subseksyen 107B(3) ACP 1967, kenaikan cukai 10% akan dikenakan ke atas setiap ansuran yang tidak dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh kena bayar. Kenaikan cukai subseksyen 107B(3) ACP 1967 turut dikenakan secara automatik melalui STSNC. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sebanyak 146 pembayar cukai melibatkan 226 kes telah gagal mematuhi jadual ansuran yang ditetapkan dengan kenaikan cukai sebanyak 10% yang melibatkan sejumlah RM140,410 tidak dikenakan terhadap pembayar cukai tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, tunggakan kutipan cukai dan kelewatan dalam mengambil tindakan terhadapnya akan menjejaskan aliran tunai LHDNM dan juga Kerajaan.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>LHDNM mengoptimumkan proses tindakan pemungutan tunggakan hasil melalui tindakan automasi untuk menampung kekurangan perjawatan. Senarai kes ansuran CP500 yang gagal bayar dihantar kepada Pusat Khidmat Pelanggan untuk tindakan panggilan telefon dan e-mel. Pengeluaran surat peringatan CP516 secara kelompok kepada pembayar cukai dibuat secara berkala. Pengeluaran notis pemberitahu cukai pendapatan yang dinaikkan di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967 dikeluarkan secara kelompok. Pengenaan kenaikan mengambil kira perkara-perkara berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) <i>dikenakan ke atas kod taksiran pertama 009, 105 dan 102 sahaja;</i></li> <li>2) <i>taksiran kurangan kod 062 atau 064 tidak dikenakan;</i></li> <li>3) <i>mempunyai anggaran cukai RM300 dan ke atas;</i></li> <li>4) <i>jadual asal atau pindaan terkini dan terhad kepada amaun cukai;</i></li> <li>5) <i>tiada kenaikan telah dikenakan secara dalam talian;</i></li> <li>6) <i>tiada kenaikan yang telah dihapuskan; dan</i></li> <li>7) <i>amaun debit belum dijelaskan tidak sama dengan amaun kredit belum digunakan.</i></li> </ol>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.3.4</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Setakat 15 Oktober 2015, kenaikan cukai berjumlah RM76,291 telah dikenakan terhadap 96 pembayar cukai melibatkan 124 kes.</i></p>	
<p><b>5.5.3.5</b></p> <p><b>5.5.3.5.a</b></p>	<p><b>Maklumat Profil Pembayar Cukai Di STSNC</b></p> <p>Semakan Audit terhadap maklumat profil pembayar cukai di STSNC mendapati sejumlah 111 pembayar cukai yang mempunyai status fail aktif dengan tunggakan cukai berjumlah RM4.02 juta tetapi telah meninggal dunia serta 54 pembayar cukai yang status dikategorikan sebagai fail mati dengan tunggakan cukai berjumlah RM2.46 juta tetapi profil pembayar cukai tersebut dalam STSNC menunjukkan aktif atau tiada maklumat.</p> <p>Pada pendapat Audit, maklumat atau data dalam sistem yang tidak kemas kini boleh menyebabkan proses pembuatan keputusan dan penguatkuasaan sesuatu tindakan tidak tepat atau gagal dilaksanakan.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pekeliling Operasi Bil. 14 Tahun 2015 – Pemungutan Cukai Dalam Kes Pembayar Cukai Meninggal Dunia telah dikeluarkan pada 2 Oktober 2015. Pekeliling ini menjelaskan tentang prosedur tindakan yang perlu diambil ke atas kes pembayar cukai yang telah meninggal dunia.</i></p> <p><i>Prosedur mematikan fail pembayar cukai seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Operasi Bil. 18 Tahun 2010 - Tindakan Mematikan Fail Pembayar Cukai. Tindakan kemas kini maklumat pembayar cukai juga dilakukan secara berterusan dengan pengeluaran Memo Operasi bertarikh 15 September 2011 – Pengeluaran Am TT 2011 – Kemaskini Butiran Pembayar Cukai; Memo Operasi bertarikh 8 Ogos 2014 – Kemas kini Maklumat Pembayar Cukai Bagi Tujuan Pengeluaran Am BNCP Dalam Tahun 2015 dan Memo Operasi bertarikh 6 Ogos 2015 - Kemas kini Maklumat Pembayar Cukai Bagi Tujuan Pengeluaran Am BNCP Dalam Tahun 2016.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.3.5.a</p>
<p><b>5.5.4</b></p> <p><b>5.5.4.1</b></p>	<p><b>Tindakan Penguatkuasaan</b></p> <p><b>Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara Tidak Dikenakan</b></p> <p>Seksyen 104 ACP 1967 memberi kuasa kepada LHDNM untuk menyekat pembayar cukai ke luar negara jika mempunyai tunggakan cukai. Pekeliling Operasi Bilangan 9 Tahun 2010 LHDNM pula menetapkan tunggakan cukai</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pendapatan berjumlah RM2,000 dan ke atas akan dikenakan Sekatan Perjalanan Keluar Negara. Bagaimanapun, Sekatan Perjalanan Keluar Negara ini akan dikeluarkan dan dikuatkuasakan ke atas pembayar cukai apabila telah diambil tindakan-tindakan seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Surat Pemberitahuan Kenaikan/Penalti Cukai Lewat Bayar di bawah Seksyen 103 ACP 1967;</li> <li>• Notis Tunggakan Cukai;</li> <li>• Peringatan melalui panggilan telefon oleh Pusat Panggilan LHDNM; dan</li> <li>• Surat Pemberitahuan Tindakan Mahkamah.</li> </ul> <p>Semakan Audit mendapati tindakan sekatan ke luar negara seperti yang diperuntukkan tidak dikenakan terhadap 802 pembayar cukai yang melibatkan tunggakan cukai berjumlah RM24.96 juta.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada Oktober 2015</b></p> <p><i>Setakat 15 Oktober 2015, LHDNM telah berjaya mengutip tunggakan cukai berjumlah RM20.98 juta melibatkan 247 pembayar cukai daripada 802 pembayar cukai yang tidak dikenakan sekatan perjalanan seperti yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.</i></p> <p><i>Bagi memastikan keberkesanan tindakan pemungutan tunggakan cukai, tindakan pengeluaran surat sekatan perjalanan kepada pembayar cukai telah dilaksanakan dan dikeluarkan secara berkelompok antara bulan Februari hingga September 2015. Pembayar cukai yang tertakluk kepada pengeluaran surat sekatan perjalanan adalah individu yang lejaranya berbaki debit dan tiada bayaran cukai diterima melebihi 1 tahun. Pengeluaran surat sekatan perjalanan ini tidak termasuk kes-kes berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) meninggal dunia;</li> <li>2) fail pendua;</li> <li>3) sekatan perjalanan seksyen 104 telah wujud;</li> <li>4) lejar CKHT berbaki kredit;</li> <li>5) ansuran cukai masih berkuat kuasa; dan</li> <li>6) alamat surat menyurat yang tidak lengkap seperti tiada poskod.</li> </ol>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.4.1</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.5.4.2	<p><b>Tindakan Guaman Sivil Tidak Diambil</b></p> <p>Tindakan guaman sivil di bawah Seksyen 106 ACP 1967 akan diambil ke atas pembayar cukai untuk mengutip semula cukai tertunggak. Justeru, Arahan Operasi Bilangan 6 Tahun 2007 LHDNM menetapkan tindakan guaman sivil akan dikuatkuasakan ke atas pembayar cukai individu jika enggan membayar tunggakan cukai pendapatan berjumlah RM2,000 dan ke atas.</p> <p>Semakan Audit mendapati tindakan guaman sivil tidak diambil terhadap 1,356 pembayar cukai yang mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM42.68 juta.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Setakat 15 Oktober 2015, seramai 554 pembayar cukai daripada 1,356 pembayar cukai berkenaan telah menjelaskan tunggakan cukai mereka berjumlah RM34.39 juta kepada LHDNM.</i></p> <p><i>Tindakan pemungutan tunggakan cukai melalui sekatan perjalanan telah diambil bagi kes-kes tersenarai. LHDNM akan mengambil tindakan guaman sivil setelah semua tindakan pemungutan dilakukan tetapi tiada bayaran diterima daripada pembayar cukai. Walau bagaimanapun, semakan lanjut perlu dibuat bagi taksiran anggaran yang telah dibangkitkan yang tidak mendatangkan apa-apa kutipan. Kes sebegini perlu dirujuk kembali ke cawangan penaksiran.</i></p> <p><i>Bagi mempercepatkan tindakan pengemukaan kes guaman sivil, penyediaan kes X/C18 cukai pendapatan secara automatik dalam STSNC telah dilakukan.</i></p> <p><i>Kriteria kes adalah seperti berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1) <i>Jenis taksiran</i> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <i>melibatkan 1 tahun taksiran yang disifatkan/ dibangkitkan;</i></li> <li>ii. <i>hanya 1 transaksi taksiran disifatkan/taksiran formal pada tahun yang sama;</i></li> <li>iii. <i>tiada taksiran kurangan; dan</i></li> <li>iv. <i>tidak melibatkan taksiran anggaran, taksiran bersama, taksiran komposit dan taksiran NL.</i></li> </ol> </li> <li>2) <i>Wujud punca pendapatan perniagaan.</i></li> <li>3) <i>Tiada Notis Bayaran Ansuran CP500.</i></li> <li>4) <i>Tunggakan RM2,000 dan ke atas.</i></li> </ol>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.4.2</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	5) <i>Kenaikan telah dikenakan.</i> 6) <i>Pemberitahuan Tindakan Mahkamah CP91 telah dikeluarkan.</i> 7) <i>Melibatkan tindakan sivil biasa.</i>	
<b>5.5.4.3</b>	<p><b>Pemantauan Bayaran Cukai Secara Ansuran</b></p> <p>Semakan Audit mendapati daripada 2,206 sampel tunggakan cukai, terdapat 643 (29.2%) pembayar cukai telah dikeluarkan ansuran oleh Unit Audit Meja/Audit Luar dan Cawangan Pungutan pada tahun 2013 dan 2014. Semakan lanjut mendapati tiada tindakan pemungutan selanjutnya dibuat terhadap 74 (11.5%) pembayar cukai yang gagal mematuhi jadual ansuran yang dikeluarkan oleh Unit Audit Meja/Audit Luar melibatkan 1 hingga 24 bilangan ansuran berjumlah RM1.42 juta dan 146 (22.7%) pembayar cukai melibatkan 1 hingga 36 bilangan ansuran berjumlah RM3.02 juta yang dikeluarkan oleh Cawangan Pungutan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan yang konsisten, menyeluruh dan serius akan meningkatkan kesedaran terhadap pembayar cukai yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya terutama sekali apabila LHDNM telah memberi peluang tambahan bagi menyelesaikan tunggakan cukai dan seterusnya meningkatkan kutipan hasil LHDNM dan Kerajaan seterusnya.</p> <p><b>Maklum Balas LHDNM Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pemantauan ansuran boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Hasil (ReMS). Bagi ansuran pungutan, peringatan secara e-mel blast dikeluarkan kepada pembayar cukai sebelum tempoh bayaran ansuran berakhir. Bagi kes audit luar, Pegawai audit luar akan memaklumkan kepada pegawai pemungutan sekiranya bayaran gagal dibuat untuk diambil tindakan seterusnya.</i></p> <p><i>Senarai kes ansuran CP500 yang gagal bayar dihantar kepada Pusat Khidmat Pelanggan untuk tindakan panggilan telefon dan e-mel. Pengeluaran surat peringatan Kelewatan/Kegagalan Mematuhi Notis Bayaran Ansuran CP516 secara kelompok kepada pembayar cukai dibuat secara berkala. Manakala pengeluaran notis pemberitahu cukai pendapatan yang dinaikkan di bawah subseksyen 107B(3) ACP 1967 dikeluarkan secara kelompok. Pengenaan kenaikan mengambil kira perkara-perkara berikut:</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal seperti di perenggan 5.5.4.3</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) <i>Taksiran Disifatkan Kena Cukai (009), Borang Lewat Kena Cukai (105) dan Taksiran Anggaran Subseksyen 90(3) Kena Cukai (102) sahaja;</i></li> <li>2) <i>Taksiran kurangan (sepenuhnya) kod 062 atau Taksiran Kurangan (sebahagian) 064 tidak dikenakan;</i></li> <li>3) <i>Mempunyai anggaran cukai RM300 dan ke atas;</i></li> <li>4) <i>Jadual asal atau pindaan terkini dan terhad kepada amaun cukai;</i></li> <li>5) <i>Tiada kenaikan telah dikenakan secara dalam talian;</i></li> <li>6) <i>Tiada kenaikan yang telah dihapuskan; dan</i></li> <li>7) <i>Amaun debit belum dijelaskan tidak sama dengan amaun kredit belum digunakan.</i></li> </ol>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia**

**Perenggan 6 : Taksiran Duti Kenderaan Import Pasang Siap**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.5.1.2.a	<p><b>Taksiran Duti/Cukai Kenderaan Import</b></p> <p>Sebanyak 213 Borang K1 (5.4% daripada 3,931 yang disemak) mempunyai kesilapan penilaian/taksiran yang disebabkan kesilapan dalam menentukan model kenderaan dan harga warta serta tarikh pendaftaran asal kenderaan yang dinilai. Ini menyebabkan berlakunya kekurangan kutipan duti/cukai berjumlah RM1.29 juta dan lebihan kutipan berjumlah RM499,296.</p>	
6.5.1.2.b	<p>Sebanyak 111 Borang K1 (2.8% daripada 3,931 yang disemak) adalah borang ikrar yang tidak mempunyai maklumat kenderaan yang jelas dan terperinci. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan duti/cukai import berjumlah RM1.85 juta dan nilai kenderaan berjumlah RM2.86 juta.</p> <p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada JKDM Pada 1 Oktober 2015</b></p> <p><i>Semakan semula ke atas Borang K1 yang dibangkitkan oleh pihak Audit akan dilaksanakan oleh semua JKDM negeri terlibat. Sekiranya taksiran duti/cukai adalah kurang tepat, kekurangan pungutan hasil akan dikutip semula daripada pihak yang terlibat.</i></p> <p><i>JKDM mengambil maklum mengenai borang ikrar yang kurang berkualiti, iaitu tidak mempunyai butiran kenderaan yang jelas dan terperinci. Semua Pegawai Penaksir telah diberi peringatan untuk memproses borang ikrar berkualiti sahaja. Sehubungan dengan itu, sistem uCustoms yang sedang dibangunkan untuk menggantikan SMK pada tahun 2016 akan mengambil kira keperluan mengunci masuk data mandatori supaya hanya borang ikrar berkualiti sahaja akan diproses.</i></p>	<p>Berikutan dari teguran mengenai penilaian /taksiran kenderaan ,maka JKDM telah mengeluarkan peringatan kepada semua pegawai penaksir secara bertulis melalui Rujukan KE.HT(94)669/01-2(23) bertarikh 20.10.2015, mengenai tanggungjawab pegawai penaksir semasa membuat penilaian dan taksiran keatas kenderaan import terpakai (AP terbuka) yang menggunakan harga warta.</p> <p>Jabatan ini juga telah mengeluarkan peringatan kepada Presiden PEKEMA secara bertulis melalui Rujukan KE.HT(94)340/03-1-108/KIt 10(05) bertarikh 20.10.2015, mengenai tanggungjawab pengimport membuat pengikraran lengkap dan berkualiti keatas maklumat-maklumat kenderaan CBU import terpakai dan juga tanggungjawab pengimport memohon penetapan harga warta sekiranya model kenderaan tersebut tiada dalam senarai harga warta.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, aktiviti taksiran duti/cukai kenderaan pasang siap yang diimport tidak dilaksanakan dengan betul dan tepat di mana 5.4% daripada sampel audit mempunyai kesilapan taksiran yang mengakibatkan kekurangan kutipan duti/cukai berjumlah RM1.29 juta dan lebihan kutipan berjumlah RM499,296. Selain itu, sebanyak 2.8% daripada sampel audit adalah borang ikrar yang tidak berkualiti, iaitu tidak mempunyai maklumat kenderaan yang jelas dan terperinci. Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan duti/cukai import berjumlah RM1.85 juta dan nilai kenderaan berjumlah RM2.86 juta.</p>	<p>Cawangan Pasca Import, Bahagian Pematuhan akan membantu pihak Audit untuk menyemak semula borang K1 yang pada pandangan Audit berlaku kesilapan tetapi tidak dipersetujui oleh pegawai penaksir di negeri-negeri yang terlibat.</p>
<p><b>6.5.2.2.b.i</b></p>	<p><b>Pemprosesan Borang K8 - Penyelenggaraan Rekod</b></p> <p>Semua stok kenderaan dalam semua 57 gudang berlesen yang dilawati telah diberi nombor lot kecuali 3 gudang berlesen di Kelantan di mana pemegang lesen hanya menggunakan nombor casis kenderaan sebagai rujukan. Ini menyukarkan tugas pihak JKDM yang perlu melakukan pemantauan dari semasa ke semasa.</p>	
<p><b>6.5.2.2.b.ii</b></p>	<p>Rekod kenderaan telah diselenggarakan dengan teratur oleh pemegang lesen kecuali:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebanyak 7 buah kenderaan dengan anggaran nilai duti berjumlah RM1.74 juta mempunyai Borang K8 yang telah diproses dan direkodkan dalam buku stok JKDM tetapi tidak disimpan dalam gudang berlesen berkenaan serta tidak dinyatakan dalam penyata stok pemegang lesen. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa kenderaan tersebut berada di kawasan Pihak Berkuasa Zon Bebas.</li> <li>• Stesen yang mengawal gudang berlesen di Negeri Sembilan tidak menyelenggarakan rekod kawalan pergerakan kenderaan untuk tujuan pameran atau penyenggaraan (Lampiran L) secara <i>softcopy</i> seperti yang dinyatakan dalam PTK Bil. 53.</li> </ul>	
<p><b>6.5.2.2.b.iii</b></p>	<p>Penyata stok telah disediakan mengikut format yang ditetapkan serta dikemukakan kepada JKDM kecuali:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sebanyak 2 daripada 19 gudang berlesen di WP Kuala Lumpur yang dilawati tidak menyediakan penyata stok mengikut format yang telah ditetapkan.</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesemua 4 gudang berlesen di Kelantan ada mengemukakan penyata stok bulanan. Bagaimanapun, maklumat yang dikemukakan tidak lengkap seperti tiada tarikh masuk gudang, harga kenderaan dan anggaran duti yang terlibat. Selain itu, penyata stok bagi satu syarikat yang mempunyai dua gudang berlesen tidak diasingkan bagi kedua-dua gudang tersebut. Ini menyebabkan JKDM tidak dapat mengenal pasti kenderaan yang sepatutnya disimpan dalam kedua-dua gudang tersebut.</li> <li>• Sebanyak 26 pemegang lesen di Selangor mengemukakan penyata stok bulanan yang tidak mengikut format yang ditetapkan. Penyata stok bulanan tersebut juga tidak dilengkapi dengan maklumat yang ditetapkan oleh JKDM.</li> </ul>	
6.5.2.2.b.iv	<p>Rekod lot/buku lot telah diselenggarakan dengan kemas kini kecuali:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Buku rekod stok kenderaan yang diselenggarakan di Sabah tidak menggunakan format yang terkini seperti yang ditetapkan dalam PTK Bil. 53. Selain itu, 5 daripada 10 buah buku rekod stok kenderaan pemegang lesen tidak dikemukakan untuk disemak.</li> <li>• Maklumat bagi 6 lot kenderaan yang telah dibayar duti tidak dikemaskinikan dalam buku lot di JKDM Negeri Sembilan.</li> <li>• Selain itu, terdapat 5 kes di mana buku lot tidak direkodkan dengan maklumat seperti nombor Borang K1 dan tarikh dijual tetapi hanya dicap dengan "Cukai Telah Dibayar". Ini berlaku di JKDM Negeri Sembilan.</li> </ul>	
6.5.2.2.b.v	<p>Butiran kenderaan dalam 57 gudang berlesen yang dilawati telah dipamerkan kecuali bagi 9 (15.8%) gudang berlesen.</p> <p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada JKDM Pada 1 Oktober 2015</b></p> <p><i>JKDM Negeri Kelantan telah mengambil tindakan untuk memberi nombor lot kepada stok kenderaan dalam gudang berlesen. JKDM Negeri telah memaklum dan mengeluarkan surat kepada pemegang lesen supaya penyata stok disediakan mengikut format yang ditetapkan dan mempamerkan butiran kenderaan. Tindakan mengenakan kompaun juga telah diambil terhadap pemegang lesen yang tidak mematuhi peraturan. Selain itu, buku stok/buku lot</i></p>	Maklumbalas kekal seperti di perenggan 6.5.2.2.b.v

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>juga telah dikemas kini oleh pegawai Kastam yang bertanggungjawab.</i>	
6.5.2.3.b	<p><b>Kawalan Pergerakan Kenderaan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap kawalan pergerakan kenderaan yang belum bayar duti/cukai dari/ke gudang berlesen mendapati pemindahan kenderaan dari satu gudang berlesen ke gudang berlesen yang lain telah mendapat kelulusan Pengarah Kastam Negeri kecuali bagi 193 buah kenderaan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Sebanyak 62 buah kenderaan dipindahkan di antara 4 gudang berlesen PEKEMA di WP Kuala Lumpur.</li> <li>ii. Di Negeri Sembilan, sebanyak 8 buah kenderaan yang dipindahkan antara gudang berlesen PEKEMA dan 9 buah kenderaan bagi pemindahan ke PBC.</li> <li>iii. Sebanyak 58 buah kenderaan di Kelantan telah dipindahkan di antara 2 gudang berlesen di bawah syarikat yang sama.</li> <li>iv. Sebanyak 56 buah kenderaan dari gudang berlesen milik Regas Motor Sdn. Bhd., Kuching, Sarawak ke gudang berlesen Best Motor Sdn. Bhd., Kuching, Sarawak.</li> </ol> <p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada JKDM Pada 1 Oktober 2015</b></p> <p><i>JKDM Negeri telah mengenakan kompaun terhadap pemegang lesen yang terlibat dan peringatan telah diberi supaya mengikut prosedur yang ditetapkan dengan mendapatkan kelulusan Pengarah Kastam Negeri terlebih dahulu sebelum pemindahan kenderaan dilakukan.</i></p>	Maklumbalas kekal seperti di perenggan 6.5.2.3.b
6.5.2.4.b	<p><b>Penyimpanan Kenderaan Melebihi Tempoh</b></p> <p>Semakan Audit mendapati penyimpanan kenderaan adalah mengikut tempoh yang ditetapkan kecuali bagi 262 buah kenderaan yang disimpan melebihi tempoh 36 bulan tanpa surat permohonan dari pemegang lesen untuk melanjutkan tempoh simpanan. Selain itu, surat kelulusan pelanjutan tempoh juga tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit semasa pengauditan dijalankan. Anggaran duti bagi 262 kenderaan tersebut adalah berjumlah RM12.59 juta yang sepatutnya dibayar oleh gudang berlesen PEKEMA pada akhir tahun 2014.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada JKDM Pada 1 Oktober 2015</b></p> <p><i>JKDM WP Kuala Lumpur telah mengeluarkan Bill of Demand kepada pemegang lesen terlibat. Manakala JKDM di Johor dan Sabah telah mengeluarkan surat makluman kepada pemegang lesen supaya membuat bayaran duti bagi kenderaan yang telah melebihi tempoh. Bagaimanapun, Ibu Pejabat JKDM sedang mempertimbangkan untuk meminda PTK Bil. 53 supaya tempoh penyimpanan kenderaan dalam gudang berlesen dilanjutkan kepada 4 tahun. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen dikehendaki menjelaskan duti kenderaan tersebut dan tiada lanjutan tempoh akan diberikan.</i></p>	Maklumbalas kekal seperti di perenggan 6.5.2.4.b
6.5.2.5.b	<p><b>Pemeriksaan Stok Tahunan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pemeriksaan tahunan gudang berlesen ke atas stok kenderaan tidak dilaksanakan di WP Kuala Lumpur dan Kelantan kerana kekangan kakitangan. Selain itu, tiada bukti menunjukkan bahawa pemeriksaan rambang dilaksanakan oleh pegawai Kastam kerana laporan pemeriksaan tidak diselenggarakan dengan sistematik dan kemas kini.</p> <p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada JKDM Pada 1 Oktober 2015</b></p> <p><i>JKDM WP Kuala Lumpur telah mula melaksanakan pemeriksaan 100% dan laporan pemeriksaan juga telah disediakan. Manakala JKDM Kelantan telah merancang untuk melaksanakan pemeriksaan tersebut pada hujung tahun 2015 dan laporan akan disediakan mengikut peraturan yang ditetapkan.</i></p>	Maklumbalas kekal seperti di perenggan 6.5.2.5.b
6.5.2.6.b.i	<p><b>Kawalan Gudang Berlesen</b></p> <p>Sebanyak 2 gudang berlesen di Sarawak dan 2 gudang berlesen di WP Kuala Lumpur yang dilawati tidak memenuhi ciri keselamatan seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syarikat A &amp; Z Motor Enterprise, Sarawak tidak dipasang pagar bagi mengasingkan kawasan yang dilesenkan dengan kawasan yang tidak dilesenkan. Selain itu, didapati pintu pagar untuk menutup kawasan yang dilesenkan telah rosak dan tidak diperbaiki.</li> <li>• Best Motor Sdn. Bhd., Sarawak tidak mempunyai pengawal keselamatan untuk menjaga kawasan gudang berlesen.</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dua buah gudang berlesen milik Syarikat Emaslink Holding Sdn. Bhd., WP Kuala Lumpur tidak dipasang dengan CCTV.</li> </ul>	
6.5.2.6.b.ii	<p>Daripada 57 gudang berlesen yang dilawati, didapati 7 gudang berlesen (12.3%) tidak mempunyai insurans kebakaran dan kecurian bagi melindungi premis dan juga sebanyak 725 buah kenderaan dengan anggaran duti berjumlah RM38.22 juta yang disimpan di gudang berlesen tersebut.</p> <p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada JKDM Pada 1 Oktober 2015</b></p> <p><i>JKDM WP Kuala Lumpur dan Sarawak telah mamastikan pemegang lesen memasang pagar dan CCTV di premis gudang berlesen. Selain itu, pemegang lesen juga telah mendapatkan insurans bagi melindungi premis dan kenderaan yang disimpan dalam gudang berlesen. Penambahbaikan juga dilakukan iaitu salinan polisi insurans perlu dikemukakan kepada JKDM semasa permohonan pembaharuan lesen gudang.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kawalan terhadap stok kenderaan dalam gudang berlesen adalah kurang berkesan kerana pihak JKDM tidak memastikan pemegang lesen memohon lanjutan masa untuk penyimpanan kenderaan yang melebihi 36 bulan tanpa bayaran duti/cukai. Sehingga akhir tahun 2014, anggaran duti berjumlah RM12.59 juta sepatutnya boleh dituntut daripada gudang berlesen PEKEMA yang tidak memohon lanjutan masa. Selain itu, pihak JKDM juga tidak memastikan kenderaan yang belum dibayar duti/cukai dilindungi dengan insurans bagi memelihara kepentingan Kerajaan.</p>	Bahagian Perkastaman telah membuat keputusan untuk mengkaji semula PTK Bil. 53 untuk disesuaikan dengan pelaksanaan semasa dan akan menambahbaik prosedur dan polisi yang sedia ada mulai pertengahan November 2015 sehingga April 2016.
6.5.3.2.a	Permohonan untuk membawa kenderaan keluar dari PBC telah diluluskan dan bentuk serta amaun jaminan telah ditetapkan oleh Pegawai Kanan Kastam. Bagaimanapun, semakan ke atas permohonan tahun 2014 untuk pergerakan keluar sebanyak 50 buah kenderaan mendapati 5 buah kenderaan tidak mempunyai maklumat jaminan. Manakala maklumat jaminan tidak dikemaskinikan dalam rekod bagi 19 buah kenderaan.	
6.5.3.2.b	Tiada notis peringatan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang berada di KUK melebihi tempoh 30 hari dan tindakan menunaikan jaminan tidak dilaksanakan terhadap pemilik kenderaan tersebut.	
6.5.3.2.c	Tiada bukti menunjukkan laporan pergerakan kenderaan yang melebihi tempoh telah diserahkan setiap bulan oleh JKDM WP Labuan kepada	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bahagian Penguatkuasaan Negeri. Bagaimanapun, Bahagian Penguatkuasaan, JKDM WP Labuan telah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap 21 kenderaan yang melebihi tempoh berada di KUK.	
6.5.3.2.d	Bagi kenderaan melebihi tempoh berada di KUK tidak melebihi 60 hari, kenderaan tersebut hanya akan ditawarkan kompaun semasa pemilik kenderaan memohon semula untuk keluar dari PBC dan bukan semasa ketibaan kenderaan di PBC setelah dibawa masuk ke PBC. Adalah didapati 6 buah kenderaan yang melebihi tempoh berada di KUK antara 17 hingga 55 hari tetapi telah kembali ke PBC belum dikenakan kompaun setakat tarikh pengauditan pada 11 Februari 2015.	
6.5.3.3.a	Permohonan untuk membawa kenderaan keluar dari PBC telah diluluskan serta bentuk dan amaun jaminan telah ditetapkan oleh Pegawai Kanan Kastam.	
6.5.3.3.b	Notis peringatan dikeluarkan terhadap pemilik kenderaan yang berada di KUK melebihi tempoh 30 hari. Bagaimanapun, JKDM Pulau Langkawi tidak mengambil tindakan untuk menunaikan jaminan bank bagi kenderaan yang melebihi tempoh berada di KUK.	
6.5.3.3.c	Senarai kenderaan yang melebihi tempoh berada di KUK telah dikemukakan ke Bahagian Pemantauan, Ibu Pejabat JKDM pada setiap hujung bulan untuk tindakan selanjutnya. Operasi pengesanan dan penahanan kenderaan telah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat JKDM. Setakat akhir bulan Januari 2015, sebanyak 472 buah kenderaan dari Pulau Langkawi telah dikenal pasti tidak mematuhi peraturan dan 389 buah kenderaan (82.4%) telah dikesan dan ditahan untuk tindakan lanjut. Selain itu, sejumlah RM27.73 juta kompaun dan cukai telah berjaya dikutip semula.	
6.5.3.3.d	Pergerakan kenderaan direkodkan secara manual ke dalam buku log dan juga dalam sistem KV (sistem <i>stand-alone</i> JKDM Langkawi untuk memantau pergerakan kenderaan keluar masuk PBC). Bagaimanapun, sistem KV tidak dapat menjana laporan atau <i>alert</i> bagi kenderaan yang melebihi tempoh berada di KUK. Analisis pergerakan keluar masuk kenderaan dilakukan secara manual dengan membandingkan Borang K1 dengan maklumat dalam sistem KV secara bulanan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada JKDM Pada 1 Oktober 2015</b></p> <p><i>JKDM Labuan berpendapat tindakan mengenakan kompaun kepada pemilik kenderaan yang overstay semasa kenderaan tiba di jeti Labuan adalah tidak praktikal kerana keadaan yang sesak di jeti. Manakala prosedur bagi menunaikan jaminan bank tidak dijelaskan dengan terperinci dalam PTK Bil. 78A menyebabkan JKDM Pulau Langkawi tidak mengambil tindakan menunaikan jaminan bank bagi kenderaan yang melanggar syarat. Bagaimanapun, kenderaan tersebut disenaraihitamkan dan dihantar ke Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat untuk tindakan merampas dan menahan kenderaan berkenaan. Bagi meningkatkan kawalan terhadap pergerakan kenderaan PBC, JKDM telah membangunkan sistem e-Vehicle yang membolehkan maklumat kenderaan PBC diakses oleh pegawai Kastam yang bertanggungjawab terhadap kelulusan permohonan keluar masuk PBC, pemantauan dan penguatkuasaan serta pengesanan bagi kenderaan yang melanggar peraturan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kawalan terhadap pergerakan kenderaan dari/ke PBC WP Labuan dan Langkawi adalah kurang berkesan kerana tindakan segera ke atas pemilik kenderaan yang melanggar syarat seperti menunaikan jaminan bank, menawar kompaun dan menahan kenderaan tidak dilaksanakan secara menyeluruh oleh JKDM WP Labuan dan JKDM Langkawi. Bagaimanapun, Bahagian Penguatkuasaan JKDM WP Labuan telah mengambil tindakan terhadap 21 kenderaan yang melebihi tempoh berada di KUK. Selain itu, Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat JKDM telah mengambil tindakan yang baik untuk mengesan dan menahan kenderaan PBC Langkawi yang melebihi tempoh berada di KUK di mana 389 (82.4%) daripada 472 buah kenderaan dari Pulau Langkawi telah dikesan dan ditahan untuk tindakan lanjut. Sehubungan dengan itu, sejumlah RM27.73 juta kompaun dan cukai telah berjaya dikutip semula.</p>	<p>Bahagian Perkastaman telah membuat keputusan untuk mengkaji semula PTK Bil.78A untuk disesuaikan dengan pelaksanaan UCustoms dan akan menambahbaik prosedur dan polisi yang sedia ada mulai pertengahan November 2015 sehingga April 2016.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

**Perenggan 7 : Pengurusan Subsidi Beras ST15% Dan S15%**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.1.1.a	<p><b>Prestasi Pengurusan Subsidi Harga Beras ST15% Dan S15% - Pencapaian Objektif - Pemberian Subsidi Untuk Menampung Kerugian BERNAS</b></p> <p>Di Semenanjung Malaysia pemberian subsidi sejumlah RM750/mt kepada BERNAS adalah untuk menampung kerugian disebabkan beras ST15% yang dibeli oleh BERNAS daripada pembekal pada harga RM2,100/mt kemudiannya dijual kepada pemborong pada harga yang lebih rendah iaitu RM1,350/mt. Manakala di Negeri Sabah dan Sarawak, pemberian subsidi sejumlah RM700/mt kepada BERNAS adalah untuk menampung kerugian disebabkan beras putih import 5% yang dibeli oleh BERNAS dari luar negara adalah pada harga RM2,100/mt kemudiannya dijual kepada pemborong pada harga yang lebih rendah iaitu RM1,400/mt.</p> <p>Pemberian subsidi ini hendaklah berdasarkan sasaran pembekalan beras subsidi dengan kuantiti tidak melebihi 40,000 mt/bulan (480,000 mt/tahun) kepada pemborong di Semenanjung Malaysia dan 20,000 mt/bulan (240,000 mt/tahun) kepada pemborong di Negeri Sabah dan Sarawak di mana jumlah kuantiti beras subsidi seluruh Malaysia tidak melebihi 60,000 mt/bulan (720,000 mt/tahun). Untuk itu, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah RM488 juta bagi tahun 2012 dan RM528 juta setiap tahun bagi tahun 2013 dan 2014. Bagaimanapun, pembekalan beras subsidi tertakluk kepada kuota yang diluluskan oleh JPPPBS MOA bagi setiap pemborong yang dikenal pasti. Kuota yang diluluskan bagi tahun 2012 adalah 580,838 mt, 654,461 mt bagi tahun 2013 dan 711,200 mt bagi tahun 2014.</p> <p>Semakan Audit mendapati, BERNAS telah membekalkan beras ST15% / S15% sebanyak 628,067 mt bagi tahun 2012, 654,539 mt bagi tahun 2013 dan 708,201 mt bagi tahun 2014 dan telah menuntut subsidi harga beras tersebut sejumlah RM505.66 juta bagi tahun 2012, RM528 juta bagi tahun 2013 dan RM511.52 juta bagi tahun 2014.</p>	<p>Kementerian menggunakan <i>database</i> yang dibangunkan dalam menetapkan pengagihan kuota agar selari dengan jumlah yang ditetapkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bagi memantapkan lagi pengurusan pembekalan dan bayaran subsidi harga beras ST15% dan S15%, MOA telah membangunkan sistem data menggunakan aplikasi Microsoft Excel bertujuan untuk mengawal agihan beras supaya selari dengan kuota yang diluluskan serta bayaran subsidinya.</i></p>	
7.5.1.1.b.i	<p><b>Warganegara Malaysia Dalam Golongan Berpendapatan Rendah Dapat Memperolehi Beras Pada Harga Murah Dan Kuantiti Yang Mencukupi - Pengguna Beras Subsidi Juga Terdiri Selain Daripada Golongan Sasar Yang Sepatutnya</b></p> <p>Pelaksana program Kerajaan hendaklah memastikan hanya golongan yang disasar mendapat manfaat daripada sesuatu program khusus. Bagi program subsidi harga beras ST15% dan S15%, mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Jun 2009 telah mengambil maklum bahawa dalam jangka panjang MOA akan mengkaji bagi memastikan hanya golongan warganegara Malaysia berpendapatan rendah mendapat manfaat daripada program ini. Adalah didapati MOA telah mengeluarkan satu Perintah Tetap Ketua Pengarah Bagi Pengawalan Padi dan Beras Bilangan 3/2014 berkuat kuasa mulai 1 April 2014 bertujuan untuk mengatasi masalah ketirisan bekalan beras subsidi dan seterusnya memastikan pengedaran beras tersebut sampai ke golongan sasaran dengan lebih berkesan. Antara mekanisme penambahbaikan pelaksanaan yang dibuat adalah:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengedaran beras subsidi ST15% dan S15% dipasarkan melalui rangkaian peruncitan terpilih seperti Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), kedai runcit 1Malaysia (KR1M), kedai runcit di bawah Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR), kedai PERNAMA, kedai Peladang, kedai koperasi, kedai e-kasih, kedai FELDA, kedai runcit perumahan awam kos rendah/PPRT dan kedai runcit luar bandar.</li> <li>• Peruncit bertanggungjawab untuk memastikan semua penjualan beras subsidi hanya kepada isi rumah warganegara Malaysia (golongan berpendapatan rendah) dan setiap pembelian beras subsidi terhad kepada 2 kampil sahaja.</li> </ul> <p>Semakan Audit selanjutnya melalui lawatan ke kedai runcit dan soal selidik serta maklum balas peruncit dan responden yang terdiri daripada warganegara Malaysia, warganegara asing (Bangladesh, Nepal, Indonesia, Pakistan dan Filipina) dan pengusaha kedai/gerai makan mendapati:</p>	<p>Kementerian telah mengeluarkan surat kepada BERNAS bertarikh 30 Oktober 2015 yang memaklumkan bahawa Program Subsidi Beras ST15/ S15 akan berakhir pada Disember 2105 tidak akan dilanjutkan pada tahun 2016.</p> <p>Berdasarkan kajian pasaran dan <i>lab</i> yang telah diadakan, Kementerian sedang merangka satu cadangan program bantuan kepada golongan sasaran bagi menggantikan program sediaada.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 38 (45.8%) daripada 83 kedai runcit yang dilawati tidak mempunyai stok beras subsidi kerana mengikut maklum balas peruncit, stok bekalan beras subsidi yang diterimanya adalah sedikit atau tidak mencukupi untuk menampung permintaan pengguna. Terdapat juga keadaan di mana stok yang diterima telah habis dijual dalam tempoh masa yang singkat dan peruncit tidak dapat menambah stok baru sehinggalah pemborong menghantar stok bagi bulan berikutnya. Perkara ini mengakibatkan kedai runcit tersebut tidak dapat membekalkan beras subsidi secara berterusan bagi memenuhi semua golongan sasaran di kawasan sekitarnya.</li> <li>• Daripada 86 reponden pengguna, didapati 54 (62.8%) responden merupakan warganegara Malaysia, manakala 32 (37.2%) responden adalah terdiri daripada mereka yang tidak layak menerima manfaat subsidi harga beras iaitu daripada kalangan warganegara asing (Bangladesh, Nepal, Indonesia, Pakistan dan Filipina), pengusaha kedai/gerai makan dan juga untuk dijadikan makanan binatang peliharaan.</li> </ul> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>MOA dari semasa ke semasa membuat pemantauan menyeluruh dalam menangani ketirisan penggunaan beras bersubsidi melalui pemeriksaan oleh pegawai penguatkuasa. Disamping itu, MOA sedang merangka mekanisme baru bagi menambahbaik program sedia ada. MOA juga telah melaksanakan kajian pasaran pada September 2015 dan menganjurkan Lab Penambahbaikan Program Beras Bersubsidi pada Oktober 2015. Hasil Lab mencadangkan agar program subsidi beras sedia ada diganti dengan mekanisme baru bantuan Kerajaan iaitu bantuan kewangan terus kepada golongan sasaran. Golongan sasaran ini akan dikenal pasti melalui satu kaedah penentuan berdasarkan pendapatan per kapita isi rumah sama ada melalui senarai BR1M atau senarai e-kasih, yang akan diperhalusi kewajarannya dan kesesuaiannya. Jangkaan pelaksanaan mekanisme baru ini adalah pada Jun 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, stok beras subsidi perlu sentiasa mencukupi bagi memastikan permintaan oleh golongan sasaran sentiasa dapat dipenuhi terutama sekali apabila mereka mempunyai kuasa membeli pada satu-satu masa tertentu. Selain itu, ketiadaan stok untuk dibeli oleh golongan sasaran adalah juga disebabkan penggunaannya turut dimanfaatkan oleh warganegara asing, pengusaha kedai/gerai makanan dan untuk binatang peliharaan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.1.1.b.ii	<p><b>Beras Subsidi Dijual Dengan Harga Lebih Mahal Di Negeri Sabah Dan Sarawak</b></p> <p>Mengikut peraturan yang ditetapkan oleh MOA, pemborong adalah dikehendaki mengampit beras subsidi dengan label BERAS NASIONAL, memasarkannya kepada peruncit dan menyelenggara Akaun Harian Khas Bagi Belian (dari BERNAS) Dan Jualan (kepada peruncit) untuk tujuan pengawalan pergerakan stok beras subsidi. Selain itu, Ketua Pengarah bagi pengawalan padi dan beras di Putrajaya hendaklah memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil dijual kepada pengguna iaitu pada harga RM16.50/10kg hingga RM18/10kg bagi beras subsidi ST15% mengikut zon di Semenanjung Malaysia dan RM18/10kg bagi beras subsidi S15% di Negeri Sabah dan Sarawak. Semakan Audit mendapati harga beras subsidi di pasaran kedai runcit telah dijual dengan harga yang lebih mahal berbanding dengan harga yang ditetapkan. Salah satu faktor yang menyumbang kepada harga yang mahal ini adalah beras import putih 5% dikategorikan sebagai beras subsidi S15% walaupun kandungan beras hancur tersebut adalah hanya 5%. Pada masa yang sama beras putih import 5% juga dijual oleh BERNAS kepada pemborong dengan harga RM2,100/mt bagi membolehkan pemborong menjual beras tersebut dengan jenama sendiri pada lingkungan harga yang lebih tinggi mencecah sehingga RM24/10kg. Kedai runcit telah menggunakan mekanisme tertentu untuk menjual beras subsidi dengan harga yang lebih mahal seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Mekanisme Penggunaan Label Lain</b></li> </ul> <p>Pemborong Chop Ngu Huo dan Kilatuah Sdn. Bhd. di Sarikei, Sarawak masing-masing telah diluluskan kuota beras subsidi sebanyak 20 mt sebulan bagi bulan April dan Mei 2015. Mengikut rekod BERNAS Shah Alam, Selangor pada bulan Januari hingga Mei 2015, kedua-dua pemborong ini telah membeli beras putih import 5% dengan harga subsidi RM1,400/mt. Semakan Audit mendapati beras subsidi yang sepatutnya dijual pada harga RM18.00/10kg (RM1.80/kg) telah dijual pada harga yang lebih mahal iaitu RM23.00/10kg hingga RM24.00/10kg dengan cara menggunakan label lain selain daripada label Beras Nasional. Label lain yang diguna oleh pemborong Kilatuah Sdn. Bhd. dan Chop Ngu Huo pada harga yang lebih mahal.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Mekanisme Jualan Secara Timbang</b></li> </ul> <p>Lawatan Audit fizikal bersama-sama pegawai Cawangan KPB Sibu di Sarikei, Sarawak pada 29 Mei 2015 mendapati beras subsidi dalam beg 50kg yang</p>	<p>Terdapat kawasan-kawasan di Sabah dan Sarawak telah dikecualikan daripada P.U.(A) 174/2008 Perintah Beras (Kawalan Gred Dan Harga) dan beras boleh dijual dengan lebih mahal daripada harga yang ditetapkan disebabkan kos pengangkutan yang tinggi di kawasan pedalaman.</p> <p>P.U.(A) 174/2008 Perintah Beras (Kawalan Gred Dan Harga) terpakai hanya di bandar pelabuhan iaitu Kota Kinabalu, Tawau, Lahad Datu di Sabah; Kuching, Bintulu dan Sibu di Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan dan tidak terpakai di kawasan-kawasan lain di pedalaman Sabah dan Sarawak kerana faktor kos pengangkutan yang tinggi, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 23 Mei 2008.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dibekalkan oleh Chop Kwong Hin kepada 2 peruncit dijual secara timbang pada harga RM2.50/kg iaitu melebihi harga kawalan beras subsidi pada RM1.80/kg. Manakala peruncit Ung's Trading Co. di Sarikei, Sarawak telah mendapat bekalan beras subsidi dalam kimpit/10kg label BERAS NASIONAL daripada pemborong Kew Hong Sdn. Bhd. di Sibu, Sarawak. Lawatan Audit fizikal bersama-sama pegawai Cawangan KPB Sibu pada 29 Mei 2015 mendapati peruncit tersebut mengeluarkan beras subsidi daripada kimpit label BERAS NASIONAL dan menjualnya secara timbang pada harga runcit RM2.40/kg.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015 Dan 21 Oktober 2015 Serta Maklum Balas Daripada Pemborong Kilatuah Sdn. Bhd. Pada 20 Dan 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>Diakui terdapat kawasan pendalaman di Negeri Sabah dan Sarawak menjual beras subsidi dengan harga yang lebih mahal daripada yang ditetapkan disebabkan kos pengangkutan yang tinggi. P.U.(A) 174/2008 Perintah Beras (Kawalan Gred Dan Harga) hanya terpakai di bandar pelabuhan iaitu Kota Kinabalu, Tawau dan Lahad Datu di Sabah; Kuching, Bintulu dan Sibu di Sarawak serta WP Labuan selaras dengan keputusan Jemaah Menteri bertarikh 23 Mei 2008. Hasil semakan KPB Sibu ke atas pemborong Kilatuah Sdn. Bhd. dan Chop Ngu Huo mengesahkan bahawa laporan audit adalah berasas kerana merujuk rekod di BERNAS Sibu didapati pemborong berkenaan tidak pernah membeli beras selain dari beras subsidi sejak Januari hingga Mei 2015. Peruncit telah diberi peringatan agar menjual beras mengikut spesifikasi dan harga yang ditetapkan. Cadangan mekanisme baru program bantuan dijangka dapat mengatasi masalah ketirisan program sedia ada.</i></p> <p><i>Bagaimanapun, pemborong Kilatuah Sdn. Bhd. memberi maklum balas bahawa beras yang digunakan untuk jenama sendiri (O'Rice Beras Vietnam) merupakan beras yang dibeli daripada BERAS Corporation Sdn. Bhd., Sibu pada 11 November 2014 sebanyak 5 mt.</i></p> <p>Pada pendapat audit, jualan beras subsidi kepada pengguna dengan harga yang lebih mahal di bandar selain daripada yang ditetapkan dalam perintah beras adalah bercanggah dengan objektif program. Selain itu, berlaku ketirisan dalam perbelanjaan Kerajaan kerana walaupun Kerajaan telah membayar kadar subsidi yang sepatutnya mengurangkan kos belian oleh pengguna namun kos belian yang sebenar adalah bersamaan dengan harga</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	beras tanpa subsidi.	
7.5.1.2	<p><b>Pencapaian Pembekalan Beras Subsidi Secara Keseluruhan</b></p> <p>Mengikut takrif dalam perjanjian, beras subsidi di Semenanjung Malaysia adalah daripada beras keluaran tempatan atau jika menghadapi ketidakcukupan bekalan dalam negara maka ia boleh diganti dengan beras putih import 15% dan/atau 5%. Manakala, di Negeri Sabah dan Sarawak beras subsidi adalah daripada beras putih import 15% dan/atau 5%. Semakan Audit ke atas kuota beras subsidi yang diluluskan berbanding Laporan Jualan di Seksyen KPB dan Ibu Pejabat BERNAS mendapati pencapaian pembekalan beras subsidi oleh BERNAS kepada pemborong adalah sebanyak 628,067 mt (108.13%) bagi tahun 2012, 654,539 mt (100.01%) bagi tahun 2013 dan 708,201 mt (99.58%) bagi tahun 2014 berbanding dengan jumlah kuota beras subsidi yang diluluskan setiap tahun.</p> <p>Daripada jumlah tersebut sebahagian beras subsidi yang dibekalkan adalah beras putih import 5% dari negara Vietnam, Thailand, Pakistan dan India. Kuantiti beras import berbanding jumlah pembekalan beras subsidi adalah 269,826 (43%) mt bagi tahun 2012, 313,749 (48%) mt bagi tahun 2013 dan 261,568 (40.7%) mt bagi tahun 2014.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015</b></p> <p><i>Di Semenanjung Malaysia, beras putih import 5% hanya diguna dalam keadaan pengeluaran Beras ST15% oleh Kilang Beras BERNAS (KBB) dan Pengilang Bumiputera (SUMK) tidak mencukupi untuk menampung keperluan Program Government Subsidised Rice (GSR). Bagaimanapun mulai Jun 2014, beras tempatan telah mula digunakan sepenuhnya (100%) di Semenanjung Malaysia bagi program GSR.</i></p> <p><i>Di Negeri Sabah dan Sarawak, bekalan beras bagi program GSR dibuat menggunakan sepenuhnya (100%) beras putih import 5% memandangkan BERNAS tidak mempunyai kilang padi di negeri tersebut. Selain itu, jumlah pengeluaran padi dan penghasilan beras tempatan oleh pengilang swasta di Negeri Sabah dan Sarawak adalah sangat minima.</i></p>	Kekal dengan maklumbalas sedia ada.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.1.3	<p><b>Penggunaan Beras Putih Import 5% (845,143 MT) Untuk Bekalan Beras Subsidi</b></p> <p>Mengikut kelulusan Jemaah Menteri pada 6 Ogos 2008 dan memo kelulusan YB Menteri pada 27 Mac 2009, subsidi akan dibayar kepada pengilang-pengilang padi dan BERNAS bagi mengeluarkan beras ST15% di Semenanjung Malaysia dan beras tempatan di negeri Sabah dan Sarawak. Mengikut Perintah Beras (Kawalan Gred Dan Harga) (Pindaan) 1998 [P.U. (A) 408], beras Super (Tempatan) adalah beras yang diperolehi daripada padi yang ditanam di Malaysia dan termasuk beras Super (Tempatan) yang mengandungi apa-apa peratus kandungan beras Super (Import). Super (Import) adalah beras yang diperolehi dari luar Malaysia. Semakan Audit ke atas Laporan Jualan bagi tahun 2012 hingga 2014 mendapati beras putih import 5% sebanyak 216,960 mt sebagai penggantian beras ST15% di Semenanjung Malaysia, 326,197 mt untuk bekalan beras subsidi di Negeri Sabah dan 301,986 mt di Negeri Sarawak secara berterusan yang melibatkan bayaran subsidi sejumlah RM591.60 juta (RM700 x 845,143 mt) adalah tidak selari dengan dasar program kerana penggunaan beras putih import 5% hanya perlu dipertimbangkan sekiranya ketidakcukupan bekalan beras keluaran tempatan.</p> <p>Bagaimanapun, berdasarkan Perangkaan Padi Malaysia 2012 dan 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), pengeluaran beras di Semenanjung Malaysia dapat menampung keperluan beras subsidi sebanyak 480,000 mt setahun. Manakala pengeluaran beras di Negeri Sabah dan Sarawak mencapai 224,870 mt (93.7%) pada tahun 2012 dan 227,152 mt (94.7%) pada tahun 2013 berbanding keperluan beras tempatan sebanyak 240,000 mt setahun.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015</b></p> <p><i>Di bawah Dasar Jaminan Makanan Negara, adalah disasarkan tahap sara diri (SSL) beras sebagai makanan ruji negara adalah 100% menjelang tahun 2020. Selain bagi memastikan keselamatan makanan kepada rakyat, pengeluaran beras tempatan juga adalah penting bagi 180,000 petani yang pendapatannya bergantung kepada hasil padi. Sehubungan itu, penggunaan beras tempatan sepenuhnya di Semenanjung Malaysia adalah bagi mengutamakan industri tempatan sementara bekalannya di Negeri Sabah dan Sarawak adalah sedikit memandangkan pengeluaran beras tempatan di sana hanya dapat menampung 10% sahaja daripada keperluannya. Penggunaan</i></p>	Kekal dengan maklumbalas sedia ada.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>beras tempatan turut mengambil kira obligasi sosial bagi menjaga kepentingan para petani agar beras tempatan akan didahulukan penggunaannya dalam apa keadaan sekalipun.</i></p>	
7.5.1.4	<p><b>Kajian Cadangan Menggunakan Sepenuhnya Beras Import Untuk Bekalan Beras Subsidi Tidak Dijalankan</b></p> <p>Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Jun 2009 mengambil maklum bahawa dari segi jangka panjang MOA akan mengambil langkah untuk mengkaji cadangan menggunakan sepenuhnya beras import untuk bekalan beras ST15% sekiranya kos untuk mengimport adalah lebih murah berbanding menggunakan sumber tempatan. BERNAS telah mengimport beras putih 5% sebanyak 845,143 mt untuk bekalan beras subsidi bagi tempoh 3 tahun (2012 hingga 2014). Sebanyak 216,960 mt adalah untuk Semenanjung Malaysia, 326,197 mt untuk Negeri Sabah dan 301,986 mt untuk Negeri Sarawak. Semakan Audit mendapati MOA belum lagi menjalankan kajian cadangan menggunakan sepenuhnya beras import untuk bekalan beras ST15%.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015 Dan 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>MOA akan membuat kajian keberkesanan program beras subsidi ini disamping mengambil kira implikasi kewangan yang terlibat. Di bawah Dasar Jaminan Makanan Negara, adalah disasarkan tahap sara diri (SSL) beras sebagai makanan ruji negara adalah 100% menjelang tahun 2020. Selain bagi memastikan keselamatan makanan kepada rakyat, pengeluaran beras tempatan juga adalah penting bagi 180,000 petani yang pendapatannya bergantung kepada hasil padi. Sehubungan itu, penggunaan beras tempatan sepenuhnya di Semenanjung Malaysia adalah bagi mengutamakan industri tempatan sementara bekalannya di negeri Sabah dan Sarawak adalah sedikit memandangkan pengeluaran beras tempatan di sana hanya dapat menampung 10% sahaja daripada keperluannya. Penggunaan beras tempatan turut mengambil kira obligasi sosial bagi menjaga kepentingan para petani agar beras tempatan akan didahulukan penggunaannya dalam apa keadaan sekalipun.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan sesuatu program Kerajaan perlu sejajar dengan dasar/polisi pendekatan yang ditetapkan. Kajian yang dilaksanakan apabila terdapat perubahan akan membantu meningkatkan keberkesanan program dengan mengambil kira beberapa aspek seperti pengurusan</p>	<p>Di bawah Dasar Jaminan Makanan Negara, adalah disasarkan tahap sara diri (SSL) beras sebagai makanan ruji negara adalah 100% menjelang tahun 2020. Selain bagi memastikan keselamatan makanan kepada rakyat, pengeluaran beras tempatan juga adalah penting bagi 180,000 petani yang pendapatannya bergantung kepada hasil padi. Sehubungan itu, penggunaan beras tempatan sepenuhnya di Semenanjung Malaysia adalah bagi mengutamakan industri tempatan sementara bekalannya di negeri Sabah dan Sarawak adalah sedikit memandangkan pengeluaran beras tempatan di sana hanya dapat menampung 10% sahaja daripada keperluannya. Penggunaan beras tempatan turut mengambil kira obligasi sosial bagi menjaga kepentingan para petani agar beras tempatan akan didahulukan penggunaannya dalam apa keadaan sekalipun.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	program, pengurusan sosial, sistem penyampaian, <i>outcome</i> dan implikasi kewangan (Kerajaan, pengilang dan pemborong) termasuk penetapan harga jualan BERNAS dan amaun subsidi.	
7.5.1.5	<p><b>Pelaksanaan Program Melebihi Tempoh Asal 6 Bulan</b></p> <p>Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Ogos 2008 meluluskan pemberian subsidi kepada pengilang bagi pengeluaran bekalan beras ST15% untuk tempoh 6 bulan. Program ini telah dilaksanakan dalam tempoh Fasa I selama 6 bulan mulai 1 September 2008 hingga 28 Februari 2009 dan disambung satu bulan sehingga 31 Mac 2009. Pada bulan Mac 2009, MOA telah mendapat kelulusan YB Menteri bagi melaksanakan program ini dalam Fasa II bermula pada 1 April 2009 hingga 30 September 2009 berdasarkan memo Bahagian IPB bertarikh 27 Mac 2009. Memo tersebut juga menyatakan bahawa pihak Kerajaan akan mengkaji kesesuaian sama ada program subsidi perlu dilanjutkan atau sebaliknya selepas tempoh tersebut. Semakan Audit mendapati tiada kajian yang dijalankan oleh MOA selepas tamat tempoh Fasa II dan sehingga kini program masih dilaksanakan berdasarkan kelulusan peruntukan tahunan.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015 Dan 21 Oktober 2015</b></p> <p><i>MOA akan menyediakan satu memorandum jemaah menteri bagi mencadangkan mekanisme baru bagi program ini yang dijangka akan dibentang pada Disember 2015. Bagaimanapun, peruntukan untuk program ini telah diluluskan dalam Bajet 2010 yang telah pun melalui proses permohonan bajet yang berkuat kuasa.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan program adalah tidak cekap dan tidak berkesan sekiranya golongan berpendapatan rendah masih tidak terjamin mendapat manfaat daripada program Kerajaan. Ini adalah kerana, satu mekanisme penjualan atau pengagihan beras yang berharga lebih murah kepada golongan sasaran yang sepatutnya belum diwujudkan dan masih belum dapat dilaksanakan di peringkat peruncit secara berkesan sejak tahun 2009.</p>	Kekal dengan maklum balas sedia ada.
7.5.2	<p><b>Pencapaian Prestasi Kewangan Program</b></p> <p>MOA membelanjakan sejumlah RM3.22 bilion (96.56%) daripada peruntukan yang telah dikemas kini berjumlah RM3.34 bilion bagi tempoh tahun 2008</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>hingga 2014 untuk program subsidi harga beras. Peruntukan tahun 2010 hingga 2014 dikemas kini dengan pengurangan/penambahan (virement) sejajar dengan perbelanjaan.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015</b></p> <p><i>Berdasarkan lab yang telah diadakan, MOA bersetuju untuk mencadangkan program subsidi beras sedia ada dengan mekanisme baru bantuan Kerajaan iaitu bantuan kewangan terus kepada golongan sasaran. Golongan sasaran ini akan dikenal pasti melalui satu kaedah penentuan berdasarkan pendapatan per kapita isi rumah sama ada melalui senarai BR1M atau senarai e-kasih, yang akan diperhalusi kewajarannya dan kesesuaiannya.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, peruntukan yang ditetapkan dalam belanjawan adalah asas kepada keberkesanan sistem penyampaian Kerajaan. Pencapaian <i>output</i> berdasarkan peruntukan yang diluluskan memberi jaminan kepada pencapaian objektif program yang lebih komprehensif dan berkesan.</p>	
7.5.3.1.a	<p><b>Pengurusan Program Subsidi Harga Beras - Pemilihan Pemborong Beras Subsidi ST15% Dan S15% - Lesen Borong Yang Tamat Tempoh Masih Diluluskan Kuota</b></p> <p>Lesen yang dikeluarkan di bawah peraturan 5(a), Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 hendaklah sah bagi tempoh kuota pembekalan beras ST15% dan S15% yang diluluskan. Semakan Audit mendapati kelulusan kuota sebanyak 1,259 mt bagi bulan September 2014 telah diberi kepada 23 pemegang lesen borong yang telah tamat tempoh lesen borong.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015</b></p> <p><i>MOA mengakui perkara ini telah berlaku pada masa lepas kerana rekod perlesenan tidak dikemas kini. MOA telah mengambil tindakan mengemas kini senarai perlesenan dan pemberian kuota hanya diberi kepada pemborong yang memenuhi syarat program termasuk tempoh sah lesen. Penetapan kuota telah mengambil kira status lesen pemborong. Semua pemborong yang telah tamat tempoh lesen digugurkan daripada program/ditahan sehingga lesen diperbaharui.</i></p>	<p>Pengagihan kuota hanya diberikan kepada pemborong yang memenuhi semua syarat program termasuk tempoh sah lesen.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, tindakan pembetulan yang telah diambil perlu sentiasa diamalkan. Ini adalah kerana pemberian kuota kepada pemborong yang tiada lesen/tamat tempoh lesen boleh mengakibatkan tindakan tidak boleh diambil jika pemborong mungkir sesuatu terma kerana kriteria pemilihan pemborong pada asasnya tidak sah dari segi perundangan.</p>	
<p><b>7.5.3.1.b</b></p>	<p><b>Peruntukan Kuota Khas Bulanan Tanpa Melalui Proses Pemilihan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati, pelantikan pemborong melalui kuota khas tidak melalui proses penilaian oleh jawatankuasa tetapi ia sekadar mengesahkan (endorse) pemborong yang telah pun ditetapkan. Bilangan pemborong yang dilantik dengan kuota khas ini adalah antara 43 hingga 110 (secara bulanan) melibatkan 128,600 mt bagi tempoh bulan Januari 2012 hingga Februari 2013 dan Julai 2013 hingga April 2014. Bermula dari bulan Mei 2014 sehingga Disember 2014 senarai pemborong di bawah kuota khas tidak dapat dikenal pasti kerana tiada rekod yang menunjukkan pembahagian kategori kuota.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015</b></p> <p><i>MOA mengakui pembahagian kuota khas tersebut tidak melalui proses pemilihan dan ianya ditentukan berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh YB Menteri sehingga April 2014. MOA telah mengambil langkah penambahbaikan dalam melaksanakan program ini bermula Oktober 2014 seperti berikut:-</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. Penambahbaikan ke atas Garis Panduan Pelaksanaan Program Beras Subsidi ST15% Standard Of Procedure (SOP) kriteria pemilihan pemborong yang layak dan SOP Program Pengedaran Beras Subsidi ST15%;</i></li> <li><i>ii. Penubuhan Jawatankuasa Induk Mengenai Hal Ehwal Industri Padi Dan Beras yang bertanggungjawab untuk mempertimbangkan permohonan;</i></li> <li><i>iii. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal yang bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan ke atas semua pemborong yang memohon; dan</i></li> <li><i>iv. Penguatkuasaan dan pemeriksaan setiap bulan ke atas pemborong sehingga ke peringkat peruncit yang menerima edaran daripada pemborong.</i></li> </ol>	<p>Mulai Oktober 2014, semua pengagihan kuota diputuskan oleh Jawatankuasa Induk Mengenai Hal Ehwal Industri Padi Dan Beras mengikut semua syarat program dan kriteria yang ditetapkan. Pemilihan juga dirujuk dengan laporan JK Teknikal yang membuat pemeriksaan di premis pemborong yang memohon.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.3.1.c	<p><b>Pemborong Tidak Menjalankan Perusahaan Beras</b></p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati pemborong BL Global Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu, Sabah telah dilantik melalui kuota khas bermula Mei 2012 dan masih menerima kuota hingga Jun 2015 dengan jumlah kuota sebanyak 2,690 mt bagi tempoh tersebut. Lawatan Audit bersama-sama pegawai Cawangan KPB Kota Kinabalu pada 30 Jun 2015 ke premis perniagaan BL Global Sdn. Bhd. di Lot 36, KKIP Export Oriented Industrial Zone, Phase 2, Menggatal, Kota Kinabalu, Sabah (alamat seperti yang dinyatakan di <i>Delivery Order</i> dan <i>Invois Beras Corporation Sdn. Bhd.</i>) mendapati pemborong ini tidak menjalankan perusahaan borong beras di premis perniagaan tersebut. Menurut pegawai KPB Kota Kinabalu, mereka tidak dapat mengesahkan kewujudan stok beras subsidi, peralatan pengampitan, pekerja pemborong dan stor. Selain itu, pemborong tersebut tidak pernah mengemukakan Akaun Harian Khas Bagi Belian dan Jualan Beras Subsidi dan Akaun Stok Dalam Tangan bagi tempoh bulan Mei 2012 hingga Jun 2015 kepada Cawangan KPB Kota Kinabalu.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015</b></p> <p><i>Perkara ini diakui berlaku dan tindakan telahpun diambil melalui pemeriksaan rutin penguatkuasaan. Pemborong yang melanggar akujanji program telahpun diberi amaran/digugurkan dari program/dikurangkan kuota. Berdasarkan laporan KPB Sabah didapati pemborong BL Global Sdn. Bhd. tidak menjalankan perusahaan beras subsidi dan MOA telah mengambil tindakan dengan menggugurkannya dari program ini.</i></p> <p><i>Bagi menambahbaik kaedah pemilihan, MOA telah mewujudkan Jawatankuasa Teknikal (JT) bagi menyemak semua pemborong di bawah program ST15% pada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bil. 2/2015. Antara lain, jawatankuasa yang terdiri daripada wakil Jabatan Pertanian Malaysia (DOA), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah melaksanakan pemeriksaan pengesahan kelayakan pemborong seperti stor, mesin pengampit, forklift dan pengangkutan. Hasil pemeriksaan JT telah dilaporkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk bermula dari mesyuarat Bil. 3/2015 dan pemborong yang tidak layak telah digugurkan daripada program.</i></p>	Kekal dengan maklum balas sedia ada.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pelantikan pemborong tanpa melalui proses pemilihan berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh jawatankuasa adalah satu penyalahgunaan kuasa. Dengan cara sedemikian ia boleh mengakibatkan pemborong yang tidak berkelayakkan memperolehi kuota beras subsidi yang seterusnya boleh menjejaskan objektif program dan sistem penyampaian program Kerajaan.</p>	
<p><b>7.5.3.1.d</b></p>	<p><b>Pengagihan Kuota Tidak Setimpal Dengan Kelayakan Pemborong</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Induk Mengenai Hal Ehwal Industri Padi dan Beras tidak mengagihkan kuota mengikut keupayaan syarikat dari segi pemilikan peralatan, pengampitan beras dan bilangan pekerja pemborong. Sebagai contoh, Tan Kien Chong (S) Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu, Sabah yang mempunyai bilangan pekerja dan berkeupayaan pengampitan beras yang tinggi iaitu 15 mt/sejam hanya diluluskan kuota sebanyak 10 mt sebulan sahaja berbanding dengan lain-lain pemborong. Selain itu, BL Global Sdn. Bhd. di Kota Kinabalu, Sabah yang diluluskan 200 mt sebulan didapati premis pemborong berkenaan tidak beroperasi.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pengagihan kuota bukanlah mengikut kapasiti mesin yang dimiliki oleh pemborong, sebaliknya berdasarkan keupayaan minima setiap pemborong dan mengikut daerah. Pemborong K.E.K. Trading; YHL Trading; dan Tan Kien Chong (S) telahpun disemak dan memenuhi syarat. Bagi BL Global pula, MOA telah menggugurkannya daripada program ini. Manakala, Mayang Technologies juga digugurkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Bil. 6/2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pengagihan kuota yang tidak selaras dengan keupayaan boleh mewujudkan persaingan tidak sihat dalam industri dan boleh mengakibatkan ketirisan serta kelemahan dalam sistem penyampaian.</p>	<p>Kekal dengan maklum balas sedia ada.</p>
<p><b>7.5.4</b></p>	<p><b>Beras Subsidi Tidak Mematuhi Spesifikasi Hancur Yang Ditetapkan Pengurusan Stor Dan Stok Beras</b></p> <p>Mengikut Fasal 7.1(a) syarat kontrak, pembekal hendaklah memastikan bekalan beras subsidi yang dibekalkan kepada pemborong mengikut jenis beras, kualiti, kuantiti dan spesifikasi (kandungan hancur 15% bagi beras tempatan dan 5% bagi beras putih import) yang ditetapkan. Sebanyak 16</p>	<p>Kementerian telah membuat penggredan secara rawak ke atas pengeluaran beras di pintu kilang di seluruh negara dan memastikan peratusan hancurnya menepati spesifikasi ST15%.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sampel Audit telah diambil dan dihantar ke <i>Quality Management Unit</i> di kilang atau Seksyen KPB Putrajaya untuk dianalisa spesifikasi hancur. Hasil analisa mendapati 14 (87.5%) sampel tidak mematuhi spesifikasi hancur yang disyaratkan iaitu 6 sampel melebihi spesifikasi hancur 15% bagi beras ST15% dan 8 sampel melebihi spesifikasi hancur 5% bagi beras putih import 5%.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015</b></p> <p><i>MOA mengawal kualiti beras ST15% di peringkat pengeluaran kilang BERNAS dengan setiap pengeluaran disaksikan dan disahkan oleh penguatkuasa KPB. Bagaimanapun, kawalan kualiti dijalankan secara pemerhatian rambang memandangkan kuantiti pengeluaran yang besar. Pemeriksaan spesifikasi hancur mengikut kaedah pengredan sebenar di premis pemborong dijalankan sekiranya menerima aduan daripada pemborong. MOA akan menambah baik SOP pengeluaran beras dengan memasukkan langkah pengredan secara rawak ke atas pengeluaran beras subsidi.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, spesifikasi hancur stok beras adalah tidak memuaskan kerana 14 daripada 16 sampel (87.5%) adalah melebihi spesifikasi hancur yang ditetapkan. Tahap spesifikasi hancur mengikut spesifikasi yang ditetapkan di peringkat kilang/gudang iaitu di peringkat awal proses pengagihan beras sekurang-kurangnya dapat memastikan pengguna pada akhirnya dapat membeli beras subsidi mengikut spesifikasi yang ditetapkan.</p>	
7.5.5.1	<p><b>Pemantauan - Perancangan Pemantauan</b></p> <p>Perancangan pemantauan hendaklah berasaskan dasar Kerajaan supaya sistem penyampaian program dapat dipertingkatkan di samping memastikan Kerajaan memperoleh <i>best value for money</i> terhadap setiap perbelanjaannya. Selain itu perancangan pemantauan yang komprehensif dan tepat akan membantu pencapaian <i>outcome</i> sesuatu objektif program secara berkesan. Semakan Audit mendapati, IPB, MOA telah mengeluarkan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bagi Pengawalan Padi dan Beras Bilangan 3/2014 berkuat kuasa mulai 1 April 2014 bertujuan untuk mengatasi masalah ketirisan bekalan beras subsidi dan seterusnya memastikan pendedaran beras tersebut sampai ke golongan sasaran dengan lebih berkesan.</p>	<p>Bahagian IPB telahpun mengemukakan permohonan kepada Bahagian Sumber Manusia bagi memenuhi kekosongan perjawatan di Seksyen KPB pada 27 Oktober 2015, termasuk proses kenaikan pangkat dan eksasais pusingan kerja (<i>job rotation</i>).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
7.5.5.2	<p><b>Pelaksanaan Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan oleh Seksyen KPB dilaksanakan melalui mesyuarat Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Dan Pelaksanaan Program Beras Subsidi (JPPPBS) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah pengawalan padi dan beras di peringkat Ibu Pejabat. Di peringkat negeri pula, pemantauan dilakukan melalui pemeriksaan rutin oleh pegawai KPB ke atas stok beras termasuk beras ST15% dan S15% di premis dan stor pengilang, pemborong dan peruncit.</p> <p>Selain itu, siasatan/pemeriksaan berkaitan beras juga dilaksanakan oleh Seksyen KPB mengikut Akta Kawalan Padi Dan Beras 1994. Pegawai KPB yang diberi kuasa boleh memasuki premis untuk menjalankan apa-apa penyiasatan dan pemeriksaan sebagaimana yang difikirkannya perlu. Pada tahun 2014, Seksyen KPB di peringkat Ibu Pejabat Putrajaya dan 19 Cawangan KPB Negeri telah melakukan 1,908 penyiasatan dan pemeriksaan ke atas pemborong beras ST15% dan S15% di seluruh negara.</p> <p>Semakan Audit mendapati, pemantauan secara menyeluruh tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan kerana kekurangan kakitangan berbanding dengan jumlah pemborong dan peruncit yang perlu dipantau secara konsisten. Adalah didapati jumlah bilangan kakitangan KPB yang terlibat dalam pemantauan padi dan beras tidak mencukupi berbanding dengan jumlah pemegang lesen borong iaitu 1,907 dan 21,928 pemegang lesen runcit yang masih aktif dalam perusahaan pelbagai spesifikasi beras di seluruh negara. Di samping itu, pihak KPB Negeri juga kekurangan kenderaan bagi urusan pemantauan di mana kebanyakan KPB Negeri dan Cawangan hanya mempunyai 1 atau 2 kenderaan.</p> <p><b>Maklum Balas MOA Yang Diterima Pada 8 Oktober 2015</b></p> <p><i>MOA telahpun mengemukakan permohonan penstrukturan semula dan telahpun diluluskan pada Oktober 2014. Bagaimanapun, kelulusan tersebut tidak dapat dipenuhi sepenuhnya kerana kekangan peruntukan Kerajaan dan dasar semasa yang tidak membenarkan pertambahan perjawatan. Pertambahan kenderaan juga dibekukan berdasarkan dasar penjimatan semasa.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan oleh pihak MOA ke atas pelaksanaan program subsidi harga beras secara keseluruhan adalah memuaskan berdasarkan kapasiti sumber manusia dan kenderaan yang sedia ada.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Bagaimanapun, bilangan kakitangan dan kenderaan terutamanya di KPB Negeri dan Cawangan yang lebih ideal akan memastikan sistem pemantauan yang lebih berkesan.	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**Jabatan Kemajuan Orang Asli**

**Perenggan 8 : Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>8.5.1</b></p> <p><b>8.5.1.1</b></p>	<p><b>Prestasi Program</b></p> <p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>Bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2014, sejumlah RM265.47 juta telah diperuntukan bagi melaksanakan PPT, PPE, PPS dan PBR. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM254.01 juta (95.7%) telah dibelanjakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan adalah baik kerana JAKOA telah berjaya membelanjakan 95.7% daripada peruntukan yang diberikan.</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 8.5.1.2.</p>
<p><b>8.5.1.2</b></p>	<p><b>Prestasi Fizikal</b></p> <p>Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2014, sebanyak 3,858 projek telah disasarkan. Dari jumlah yang disasarkan itu sebanyak 4,464 projek (115.7%) telah berjaya dilaksanakan. Sementara itu, secara keseluruhannya sebanyak 606 (15.7%) telah dilaksanakan melebihi daripada yang disasarkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi fizikal adalah sangat baik kerana projek telah dilaksanakan melebihi sasaran yang ditetapkan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>JAKOA sentiasa membuat penilaian semula bilangan projek yang boleh dan mampu dilaksanakan setiap 6 bulan berasaskan kepada peruntukan sedia ada dan peruntukan tambahan yang diterima dari semasa ke semasa.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>8.5.2</b></p>	<p><b>Statistik Kejayaan Kerjaya Masyarakat Orang Asli</b></p> <p>Satu kajian mengenai kejayaan masyarakat Orang Asli telah dijalankan oleh pihak JAKOA dan kedudukan sehingga tahun 2015 menunjukkan dari 5,397 masyarakat Orang Asli yang bekerjaya, didapati 3,420 (63%) adalah di sektor Awam sementara 1,977 (37%) di sektor swasta. Sebanyak 53% daripada masyarakat Orang Asli telah berkhidmat dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), 11% berkhidmat di bawah JAKOA, 25% berkhidmat sebagai Polis Diraja Malaysia (PDRM), 10% di Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) dan 1% sebagai Angkatan Tentera Malaysia (ATM).</p> <p>Pada pendapat Audit, dengan adanya program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh JAKOA telah membuka ruang dan peluang kepada masyarakat Orang Asli untuk memilih pelbagai bidang kerjaya.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>Statistik ini diperolehi melalui penyelarasan semula Data Maklumat Kerjaya Orang Asli dengan kerjasama erat bersama agensi seperti Jabatan Tenaga Kerja, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan serta lain-lain agensi berkaitan.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 8.5.2.</p> <p>Sehingga kini belum ada statistik terkini.</p>
<p><b>8.5.3</b></p> <p><b>8.5.3.1</b></p> <p><b>8.5.3.1.b</b></p>	<p><b>Pentadbiran Kontrak</b></p> <p><b>Tempoh Lanjutan Masa</b></p> <p>Semakan Audit mendapati lanjutan masa bagi dua kerja sebutharga di dua buah negeri yang bernilai RM220,000 dan RM424,500 tidak diluluskan oleh Jawatankuasa Sebutharga sebaliknya diluluskan oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah JAKOA negeri sahaja. Kerja yang dimaksudkan adalah membina rumah PBR dan membina jalan premix. Semakan lanjut mendapati tiada bukti menunjukkan penurunan kuasa dibuat kepada kedua-dua Pengarah dan Timbalan Pengarah bagi tujuan meluluskan lanjutan masa tersebut. Kelulusan yang diberi oleh pihak yang tidak diturunkan kuasa boleh mengakibatkan keputusan yang diambil itu dipertikaikan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelulusan yang dilakukan oleh pihak yang tidak diberi kuasa boleh menjejaskan integriti keputusan yang diambil.</p>	<p>JAKOA akur bahawa pelanjutan masa kontrak bagi projek di negeri Pahang, Perak dan Johor tidak mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Sebutharga. Berkaitan perkara tersebut, satu surat arahan bertarikh 17 Ogos 2015 telah dikeluarkan kepada semua pengarah negeri memaklumkan bahawa pelanjutan masa kontrak bagi sebutharga dan kerja-kerja undi diputuskan oleh Jawatankuasa Sebutharga berdasarkan penurunan had kuasa melulus yang telah ditetapkan oleh Pegawai Pengawal.</p> <p>JAKOA akan memastikan kebenaran pelanjutan masa dibawa dalam Jawatankuasa Sebutharga untuk pertimbangan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>JAKOA akur bahawa pelanjutan masa kontrak bagi projek di negeri Pahang, Perak dan Johor tidak mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Sebutharga. Surat arahan telah dikeluarkan kepada semua pengarah negeri memaklumkan bahawa pelanjutan masa kontrak bagi sebutharga dan kerja-kerja undi diputuskan oleh Jawatankuasa Sebutharga berdasarkan penurunan had kuasa melulus yang telah ditetapkan oleh Pegawai Pengawal.</i></p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u>  <i>Sebagai langkah penambahbaikan, JAKOA akan memastikan kebenaran pelanjutan masa akan diberikan selepas dibawa di dalam Jawatankuasa Sebutharga.</i></p>	
8.5.3.2	<p><b>Pengurusan Insurans</b></p> <p>Sebagaimana dinyatakan dalam klausa 15.1 dokumen kontrak, polisi insurans yang disediakan oleh kontraktor perlu meliputi tempoh sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Semakan Audit mendapati polisi insurans bagi 13 Projek BAT tidak dilanjutkan sehingga Tempoh Tanggungan Kecacatan. Perkara ini berlaku adalah disebabkan pihak JAKOA telah terlepas pandang mengenai tempoh insurans tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh insurans yang tidak meliputi tempoh kecacatan tidak dapat menjamin kepentingan pihak Kerajaan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>JAKOA akur teguran pihak Jabatan Audit Negara. Tempoh insurans adalah meliputi tempoh kecacatan.</i></p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p><i>Bagi projek-projek akan datang, arahan akan diberikan kepada kontraktor agar polisi insurans meliputi tempoh kecacatan.</i></p>	<p>Projek BAT yang dilaksanakan oleh JAKOA adalah diselia oleh perunding yang dilantik meliputi tugas penyediaan perakuan pembayaran, insurans dan lain-lain dokumen yang berkaitan termasuk dokumen kontrak. Dokumen tersebut disemak oleh Jurutera (Awam) Gred J41 memandangkan JAKOA tidak mempunyai jawatan Juruukur Bahan.</p> <p>Bagi tempoh insurans, JAKOA telah mengambil langkah penambahbaikan di mana kontraktor telah mula menyediakan polisi insurans yang merangkumi Tempoh Tanggungan Kecacatan.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u>  Berkaitan 14 projek BAT yang dibangkitkan oleh pihak audit, JAKOA melalui Surat Rujukan JAKOA.B1.95/76 Jld.14 (23) bertarikh 24 Ogos 2015 mengarahkan semua kontraktor berkaitan untuk melanjutkan tempoh insurans meliputi tempoh tanggungan kecacatan. Sehingga kini, pihak kontraktor dalam proses penyediaan dokumen insurans tersebut dan siap sepenuhnya pada Januari 2016 bagi kesemua projek tersebut.</p> <p>JAKOA juga telah mengemukakan surat <i>trade off</i> kepada JKR bagi jawatan Penolong Jurutera Elektrik kepada Penolong Juruukur Bahan. Bagi projek-projek akan datang, JAKOA akan memastikan arahan diberikan kepada kontraktor agar polisi insurans meliputi tempoh kecacatan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>8.5.3.3</b></p> <p><b>8.5.3.3.1</b></p>	<p><b>Khidmat Perunding</b></p> <p><b>Kebenaran Menggunakan Khidmat Perunding</b></p> <p>Mengikut Pekeliling Kerajaan Malaysia (PK) 3.1/2013, Perenggan 3.1.1.1, semua Jabatan Bukan Teknik hendaklah merujuk kepada Jabatan Teknik dengan mengemukakan maklumat lengkap mengenai projek sebelum pelantikan perunding. Semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pelantikan perunding bagi Projek BAT ada dirujuk kepada Jabatan Teknik sebaliknya hanya mendapat kelulusan daripada KKLW. Bagaimanapun pihak JAKOA hanya merujuk kepada Jabatan Teknik (Jabatan Kerja Raya) bermula pada 25 September 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, rujukan kepada Jabatan Teknik hendaklah dilakukan bagi memastikan segala syarat yang telah ditetapkan dalam pekeliling Kerajaan dipatuhi.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>JAKOA akur akan teguran pihak JAN. Walau bagaimanapun, tindakan pembetulan telah dilaksanakan mulai 25 September 2014 dan JAKOA akan terus mematuhi prosedur yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.</i></p>	<p>JAKOA akur akan teguran pihak JAN. Berkaitan teguran tersebut, tindakan pembetulan telah dilaksanakan oleh JAKOA mulai 25 September 2014 dan JAKOA akan terus mematuhi prosedur yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.</p>
<p><b>8.5.3.3.2</b></p>	<p><b>Laporan Penilaian Prestasi</b></p> <p>Mengikut PK 3.2/2013 Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan penilaian prestasi perunding dibuat pada setiap perkhidmatan yang telah dilaksanakan oleh perunding dan hendaklah direkodkan ke dalam sistem e perunding. Semakan Audit mendapati sehingga pemeriksaan Audit pada Jun 2015, JAKOA belum menyediakan Laporan Prestasi Perkhidmatan Perunding bagi kesemua perunding yang dilantik bagi tujuan Projek BAT.</p> <p>Pada pendapat Audit, tanpa mengemukakan Laporan Penilaian Prestasi, maka prestasi perunding yang dilantik tidak dapat dinilai.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>JAKOA melaksanakan Penilaian Perunding hanya selepas projek telah siap dilaksanakan.</i></p>	<p>JAKOA telah mula membuat penilaian terhadap perunding bagi semua projek yang terlibat.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>Tindakan Penambahbaikan</u> Sebagai tindakan penambahbaikan, mulai September 2015 JAKOA akan membuat Laporan Prestasi Perkhidmatan Perunding.</p>	
<p><b>8.5.3.4.b</b></p>	<p><b>Penyenggaraan Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati klausa penyenggaraan selepas projek siap bagi semua kontrak Projek BAT hanya diletakkan secara umum di dalam <i>Bill Of Quantity</i> (BQ) di bawah tajuk penyenggaraan dan operasi. Maklumat seperti tarikh mula penyenggaraan dan tahap perkhidmatan tidak dinyatakan dengan jelas. Tanpa maklumat tersebut adalah sukar untuk mengesahkan tahap perkhidmatan yang telah dan akan diberikan oleh pihak kontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, tahap perkhidmatan yang dinyatakan dalam bentuk SLA akan memudahkan semakan dilakukan ke atas perkhidmatan yang sepatutnya dan yang telah diberikan oleh pihak kontraktor. Ini juga boleh memastikan bahawa kepentingan pihak Kerajaan terjamin.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p>i. JAKOA akur akan teguran bahawa elemen SLA perlu dimasukkan dalam kontrak pembekalan utiliti.</p> <p>ii. Berkaitan dengan tarikh penyenggaraan pula, tarikh mula penyenggaraan adalah selepas CPC dikeluarkan.</p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p>JAKOA telah mula menyediakan deraf <i>supplementary contract</i> penyenggaraan dengan memasukkan elemen SLA. Deraf ini akan dipanjangkan kepada Penasihat Undang-Undang KKLW dengan segera untuk semakan dan kelulusan sebelum dilaksanakan oleh JAKOA.</p>	<p>JAKOA telah menyediakan deraf <i>supplementary contract</i> penyenggaraan dengan memasukkan elemen SLA. Deraf dokumen ini telah dikemukakan kepada PUU, KKLW pada 7 Oktober 2015.</p> <p>Bagi projek yang telah dilaksanakan, tarikh mula penyenggaraan adalah selepas tarikh CPC dikeluarkan. Pada masa yang akan datang, JAKOA akan memasukkan tarikh mula penyenggaraan di dalam dokumen kontrak.</p>
<p><b>8.5.3.5</b></p>	<p><b>Perakuan Integrity Pact</b></p> <p>Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dalam perolehan Kerajaan telah dikuatkuasakan melalui Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) yang bertarikh 28 Februari 2009 yang mana semua Agensi Kerajaan dikehendaki untuk memasukkan Klausa Peringatan Kesalahan Rasuah dalam Surat Setuju Terima dan Dokumen Perolehan yang mana melibatkan pembida yang berjaya. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 10 Tahun 2010 dan Pekeliling Perbendaharaan</p>	<p>Tambahan kepada maklumbalas pada 22 Ogos 2015, JAKOA telah mengadakan kursus berkaitan tatacara perolehan pada 7 Oktober 2015 bagi pegawai yang terlibat dengan perolehan di Ibu Pejabat JAKOA. Lebih kurang 60 orang pegawai telah menghadiri kursus ini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Malaysia PK 1/2013 telah memperluaskan lagi pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> ini sehingga ke pelbagai peringkat proses perolehan. Ini adalah bagi memastikan semua perolehan Kerajaan dilaksanakan dengan lebih telus dan seterusnya mengelakkan dari berlakunya pembaziran serta penyalahgunaan kuasa. Sebanyak lima Pejabat JAKOA telah dilawati dan ini melibatkan 80 perolehan sampel Sebutharga/Tender. Setiap satu perolehan tersebut melibatkan antara 376 hingga 911 lampiran pematuhan <i>Integrity Pact</i> yang perlu dilengkapkan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Pekeliling berkaitan. Semakan Audit mendapati kesemua lima Pejabat JAKOA mematuhi <i>Integrity Pact</i> antara 2.9% hingga 19.5%.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> ini hendaklah dikuatkuasakan memandangkan ia adalah salah satu daripada 7 inisiatif di bawah <i>National Key Result Area - Corruption</i> yang bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan membendung gejala rasuah dalam perolehan Kerajaan. Penguatkuasaannya juga boleh mengelakkan berlakunya pembaziran serta penyalahgunaan kuasa.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>i. JAKOA akur dengan teguran JAN. Perkara ini berlaku kerana kurangnya kefahaman dan pendedahan berkaitan integrity pact oleh pegawai yang terlibat dengan perolehan.</i></p> <p><i>ii. JAKOA telah menyemak kedudukan terperinci integrity pact yang telah dikemukakan oleh pihak Audit.</i></p> <p><u>Tindakan Penambahbaikan</u></p> <p><i>i. Sebagai penambahbaikan dan mengelak perkara yang sama berulang, JAKOA akan menganjurkan kursus-kursus yang berkaitan bagi pegawai-pegawai yang menguruskan perolehan kewangan di peringkat negeri dan ibu pejabat.</i></p> <p><i>ii. Pihak pengurusan JAKOA juga telah memutuskan supaya sebuah pasukan naziran kewangan diwujudkan untuk membuat naziran di semua pejabat negeri.</i></p>	<p>Unit Latihan JAKOA juga telah memasukkan kursus perolehan di dalam dalam takwim latihan JAKOA 2016. Pelaporan kursus ini akan dimaklumkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Aset secara berkala mengikut kekerapan 4 kali setahun.</p> <p>Pasukan Naziran Kewangan telah diwujudkan dengan kerjasama Unit Integriti. Sehingga 30 September 2015, naziran telah diadakan di semua negeri kecuali di Negeri Kelantan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																
<p><b>8.5.4</b></p> <p><b>8.5.4.1</b></p> <p><b>8.5.4.1.1</b></p> <p><b>8.5.4.1.1.a</b></p>	<p><b>Program Pembangunan Sosial</b></p> <p><b>Projek Bekalan Air Terawat</b></p> <p><b>Pemasangan Meter Air</b></p> <p>Mengikut kontrak, setiap pemasangan menara tangki individu hendaklah disertakan dengan meter air. Kos bagi setiap meter adalah antara RM310 hingga RM645. Pemasangan meter adalah bertujuan untuk memantau penggunaan air di setiap rumah dimana mengikut rancangan, caj bayaran akan dikenakan ke atas individu selepas kontrak penyenggaraan ke atas sistem bekalan air terawat tamat. Semakan Audit mendapati harga bagi setiap satu meter berbeza. Kriteria pemilihan jenis meter juga tidak dinyatakan di dalam kontrak.</p>	<p><b>Ulasan Auditi</b></p> <p>Pada peringkat awal pelaksanaan Projek BAT, JAKOA bercadang untuk menyerahkan kerja-kerja penyelenggaraan kepada masyarakat Orang Asli menerusi JKKKOA atau koperasi Orang Asli untuk diselenggara secara <i>community base</i> setelah kontrak penyelenggaraan tamat. Objektif pelaksanaan ini adalah bertujuan untuk melahirkan sifat tanggungjawab masyarakat Orang Asli dalam menguruskan kemudahan asas seperti bekalan air terawat yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan.</p> <p>Namun begitu kerja-kerja penyelenggaraan tersebut masih belum dapat diserahkan kepada JKKKOA atau koperasi memandangkan perkara tersebut masih lagi di bawah tanggungjawab kontraktor yang dilantik. Berdasarkan tujuh (7) kawasan yang terlibat sebanyak lima (5) kawasan yang masih di bawah tanggungjawab kontraktor dan belum diserahkan. Kawasan-kawasan yang terlibat adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="1198 895 2072 1321"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>ZON</th> <th>KONTRAKTOR</th> <th>TARIKH SERAH</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Zon B, Pahang</td> <td>Arashin Services Sdn Bhd</td> <td>10 Mac 2016</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Zon E, Pahang</td> <td>Sahib Enterprise</td> <td>23 Okt 2016</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Zon A, Perak</td> <td>Group Five Supply &amp; Services</td> <td>9 Julai 2016</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Zon C, Perak</td> <td>Axial Associates</td> <td>15 Feb 2016</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Mersing dan Kluang</td> <td>EFFA Enterprise</td> <td>1 Disember 2016</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>Hulu Selangor</td> <td>Ehiya Enterprise</td> <td>Tiada pemasangan meter air</td> </tr> <tr> <td>7.</td> <td>Selangor</td> <td>Puncak Alam</td> <td>Tiada pemasangan meter air</td> </tr> </tbody> </table>	BIL	ZON	KONTRAKTOR	TARIKH SERAH	1.	Zon B, Pahang	Arashin Services Sdn Bhd	10 Mac 2016	2.	Zon E, Pahang	Sahib Enterprise	23 Okt 2016	3.	Zon A, Perak	Group Five Supply & Services	9 Julai 2016	4.	Zon C, Perak	Axial Associates	15 Feb 2016	5.	Mersing dan Kluang	EFFA Enterprise	1 Disember 2016	6.	Hulu Selangor	Ehiya Enterprise	Tiada pemasangan meter air	7.	Selangor	Puncak Alam	Tiada pemasangan meter air
BIL	ZON		KONTRAKTOR	TARIKH SERAH																														
1.	Zon B, Pahang	Arashin Services Sdn Bhd	10 Mac 2016																															
2.	Zon E, Pahang	Sahib Enterprise	23 Okt 2016																															
3.	Zon A, Perak	Group Five Supply & Services	9 Julai 2016																															
4.	Zon C, Perak	Axial Associates	15 Feb 2016																															
5.	Mersing dan Kluang	EFFA Enterprise	1 Disember 2016																															
6.	Hulu Selangor	Ehiya Enterprise	Tiada pemasangan meter air																															
7.	Selangor	Puncak Alam	Tiada pemasangan meter air																															
<p><b>8.5.4.1.1.b</b></p>	<p>Semakan ke atas tujuh kawasan yang melibatkan 809 rumah mendapati, pemasangan meter Projek BAT di semua kawasan tersebut adalah tidak berfungsi. Memandangkan rancangan bagi pengenaan caj kepada individu belum disediakan oleh pihak JAKOA, maka pemasangan meter air individu bernilai RM315,860 tersebut boleh menyumbang kepada pembaziran.</p> <p>Pada pendapat Audit, dengan mengkaji semula keperluan untuk membekalkan meter air di setiap rumah di bawah Projek BAT, ianya dapat menyumbang kepada penjimatan wang Kerajaan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>JAKOA juga mengesahkan bahawa caj bayaran dicadang untuk dikenakan kepada individu selepas kontrak penyenggaraan tamat. Oleh itu, meter air diperlukan untuk dikenakan caj selepas kontrak penyenggaraan tamat. Bagaimanapun mulai tahun 2015, JAKOA telah mengambil langkah penambahbaikan dengan mengeluarkan item pemasangan meter di dalam dokumen tender yang sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Pemasangan meter air hanya akan dilaksanakan sekiranya terdapat permintaan daripada JKKKOA atau Koperasi untuk tujuan penyelenggaraan tersebut.</i></p>																																	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<p>Apabila penyerahan rasmi dibuat kepada JAKOA ketika itu, projek tersebut akan diserahkan kepada JKKKOA atau koperasi Orang Asli untuk diselenggarakan. Perkara ini adalah tertakluk kepada keupayaan dan kesediaan penduduk kampung yang terlibat untuk menguruskannya. Justeru, penggunaan meter adalah diperlukan untuk menentukan jumlah penggunaan air individu bagi JKKKOA ataupun Koperasi mengenakan caj kepada individu berdasarkan penggunaan.</p> <p>Mulai tahun 2015, JAKOA telah mengambil langkah penambahbaikan dengan mengeluarkan item pemasangan meter di dalam dokumen tender yang sedang dilaksanakan dan akan dilaksanakan. Pemasangan meter air hanya akan dilaksanakan sekiranya terdapat permintaan daripada JKKKOA atau koperasi untuk tujuan penyelenggaraan tersebut.</p>
8.5.4.1.2	<p><b>Pemasangan Sistem Rawatan</b></p> <p>Semakan ke atas komponen yang dibekalkan oleh 7 sampel pembekal mendapati berlaku perbezaan daripada segi komponen yang dibekalkan serta kos keseluruhan komponen. Semakan lanjut juga mendapati tiada penetapan mengenai kualiti jenis <i>filter</i> yang perlu dibekalkan. Tanpa penetapan tersebut, jaminan kualiti <i>filter</i> tidak dapat dipastikan dan ini boleh menyebabkan berlaku kerosakan sebelum tempoh hayat.</p> <p>Pada pendapat Audit, harga bagi setiap komponen di dalam satu-satu sistem rawatan air hendaklah diperincikan. Ini bagi memastikan agar terdapat keseragaman di dalam satu-satu perbelanjaan yang sama dan melalui keseragaman harga ini juga membolehkan kawalan ke atas satu-satu perbelanjaan itu dilakukan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Justifikasi penetapan komponen adalah berdasarkan kepada keluasan kawasan, bilangan rumah dan lokasi projek tersebut.</i></li> <li><i>ii. Harga bagi setiap komponen disediakan oleh pihak perunding.</i></li> <li><i>iii. JAKOA mengesahkan bahawa harga anggaran JAKOA dengan penender adalah rahsia dan dimasukkan dalam peti tender.</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Justifikasi penetapan komponen adalah berdasarkan kepada keluasan kawasan, bilangan rumah dan lokasi projek tersebut.</i></li> <li><i>ii. Kualiti dan kos bagi setiap komponen adalah disediakan dan diperakukan oleh pihak perunding yang dilantik oleh Jabatan.</i></li> <li><i>iii. Pihak perunding telah memperakui kualiti dan kos komponen dan disemak oleh Jurutera (Awam) Gred J41 memandangkan JAKOA tidak mempunyai jawatan Juruukur Bahan.</i></li> </ul> <p>JAKOA juga telah mengemukakan surat <i>trade off</i> kepada JKR bagi jawatan Penolong Jurutera Elektrik kepada Penolong Juruukur Bahan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>8.5.4.1.3</b></p>	<p><b>Penyaluran Bekalan Air Terawat</b></p> <p>Tangki dan menara tangki individu adalah antara yang dibekalkan di setiap rumah bagi melengkapkan Projek BAT. Sementara itu, bagi penempatan di bawah Program Bantuan Rumah (PBR), setiap rumah telah dilengkapi dengan tangki air di mana sumber airnya diperolehi dari air bukit dan tidak terawat. Semakan Audit mendapati, Projek BAT juga menyediakan tangki air seperti dalam skop bekalannya. Ini menyebabkan rumah-rumah tersebut memiliki 2 tangki air dan menerima bekalan air dari dua sumber. Memandangkan kos bagi tangki dan menara tangki individu adalah antara RM2,887 hingga RM5,025, boleh berlaku penjimatan sekiranya bekalan air terawat disalurkan terus ke tangki air sedia ada di setiap rumah PBR tanpa menggunakan tangki dan menara tangki individu tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembekalan kemudahan yang lengkap dan minima boleh menyumbang kepada penjimatan dan boleh menjurus kepada konsep ekonomi, cekap dan berkesan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>Bagi memudahkan penduduk mendapatkan bekalan air yang mencukupi, JAKOA telah melaksanakan satu sistem yang dinamakan sistem bekalan air pelbagai sumber. Justeru, sistem yang ada di luar rumah berfungsi sebagai tangki simpanan untuk menyimpan air sekiranya berlaku gangguan bekalan air seperti kerosakan paip utama dan sistem bekalan air itu sendiri.</i></p>	<p>Bagi memudahkan penduduk OA mendapatkan bekalan air yang mencukupi, JAKOA telah melaksanakan satu sistem yang dinamakan sistem bekalan air pelbagai sumber melalui 2 sumber iaitu sumber air bukit atau telaga tiub.</p> <p>Tangki yang dibekalkan di bawah PBR hanya berkapasiti 200 gelen / 0.75 meter padu manakala tangki yang dibekalkan di bawah Projek BAT adalah berkapasiti sehingga 150 gelen / 0.56 meter padu.</p> <p>Justeru, tangki di bawah Projek BAT adalah tangki pelengkap kepada tangki yang dibekalkan di bawah PBR. Ianya berfungsi sebagai tangki simpanan untuk menyimpan air memandangkan jumlah ahli isi rumah masyarakat Orang Asli adalah ramai. Di samping itu, ianya dapat membekalkan air sekiranya berlaku gangguan bekalan air seperti kerosakan sumber air, paip utama atau sistem bekalan air itu sendiri.</p>
<p><b>8.5.4.1.4</b></p> <p><b>8.5.4.1.4.a</b></p>	<p><b>Status Kenderaan Projek</b></p> <p>Semakan Audit ke atas kenderaan yang diperolehi melalui empat Projek BAT mendapati perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mengikut PK 4/2013 perenggan 10 (vii), kenderaan yang disediakan oleh kontraktor adalah milik kontraktor dan sentiasa di bawah kawalannya. Kenderaan dan peralatan projek hendaklah digunakan untuk tujuan rasmi sahaja dan hendaklah disimpan di pejabat tapak bina atau di agensi atau oleh kontraktor apabila tidak digunakan.</li> <li>ii. Semakan Audit mendapati bayaran <i>Preliminaries</i> bagi perolehan kenderaan projek kepada tiga kontraktor telah selesai. Bagaimanapun semakan lanjut ke atas surat hakmilik kenderaan tersebut mendapati</li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pemilik bagi dua kenderaan projek tersebut adalah pengurus kepada Group Five Supply &amp; Services Sdn. Bhd. yang merupakan kontraktor bagi Projek BAT Zon A di Perak sementara satu kenderaan adalah atas nama pengurus Syarikat UPC Builder &amp; Trade yang merupakan kontraktor bagi Projek BAT Zon D di Perak. Ini bermakna bayaran yang dilakukan ke atas perolehan kenderaan projek itu adalah tidak sempurna memandangkan hak milik kenderaan tersebut adalah bukan hak milik tiga syarikat yang dimaksudkan. Di samping itu walaupun CPC telah dikeluarkan, bagi ketiga-tiga projek Projek BAT tersebut, namun sehingga tarikh pengauditan, pihak JAKOA belum menyerahkan kenderaan tersebut kepada pihak kontraktor sebagaimana yang telah dinyatakan dalam PK 4/2013.</p> <p>iii. Kelemahan lain yang didapati adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• borang daftar kenderaan tidak disediakan;</li> <li>• pengesahan penerimaan kenderaan tidak disediakan;</li> <li>• Buku Log kenderaan tidak disediakan; dan</li> <li>• penggunaan kenderaan projek tidak dikawal.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, Pekeliling Kerajaan mengenai pengurusan kenderaan projek hendaklah dipatuhi agar tidak berlaku percanggahan kepentingan di samping imej Kerajaan sentiasa terpelihara.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p>i. JAKOA mengguna pakai Pekeliling Kewangan Tahun 1999 untuk pembelian kenderaan. Memandangkan pekeliiling baru PK 4/2013 telah berkuat kuasa maka JAKOA akur dengan pemakaian pekeliiling tersebut.</p> <p>ii. Status kenderaan – JAKOA akur bahawa semakan tidak dibuat terhadap pemilik ketiga-tiga kenderaan yang diserahkan kepada JAKOA.</p> <p>iii. Kenderaan projek diserahkan semula kepada kontraktor setelah tamat kontrak atas budi bicara.</p> <p>iv. Pembayaran kenderaan dibuat berdasarkan harga yang terkandung dalam Bill of Quantity (BQ).</p>	<p>JAKOA akur bahawa semakan terhadap pemilikan kenderaan bagi ketiga-tiga kenderaan tidak dilaksanakan semasa proses penyerahan kepada JAKOA. Berkaitan perkara tersebut, satu perbincangan penyelarasan telah diadakan bersama semua kontraktor berkenaan dan secara dasarnya semua kontraktor bersetuju untuk memindahmilik kenderaan kepada nama syarikat.</p> <p>Kenderaan projek akan diserahkan semula kepada pihak kontraktor setelah tamat kontrak termasuk kontrak penyelenggaraan.</p> <p>Pembayaran kenderaan dibuat berdasarkan harga yang terkandung dalam Bill of Quantity (BQ).</p> <p>JAKOA telah mula mewujudkan buku log kenderaan bagi projek BAT.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>Tindakan Penambahbaikan</u>            JAKOA akan memastikan setiap projek yang melibatkan pembelian kenderaan perlu mematuhi pekeliling kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dan telah mula mewujudkan buku Log Kenderaan bagi projek BAT.</p>	
8.5.4.2	<p><b>Pembinaan Jambatan Kg. Santeh, Kuala Kangsar, Perak</b></p> <p>Setiap perbelanjaan hendaklah mempunyai justifikasi keperluan serta peruntukan dan perbelanjaan tersebut hendaklah diluluskan. JAKOA negeri Perak telah membuat perolehan sebut harga bagi pembinaan sebuah jambatan gantung di Kg. Santeh, Kuala Kangsar, Perak berharga RM404,161 melalui sebutharga. Semakan Audit mendapati tiada justifikasi pembinaan jambatan dilakukan. Selain itu kontrak pembinaan jambatan itu telah ditamatkan oleh kerana kontraktor gagal menyiapkan projek dalam masa yang diberikan walaupun lanjutan masa telah diberi sehingga 17 Februari 2014. Sehingga ke tarikh pengauditan pada 15 Jun 2015 hanya sejumlah RM86,543.35 telah dibelanjakan sebagai bayaran <i>material on site</i> dan bayaran kemajuan 10%. Selain itu, didapati penamatan kontraktor hanya dilakukan sebulan selepas tempoh lanjutan masa dan status terkini jambatan yang terbengkalai tidak dinyatakan. Tiada sebarang denda dikenakan kepada pihak kontraktor atas kerja yang tidak siap itu selain dari hanya menamatkan kontrak kerja tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, justifikasi keperluan sesuatu kerja terutamanya yang melibatkan sebutharga dapat membantu memastikan yang kerja tersebut dapat diteruskan. Di samping itu keperluan peruntukan denda kepada kontraktor yang gagal melaksanakan kerja yang dinyatakan dalam kontrak sebutharga dapat membantu memastikan bahawa kerja dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>Projek Jambatan Kampung Santeh tidak dapat dilaksanakan pada ketika ini kerana terdapat batu-batu hampar yang besar dan tidak boleh dipecahkan untuk membina "pier" di kawasan pembinaan jambatan tersebut. Ini menyebabkan kos pembinaan bagi jambatan ini dijangka meningkat kepada RM1.3 juta. Pihak Pengurusan JAKOA membuat keputusan untuk mengemukakan bajet tambahan kepada EPU bagi meneruskan pelaksanaan projek ini.</i></p>	<p>Projek Jambatan Kampung Santeh tidak dapat dilaksanakan pada ketika ini kerana terdapat batu-batu hampar yang besar dan tidak boleh dipecahkan untuk membina "pier" di kawasan pembinaan jambatan tersebut. Ini menyebabkan kos pembinaan bagi jambatan ini dijangka meningkat kepada RM1.3 juta. JAKOA telah memohon peruntukan projek ini kepada EPU di bawah Program Bersepadu Sungai Siput bagi pelaksanaan pada tahun 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>8.5.5</b></p> <p><b>8.5.5.1</b></p> <p><b>8.5.5.1.1</b></p>	<p><b>Program Pembangunan Ekonomi</b></p> <p><b>Penanaman Getah</b></p> <p><b>Pengurusan Input Benih</b></p> <p>Pengurusan benih, teknik penanaman serta lokasi yang sempurna boleh menghasilkan pokok getah yang produktif dan baik. Inisiatif daripada peserta juga memainkan peranan dalam menjayakan penanaman getah yang tersusun dan sistematik. Semakan Audit mendapati penanaman anak getah secara konvensional (individu) oleh peserta adalah tidak tersusun. Ini disebabkan kurangnya pemantauan daripada Pengawai Pertanian JAKOA peringkat daerah. Keadaan ini menyebabkan anak pokok tidak hidup subur dan membesar.</p>	<p>i. Pemantauan JAKOA sentiasa memantau pertumbuhan pokok getah di projek Sg. Sendat dan Pos Bersih dan projek tanaman getah yang lain dengan melaksanakan bancian ukur lilit batang pokok (tapping cencus) bagi mendapatkan pertumbuhan pokok yang ideal termasuk mempercepatkan peremajaan pokok getah serta membuat penilaian tahunan untuk menentukan bantuan tahun berikut.</p> <p>ii. Inisiatif Peserta JAKOA memberikan insentif kepada peserta serta melaksanakan kursus antaranya teknik penanaman dan pengurusan pokok getah menggunakan khidmat tenaga pakar daripada pihak Lembaga Getah Malaysia (LGM) Ipoh bagi memberikan latihan secara <i>hands on</i> kepada peserta pada 26 hingga 29 Ogos 2014.</p>
<p><b>8.5.5.1.2</b></p>	<p><b>Pembelian Sulaman Benih Anak Getah</b></p> <p>Setiap perolehan yang melibatkan kos yang tinggi hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya. Semakan Audit mendapati sebanyak 34,580 benih anak getah bernilai RM250,705 telah diagihkan pada 20 Ogos 2013 di 7 kampung (144 peserta @ 240 anak benih/peserta) di Pos Banun, Grik, Perak bagi menggantikan anak getah yang telah dibekalkan pada tahun 2012 yang bernilai RM451,508 (424 anak benih/peserta) yang telah musnah akibat serangan gajah pada tahun 2013. Bagaimanapun lawatan Audit ke lokasi tersebut mendapati sebahagian besar anak getah tersebut juga telah musnah akibat serangan gajah liar pada tahun 2014. Semakan lanjut mendapati lokasi penanaman getah adalah tidak sesuai kerana kawasan tersebut merupakan kawasan pembuangan gajah liar.</p> <p>Pada pendapat Audit, bagi projek tanaman getah untuk masyarakat Orang Asli, perancangan yang rapi hendaklah disediakan bermula dari bekalan benih anak getah, nasihat teknikal yang berbentuk latihan sehingga ke peringkat pemantauan kerana ini dapat memastikan tidak berlaku pembaziran serta aktiviti dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, ekonomi dan berkesan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p>i. <i>Bagi projek Kg. Sg. Sendat, Hulu Selangor, teknik penanaman di bawah naungan pokok hutan pada kadar 70% sememangnya memberi kesan secara langsung terhadap pertumbuhan pokok getah kerana</i></p>	<p>Penjarangan Fasa Pertama di Kg. Sg. Sendat dijadualkan pada suku tahun pertama tahun 2016 (Q1 2016).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>berkemungkinan kekurangan cahaya matahari. JAKOA menghadapi kekangan untuk membersihkan segala pokok hutan yang ada kerana status tanah tersebut adalah hutan simpan milik Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.</i></p> <p><i>ii. Pada masa yang sama pokok-pokok hutan sedia ada akan dibuat penjarangan secara berperingkat bagi mengurangkan naungan terutama apabila pokok getah mencapai peringkat reproduktif (peringkat remaja getah).</i></p> <p><i>iii. Berkaitan dengan projek Pos Bersih, ladang yang kurang disenggara adalah disebabkan oleh komitmen peserta yang kurang disebabkan menumpukan kepada usaha menuai hasil kebun untuk pendapatan sampingan.</i></p> <p><i>iv. Serangan gajah terhadap tanaman getah di RPS Banun, Gerik telah bermula pada tahun 2013. Pada peringkat awal penanaman, tiada serangan gajah ke atas tanaman dilaporkan. Perkara ini disebabkan oleh penghijrahan gajah-gajah liar di kawasan berdekatan disebabkan oleh pagar elektrik yang dipasang oleh pihak PERHILITAN telah lama dan tidak berfungsi sepenuhnya.</i></p>	<p>Ladang Pos Bersih telah dan akan sentiasa diselenggara mengikut amalan agronomi. Penyelenggaraan seterusnya telah dibuat pada 21 Ogos 2015 iaitu selepas lawatan pihak Audit Negara.</p> <p>JAKOA dalam proses membeli 5 unit bateri baru untuk menaikkan voltan elektrik pagar bagi menghalang serangan gajah liar dengan lebih berkesan.</p>
<p><b>8.5.5.1.3</b></p>	<p><b>Pengurusan Baja</b></p> <p>Perolehan baja yang dilakukan oleh Jabatan hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya supaya dapat mengelak daripada pembaziran. Semakan Audit mendapati baja bagi dua projek Ladang Masyarakat Orang Asli (PLMOA) di Perak iaitu di Pos Bersih, Batang Padang yang dibekalkan pada 21 Ogos 2013 dan RPS Air Banum, Grik yang dibekalkan pada Mei 2013 tidak digunakan sepenuhnya. Ianya didapati terbiar dalam stor projek selama 22 hingga 25 bulan. Sehingga tarikh lawatan Audit pada 17 Jun 2015, baja di kedua-dua lokasi tersebut masih terletak di stor dan tidak digunakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan baja tanpa dirancang boleh mengakibatkan berlakunya pembaziran apabila bekalan baja melebihi keperluan.</p> <p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p><i>i. Stok baja yang dibekalkan adalah untuk tempoh pembajaan selama setahun. Berdasarkan kepada jadual pembajaan, kerja-kerja pada</i></p>	<p>Kesemua baja yang tidak digunakan semasa lawatan pihak Audit telah diagihkan untuk pembajaan. Baja di Pos Bersih telah diagihkan untuk pembajaan pada 22 Jun 2015. Baja di RPS Air Banum, Grik telah mula diagihkan secara peringkat ke kawasan yang tiada serangan gajah mulai bulan Julai 2015. Peringkat pembajaan dilakukan seperti berikut:</p> <p>Pusingan Pertama : 14 Julai 2015  Pusingan Kedua : 4 Ogos 2015  Pusingan Ketiga : 7 Oktober 2015  Pusingan Keempat: November atau Disember 2015</p> <p>Sebagai langkah penambahbaikan, JAKOA akan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ladang Masyarakat yang dijadualkan pada 28 Oktober 2015. Pegawai yang hadir ke mesyuarat ini perlu melaporkan baki stok baja di mesyuarat tersebut.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pusingan kedua sepatutnya dilaksanakan pada bulan Jun 2015. Walau bagaimanapun, kerja-kerja tersebut tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual disebabkan kawasan tidak disenggara dengan sempurna. Baja yang tidak digunakan didapati masih boleh digunakan kerana kerosakan adalah dari segi pembungkusan sahaja dan baja yang dianggap rosak tersebut sebenarnya masih mengandungi nutrien perlu dan tidak diuraikan melalui proses larut lesap (leaching), larian permukaan (run off) dan pemeruapan.</i></p> <p><i>ii. Bagi mengatasi masalah ini, baja tersebut telah digunakan untuk pembajaan pusingan kedua setelah kerja-kerja penyenggaraan siap dilaksanakan. Pada masa yang sama bagi kawalan dalaman, JAKOA akan mengemaskini prosedur pengurusan baja termasuk menetapkan arahan supaya pegawai di lapangan melaporkan baki stok baja di dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Ladang Masyarakat.</i></p>	
8.5.5.2	<p><b>Projek Ternakan Ikan</b></p> <p>Projek ternakan ikan dalam sangkar merupakan salah satu kegiatan ekonomi yang diperuntukan di bawah PPE JAKOA bagi menjana pendapatan masyarakat Orang Asli. Pemilihan peserta adalah berdasarkan kepada permohonan daripada penduduk. Semakan Audit mendapati daripada 16 peserta di tiga projek yang telah dipilih untuk melaksanakan projek ternakan ikan dalam sangkar, didapati hanya sebahagian sahaja yang aktif mengusahakannya. Dari tiga projek ternakan ikan dalam sangkar yang dilawati iaitu masing-masing satu projek di Kluang, Mersing dan Kota Tinggi dengan kos berjumlah RM149,999 hanya dua projek iaitu di Mersing dan Kota Tinggi masih meneruskan projek ternakan walaupun tidak membantu meningkatkan pendapatan penternak. Sementara projek di Kluang tidak dilaksanakan lagi. Berdasarkan maklumat dari JAKOA Negeri Johor, pendapatan hasil tiga projek tersebut bagi tempoh tahun 2012 hingga 2015 hanyalah berjumlah RM70,544.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengawasan dan bimbingan dari pihak JAKOA serta latihan ternakan yang mencukupi adalah antara faktor yang boleh menentukan kejayaan projek ternakan di kalangan masyarakat Orang Asli.</p>	<p>Pada masa akan datang, JAKOA akan memperhalusi pelaksanaan projek-projek ternakan supaya projek tersebut berdaya maju dan dapat membantu peserta secara kekal.</p> <p>Di samping itu, peserta projek pertanian dan penternakan ini akan diberikan latihan <i>hands holding</i> yang telah dirangka di bawah Pelan Strategik Jabatan 2016 – 2020 serta pemantauan berterusan akan dilaksanakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas JAKOA Yang Diterima Pada 22 Ogos 2015</b></p> <p>i. <i>Projek ternakan ini merupakan projek one-off yang telah dilaksanakan atas permintaan peserta.</i></p> <p>ii. <i>Projek penternakan ikan sememangnya diakui mempunyai risiko yang besar untuk di usahakan terutamanya kepada Orang Asli kerana melibatkan kerja-kerja yang rumit dari segi pengurusan kolam, pemakanan, penyakit dan penuaian hasil. Pada peringkat perancangan awal, projek ini didapati berpotensi untuk diusahakan di ketiga-tiga kampung memandangkan keadaan lokasi yang mempunyai sumber air sedia ada yang boleh ditebus guna untuk penternakan ikan di samping kegiatan ekonomi tradisi yang bergantung sepenuhnya kepada aktiviti berasaskan perikanan (nelayan darat dan laut).</i></p> <p>iii. <i>Dari segi aspek pemilihan peserta, JAKOA sememangnya telah menetapkan bahawa hanya pengusaha yang telah memulakan aktiviti penternakan sahaja diberikan keutamaan untuk diberikan bantuan. Melalui semakan juga didapati bahawa peserta yang dipilih telah turut menerima bantuan daripada Jabatan Perikanan dan FAMA seperti sangkar, benih ikan, makanan permulaan ikan (starter) dan khidmat pengembangan. Selain itu rata-rata peserta yang dipilih adalah merupakan ahli persatuan nelayan di kawasan masing-masing dan turut menikmati subsidi yang diberikan oleh LKIM.</i></p> <p>iv. <i>Kegagalan utama projek adalah disebabkan oleh kelemahan penternak untuk menguruskan aktiviti kewangan terutamanya untuk menyediakan modal pusingan (revolving funds) untuk menjalankan penternakan pusingan berikutnya. Kegagalan pengurusan kewangan projek menyebabkan projek tidak berdaya maju.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**Jabatan Pengaliran Dan Saliran Malaysia**

**Perenggan 9 : Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.5.1</b></p> <p><b>9.5.1.1</b></p> <p><b>9.5.1.1.b</b></p>	<p><b>Prestasi Projek</b></p> <p><b>Pencapaian Fizikal Projek</b></p> <p>Tarikh penyiapan asal bagi 5 projek yang diaudit adalah antara 24 hingga 48 bulan. Bagaimanapun semakan yang dijalankan mendapati tempoh penyiapan sebenar yang diambil bagi projek adalah antara 32 bulan hingga 99 bulan, di mana Lanjutan Masa (EOT) telah diberikan kepada kontraktor antara satu hingga 6 EOT. Kesemua projek didapati menghadapi masalah kemajuan pelaksanaan antaranya disebabkan kelewatan proses pengambilan tanah, halangan dan masalah di tapak projek, keadaan cuaca di tapak perubahan reka bentuk untuk disesuaikan dengan keadaan semasa di tapak dan kelewatan penyambungan elektrik.</p>	
<p><b>9.5.1.1.c</b></p>	<p>Semakan selanjutnya bagi projek RTB Sg. Kelantan Fasa 1 mendapati kontraktor masih belum menyiapkan projek sehingga tamat tempoh EOT 5 iaitu pada 31 Mac 2013. Sehubungan itu, Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan. Kontraktor telah diarahkan untuk menyiapkan baki kerja dan Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 29 Ogos 2013. Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM7.01 juta telah dikenakan terhadap kontraktor.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal keseluruhan projek RTB adalah memuaskan di mana sehingga 25 September 2015 sebanyak 133 (71.1%) projek di bawah RMKe-10 telah berjaya disiapkan. Didapati sampel projek yang diaudit menghadapi masalah kemajuan pelaksanaan. EOT diberikan sehingga 6 kali akibat kelewatan proses pengambilan tanah; halangan dan masalah di tapak projek; keadaan cuaca di tapak perubahan reka bentuk untuk disesuaikan dengan keadaan semasa di tapak dan kelewatan penyambungan elektrik.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bagi projek RTB Sg. Muda (Hulu) Pakej 2B, Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 28 September 2015 dan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dengan kadar RM61,878.00 telah dikenakan kepada kontraktor sepanjang tempoh kerja tidak disiapkan.</i></p>	<p>Kemajuan fizikal di tapak sehingga 15 Oktober 2015 ialah 99.94% projek dijangka dapat disiapkan pada November 2015.</p>
<p><b>9.5.1.2</b></p> <p><b>9.5.1.2.a</b></p>	<p><b>Pencapaian Kewangan Projek</b></p> <p>Di bawah RMKe-10, sejumlah RM3.35 bilion telah diperuntukkan untuk Rancangan Tebatan Banjir. Sehingga bulan Jun 2015, sejumlah RM2.74 bilion telah dibelanjakan dengan prestasi perbelanjaan sebanyak 81.8%. Jumlah peruntukan yang diluluskan bagi setiap negeri adalah antara RM5.24 juta hingga RM953.63 juta manakala prestasi perbelanjaan bagi setiap negeri adalah antara 58.6% hingga 97.3%.</p>	
<p><b>9.5.1.2.b</b></p>	<p>Kos kontrak sebenar bagi 5 projek yang diaudit adalah antara RM43.67 juta hingga RM458.06 juta manakala prestasi perbelanjaan bagi setiap projek adalah antara 14.49% hingga 97.58%.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015 Dan 17 September 2015</b></p> <p><i>Prestasi Kewangan bagi projek RTB Sg. Anak Bukit adalah rendah disebabkan kontraktor lewat memulakan kerja kerana proses pengambilan tanah belum selesai. Sehingga bulan September 2015, 227 daripada 229 lot pengambilan tanah telah diselesaikan. Lokasi baki 2 lot pengambilan tidak mengganggu kontraktor meneruskan kerja di tapak. Kontraktor telah memulakan kerja dengan kemajuan fizikal ialah 10.30% dan kewangan 19.50% iaitu RM25.74 juta.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kewangan projek RTB yang diaudit adalah memuaskan kecuali bagi projek RTB Sg. Anak Bukit, Kedah.</p>	<p>Sehingga tarikh 20 Oktober 2015, Kemajuan Fizikal Projek RTB Anak Bukit adalah 18% dan Kemajuan Kewangan adalah 21.5%.</p>
<p><b>9.5.1.3</b></p>	<p><b>Pencapaian Outcome Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati penilaian <i>outcome</i> telah dibuat oleh JPS terhadap 3 projek iaitu projek RTB Sg. Muda (Hilir) Pakej 2, RTB Sg. Muda (Hulu) Pakej 2B dan RTB Sg. Kelantan Fasa 1. Berdasarkan penilaian tersebut, secara umumnya, <i>outcome</i> yang ditetapkan iaitu melindungi penduduk setempat</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>daripada ancaman banjir; meningkatkan tahap sosio ekonomi penduduk setempat; memberi keselesaan dan keselamatan kepada penduduk dan harta benda serta mengurangkan kesan-kesan negatif akibat banjir telah tercapai.</p> <p>Pada pendapat Audit, bagi projek yang telah dinilai <i>outcomenya</i>, pencapaiannya adalah baik serta selaras dengan objektif projek.</p>	
<p><b>9.5.2</b></p> <p><b>9.5.2.1</b></p> <p><b>9.5.2.1.a</b></p>	<p><b>Tadbir Urus Projek</b></p> <p><b>Perancangan Projek</b></p> <p><b>Pemilihan Lokasi Projek</b></p> <p>i. Berdasarkan Laporan <i>National Register of River Basin Vol.2; Updating of Condition of Flooding in Malaysia</i> pada Oktober 2003 yang dikeluarkan pada tahun 2002, purata nilai kemusnahan banjir tahunan adalah berjumlah RM915.12 juta. Antara negeri yang menanggung purata nilai kemusnahan banjir tahunan terbesar adalah Sarawak; Sabah; Terengganu; W.P. Kuala Lumpur; dan Kelantan dengan nilai melebihi RM90 juta.</p> <p>ii. Berdasarkan pengagihan peruntukan dan projek RTB, adalah didapati ia tidak dibuat selaras dengan data. Ini kerana sebahagian negeri khususnya di Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu yang merupakan antara negeri yang mempunyai purata nilai kemusnahan banjir tahunan terbesar kurang diberi keutamaan dalam pelaksanaan projek RTB.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015 Dan 30 September 2015</b></p> <p><i>Semasa permohonan RMKe-10 dibuat iaitu pada tahun 2008 dan 2009, Jabatan merujuk kepada Laporan National Register of River Basin Vol.2; Updating of Condition of Flooding in Malaysia (2003) dan keadaan banjir semasa ketika itu. Dalam permohonan tersebut, Terengganu dan Kelantan telah diletakkan antara 5 negeri yang diberi keutamaan tertinggi. Namun begitu, kelulusan akhir tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Jabatan juga telah mengemukakan permohonan untuk melaksanakan projek RTB Sg. Kelantan, RTB Kuantan dan RTB Kemaman di bawah RMKe-11.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.2.1.b	<p><b>Keberkesanan Projek Secara Berfasa</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pelaksanaan projek RTB Sg. Kelantan Fasa 1 merupakan sebahagian daripada cadangan daripada kajian yang dijalankan. Pelaksanaan penyelesaian secara menyeluruh tidak dibuat disebabkan kekangan peruntukan. Antara komponen yang tidak dibuat ialah pembinaan Empangan Nenggiri dan Lebir dan kerja pembaikan sungai. Selain itu, pembinaan struktur tebatan banjir seperti <i>earth levee</i> dan tembok banjir didapati tidak dibuat sepenuhnya kecuali di sekitar Bandar Kota Bharu. Tahap perlindungan pula dikurangkan daripada 100 tahun <i>Average Recurrence Interval</i> (ARI) (terminologi hidrologi bagi menggambarkan keamatan hujan dengan kekerapan ia dianggarkan berlaku) kepada 50 tahun ARI. Adalah didapati projek ini masih belum dapat mengurangkan banjir di sepanjang Sg. Kelantan, ia hanya berupaya mengurangkan banjir di kawasan Kota Bharu. Antara perkara yang diperhatikan ketika banjir yang melanda negeri Kelantan pada bulan Disember 2014 adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Punca utama banjir di negeri Kelantan adalah disebabkan limpahan air Sg. Kelantan. Ciri kawasan tadahan yang berbentuk dan bertopografi <i>bottleneck</i> dari hulu ke hilir sungai dengan aliran dan kapasiti sungai yang sempit dari daerah Kuala Krai dengan kapasiti 11,000 <i>cumecs</i> kepada 4,500 <i>cumecs</i> di Kota Bharu. Berdasarkan Laporan Banjir JPS bagi Tahun 2014/2015, banjir yang berlaku pada bulan Disember 2014 merupakan banjir terburuk dalam tempoh 5 dekad. Antara punca-punca banjir adalah hujan lebat ekstrem, perubahan guna tanah yang ketara di sepanjang koridor sungai dan di lereng-lereng bukit seperti pembangunan pertanian dan pembalakan yang telah menghasilkan kelodak dan sisa buangan yang telah memburukkan fenomena banjir tahun 2014/2015.</li> <li>ii. Berdasarkan Laporan Banjir JPS bagi Tahun 2014/2015, seramai 319,156 mangsa banjir dan 14 kematian dilaporkan. Anggaran kerosakan pula dilaporkan berjumlah RM155.96 juta meliputi harta benda tempatan berjumlah RM60.84 juta; infrastruktur JPS berjumlah RM49.80 juta; kemudahan awam JPS berjumlah RM43.72 juta serta pertanian berjumlah RM1.59 juta.</li> <li>iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati ARI yang digunakan bagi projek RTB Sg. Kelantan adalah untuk tempoh 50 tahun. Aras tertinggi tembok banjir selanjutnya dibina berdasarkan ARI yang digunakan iaitu +6.50m. Bagaimanapun, aras banjir tertinggi yang pernah direkodkan adalah</li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>+7.00m iaitu pada tahun 2004 dan pada bulan Disember 2014, aras banjir mencecah +7.03m yang mana melebihi aras tembok banjir yang dibina. Sungguhpun demikian, berdasarkan temu bual bersama pegawai, projek yang dijalankan telah melambatkan masa yang diambil untuk air memasuki bandar Kota Bharu berbanding jika tiada projek dijalankan.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015 Dan 30 September 2015</b></p> <p><i>Tahap perlindungan 50 tahun ARI merupakan keputusan dan kompromi yang diambil ketika projek ini direka bentuk untuk disesuaikan dengan peruntukan yang terhad dan mengambil kira potensi kekerapan dan keamatan hujan (yang menyebabkan aras sungai melepasi 6.5m). Mengikut rekod dari 1998 hingga 2013, hanya sekali paras air Sg. Kelantan melepasi 6.5m di Jeti Kastam. Tahap perlindungan yang lebih tinggi memerlukan peruntukan yang tinggi. Banjir luar biasa pada Disember 2014 disebabkan oleh hujan berkeamatan yang tinggi iaitu melebihi 100 tahun ARI yang turun dalam jangka masa yang singkat iaitu 11 hari.</i></p> <p><i>Pendekatan dalam RTB Sg. Kelantan Fasa 1 dengan tahap perlindungan 50 tahun ARI diambil dengan mengambil kira langkah-langkah lain dalam total solution juga dilaksanakan kelak, seperti pembinaan empangan, ban, floodwall dan bypass, pengorekan dasar, penggunaan Skim Pengairan Hilir Sg. Sat sebagai kawasan takungan banjir berserta pampasan untuk mengawal paras air banjir supaya tidak melepasi paras 6.5m tersebut.</i></p> <p>iv. Lawatan Audit ke Kg. Tikat mendapati berlaku hakisan yang membentuk saluran air baru mengakibatkan kerosakan pada tanah dan rumah penduduk di sekitarnya. Berdasarkan temu bual bersama pegawai JPS, adalah didapati aliran air berpunca daripada air Sg. Kelantan yang memasuki kawasan berkenaan melalui kawasan yang tidak dijalankan projek.</p> <p>Pada pendapat Audit, memandangkan Projek Berfasa sering berdepan dengan masalah kekangan peruntukan dan kegagalan kesinambungannya akan menjejaskan keberkesanan pelaksanaan projek, maka keutamaan projek seumpamanya perlu dikhususkan kepada projek yang berstatus kritikal sahaja.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015 Dan 30 September 2015</b></p> <p><i>Dalam konteks pemilihan RTB Sg. Kelantan Fasa 1 berbanding fasa-fasa lain dalam penyelesaian menyeluruh bagi Lembangan Sg. Kelantan, Fasa 1 tersebut sememangnya fasa yang kritikal kerana tanpanya banjir yang dialami di pusat bandar Kota Bharu akan menjadi lebih buruk. Banjir luar biasa pada Disember 2014 di Kelantan adalah disebabkan hujan beramatan tinggi melebihi 100 tahun ARI dalam masa singkat iaitu 11 hari. Bagi mengatasi masalah di Kg. Tikat tersebut, Jabatan mengharapkan kelulusan bagi projek ini dalam RMKe-11 diluluskan sepenuhnya. Jabatan bersetuju sekiranya permohonan peruntukan projek-projek RTB diluluskan dengan amaun yang sepenuhnya seperti dipohon supaya pendekatan secara total solution akan dapat dijalankan dan mengelakkan pelaksanaan secara berfasa.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.2.1.b.</p>
<p><b>9.5.2.2</b></p> <p><b>9.5.2.2.a</b></p>	<p><b>Pentadbiran Kontrak</b></p> <p>Semakan Audit terhadap pentadbiran kontrak mendapati perkara seperti berikut:</p> <p>Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 2 Julai 2003 menetapkan bagi perolehan melebihi RM10 juta yang dibuat secara rundingan terus, agensi dikehendaki memastikan rundingan dengan kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga, tempoh siap dan lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan. Sekiranya tempoh yang ditetapkan dilangkaui, tawaran melaksanakannya akan terbatal secara automatik. Semakan Audit terhadap projek RTB Sg. Kelantan Fasa 1 mendapati rundingan harga hanya dimuktamadkan pada 18 Mac 2008, iaitu kelewatan selama 5 bulan selepas mengambil kira tempoh 6 bulan yang dibenarkan dari tarikh Surat Niat bertarikh 3 Mei 2007.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015</b></p> <p><i>Usaha rundingan telah berjalan sejurus Surat Niat dikeluarkan. Bagaimanapun, disebabkan kompleksiti dan kos projek yang tinggi, rundingan mengambil tempoh masa untuk dimuktamadkan. Jabatan mengambil maklum tentang penemuan ini dan telah mengambil langkah untuk memastikan ia tidak berulang lagi pada masa akan datang.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.2.2.a.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.5.2.2.b</b></p>	<p>Klausa kontrak antaranya menyatakan ujian lanjutan hendaklah dijalankan oleh kontraktor sekiranya diperlukan oleh Pegawai Penguasa termasuklah sebarang ujian terhadap bahan-bahan. Sekiranya keputusan ujian lanjutan yang dijalankan oleh kontraktor menunjukkan mutu kerja atau bahan-bahan tidak sebagaimana kontrak, maka kos bagi ujian tersebut hendaklah ditanggung oleh kontraktor. Hasil semakan Audit terhadap projek RTB Sg. Muda (Hulu) Pakej 2B mendapati JPS telah melantik pihak ketiga (IKRAM) bagi menjalankan ujian kesesuaian tanah, <i>compaction test</i> dan <i>slope stability</i> dengan kos berjumlah RM605,440. Ini berikutan ketika lawatan bersama yang dibuat antara JPS dan kontraktor terdapat masalah seperti rumput yang ditanam tidak tumbuh dan hakisan yang berlaku di cerun ban. Bagaimanapun semakan Audit tidak dapat mengesahkan sama ada ujian lanjutan telah dijalankan oleh kontraktor. Berdasarkan ujian yang dijalankan oleh IKRAM, adalah didapati 13 daripada 88 (14.8%) daripada sampel yang diambil gagal ujian tersebut dimana ia tidak menepati parameter kritikal untuk kesesuaian tanah ban iaitu <i>Atterberg Limits</i> dan <i>Permeability</i>.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015, 20 Ogos 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pelantikan IKRAM adalah sebagai Third Party Independent Checker disebabkan terdapat tanda-tanda kegagalan pada ban yang dibina walaupun pihak kontraktor/perunding telah menjalankan ujian-ujian berkenaan. Pelantikan IKRAM adalah selaras dengan klausa 8.8, Further Test – Standard Form of Design and Build (2002). Sebahagian kos pelantikan IKRAM akan dibayar oleh pihak kontraktor melibatkan ujian yang gagal. Potongan terhadap bayaran kemajuan telah dibuat melalui baucar B4617 bertarikh 15 September 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak hendaklah dibuat selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Selain itu, JPS perlu memastikan kontraktor melaksanakan tanggungjawab sebagaimana ketetapan kontrak termasuklah urusan pengujian tanah.</p>	<p>Mengikut maklumbalas JPS yang diberikan pada 21/06/15, item no. 2, bilangan lokasi ban yang gagal ujian kesesuaian tanah oleh IKRAM dan perlu dibuat pembaikan adalah 13 dan bukan 12.</p> <p>Jabatan akan sentiasa memastikan pentadbiran kontrak dibuat selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.</p> <p>Jabatan juga sentiasa memastikan kontraktor melaksanakan tanggungjawab sebagaimana ketetapan kontrak.</p>
<p><b>9.5.2.3</b></p>	<p><b>Koordinasi Antara Agensi</b></p> <p>Semakan Audit terhadap projek RTB Sg. Kelantan Fasa 1 mendapati tiada koordinasi antara agensi di peringkat perancangan iaitu sebelum projek dijalankan. Koordinasi antara agensi hanya dibuat setelah sesuatu isu timbul. Ini menyebabkan Lanjutan Masa antara 27 minggu hingga 9 bulan diluluskan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
9.5.2.3.a	<p>Mesyuarat Mengenai Kesan Kerja-kerja <i>Dredging</i> Pada 28 September 2010 telah memutuskan bahawa tiada sebarang aktiviti pengambilan pasir dibenarkan dalam jajaran kawasan projek RTB Sg. Kelantan bermula dari Kg. Penambang hingga Belakang Istana Kota Lama sehingga Disember 2013. Bagaimanapun, berdasarkan surat daripada Bahagian Projek Khas, JPS pada 26 April 2013 didapati aktiviti pengambilan pasir dari Sg. Kelantan masih dijalankan oleh pihak ketiga semasa lawatan tapak oleh bahagian tersebut pada 18 Mac 2013. Ini menyebabkan penurunan aras pembinaan yang boleh menjejaskan ketahanan struktur binaan dan reka bentuk <i>sheet pile wall</i> dan <i>rip rap revetment</i>.</p>	
9.5.2.3.b	<p>Lawatan tapak oleh Bahagian Projek Khas pada 16 Jun 2014 mendapati aktiviti pengambilan pasir dari Sg. Kelantan berhampiran Kg. Cina yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan iaitu pengorekan perlu dijalankan sepanjang 1/3 bahagian tengah Sg. Kelantan. Aktiviti pengambilan pasir tersebut yang tidak dikawal akan menyebabkan berlaku hakisan pada tebing sungai serta menjejaskan kekuatan struktur benteng banjir yang telah siap dibina. Struktur seperti <i>sheet pile wall</i> dan <i>rip rap revetment</i> akan mengalami kegagalan dan seterusnya akan menjejaskan fungsi penahan banjir. Lawatan Audit di tapak pada 5 dan 7 April 2015 mendapati masih terdapat aktiviti pengorekan pasir di Sg. Kelantan.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015</b></p> <p><i>Aduan rasmi telah dibuat pada 26 April 2013 kepada Kerajaan Negeri Kelantan. Surat penolakan permohonan pengambilan pasir juga telah dibuat pada 26 Ogos 2013. Aktiviti pengambilan pasir adalah untuk projek pengindahan Tebing Sungai Kelantan oleh Kerajaan Negeri. Pengambilan pasir sungai tertakluk kepada Kerajaan Negeri dan di luar bidang kuasa JPS. Mesyuarat koordinasi antara pihak berkuasa tempatan/agensi telah dibuat pada 9 Ogos 2011.</i></p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.2.3.b.
9.5.2.3.c	<p>Lawatan Audit pada 7 dan 9 April 2015 turut mendapati aktiviti menyedut pasir (sand pumping) dijalankan di kawasan ban yang dibina. Adalah didapati ban yang dibina telah dikorek untuk menempatkan <i>hose</i> tanpa pengetahuan dan kebenaran UPPP Kelantan. Percikan air daripada <i>hose</i> tersebut telah menyebabkan hakisan pada ban. Perkara ini hanya disedari oleh pihak UPPP Kelantan ketika menyertai lawatan Audit. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada aktiviti menyedut pasir telah mendapat kelulusan daripada Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Kelantan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 28 Ogos 2015 Dan 30 September 2015</b></p> <p><i>Aduan telah dibuat kepada Pejabat Tanah pada 19 Ogos 2015 dimana pengesyoran dibuat supaya pengusaha terlibat memenuhi syarat teknikal yang dikehendaki dan mengambil tindakan terhadap pengusaha pasir sungai bagi mematuhi syarat-syarat teknikal JPS. Hasil daripada siasatan tapak pada 28 September 2015, JPS Kelantan telah menghantar surat perlanggaran syarat-syarat menyedut pasir kepada Pejabat Tanah bertarikh 29 September 2015 untuk menghentikan aktiviti menyedut pasir dengan serta merta sehingga penambahbaikan dilaksanakan sepenuhnya.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, koordinasi antara agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kurang memuaskan. Koordinasi perlu dipertingkatkan bagi memastikan manfaat projek dapat dinikmati oleh golongan sasaran.</p>	<p>Jabatan sentiasa memastikan koordinasi dengan kerajaan negeri dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, aktiviti pengambilan pasir ini adalah untuk projek pengindahan Tebing Sungai Kelantan oleh Kerajaan Negeri dan merupakan sumber ekonomi kerajaan negeri. Pematuhan kontraktor kepada syarat teknikal yang dikehendaki adalah di luar kawalan Jabatan.</p>
<p><b>9.5.3</b></p> <p><b>9.5.3.1</b></p>	<p><b>Pematuhan Spesifikasi Dan Kualiti Pembinaan</b></p> <p><b>Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi</b></p> <p>Lawatan Audit mendapati kerja yang dibuat tidak mengikut spesifikasi di 2 daripada 5 tapak projek.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015, 30 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bagi Projek RTB Sibu, kerja penanaman rumput serta penutupan kotak pembumian dan manhole telah selesai dibuat pada 16 Julai 2015. Selain itu bagi projek RTB Sg. Muda (Hulu), Kontraktor telah pun diarahkan untuk menjalankan kerja pembaikan ban tersebut. Pembaikan ban ini adalah mengikut cadangan perunding berdasarkan keputusan ujian kesesuaian tanah oleh IKRAM dan reka bentuk ban di setiap lokasi. Kerja pembaikan ban telah disiapkan pada 27 September 2015.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.3.1.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.5.3.2</b></p>	<p><b>Kerja Tidak Berkualiti</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011 menetapkan Pegawai Penguasa bertanggungjawab untuk memastikan kontraktor menjalankan kerja menurut peruntukan kontrak termasuklah memastikan kualiti bahan yang digunakan dan tahap mutu kerja adalah mematuhi kontrak. Lawatan Audit bagi kesemua projek yang dipilih mendapati sebahagian kualiti kerja kontraktor kurang memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015, 30 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bagi Projek RTB Sibul, kerja pemasangan jubin, menyempurnakan kemasan besi cerucuk dan pembaikan kecacatan u-drain dan jubin telah selesai diambil tindakan pada 16 Julai 2015. Bagi projek RTB Sg. Muda (Hilir), pihak kontraktor telah memperbaiki dan membetulkan kecacatan tersebut pada 13 Julai 2015. Manakala bagi projek RTB Sg. Muda (Hulu), pihak kontraktor telah diminta untuk memperbaiki dan membetulkan kecacatan. Rumah pam telah siap dicat semula pada 21 Julai 2015. Selanjutnya, bagi projek RTB Sg. Kelantan Fasa 1, Surat Arahan membaiki telah pun dikeluarkan kepada kontraktor pada 8 Julai 2015 kerana masih dalam tempoh DLP. Kecacatan tersebut berpunca dari kejadian banjir yang lepas. Surat Peringatan telah dihantar kepada kontraktor pada 25 Ogos 2015. Pihak kontraktor akan memulakan kerja pada 19 Oktober 2015 hingga 7 November 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, bagi projek akan datang, JPS perlu menjalankan penyeliaan dan pemantauan yang efektif serta menyelia kemajuan kerja kontraktor bagi memastikannya dilaksanakan mengikut spesifikasi dan berkualiti. Kerja yang tidak mematuhi spesifikasi dan tidak berkualiti perlu segera dibaiki.</p>	<p>Kontraktor telah memulakan kerja pembaikan pada 19 Oktober 2015.</p>
<p><b>9.5.3.3</b></p>	<p><b>Tempoh Tanggungan Kecacatan</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2011 menyatakan bahawa sekiranya timbul apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan atau apa-apa kerosakan di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP), Pegawai Penguasa (PP) boleh mengarahkan kontraktor untuk membaiki kecacatan dalam tempoh DLP.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
	<p>Semakan Audit bagi kecacatan yang berlaku dalam DLP mendapati perkara seperti yang berikut:</p> <p style="text-align: center;"><b>JADUAL 9.11</b> <b>BUTIRAN KECACATAN DALAM TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN</b></p> <table border="1" data-bbox="338 424 1137 860"> <thead> <tr> <th data-bbox="338 424 618 491">PROJEK</th> <th data-bbox="618 424 1137 491">KETERANGAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="338 491 618 635">RTB Sg. Muda (Hilir) Pakej 2</td> <td data-bbox="618 491 1137 635"> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sangkar <i>gabion</i> yang telah berkarat dan terputus. <b>(Gambar 9.23)</b></li> <li>Pemendapan berlaku di tebing sungai yang menyebabkan runtuh <i>gabion</i>.</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="338 635 618 860">RTB Sibu Fasa 2</td> <td data-bbox="618 635 1137 860"> <ul style="list-style-type: none"> <li>Terdapat kerosakan pada kren yang digunakan bagi tujuan pembersihan, rantai pada laluan pejalan kaki pecah/rosak, rumput yang ditanam tidak tumbuh. <b>(Gambar 9.25 dan Gambar 9.27)</b></li> <li>Tiada sebarang rekod laporan kecacatan atau surat aduan yang melaporkan kerosakan tersebut.</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015</b></p> <p><i>Bagi projek RTB Sg. Muda (Hilir), pihak kontraktor telah diarah untuk memperbaiki kecacatan tersebut. Tindakan membaiki kecacatan telah selesai diambil pada 13 Julai 2015. Manakala bagi projek RTB Sibu Fasa 2, tindakan telah selesai diambil bagi membaiki kerosakan remote control kren dan surat permohonan pemeriksaan untuk pengeluaran sijil perakuan kelayakan mesin angkat kepada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja telah dimohon pada 24 Jun 2015. Selain itu, rantai laluan pejalan kaki yang pecah akibat vandalisme telah dibaiki dan rumput yang tidak tumbuh telah ditanam pada 16 Julai 2015.</i></p>	PROJEK	KETERANGAN	RTB Sg. Muda (Hilir) Pakej 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sangkar <i>gabion</i> yang telah berkarat dan terputus. <b>(Gambar 9.23)</b></li> <li>Pemendapan berlaku di tebing sungai yang menyebabkan runtuh <i>gabion</i>.</li> </ul>	RTB Sibu Fasa 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terdapat kerosakan pada kren yang digunakan bagi tujuan pembersihan, rantai pada laluan pejalan kaki pecah/rosak, rumput yang ditanam tidak tumbuh. <b>(Gambar 9.25 dan Gambar 9.27)</b></li> <li>Tiada sebarang rekod laporan kecacatan atau surat aduan yang melaporkan kerosakan tersebut.</li> </ul>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.3.3.</p>
PROJEK	KETERANGAN							
RTB Sg. Muda (Hilir) Pakej 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sangkar <i>gabion</i> yang telah berkarat dan terputus. <b>(Gambar 9.23)</b></li> <li>Pemendapan berlaku di tebing sungai yang menyebabkan runtuh <i>gabion</i>.</li> </ul>							
RTB Sibu Fasa 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Terdapat kerosakan pada kren yang digunakan bagi tujuan pembersihan, rantai pada laluan pejalan kaki pecah/rosak, rumput yang ditanam tidak tumbuh. <b>(Gambar 9.25 dan Gambar 9.27)</b></li> <li>Tiada sebarang rekod laporan kecacatan atau surat aduan yang melaporkan kerosakan tersebut.</li> </ul>							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>9.5.4</b></p> <p><b>9.5.4.1</b></p> <p><b>9.5.4.1.a</b></p>	<p><b>Penggunaan Komponen Projek</b></p> <p><b>Penggunaan Sistem SCADA</b></p> <p>Di bawah projek RTB Sibu Fasa 2, sejumlah RM1.44 juta telah diperuntukkan untuk Sistem SCADA dan daripada jumlah tersebut, RM1.26 juta (88%) telah dibelanjakan. Pemeriksaan Audit pada 24 hingga 26 Mac 2015 mendapati sistem SCADA masih belum digunakan disebabkan antena masih belum dipasang. Berdasarkan temu bual bersama kontraktor, pihak Audit dimaklumkan bahawa kerja pemasangan antena masih belum mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan bangunan. Ini berikutan JPS Sarawak tidak bersetuju dengan cadangan jumlah sewa yang dikenakan oleh pihak pengurusan bangunan yang keseluruhan permulaan berjumlah RM13,000 dan sewa bulanan berjumlah RM2,500 sekiranya antena tersebut dipasang.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015, 17 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Sistem SCADA telah diuji dan ditauliahkan sebelum penerimaan. Namun, disebabkan masalah penyewaan ruang antena yang mahal, maka ia belum digunakan. JPS Sarawak masih dalam proses rundingan kadar sewa dengan pihak pengurusan bangunan. JPS Sarawak telah mengadakan mesyuarat pada 2 September 2015 bersama pihak pengurusan bangunan yang dipengerusikan oleh Tuan Residen Bahagian Sibu. Susulan mesyuarat pada 8 September 2015, Pengarah JPS Sarawak telah menghantar surat rayuan kepada Lembaga Pengarah bangunan untuk pengecualian sewa bulanan. Sehingga 10 Oktober 2015, JPS Sarawak masih belum menerima jawapan daripada pihak pengurusan bangunan. Walaupun sistem SCADA belum digunakan, kesemua pam berfungsi seperti biasa secara automatik. Sistem tebatan banjir di Sibu masih berfungsi seperti biasa.</i></p>	<p>Rayuan pengecualian sewa bulanan tidak dipersetujui oleh Lembaga Pengarah Bangunan melalui surat bertarikh 13 Oktober 2015. JPS Sarawak dalam proses membuat rundingan dengan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu ini.</p>
<p><b>9.5.4.1.b</b></p>	<p>Bagi projek RTB Sg. Kelantan Fasa 1, sejumlah RM4.86 juta telah diperuntukkan bagi kerja Sistem SCADA dan mekanikal. Lawatan Audit pada 7 April 2015 mendapati Sistem SCADA masih belum boleh digunakan sepenuhnya dan operasi untuk membuka/menutup Pintu Air perlu dikawal secara manual di mana pintu air tersebut dibuka dan ditutup oleh petugas mengikut aras air Sg. Kelantan seperti yang ditetapkan. Turut didapati sistem SCADA tidak dapat dilayari melalui laman sesawang. Selain itu, pihak Audit dimaklumkan bahawa Sistem SCADA yang dipasang gagal berfungsi secara automatik seperti yang sepatutnya ketika banjir pada Disember 2014</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menyebabkan pengendalian Pintu Air Sg. Pengkalan Chepa, Kelantan telah dibuat secara manual.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015</b></p> <p><i>Sistem telah beroperasi dan berfungsi secara automatik selepas pembaikan dibuat pada 31 April 2015 dan boleh dilayari secara online. Latihan secara hands on juga telah diberikan kepada kakitangan JPS Negeri pada 3 hingga 4 Jun 2015.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.4.1.b.</p>
<p><b>9.5.4.2</b></p>	<p><b>Penggunaan Kemudahan Projek</b></p> <p>Skop kontrak bagi projek RTB Sg. Muda (Hulu) Pakej 2B dan RTB Sg. Muda (Hilir) Pakej 2 termasuklah membina 14 unit kuarters kakitangan di 7 Stesen Pam dengan kos keseluruhan berjumlah RM3.66 juta. Pembinaan kuarters tersebut adalah bagi menggantikan kuarters sedia ada yang dirobohkan. Semakan Audit mendapati kerja pembinaan kuarters tersebut telah siap dan diambil milik oleh JPS bermula pada 5 November 2008 hingga 2 Disember 2010. Pengurusan kuarters tersebut kemudiannya telah diserahkan kepada JPS Negeri. Bagaimanapun, lawatan Audit yang dijalankan pada 1 dan 2 April 2015 mendapati kuarters yang tidak digunakan/tidak dijaga dengan baik. Semakan dokumen mendapati, hanya 7 unit kuarters sahaja yang diduduki, 4 unit dijadikan pejabat operasi dan stor/tempat rehat/stor dan 3 unit lagi tidak digunakan.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015, 30 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kesemua kuarters asal yang dirobohkan adalah dimiliki oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah atau Pulau Pinang dan tanggungjawab pengurusan adalah di bawah Kerajaan Negeri. Penyerahan 14 unit kuarters tersebut telah dibuat kepada Kerajaan berkaitan antara bulan Mac 2009 hingga November 2014. Kesemua kuarters yang disenaraikan telah pun diserahkan kepada JPS Daerah yang terlibat dan pengurusan kuarters adalah di bawah tanggungjawab JPS Daerah tersebut. Surat arahan menduduki kuarters telah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JPS kepada JPS Negeri pada 29 dan 30 Julai 2015.</i></p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.4.2.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, perancangan yang teliti hendaklah dibuat dengan mengambil kira keperluan semasa sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Ini bagi memastikan projek yang dijalankan dimanfaatkan dan Kerajaan mendapat <i>best value for money</i>.</p>	
<p><b>9.5.5</b></p> <p><b>9.5.5.1</b></p>	<p><b>Penyenggaraan Selepas Projek Disiapkan</b></p> <p><b>Penyenggaraan Berkala</b></p> <p>Penyenggaraan tapak projek secara berterusan adalah diperlukan bagi memastikan projek yang dijalankan mencapai objektif yang ditetapkan dan manfaat projek secara berterusan dapat diperolehi. Semakan dan lawatan Audit bagi tujuan penyenggaraan projek mendapati perkara seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Pengukuran semasa lawatan Audit ke tapak projek RTB Sibu Fasa 2 mendapati kolam takungan yang dibina adalah pada aras +1.235m berbanding aras yang dibina iaitu +1.000m. Keadaan ini adalah berpunca daripada mendapan sedimen di kolam takungan tersebut. Kerja penyenggaraan/pengorekan hendaklah dibuat bagi memastikan aras kolam takungan menepati aras yang ditetapkan. Selain itu, sampah sarap terkumpul di rumah pam perlu dibersihkan dan rumput di sekitar rumah pam yang perlu dipotong rapi.</li> <li>ii. Bagi projek RTB Sg Muda (Hilir) Pakej 2, JPS telah memperuntukkan sejumlah RM6.7 juta di dalam kontrak (di bawah peruntukan pembangunan) bagi tujuan penyenggaraan projek, di mana hanya terhad bagi tempoh 2 tahun sahaja dan sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Selanjutnya didapati di bawah peruntukan mengurus, Pejabat Pengurusan Lembangan Sg. Muda (PPLSM) telah membuat permohonan peruntukan penyenggaraan Sg. Muda bagi tahun 2016 berjumlah RM2.60 juta, di mana sekurang-kurangnya sejumlah RM2.20 juta (84.7%) daripada peruntukan tersebut adalah bagi tujuan penyenggaraan dan pembersihan kawasan projek Pakej 1 Hulu, Pakej 2A, Pakej 1 Hilir dan Pakej 2 Hilir. Bagaimanapun, PPLSM hanya diluluskan sejumlah RM0.2 juta sahaja pada tahun 2015 di bawah perbelanjaan tersebut. Berdasarkan laporan daripada sub kontraktor projek pada 7 Ogos 2014, didapati rumput di sekitar <i>sluice gate</i> semak/tinggi mengakibatkan bacaan sensor ultrasonik terganggu dan seterusnya mengakibatkan graf bacaan air tidak stabil.</li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>iii. Lawatan Audit ke tapak projek RTB Sg. Kelantan Fasa 1 mendapati laluan air di <i>flap gate</i>, perangkap sampah dan longkang tidak disenggara dengan baik dimana ia ditumbuhi rumput dan dipenuhi sampah. Selain itu, peralatan generator dan alat pemadam api di Pintu Air Sg. Pengkalan Chepa juga tidak disenggara dengan baik.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kerja pembersihan telah diambil bagi projek RTB Sg. Muda (Hilir) dan RTB Sibul. Bagi projek RTB Sg. Kelantan Fasa 1, kontraktor juga telah diarah untuk membaiki kesemua kecacatan yang didapati melalui lawatan bersama sebelum CMGD dikeluarkan. Kerja penyenggaraan telah siap dilaksanakan pada 15 September 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, JPS hendaklah menyediakan peruntukan penyenggaraan yang mencukupi bagi memastikan projek Kerajaan yang telah dibina dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan sasaran untuk satu jangka masa yang panjang.</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.5.1.</p>
<p><b>9.5.5.2</b></p>	<p><b>Penyenggaraan Tidak Berkala</b></p> <p>i. Lawatan Audit ke tapak projek RTB Sg. Kelantan pada 5 hingga 9 April 2015 mendapati kerosakan di sekitar kawasan projek seperti kerosakan jalan dan hakisan tanah bersebelahan <i>flood wall</i>. Berdasarkan temu bual bersama pegawai, pihak Audit dimaklumkan bahawa kerosakan yang berlaku adalah disebabkan banjir yang melanda negeri tersebut pada Disember 2014. Bagaimanapun, sehingga bulan April 2015 tiada sebarang kerja pembaikan telah dilaksanakan.</p> <p><b>Maklum Balas Jabatan Yang Diterima Pada 31 Julai 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kerja pembaikan sedang dijalankan di bawah peruntukan pasca banjir dan telah siap dilaksanakan pada 22 September 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, tindakan pembaikan hendaklah diambil ke atas struktur tebatan banjir yang mengalami kerosakan akibat banjir. Ini bagi memastikan komponen projek yang dibina dapat berfungsi secara optimum. Selain itu,</p>	<p>Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 9.5.5.2.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan JPS perlu mengamalkan <i>Blue Ocean Strategy</i> dengan mewujudkan satu Jawatankuasa Koordinasi di antara Kerajaan dan agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan bagi membincangkan masalah berkaitan pengurusan banjir serta penyenggaraan komponen projek RTB dari semasa ke semasa.	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**Jabatan Kerja Raya**

**Perenggan 10 : Pengurusan Kerja Awalan Melalui Kontrak Kerja**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>10.5.1.c.i</b>	<p><b>Perancangan Perolehan Kemudahan Khidmat Pengangkutan Dan Peralatan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati 15 projek telah mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dalam 15 projek lagi seperti berikut:</p> <p>33 kenderaan/peralatan yang dimasukkan dalam dokumen kontrak bagi 14 (46.7%) projek adalah berbeza dengan kuantiti yang diluluskan oleh JKPMK;</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan oleh KKR pada 15 Oktober 2015</b></p> <p>(1) Penjelasan / Ulasan Auditi</p> <p>Perancangan terhadap perolehan kemudahan khidmat pengangkutan dan peralatan yang dilaksanakan oleh JKR secara keseluruhannya adalah teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu Surat Arahan KPKR Bil.3 tahun 2010 dan 1PP PK 2/2013.</p> <p>Amalan Jabatan (SOP) adalah kenderaan/peralatan yang dimasukkan dalam dokumen tender dibuat atas arahan bertulis HOPT. Bilangan pengangkutan dan peralatan yang disediakan dalam kontrak mengikut kelayakan dalam pekeliling semasa. Disebabkan oleh kekangan masa yang dihadapi oleh HOPT dimana, tender perlu dikeluarkan dengan segera bagi memenuhi <i>date line</i> pelanggan, kenderaan / peralatan dimasukkan dalam dokumen tender tanpa kelulusan JKPMK terlebih dahulu.</p> <p>Bagi kenderaan / peralatan yang tidak diluluskan oleh JKPMK atau tidak dibekalkan, pelarasan harga kontrak (PHK kurangan) telah dibuat dan telah selesai.</p> <p>(2) Tindakan Penambahbaikan</p> <p>i. Sebagai penambahbaikan bagi projek akan datang, surat peringatan dikeluarkan untuk mendapatkan kelulusan JKPMK dahulu sebelum dimasukkan ke dalam dokumen tender. Jabatan hendaklah memastikan semua peralatan/pengangkutan yang dibekalkan oleh kontraktor mendapat kelulusan JKPMK sebelum membuat sebarang bayaran termasuk bukti penerimaan &amp; pemulangan (jika berkaitan).</p>
<b>10.5.1.c.ii</b>	<p>10 (33.3%) projek di mana 18 kenderaan/peralatan telah dibuat bayaran walaupun tiada kelulusan JKPMK; dan</p>	
<b>10.5.1.c.iii</b>	<p>9 (30.0%) projek di mana 25 kenderaan/peralatan telah dibayar walaupun tidak disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan terhadap perolehan kemudahan khidmat pengangkutan dan peralatan adalah tidak teratur kerana kelulusan JKPMK tidak diperolehi terlebih dahulu sebelum dokumen kontrak disediakan sehingga menyebabkan terdapat kes di mana kenderaan dan peralatan yang dibayar kepada kontraktor walaupun tiada kelulusan JKPMK.</p> <p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Perancangan terhadap perolehan kemudahan khidmat pengangkutan dan peralatan yang dilaksanakan oleh JKR secara keseluruhannya adalah teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu Surat Arahan KPKR Bil.3 tahun 2010 dan 1PP PK 2/2013.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Amalan Jabatan (SOP) adalah kenderaan/peralatan yang dimasukkan dalam dokumen tender dibuat atas arahan bertulis Head of Project Team (HOPT). Bilangan pengangkutan dan peralatan yang disediakan dalam kontrak mengikut kelayakan dalam pekeliling semasa. Disebabkan oleh kekangan masa yang dihadapi oleh HOPT di mana, tender perlu dikeluarkan dengan segera bagi memenuhi deadline pelanggan, kenderaan/peralatan dimasukkan dalam dokumen tender tanpa kelulusan JKPMK terlebih dahulu. Bagi kenderaan/peralatan yang tidak diluluskan oleh JKPMK atau tidak dibekalkan, pelarasan harga kontrak (PHK kurangan) akan dibuat.</i></p> <p><i>Sebagai penambahbaikan bagi projek akan datang, surat peringatan dikeluarkan untuk mendapatkan kelulusan JKPMK dahulu sebelum dimasukkan ke dalam dokumen tender. Jabatan hendaklah memastikan semua peralatan/pengangkutan yang dibekalkan oleh kontraktor mendapat kelulusan JKPMK sebelum membuat sebarang bayaran termasuk bukti penerimaan dan pemulangan (jika berkaitan). Semasa penyerahan projek daripada HOPT kepada Pegawai Penguasa, surat penyerahan projek tersebut akan disertakan kelulusan JKPMK. Pihak Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, Ibu Pejabat akan membuat penambahbaikan terhadap amalan semasa dengan mengeluarkan garis panduan/pekeliling pada akhir tahun 2015 untuk mendapatkan kelulusan JKPMK terlebih dahulu sebelum pengeluaran dokumen tender.</i></p>	<p>ii. Semasa penyerahan projek daripada HOPT kepada Pegawai Penguasa, surat penyerahan projek tersebut akan disertakan kelulusan JKPMK.</p> <p>iii. Pihak CKUB, Ibu Pejabat akan membuat penambahbaikan terhadap amalan semasa dengan mengeluarkan garis panduan / pekeliling untuk mendapatkan kelulusan JKPMK terlebih dahulu sebelum pengeluaran dokumen tender.</p> <p>(3) Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</p> <p>Garis panduan akan dikeluarkan akhir tahun 2015.</p>
<p><b>10.5.2.5.a</b></p>	<p><b>Penyerahan Semula Kenderaan Dan Peralatan</b></p> <p>Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kenderaan bagi 2 (13.3%) projek siap telah dipulangkan kepada kontraktor kerana Borang Pengesahan Penyerahan Pengangkutan Kepada Kontraktor tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan oleh KKR pada 15 Oktober 2015</b></p> <p>(1) Penjelasan / Ulasan Auditi</p> <p>Secara keseluruhannya kenderaan dan peralatan yang diterima oleh JKR telah dipulangkan mengikut prosedur yang ditetapkan.</p>
<p><b>10.5.2.5.b</b></p>	<p>Bagi penyerahan semula peralatan pula, Borang Pengesahan Penyerahan Peralatan Kepada Kontraktor bagi 4 (26.7%) projek siap tidak dapat dikemukakan dengan lengkap kepada pihak Audit.</p> <p>Pada pendapat Audit, rekod penyerahan semula kenderaan dan peralatan tidak diselenggara dengan teratur. Sekiranya kenderaan dan peralatan tidak dipulangkan dan kontraktor dengan sukarela berhasrat untuk menyerahkan hak milik mereka, penyerahan hak milik tersebut harus direkodkan dengan mengisi Borang Penyerahan Hak Milik Ke Atas Pengangkutan/Peralatan dan Pelepasan Membuat Tuntutan Terhadap Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam Surat Arahan KPKR Bil. 3 Tahun 2010.</p>	<p>Borang pengesahan penerimaan dan pemulangan Kenderaan dan peralatan yang diserahkan kepada pelanggan dan pejabat pengurus program (HOPT) telah digunapakai. Dokumentasi rekod penyerahan kenderaan dan peralatan yang tidak lengkap sedang diambil tindakan.</p> <p>Projek yang telah siap, proses pemulangan kenderaan dan peralatan yang masih belum dipulangkan akan dibuat pemulangan selepas CMGD sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak dan spesifikasi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Secara keseluruhannya kenderaan dan peralatan yang diterima oleh JKR telah dipulangkan mengikut prosedur yang ditetapkan. Borang pengesahan penerimaan dan pemulangan Kenderaan dan peralatan yang diserahkan kepada pelanggan dan pejabat pengurus program (HOPT) telah digunapakai. Dokumentasi rekod penyerahan kenderaan dan peralatan yang tidak lengkap sedang diambil tindakan. Bagi projek yang telah siap, proses pemulangan kenderaan dan peralatan yang masih belum dipulangkan akan dibuat pemulangan selepas Certificate of Completion of Making Good Defects (CMGD) sepertimana yang dinyatakan dalam kontrak dan spesifikasi. Bagi memastikan tindakan yang sewajarnya dilaksanakan, surat peringatan akan dikeluarkan oleh CKUB untuk rekod penerimaan dan penyerahan pengangkutan/peralatan diselenggara dengan teratur dan mengikut prosedur. Projek-projek yang terlibat yang masih dalam tindakan akan selesai pada November 2015.</i></p>	<p>(2) Tindakan Penambahbaikan</p> <p>Bagi memastikan tindakan yang sewajarnya dilaksanakan, surat peringatan akan dikeluarkan oleh CKUB untuk rekod penerimaan dan penyerahan pengangkutan / peralatan diselenggara dengan teratur dan mengikut prosedur seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 1PP/PK4 – Pentadbiran Kontrak dalam Perolehan Kerajaan dan juga SA KPKR</li> <li>ii. Bil. 3/2010 – Garis Panduan Perolehan Khidmat Pengangkutan dan Perolehan Peralatan Melalui Kontrak Kerja di perenggan 3.0.</li> </ul> <p>(3) Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</p> <p>Projek-projek yang terlibat yang masih dalam tindakan akan selesai November 2015.</p>
10.5.3.3	<p><b>Kos Polisi Insurans</b></p> <p>Pihak kontraktor akan dikenakan caj premium apabila mengambil Polisi Insurans seperti yang dikehendaki oleh kontrak. Kos Polisi Insurans telah ditetapkan dalam kontrak di bawah item kerja awalan. Semakan Audit terhadap resit premium sebenar yang dibayar oleh kontraktor bagi 15 projek dalam pembinaan mendapati amaun premium sebenar yang dibayar oleh kontraktor bagi 14 projek adalah lebih rendah daripada amaun yang diperuntukkan dalam kontrak dengan perbezaan hingga RM489,296. Jumlah perbezaan amaun adalah RM2.13 juta. Perbezaan amaun bagi satu projek lagi tidak dapat ditentukan kerana kos RM1.90 juta yang dinyatakan dalam kontrak adalah termasuk Bon Pelaksanaan, Levi CIDB dan <i>Design Guarantee Bond</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, jumlah perbezaan bayaran yang sebenarnya dibuat oleh kontraktor dengan amaun yang diperuntukkan dalam kontrak bagi Bon Pelaksanaan (5 projek) sejumlah RM2.18 juta dan Polisi Insurans (14 projek) sejumlah RM2.13 juta adalah tinggi. Selain itu, ketidakseragaman dalam menetapkan kos Wang Jaminan Pelaksanaan yang tidak dikenakan sebarang caj oleh bank atau syarikat kewangan dalam kontrak adalah disebabkan perbezaan pendapat antara pegawai JKR yang bertanggungjawab. Satu norma harus ditetapkan bagi menentukan kos Bon Pelaksanaan, Polisi Insurans dan Wang Jaminan Pelaksanaan dalam kontrak.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan oleh KKR pada 15 Oktober 2015</b></p> <p>1) Penjelasan / Ulasan Auditi</p> <p>Berkaitan cadangan pihak audit untuk meletakkan harga polisi insurans di bahagian <i>provisional sum</i> supaya harga yang munasabah dapat dibayar, ulasan jabatan adalah seperti berikut:</p> <p>Kos menyediakan Insurans Kerja tidak sesuai ditetapkan sebagai <i>Provisional Sum</i> kerana sebagaimana didefinisikan di dalam klausa 29.1:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Provisional Sum</i> diperuntukkan bagi kerja-kerja yang tidak dapat dijangka, ditetapkan atau diperincikan sebelum tarikh tender, sedangkan keperluan mengadakan Insurans Kerja ini merupakan pra-syarat sebelum Kontraktor memulakan sebarang kerja di tapak bina;</li> <li>ii. Proses penyediaan Insurans Kerja tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh institusi kewangan/syarikat insurans yang berkenaan dan akan mengambil masa bergantung kepada keupayaan/kelayakan kontraktor. PD perlu mengeluarkan arahan sebelum sesuatu kerja <i>Provisional Sum</i> boleh dilaksanakan Kontraktor. Sekiranya berlaku kelewatan dalam mengeluarkan arahan tersebut, Kontraktor tidak boleh memulakan kerja dan tempoh kelewatan termasuk tempoh mengadakan insurans melayakkan kontraktor diberi lanjutan masa yang turut melayakkan Kontraktor menuntut</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan akan menyediakan Garis Panduan setelah mendapat pandangan daripada Penasihat Undang-undang KKR. Garis Panduan akan dikeluarkan pada akhir tahun 2015.</i></p>	<p>perbelanjaan dan kerugian; dan</p> <p>iii. Tempoh sahlaku Insurans adalah meliputi tempoh yang ditetapkan di dalam Kontrak termasuk semua lanjutan masa dan tempoh berenda. Kos yang dihartakan oleh kontraktor merupakan harga pukal dan sebarang perbezaan tidak boleh dilaraskan dengan kos sebenar sama ada lebih atau kurang dari kos tersebut.</p> <p>(2) Tindakan Penambahbaikan</p> <p>Pihak CKUB akan menyediakan Garis Panduan setelah mendapat pandangan daripada Penasihat Undang – Undang KKR.</p> <p>(3) Tarikh/Tempoh Jangkaan Selesai Tindakan (Jika Berkaitan)</p> <p>Garis panduan akan dikeluarkan pada akhir tahun 2015.</p>
<p><b>10.5.4.3.a</b></p>	<p><b>Pembayaran Kepada Kontraktor Bagi Levi CIDB</b></p> <p>Ketidakteragaman dalam kategori bayaran CIDB dalam kontrak kerana 8 projek telah dikategori dalam bahagian <i>provisional sum</i> di mana bayaran CIDB sebenar yang dibayar oleh kontraktor sahaja yang boleh dituntut dan 4 projek dikategorikan dalam bahagian item kerja awalan di mana bayaran dibuat kepada kontraktor tidak mengambil kira amaun sebenar yang dibayar oleh kontraktor. Tiga projek lagi tidak dinyatakan bayaran levi CIDB.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan oleh KKR Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p>(2) Tindakan Penambahbaikan</p> <p>Pihak CKUB akan menyediakan Garis Panduan bagi menetapkan dan menyeragamkan pembayaran interim bagi setiap item kerja awalan termasuk Levi CIDB di semua Cawangan JKR. Garis Panduan akan dikeluarkan pada akhir tahun 2015.</p>
<p><b>10.5.4.3.b</b></p>	<p>Dua bayaran lebih telah dibuat kepada kontraktor sebelum Pelarasan Harga Kontrak dibuat.</p> <p>Pada pendapat Audit, beberapa pembayaran item kerja awalan kepada kontraktor adalah tidak teratur dari segi pematuhan kepada kontrak. Pembayaran kepada kontraktor yang lebih daripada sepatutnya di peringkat awal projek adalah tidak menjamin kepentingan pihak Kerajaan terutamanya sekiranya projek dimansuhkan. Bagi cara pembayaran Wang Jaminan Pelaksanaan yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam kontrak sehingga menyebabkan ketidakseragaman dalam cara pembayaran, satu norma harus ditetapkan bagi menyeragamkan urusan di semua cawangan. Bagi pembayaran Bon Pelaksanaan pula, pihak JKR harus meminta resit premium Bon Pelaksanaan daripada pihak kontraktor memandangkan ia adalah satu dokumen sokongan yang menentukan pembayaran seperti dinyatakan dalam Kontrak <i>Method of Measurement and Pricing Factors</i>. Selain itu, satu norma</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>perlu ditetapkan bagi menyeragamkan cara pembayaran kepada kontraktor di semua cawangan JKR bagi projek bangunan yang tidak terikat dengan sebarang kaedah pembayaran dalam kontrak.</p> <p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan akan menyediakan Garis Panduan bagi menetapkan dan menyeragamkan pembayaran interim bagi setiap item kerja awalan di semua cawangan JKR. Garis Panduan akan dikeluarkan pada akhir tahun 2015.</i></p>	













**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**





**KEMENTERIAN KERJA RAYA**





**Jabatan Kerja Raya**





**Perenggan 11 : Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Pejabat Kerajaan Di Putrajaya**



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.1.2.a	<p><b>Prestasi Penyenggaraan Fizikal - <i>Work Order</i> Masih Belum Ditutup</b></p> <p>Kontraktor dikehendaki membuka <i>Work Order</i> bagi setiap kerosakan berdasarkan aduan pelanggan, pemeriksaan, <i>corrective</i> dan <i>predictive</i>. Setiap kerosakan hendaklah diambil tindakan oleh pihak kontraktor dan selepas tindakan pembaikan dibuat, <i>Work Order</i> tersebut hendaklah ditutup. Semakan Audit terhadap senarai <i>Work Order</i> mendapati sebanyak 695 <i>Work Order</i> yang belum ditutup antara 90 hari hingga 365 hari dan 52 <i>Work Order</i> yang belum ditutup melebihi 365 hari.</p>	<p><b>Maklum Balas Yang Dikemukakan oleh KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Sehingga 9 Okt. 2015. Daripada 747 <i>work order</i> (WO) yang belum ditutup, 624 WO telah siap iaitu 83.5%. Semua kerja yang belum siap ialah kerja-kerja yang telah dijadual/dirancangkan iaitu;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) <i>scheduled corrective maintenance</i> (30 WO) yang jangka siap akhir Nov. 2015,</li> <li>ii) kerja-kerja naik taraf 2015 dan 2016 (88 WO) yang akan siap secara berperingkat sehingga Sept. 2016, dan</li> <li>iii) Kerja <i>defect</i> (5 WO) dibawah Putrajaya Holdings.</li> </ul>
11.5.1.2.b.i	<p><b>Penyenggaraan Sivil Dan Struktur - Lapisan Bumbung Konkrit Rata Telah Rosak/Terkoyak</b></p> <p>Lawatan Audit ke blok E8, E9, E12, 5G2, 2G3 dan 2G4 mendapati kualiti kerja penyenggaraan yang kurang memuaskan di mana lapisan kalis air telah rosak dan terkoyak serta air bertakung menyebabkan kawasan sekitarnya berlumut dan licin. Bagaimanapun, pihak kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan ke atas kerosakan di semua lokasi tersebut setelah teguran dibangkitkan oleh pihak Audit.</p>	<p><b>Maklum Balas Yang Dikemukakan oleh KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Kerja-kerja pembaikan selesai serta tarikh-tarikh siap ditunjukkan seperti Gambar 11.2, Gambar 11.4, Gambar 11.6 dan Gambar 11.8 dalam LKAN dan gambar terkini ditunjukkan dalam Gambar 11.2a dan 11.4a.</p>





Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
		<table border="1"> <tr> <td data-bbox="1294 256 1608 679"> <p><b>SEBELUM</b> <b>GAMBAR 11.1</b></p>  <p><i>Aras 10 : Bumbung, Blok E8</i> - Lapisan Bumbung Rata Konkrit Yang Mengalami Resapan Air Berlaku (28.04.2015)</p> </td> <td data-bbox="1608 256 1921 679"> <p><b>SELEPAS</b> <b>Gambar 11.2a</b></p>  <p><i>Aras 10 : Bumbung, Blok E8</i> - Status terkini dilokasi penemuan audit- kerja pembaikan telah siap - Kerja-kerja Menaiktaraf Menyeluruh sedang di jalankan (Kemajuan =90%) dijangka siap 31 Oktober 2015.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1294 735 1608 1281"> <p><b>SEBELUM</b> <b>GAMBAR 11.3</b></p>  <p><i>Aras Bumbung, Blok E9</i> - Lapisan Bumbung Rata Konkrit Yang Mengalami Resapan Air Berlaku (28.04.2015)</p> </td> <td data-bbox="1608 735 1921 1281"> <p><b>SELEPAS</b> <b>Gambar 11.4a</b></p>  <p><i>Aras Bumbung : Bumbung, Blok E9</i> - Status terkini dilokasi penemuan audit- kerja pembaikan telah siap - Kerja-kerja Berjadual Menaiktaraf sedang di jalankan (Kemajuan =70%) dijangka siap 30 November 2015.</p> </td> </tr> </table>	<p><b>SEBELUM</b> <b>GAMBAR 11.1</b></p>  <p><i>Aras 10 : Bumbung, Blok E8</i> - Lapisan Bumbung Rata Konkrit Yang Mengalami Resapan Air Berlaku (28.04.2015)</p>	<p><b>SELEPAS</b> <b>Gambar 11.2a</b></p>  <p><i>Aras 10 : Bumbung, Blok E8</i> - Status terkini dilokasi penemuan audit- kerja pembaikan telah siap - Kerja-kerja Menaiktaraf Menyeluruh sedang di jalankan (Kemajuan =90%) dijangka siap 31 Oktober 2015.</p>	<p><b>SEBELUM</b> <b>GAMBAR 11.3</b></p>  <p><i>Aras Bumbung, Blok E9</i> - Lapisan Bumbung Rata Konkrit Yang Mengalami Resapan Air Berlaku (28.04.2015)</p>	<p><b>SELEPAS</b> <b>Gambar 11.4a</b></p>  <p><i>Aras Bumbung : Bumbung, Blok E9</i> - Status terkini dilokasi penemuan audit- kerja pembaikan telah siap - Kerja-kerja Berjadual Menaiktaraf sedang di jalankan (Kemajuan =70%) dijangka siap 30 November 2015.</p>
<p><b>SEBELUM</b> <b>GAMBAR 11.1</b></p>  <p><i>Aras 10 : Bumbung, Blok E8</i> - Lapisan Bumbung Rata Konkrit Yang Mengalami Resapan Air Berlaku (28.04.2015)</p>	<p><b>SELEPAS</b> <b>Gambar 11.2a</b></p>  <p><i>Aras 10 : Bumbung, Blok E8</i> - Status terkini dilokasi penemuan audit- kerja pembaikan telah siap - Kerja-kerja Menaiktaraf Menyeluruh sedang di jalankan (Kemajuan =90%) dijangka siap 31 Oktober 2015.</p>					
<p><b>SEBELUM</b> <b>GAMBAR 11.3</b></p>  <p><i>Aras Bumbung, Blok E9</i> - Lapisan Bumbung Rata Konkrit Yang Mengalami Resapan Air Berlaku (28.04.2015)</p>	<p><b>SELEPAS</b> <b>Gambar 11.4a</b></p>  <p><i>Aras Bumbung : Bumbung, Blok E9</i> - Status terkini dilokasi penemuan audit- kerja pembaikan telah siap - Kerja-kerja Berjadual Menaiktaraf sedang di jalankan (Kemajuan =70%) dijangka siap 30 November 2015.</p>					







Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.5</b></p>  <p><i>Aras Bumbung, Blok 2G3 - Lapisan Bumbung Rata Konkrit Yang Memerlukan Pembetulan Kalis Air Bagi Mengelakkan Resapan Air Bertaku (11.05.2015)</i></p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.6</b></p>  <p><i>Aras Bumbung, Blok 2G3 - Telah dibaiki (11.08.2015) (Sumber : JKR-WFP)</i></p> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.7</b></p>  <p><i>Aras Bumbung, Blok 2G4 - Lapisan Bumbung Rata Konkrit Yang Memerlukan Pembetulan Kalis Air Bagi Mengelakkan Resapan Air Bertaku (11.05.2015)</i></p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.8</b></p>  <p><i>Aras Bumbung, Blok 2G4 - Telah dibaiki (11.08.2015) (Sumber : JKR-WFP)</i></p> </div> </div>
11.5.1.2.b.ii	<p><b>Kesan Resapan Air Pada Siling Dan Dinding</b></p> <p>Lawatan Audit mendapati terdapat kesan resapan air pada siling dan dinding di blok E4, E6, E7, 2G3, 2G4, WP1 dan WP2. Bagaimanapun pihak kontraktor telah mengambil tindakan pembaikan ke atas kerosakan di semua lokasi tersebut setelah teguran dibangkitkan oleh pihak Audit.</p>	<p><b>Maklum Balas Yang Dikemukakan oleh KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Kerja-kerja pembaikan telah diambil dan telah diselesaikan serta tarikh-tarikh siap ditunjukkan seperti Gambar 11.10, Gambar 11.12, Gambar 11.14 dan Gambar 11.16 dalam LKAN.</p>





Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini										
		<p style="text-align: center;"><b>JADUAL 11.6</b> <b>KESAN RESAPAN AIR PADA SILING DAN DINDING</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 30%;">LOKASI</th> <th>KEADAAN FIZIKAL</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bangunan 2G3</td> <td>Resapan Air Pada Siling Podium 1, Aras 6</td> </tr> <tr> <td>Bangunan 2G3</td> <td>Resapan Air Dinding Di Basement B3</td> </tr> <tr> <td>Bangunan 2G4</td> <td>Resapan Air Pada Siling Di Basemen B3 Menyebabkan Terjadinya Stalagtit</td> </tr> <tr> <td>Bangunan 2G4</td> <td>Resapan Air Pada Siling Di Basemen B3 Menyebabkan Terjadinya Stalagtit</td> </tr> </tbody> </table> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.9</b></p>  <p><i>Bangunan 2G3</i> <i>-Resapan Air Pada Siling Podium 1, Aras 6</i> <i>(11.05.2015)</i></p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.10</b></p>  <p><i>Bangunan 2G3</i> <i>- Telah dibaiki (21.08.2015)</i> <i>(Sumber : JKR-WPP)</i></p> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.11</b></p>  <p><i>Bangunan 2G3</i> <i>-Resapan Air Dinding Di Basement B3</i> <i>(11.05.2015)</i></p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.12</b></p>  <p><i>Bangunan 2G3</i> <i>- Telah dibaiki (13.05.2015)</i> <i>(Sumber : JKR-WPP)</i></p> </div> </div>	LOKASI	KEADAAN FIZIKAL	Bangunan 2G3	Resapan Air Pada Siling Podium 1, Aras 6	Bangunan 2G3	Resapan Air Dinding Di Basement B3	Bangunan 2G4	Resapan Air Pada Siling Di Basemen B3 Menyebabkan Terjadinya Stalagtit	Bangunan 2G4	Resapan Air Pada Siling Di Basemen B3 Menyebabkan Terjadinya Stalagtit
LOKASI	KEADAAN FIZIKAL											
Bangunan 2G3	Resapan Air Pada Siling Podium 1, Aras 6											
Bangunan 2G3	Resapan Air Dinding Di Basement B3											
Bangunan 2G4	Resapan Air Pada Siling Di Basemen B3 Menyebabkan Terjadinya Stalagtit											
Bangunan 2G4	Resapan Air Pada Siling Di Basemen B3 Menyebabkan Terjadinya Stalagtit											



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini	
		<p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.13</b></p>  <p><i>Bangunan 2G4</i> - Resapan Air Pada Siling Di Basemen B3 Menyebabkan Terjadinya Stalagtit (11.05.2015)</p>	<p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.14</b></p>  <p><i>Bangunan 2G4</i> - Telah dibaiki (11.08.2015) (Sumber : JKR-WPP)</p>
		<p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.15</b></p>  <p><i>Bangunan 2G4</i> - Resapan Air Pada Siling Di Basemen B3 Menyebabkan Terjadinya Stalagtit (11.05.2015)</p>	<p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.16</b></p>  <p><i>Bangunan 2G4</i> - Telah Dibaiki (11.08.2015) (Sumber : JKR-WPP)</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini														
11.5.1.2.c.i	<p><b>Penyenggaraan Elektrikal - <i>Buildings Control System</i> Tidak Berfungsi Dengan Baik</b></p> <p><i>Buildings Control System</i> (BCS) merupakan satu sistem yang berfungsi bagi tujuan pemantauan sistem penghawa dingin berpusat, sistem pengudaraan, sistem elektrik, sistem <i>water fountain</i> dan sistem bekalan air yang terdapat dalam sesuatu bangunan. Lawatan Audit telah dibuat di semua bilik BCS bagi 7 bangunan Kerajaan yang dipilih dan mendapati sistem BCS yang tidak berfungsi dengan baik dan telah diambil tindakan pembaikan sewajarnya selepas teguran Audit.</p>	<p><b>Maklum Balas Yang Dikemukakan oleh KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Kerja-kerja pembaikan telah diambil dan telah diselesaikan serta tarikh-tarikh siap ditunjukkan seperti Gambar 11.26, Gambar 11.28, Gambar 11.30, Gambar 11.32, Gambar 34 dan Gambar 11.36 dalam LKAN.</p> <p style="text-align: center;"><b>JADUAL 11.9</b> <b>BUILDINGS CONTROL SYSTEM TIDAK BERFUNGSI DENGAN BAIK</b></p> <table border="1" data-bbox="1205 478 2072 858"> <thead> <tr> <th data-bbox="1205 478 1451 523">LOKASI</th> <th data-bbox="1451 478 2072 523">KEADAHAN FIZIKAL</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1205 523 1451 587">Bilik BCS, Blok E9</td> <td data-bbox="1451 523 2072 587"><i>Fire Alarm Control System</i> Rosak – <i>Digital Alarm Communicator (Direct Link To Jabatan Bomba Dan Penyelamat)</i> Tidak Dapat Diguna</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1205 587 1451 651">Bilik BCS, Blok E9</td> <td data-bbox="1451 587 2072 651"><i>Building Control System</i> (BCS) tidak berfungsi bagi memantau dan mengawal penggunaan tenaga di dalam bangunan secara automatik</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1205 651 1451 715">Aras G Bilik BCS, Lot 2G4</td> <td data-bbox="1451 651 2072 715">Semua bacaan suhu tidak dapat dibaca di bilik kawalan untuk <i>Chilled Water Pump</i> Aras B1 Lot 2G4 Podium 2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1205 715 1451 778">Aras G Bilik BCS, Lot 2G4</td> <td data-bbox="1451 715 2072 778"><i>Chilled Water Pump</i> 1, 2, dan 3 beroperasi secara manual. Semua bacaan suhu tidak dapat dibaca di bilik kawalan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1205 778 1451 826">Bilik BCS, Blok WP1</td> <td data-bbox="1451 778 2072 826">BCS Tidak Dapat Diakses</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1205 826 1451 858">Bilik BCS, Blok WP2</td> <td data-bbox="1451 826 2072 858">BCS Tidak Dapat Diakses</td> </tr> </tbody> </table> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;"> <div data-bbox="1227 917 1624 1340" style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.25</b></p>  <p><i>Bilik Building Control System, Blok E9</i> <i>- Fire Alarm Control System Rosak – Digital Alarm Communicator (Direct Link To Jabatan Bomba Dan Penyelamat) Tidak Dapat Diguna</i> (28.04.2015)</p> </div> <div data-bbox="1657 917 2038 1292" style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.26</b></p>  <p><i>Bilik Building Control System, Blok E9</i> <i>- Telah Dibaiki (17.08.2015)</i> (Sumber: JKR-WPP)</p> </div> </div>	LOKASI	KEADAHAN FIZIKAL	Bilik BCS, Blok E9	<i>Fire Alarm Control System</i> Rosak – <i>Digital Alarm Communicator (Direct Link To Jabatan Bomba Dan Penyelamat)</i> Tidak Dapat Diguna	Bilik BCS, Blok E9	<i>Building Control System</i> (BCS) tidak berfungsi bagi memantau dan mengawal penggunaan tenaga di dalam bangunan secara automatik	Aras G Bilik BCS, Lot 2G4	Semua bacaan suhu tidak dapat dibaca di bilik kawalan untuk <i>Chilled Water Pump</i> Aras B1 Lot 2G4 Podium 2	Aras G Bilik BCS, Lot 2G4	<i>Chilled Water Pump</i> 1, 2, dan 3 beroperasi secara manual. Semua bacaan suhu tidak dapat dibaca di bilik kawalan	Bilik BCS, Blok WP1	BCS Tidak Dapat Diakses	Bilik BCS, Blok WP2	BCS Tidak Dapat Diakses
LOKASI	KEADAHAN FIZIKAL															
Bilik BCS, Blok E9	<i>Fire Alarm Control System</i> Rosak – <i>Digital Alarm Communicator (Direct Link To Jabatan Bomba Dan Penyelamat)</i> Tidak Dapat Diguna															
Bilik BCS, Blok E9	<i>Building Control System</i> (BCS) tidak berfungsi bagi memantau dan mengawal penggunaan tenaga di dalam bangunan secara automatik															
Aras G Bilik BCS, Lot 2G4	Semua bacaan suhu tidak dapat dibaca di bilik kawalan untuk <i>Chilled Water Pump</i> Aras B1 Lot 2G4 Podium 2															
Aras G Bilik BCS, Lot 2G4	<i>Chilled Water Pump</i> 1, 2, dan 3 beroperasi secara manual. Semua bacaan suhu tidak dapat dibaca di bilik kawalan															
Bilik BCS, Blok WP1	BCS Tidak Dapat Diakses															
Bilik BCS, Blok WP2	BCS Tidak Dapat Diakses															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.27</b></p>  <p><i>Bilik BCS, Blok E9</i>  - Building Control System (BCS) Tidak Berfungsi Bagi Memantau Dan Mengawal Penggunaan Tenaga Di Dalam Bangunan Secara Automatik (28.04.2015)</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.28</b></p>  <p><i>Bilik Building Control System, Blok E9</i>  - Telah Dibaiki (17.08.2015)  (Sumber : JKR-WPP)</p> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.29</b></p>  <p><i>Aras G Bilik BCS, Lot 2G4</i>  Semua Bacaan Suhu Tidak Dapat Dibaca Di Bilik Kawalan Untuk Chilled Water Pump Aras B1 Lot 2G4 Podium 2 (11.05.2015)</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.30</b></p>  <p><i>Aras G Bilik BCS, Lot 2G4</i>  - Telah Berfungsi (25.07.2015)  (Sumber : JKR-WPP)</p> </div> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.31</b></p>  <p>Aras G Bilik BCS, Lot 2G4 Chilled Water Pump1, 2, Dan 3 Beroperasi Secara Manual. Semua Bacaan Suhu Tidak Dapat Dibaca Di Bilik Kawalan (11.05.2015)</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.32</b></p>  <p>Aras G Bilik BCS, Lot 2G4 - Telah Berfungsi (25.07.2015) (Sumber : JKR-WPP)</p> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>GAMBAR 11.33</b></p>  <p>Bilik BCS, Blok WP1 - BCS Tidak Dapat Diakses (19.05.2015)</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>GAMBAR 11.34</b></p>  <p>Bilik BCS, Blok WP1 - BCS Telah Boleh Diakses pada 25.08.2015 (Sumber : JKR-WPP)</p> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.35</b></p>  <p>Bilik BCS, Blok WP2 - BCS Tidak Dapat Diakses (19.05.2015)</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.36</b></p>  <p>Bilik BCS, Blok WP2 - BCS Telah Boleh Diakses pada 25.08.2015. (Sumber : JKR-WPP)</p> </div> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.1.2.c.ii	<p><b>Kehilangan Pengalir Sistem Panahan Petir</b></p> <p>Pengalir sistem perlindungan petir adalah berfungsi untuk mengalirkan arus elektrik dari panahan petir ke bumi melalui rangkaian pita tembaga dan <i>down conductor</i> dengan secepat mungkin bagi mengelakkan risiko <i>thermal</i> dan <i>mechanical stress</i> dan juga <i>side flashing</i>. Lawatan Audit mendapati pengalir sistem panahan petir di Blok E2, E3 dan 2G3 telah hilang. Kerosakan atau ketiadaan pengalir sistem panahan petir ini akan menyebabkan pengalir ini gagal mengalirkan arus ke bumi dan bangunan terdedah kepada serangan petir. Keadaan kerosakan berserta lokasinya dan tindakan pembaikan selepas teguran Audit dibuat.</p>	<p><b>Maklum Balas Yang Dikemukakan oleh KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Kerja-kerja pembaikan telah diambil dan telah diselesaikan serta tarikh-tarikh siap ditunjukkan seperti Gambar 11.38, Gambar 11.40 dan Gambar 11.44 dalam LKAN.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.37</b></p>  <p>Bangunan E2 - Pengalir Sistem Panahan Petir Telah Hilang (28.04.2015)</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.38</b></p>  <p>Bangunan E2 - Telah Diganti Pada 10.08.2015 (Sumber : JKR-WPP)</p> </div> </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.39</b></p>  <p>Bangunan E2 - Pengalir Sistem Panahan Petir Telah Hilang (28.04.2015)</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.40</b></p>  <p>Bangunan E2 - Telah Diganti Pada 10.08.2015 (Sumber : JKR-WPP)</p> </div> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <p><b>SEBELUM</b></p> <p><b>GAMBAR 11.43</b></p>  <p>Bangunan E3 - Pengalir Sistem Penahan Petir Telah Hilang (23.04.2015)</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><b>SELEPAS</b></p> <p><b>GAMBAR 11.44</b></p>  <p>Bangunan E3 - Telah Diganti Pada 08.07.2015 (Sumber : JKR-WPP)</p> </div> </div>
11.5.1.2.d	<p><b>Penyenggaraan Mekanikal</b></p> <p>Skop kerja penyenggaraan mekanikal adalah pembaikan lif, penyaman udara, pengudaraan, pelawas udara, pengudaraan di tempat kereta, sistem <i>sprinkler</i>, <i>fire alarm</i> dan <i>fire fighting</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi penyenggaraan fizikal beberapa bangunan Kerajaan adalah kurang cekap. <i>Work Order</i> yang belum ditutup oleh kontraktor dari 90 hari hingga melebihi 365 hari adalah lama untuk diambil tindakan. Kerja-kerja penyenggaraan sivil dan struktur, elektrik dan mekanikal juga tidak memuaskan kerana banyak mengalami kerosakan.</p> <p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Daripada 747 bilangan Work Order yang diaudit, sejumlah 624 bilangan (83.53%) telah ditutup. Manakala baki 30 bilangan (4.02%) adalah di bawah kategori Scheduled Corrective Maintenance (SCM), 88 bilangan (11.78%) adalah kerja-kerja naiktaraf Kitar Hayat Aset (Life Cycle Costing, LCC) yang akan siap secara berperingkat sehingga September 2016 dan 5 bilangan (0.67%) adalah Latent Defect bawah tindakan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Kerja-kerja pembaikan juga telah dilaksanakan ke atas kerosakan yang dibangkitkan seperti yang ditunjukkan dalam gambar-gambar di atas.</i></p>	<p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Daripada 747 bilangan <i>Work Order</i> yang diaudit, sejumlah 624 bilangan (83.53%) telah ditutup. Manakala baki 30 bilangan (4.02%) adalah di bawah kategori <i>Scheduled Corrective Maintenance (SCM)</i>, 88 bilangan (11.78%) adalah kerja-kerja naiktaraf Kitar Hayat Aset (<i>Life Cycle Costing, LCC</i>) yang akan siap secara berperingkat sehingga September 2016 dan 5 bilangan (0.67%) adalah <i>Latent Defect</i> bawah tindakan Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Kerja-kerja pembaikan juga telah dilaksanakan ke atas kerosakan yang dibangkitkan seperti yang ditunjukkan dalam gambar-gambar di atas.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.5.2.2.a	<p><b>Pelantikan Kontraktor - Pelantikan Jawatankuasa Penilaian Tender</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan bahawa Penilaian Tender hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Tender yang dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender. Manakala mengikut Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya Bil. 1/2008 Pengarah Cawangan/Negeri/Unit Khas yang menguruskan tender hendaklah melantik secara bertulis nama dan jawatan pegawai bagi menganggotai Jawatankuasa Penilaian Tender sama ada tender konvensional atau tender reka dan bina. Semakan Audit terhadap 25 perolehan kontrak penyenggaraan mendapati pelantikan Jawatankuasa Penilaian Tender secara bertulis tidak dibuat oleh Ketua Jabatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pelantikan kontraktor adalah kurang teratur. Surat pelantikan secara bertulis hendaklah dibuat kepada pegawai yang dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender untuk memastikan proses pelantikan kontraktor dibuat secara telus dan berintegriti.</p> <p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Semua urusan penilaian tender adalah dibuat melalui satu Jawatankuasa Penilaian Tender. Pelantikan Jawatankuasa adalah diminitkan secara rasmi dan pelantikan dibuat secara bertulis. Walaubagaimanapun rekod pelantikan Jawatankuasa tidak disimpan dengan sempurna dalam fail yang berkaitan.</i></p> <p><i>Walaubagaimanapun selepas mendapat teguran secara lisan daripada Pasukan Audit semasa proses pengauditan, JKR-WPP telah mengambil tindakan segera untuk memantapkan lagi proses pelantikan Jawatankuasa Penilaian Tender termasuk pelantikan Ahli Jawatankuasa Penilaian dibuat secara bertulis dan direkodkan dengan sempurna bermula tender pada 27 Febuari 2015.</i></p>	<p><b>Maklum Balas Yang Dikemukakan oleh KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Semua urusan penilaian tender adalah dibuat melalui satu Jawatankuasa Penilaian Tender. Pelantikan Jawatankuasa adalah diminitkan secara rasmi dan pelantikan dibuat secara bertulis. Walaubagaimanapun rekod pelantikan Jawatankuasa tidak disimpan dengan sempurna dalam fail yang berkaitan</p> <p>Walaubagaimanapun selepas mendapat teguran secara lisan daripada Pasukan Audit semasa proses pengauditan, JKR-WPP telah mengambil tindakan segera untuk memantapkan lagi proses pelantikan Jawatankuasa Penilaian Tender termasuk pelantikan Ahli Jawatankuasa Penilaian dibuat secara bertulis dan direkodkan dengan sempurna bermula tender pada 27 Febuari 2015 – <i>Projek FM Lot 3G1</i> .</p>
11.5.3.2	<p><b>Pemantauan - Laporan Prestasi Kerja</b></p> <p>JKR-WPP adalah bertanggungjawab bagi memastikan supaya kontraktor menjalankan tanggungjawabnya berdasarkan kontrak yang telah ditandatangani. Laporan Prestasi Kerja dibuat bagi menentukan tahap prestasi kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor. Semakan Audit mendapati tiada Laporan Prestasi Kerja kontraktor disediakan bagi menilai prestasi kerja kontraktor dari segi jadual pelaksanaan, skop perkhidmatan, sumber manusia,</p>	<p><b>Maklum Balas Yang Dikemukakan oleh KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Bagi tujuan penilaian prestasi keseluruhan kontraktor, satu format borang Penilaian Prestasi Kontraktor Penyenggaraan dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Senggara telah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia pada 15 Ogos 2014 (<i>No.Dokumen: JKR.PK(0).07-6</i>) dan akan digunakan bagi kerja penyenggaraan yang sudah siap.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>keupayaan teknikal, kualiti kerja, kerjasama dan penyeliaan dan pengawasan. Situasi ini berlaku kerana tiada peraturan yang menetapkan keperluan Laporan Prestasi Kerja disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR-WPP telah memantau pelaksanaan kerja penyenggaraan kontraktor melalui Mesyuarat Bulanan dengan teratur. Bagaimanapun, pemantauan melalui Laporan Prestasi Kerja tidak dibuat bagi menilai kualiti pelaksanaan kerja kontraktor.</p> <p><b>Maklum Balas Yang Diterima Daripada KKR Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bagi tujuan penilaian prestasi keseluruhan kontraktor, satu format borang Penilaian Prestasi Kontraktor Penyenggaraan dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Senggara telah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat JKR Malaysia pada 15 Ogos 2014 (No.Dokumen: JKR.PK(0).07-6) dan akan digunakan bagi kerja penyenggaraan yang sudah siap. Bagi tujuan Penilaian Prestasi Semasa Kontraktor, Borang yang sama juga boleh digunakan.</i></p>	<p>Bagi tujuan Penilaian Prestasi Semasa Kontraktor, Borang yang sama juga boleh digunakan.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA / KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**Perenggan 12 : Projek Menaik Taraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.1.1	<p><b>Prestasi Projek Pembinaan - Pencapaian Fizikal Projek</b></p> <p>Mengikut syarat kontrak, projek ini hendaklah disiapkan dalam tempoh 33 bulan iaitu daripada 16 Mac 2008 hingga 15 Disember 2010. Bagaimanapun, kontraktor tidak dapat menyiapkan keseluruhan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan. JKR telah memberi kelulusan lanjutan masa (EOT) selama 90 hari bermula 16 Disember 2010 hingga 15 Mac 2011. Bagaimanapun projek ini hanya dapat diserahkan kepada KKM pada 30 Mei 2012 iaitu setahun selepas tarikh perakuan siap kerja pada 1 Jun 2011.</p> <p>Pada pendapat Audit, Sejagat Bakti telah gagal menyiapkan dan menyerahkan projek dalam masa yang ditetapkan.</p> <p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015</b></p> <p><i>Kontraktor yang dilantik kurang pengalaman dalam projek pembinaan kesihatan terutama hospital. Perunding yang dilantik bagi mereka bentuk dan mengawal selia bagi projek ini kurang kepakaran bagi projek pembinaan hospital. Adalah didapati pihak kontraktor lewat untuk menyiapkan semua kecacatan yang dilaporkan bagi membolehkan penyerahan dibuat dengan kadar segera selepas CPC dikeluarkan. Pihak kontraktor juga telah lewat menyelesaikan kecacatan yang dilaporkan di sepanjang DLP. Kecacatan yang dilaporkan sehingga tamat DLP adalah sebanyak 4,198 bilangan aduan yang perlu diambil tindakan. JKR terpaksa melaksanakan kerja pembaikan kecacatan dengan melantik pihak ketiga. Sebanyak 45 pelantikan pihak ketiga telah dibuat oleh JKR bagi menyelesaikan kecacatan yang dilaporkan. Kontraktor juga bermasalah untuk menguruskan subkontraktor yang dilantiknya menyebabkan JKR terpaksa berurusan terus dengan subkontraktor terdahulu untuk menyelesaikan masalah kecacatan yang tidak diambil tindakan.</i></p>	<p>Maklumbalas kekal seperti di perenggan 12.5.1.1</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>12.5.2.1</b></p>	<p><b>Pengurusan Pembinaan - Pelantikan Kontraktor Dan Perunding</b></p> <p>Pelantikan Sejagat Bakti untuk melaksanakan projek menaik taraf telah diluluskan secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan. JKR telah mengeluarkan Surat Niat kepada Sejagat Bakti pada 24 April 2007 untuk memperincikan terma kontrak manakala Surat Setuju Terima pada 25 Februari 2008 dengan kontrak bernilai RM197.70 juta. Berdasarkan rekod Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Sejagat Bakti mula didaftarkan pada 22 April 1993 dengan modal berbayar sebanyak RM1 juta. Pelaksanaan projek menaik taraf Hospital Batu Pahat merupakan projek hospital pertama yang dilaksanakan oleh Sejagat Bakti.</p> <p>Pada pendapat Audit, Sejagat Bakti tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam bidang pembinaan hospital yang memerlukan kepakaran khas terutama melibatkan pembinaan bangunan dan peralatan perubatan. MOF perlu menilai kembali status pengalaman kontraktor sebelum melaksanakan projek Kerajaan.</p> <p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015</b></p> <p><i>Kontraktor bagi projek ini dilantik terus oleh Kementerian Kewangan pada 19 Mac 2007. Kaedah pelaksanaan secara Fast Track bagi projek Rundingan Terus telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 31 Januari 2008. Projek ini telah dikategorikan sebagai Fast Track Mode 2 iaitu projek ini permulaannya ditawarkan kepada kontraktor hanya dengan Kos Siling sahaja di peringkat penilaian/penyemakan harga.</i></p>	<p>Maklum balas kekal seperti di perenggan 12.5.2.1</p>
<p><b>12.5.2.2</b></p>	<p><b>Perjanjian Kontrak</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh empat bulan selepas Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Semakan Audit mendapati kontrak telah ditandatangani pada 16 Oktober 2008 iaitu lewat 113 hari dari tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses menandatangani kontrak perlu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Kelewatan menandatangani kontrak telah menyalahi peraturan kewangan.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Surat Tawaran (Projek Reka &amp; Bina) yang dikeluarkan kepada Sejagat Bakti bertarikh 25 Februari 2008 dengan kos siling berjumlah RM197.70 juta.</p> <p>Proses penyediaan dokumen kontrak sentiasa dipantau termasuklah mengeluarkan surat peringatan mengenai kelewatan kontraktor menyediakan dokumen kontrak seawal 18 April 2008.</p> <p>Walaupun syarat kontrak piawai digunapakai tanpa perlu semakan khas oleh Penasihat Undang-undang, cadangan rekabentuk kontraktor juga merupakan sebahagian dari dokumen kontrak. Bagi <i>Fast Track Mode 2</i>, cadangan rekabentuk tersebut perlu disemak bagi memastikan keperluan teknikal, kefungisian, dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bagi projek Reka Dan Bina, skop ditentukan terlebih dahulu sebelum rundingan harga dan Surat Tawaran dikeluarkan. Walau bagaimanapun projek ini berbeza dari proses Reka Dan Bina yang biasa kerana skop kerja ditentukan selepas Surat Tawaran. Oleh itu, tempoh 4 bulan untuk menandatangani kontrak adalah tidak dapat dilaksanakan. Surat Tawaran telah dikeluarkan kepada Sejagat Bakti bertarikh 25 Februari 2008 dengan kos siling berjumlah RM197.70 juta. Proses penyediaan dokumen kontrak sentiasa dipantau termasuklah mengeluarkan surat peringatan mengenai kelewatan kontraktor menyediakan dokumen kontrak seawal 18 April 2008.</i></p> <p><i>Walaupun syarat kontrak piawai digunakan tanpa perlu semakan khas oleh Penasihat Undang-undang, cadangan rekabentuk kontraktor juga merupakan sebahagian dari dokumen kontrak. Bagi Fast Track Mode 2, cadangan rekabentuk tersebut perlu disemak bagi memastikan keperluan teknikal, kefungisian, dan keselamatan memenuhi kehendak Kerajaan. Beberapa siri bengkel telah diadakan sebelum draf dokumen disediakan dan dimajukan untuk semakan JKR dan KKM. Selepas pembetulan yang berkaitan disempurnakan, dokumen kontrak didapati teratur pada 25 September 2008 dan telah ditandatangani pada 16 Oktober 2008. JKR juga telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan dokumen kontrak disediakan sebagaimana jadual, contohnya dengan mengadakan bengkel-bengkel keperluan teknikal, perubatan dan Room Data Interactions dan tidak hanya menyerahkan urusan tersebut kepada kontraktor.</i></p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 2 September 2015</b></p> <p><i>Semua agensi Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada sebarang dasar/peraturan/tatacara pentadbiran kontrak yang telah ditetapkan tanpa mengambil kira kaedah perolehan atau kaedah pelaksanaan projek tersebut. Bagi sesuatu perolehan yang dibuat secara Rundingan Terus, Agensi dikehendaki melaksanakan rundingan bagi menentukan kos, reka bentuk dan skop projek yang memberi nilai faedah terbaik kepada Kerajaan.</i></p>	<p>keselamatan memenuhi kehendak Kerajaan. Beberapa siri bengkel telah diadakan sebelum draf dokumen disediakan dan dimajukan untuk semakan JKR dan KKM. Selepas pembetulan yang berkaitan disempurnakan, dokumen kontrak didapati teratur pada 25 September 2008 dan telah ditandatangani pada 16 Oktober 2008. JKR juga telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan dokumen kontrak disediakan sebagaimana jadual, contohnya dengan mengadakan bengkel-bengkel keperluan teknikal, perubatan dan <i>Room Data Interactions</i> dan tidak hanya menyerahkan urusan tersebut kepada kontraktor.</p> <p>Norma bagi projek reka dan bina, skop ditentukan terlebih dahulu sebelum rundingan harga dan Surat Tawaran dikeluarkan. Walaubagaimanapun Projek ini berbeza dari proses reka dan bina yang biasa kerana skop kerja ditentukan selepas Surat Tawaran. Oleh itu, tempoh 4 bulan untuk menandatangani kontrak adalah tidak dapat dilaksanakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.2.3.a	<p><b>Perkhidmatan Pengangkutan Dan Kemudahan Peralatan - Kelulusan Penggunaan Pengangkutan Dan Peralatan</b></p> <p>Kelulusan bagi perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan telah dibuat melalui Jawatankuasa Perolehan Melalui Kontrak (JKPMK), yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya II pada 23 Julai 2009 iaitu 17 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Ini bermakna penggunaan khidmat pengangkutan dan kemudahan peralatan telah dibuat tanpa kelulusan terlebih dahulu dengan jumlah kontrak berjumlah RM801,700.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Khidmat pengangkutan dan peralatan telah dibekalkan oleh kontraktor mengikut kontrak sebagaimana surat permohonan pejabat ini dan tiada kerugian di pihak Kerajaan. Kontrak ini dibuat secara <i>Fast Track</i> dan masih terdapat sesi perbincangan walaupun Surat Tawaran telah dikeluarkan menyebabkan kelewatan dalam permohonan kelulusan dari JKPMK dan kontraktor telah membekalkan mengikut kontrak</p>
12.5.2.3.b	<p><b>Perkhidmatan Pengangkutan</b></p> <p>Penggunaan perkhidmatan kenderaan dibenarkan bagi projek melebihi RM500,000 dan memenuhi salah satu daripada empat kriteria iaitu jalan masuk yang tidak berturap dan sukar dilalui dan hanya boleh dilalui oleh kenderaan pacuan 4 roda; atau melibatkan pembinaan kompleks bangunan dan kawasan tapak bina yang luas melebihi 40 ekar; atau pembinaan projek berbentuk <i>linear</i> yang tidak ada akses di sepanjang jajarannya melebihi 1 km; atau melibatkan kawasan tapak bina yang sukar dilalui seperti berbukit bukau, berpaya dan sebagainya. Semakan mendapati kemudahan perkhidmatan kenderaan diluluskan tanpa memenuhi salah satu kriteria yang disyaratkan. Projek ini dibuat dalam kawasan Hospital Batu Pahat yang hanya meliputi kawasan seluas 10.5 ekar. Kedudukan Hospital Batu Pahat adalah berdekatan dengan kawasan perumahan dan mudah untuk diakses. Pembinaan jalan masuk sementara adalah kurang daripada 0.5km. Berdasarkan kontrak, JKR telah meluluskan perolehan tiga buah kenderaan berjumlah RM700,700 iaitu sebuah Toyota RAV4 (RM300,700) dan dua buah Honda CRV (RM400,000).</p> <p>Pada pendapat Audit, kelulusan penggunaan kenderaan dan peralatan oleh JKR adalah tidak teratur. Bagi perolehan kenderaan yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan oleh MOF, kenderaan tersebut sepatutnya menjadi hak milik Kerajaan.</p> <p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <p>a. <i>Khidmat pengangkutan dan peralatan telah dibekalkan oleh kontraktor mengikut kontrak sebagaimana surat permohonan pejabat ini dan tiada kerugian di pihak Kerajaan. Kontrak ini dibuat secara Fast Track dan</i></p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>CKK Ibu Pejabat JKR telah membuat permohonan perolehan melalui kontrak bagi projek KKM bertarikh 25 November 2008. Kemudahan perkhidmatan kenderaan diluluskan dengan justifikasi keluasan tapak pembinaan adalah &gt;40 ekar (keluasan keseluruhan Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor). Didapati tiada akses masuk untuk kerja pembinaan bagi projek ini kerana JKR tidak diberi kebenaran oleh pihak hospital menggunakan laluan masuk sedia ada ke tapak bina. Pembinaan jalan masuk sementara telah dibina untuk memasuki tapak. Justifikasi tersebut memenuhi SPP Bil. 13 tahun 1999.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>masih terdapat sesi perbincangan walaupun Surat Tawaran telah dikeluarkan menyebabkan kelewatan dalam permohonan kelulusan dari JKPMK dan kontraktor telah membekalkan mengikut kontrak.</i></p> <p><i>b. Kemudahan perkhidmatan kenderaan diluluskan dengan justifikasi keluasan tapak pembinaan adalah &gt;40 ekar (keluasan keseluruhan Hospital Batu Pahat). Didapati tiada akses masuk untuk kerja pembinaan bagi projek ini kerana laluan masuk sedia ada tidak dibenarkan untuk laluan kerja pembinaan oleh pihak hospital. Pembinaan jalan masuk sementara telah dibina untuk memasuki tapak.</i></p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kewangan Malaysia Yang Diterima Pada 2 September 2015</b></p> <p><i>Semua agensi Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada sebarang dasar/peraturan/tatacara pentadbiran kontrak yang telah ditetapkan tanpa mengambil kira kaedah perolehan atau kaedah pelaksanaan projek tersebut. Penggunaan perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan peralatan untuk pengurusan projek hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan/perakuan daripada Pegawai Pengawal/JKPMK yang dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Sebarang pengecualian terhadap dasar/peraturan yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Melulus bagi peraturan yang berkaitan sama ada Pegawai Pengawal atau Kementerian Kewangan Malaysia.</i></p>	
12.5.3.1	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Arahan Perubahan Kerja</b></p> <p>Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 202, Arahan Perubahan Kerja (APK) hendaklah dibuat dalam tempoh kontrak kecuali dibenarkan di bawah syarat kontrak. Semakan Audit mendapati kelulusan Perubahan Kerja No. 1 bagi penggantian kemas <i>gypsum board ceiling</i> kepada <i>aluminium strip ceiling</i> berjumlah RM99,409 pada 26 November 2013 dan APK No. 1 pada 23 Januari 2014 adalah tidak teratur kerana telah dibuat di luar tempoh kontrak yang berakhir pada 1 Jun 2011.</p> <p>Pada pendapat Audit, APK yang dibuat selepas 30 bulan daripada tarikh CPC adalah tidak teratur dan membolehkan Sejagat Bakti memohon EOT. JKR boleh mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga kerana APK tersebut dibuat di luar tempoh kontrak. Pindaan rekabentuk telah dibuat sendiri oleh perunding tanpa arahan daripada Pengarah Projek, wakil Pengarah Projek atau pihak Kerajaan.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Melalui dokumen sokongan yang dilampirkan bersama APK No.1 tersebut, <i>Architech Instruction</i> yang dikeluarkan pada 21 Februari 2011 adalah di dalam tempoh kontrak. APK No.1 telah dibentangkan dan tidak diluluskan di peringkat Jawatan Kuasa Perubahan Kerja Peringkat Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan kerana ianya merupakan satu keperluan untuk mengadakan siling dan tidak layak untuk dipertimbangkan sebagai kerja tambahan (Mesyuarat Jawatan Kuasa Perubahan Kerja yang tidak diluluskan pada 9 Mei 2013). APK No.1 (pengemukaan semula) yang telah diluluskan setelah Jawatan Kuasa berpuas hati dengan asas dan justifikasi yang dikemukakan dengan menyatakan aluminium strip siling tersebut adalah pertukaran jenis siling dan satu kehendak baru bagi menyeragamkan jenis siling di kawasan lobi dan <i>on-call doctor parking</i> dan pemoangan kos perlu dibuat kepada jenis siling asal. Oleh yang demikian Jawatan Kuasa Perubahan Kerja telah meluluskan hanya kepada pertukaran jenis siling sahaja.</p>


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bagi projek Reka Dan Bina, syarat-syarat kontrak fasal 27.3 perubahan kerja hendaklah dilaksanakan oleh kontraktor tetapi bagi tujuan pembayaran adalah tertakluk kepada kelulusan JKR (fasal 27.4). Tidak timbul isu mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga kerana kerja tersebut telah dilaksanakan di dalam tempoh kontrak. Melalui dokumen sokongan yang dilampirkan bersama APK No.1 tersebut, Architech Instruction yang dikeluarkan pada 21 Februari 2011 adalah di dalam tempoh kontrak. APK No.1 telah dibentangkan dan tidak diluluskan di peringkat Jawatan Kuasa Perubahan Kerja Peringkat Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan kerana ianya merupakan satu keperluan untuk mengadakan siling dan tidak layak untuk dipertimbangkan sebagai kerja tambahan (Mesyuarat Jawatan Kuasa Perubahan Kerja yang tidak diluluskan pada 9 Mei 2013). APK No.1 (pengemukaan semula) yang telah diluluskan setelah Jawatan Kuasa berpuas hati dengan asas dan justifikasi yang dikemukakan dengan menyatakan aluminium strip siling tersebut adalah pertukaran jenis siling dan satu kehendak baru bagi menyeragamkan jenis siling di kawasan lobi dan on-call doctor parking dan pemotongan kos perlu dibuat kepada jenis siling asal. Oleh yang demikian Jawatan Kuasa Perubahan Kerja telah meluluskan hanya kepada pertukaran jenis siling sahaja.</i></p>	<p>Bagi Projek Reka dan Bina, syarat-syarat kontrak fasal 27.3 perubahan kerja hendaklah dilaksanakan oleh kontraktor tetapi bagi tujuan pembayaran adalah tertakluk kepada kelulusan JKR (fasal 27.4). Tidak timbul isu mendapatkan perkhidmatan pihak ketiga kerana kerja tersebut telah dilaksanakan di dalam tempoh kontrak.</p> <p>JKR tidak bersetuju dengan pendapat audit kerana tidak semua APK melibatkan pemberian EOT dan bagi kes ini APK diluluskan atas rayuan semula kontraktor kepada JK APK Peringkat JKR tanpa melibatkan pemberian EOT.</p>
<p><b>12.5.3.3</b></p>	<p><b>Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD)</b></p> <p>Apabila penyiapan kerja didapati telah lewat dan sebab kelewatan tidak melayakkan kontraktor mendapat lanjutan masa, maka kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Kerajaan akibat daripada kelewatan tersebut adalah ditanggung oleh Sejagat Bakti melalui Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD). Semakan Audit mendapati Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) telah dikeluarkan pada 27 Ogos 2009. Berdasarkan kontrak LAD akan dikenakan berjumlah RM36,555 sehari sekiranya projek lambat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Sejagat Bakti telah dikenakan LAD berjumlah RM2.85 juta disebabkan kelewatan menyiapkan projek selama 78 hari daripada tempoh yang ditetapkan iaitu pada 15 Mac 2011. Pada 8 Mei 2014 Sejagat Bakti telah memohon EOT secara <i>ex-gratia</i> dan pelepasan LAD berjumlah RM2.85 juta kepada JKR dan Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya pada 15 Mei 2015 telah membuat pengesyoran kepada Kementerian Kewangan agar pengecualian tersebut diluluskan sungguhpun Kementerian Kewangan pada 11 Februari 2015 telah menolak permohonan pengecualian LAD oleh Sejagat Bakti. Antara alasan permohonan oleh Sejagat Bakti adalah</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Setelah mengambil kira semua permohonan dan analisa serta keputusan penolakan EOT No.2 tersebut, didapati Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) yang dikeluarkan adalah sah. Semakan dibuat dan didapati pengiraan kadar denda LAD adalah teratur di mana ianya dikira dari CNC dikeluarkan sehingga CPC dikeluarkan. Semakan juga mendapati bahawa pada 31 Mac 2011 permohonan Lanjutan Masa No.2 tersebut tidak disokong oleh Wakil Pengarah Projek ketika itu. Tiada <i>ex-gratia</i> EOT diperuntukkan di dalam kontrak seperti yang telah dimohon oleh kontraktor dan tiada kelulusan <i>ex-gratia</i> EOT dikeluarkan.</p> <p>JKR tidak bersetuju dengan pendapat audit kerana bagi kes ini EOT tidak layak dan tidak diluluskan serta LAD telah dikenakan. Walaubagaimanapun pihak Kementerian Kewangan telah meluluskan pengecualian LAD pada 03 Julai 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>disebabkan oleh Perubahan Kerja No. 1 bertarikh 29 November 2013 dan tanggungan kos kerja kecacatan dan selenggara yang melibatkan tambahan masa Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) selama satu tahun menjadi tiga tahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan JKR dalam menguruskan kontrak dengan betul iaitu mengeluarkan APK selepas tamat tempoh kontrak dan membuat tambahan tempoh DLP selama setahun menyebabkan Sejagat Bakti layak untuk memohon EOT dan seterusnya dikecualikan LAD.</p> <p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Setelah mengambil kira semua permohonan dan analisa serta keputusan penolakan EOT No. 2 tersebut, didapati Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) yang dikeluarkan adalah sah. Semakan dibuat dan didapati pengiraan kadar denda LAD adalah teratur di mana ianya dikira dari CNC dikeluarkan sehingga CPC dikeluarkan. Perakuan Ketua Pengarah Kerja Raya kepada Jabatan Perdana Menteri juga telah memperakukan bahawa Lanjutan masa EOT No. 2 adalah ditolak. Semakan juga mendapati bahawa pada 31 Mac 2011 permohonan Lanjutan Masa No. 2 tersebut tidak disokong oleh Wakil Pengarah projek ketika itu. Tiada ex-gratia EOT diperuntukkan di dalam kontrak seperti yang telah dimohon oleh kontraktor dan tiada kelulusan ex-gratia EOT dikeluarkan. EOT tidak layak dan tidak diluluskan serta LAD telah dikenakan. Bagaimanapun pihak Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan pengecualian LAD pada 3 Julai 2015.</i></p>	
12.5.3.4	<p><b>Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)</b></p> <p>Klausa 41 kontrak menetapkan agar Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan apabila Pengarah Projek berpuas hati bahawa kerja telah disiapkan sepenuhnya. JKR pada 19 Januari 2012 telah mengeluarkan CPC yang memperakukan kerja menaik taraf Hospital Batu Pahat telah disiapkan pada 1 Jun 2011. CPC tersebut dikeluarkan tujuh bulan lewat daripada tarikh siap kerja oleh Sejagat Bakti. Bagaimanapun semakan Audit mendapati sungguhpun CPC telah dikeluarkan, Dewan Bedah, Wad ICU dan CSSD tidak boleh berfungsi dan digunakan dan terdapat 65 peralatan yang belum dibekalkan.</p> <p>Pengesahan CPC tersebut juga menyebabkan Kerajaan tidak dapat</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>JKR tidak bersetuju dengan pendapat audit kerana CPC yang telah dikeluarkan berdasarkan pengesahan-pengesahan yang telah dibuat oleh semua Perunding mengikut syarat-syarat kontrak.</p> <p>CPC telah dikeluarkan oleh PD setelah berpuas hati secara praktikalnya hospital boleh berfungsi dan boleh diguna pakai. Isu yang dibangkitkan adalah merupakan kecacatan yang terjadi dan bukannya kerja-kerja yang tidak disiapkan.</p> <p>Hasil semakan melalui laporan yang dikemukakan di dalam Mesyuarat Pra-Penyerahan mendapati kesemua NCR yang dikeluarkan telah ditutup dan semua sistem telah dilaksanakan pengujian dan pentauliahan (T&amp;C).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mengenakan LAD terhadap Sejagat Bakti sedangkan penyerahan projek kepada Kementerian Kesihatan hanya dibuat pada 30 Mei 2012. Berdasarkan perkiraan Audit, LAD berjumlah RM13.34 juta sepatutnya dikenakan kepada Sejagat Bakti di atas kelewatan penyerahan selama 365 hari dari tarikh CPC pada 1 Jun 2011.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengeluaran CPC sebelum semua bahagian hospital boleh digunakan secara praktikal adalah satu kesilapan. JKR sepatutnya mengeluarkan Sijil Perakuan Pendudukan Separa (CPO) kerana sebahagian besar bahagian utama Hospital Batu Pahat tidak boleh berfungsi dengan sepatutnya. Dengan mengeluarkan CPO, Kerajaan masih boleh mengenakan LAD terhadap Sejagat Bakti sehingga CPC sepenuhnya dikeluarkan.</p> <p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>CPC yang dikeluarkan berdasarkan pengesahan yang telah dibuat oleh semua Perunding mengikut syarat kontrak. CPC telah dikeluarkan oleh Pengarah Projek setelah berpuas hati secara praktikalnya hospital boleh berfungsi dan boleh diguna pakai. Isu yang dibangkitkan adalah merupakan kecacatan yang terjadi dan bukannya kerja yang tidak disiapkan. Hasil semakan melalui laporan yang dikemukakan di dalam Mesyuarat Pra-Penyerahan mendapati kesemua NCR yang dikeluarkan telah ditutup dan semua sistem telah dilaksanakan pengujian dan pentauliahan (T&amp;C). Laporan dan rekod T&amp;C Dewan Bedah, Wad ICU dan CSSD telah mengesahkan ia berfungsi mengikut kontrak. Oleh yang demikian isu pengeluaran CPO tidak berkaitan.</i></p> <p><i>CPC dikeluarkan lewat kerana kelewatan pihak kontraktor mengemukakan dokumen kepada JKR bagi Pengarah Projek meneliti dan mengesahkan semua dokumen sokongan di antaranya laporan lengkap T&amp;C dan laporan penuh penutupan NCR. Pengesahan dari semua Wakil Pengarah Projek (WPP) Pakar diperlukan untuk memverifikasi laporan yang telah dikemukakan. Pengesahan terakhir didapati oleh WPP Elektrik pada 12 Oktober 2011 dan ketika itu Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan (CKK) telah bercuti dan tiada perlantikan terkini Pengarah CKK yang baru. Isu yang timbul adalah akibat daripada permasalahan pengambilalihan pengoperasian dan menyebabkan tiada penjagaan dari pihak pelanggan untuk mengoperasikan hospital tersebut. Isu tersebut juga merupakan kecacatan yang timbul selepas T&amp;C dibuat. Permasalahan pengambilalihan yang terjadi adalah akibat dari kelewatan kontraktor menyiapkan kecacatan seperti yang telah disyaratkan</i></p>	<p>Laporan dan rekod T&amp;C Dewan Bedah, Wad ICU dan CSSD telah mengesahkan ianya berfungsi mengikut kontrak. Oleh yang demikian isu pengeluaran CPO tidak berkaitan.</p> <p>CPC dikeluarkan lewat kerana kelewatan pihak kontraktor mengemukakan dokumen kepada JKR bagi PD meneliti dan mengesahkan semua dokumen sokongan di antaranya, laporan lengkap T&amp;C dan laporan penuh Penutupan NCR. Pengesahan dari semua WPP Pakar diperlukan untuk memverifikasi laporan yang telah dikemukakan. Pengesahan terakhir didapati oleh WPP elektrik pada 12 Oktober 2011 dan ketika itu Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan telah bercuti dan tiada pelantikan terkini Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan yang baru.</p> <p>Oleh itu pejabat ini mengesahkan isu yang timbul adalah akibat daripada permasalahan pengambilalihan pengoperasian dan menyebabkan ketiadaan penjagaan dari pihak pelanggan untuk mengoperasikan hospital tersebut. Isu tersebut juga merupakan kecacatan yang timbul selepas T&amp;C dibuat. Permasalahan pengambilalihan yang terjadi adalah akibat dari kelewatan kontraktor menyiapkan kecacatan seperti yang telah disyaratkan oleh hospital, JKR dan perunding.</p>


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>oleh hospital, JKR dan perunding.</i></p> <p><b>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 27 Ogos 2015</b></p> <p><i>Kelewatan penyerahan Hospital Batu Pahat kepada pihak end user iaitu pada 30 Mei 2012 adalah hasil daripada semakan room to room inspection sistem bangunan dan kejuruteraan pada 31 Oktober 2011 hingga 3 November 2011 dan 21 Februari 2012 serta room to room inspection pada peralatan perubatan pada 9 Mei 2012 hingga 20 Mei 2012. Hasil semakan mendapati isu yang berbangkit di Dewan Bedah, CSSD, wad serta isu elektrik dan mekanikal di bangunan hospital serta isu tunggakan bil elektrik kontraktor yang belum diselesaikan ketika itu.</i></p>	<p><b>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 4 November 2015</b></p> <p>Maklum Balas adalah kekal seperti di perenggan 12.5.3.4</p>
12.5.3.5	<p><b>Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)</b></p> <p>Klausa 48 kontrak menetapkan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) adalah selama 24 bulan bermula daripada tarikh CPC. CPC dikeluarkan pada 19 Januari 2012 manakala CPC telah diperakukan pada 1 Jun 2011 oleh Pengarah Projek. Ini bermakna DLP selama 24 bulan bermula pada 2 Jun 2011 hingga 1 Jun 2013. Semakan Audit mendapati DLP telah dilanjutkan sehingga 29 Mei 2014 iaitu perlanjutan selama setahun di atas persetujuan di antara Sejagat Bakti dan JKR. Perlanjutan dibuat kerana JKR lewat menyerahkan bangunan Hospital Batu Pahat kepada KKM pada 30 Mei 2012 iaitu selepas setahun daripada tarikh CPC. Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan JKR telah menghantar Perjanjian Tambahan No. 2 bagi Perlanjutan Tempoh Tanggungan Kecacatan kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian Kerja Raya (PUU KKR) pada 21 Ogos 2013. PUU KKR pada 14 Oktober 2014 telah menolak cadangan tersebut kerana bertentangan dengan klausa kontrak dan perjanjian tambahan dibuat selepas tamat tempoh kontrak. Semakan juga mendapati perjanjian tersebut telah terlebih dahulu ditandatangani oleh Sejagat Bakti.</p> <p>Pada pendapat Audit, siasatan lanjut perlu dibuat oleh KKR kerana persetujuan perlanjutan tempoh DLP selama setahun oleh pihak kontraktor adalah berkaitan dengan perakuan CPC dan LAD berjumlah RM13.34 juta yang tidak dikenakan. Tempoh perlanjutan setahun DLP ini juga menjadi asas kepada permohonan <i>ex-gratia</i> EOT dan pengecualian LAD sejumlah RM2.85 juta oleh Sejagat Bakti kepada YAB Perdana Menteri, Kementerian Kewangan Malaysia dan JKR.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>JKR tidak bersetuju dengan pandangan audit kerana perlanjutan tempoh DLP tersebut adalah disebabkan kelewatan penyerahan projek kepada KKM dan ianya merupakan persetujuan bersama JKR, KKM dan kontraktor. Perkara ini tidak merugikan kerajaan.</p>



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pelanjutan tempoh DLP tersebut adalah disebabkan kelewatan penyerahan projek kepada KKM dan ia merupakan persetujuan bersama JKR, KKM dan Kontraktor. Perkara ini tidak merugikan Kerajaan.</i></p>	
<p><b>12.5.4.1.a</b></p>	<p><b>Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak - Lif</b></p> <p>Terdapat 4 lif yang disediakan oleh Sejagat Bakti bagi keperluan pengguna hospital. Lif tersebut direka untuk menampung sehingga 23 penumpang dengan kapasiti 1,600kg dan boleh dimasukkan sebuah katil pesakit bersama 2 orang pembantu. Bagaimanapun, didapati 4 lif bernilai RM2.03 juta direka dan dipasang tanpa mengambil kira saiz dan kapasiti katil ICU. Berdasarkan simulasi yang dijalankan bersama paramedik di HDW, peralatan perubatan yang menyokong pesakit terpaksa dibuka dan diletakkan di atas katil bersama pesakit dan menyukarkan kakitangan bertugas mengendalikan pesakit menggunakan lif tersebut.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>JKR tidak bersetuju dengan pandangan audit kerana pembinaan lif telah mengikut spesifikasi kontrak.</p> <p>Semakan telah dibuat dan mendapati kerja-kerja penyediaan kemudahan lif adalah memenuhi kontrak.</p> <p>lanya adalah direkabentuk mengikut kapasiti yang boleh memuatkan Piawai <i>ICU Bed</i>. lanya adalah berpandukan kepada TSA (<i>Technical Specification Adherence</i>) <i>ICU Bed</i> yang telah diluluskan oleh KKM, HSNI dan JKR. Kelulusan <i>ICU Bed</i> tersebut berukuran panjang 2310mm dan berkelebaran 1080mm.</p> <p>Pemasangan Lif adalah telah dibina dengan panjang 2400mm dan berkelebaran 1500mm sepertimana kelulusan.</p>
<p><b>12.5.4.1.b</b></p>	<p><b>Ramp</b></p> <p>Berdasarkan lukisan awal pembinaan, terdapat <i>ramp</i> di laluan pejalan kaki ke tempat meletakkan kenderaan, bagaimanapun pihak Audit mendapati <i>ramp</i> tidak dibuat mengikut lukisan awal. Dengan ketiadaan <i>ramp</i> di laluan pejalan kaki tersebut secara tidak langsung menyukarkan pengguna khususnya Orang Kelainan Upaya (OKU).</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Ramp - Terdapat lukisan pindaan yang dibuat di mana <i>Ramp</i> tersebut disediakan di ruang lobi sahaja. lanya direka bentuk dengan persetujuan untuk melaksanakan <i>Drop-Off</i> konsep. Bagaimanapun, kerja pembinaan <i>Ramp</i> telah siap dibina di tapak parkir.</p>
<p><b>12.5.4.1.c</b></p>	<p><b>Surgical Air Compressor</b></p> <p>Berdasarkan kontrak, tekanan bagi <i>surgical air compressor</i> dari bilik loji adalah 11 bar. Bagaimanapun, setelah berlakunya penggantian <i>surgical air compressor</i> dari <i>compAir</i> kepada <i>Kaishan</i>, tekanan telah berkurangan kepada 10 bar yang menjejaskan penggunaan peralatan di Dewan Bedah.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Surgical Air Compressor</i> - Semakan pejabat ini mendapati <i>surgical air compressor</i> jenis Kaishan adalah bertekanan 10.5 bar dan bukannya 10 bar seperti yang dilaporkan oleh pihak audit. Penukaran ini adalah tidak menjejaskan prestasi penggunaan peralatan di dewan bedah kerana sesi pengujian dan pentauliahan (T&amp;C) yang dibuat menunjukkan bacaan 10 bar di <i>end-point</i> sepertimana yang diperlukan untuk peralatan di dewan bedah untuk beroperasi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p>12.5.4.1.d</p>	<p><b>Capacitor Bank</b></p> <p>Pemasangan <i>capacitor bank</i> tidak mengikut kuantiti yang ditetapkan. Ini menyebabkan faktor kuasa yang telah ditetapkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak dapat dicapai. Berdasarkan rekod Hospital Batu Pahat, atas kegagalan tersebut, TNB telah mengenakan surcaj pada setiap bulan. Bagi tempoh Januari 2011 hingga April 2012 surcaj terkumpul berjumlah RM7,201.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>d. Capacitor Bank – Pemasangan telah siap dibuat pada 27 Ogos 2015. Pelarasan harga akan dibuat ketika akaun muktamad dan akan ditolak daripada Bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor dalam Perakuan Bayaran Muktamad. Dijangka siap pada 5 November 2015.</p> <div style="text-align: center;">  </div> <p><b>Rajah 1: Kapasitor Bank yang telah siap dipasang.</b></p> <p>Kapasitor Bank yang dipasang perlu mengikut kapasiti unit KVAR yang telah direkabentuk dan bukannya unit bilangan kapasitor bank.</p> <p>Kapasitor bank dipasang bertujuan untuk menyelaras semula beban arus yang diterima dari TNB sepertimana anggaran beban yang telah dipohon. Penyelarasan tersebut adalah sebagai pembetulan <i>correction</i> (Angkadar) bagi memastikan bekalan yang diterima dan penggunaanya digunakan secara optimum. Oleh yang demikian Kapasitor bank perlu dipasang untuk mengimbangi permintaan bekalan dengan penggunaan sebenar bagi menentukan kecekapan tenaga digunakan secara optimum dengan kadar penggunaan mestilah minimum 85% penggunaan bekalan. Suruhanjaya Tenaga menetapkan bahawa <i>Power factor</i> mestilah melebihi atau tidak kurang 0.85. Jika penggunaanya kurang dari 0.85 atau 85% premis akan dikenakan denda.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.4.1.e	<p><b>Penghawa Dingin Bilik Penyelenggaraan Lif</b></p> <p>Berdasarkan kontrak, Sejagat Bakti perlu memasang penghawa dingin di bilik penyelenggaraan lif. Bagaimanapun, didapati bilik tersebut hanya dipasang dengan <i>exhaust fan</i> dan menyebabkan kepanasan, bacaan suhu bilik mencecah 31°C serta suhu <i>board controller</i> 42°C.</p> <p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <p>a. <i>Lif - Pembinaan lif telah mengikut spesifikasi kontrak. Ia telah direka bentuk mengikut kapasiti yang boleh memuatkan Piawai ICU Bed. Ia adalah berpandukan kepada Technical Specification Adherence (TSC) ICU Bed yang telah diluluskan oleh KKM, hospital dan JKR. Kelulusan ICU Bed tersebut berukuran panjang 2310mm dan berkelebaran 1080mm. Pemasangan lif adalah telah dibina dengan panjang 2400mm dan berkelebaran 1500mm seperti mana kelulusan.</i></p> <p>b. <i>Ramp - Terdapat lukisan pindaan yang dibuat di mana Ramp tersebut disediakan di ruang lobi sahaja. Ianya direka bentuk dengan persetujuan untuk melaksanakan Drop-Off konsep. Bagaimanapun, kerja pembinaan Ramp telah siap dibina di tapak parkir.</i></p> <p>c. <i>Surgical Air Compressor - Semakan pejabat ini mendapati surgical air compressor jenis Kaishan adalah bertekanan 10.5 bar dan bukannya 10 bar seperti yang dilaporkan oleh pihak audit. Penukaran ini adalah tidak menjejaskan prestasi penggunaan peralatan di dewan bedah kerana sesi pengujian dan pentauliahan (T&amp;C) yang dibuat menunjukkan bacaan 10 bar di 'end-point' sepertimana yang diperlukan untuk peralatan di dewan bedah untuk beroperasi.</i></p> <p>d. <i>Capasitor Bank - Pemasangan telah siap dibuat pada 27 Ogos 2015. Pelarasan harga akan dibuat ketika akaun muktamad dan akan ditolak daripada Bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor dalam Perakuan Bayaran Muktamad. Dijangka siap pada 5 November 2015. Capasitor Bank yang dipasang perlu mengikut kapasiti unit KVAR yang telah direka bentuk dan bukannya unit bilangan capasitor bank. Capasitor bank dipasang bertujuan untuk menyelaraskan semula beban arus yang diterima dari TNB sepertimana anggaran beban yang telah dipohon. Penyelarasan tersebut adalah sebagai pembetulan 'correction' (Angkadar) bagi memastikan</i></p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Penyaman udara bilik penyelenggaraan lif - Tindakan pembaikan telah diambil. Pemasangan penghawa dingin telah siap dibuat pada 3 Ogos 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>bekalan yang diterima dan penggunaanya digunakan secara optimum. Oleh yang demikian Capasitor bank perlu dipasang untuk mengimbangi permintaan bekalan dengan penggunaan sebenar bagi menentukan kecekapan tenaga digunakan secara optimum dengan kadar penggunaan mestilah minimum 85% penggunaan bekalan. Suruhanjaya Tenaga menetapkan bahawa power factor mestilah melebihi atau tidak kurang 0.85. Jika penggunaannya kurang dari 0.85 atau 85% premis akan dikenakan denda.</i></p> <p>e. <i>Penyaman udara bilik penyelenggaraan lif - Tindakan pembaikan telah diambil. Pemasangan penghawa dingin telah siap dibuat pada 3 Ogos 2015.</i></p> <p><b>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 27 Ogos 2015 Dan 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Lif - Satu Mesyuarat Khas telah diadakan pada 24 Ogos 2015 yang dihadiri oleh KKM dan CKK, JKR. Berdasarkan mesyuarat tersebut, dimaklumkan bahawa pihak hospital menggunakan katil hidraulik atau transfer bed untuk pergerakan pesakit kerana tiada alternatif penggunaan lif. KKM turut mencadangkan agar buat masa ini penggunaan katil ICU untuk memasuki lif perlu diubahsuai.</i></p> <p><i>Surgical Air Compressor - Berdasarkan kontrak, dinyatakan bahawa tekanan surgical air system di loji adalah 11 bar yang mana akan membekalkan ke dewan bedah pada 2 tekanan iaitu 10 bar dan 7 bar. Bagaimanapun, selepas penggantian compressor dari jenis CompAir kepada Kaishan, tekanan di loji berkurang kepada 10 bar. Hal ini tidak menepati spesifikasi sepertimana termaktub di dalam kontrak dan perlu dilaraskan kepada 11 bar bagi memastikan tekanan udara dapat dibekalkan ke dewan bedah pada 10 atau 7 bar secara berterusan.</i></p> <p><i>Capasitor Bank - Lukisan skematik di Loji Rawatan Kumbahan menunjukkan terdapat 5 kapasitor yang sepatutnya ada pada sistem tersebut. Namun begitu, hanya 2 kapasitor yang dibekalkan oleh kontraktor. Ini menyumbang kepada ketidakcekapan penggunaan tenaga elektrik (power factor kurang 0.85) di loji tersebut yang menyebabkan pihak hospital terpaksa membayar kadar surcaj secara bulanan kepada TNB mulai September 2011 sehingga 30 Jun 2015.</i></p>	<p><b>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 4 November</b></p> <p>Maklum Balas adalah kekal seperti di perenggan 12.5.4.1.e</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>12.5.4.2.a</b></p>	<p><b>Kerja Tidak Sesuai - Planter Box</b></p> <p>Pembinaan <i>planter box</i> yang bersaiz 75m panjang, 0.56m lebar dan 0.57m tinggi adalah kurang sesuai. Ini kerana pembinaan <i>planter box</i> terlalu panjang dan menyebabkan pengguna terpaksa berjalan jauh untuk menuju ke hospital.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>a. <i>Planter Box</i> - Bukaan telah dibuat kepada planter box tersebut. Bukaan yang dibuat adalah berhadapan Ramp yang sedang dibuat. Bukaan tersebut akan dijadikan sebagai laluan kepada pengguna ke hospital tersebut.</p>  <p><b>Rajah 2: Planter Box yang telah siap dibuka untuk laluan pejalan kaki yang terus ke Ramp jalan masuk ke HSNi</b></p>
<p><b>12.5.4.2.b</b></p>	<p><b>Sinki Wad</b></p> <p>Walaupun sinki yang disediakan di wad telah mengikut spesifikasi kontrak, Sejagat Bakti sepatutnya mengambil kira status Jabatan Sajian dan Dietetik yang tidak melaksanakan <i>central platter</i> untuk sajian kepada pesakit. Sajian pesakit disediakan di wad oleh Pembantu Perubatan. Semakan Audit mendapati saiz sinki yang kecil menyukarkan kerja pencucian peralatan yang besar seperti <i>tray</i> makanan dan tong air. Semakan juga mendapati akibat kekerapan kerja pencucian iaitu 3 kali sehari menyebabkan kerosakan kepada</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Sinki Wad - <i>Medical Brief</i> hanya menyatakan <i>pantry</i> di wad untuk kegunaan <i>prepared food from</i> Unit Sajian dan menyediakan makanan ringan seperti biskut, air dan sebagainya. Seksyen 4.5.10, (6) menyatakan '<i>Food pre-plated in the kitchen will be distributed to patients. Shelves are required for keeping small amounts of milk powder, sugar, biscuits, etc. and some crockery. Worktops and sinks are necessary. Provision of washing up, preparation of snacks and beverages are required. Microwaves oven to heat food and refrigerators for food</i></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	kabinet yang dibuat daripada <i>chip board</i> .	<i>storage are to be provided</i> '. Sinki di pantry yang disediakan di wad pesakit telah memenuhi keperluan kontrak untuk kegunaan ringan. Penggunaan melebihi keperluan akan menyebabkan kerosakan pada sinki dan kabinet. Tiada keperluan untuk mencuci tray makanan. Pencucian tray makanan mengikut SOP hospital adalah di unit sajian dan dietatik.
12.5.4.2.c	<p><b>Hentian Bas/Teksi</b></p> <p>Hospital Batu Pahat memerlukan sebuah hentian bas/teksi di luar kawasan hospital. Bagaimanapun, Sejagat Bakti telah menaik taraf kemudahan hentian bas/teksi sedia ada di dalam kawasan hospital dengan kos berjumlah RM44,600. Kerja bagi naik taraf kemudahan ini adalah tidak sesuai memandangkan kemudahan hentian bas/teksi dibuat di tapak sedia ada dengan kapasiti yang sama.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Hentian Bas / Teksi - Pada peringkat asal hentian bas/teksi tersebut perlu dibina di luar hospital tetapi ianya tiada keperluan untuk dibina. Pihak Hospital Batu Pahat juga melalui mesyuarat tapak no.27 yang diadakan pada 30 Ogos 2010 memaklumkan bahawa tapak <i>bus stop</i> sedia ada lebih sesuai dan selesa berbanding tapak yang dicadangkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat di luar kawasan hospital. Oleh yang demikian cadangan untuk melaksanakan kerja pemuliharaan dan menaik taraf hentian bas/teksi yang sedia ada adalah telah dipersetujui oleh HODT (Arkitek) melalui surat bertarikh 19 April 2011. Memandangkan skop kerja tersebut telah diperuntukkan di dalam kontrak dan pihak JKR akan membuat pelarasan harga bagi kerja tersebut.</p>
12.5.4.2.d	<p><b>Air Release Valve</b></p> <p><i>Air Release Valve</i> untuk <i>hose reel</i> tidak disediakan. Ini akan menyebabkan lebihan udara di dalam paip tidak dapat dikeluarkan dan akan mengakibatkan sistem tidak dapat beroperasi secara optimum.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Air Release Valve</i> – pemasangan telah dibuat pada 4 Oktober 2015.</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; align-items: center;">   </div> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 10px;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;"><b>SEBELUM</b></div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;"><b>SELEPAS</b></div> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.4.2.e	<p><b>Bilik Hose Reel</b></p> <p>Tidak ada saluran keluar untuk air dilantai. Ini akan menyebabkan air bertakung apabila berlaku kebocoran pada paip. Penemuan ini juga ditemui di <i>riser hose reel</i> yang lain.</p> <p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>a. Planter Box - Bukaan telah dibuat kepada planter box tersebut. Bukaan yang dibuat adalah berhadapan Ramp yang sedang dibuat. Bukaan tersebut akan dijadikan sebagai laluan kepada pengguna ke hospital tersebut.</i></p> <p><i>b. Sinki Wad - Medical Brief hanya menyatakan pantry di wad untuk kegunaan prepared food from unit sajian dan menyediakan makanan ringan seperti biskut, air dan sebagainya. Seksyen 4.5.10, (6) menyatakan 'Food pre-plated in the kitchen will be distributed to patients. Shelves are required for keeping small amounts of milk powder, sugar, biscuits, etc. and some crockery. Worktops and sinks are necessary. Provision of washing up, preparation of snacks and beverages are required. Microwaves oven to heat food and refrigerators for food storage are to be provided'. Sinki di pantry yang disediakan di wad pesakit telah memenuhi keperluan kontrak untuk kegunaan ringan. Penggunaan melebihi keperluan akan menyebabkan kerosakan pada sinki dan kabinet. Tiada keperluan untuk mencuci tray makanan. Pencucian tray makanan mengikut SOP hospital adalah di unit sajian dan dietatik.</i></p> <p><i>c. Hentian Bas / Teksi - Pada peringkat asal hentian bas/teksi tersebut perlu dibina di luar hospital tetapi ianya tiada keperluan untuk dibina. Pihak Hospital Batu Pahat juga melalui mesyuarat tapak no.27 yang diadakan pada 30 Ogos 2010 memaklumkan bahawa tapak 'bus stop' sedia ada lebih sesuai dan selesa berbanding tapak yang dicadangkan oleh Majlis Perbandaran Batu Pahat di luar kawasan hospital. Oleh yang demikian cadangan untuk melaksanakan kerja pemuliharaan dan menaik taraf hentian bas/teksi yang sedia ada adalah telah dipersetujui oleh HODT (Arkitek) melalui surat bertarikh 19 April 2011. Memandangkan skop kerja tersebut telah diperuntukkan di dalam kontrak dan pihak JKR akan membuat pelarasan harga bagi kerja tersebut.</i></p> <p><i>d. Air Release Valve - Tindakan akan diambil oleh pihak kontraktor untuk pemasangan dalam tempoh 6 bulan.</i></p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bilik Hose Reel</i> - Pemasangan saluran air keluar (<i>floor trap</i>) di bilik adalah tidak sesuai kerana ianya boleh menyebabkan masalah bau kepada hospital kerana <i>bottle trap</i> yang disediakan akan kering dan tidak boleh memerangkap bau. Oleh sebab itu ianya tidak dinyatakan lukisan pembinaan.</p> <p>Garis panduan pemasangan sistem mekanikal didalam bangunan Tahun 1992 tidak mensyaratkan keperluan pemasangan <i>floor trap</i>. Keperluan pemasangan <i>floor trap</i> didalam bilik <i>Hose Reel</i> telah disyaratkan didalam Garis Panduan pemasangan sistem mekanikal Tahun 2011. Oleh yang demikian Lukisan Pembinaan bagi kontrak ini telah diluluskan sebelum Tahun 2011 tanpa pemasangan <i>Floor Trap</i>.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>e. Bilik Hose Reel - Pemasangan saluran air keluar (floor trap) di bilik adalah tidak sesuai kerana ianya boleh menyebabkan masalah bau kepada hospital kerana bottle trap yang disediakan akan kering dan tidak boleh memerangkap bau. Oleh sebab itu ianya tidak dinyatakan lukisan pembinaan. Garis panduan pemasangan sistem mekanikal di dalam bangunan Tahun 1992 tidak mensyaratkan keperluan pemasangan floor trap. Keperluan pemasangan floor trap didalam bilik Hose Reel telah disyaratkan didalam Garis Panduan pemasangan sistem mekanikal Tahun 2011. Oleh yang demikian Lukisan Pembinaan bagi kontrak ini telah diluluskan sebelum Tahun 2011 tanpa pemasangan Floor Trap.</i></p> <p><b>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 27 Ogos 2015 Dan 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Sinki Wad - Walaupun reka bentuk sinki pantry tersebut mengikut kontrak tetapi material work top sinki bukan daripada jenis material moisture resistance particle board laminated. Reka bentuk sinki tersebut tidak bersesuaian untuk Hospital Batu Pahat yang tidak melaksanakan central platter sejak hospital ini mula dibina.</i></p> <p><i>Dalam polisi umum hospital dan polisi Unit Sajian, prosedur pencucian tray makanan pesakit wad dicuci di pantry wad. KKM telah mengeluarkan surat kelulusan peruntukan bagi kerja naik taraf bagi 6 unit sinki pantry wad di Hospital Batu Pahat dengan jumlah anggaran kos sebanyak RM85,500 pada 23 September 2015. Kerja naik taraf ini dijangka akan disiapkan selewatnya pada akhir tahun 2015.</i></p>	<p><b>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 4 November 2015</b></p> <p>Pesanan Tempatan telah dikeluarkan pada 18 Oktober 2015 dengan nombor pesanan: P15000037. Arahan kerja telah dikeluarkan pada 20 Oktober 2015 kepada kontraktor dengan tarikh mula projek pada 22 Oktober 2015 dan tarikh jangkaan siap pada 30 November 2015.</p>
12.5.4.3.a	<p><b>Kerja Berkualiti Rendah - Tandas Bocor</b></p> <p>Terdapat kebocoran di tandas wad 5A menyebabkan kesan serapan air dan tumbuhan alga di dinding tangga kecemasan. Pihak Audit juga dimaklumkan oleh Hospital Batu Pahat bahawa Sejagat Bakti masih belum mengemukakan sijil <i>water proofing</i>. Perkara tersebut menyebabkan pengesahan pemasangan <i>water proofing</i> di permukaan tandas tersebut tidak dapat disahkan.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Tandas Bocor – Ianya telah siap dibaiki pada September 2015</p>
12.5.4.3.b	<p><b>Keretakan Dinding</b></p> <p>Terdapat beberapa keretakan dinding di beberapa lokasi terutama di Bilik Khas VIP aras 6, semua stor wad dan laluan tangga kecemasan aras 6, aras 5 dan aras 4. Keretakan boleh dilihat di kedua-dua bahagian dalam dan luar</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Keretakan Dinding – Tindakan telah diambil dan disiapkan pada 7.8.2015</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bilik yang menunjukkan bahawa ia bukan keretakan di permukaan dinding sahaja.	
12.5.4.3.c	<p><b>Kondensasi Dan Kulat</b></p> <p>Masalah kondensasi/kulat berlaku di beberapa tempat terutamanya di laluan tangga kecemasan dari aras 4 hingga aras 6. Kulat pada dinding terjadi akibat daripada perbezaan suhu antara ruang di tangga kecemasan dan bilik seminar yang berada bersebelahan dengan tangga kecemasan. Sistem penghawa dingin di bilik seminar beroperasi sepanjang masa walaupun tiada seminar dijalankan. Kondensasi juga dikesan pada <i>ducting</i> yang menyebabkan titisan air pada siling.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Kondensasi dan Kulat - Tindakan pencucian telah dilaksanakan dengan bahan anti-kulat. JKR mengesyorkan pihak HSNi melaksanakan pencucian dengan rutin kekerapan sekali sebulan. Tindakan telah dibuat pada 8-8-2015</p>
12.5.4.3.d	<p><b>Resapan Air</b></p> <p>Terdapat kesan resapan air di kawasan parkir aras bawah. Siasatan lanjut perlu dibuat bagi mengetahui punca dan tindakan segera dibuat bagi mengatasinya.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Resapan Air - Tindakan sedang dibuat oleh kontraktor dengan melaksanakan PU <i>Grouting</i> dan dijangka siap penghujung Okt 2015.</p>
12.5.4.3.e	<p><b>Skrin Genset</b></p> <p>Skrin Genset telah rosak dan paparannya tidak jelas. Keadaan ini menyukarkan kerja pemantauan.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Skrin Genset - Kerja-kerja pembaikan perlu dilaksanakan oleh pihak ketiga dan akan ditolak daripada Bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor dalam Perakuan Bayaran Muktamad. Dijangka siap pada 5 November 2015</p>
12.5.4.3.f	<p><b>Bilik Elektrik</b></p> <p>Notis BAHAYA dan DILARANG MASUK tidak dilekatkan pada setiap pintu bilik suis dan bilik suis dijadikan stor barang.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Bilik Elektrik - Kerja-kerja pembaikan perlu dilaksanakan oleh pihak ketiga dan akan ditolak daripada Bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor dalam Perakuan Bayaran Muktamad. Notis BAHAYA dan DILARANG MASUK akan dilaksanakan oleh kontraktor kerana ianya keperluan dinyatakan oleh Suruhanjaya Tenaga. Kerja dijangka bermula dalam tempoh sebulan.</p>
12.5.4.3.g	<p><b>Lampu Keluar</b></p> <p>Kebanyakan papan tanda untuk lampu KELUAR tidak menyala. Lampu tanda KELUAR hendaklah sentiasa menyala. Penemuan ini juga ditemui di kawasan lain yang diaudit.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Lampu Keluar – Kerja-kerja pembaikan telah siap dilaksanakan pada September 2015</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
12.5.4.3.h	<p><b>Kabel Lampu Kalimantan</b></p> <p>Kabel lampu kalimantang terdedah dan tidak dilindungi sepenuhnya dengan konduit mudah lentur. Ini tidak mengikut amalan kejuruteraan yang baik. Kabel elektrik perlulah dilindungi bagi tujuan keselamatan.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Kabel Lampu Kalimantan - Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga dan akan ditolak daripada Bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor dalam Perakuan Bayaran Muktamad. Kerja dijangka bermula dalam tempoh sebulan.</p>
12.5.4.3.i	<p><b>Permukaan Jalan</b></p> <p>Permukaan jalan yang tidak kemas dan mudah terkopak.</p> <p>Pada pendapat Audit sebarang kekurangan peralatan/kemudahan perlu diganti/dipasang/dibuat oleh Sejagat Bakti selaras dengan terma kontrak. Perlantikan pihak ketiga hendaklah dibuat sekiranya Sejagat Bakti gagal melaksanakan pembaikan tersebut.</p> <p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. <i>Tandas Bocor - Ianya telah siap dibaiki pada September 2015.</i></li> <li>b. <i>Keretakan Dinding - Tindakan telah diambil dan disiapkan pada 7-8-2015.</i></li> <li>c. <i>Kondensasi dan Kulat - Tindakan pencucian telah dilaksanakan dengan bahan anti-kulat. JKR mengesyorkan pihak hospital melaksanakan pencucian dengan rutin kekerapan sekali sebulan. Tindakan telah dibuat pada 8 Ogos 2015.</i></li> <li>d. <i>Resapan Air - Tindakan sedang dibuat oleh kontraktor dengan melaksanakan Polyurethane Grouting dan dijangka siap penghujung Okt 2015.</i></li> <li>e. <i>Skrin Genset - Kerja pembaikan perlu dilaksanakan oleh pihak ketiga dan akan ditolak daripada bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor dalam Perakuan Bayaran Muktamad. Dijangka siap pada 5 November 2015.</i></li> <li>f. <i>Bilik Elektrik - Kerja pembaikan perlu dilaksanakan oleh pihak ketiga. Notis BAHAYA dan DILARANG MASUK akan dilaksanakan oleh kontraktor kerana ianya keperluan dinyatakan oleh Suruhanjaya Tenaga.</i></li> </ol>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Permukaan Jalan - Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga dan akan ditolak daripada Bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor dalam Perakuan Bayaran Muktamad. Kerja dijangka bermula dalam tempoh sebulan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Kerja dijangka bermula dalam tempoh sebulan.</i></p> <p><i>g. Lampu Keluar - Kerja pembaikan telah siap dilaksanakan pada September 2015.</i></p> <p><i>h. Kabel Lampu Kalimantan - Kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga. Kerja dijangka bermula dalam tempoh sebulan.</i></p> <p><i>i. Permukaan Jalan - Kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga. Kerja dijangka bermula dalam tempoh sebulan.</i></p>	
<p><b>12.5.5.1</b></p>	<p><b>Penggunaan Kemudahan - Peralatan Perubatan</b></p> <p>Sebanyak 65 jenis peralatan perubatan tidak dibekalkan oleh Sejagat Bakti sejak projek diserahkan. Bagaimanapun jumlah harga tidak dapat ditentukan disebabkan Sejagat Bakti tidak mengemukakan senarai harga peralatan sebagaimana ditetapkan dalam kontrak. Perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali oleh pihak Hospital Batu Pahat dalam Mesyuarat Kecacatan tetapi masih belum diambil tindakan sehingga lawatan Audit pada 27 Mei 2015.</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR perlu melantik pihak ketiga bagi membekalkan peralatan tersebut kerana Sejagat Bakti telah gagal membekalkan peralatan sehingga tamat tempoh kontrak.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>40 jenis peralatan telah dibekalkan. Baki 25 peralatan akan diserahkan selewat-lewatnya pada Disember 2015.</i></p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Kemajuan terkini di tapak yang dilaksanakan mendapati terdapat 40 jenis peralatan telah diselesaikan dan telah ditutup dan hanya berbaki sebanyak 25 sahaja. Tindakan akan diambil selewat-lewatnya Disember 2015.</p>
<p><b>12.5.2.2</b></p>	<p><b>Dewan Bedah</b></p> <p>Empat dewan bedah hanya dapat berfungsi sepenuhnya pada bulan Julai 2013 iaitu 13 bulan selepas hospital diserahkan. Kelewatan ini menyebabkan masa menunggu pesakit untuk mendapatkan perkhidmatan pembedahan bertambah panjang dan bagi kes yang kritikal pesakit mendapat perkhidmatan di hospital Kerajaan yang berhampiran.</p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR 19 Oktober 2015</b></p> <p>Laporan dan rekod T&amp;C Dewan Bedah, Wad ICU dan CSSD telah mengesahkan ianya berfungsi mengikut kontrak. Oleh yang demikian isu pengeluaran CPO tidak berkaitan.</p> <p>Ulasan seperti Para 12.5.3.4</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Laporan dan rekod T&amp;C Dewan Bedah telah mengesahkan ianya berfungsi mengikut kontrak.</i></p> <p><i>Ulasan seperti Para 12.5.3.4</i></p>	
12.5.5.3	<p><b>High Dependency Ward</b></p> <p>Sehingga akhir lawatan Audit pada 27 Mei 2015, <i>High Dependency Ward</i> (HDW) yang menempatkan 10 buah katil masih tidak boleh digunakan kerana tidak mematuhi kehendak kontrak sejak diserahkan pada 30 Mei 2012. Antara sebab HDW ini tidak dapat digunakan adalah kerana bunyi bising dari bilik <i>Air Handling Unit</i> (AHU). Kerajaan menanggung kerugian apabila HDW tidak dapat digunakan sepenuhnya sejak CPC dikeluarkan. Berdasarkan anggaran, kos bagi setiap unit merangkumi <i>ICU bed, ventilator, feeding pump</i> dan <i>orchestra pump</i> adalah berjumlah RM224,400. Ini bermakna Kerajaan tidak mendapat manfaat bagi perbelanjaan berjumlah RM2.24 juta bagi 10 unit katil di HDW. Kerajaan juga tidak mendapat hasil berjumlah RM2.52 juta bagi tempoh empat tahun HDW tidak digunakan (anggaran caj minimum pesakit sehari adalah RM173 bagi setiap katil).</p> <p>Pada pendapat Audit, JKR perlu mengkaji balik kedudukan LAD yang tidak dikenakan terhadap Sejagat Bakti kerana Kerajaan tidak memperoleh <i>value for money</i> terhadap kemudahan dan peralatan yang telah dibelanjakan.</p> <p><b>Maklum Balas KKR Yang Diterima Pada 19 Ogos 2015 Dan 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak kontraktor telah memasang internal insulation sepanjang 7m kemudian kerja mengukuhkan ducting di bahagian air return. Pihak kontraktor dan pihak ketiga telah memasang dinding antara AHU dan HDW bagi mengurangkan kadar bunyi di bawah paras 50db tetapi bacaan tahap kebisingan (noise level) hanya dapat diturun kepada 51db sahaja. Pengesahan perunding pada 18 Mei 2015 tahap bacaan terkini adalah 49.2db, 49.8db, 49.8db dan 49.9db. Keempat-empat bacaan tersebut didapati di kawasan 'nurse counter no.2' yang berhadapan Isolation room.</i></p> <p><i>Pakar bunyi dari Unit Forensik Cawangan Kerja Mekanikal IP JKR akan</i></p>	<p><b>Maklumbalas Yang Dikemukakan Oleh KKR pada 19 Ogos 2015 dan 19 Oktober 2015</b></p> <p>Pihak kontraktor telah memasang internal insulation sepanjang 7m kemudian kerja mengukuhkan <i>ducting</i> di bahagian <i>air return</i>. Pihak kontraktor dan pihak ketiga telah memasang dinding antara AHU dan HDW bagi mengurangkan kadar bunyi di bawah paras 50db tetapi bacaan tahap kebisingan (<i>noise level</i>) hanya dapat diturun kepada 51db sahaja. Pengesahan perunding pada 18 Mei 2015 tahap bacaan terkini adalah 49.2db, 49.8db, 49.8db dan 49.9db. Keempat-empat bacaan tersebut didapati di kawasan <i>nurse counter no.2</i> yang berhadapan <i>Isolation room</i>.</p> <p>Pakar bunyi dari Unit Forensik Cawangan Kerja Mekanikal IP JKR mengadakan lawatan dan siasatan forensik bagi menangani isu bunyi di HDW pada 10 Ogos 2015 sehingga 11 Ogos 2015 dan akan mengemukakan laporan siasatan dan cadangan penyelesaian. Bagi tujuan tersebut JKR akan melantik pihak ketiga bagi melaksanakan cadangan penyelesaian yang dikemukakan oleh unit forensik CKM IP JKR. Penyelesaian isu ini dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh 6 bulan.</p> <p>Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga dan kosnya akan ditolak daripada Bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor dalam Perakuan Bayaran Muktamad. Sebutharga akan dipanggil pada November 2015. Kerja-kerja dijangka siap pada April 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>mengadakan lawatan dan siasatan forensik bagi menangani isu bunyi di HDW pada 10 Ogos 2015 sehingga 11 Ogos 2015. Kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh pihak ketiga dan kosnya akan ditolak daripada bayaran yang kena dibayar kepada kontraktor dalam Perakuan Bayaran Muktamad. Sebut harga akan dipanggil pada November 2015. Kerja dijangka siap pada April 2016.</i></p> <p><b>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Mesyuarat Khas telah diadakan pada 24 Ogos 2015 yang turut dihadiri oleh KKM dan CKK, JKR. Berdasarkan kepada mesyuarat tersebut, pihak JKR akan melaksanakan kerja penambahbaikan terlebih dahulu. Apabila masalah tahap bunyi (noise level) dan kelembapan RH (humidity) diselesaikan sepenuhnya, KKM akan menerima HDW berkenaan dan akan memulakan operasi sepenuhnya.</i></p> <p><i>KKM juga meminta pihak JKR untuk mengkaji semula syarat kontrak khususnya perkara yang melibatkan tahap bunyi (noise level) memandangkan tahap bunyi yang dinyatakan di dalam kontrak (35 – 40 dBA) adalah terlalu sukar untuk dipenuhi.</i></p>	<p><b>Maklum Balas KKM Yang Diterima Pada 4 November 2015</b></p> <p>Jabatan Kerja Raya telah menjalankan tugas-tugas forensik di Hospital Batu Pahat pada 19 Oktober 2015 sebagaimana berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Memasang alat <i>power logger</i> di loji <i>chiller</i> bagi mengukur penggunaan kuasa (<i>power consumption</i>) oleh chiller; dan</li> <li>(ii) Memasang alat <i>data logger</i> di setiap tingkat di Hospital Batu Pahat (di lokasi rawak) bagi tujuan mengukur bacaan kualiti udara di setiap tingkat hospital.</li> </ul> <p>Pemasangan <i>data logger</i> di setiap tingkat Hospital Batu Pahat (2 unit setiap tingkat) telah berjaya dilaksanakan pada 19 Oktober 2015 dan pengambilan semula data logger pada 26 Oktober 2015. Pihak kontraktor juga telah menjalankan kerja-kerja pengukuran bagi sistem pendingin hawa di HDW diadakan pada 29 Oktober 2015.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA / KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**Perenggan 13 : Pembinaan Ambulatory Care Center dan Hemodialisis, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.1.1.a	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Kewangan Dan Fizikal</b></p> <p>Peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bagi projek ACC HRPZ II adalah berjumlah RM186.78 juta meliputi Pakej 1 dengan kos RM8.98 juta dan Pakej 2 dengan kos RM177.80 juta. Berdasarkan Laporan SKALA JKR pada 30 April 2015, kemajuan kewangan sebenar adalah 91% berbanding 100% mengikut unjuran dan sejumlah RM171.58 juta telah dibelanjakan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Selaras dengan syarat-syarat kontrak Reka &amp; Bina (Rev. 2002) fasal 59, semasa diperingkat Perakuan Siap Kerja dikeluarkan masih terdapat lagi skop kerja-kerja penyenggaraan selama 2 tahun masih perlu disiapkan oleh kontraktor. Bayaran preliminaries dan bayaran perunding Preventive Planned Maintenance (PPM) tidak dibayar pada ketika itu kerana pihak kontraktor dan pihak perunding masih belum mengemukakan tuntutan sepenuhnya selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Baki bayaran tersebut dibayar secara berperingkat. Sehingga kini kemajuan kewangan telah mencapai 98.9%.</i></p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Dikemukakan Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Selaras dengan syarat-syarat kontrak Reka &amp; Bina (Rev. 2002) fasal 59, semasa diperingkat Perakuan Siap Kerja dikeluarkan masih terdapat lagi skop kerja-kerja penyenggaraan selama 2 tahun masih perlu disiapkan oleh kontraktor. Bayaran <i>preliminaries</i>, bayaran perunding dan PPM tidak dibayar pada ketika itu kerana pihak kontraktor dan pihak perunding masih perlu mengemukakan tuntutan sepenuhnya selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Baki bayaran tersebut dibayar secara berperingkat. Sehingga kini kemajuan kewangan telah mencapai 98.9%.</p>
13.5.1.1.b	<p>Mengikut kontrak, projek ACC HRPZ II (Pakej 2) perlu disiapkan dalam tempoh 36 bulan, iaitu daripada 1 Oktober 2010 sehingga 30 September 2013. Sehingga 25 September 2014, kemajuan fizikal sebenar projek adalah 100% dengan kelewatan sebanyak 54 hari.</p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Pemberian EOT adalah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa yang mengambil kira faktor kontrak dan juga kelayakan kontraktor untuk memohon EOT tersebut.</p>
13.5.1.1.c	<p>Semakan Audit mendapati pembinaan ACC HRPZ II tidak dapat disiapkan mengikut jadual di mana Kontraktor telah diluluskan 2 EOT selama 306 hari iaitu 27% daripada jumlah keseluruhan hari pembinaan projek tersebut.</p>	<p>Punca EOT No.1</p> <p>i. Pelaksanaan dasar Kerajaan – Pertukaran jenama kerusi pergigian (dental chair) dari jenama import kepada jenama buatan tempatan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pemberian EOT adalah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa yang mengambil kira faktor kontrak dan juga kelayakan kontraktor untuk memohon EOT tersebut.</i></p> <p><u>Punca EOT No.1</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iv. <i>Pelaksanaan dasar Kerajaan - Pertukaran jenama kerusi pergigian (dental chair) dari jenama import kepada jenama buatan tempatan.</i></li> <li>v. <i>Berdasarkan Surat Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 30 Jun 2011 berkaitan pertukaran jenama kerusi pergigian.</i></li> <li>vi. <i>Surat kelulusan untuk mengimport barangan berdasarkan surat MITI bertarikh 29 Februari 2012 meluluskan barang tempatan.</i></li> </ul> <p><u>Punca EOT No.2</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>v. <i>Kelewatan Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) yang memaklumkan tekanan air untuk projek ini adalah rendah.</i></li> <li>vi. <i>Surat AKSB bertarikh 15 Januari 2009 memaklumkan tekanan air mencukupi sebanyak purata 9.4 meter head.</i></li> <li>vii. <i>Surat dari AKSB bertarikh 26 Disember 2013 menyatakan tekanan air rendah di kawasan projek.</i></li> <li>viii. <i>Surat kelulusan perubahan reka bentuk pelan retikulasi dari AKSB bertarikh 14 Februari 2012. Kelewatan berlaku disebabkan oleh perubahan reka bentuk.</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Berdasarkan Surat Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 30 Jun 2011 berkaitan pertukaran jenama kerusi pergigian.</li> <li>iii. Surat kelulusan untuk mengimport barangan berdasarkan surat MITI bertarikh 29 Februari 2012 meluluskan barang tempatan.</li> </ul> <p>Punca EOT No.2</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kelewatan Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) yang memaklumkan tekanan air untuk projek ini adalah rendah.</li> <li>ii. Surat AKSB bertarikh 15 Januari 2009 memaklumkan tekanan air mencukupi sebanyak purata 9.4 meter head.</li> <li>iii. Surat dari AKSB bertarikh 26 Disember 2013 menyatakan tekanan air rendah di kawasan projek.</li> <li>iv. Surat kelulusan perubahan reka bentuk pelan retikulasi dari AKSB bertarikh 14 Februari 2012. Kelewatan berlaku disebabkan oleh perubahan reka bentuk.</li> </ul>
13.5.2.1	<p><b>Pengurusan Pembinaan - Pelantikan Kontraktor</b></p> <p>Pada 22 Ogos 2007, Kementerian Kewangan Malaysia bersetuju supaya projek pembinaan ACC HRPZ II ditawarkan secara rundingan terus kepada Kontraktor. Kontraktor merupakan Kontraktor kelas A yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB). Bagaimanapun, berdasarkan profil CIDB, didapati Kontraktor kurang berpengalaman dalam mengendalikan projek pembinaan hospital kerana tidak</p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Pelantikan Syarikat Menang Intan Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek ini telah diluluskan secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan Malaysia.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pernah terlibat dengan pembinaan hospital sebelum dilantik untuk projek ACC HRPZ II.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pelantikan Syarikat Menang Intan Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek ini telah diluluskan secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan Malaysia.</i></p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia kepada Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 22 Ogos 2007 yang memutuskan nama kontraktor. Surat dari Kementerian Kesihatan Malaysia kepada JKR bertarikh 1 Oktober 2007 yang mengarahkan JKR untuk mengeluarkan surat niat kepada kontraktor MISB seperti yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Oleh itu, pelantikan Kontraktor ini adalah di luar bidang kuasa JKR.</i></p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Surat daripada Kementerian Kewangan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 22 Ogos 2007 yang memutuskan nama kontraktor. Surat dari Kementerian Kesihatan Malaysia kepada JKR bertarikh 1 Oktober 2007 yang mengarahkan JKR untuk mengeluarkan surat niat kepada kontraktor MISB seperti yang diluluskan oleh MOF. Oleh itu, pelantikan Kontraktor ini adalah di luar bidang kuasa JKR.</p>
13.5.2.2.a	<p><b>Rundingan Harga</b></p> <p>Surat Arahan Perbendaharaan mengenai Pelaksanaan Projek Secara Rundingan Terus bertarikh 2 Julai 2003 telah menetapkan bagi projek melebihi RM10 juta, agensi dikehendaki memastikan rundingan diadakan dengan Kontraktor mengenai skop kerja, reka bentuk, harga, tempoh siap, dan lain-lain dimuktamadkan dalam tempoh 6 bulan selepas Surat Niat dikeluarkan. Tawaran melaksanakan projek ini secara rundingan terus akan terbatal secara automatik jika tempoh tersebut dilangkaui.</p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Kelewatan memuktamadkan rundingan harga dan melebihi 6 bulan daripada tarikh Surat Niat adalah disebabkan oleh proses-proses berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. JKR Cawangan Pakar (HODT) perlu sediakan brif teknikal (<i>need statement</i>) untuk dijadikan sebahagian daripada Dokumen Pra - Bida.</li> <li>ii. Dokumen Pra-Bida hanya dikeluarkan kepada Kontraktor pada 19 Mac 2008 setelah siap brif teknikal.</li> <li>iii. JKR menerima Dokumen Pra Bida beserta tawaran dan Harga Cadangan Tender Kontraktor berjumlah RM13,884,783.45 pada tarikh tutup pelawaan iaitu 28 April 2008.</li> <li>iv. Pihak JKR telah diminta untuk mengemukakan permohonan pengesahan peruntukan kos bagi kerja Pakej 1 melalui PDA kepada KKM bertarikh 19 Jun 2008.</li> </ol>
13.5.2.2.b	<p>Semakan Audit mendapati Surat Niat bagi projek pembinaan ACC HRPZ II telah dikeluarkan pada 28 Disember 2007 dan tempoh sepatutnya memuktamadkan rundingan harga adalah pada 27 Jun 2008. Bagaimanapun, didapati rundingan harga bagi Pakej I hanya dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia pada 23 September 2008 iaitu kelewatan selama 86 hari.</p>	



















Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kelewatan memuktamadkan rundingan harga dan melebihi 6 bulan daripada tarikh Surat Niat adalah disebabkan oleh proses-proses berikut:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. JKR Cawangan Pakar (HODT) perlu sediakan brif teknikal (need statement) untuk dijadikan sebahagian daripada Dokumen Pra - Bida.</i></li> <li><i>ii. Dokumen Pra-Bida hanya dikeluarkan kepada Kontraktor pada 19 Mac 2008 setelah siap brif teknikal.</i></li> <li><i>iii. JKR menerima Dokumen Pra-Bida beserta tawaran dan Harga Cadangan Tender Kontraktor berjumlah RM13,884,783.45 pada tarikh tutup pelawaan iaitu 28 April 2008.</i></li> <li><i>iv. Pihak JKR telah diminta untuk mengemukakan permohonan pengesahan peruntukan kos bagi kerja Pakej 1 melalui PDA kepada Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 19 Jun 2008.</i></li> <li><i>v. KKM telah meluluskan peruntukan PDA sejumlah RM 10 juta bertarikh 15 Julai 2008. Jumlah yang diluluskan adalah kurang daripada yang dipohon.</i></li> <li><i>vi. Pengurangan peruntukan ini telah menyebabkan kelewatan bagi proses semakan semula skop berdasarkan peruntukan yang diluluskan. Bagi Pakej 1, Mesyuarat Pra Rundingan Harga dan Rundingan Harga Muktamad hanya boleh dilaksanakan masing-masing bertarikh 22 Ogos 2008 dan 29 Ogos 2008.</i></li> </ol> <p><i>Tempoh memuktamadkan rundingan selepas keluarnya surat niat (28 Disember 2007) sehingga rundingan harga dimuktamadkan adalah selama 8 bulan. Tempoh kelewatan adalah disebabkan oleh semakan semula skop kerja terlalu singkat untuk JKR memohon lanjutan tempoh dari Kementerian Kewangan Malaysia. Tambahan lagi, hasil rundingan harga telah diangkat ke Kementerian Kewangan Malaysia untuk dimuktamadkan dan diluluskan pada 9 September 2008. Dengan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia pada 23 September 2008, maka kelewatan ini telah diambil maklum oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan secara tidak langsung masih bersetuju meneruskan pelantikan Kontraktor tersebut.</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li><i>v. KKM telah meluluskan peruntukan PDA sejumlah RM 10 juta bertarikh 15 Julai 2008. Jumlah yang diluluskan adalah kurang daripada yang dipohon.</i></li> <li><i>vi. Pengurangan peruntukan ini telah menyebabkan kelewatan bagi proses semakan semula skop berdasarkan peruntukan yang diluluskan. Bagi pakej 1, Mesyuarat Pra Rundingan Harga dan Rundingan Harga Muktamad hanya boleh dilaksanakan masing-masing bertarikh 22 Ogos 2008 dan 29 Ogos 2008.</i></li> </ol> <p><i>Tempoh memuktamadkan rundingan selepas keluarnya surat niat (28 Dis 2007) sehingga rundingan harga dimuktamadkan adalah selama 8 bulan. Tempoh kelewatan adalah disebabkan oleh semakan semula skop kerja terlalu singkat untuk JKR memohon lanjutan tempoh dari MOF. Tambahan lagi, hasil rundingan harga telah diangkat ke MOF untuk dimuktamadkan dan diluluskan pada 9 September 2008. Dengan kelulusan MOF pada 23 September 2008, maka kelewatan ini telah diambil maklum oleh MOF dan secara tidak langsung masih bersetuju meneruskan pelantikan Kontraktor tersebut.</i></p>













Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	Pada pendapat Audit, tempoh proses rundingan harga bagi Pakej I melebihi dari tempoh yang ditetapkan.	
13.5.2.3.a.i	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Dokumen Penyerahan Projek Dan Lukisan Siap Bina</b></p> <p>Merujuk kepada Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi Ketiga 2010 (BPPKKR), semua dokumen berkaitan yang diperlukan bagi penyenggaraan kerja oleh Kementerian Pelanggan seperti lukisan siap dibina, manual operasi, perjanjian penyenggaraan dan sebagainya hendaklah diserahkan dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh pengeluaran CPC pada 25 November 2014. Mengikut klausa 37.3 di bawah Jilid 1A - <i>Contractual And General Requirements</i>, Lukisan Siap Bina yang lengkap dan telah disahkan oleh perunding bertauliah perlu dikemukakan kepada PP pada 24 Februari 2015 iaitu dalam tempoh 3 bulan selepas CPC dikeluarkan.</p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Dikemukakan Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Jadual PPM telah diterima daripada pihak kontraktor pada bulan September 2015. Pihak JKR diperingkat menyemak senarai PPM tersebut. Pemantauan kerja-kerja penyenggaraan bangunan/peralatan/fasiliti masih terus dipantau dalam Mesyuarat DLP seterusnya. Mesyuarat DLP seterusnya akan diadakan pada 20 Oktober 2015.</p>
13.5.2.3.a.ii	<p>Semakan Audit mendapati sehingga 31 Mei 2015, dokumen penyerahan projek dan Lukisan Siap Bina masih belum dikemukakan kepada pihak JKR.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Dokumen Penyerahan telah diserahkan secara berperingkat melalui surat no. ruj. MI/Hospital2/JKR/1240 bertarikh 28 April 2015. Walau bagaimanapun, keseluruhan dokumen telah diserahkan secara keseluruhannya pada 15 Jun 2015 melalui surat no. rujukan Hospital2/JKR/1253. As Built Drawing telah dikemukakan sekali secara keseluruhan melalui penyerahan dokumen serahan tersebut.</i></p> <p><i>Pihak JKR telah berkali-kali mengingatkan pihak kontraktor untuk mengemukakan PPM seperti mana di dalam Mesyuarat Penyelarasan Kerja-kerja Kecacatan dan Penyenggaraan Kerja (Defect Liability Period - DLP) No. 1, 2, 3 &amp; 4 namun pihak kontraktor masih gagal berbuat demikian. Jadual PPM telah diterima daripada pihak kontraktor pada bulan September 2015. Pihak JKR diperingkat menyemak senarai PPM tersebut. Pemantauan kerja-kerja penyenggaraan bangunan/peralatan/fasiliti masih terus dipantau dalam Mesyuarat DLP seterusnya. Mesyuarat DLP seterusnya akan diadakan pada 20 Oktober 2015.</i></p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Dokumen Penyerahan telah diserahkan secara berperingkat melalui surat no. ruj. MI/Hospital2/JKR/1240 bertarikh 28 April 2015. Walau bagaimanapun, keseluruhan dokumen telah diserahkan secara keseluruhannya pada 15 Jun 2015 melalui surat no. rujukan Hospital2/JKR/1253. As Built Drawing telah dikemukakan sekali secara keseluruhan melalui penyerahan dokumen serahan tersebut.</p> <p>Pihak JKR telah berkali-kali mengingatkan pihak kontraktor untuk mengemukakan PPM seperti mana di dalam Mesyuarat Penyelarasan Kerja-kerja Kecacatan dan Penyenggaraan Kerja (Defect Liability Period - DLP) No. 1, 2, 3 &amp; 4 namun pihak kontraktor masih gagal berbuat demikian. Jadual PPM telah diterima daripada pihak kontraktor pada bulan September 2015. Pihak JKR diperingkat menyemak senarai PPM tersebut. Pemantauan kerja-kerja penyenggaraan bangunan/peralatan/fasiliti masih terus dipantau dalam Mesyuarat DLP seterusnya. Mesyuarat DLP seterusnya akan diadakan pada 20 Oktober 2015.</p>













Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, kegagalan untuk menyerahkan dokumen penyerahan dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan bangunan/peralatan/fasiliti sukar untuk dipantau.</p>	
<p><b>13.5.2.3.b.i</b></p>	<p><b>EOT Lewat Dikeluarkan</b></p> <p>Kontraktor hendaklah mengemukakan notis permohonan EOT secara bertulis kepada PP sekiranya projek dijangka akan lewat disiapkan berdasarkan laporan kemajuan bulanan dan peratus siap kerja pada mesyuarat tapak terakhir sebelum tarikh projek sepatutnya disiapkan. Mengikut Garis Panduan Pengurusan Pembinaan Projek Reka Dan Bina, jika Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa tidak dikeluarkan oleh PP sebelum tempoh kontrak yang dibenarkan berakhir, maka Kerajaan akan hilang hak ke atas Kontraktor untuk menyiapkan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan.</p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Kelulusan EOT 2 lewat berikutan proses mendapatkan surat daripada AKSB bertarikh 26 Disember 2013 yang memaklumkan tekanan air rendah lewat diterima. Cawangan Kerja Kesihatan JKR, hanya menerima surat pada Januari 2014 berkaitan dengan isu kelulusan pelan retikulasi bekalan air di mana AKSB mencadangkan tangki pindah perlu dibina kerana tekanan air rendah dan keperluan baru <i>pipe jacking</i>. Surat daripada JKR Kelantan mengarahkan penggunaan keperluan baru iaitu <i>pipe jacking</i> bagi pemasangan paip air tersebut bertarikh 29 Disember 2013. Pihak kontraktor / perunding mengemukakan surat permohonan reka bentuk tangki pindah kepada AKSB bertarikh 3 Mac 2014. AKSB meluluskan reka bentuk tangki pindah bertarikh 5 Mac 2014. JKR Kelantan meluluskan permohonan kontraktor bagi memulakan kerja – kerja <i>pipe jacking</i> bertarikh 21 April 2014. Jadual Perancangan Kerja (CPM) kontraktor diterima pada 21 Julai 2014 bersama – sama surat permohonan lanjutan masa No.2. Kontraktor memohon 264 hari. PP telah mengkaji dan memperakukan 156 hari pada 25 Ogos 2014. Walau bagaimanapun Kontrak masih berjalan dengan mengemukakan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap untuk mengelakkan <i>time at large</i></p>
<p><b>13.5.2.3.b.ii</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati EOT 2 hanya dikeluarkan pada 2 September 2014 iaitu kelewatan selama 187 hari daripada tarikh projek sepatutnya siap pada EOT 1 iaitu 27 Februari 2014. Semakan lanjut Audit mendapati EOT 2 diluluskan oleh Jawatankuasa Kelambatan Dan Lanjutan Masa pada 23 Julai 2014.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kelulusan EOT 2 lewat berikutan proses mendapatkan surat daripada AKSB bertarikh 26 Disember 2013 yang memaklumkan tekanan air rendah lewat diterima. Cawangan Kerja Kesihatan JKR, hanya menerima surat pada Januari 2014 berkaitan dengan isu kelulusan pelan retikulasi bekalan air di mana AKSB mencadangkan tangki pindah perlu dibina kerana tekanan air rendah dan keperluan baru pipe jacking. Surat daripada JKR Kelantan mengarahkan penggunaan keperluan baru iaitu pipe jacking bagi pemasangan paip air tersebut bertarikh 29 Disember 2013. Pihak kontraktor/perunding mengemukakan surat permohonan reka bentuk tangki pindah kepada AKSB bertarikh 3 Mac 2014. AKSB meluluskan reka bentuk tangki pindah bertarikh 5 Mac 2014. JKR Kelantan meluluskan permohonan kontraktor bagi memulakan kerja-kerja pipe jacking bertarikh 21 April 2014. Jadual Perancangan Kerja (CPM) kontraktor diterima pada 21 Julai 2014 bersama-sama surat permohonan lanjutan masa No. 2. Kontraktor memohon 264 hari. PP telah mengkaji dan memperakukan 156 hari pada 25 Ogos 2014. Walau bagaimanapun Kontrak masih berjalan dengan mengemukakan Sijil Perakuan</i></p>	













Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>Kerja Tidak Siap untuk mengelakkan 'time at large'.</i>	
13.5.2.3.c	<p><b>Penglibatan Kontraktor Kelas F</b></p> <p>Jilid 1 Appendix 9 syarat kontrak telah menetapkan Kontraktor Kelas F diperuntukkan sekurang-kurangnya 10% dari nilai kerja pembina (30% daripada jumlah kerja pembina) iaitu RM5.33 juta. Perenggan 3.8 kepada arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR) terhadap Pelaksanaan Program Penglibatan Kontraktor Kelas F menetapkan laporan kemajuan terhadap pelaksanaan Kontraktor Kelas F perlu dikemukakan setiap bulan oleh PP kepada Ketua Setiausaha (KSU) KKR dan Pengarah CKUB. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati sehingga bayaran interim 51 hanya sejumlah RM1.01 juta (18.9%) nilai kerja telah diberikan kepada Kontraktor Kelas F. Ini selaras dengan perakuan Kontraktor kepada pihak JKR pada 28 Mei 2014 di mana status terkini penglibatan Kontraktor Kelas F adalah 18.9% daripada jumlah yang diperuntukkan atau bersamaan RM1.01 juta. Selain itu, tiada bukti laporan pelaksanaan program penglibatan Kontraktor Kelas F secara bulanan dikemukakan kepada KSU KKR dan Pengarah CKUB untuk tujuan pemantauan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak kontraktor telah diminta untuk mendapatkan minit mesyuarat daripada Bahagian Pembangunan Usahawan. Sehingga kini pihak JKR masih belum menerima minit tersebut. Dalam Arahan Kepada Pentender (Instruction To Tenderers-ITT) selaras dengan perenggan 25 dan apendiks 9 memperuntukkan pentender yang disetujuterima hendaklah mensubkontrakkan kepada kontraktor kelas F sekurang-kurangnya 10% dari nilai kerja Pembina daripada peruntukan 30% jumlah harga kontrak yang dikhaskan untuk kontraktor/syarikat/profesional Bumiputera. Penglibatan Bumiputera adalah sejumlah RM66.79 juta iaitu 38% daripada kos projek. Berdasarkan arahan KPKR Tahun 2008 : Panduan Pelaksanaan Program Penglibatan Kontraktor Kelas F, Item 3.2 menyatakan "Bagi tujuan tersebut kontraktor yang disetuju terima dikehendaki menguruskan sendiri perolehan kerja tersebut daripada senarai kontraktor kelas F yang diperolehi daripada Bahagian Pembangunan Bumiputera (BPB), Kementerian Kerja Raya" dan item 3.7.1 menyatakan "semua bayaran kontraktor Kelas F dibayar terus oleh Kerajaan secara penyerahanhak". Justeru itu, urusan pelantikan dan bayaran kepada kontraktor Kelas F tersebut adalah dilaksanakan sendiri oleh pihak kontraktor tanpa melibatkan JKR. JKR patuh pada surat arahan KPKR 2008 dan memantau penglibatan kelas F serta mesyuarat tapak pada setiap bulan. Laporan telah dibentangkan dalam mesyuarat tapak dan wakil Bahagian Pembangunan Usahawan Bumiputera (BPU), KKR dan wakil CKUB, JKR telah hadir dalam mesyuarat tapak tersebut.</i></p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Pihak kontraktor telah diminta untuk mendapatkan minit mesyuarat daripada Bahagian Pembangunan Usahawan. Sehingga kini pihak JKR masih belum menerima minit tersebut. Dalam Arahan Kepada Pentender (<i>Instruction To Tenderers-ITT</i>) selaras dengan perenggan 25 dan apendiks 9 memperuntukkan pentender yang disetujuterima hendaklah mensubkontrakkan kepada kontraktor kelas F sekurang-kurangnya 10% dari nilai kerja Pembina daripada peruntukan 30% jumlah harga kontrak yang dikhaskan untuk kontraktor/syarikat/profesional Bumiputera. Penglibatan Bumiputera adalah sejumlah RM66.79 juta iaitu 38% daripada kos projek. Berdasarkan arahan KPKR Tahun 2008 : Panduan Pelaksanaan Program Penglibatan Kontraktor Kelas F, Item 3.2 menyatakan "Bagi tujuan tersebut kontraktor yang disetuju terima dikehendaki menguruskan sendiri perolehan kerja tersebut daripada senarai kontraktor kelas F yang diperolehi daripada Bahagian Pembangunan Bumiputera (BPB), Kementerian Kerja Raya" dan item 3.7.1 menyatakan "semua bayaran kontraktor Kelas F dibayar terus oleh Kerajaan secara penyerahanhak". Justeru itu, urusan pelantikan dan bayaran kepada kontraktor Kelas F tersebut adalah dilaksanakan sendiri oleh pihak kontraktor tanpa melibatkan JKR. JKR patuh pada surat arahan KPKR 2008 dan memantau penglibatan kelas F serta mesyuarat tapak pada setiap bulan. Laporan telah dibentangkan dalam mesyuarat tapak dan wakil Bahagian Pembangunan Usahawan Bumiputera (BPU), KKR dan wakil CKUB, JKR telah hadir dalam mesyuarat tapak tersebut.</p>













Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
	<p><i>kontraktor tanpa melibatkan JKR. JKR patuh pada surat arahan KPKR 2008 dan memantau penglibatan kelas F serta mesyuarat tapak pada setiap bulan. Laporan telah dibentangkan dalam mesyuarat tapak dan wakil Bahagian Pembangunan Usahawan Bumiputera (BPU), KKR dan wakil CKUB, JKR telah hadir dalam mesyuarat tapak tersebut.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak JKR masih gagal untuk memantau secara menyeluruh mengenai penglibatan Kontraktor Kelas F kerana masih belum mencapai nilai yang sepatutnya walaupun laporan mengenainya telah dibentangkan dalam mesyuarat tapak.</p>									
<p><b>13.5.3.1</b></p>	<p><b> KERJA PEMBINAAN YANG KURANG MEMUASKAN DAN PEMBAIKAN BELUM SELESAI DILAKSANAKAN OLEH KONTRAKTOR</b></p> <p>Peraturan menetapkan bahawa reka bentuk dan binaan hendaklah mengikut keperluan Kerajaan supaya dapat digunakan dengan optimum, berfungsi dengan baik, selamat, sesuai serta mudah untuk menjalankan operasi hospital. Hasil lawatan fizikal Audit mendapati kerja pembinaan yang kurang memuaskan dan pembaikan yang belum selesai oleh Kontraktor.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pengawasan kerja di tapak dipantau oleh perunding kontraktor. JKR menempatkan seorang Pegawai Tapak Bina (PTB) untuk memantau kerja-kerja pengawasan oleh perunding. Mesyuarat tapak dan teknikal diadakan pada setiap bulan. Penjelasan CKK, JKR adalah seperti jadual berikut:</i></p> <table border="1" data-bbox="349 1062 1173 1385"> <thead> <tr> <th data-bbox="349 1062 633 1102">LOKASI</th> <th data-bbox="633 1062 1173 1102">ULASAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="349 1102 633 1187">Sebelah Parkir OKU</td> <td data-bbox="633 1102 1173 1187"><i>Keretakan yang berlaku tidak melibatkan struktur. Keretakan telah dibaiki pada 10.07.2015</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="349 1187 633 1278">Aras 4A, Cooling Tower</td> <td data-bbox="633 1187 1173 1278"><i>Keretakan yang berlaku tidak melibatkan struktur, ia hanya keretakan shrinkage crack. Kesan retakan telah dibaiki pada 23.07.2015.</i></td> </tr> <tr> <td data-bbox="349 1278 633 1385">L5-GA-05</td> <td data-bbox="633 1278 1173 1385"><i>Junction box tidak diperlukan kerana ruang tersebut dibuat bagi menyambungkan kabel mikrofon. Ruang tersebut telah ditutup kembali dan tidak diperlukan. Junction box tidak</i></td> </tr> </tbody> </table>	LOKASI	ULASAN	Sebelah Parkir OKU	<i>Keretakan yang berlaku tidak melibatkan struktur. Keretakan telah dibaiki pada 10.07.2015</i>	Aras 4A, Cooling Tower	<i>Keretakan yang berlaku tidak melibatkan struktur, ia hanya keretakan shrinkage crack. Kesan retakan telah dibaiki pada 23.07.2015.</i>	L5-GA-05	<i>Junction box tidak diperlukan kerana ruang tersebut dibuat bagi menyambungkan kabel mikrofon. Ruang tersebut telah ditutup kembali dan tidak diperlukan. Junction box tidak</i>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Dikemukakan pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Pengawasan kerja di tapak dipantau oleh perunding kontraktor. JKR menempatkan seorang Pegawai Tapak Bina (PTB) untuk memantau kerja – kerja pengawasan oleh perunding. Mesyuarat tapak dan teknikal diadakan pada setiap bulan.</p> <p>Penjelasan Cawangan Kerja Kesihatan, JKR adalah seperti jadual di bawah:</p>
LOKASI	ULASAN									
Sebelah Parkir OKU	<i>Keretakan yang berlaku tidak melibatkan struktur. Keretakan telah dibaiki pada 10.07.2015</i>									
Aras 4A, Cooling Tower	<i>Keretakan yang berlaku tidak melibatkan struktur, ia hanya keretakan shrinkage crack. Kesan retakan telah dibaiki pada 23.07.2015.</i>									
L5-GA-05	<i>Junction box tidak diperlukan kerana ruang tersebut dibuat bagi menyambungkan kabel mikrofon. Ruang tersebut telah ditutup kembali dan tidak diperlukan. Junction box tidak</i>									
















Perenggan	Penemuan Audit		Status Terkini									
	<p>Luar Bilik Motor Lif; L5-RQA-02; L2-END-06; L2-MDC-30; dan L1-CA-03A</p>	<p>diperlukan dan karpet telah diletakkan kembali pada 15.06.2015.</p> <p>Punca kondensasi berlaku menyebabkan resapan air di siling adalah kerana terdapat perubahan suhu aircond yang telah ditetapkan pada suhu 21<sup>o</sup> celsius berbanding 23<sup>o</sup> celsius sepatutnya atas permintaan pihak pelanggan. Suhu tersebut telah diubah kembali ke 230 celsius dan hasil pemerhatian selanjutnya tiada berlaku lagi kondensasi atau resapan air di siling. Siling tersebut telah digantikan dengan siling yang baru pada 08.06.2015.</p>	<table border="1"> <tr> <td colspan="2" data-bbox="1339 256 1892 277">Lokasi : Sebelah Parkir OKU</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 277 1615 304">SEBELUM</td> <td data-bbox="1615 277 1892 304">SELEPAS</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 304 1615 469"></td> <td data-bbox="1615 304 1892 469"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 469 1413 550">Ulasan</td> <td data-bbox="1413 469 1892 550">Keretakan pada parking OKU telah pun dibaiki pada 10.7.2015</td> </tr> </table>		Lokasi : Sebelah Parkir OKU		SEBELUM	SELEPAS			Ulasan	Keretakan pada parking OKU telah pun dibaiki pada 10.7.2015
Lokasi : Sebelah Parkir OKU												
SEBELUM	SELEPAS											
												
Ulasan	Keretakan pada parking OKU telah pun dibaiki pada 10.7.2015											
L5-CR4-03 dan L5-CR2-07	Siling telah ditutup sepenuhnya dengan fire barrier pada 15.07.2015.	<table border="1"> <tr> <td colspan="2" data-bbox="1339 560 1892 580">Lokasi : Aras 4A, Cooling Tower</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 580 1615 608">SEBELUM</td> <td data-bbox="1615 580 1892 608">SELEPAS</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 608 1615 772"></td> <td data-bbox="1615 608 1892 772"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 772 1413 831">Ulasan</td> <td data-bbox="1413 772 1892 831">Kesan retakan telah dibaiki pada 23.7.2015</td> </tr> </table>		Lokasi : Aras 4A, Cooling Tower		SEBELUM	SELEPAS			Ulasan	Kesan retakan telah dibaiki pada 23.7.2015	
Lokasi : Aras 4A, Cooling Tower												
SEBELUM	SELEPAS											
												
Ulasan	Kesan retakan telah dibaiki pada 23.7.2015											
L5-EDP-11	Kerja-kerja penyambungan paip CHWR akan dilaksanakan dalam tempoh DLP.											
L5-SM-01	Karpas yang baru telah diletakkan sementara bagi memenuhi ruang lantai pada 21.06.2015. Corak karpas yang asal sedang ditempah oleh kontraktor.											
L4-PL-02	Emergency shower telah dipasang mengikut lukisan kerja yang telah diluluskan.											
L6-CR3-01	Penampalan Lukisan Skematik dalam pintu papan suis akan dilaksanakan dalam tempoh DLP.											
Bilik Genset dan MSB	Tanda Amaran telah diletakkan pada 15.07.2015. Indicator alat Pemadam Api menunjukkan Recharge akan dilaksanakan dalam tempoh DLP.											
Bilik Kawalan Kebakaran	System Automated Logic telah berfungsi dan telah dibaiki pada 30.09.2015.											
Bilik Kawalan Kebakaran	Gambar CCTV tidak jelas dan akan dibaiki dalam tempoh DLP.											
L2-END-06, L2-END-10, Bilik MSB dan Bilik Motor Lif	Kalibrasi papan agihan dibaiki dan dilaksanakan dalam tempoh DLP	<table border="1"> <tr> <td colspan="2" data-bbox="1339 879 1892 900">Lokasi : L5-GA-05</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 900 1615 927">SEBELUM</td> <td data-bbox="1615 900 1892 927">SELEPAS</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 927 1615 1192"></td> <td data-bbox="1615 927 1892 1192"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1339 1192 1413 1383">Ulasan</td> <td data-bbox="1413 1192 1892 1383">Junction box tidak diperlukan kerana ruang tersebut dibuat bagi menyambungkan kabel Microphone. Ruang tersebut telah ditutup kembali dan tidak lagi diperlukan. Junction box tidak diperlukan dan carpet telah diletakkan kembali pada 15.6.2015.</td> </tr> </table>		Lokasi : L5-GA-05		SEBELUM	SELEPAS			Ulasan	Junction box tidak diperlukan kerana ruang tersebut dibuat bagi menyambungkan kabel Microphone. Ruang tersebut telah ditutup kembali dan tidak lagi diperlukan. Junction box tidak diperlukan dan carpet telah diletakkan kembali pada 15.6.2015.	
Lokasi : L5-GA-05												
SEBELUM	SELEPAS											
												
Ulasan	Junction box tidak diperlukan kerana ruang tersebut dibuat bagi menyambungkan kabel Microphone. Ruang tersebut telah ditutup kembali dan tidak lagi diperlukan. Junction box tidak diperlukan dan carpet telah diletakkan kembali pada 15.6.2015.											
Cooling Tower	Kedudukan bukaan tangki dan cat ladder adalah bersesuaian dan tidak melebihi jarak 2 meter. Laluan masuk ke tangki air yang terhalang adalah disebabkan oleh pemasangan											







Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
<p>Pada pendapat Audit, kualiti pembinaan ACC HRPZ II adalah kurang memuaskan kerana pelaksanaan kerja Kontraktor yang kurang sempurna dan kelemahan pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor.</p>		<div data-bbox="1339 311 2011 869"> <p>Lokasi : Luar Bilik Motor Lif; L5-RQA-02; L2-END-06; L2-MDC-30; dan L1-CA- 03A</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>SEBELUM</th> <th>SELEPAS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>Ulasan : Punca Kondensasi berlaku menyebabkan resapan air di siling adalah kerana terdapat perubahan suhu aircond yang telah diletakkan sebagai 21 Darjah Celcius berbanding 23 Darjah Celcius sepatutnya atas permintaan pihak pelanggan.</p> <p><b>TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN</b></p> <p>Suhu tersebut telah diubah kembali ke 23 Darjah Celcius dan hasil pemerhatian selanjutnya tiada berlaku lagi kondensasi atau resapan air di siling.</p> <p>Siling tersebut telah digantikan dengan siling yang baru pada 8.6.2015.</p> </div> <div data-bbox="1330 895 2065 1310"> <p>Lokasi : L5-RQA-02</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>SEBELUM</th> <th>SELEPAS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>Ulasan : Siling tersebut telah digantikan dengan siling yang baru pada 8.6.2015</p> </div>	SEBELUM	SELEPAS			SEBELUM	SELEPAS		
	SEBELUM		SELEPAS							
										
SEBELUM	SELEPAS									
										
<p>Dihadapan Bilik Transforma 1</p>	<p>panel pengukuhan tangki. Berikutan projek dilaksanakan secara Reka &amp; Bina, kontraktor telah diarahkan untuk memastikan perunding yang dilantik untuk merekabentuk semula laluan masuk tersebut agar tidak terhalang.</p> <p>Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan dalam tempoh DLP.</p>									
<p>Laluan Sebelah OT</p>	<p>Akan dilaksanakan dalam tempoh DLP.</p>									




Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																
		<table border="1"> <tr> <td colspan="2" data-bbox="1346 256 2063 293">Lokasi : L2-END-06</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1346 293 1688 330"><b>SEBELUM</b></td> <td data-bbox="1688 293 2063 330"><b>SELEPAS</b></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1346 330 1688 560"></td> <td data-bbox="1688 330 2063 560"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1346 560 1469 788">Ulasan</td> <td data-bbox="1469 560 2063 788">Siling tersebut telah digantikan dengan siling yang baru pada 8.6.2015</td> </tr> </table> <table border="1"> <tr> <td colspan="2" data-bbox="1308 874 2078 911">Lokasi : L2-MDC-30</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 911 1688 948"><b>SEBELUM</b></td> <td data-bbox="1688 911 2078 948"><b>SELEPAS</b></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 948 1688 1177"></td> <td data-bbox="1688 948 2078 1177"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 1177 1440 1230">Ulasan</td> <td data-bbox="1440 1177 2078 1230">Siling yang berlubang telah ditukar pada 5.6.2015</td> </tr> </table>	Lokasi : L2-END-06		<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>			Ulasan	Siling tersebut telah digantikan dengan siling yang baru pada 8.6.2015	Lokasi : L2-MDC-30		<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>			Ulasan	Siling yang berlubang telah ditukar pada 5.6.2015
Lokasi : L2-END-06																		
<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>																	
																		
Ulasan	Siling tersebut telah digantikan dengan siling yang baru pada 8.6.2015																	
Lokasi : L2-MDC-30																		
<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>																	
																		
Ulasan	Siling yang berlubang telah ditukar pada 5.6.2015																	



Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																
		<table border="1" data-bbox="1308 284 2074 683"> <tr> <td colspan="2" data-bbox="1308 284 2074 331">Lokasi : L1-CA-03A</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 331 1688 371"><b>SEBELUM</b></td> <td data-bbox="1688 331 2074 371"><b>SELEPAS</b></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 371 1688 635"></td> <td data-bbox="1688 371 2074 635"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 635 1435 683">Ulasan</td> <td data-bbox="1435 635 2074 683">Siling tersebut telah digantikan dengan siling yang baru pada 8.6.2015</td> </tr> </table> <table border="1" data-bbox="1308 887 2074 1305"> <tr> <td colspan="2" data-bbox="1308 887 2074 927">Lokasi : L5-CR4-03 dan L5-CR2-07</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 927 1688 967"><b>SEBELUM</b></td> <td data-bbox="1688 927 2074 967"><b>SELEPAS</b></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 967 1688 1206"></td> <td data-bbox="1688 967 2074 1206"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1308 1206 1435 1305">Ulasan</td> <td data-bbox="1435 1206 2074 1305">Siling telah pun ditutup sepenuhnya dengan Fire Barrier pada 15.7.2015</td> </tr> </table>	Lokasi : L1-CA-03A		<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>			Ulasan	Siling tersebut telah digantikan dengan siling yang baru pada 8.6.2015	Lokasi : L5-CR4-03 dan L5-CR2-07		<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>			Ulasan	Siling telah pun ditutup sepenuhnya dengan Fire Barrier pada 15.7.2015
Lokasi : L1-CA-03A																		
<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>																	
																		
Ulasan	Siling tersebut telah digantikan dengan siling yang baru pada 8.6.2015																	
Lokasi : L5-CR4-03 dan L5-CR2-07																		
<b>SEBELUM</b>	<b>SELEPAS</b>																	
																		
Ulasan	Siling telah pun ditutup sepenuhnya dengan Fire Barrier pada 15.7.2015																	


Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini										
		<div data-bbox="1312 256 2056 715"> <p>Lokasi : L5-SM-01</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1319 296 1682 320">SEBELUM</th> <th data-bbox="1682 296 2049 320">SELEPAS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1319 347 1621 555"></td> <td data-bbox="1688 371 2042 539"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1319 560 1420 710">Ulasan</td> <td data-bbox="1420 560 2049 710">Karpets yang baru telah diletakkan sementara bagi memenuhi ruang lantai pada 21.06.2015. Corak karpets yang asal sedang ditempah oleh kontraktor.</td> </tr> </tbody> </table> </div> <div data-bbox="1339 884 2056 1342"> <p>Lokasi : L4-PL-02</p> <table border="1"> <tbody> <tr> <td data-bbox="1346 922 1697 1257"></td> <td data-bbox="1697 922 2049 1257"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1346 1273 1447 1337">Ulasan</td> <td data-bbox="1447 1273 2049 1337">Emergency Shower telah dipasang mengikut lukisan kerja yang telah diluluskan</td> </tr> </tbody> </table> </div>	SEBELUM	SELEPAS			Ulasan	Karpets yang baru telah diletakkan sementara bagi memenuhi ruang lantai pada 21.06.2015. Corak karpets yang asal sedang ditempah oleh kontraktor.			Ulasan	Emergency Shower telah dipasang mengikut lukisan kerja yang telah diluluskan
SEBELUM	SELEPAS											
												
Ulasan	Karpets yang baru telah diletakkan sementara bagi memenuhi ruang lantai pada 21.06.2015. Corak karpets yang asal sedang ditempah oleh kontraktor.											
												
Ulasan	Emergency Shower telah dipasang mengikut lukisan kerja yang telah diluluskan											

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
		<div data-bbox="1346 284 2049 722"> <p>Lokasi : <b>Bilik Genset dan MSB</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="2" data-bbox="1355 320 1697 344">SEBELUM</th> <th data-bbox="1697 320 2040 544"></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1355 344 1518 544"></td> <td data-bbox="1518 344 1697 544"></td> <td data-bbox="1697 344 2040 544"></td> </tr> <tr> <td colspan="3" data-bbox="1823 544 1921 568" style="text-align: right;"><b>SELEPAS</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>Ulasan    Tanda amaran telah diletakkan pada 15.7.2015</p> </div> <div data-bbox="1346 863 2049 1289"> <p>Lokasi : <b>Bilik Kawalan Kebakaran</b></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1355 906 1720 930">SEBELUM</th> <th data-bbox="1720 906 2040 930">SELEPAS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1355 930 1720 1209"></td> <td data-bbox="1720 930 2040 1209"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="1355 1209 1720 1284">Ulasan</td> <td data-bbox="1720 1209 2040 1284">Sistem Automated Logic telah berfungsi dan telah dibaiki pada 30.9.2015</td> </tr> </tbody> </table> </div>	SEBELUM						<b>SELEPAS</b>			SEBELUM	SELEPAS			Ulasan	Sistem Automated Logic telah berfungsi dan telah dibaiki pada 30.9.2015
SEBELUM																	
																	
<b>SELEPAS</b>																	
SEBELUM	SELEPAS																
																	
Ulasan	Sistem Automated Logic telah berfungsi dan telah dibaiki pada 30.9.2015																

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
		<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center; background-color: #cccccc;">Lokasi : Cooling Tower</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center; background-color: #cccccc;">SEBELUM</td> <td style="text-align: center; background-color: #cccccc;">SELEPAS</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"></td> <td style="text-align: center;"></td> </tr> <tr> <td style="vertical-align: top;">Ulasan</td> <td> <p>1) Kedudukan Bukaannya tangki dan Cat Ladder adalah bersesuaian dan tidak melebihi jarak 2 meter.</p> <p>2) Laluan masuk ke tangki air yang terhalang adalah disebabkan oleh pemasangan panel pengukuhan tangki. Berikutan projek dilaksanakan secara Reka &amp; Bina, kontraktor telah diarahkan untuk memastikan perunding yang dilantik untuk merekabentuk semula laluan masuk tersebut agar tidak terhalang.</p> </td> </tr> </table>	Lokasi : Cooling Tower		SEBELUM	SELEPAS			Ulasan	<p>1) Kedudukan Bukaannya tangki dan Cat Ladder adalah bersesuaian dan tidak melebihi jarak 2 meter.</p> <p>2) Laluan masuk ke tangki air yang terhalang adalah disebabkan oleh pemasangan panel pengukuhan tangki. Berikutan projek dilaksanakan secara Reka &amp; Bina, kontraktor telah diarahkan untuk memastikan perunding yang dilantik untuk merekabentuk semula laluan masuk tersebut agar tidak terhalang.</p>
Lokasi : Cooling Tower										
SEBELUM	SELEPAS									
										
Ulasan	<p>1) Kedudukan Bukaannya tangki dan Cat Ladder adalah bersesuaian dan tidak melebihi jarak 2 meter.</p> <p>2) Laluan masuk ke tangki air yang terhalang adalah disebabkan oleh pemasangan panel pengukuhan tangki. Berikutan projek dilaksanakan secara Reka &amp; Bina, kontraktor telah diarahkan untuk memastikan perunding yang dilantik untuk merekabentuk semula laluan masuk tersebut agar tidak terhalang.</p>									
13.5.3.2	<p><b>Reka Bentuk/Kerja/Material Kurang Bersesuaian</b></p> <p>Bagi memastikan setiap bangunan/ruang kerja dapat digunakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif ditetapkan, perancangan yang teliti dan baik perlu dilakukan semasa peringkat awal merancang reka bentuk dan diperkemas di peringkat pelaksanaan kerja pemasangan peralatan/perkakasan. Lawatan fizikal Audit mendapati reka bentuk meja bilik mesyuarat utama tidak sesuai dan kedudukan <i>air release</i> tidak mengikut lukisan kontrak.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Projek ACCKB adalah projek reka dan bina secara rundingan terus, beberapa sesi interaksi data ruang dan keperluan peralatan telah dibincang dan dirancang secara terperinci bersama kontraktor (termasuk konsultan), JKR, Bahagian Perancangan KKM dan pengguna daripada HRPZ II sebelum</i></p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Dikemukakan pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Perbincangan Mesyuarat di dalam Mesyuarat Rekabentuk dan Interaksi Data Ruang (RDI) dan <i>Technical Specification Adherent</i> (TSA) telah diadakan. Selain itu, terdapat perubahan kefungsiannya bilik yang mana bilik mesyuarat ini pada asalnya adalah bilik Perpustakaan. Pihak pelanggan masih ingin mengekalkan kapasiti mesyuarat bagi 40 orang walaupun bilik tersebut berbeza dari segi saiz. Ini menyebabkan bilik tersebut kelihatan sempit.</p> <p>Tindakan pembaikan yang dicadangkan adalah penukaran arah bukaan pintu bagi memberikan sedikit ruang kelegaan.</p> <p>Penjelasan Cawangan Kerja Kesihatan, JKR adalah seperti jadual di bawah:</p>								

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																
	<p>rundingan harga diadakan. Selain daripada itu, sesi perbincangan telah diadakan untuk membincangkan keperluan kemas arkitek, keperluan sistem infrastruktur dan peralatan juga telah diadakan di sepanjang tempoh pembinaan projek bagi memastikan bangunan/ruang kerja serta peralatan dan kemudahan dapat digunakan dengan maksimum, selesa, bersesuaian dan selamat.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Perbincangan di dalam Mesyuarat Rekabentuk dan Interaksi Data Ruang (RDI) dan Technical Specification Adherent (TSA) telah diadakan. Selain itu, terdapat perubahan kegunaan bilik yang mana bilik mesyuarat ini pada asalnya adalah bilik perpustakaan. Pihak pelanggan masih ingin mengekalkan kapasiti bilik mesyuarat bagi 40 orang walaupun bilik tersebut berbeza dari segi saiz. Ini menyebabkan bilik tersebut kelihatan sempit. Tindakan pembaikan yang dicadangkan adalah penukaran arah bukaan pintu bagi memberikan sedikit ruang kelegaan. Penjelasan CKK, JKR adalah seperti di jaduan berikut:</p> <table border="1" data-bbox="331 842 1171 1257"> <thead> <tr> <th data-bbox="331 842 499 882">LOKASI</th> <th data-bbox="499 842 1171 882">ULASAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="331 882 499 1082">L5-GA-05</td> <td data-bbox="499 882 1171 1082"> <p>Orentasi pintu telah diubah menghala ke luar bagi menjarakkan laluan didalam bilik mesyuarat pada 10.10.2015.</p> <p>Reka bentuk meja bilik mesyuarat utama telah dipersetujui semasa mesyuarat di antara JKR dan pelanggan. Kedudukan kerusi boleh diubah untuk memberi sedikit ruang dan keselesaan ahli mesyuarat.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 1082 499 1121">L5-CR2-05</td> <td data-bbox="499 1082 1171 1121">Akan dibaiki dalam tempoh DLP.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="331 1121 499 1257">L1-PH-06</td> <td data-bbox="499 1121 1171 1257">Dinding di PH-06 adalah dinding jenis Gypsum Board. Terdapat kesilapan butiran lukisan oleh perunding. Pihak JKR telah mengeluarkan surat arahan agar pindaan terhadap lukisan tersebut dibuat oleh perunding dan pindaan telah dibuat melalui as-built drawing.</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pada pendapat Audit, reka bentuk bangunan/ruang kerja serta keperluan peralatan dan kemudahan perlu dirancang dengan sempurna supaya bangunan/ruang kerja, peralatan dan kemudahan dapat digunakan dengan maksimum, selesa dan bersesuaian.</p>	LOKASI	ULASAN	L5-GA-05	<p>Orentasi pintu telah diubah menghala ke luar bagi menjarakkan laluan didalam bilik mesyuarat pada 10.10.2015.</p> <p>Reka bentuk meja bilik mesyuarat utama telah dipersetujui semasa mesyuarat di antara JKR dan pelanggan. Kedudukan kerusi boleh diubah untuk memberi sedikit ruang dan keselesaan ahli mesyuarat.</p>	L5-CR2-05	Akan dibaiki dalam tempoh DLP.	L1-PH-06	Dinding di PH-06 adalah dinding jenis Gypsum Board. Terdapat kesilapan butiran lukisan oleh perunding. Pihak JKR telah mengeluarkan surat arahan agar pindaan terhadap lukisan tersebut dibuat oleh perunding dan pindaan telah dibuat melalui as-built drawing.	<table border="1" data-bbox="1317 260 1995 730"> <thead> <tr> <th colspan="2" data-bbox="1317 260 1995 292">Lokasi : L5-GA-05</th> </tr> <tr> <th data-bbox="1317 292 1653 323">SEBELUM</th> <th data-bbox="1653 292 1995 323">SELEPAS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1317 323 1653 627">  </td> <td data-bbox="1653 323 1995 627">  </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1317 627 1417 730">Ulasan</td> <td data-bbox="1417 627 1995 730">Orientasi pintu telah di ubah menghala ke luar bagi menjarakkan laluan di dalam bilik mesyuarat pada 10.10.2015</td> </tr> </tbody> </table>	Lokasi : L5-GA-05		SEBELUM	SELEPAS			Ulasan	Orientasi pintu telah di ubah menghala ke luar bagi menjarakkan laluan di dalam bilik mesyuarat pada 10.10.2015
LOKASI	ULASAN																	
L5-GA-05	<p>Orentasi pintu telah diubah menghala ke luar bagi menjarakkan laluan didalam bilik mesyuarat pada 10.10.2015.</p> <p>Reka bentuk meja bilik mesyuarat utama telah dipersetujui semasa mesyuarat di antara JKR dan pelanggan. Kedudukan kerusi boleh diubah untuk memberi sedikit ruang dan keselesaan ahli mesyuarat.</p>																	
L5-CR2-05	Akan dibaiki dalam tempoh DLP.																	
L1-PH-06	Dinding di PH-06 adalah dinding jenis Gypsum Board. Terdapat kesilapan butiran lukisan oleh perunding. Pihak JKR telah mengeluarkan surat arahan agar pindaan terhadap lukisan tersebut dibuat oleh perunding dan pindaan telah dibuat melalui as-built drawing.																	
Lokasi : L5-GA-05																		
SEBELUM	SELEPAS																	
																		
Ulasan	Orientasi pintu telah di ubah menghala ke luar bagi menjarakkan laluan di dalam bilik mesyuarat pada 10.10.2015																	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		<div data-bbox="1301 256 2074 692"> <p>Lokasi : L5-GA-05</p>  <p>Ulasan Kedudukan kerusi boleh diubah untuk memberi sedikit ruang dan keselesaan ahli mesyuarat.</p> </div> <div data-bbox="1301 810 2047 1299"> <p>Lokasi : L5-GA-05</p>  <p>Ulasan Reka bentuk meja bilik mesyuarat utama telah dipersetujui semasa mesyuarat di antara JKR dan pelanggan</p> </div>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
		<div data-bbox="1310 284 2049 657" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Lokasi : L5-GA-05</p>  <table border="1" data-bbox="1310 582 2049 657"> <tr> <td data-bbox="1310 582 1415 657">Ulasan</td> <td data-bbox="1415 582 2049 657">Dinding telah dibaiki pada 8.6.2015</td> </tr> </table> </div> <div data-bbox="1290 715 2074 906" style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p>Lokasi : L1-PH-06</p> <table border="1" data-bbox="1290 770 2074 906"> <tr> <td data-bbox="1290 770 1400 906">Ulasan</td> <td data-bbox="1400 770 2074 906">Pindaan telah dibuat melalui As-Bult-Drawing. Disertakan iaitu no. Lukisan AMA/2009/0571/HRPZ2/P2/GA/ACC/FP-01/02 untuk rujukan.</td> </tr> </table> </div> <p data-bbox="1196 943 2083 995"><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima 4 November 2015</b></p> <p data-bbox="1196 1027 2083 1134">Saiz meja bilik mesyuarat L5-GA-05 yang dibekalkan agak besar berbanding bilik mesyuarat menyukarkan untuk membuka pintu. Perkara ini telah diselesaikan dengan menukar bukaan pintu ke arah luar bagi mengelakkan daun pintu tersekat dengan kerusi di belakang meja bilik mesyuarat tersebut.</p>	Ulasan	Dinding telah dibaiki pada 8.6.2015	Ulasan	Pindaan telah dibuat melalui As-Bult-Drawing. Disertakan iaitu no. Lukisan AMA/2009/0571/HRPZ2/P2/GA/ACC/FP-01/02 untuk rujukan.
Ulasan	Dinding telah dibaiki pada 8.6.2015					
Ulasan	Pindaan telah dibuat melalui As-Bult-Drawing. Disertakan iaitu no. Lukisan AMA/2009/0571/HRPZ2/P2/GA/ACC/FP-01/02 untuk rujukan.					
13.5.4.1.a	<p data-bbox="331 1219 1171 1273"><b>Pengurusan Perolehan Dan Pembayaran Peralatan Perubatan - Kontrak Rasmi Tidak Disediakan</b></p> <p data-bbox="331 1305 1171 1383">Perenggan 1.ii(b)(1) kepada 1PP PK 4/2013 mengenai Pentadbiran Kontrak dalam Perolehan Kerajaan secara tender telah menetapkan tempoh bagi menandatangani kontrak adalah selewat-lewatnya empat bulan dari tarikh</p>					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>keluarnya SST. Pihak JKN Kelantan bertanggungjawab untuk menguruskan sebanyak 7 tender iaitu JKNK/T/10/2013 hingga JKNK/T/16/2013. Proses tender peralatan perubatan termasuk menyediakan anggaran jabatan, dokumen tender, pengiklanan, pembukaan tawaran tender, penilaian tender, menyediakan kertas taklimat dilaksanakan oleh JKN Kelantan dan seterusnya mengemukakan kepada BPP untuk diperakukan oleh Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan (B). BPP akan mengeluarkan SST dan menyediakan dokumen kontrak untuk petender yang berjaya bagi nilai kontrak melebihi RM0.50 juta (5 tender) dan RM1 juta (2 tender). Manakala bagi nilai kontrak kurang RM0.50 juta dan RM1 juta, BPP akan mengarahkan JKN Kelantan mengeluarkan SST dan menyediakan dokumen kontrak untuk petender yang berjaya.</p>	
<p><b>13.5.4.1.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati BPP telah mengarahkan pihak JKN Kelantan mengeluarkan SST dan menyediakan dokumen kontrak bagi nilai kontrak yang kurang daripada RM0.50 juta (tender JKNK/T/10/2013, JKNK/T/13/2013, JKNK/T/14/2013, JKNK/T/15/2013 dan JKNK/T/16/2013). Manakala untuk tender JKNK/T/11/2013 dan JKNK/T/12/2013, BPP telah mengarahkan JKN Kelantan mengeluarkan SST dan dokumen kontrak untuk petender yang berjaya bagi nilai kurang RM1 juta. Semakan lanjut mendapati JKN Kelantan telah mengeluarkan 261 SST bagi setiap jenis peralatan perubatan. Bagaimanapun, tiada dokumen kontrak disediakan bagi kesemua SST yang dikeluarkan. Selain itu, tempoh jaminan peralatan tidak diperincikan dari segi skop yang diliputi dan tarikh berkuat kuasa serta tiada klausa denda dinyatakan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>JKN Kelantan telah mengambil maklum akan teguran audit ini dan akan memastikan perkara yang sama tidak berulang di masa hadapan. Namun begitu, hasil semakan mendapati, semua perolehan peralatan ini telah diterima mengikut tempoh yang ditetapkan serta mematuhi prosedur kewangan yang ditetapkan. Serentak dengan itu juga semua perolehan peralatan ini dilindungi dengan kad jaminan yang menetapkan tempoh, T&amp;C dan juga Pesanan Kerajaan selaras dengan Perenggan 7.xiii (c) (2) kepada 1PP PK 2/2013 mengenai Kaedah Perolehan Kerajaan. Sebagai makluman, surat penurunan kuasa oleh YB Menteri Kesihatan bertarikh 15 September 2014 dibawah peruntukan Akta Kontrak Kerajaan 1949 telah memberi kuasa kepada Pengarah JKN untuk tandatangan kontrak yang bernilai sehingga</i></p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 4 November 2015</b></p> <p>Maklum Balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.4.1.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>RM 1 Juta. Selain itu juga, Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat yang bertarikh 17 Disember 2014 telah menaikkan had nilai sebutharga kepada PTJ di bawah KKM sehingga RM1 juta.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan peralatan perubatan di atas tanpa diikat dengan perjanjian atau kontrak adalah tidak teratur dan tidak menjaga kepentingan Kerajaan.</p>	
<p><b>13.5.4.2.a</b></p>	<p><b>Pembayaran Tidak Mengikut Kontrak</b></p> <p>Klausa 19 kepada kontrak mengenai pembayaran telah menetapkan kaedah pembayaran perolehan kontrak Kementerian melalui 2 peringkat iaitu 75% setelah dokumen seperti Pesanan Kerajaan, Invois, Senarai Bungkusan, Sijil Negara Asal dan Sijil Penerimaan Penghantaran diterima oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Baki 25% pula hanya akan dibayar selepas Sijil Pemeriksaan dan Penerimaan seperti di Jadual G kepada kontrak diterima oleh PTJ.</p>	
<p><b>13.5.4.2.b</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap pembayaran bagi 5 kontrak (100%) pembekalan peralatan perubatan bernilai RM4.06 juta mendapati semua pembayaran dibuat 100% setelah peralatan diterima. Selain itu, didapati tiada bukti Sijil Pemeriksaan dan Penerimaan Jadual G dikepilkan dan dirujuk semasa pembayaran dibuat.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak hospital mengambil maklum perkara ini dan mengakui bayaran masing-masing sebanyak 75% dan 25% tidak dibuat kerana tiada tuntutan dibuat oleh pihak pembekal. Walau bagaimanapun, sebelum bayaran dibuat dipastikan terlebih dahulu T&amp;C dibuat. Selain itu, turut diakui pegawai-pegawai yang menguruskan proses perolehan di hospital ini kurang berpengalaman berkaitan dengan perkara ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pembayaran tanpa merujuk kepada kontrak dan tidak disokong dengan dokumen yang lengkap adalah bertentangan dengan syarat kontrak.</p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 4 November 2015</b></p> <p>Maklum Balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.4.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.4.3.a	<p><b>Bayaran Dibuat Sebelum Kontrak Ditandatangani</b></p> <p>Perenggan 1.v(a) kepada 1PP PK 4/2013 mengenai bayaran bagi kontrak bekalan dan perkhidmatan selepas SST dikeluarkan sebelum kontrak formal ditandatangani telah menetapkan kemudahan tersebut hanya terpakai bagi kontrak bermasa tertakluk kepada syarat iaitu tempoh kontrak melebihi 4 bulan dan ke atas; bayaran berkala sehingga 3 kali dalam tempoh 4 bulan pertama selepas keluarnya SST dan sebelum kontrak formal ditandatangani.</p>	
13.5.4.3.b	<p>Semakan Audit mendapati 2 kontrak peralatan perubatan iaitu KKM-245/2014(E) dan KKM-266/2014(E) masing-masing berjumlah RM0.15 juta dan RM0.76 juta telah dibayar sebelum kontrak ditandatangani.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Semua bayaran untuk kontrak bekalan dan perkhidmatan (bukan kontrak bermasa) hendaklah dibayar selepas kontrak perjanjian ditandatangani.</i></p> <p>(i) <i>Bagi Kontrak KKM-245/2014(E)</i>  <i>Draf kontrak dan SST bertarikh pada 24 September 2014 dihantar kepada pihak syarikat pada tarikh yang sama (24 September 2014). Kontrak ditandatangani pada 16 Januari 2015. Tempoh yang diambil untuk menandatangani dokumen kontrak adalah selama 3 bulan 25 hari. Kontrak Perjanjian diedarkan kepada semua pihak berkaitan pada 9 Februari 2015.</i></p> <p>(ii) <i>Bagi Kontrak KKM-266/2014(E)</i>  <i>Draf kontrak dan SST bertarikh 15 Oktober 2014 dihantar kepada pihak syarikat pada tarikh yang sama (15 Oktober 2014). Kontrak ditandatangani pada 16 Januari 2015. Tempoh yang diambil untuk menandatangani dokumen kontrak adalah selama 3 bulan 4 hari. Kontrak Perjanjian diedarkan kepada semua pihak berkaitan pada 27 Januari 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pembayaran penuh kontrak bekalan sebelum kontrak ditandatangani adalah tidak teratur dan bertentangan dengan kaedah pembayaran yang ditetapkan dalam kontrak dan peraturan kewangan Kerajaan.</p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 4 November 2015</b></p> <p>Maklum Balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.4.3.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
13.5.4.4.a	<p><b>Perbezaan Harga Bagi Peralatan Yang Sama</b></p> <p>Sebanyak 7 tender perolehan peralatan perubatan Kumpulan 3 telah dibuat pada tahun 2013. Perolehan peralatan ini diasingkan mengikut jabatan yang akan ditempatkan di bangunan ACC HRPZ II dengan anggaran kos berjumlah RM20 juta.</p>	
13.5.4.4.b	<p>Semakan Audit mendapati pemilihan petender berjaya adalah berdasarkan harga terendah bagi setiap jenis peralatan. Peralatan perubatan yang bernilai kurang daripada RM0.50 juta bagi 5 tender iaitu JKNK/T/10/2013, JKNK/T/13/2013, JKNK/T/14/2013, JKNK/T/15/2013 dan JKNK/T/16/2013 serta RM1 juta bagi 2 tender iaitu JKNK/T/11/2013 dan JKNK/T/12/2013, SST dan dokumen kontrak diuruskan oleh pihak JKN Kelantan. Manakala bagi peralatan melebihi nilai tersebut, SST dan dokumen kontrak diuruskan oleh BPP. Semakan lanjut Audit terhadap senarai SST yang dikeluarkan oleh pihak JKN Kelantan mendapati sebanyak 2 jenis item peralatan perubatan spesifikasinya adalah sama bernilai RM0.11 juta adalah peralatan jenis yang sama namun harga seunit berbeza iaitu masing-masing RM2,600 dan RM3,090.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Perbezaan harga peralatan yang diperolehi adalah disebabkan tender yang berasingan dan tawaran daripada syarikat yang berbeza. Contohnya, perolehan peralatan Automated Board Pressure daripada Costline Engineering Services Sdn. Bhd. pada tender ke 10 dan Pharmaniaga Logisistics Sdn. Bhd. pada tender ke 13. Walaupun spesifikasi alat yang sama tetapi harga tawaran yang berlainan kerana menerima tawaran dalam 2 tender yang berlainan daripada syarikat yang berbeza. Dalam setiap tender tersebut, petender yang berjaya merupakan petender yang menawarkan harga terendah di kalangan petender yang lulus penilaian teknikal pada tender tersebut.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan peralatan perubatan Kumpulan 3 tidak diurus dengan cekap kerana jenis peralatan yang diperlukan tidak diselaraskan terlebih dahulu di antara jabatan yang terlibat sebelum proses perolehan dibuat sehingga menyebabkan Kerajaan membayar harga yang lebih tinggi bagi peralatan perubatan yang sama.</p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 4 November 2015</b></p> <p>Maklum Balas adalah kekal seperti di perenggan 13.5.4.4.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>13.5.5</b></p>	<p><b>Pemantauan Terhadap Kerja Pembinaan</b></p> <p>Pemantauan terhadap kerja pembinaan ACC HRPZ II hendaklah dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual, menepati skop dan spesifikasi kerja. Pemantauan yang berkesan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja yang dilaksanakan dan menyelesaikan masalah yang berbangkit semasa pelaksanaan kerja di tapak. Di peringkat Kementerian, Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan pembinaan ACC HRPZ II. Manakala JKR sebagai agensi pelaksana pula bertanggungjawab menyelia/memantau pelaksanaan kerja pembinaan sehingga tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan.</p> <p>Selain itu, JKR juga mengesahkan kerja telah siap dilaksanakan dan diperakukan sebelum bayaran diluluskan kepada Kontraktor. Semakan Audit terhadap pelaksanaan projek yang dilaksanakan oleh Kontraktor mendapati projek ini berjaya disiapkan selepas 2 kali lanjutan masa diberi dan telah dikenakan LAD sehingga CPC dikeluarkan. Walaupun JKR telah memantau projek tersebut, namun kualiti kerja Kontraktor masih di tahap yang kurang memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang Diterima Pada 19 Oktober 2015</b></p> <p><i>Tiada Pasukan Khas ditubuhkan oleh JKR bagi memantau projek. Walau bagaimanapun CKK, JKR telah melaksanakan pemantauan melalui Mesyuarat DLP secara berkala. Selain itu, audit telah dilaksanakan semasa projek peringkat DLP dan semua kecacatan yang ditemui tidak melibat integriti struktur bangunan dan telah dimasukkan dalam Defect List. Pengawasan kerja di tapak dipantau oleh perunding kontraktor. JKR menempatkan seorang PTB untuk memantau kerja-kerja pengawasan oleh perunding. Mesyuarat pemantauan kerja pembaikan kecacatan dalam tempoh DLP dilaksanakan secara berkala.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pihak JKR perlu membuat pemantauan yang lebih berkesan bagi memastikan Kontraktor memberikan komitmen yang tinggi terutama dari segi kualiti kerja yang telah dilaksanakan.</p>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kerja Raya Malaysia Yang dikemukakan pada 19 Oktober 2015</b></p> <p>Pengawasan kerja di tapak dipantau oleh perunding kontraktor. JKR menempatkan seorang Pegawai Tapak Bina (PTB) untuk memantau kerja – kerja pengawasan oleh perunding. Mesyuarat pemantauan kerja pembaikan kecacatan dalam tempoh (DLP) dilaksanakan pada secara berkala.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
13.5.6.a	<p><b>Kepuasan Pengguna Dan Kakitangan - Penilaian Tahap Kepuasan Orang Awam</b></p> <p>Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan keadaan bangunan ACC HRPZ II berkaitan kebersihan persekitaran kompleks, bilik rawatan selesa; ruang menunggu; bilik air, surau, kemudahan lif, kemudahan OKU serta papan tanda disediakan. Bagaimanapun, analisis menunjukkan responden tidak berpuas hati dengan penyediaan kemudahan tempat parkir. Selain itu, analisis yang dilakukan mendapati 14 (46.7%) responden mencadangkan agar kemudahan tempat parkir yang mencukupi disediakan.</p>					
13.5.6.b	<p><b>Penilaian Tahap Kepuasan Kakitangan ACC HRPZ II</b></p> <p>Secara keseluruhannya, responden berpuas hati dengan penyediaan kemudahan ruang menunggu dan kebersihan persekitaran kompleks. Bagaimanapun, analisis menunjukkan responden tidak berpuas hati dengan penyediaan tandas kakitangan yang berkongsi; tempat parkir yang tidak mencukupi; kekurangan bilik <i>pantry</i>; kekurangan kemudahan line telefon dan internet; surau yang kecil dan latihan pengendalian peralatan yang dianjurkan oleh pihak Kontraktor.</p> <p>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</p> <table border="1" data-bbox="331 954 1171 1383"> <thead> <tr> <th data-bbox="331 954 562 1002">KEMUDAHAN</th> <th data-bbox="562 954 1171 1002">PENJELASAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="331 1002 562 1383">Kemudahan tempat letak kereta yang tidak mencukupi</td> <td data-bbox="562 1002 1171 1383"><i>Bangunan ACC telah menyediakan 213 lot parkir kepada kakitangan dan 5 lot parkir untuk Orang Kurang Upaya. Dengan tambahan parkir kakitangan di ACC dapat mengurangkan masalah parkir di HRPZ II kerana sebahagian parkir yang dikosongkan oleh kakitangan dibuka kepada parkir orang awam. Jumlah keseluruhan parkir di HRPZ II ialah 1,036. Daripada jumlah parkir 1,036 ini, sebanyak 803 parkir untuk staf hospital manakala 220 parkir untuk orang awam. Pihak hospital turut menyediakan penyediaan mytaxi services sebanyak 4 buah teksi untuk kemudahan orang ramai. Memandangkan lokasi hospital juga berhampiran dengan stadium iaitu lebih kurang 150 meter, orang ramai juga boleh menggunakan parkir</i></td> </tr> </tbody> </table>	KEMUDAHAN	PENJELASAN	Kemudahan tempat letak kereta yang tidak mencukupi	<i>Bangunan ACC telah menyediakan 213 lot parkir kepada kakitangan dan 5 lot parkir untuk Orang Kurang Upaya. Dengan tambahan parkir kakitangan di ACC dapat mengurangkan masalah parkir di HRPZ II kerana sebahagian parkir yang dikosongkan oleh kakitangan dibuka kepada parkir orang awam. Jumlah keseluruhan parkir di HRPZ II ialah 1,036. Daripada jumlah parkir 1,036 ini, sebanyak 803 parkir untuk staf hospital manakala 220 parkir untuk orang awam. Pihak hospital turut menyediakan penyediaan mytaxi services sebanyak 4 buah teksi untuk kemudahan orang ramai. Memandangkan lokasi hospital juga berhampiran dengan stadium iaitu lebih kurang 150 meter, orang ramai juga boleh menggunakan parkir</i>	<p><b>Maklum Balas Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Diterima Pada 4 November 2015</b></p> <p>Kemudahan talian internet adalah mencukupi manakala kemudahan telefon sebanyak 100 talian telah ditambah oleh pihak hospital.</p>
KEMUDAHAN	PENJELASAN					
Kemudahan tempat letak kereta yang tidak mencukupi	<i>Bangunan ACC telah menyediakan 213 lot parkir kepada kakitangan dan 5 lot parkir untuk Orang Kurang Upaya. Dengan tambahan parkir kakitangan di ACC dapat mengurangkan masalah parkir di HRPZ II kerana sebahagian parkir yang dikosongkan oleh kakitangan dibuka kepada parkir orang awam. Jumlah keseluruhan parkir di HRPZ II ialah 1,036. Daripada jumlah parkir 1,036 ini, sebanyak 803 parkir untuk staf hospital manakala 220 parkir untuk orang awam. Pihak hospital turut menyediakan penyediaan mytaxi services sebanyak 4 buah teksi untuk kemudahan orang ramai. Memandangkan lokasi hospital juga berhampiran dengan stadium iaitu lebih kurang 150 meter, orang ramai juga boleh menggunakan parkir</i>					

Perenggan	Penemuan Audit		Status Terkini
		yang disediakan di stadium. Manakala bagi pekerja hospital yang bekerja secara syif, parkir boleh digunakan secara bergilir oleh staf klinikal dan staf admin. Orang ramai juga boleh menghantar pesakit secara 'drop and go'.	
	Kemudahan tandas	Tandas yang disediakan adalah mencukupi. Kemudahan tandas adalah secara berkongsi dan guna sama.	
	Kemudahan bilik pantri	Kemudahan bilik pantri (common pantry) yang disediakan adalah mencukupi di mana ia digunakan secara bergilir-gilir oleh staf. Kemudahan bilik pantri juga adalah secara berkongsi dan guna sama. Di samping itu, di klinik juga ada bilik rehat kakitangan.	
	Kemudahan talian telefon dan internet	Kemudahan talian internet adalah mencukupi manakala kemudahan talian telefon sedang ditambah oleh pihak hospital.	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA**

**Bank Perusahaan Kecil Dan Sederhana Malaysia Berhad**

**Perenggan 14 : Pengurusan Tabung Khas Pelancongan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>14.5.1</b></p> <p><b>14.5.1.1</b></p>	<p><b>Prestasi Pembiayaan Tabung Khas Pelancongan</b></p> <p><b>Sumber Dana TKP</b></p> <p>Sumber dana TKP adalah diterima daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang dipinjamkan kepada SME Bank. Mengikut syarat perjanjian, jumlah pinjaman yang diberikan adalah RM1.20 bilion dan pinjaman tersebut perlu dibayar balik dalam tempoh 20 tahun bermula masing-masingnya pada tahun 2002 dan 2004. MOF telah mengenakan faedah sebanyak 2% manakala KWSP sebanyak antara 4.5% hingga 5.2% mengikut tarikh pengeluaran wang. Semakan Audit terhadap rekod SME Bank mendapati, pembayaran balik kepada pemberi dana telah dibuat.</p>	
<p><b>14.5.1.2</b></p>	<p><b>Prestasi Kedudukan Dana</b></p> <p>Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 296 syarikat telah mendapat pembiayaan di bawah TKP berjumlah RM1.49 bilion. Peruntukan asal pembiayaan pinjaman ini berjumlah RM1.20 bilion dan SME Bank telah mengulang guna dana untuk pinjaman baru kepada syarikat lain berasas kepada kutipan bayaran balik pembiayaan yang konsisten daripada peminjam. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM895.76 juta mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman kurang/lebih dari 6 bulan (non impaired/impaired financing). Tunggakan tersebut terdiri daripada sejumlah RM485.24 juta tunggakan bayaran balik pinjaman kurang dari 6 bulan (non impaired financing) dan sejumlah RM410.52 juta tunggakan bayaran balik pinjaman lebih dari 6 bulan (impaired financing). Berbanding dana pokok bersih yang diterima berjumlah RM1.20 bilion, sejumlah RM22.84 juta (nilai pokok) pembiayaan telah dihapuskira setelah semua kaedah/usaha kutipan melalui tindakan perundangan disempurnakan (exhaustive).</p>	<p>Sehingga 31 Disember 2014, 296 syarikat telah mendapat pembiayaan di bawah TKP berjumlah RM1.49 bilion. Peruntukan asal pembiayaan pinjaman ini berjumlah RM1.20 bilion dan SME Bank telah mengulang guna dana untuk pinjaman baru kepada syarikat lain berasas kepada kutipan bayaran balik pembiayaan yang konsisten daripada peminjam. <u>Setakat 31 Disember 2014, jumlah portfolio adalah RM895.76 juta di mana sejumlah RM485.24 juta adalah pinjaman dengan 'overdue' kurang dari 6 bulan (non impaired financing) dan RM410.52 juta dengan 'overdue' lebih dari 6 bulan (impaired financing/ NPL). Berbanding dana pokok bersih yang diterima berjumlah RM1.20 bilion, sejumlah RM22.84 juta (nilai pokok) pembiayaan telah dihapuskira setelah semua kaedah/usaha kutipan melalui tindakan perundangan disempurnakan (exhaustive).</u></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.1.3	<p><b>Agihan Pinjaman</b></p> <p>Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 296 syarikat telah mendapat pinjaman di bawah TKP berjumlah RM1.49 bilion dengan sektor perhotelan mendapat agihan pembiayaan pinjaman terbesar iaitu RM1.16 bilion (77.9%) melibatkan 149 syarikat (50.3%). Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 pula, sebanyak 48 syarikat telah mendapat pembiayaan pinjaman di bawah TKP berjumlah RM96.42 juta dengan sektor perhotelan mendapat nilai agihan terbesar iaitu berjumlah RM78.10 juta (81%) melibatkan 19 syarikat (39.6%).</p>	Bersetuju dengan penemuan audit
14.5.1.4	<p><b>Prestasi Pinjaman Tidak Berbayar</b></p> <p>Berbanding 296 syarikat yang mendapat pinjaman TKP setakat 31 Disember 2014, sebanyak 45 syarikat dengan 103 akaun yang mempunyai tunggakan melebihi 6 bulan adalah merupakan pinjaman tidak berbayar [<i>Non Performance Loan/Impaired Financing (NPL)</i>] di mana melibatkan tunggakan berjumlah RM410.52 juta.</p>	Bersetuju dengan penemuan audit
14.5.1.5 14.5.1.5.a	<p><b>Prestasi Pinjaman Dihapuskira (Impairment)</b></p> <p>Pembiayaan dihapuskira adalah setelah semua kaedah/usaha kutipan melalui tindakan perundangan disempurnakan. Amaun yang dihapuskira daripada akaun tidak berbayar itu adalah dianggap sebagai amaun yang tidak akan dapat dikutip balik dan tidak bernilai bagi aset yang dibiayai dalam satu jangka masa yang terdekat. Amaun dihapuskira diambilkira sebagai peruntukan perakaunan sahaja tetapi jumlah hutang pinjaman masih tidak terjejas di mana proses kutipan bayaran tetap diteruskan. Di SME Bank, Bahagian <i>Rehabilitation And Recovery</i> bertanggungjawab membuat penilaian aset pembiayaan dan tindakan hapuskira akaun tidak berbayar peminjam. Apabila sesuatu Akaun Tidak Berbayar itu telah dikenalpasti untuk penghapusan kira, Bahagian tersebut akan mengemukakan kertas cadangan hapuskira bagi setiap akaun peminjam berdasarkan justifikasi/kriteria ditetapkan untuk dibawa ke Mesyuarat <i>Credit And Investment Committee (CIC)</i> untuk mendapatkan persetujuan. Bagi cadangan hapuskira yang telah mendapat persetujuan CIC, ianya akan dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah SME Bank untuk mendapatkan kelulusan. Semakan Audit terhadap rekod hapuskira (<i>impaired</i>) pada umumnya mendapati proses hapuskira pinjaman tersebut telah dibuat dengan teratur mengikut peraturan ditetapkan.</p>	<p>Pembiayaan dihapuskira adalah <u>setelah semua kaedah/usaha kutipan melalui tindakan perundangan disempurnakan (exhaustive)</u> Amaun dihapuskira diambilkira sebagai peruntukan perakaunan sahaja tetapi jumlah hutang pinjaman masih tidak terjejas di mana proses kutipan bayaran tetap diteruskan. Bahagian <i>Rehabilitation And Recovery</i>, SME Bank bertanggungjawab membuat penilaian aset pembiayaan dan tindakan hapuskira akaun tidak berbayar peminjam. Apabila sesuatu Akaun Tidak Berbayar dikenalpasti untuk penghapusan kira, Bahagian tersebut akan mengemukakan kertas cadangan hapuskira bagi setiap akaun peminjam berdasarkan justifikasi/kriteria ditetapkan untuk dibawa ke Mesyuarat <i>Credit And Investment Committee (CIC)</i> untuk mendapatkan persetujuan. Bagi cadangan hapuskira yang telah mendapat persetujuan CIC, ianya akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga Pengarah SME Bank untuk mendapatkan kelulusan. Semakan Audit terhadap rekod hapuskira (<i>impaired</i>) pada umumnya mendapati proses hapuskira pinjaman tersebut telah dibuat dengan teratur mengikut peraturan ditetapkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
14.5.1.5.b	Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2014, nilai yang dihapuskan adalah berjumlah RM22.84 juta yang melibatkan 16 syarikat dengan 26 akaun. Adalah juga didapati 24 (92.3%) daripada 26 akaun yang telah dikenalpasti sebagai <i>impaired</i> telah diambil tindakan mahkamah di mana 3 daripadanya telah diisytiharkan bankrap.	Bersetuju dengan penemuan audit
14.5.2 14.5.2.a	<b>Prestasi Outcome TKP</b> Berdasarkan 17 projek yang dilawati, pembiayaan telah diberi berjumlah RM289.34 juta. Setakat tarikh pengauditan (bulan April 2015), 9 projek telah siap dan beroperasi serta 5 projek telah siap namun masih belum beroperasi. Bagi 3 projek lagi, 2 daripadanya telah dipindahmilik/dijual dan 1 masih terbengkalai.	Bersetuju dengan penemuan audit
14.5.2.b	Selaras dengan Program Transformasi Kerajaan, <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) hendaklah ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi dengan mengambil kira pendekatan yang boleh diukur selaras dengan objektif sesuatu program yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati KPK telah menetapkan <i>Key Performance Indicator</i> terhadap pemrosesan permohonan TKP di mana syarikat yang memohon akan dipanggil untuk pembentangan dalam masa 14 hari bekerja sebaik sahaja dokumen lengkap diterima dan keputusan mesyuarat JKPTP akan dikeluarkan secara bertulis dalam masa 7 hari bekerja selepas tarikh mesyuarat. Manakala di peringkat SME Bank pula, secara umumnya SME Bank mensasarkan untuk menggunakan sepenuhnya dana yang boleh diulang guna. Pihak Audit dimaklumkan, SME Bank pada umumnya menanggung keseluruhan risiko kredit di bawah TKP, di mana bagi setiap pembiayaan yang dibuat peruntukan (provision) setelah dikategorikan sebagai <i>Non Performing Loan/Impaired</i> (NPL) memberi kesan langsung kepada kedudukan kewangan SME Bank. Berdasarkan rekod, NPL setakat 31 Disember 2014 adalah sejumlah RM410.52 juta (27.5%) berbanding keseluruhan pembiayaan TKP berjumlah RM1,492.62 juta. Pihak Audit juga dimaklumkan, setelah mengambilkira 3 elemen yang terlibat dalam pengurusan TKP iaitu kos dana, kadar keuntungan/faedah yang dikenakan kepada peminjam dan subsidi oleh Kerajaan, secara keseluruhannya TKP dengan peruntukan berjumlah RM1.20 bilion hanya memberi keuntungan pada kadar yang sangat minimum kepada SME Bank iaitu hanya 0.9%. Jika kos operasi diambilkira, maka TKP memberi pulangan negatif kepada SME Bank.  Pada pendapat Audit, pembiayaan TKP telah berjaya menambahkan produk pelancongan dalam sektor perhotelan. Walau bagaimanapun KPK tidak menetapkan KPI yang khusus bagi menilai kejayaan pengusaha kecil dan	<b><u>MAKLUMBALAS SME BANK</u></b> Bersetuju dengan kenyataan Audit bahawa SME Bank ada menetapkan sasaran untuk menggunakan sepenuhnya dana yang boleh diulang guna.  Bersetuju dengan kenyataan Audit bahawa TKP dengan peruntukan berjumlah RM1.2 billion hanya memberikan keuntungan sangat minimum kepada SME Bank iaitu 0.9% dan sekiranya kos operasi diambilkira, TKP memberi pulangan negatif kepada SME Bank.  <b><u>MAKLUMBALAS KPK KE ATAS PENDAPAT AUDIT</u></b> Bersetuju dengan pendapat audit. Sebagai langkah penambahbaikan, KPK bersedia untuk menetapkan KPI khusus bagi menilai sumbangan pengusaha kecil

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sederhana yang menerima pembiayaan telah dapat menyumbang membangunkan industri pelancongan.</p> <p><b>Maklum Balas KPK Yang Diterima Pada 20 Oktober 2015</b></p> <p><i>KPI yang digunapakai oleh KPK untuk pengurusan TKP adalah lebih menjurus kepada outcome driven. Walau bagaimanapun, KPK berhasrat untuk menetapkan KPI yang lebih khusus dan menjurus kepada outcome indicator.</i></p>	<p>dan sederhana yang menerima pembiayaan kepada pembangunan industri pelancongan, sekiranya pembiayaan ini kembali ditawarkan di masa hadapan.</p>
<p><b>14.5.3</b></p> <p><b>14.5.3.1.b</b></p>	<p><b>Permohonan Dan Kelulusan Pinjaman</b></p> <p><b>Proses Permohonan Dan Kelulusan Pinjaman</b></p> <p>Semakan Audit terhadap proses permohonan dan kelulusan pinjaman TKP mendapati perkara yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Berdasarkan rekod di KPK bagi tempoh tahun 2012 sehingga 2014, sebanyak 55 permohonan berjumlah RM588.14 juta telah diterima untuk pelbagai projek pelancongan. Daripada jumlah tersebut, hanya 12 permohonan berjumlah RM102.66 juta telah disokong oleh JKPTP dan atau 7 permohonan bernilai RM103.02 juta telah ditolak manakala 8 permohonan bernilai RM113.14 juta ditangguhkan. Bagi 28 permohonan yang bernilai RM269.32 juta, kertas cadangan pemohon belum dibentangkan kepada JKPTP kerana antaranya dokumen yang dikemukakan belum lengkap, masalah dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang belum selesai dan surat hakmilik tanah belum diperolehi.. Berdasarkan rekod SME Bank pula, bagi tempoh yang sama sebanyak 48 peminjam dengan nilai pinjaman berjumlah RM96.42 juta telah diluluskan.</li> <li>ii. Mengikut Prosedur Permohonan Pinjaman TKP, mesyuarat JKPTP akan bersidang sekiranya terdapat dokumen permohonan yang lengkap diterima untuk diproses dan diperaku oleh jawatankuasa. Semakan Audit mendapati 12 permohonan yang telah dikeluarkan surat sokongan, tetapi tiada perakuan keputusan bertulis oleh Jawatankuasa Pinjaman Tabung Khas Pelancongan dalam senarai semak permohonan syarikat berkenaan.</li> <li>iii. Mengikut Garis Panduan TKP semua permohonan hendaklah mendapat surat sokongan daripada KPK. Semak silang antara rekod KPK dengan SME Bank mendapati, hanya 1 (8.3%) permohonan sahaja telah diberi kelulusan pinjaman daripada 12 permohonan yang disokong oleh</li> </ol>	<p>Bersetuju dengan penemuan audit</p> <p><b><u>PENJELASAN KPK (PARA 14.5.3.1(b) ii.</u></b></p> <p>Keputusan perakuan JKPTP dibuat secara bertulis melalui minit mesyuarat yang dikeluarkan bersama-sama dengan surat sokongan TKP dalam masa 7 hari selepas tarikh mesyuarat dan senarai semak permohonan syarikat tidak memerlukan sebarang perakuan bertulis daripada JKPTP.</p> <p><b><u>PENJELASAN KPK (PARA 14.5.3.1(b) iii.</u></b></p> <p>Berdasarkan 12 permohonan yang disokong oleh KPK, di mana diperingkat SME Bank, 4 (33.3%) permohonan telah diluluskan (3 permohonan diluluskan pada tahun permohonan disokong oleh JKPTP dan 1 diluluskan pada tahun berikutnya</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>JKPTP. Bagi 11 projek lagi, statusnya tidak dapat ditentukan sama ada syarikat meneruskan permohonan pinjaman secara terus kepada pihak bank atau sebaliknya.</p> <p>Pada pendapat Audit, KPK tidak mematuhi Prosedur Permohonan Pinjaman TKP yang ditetapkan dalam memproses permohonan sebelum surat sokongan diberikan yang mana memerlukan perakuan bertulis oleh JKPTP dalam dokumen permohonan syarikat berkenaan.</p> <p><b>Maklum Balas KPK dan SME Bank Yang Diterima Pada 20 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kesemua 12 permohonan mempunyai bukti bertulis disokong oleh JKPTP melalui minit mesyuarat dan surat sokongan TKP. Di peringkat SME Bank, 4 permohonan diluluskan; 2 ditangguh; 5 ditolak dan 1 tidak meneruskan permohonan ke SME Bank.</i></p>	<p>iaitu pada tahun 2015), 2 permohonan ditangguhkan, 5 permohonan telah ditolak dan satu permohonan tidak diteruskan di SME Bank walaupun telah mendapat sokongan KPK.</p>
<p><b>14.5.3.2.a</b></p>	<p><b>Penilaian Projek</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 31 syarikat mendapati kelulusan pinjaman telah diberikan kepada 12 syarikat berjumlah RM160.78 juta walaupun skor penilaian risiko kredit syarikat tersebut berada pada tahap risiko Sederhana hingga Sederhana Tinggi iaitu antara gred 6 hingga 7. Kelulusan hanya diberikan bagi tahap risiko sederhana hingga sederhana tinggi apabila peminjam mempunyai merit tertentu yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Melulus. Sungguhpun penilaian merit telah diberi, namun masih terdapat faktor lain yang menyebabkan kesemua 12 syarikat tersebut menghadapi masalah menjelaskan bayaran balik pinjaman (NPL).</p>	<p><b><u>MAKLUMBALAS SME BANK</u></b></p> <p>Bersetuju dengan penemuan Audit bahawa <u>terdapat faktor-faktor lain</u> yang menyebabkan 12 syarikat menghadapi masalah menjelaskan bayaran balik (impaired/NPL). Ia adalah sepertimana penemuan Audit dalam Perkara 14.5.4.1 di bawah. Antara faktor syarikat gagal membuat pembayaran balik pinjaman antaranya disebabkan oleh kelemahan mempromosikan pasaran/sasaran pelancong; kebergantungan yang tinggi juga kepada Kerajaan dalam mendapatkan pasaran; purata kadar penginapan yang rendah; lokasi projek kurang strategik; peningkatan kos projek; masalah pengurusan/projek; masalah persaingan dan operasi yang bermusim bagi projek yang terletak di kepulauan.</p>
<p><b>14.5.3.2.b</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap 6 syarikat di bawah sektor perhotelan dan sektor pengangkutan mendapati syarikat tersebut telah diberikan pinjaman tambahan antara 1 kali hingga 2 kali. Pinjaman tambahan ini telah diluluskan oleh SME Bank walaupun kesemuanya mempunyai masalah bayaran tertunggak dan NPL. Analisis Audit mendapati pinjaman tambahan diberi adalah disebabkan oleh peningkatan kos projek, perubahan skop kerja dan modal kerja tetap untuk membolehkan projek beroperasi. Selain itu, pihak bank perlu memastikan projek pembinaan hotel/resort siap sepenuhnya dan boleh beroperasi bagi menjaga kepentingan aset/hartanah yang dicagarkan agar mempunyai nilai kepada projek berkaitan.</p>	<p>Isu ini TIDAK DIBANGKITKAN DALAM EXIT CONFERENCE. Ini kerana maklumat telah diberikan semasa laporan maklumbalas bertarikh 31/07/2015 di mana pembiayaan tambahan adalah untuk memastikan projek disiapkan dan syarikat boleh beroperasi serta seterusnya menjana pendapatan dan membayar balik pembiayaan. <u>Hasil daripada pinjaman tambahan tersebut, enam (6) projek yang dinyatakan kini telah beroperasi/sedang disiapkan.</u></p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, Kelulusan tambahan pinjaman tidak wajar diberikan kepada syarikat yang menghadapi masalah bayaran tertunggak dan NPL.</p> <p><b>Maklum Balas SME Bank Yang Diterima Pada 3 Ogos 2015</b></p> <p><i>Sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), SME Bank mempunyai mandat untuk menilai dan mempertimbangkan projek-projek yang pada amnya berisiko tinggi. Berdasarkan garis panduan semasa penilaian, projek dengan gred risiko 6 boleh dibiayai sekiranya terdapat merit untuk diluluskan. Manakala, bagi projek dengan gred risiko 7 adalah untuk tujuan pemulihan.</i></p>	
<p><b>14.5.4</b></p> <p><b>14.5.4.1</b></p>	<p><b>Pengurusan Selepas Kelulusan</b></p> <p><b>Kegagalan Bayaran Balik Pinjaman</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 31 syarikat yang gagal membuat pembayaran balik pinjaman, mendapati 22 projek masih beroperasi, 7 projek tidak beroperasi dan 2 lagi projek telah terbengkalai. Antara faktor syarikat gagal membuat pembayaran balik pinjaman antaranya disebabkan oleh kelemahan mempromosikan pasaran/sasaran pelancong; purata kadar penginapan yang rendah; lokasi projek kurang strategik; peningkatan kos projek; masalah pengurusan/projek; masalah persaingan dan operasi yang bermusim bagi projek yang terletak di kepulauan. Analisis Audit mendapati sektor perhotelan adalah sektor yang paling banyak menghadapi masalah terutamanya berhubung kekangan aliran tunai syarikat dan penurunan jualan/keuntungan syarikat sehingga peminjam tidak mampu membayar balik pinjaman.</p> <p>Pada pendapat Audit, KPK dan SME wajar mengkaji semula faktor penyumbang kepada kegagalan balik pinjaman pada masa akan datang bagi memastikan objektif penubuhan dana tercapai.</p>	<p>Bersetuju dengan pendapat Audit untuk diadakan kajian bersama dengan KPK bagi menambahbaik pelaksanaan skim ini pada masa akan datang.</p>
<p><b>14.5.4.2</b></p> <p><b>14.5.4.2.a</b></p>	<p><b>Pengesahan Fizikal Projek</b></p> <p>Lawatan Audit ke tujuh negeri terhadap 14 projek perhotelan; pusat kesihatan dan restoran bernilai RM301.71 juta adalah bagi menentukan projek dilaksanakan mengikut perjanjian antara pengusaha dengan SME Bank. Semakan Audit mendapati spesifikasi/komponen pembinaan dan pembekalan perabot serta kelengkapan peralatan bagi 1 projek perhotelan di Kampung Cherengin Janda Baik Pahang adalah seperti ditetapkan dalam kontrak. Manakala bagi 11 projek lain yang bernilai RM249.31 juta, pengesahan terhadap spesifikasi komponen projek tidak dapat dijalankan. Ini kerana ketika</p>	<p><b><u>MAKLUMBALAS SME BANK</u></b></p> <p>Pada prinsipnya, Bank tidak disyaratkan untuk menyimpan semua dokumen berkenaan (dokumen kontrak, lukisan, sijil layak menduduki dan sebagainya) terutama salinan asal. Ianya disimpan sementara sahaja sebagai rujukan semasa pengeluaran wang. Pihak pelanggan bersama Perunding Pengurusan Projek (PMC) atau Juruukur Bahan (QS) bertanggungjawab untuk menyimpan dokumen berkenaan terutama untuk tujuan permohonan kelulusan PBT.</p> <p>Bank tidak bertindak sebagai Pengurus Projek sepertimana peranan JKR dalam</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pemeriksaan fizikal dijalankan, hanya 4 projek yang mempunyai perjanjian kontrak dan Senarai Kuantiti tetapi tidak disertakan dengan Lukisan Pembinaan dan Lukisan Siap Bina. Bagi 7 projek yang lain, kesemua dokumen mengenainya tidak dikemukakan oleh syarikat berkenaan semasa pemeriksaan fizikal di tapak. Bagaimanapun selepas tarikh pemeriksaan, dokumen bagi 2 projek perhotelan telah dikemukakan tetapi ianya tidak dapat disahkan dengan keadaan fizikal projek.</p> <p><b>Maklum Balas SME Bank Yang Diterima Pada 20 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pada prinsipnya, Bank tidak disyaratkan untuk menyimpan semua dokumen berkenaan (dokumen kontrak, lukisan, sijil layak menduduki dan sebagainya) terutama salinan asal. Ianya disimpan sementara sahaja sebagai rujukan semasa pengeluaran wang. Pihak pelanggan bersama Perunding Pengurusan Projek (PMC) atau Jurukur Bahan (QS) bertanggungjawab untuk menyimpan dokumen berkenaan terutama untuk tujuan permohonan kelulusan PBT.</i></p>	<p>memantau projek milik Kerajaan. Bank merupakan pembiaya dan setiap projek mempunyai PMC/QS yang dilantik oleh peminjam dan mereka memberikan laporan berkala kepada Bank sebagai rujukan. PMC/QS adalah badan profesional yang <i>liable</i> ke atas setiap laporan yang mereka sediakan.</p>
<p><b>14.5.4.2.b</b></p>	<p>Bagi 3 projek pengangkutan pula, didapati spesifikasi bagi pembiayaan 3 unit bas persiaran adalah seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Selain itu, pembiayaan 6 unit bot bagi 3 projek perhotelan iaitu di Pulau Sibul, Johor; Mersing, Johor dan Pulau Redang; Terengganu tidak dapat dikesan, dikenalpasti pemilik dan mengesahkan spesifikasi perolehan bagi bot tersebut kerana kesukaran akses ke lokasi aset serta tiada nombor pendaftaran, lesen pemilik serta logo syarikat di aset tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, bagi projek akan datang, KPK dan SME Bank perlu memantau pelaksanaan projek dengan lebih rapi dari semasa ke semasa bagi memastikan pengurusan TKP mencapai objektif pengwujudannya. Peminjam yang cuai/tidak bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan projek dibuat selaras dengan perancangannya wajar disenaraihitamkan dan dikenakan tindakan tegas.</p>	<p><b><u>MAKLUMBALAS SME BANK</u></b></p> <p>Setelah mendapat pembiayaan, peminjam adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk merekod dan mengawal selia aset pengangkutan milik syarikat. Di peringkat SME Bank, setiap pengeluaran wang ke atas aset tersebut, dokumen sokongan seperti <i>Builders Certificate</i>, spesifikasi dan lesen adalah teratur dan mematuhi semua syarat yang ditetapkan.</p> <p>Setuju dengan pendapat Audit untuk diambil tindakan ke atas peminjam cuai. Ia merupakan amalan SME Bank untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas peminjam yang cuai/tidak bertanggungjawab.</p>
<p><b>14.5.4.3</b></p>	<p><b>Penggunaan Komponen Projek</b></p> <p>Pemeriksaan fizikal mendapati kesan daripada projek yang tidak beroperasi telah menyebabkan sebahagian komponen projek tidak dapat digunakan secara optimum serta dimanfaatkan sepenuhnya. Bagaimanapun, adalah menjadi obligasi peminjam untuk memastikan aset projek digunakan secara optimum melalui penyenggaraan yang berterusan. Nilai keseluruhan komponen projek tersebut adalah berjumlah RM77.47 juta yang melibatkan 6 projek.</p>	<p><b><u>MAKLUMBALAS SME BANK</u></b></p> <p>Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk memastikan senggaraan dibuat setelah menerima pembiayaan Bank.</p> <p>Daripada enam (6) projek, satu (1) projek kini di bawah seliaan <i>Receiver &amp; Manager</i>, satu (1) lagi sedang dalam peringkat akhir penyiapan dan dijangka siap Disember 2015 (dijangka mula beroperasi awal 2016), dan bakinya beroperasi namun dengan jualan yang rendah dan aliran tunai yang ketat menyebabkan tiada</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, komponen projek yang tidak dapat dimanfaatkan penggunaannya adalah merupakan satu pembaziran.</p> <p><b>Maklum Balas SME Bank Yang Diterima Pada 3 Ogos 2015</b></p> <p><i>Pengusaha bertanggungjawab membuat penyenggaraan secara berkala bagi memastikan aset berkenaan kekal dalam keadaan yang baik agar boleh digunakan secara optimum. Bagi 3 syarikat yang beroperasi, selenggaraan yang dibuat oleh pihak syarikat adalah mengikut keupayaan yang terhad memandangkan operasi tidak mencapai unjuran dan kedudukan kewangan tidak stabil. Pihak Bank terus memantau projek-projek berkenaan secara berjadual melalui lawatan dan perjumpaan bagi memastikan operasi berjalan lancar.</i></p>	<p>selenggaraan berkala dibuat. Bank akan terus memantau setiap projek ini secara dekat.</p>
<p><b>14.5.5</b></p> <p><b>14.5.5.1</b></p> <p><b>14.5.5.1.a</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p><b>Peringkat SME Bank</b></p> <p>SME Bank menghantar Laporan Prestasi Tabung Khas Pelancongan pada setiap bulan kepada Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Pemantauan secara berkala juga dilaksanakan dengan membuat lawatan fizikal ke tapak projek setiap kali sebelum pengeluaran pinjaman bagi pengesahan kerja dan perolehan aset.</p>	<p>Bersetuju dengan penemuan audit</p>
<p><b>14.5.5.1.b</b></p>	<p>Berdasarkan semakan rekod, SME Bank telah mengemukakan Laporan Prestasi Tabung Khas Pelancongan pada setiap bulan kepada Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Laporan tersebut antaranya mengandungi maklumat seperti Ringkasan Status Penggunaan Dana; baki dana berdasarkan penerimaan setakat tarikh akhir pada setiap bulan; butiran permohonan dalam penilaian dan kelulusan projek serta ringkasan maklumat kelulusan pinjaman, pembiayaan ditarik balik dan pengeluaran wang pinjaman. Pemantauan secara berkala telah dilaksanakan dengan membuat lawatan fizikal ke tapak projek setiap kali sebelum pengeluaran pinjaman bagi pengesahan kerja dan perolehan aset.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>14.5.5.2</b></p> <p><b>14.5.5.2.a</b></p>	<p><b>Peringkat Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan</b></p> <p>Melalui Mesyuarat Penambahbaikan TKP pada 8 September 2008, pihak bank telah mengesyorkan agar pihak KPK memantau dan membuat penilaian terhadap projek pelancongan yang diluluskan terutama setelah syarikat menjalankan operasi bagi menentukan keberkesanan objektif tabung. Namun demikian, syor ini tidak dapat direalisasikan disebabkan oleh beberapa kekangan antaranya KPK tidak mempunyai kepakaran dan kompetensi dalam memberikan bimbingan dan khidmat nasihat mengenai kaedah pengurusan dan pengendalian perniagaan kepada penerima dana. Adalah didapati Kementerian telah membuat lawatan kerja terhadap 14 (82.4%) daripada 17 projek yang dilawati oleh pasukan Audit untuk meninjau aktiviti pelancongan yang telah dilaksanakan di lokasi berkaitan. Bagaimanapun, bagi syarikat yang menjalankan perniagaan hotel dan memohon untuk penarafan bintang ('star rating') serta syarikat perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang memohon lesen perniagaan dengan KPK, lawatan tapak ke premis syarikat berkenaan ada dilaksanakan.</p>	<p>Bersetuju dengan penemuan audit</p>
<p><b>14.5.5.2.b</b></p>	<p>Mesyuarat Penambahbaikan TKP juga telah mengesyorkan KPK bertanggungjawab memberi perkhidmatan sokongan seperti memberi khidmat nasihat, mengadakan bengkel dan taklimat. KPK ada menawarkan perkhidmatan sokongan seperti khidmat nasihat berkaitan permohonan dana melalui maklumat di laman sesawang, risalah serta sesi konsultasi melalui telefon, secara 'walk in/ by appointment' dan emel.</p> <p>Pada pendapat Audit, jika dana seperti TKP ini diteruskan pada masa akan datang, KPK khususnya perlu melaksanakan pemantauan yang lebih rapi dari semasa ke semasa serta memberi bimbingan berkaitan industri pelancongan kepada penerima pinjaman dana bagi memastikan pencapaian objektif penubuhan dana.</p> <p><b>Maklum Balas KPK Yang Diterima Pada 3 Ogos 2015 dan 20 Oktober 2015</b></p> <p><i>KPK ada menjalankan pemantauan/ lawatan kerja dari semasa ke semasa melalui lawatan ke tapak projek. Kejayaan dan pencapaian objektif projek yang menggunakan dana TKP dipantau dan dikawal melalui pematuhan (due diligence) semasa mempertimbangkan permohonan TKP. Mesyuarat JKPTP Bil. 6/2015 bertarikh 4 Ogos 2015 bersetuju supaya KPK menjalankan pemantauan secara berkala terhadap projek di bawah TKP melalui Laporan</i></p>	<p>Bersetuju dengan penemuan audit</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Bulanan daripada SME Bank pembentangan Prestasi TKP bagi setengah tahun semasa dan tahunan serta pembentangan khas pinjaman yang berisiko/bermasalah. Lawatan tapak terhadap projek yang dikenalpasti berisiko/bermasalah dijalankan oleh KPK negeri dan SME Bank cawangan negeri secara berkala.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia**

**Perenggan 15 : Pengurusan Dana Bawah Bidang Ekonomi Utama Negara – Kandungan Dan Infrastruktur Komunikasi Projek Permulaan 1 – Memupuk Kandungan Kreatif Malaysia**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.1.1	<p><b>Prestasi Dana - Prestasi Perbelanjaan Dana</b></p> <p>Secara keseluruhan, setakat 30 April 2015, KKMM telah mengagihkan peruntukan bagi EPP 1 kepada FINAS berjumlah RM163.09 juta. Peruntukan tertinggi diagihkan kepada FIMI iaitu berjumlah RM125.50 juta (77%), diikuti dana CGI berjumlah RM29.24 juta (18%), CCAM berjumlah RM4.54 juta (3%) dan CCIG berjumlah RM3.81 juta (2%).</p> <p>Bagaimanapun, analisis Audit mendapati prestasi perbelanjaan dana adalah tidak memuaskan. Setakat 30 April 2015, peruntukan yang dibelanjakan hanya berjumlah RM23.87 juta (15%) dan masih berbaki sejumlah RM139.22 juta. FIMI merekodkan peratus perbelanjaan terendah iaitu 1% daripada jumlah peruntukan yang diterima, manakala CCIG merekod peratus perbelanjaan tertinggi iaitu 84% berbanding peruntukan.</p> <p>Semakan lanjut Audit mendapati peruntukan FIMI disalurkan kepada FINAS tanpa mengambil kira keperluan perbelanjaan dalam sesuatu tahun. FIMI tidak dapat dibelanjakan dalam tahun peruntukan diterima disebabkan prosedur pembayaran mengambil masa melebihi satu tahun. Produser filem hanya akan dibayar setelah penerbitan filem selesai, penyata perbelanjaan disediakan dan seterusnya perlu melalui proses pengauditan yang mengambil masa antara 4 hingga 6 bulan. Sehubungan itu, pembayaran bagi FIMI hanya dapat dibuat seawal-awalnya pada tahun berikutnya.</p> <p><b>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 14 September 2015</b></p> <p><i>Prestasi perbelanjaan FIMI yang kurang memuaskan adalah disebabkan proses pengauditan oleh Panel Audit FIMI FINAS hanya dilaksanakan selepas</i></p>	<p>FINAS bersetuju dengan penemuan dan maklum balas yang diberikan seperti perenggan dan mengesahkan kepada pihak Audit Negara pada 21 Oktober 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>projek selesai. Sehubungan itu, mulai tahun 2015, proses pengauditan FIMI ditambah baik dengan pelaksanaan pengauditan secara berkala / “periodic Audit” selepas provisional certificate dikeluarkan. Ia dapat mempercepatkan proses pengauditan dan pembayaran balik insentif serta meningkatkan prestasi perbelanjaan dana.</i></p> <p><i>Walaupun pembayaran balik rebat belum dibuat oleh FINAS, namun menurut satu kajian impak yang dilaksanakan oleh Konsultan Olsberg SPI dari London mendapati FIMI telah memberi kesan ekonomi yang positif kepada industri kreatif Malaysia terutamanya daripada aspek penyediaan peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan per kapita penggiat seni, peningkatan aktiviti ekonomi di kalangan penyedia perkhidmatan perfileman dan juga peningkatan hasil cukai kepada Kerajaan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan dana adalah tidak memuaskan dengan peratus perbelanjaan keseluruhan hanya 15% berbanding peruntukan.</p>	
15.5.1.2.2	<p><b><i>Film In Malaysia Incentive</i></b></p> <p>Setakat 30 April 2015, Jawatankuasa FIMI telah meluluskan 29 permohonan iaitu 7 permohonan daripada produser filem tempatan dan 22 permohonan daripada produser filem luar negara. Setiap produser telah ditawarkan <i>Provisional Certificate</i> oleh FINAS yang mengandungi amaun anggaran <i>Qualifying Malaysian Production Expenditure</i> (QMPE) yang diluluskan dan tempoh masa penerbitan filem yang mesti dipatuhi. Anggaran QMPE yang diluluskan bagi kesemua produser adalah berjumlah RM638.27 juta dan anggaran tuntutan rebat oleh produser adalah berjumlah RM191.48 juta.</p> <p>Tempoh masa penerbitan filem adalah berbeza antara satu produser dengan produser yang lain. Berdasarkan analisis Audit, tempoh masa penerbitan filem yang paling singkat diluluskan adalah selama 2 bulan manakala tempoh masa paling lama adalah selama 29 bulan. Bagaimanapun, produser boleh memohon untuk pelanjutan tempoh masa penerbitan filem tertakluk kepada budi bicara FINAS.</p> <p>Setakat 30 April 2015, sebanyak 9 buah filem telah disiapkan. Daripada jumlah tersebut, 8 (88%) filem disiapkan mengikut jadual dan satu (12%) filem telah lewat jadual. Baki 20 filem yang masih dalam pelaksanaan didapati masih mengikut jadual penggambaran yang telah dipersetujui.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian fizikal bagi filem di bawah dana CGI dan</p>	FINAS bersetuju dengan penemuan dan maklum balas yang diberikan seperti perenggan dan mengesahkan kepada pihak Audit Negara pada 21 Oktober 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>FIMI adalah memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 14 September 2015</b></p> <p><u>Dana Computer Generated Imagery</u></p> <p><i>Filem Penunggu/Jengka terpaksa menangguhkan kerja-kerja pasca produksi yang sepatutnya dilaksanakan di Bangkok, Thailand berikutan kejadian letupan bom pada tahun 2013 manakala produksi filem Kapsul mengalami kesulitan selepas kematian pengarah filem pada Mei 2014.</i></p> <p><i>Bagi filem Anak Raja Api, produksi filem mengalami masalah kewangan bagi membiayai kos penerbitan filem dan masih menunggu kelulusan pembiayaan melalui Skim Intellectual Property daripada Malaysia Debt Ventures.</i></p> <p><u>Film In Malaysia Incentive</u></p> <p><i>Filem Hindi bertajuk “Ouija” mengalami kelewatan kerana terpaksa menangguhkan jadual penggambaran di Malaysia. Filem ini pada asalnya bercadang untuk memulakan penggambaran pada bulan Mac 2014 tetapi ditunda sehingga bulan November 2014 kerana kekangan jadual artis utama.</i></p>	
15.5.1.3	<p><b>Pencapaian Key Performance Indicator</b></p> <p>Unit Pengurusan Prestasi Dan Pelaksanaan (PEMANDU) telah menetapkan <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) yang perlu dicapai oleh FINAS menerusi dana CGI dan FIMI. Pencapaian dana CGI diukur berdasarkan jumlah dana yang telah diluluskan dan juga hasil jualan filem-filem berkenaan. FIMI pula diukur berdasarkan jumlah QMPE produser filem yang telah ditawarkan <i>Provisional Certificate</i>. Pencapaian KPI ini akan disemak secara berkala melalui Mesyuarat Bersama Penaja Operasi yang dipengerusikan oleh Pengerusi SKMM dan juga <i>Steering Committee Meeting</i> yang akan dipengerusikan oleh Menteri KKMM bersama-sama Pengerusi PEMANDU.</p> <p>Setakat 30 April 2015, amaun dana CGI yang perlu diagihkan adalah berjumlah RM31.7 juta dan anggaran hasil penjualan yang perlu dicapai adalah berjumlah RM20 juta. Di samping itu, anggaran QMPE produser filem yang perlu dicapai oleh FINAS adalah berjumlah RM600 juta.</p> <p>Selain daripada dana CGI dan FIMI, PEMANDU turut menetapkan KPI kepada</p>	<p>FINAS bersetuju dengan penemuan dan maklum balas yang diberikan seperti perenggan dan mengesahkan kepada pihak Audit Negara pada 21 Oktober 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>CCAM dan CCIG. Selaras dengan tujuan penubuhan untuk mempertingkatkan jumlah eksport filem tempatan ke pasaran antarabangsa, CCAM telah dipertanggungjawabkan untuk menjana pendapatan hasil jualan filem di peringkat antarabangsa sekurang-kurangnya RM20 juta setahun. Selain itu, CCIG pula telah dipertanggungjawabkan untuk menarik keahlian dikalangan penggiat seni tempatan sekurang-kurangnya 6,000 ahli berdaftar dan 600 orang daripadanya perlu mendapat pentauliahnan berdasarkan kepakaran masing-masing.</p> <p>Berdasarkan semakan Audit, CCAM telah berjaya mencapai KPI yang ditetapkan dengan anggaran hasil eksport filem Malaysia yang berjaya dimeterai antara RM20 juta hingga RM22 juta setahun. Setakat 30 April 2015, CCAM telah menyertai 2 festival filem antarabangsa dengan nilai jualan yang berjaya dimeterai berjumlah RM1.5 juta. Menurut perancangan, CCAM akan menyertai 11 festival filem sepanjang tahun 2015 dan nilai anggaran hasil jualan filem yang akan dimeterai adalah RM20 juta. Manakala, bagi CCIG, jumlah ahli biasa yang telah didaftarkan adalah sebanyak 6,119 ahli dan 307 ahli telah mendapat pentauliahnan dalam bidang <i>VFX &amp; Animation, Cinematography Department, Production Design</i> dan <i>Still Photo</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian prestasi dana CGI, FIMI, CCAM dan CCIG adalah memuaskan sepertimana sasaran/KPI yang ditetapkan oleh PEMANDU. Namun begitu, penetapan KPI didapati tidak mengambil kira aspek pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi selaras dengan objektif pemberian dana.</p> <p><b>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 14 September 2015</b></p> <p><i>Bagi Dana CGI, KPI yang telah dicadangkan untuk tahun 2015 adalah lebih menyasarkan kepada pembangunan modal insan di mana setiap penerima dana perlu mempunyai tenaga kerja yang telah mendapat pengiktirafan daripada CCIG. Sehubungan itu, bermula pada tahun 2015, KPI Dana CGI adalah berdasarkan jumlah kutipan filem yang diluluskan dan jumlah tenaga kerja pakar yang berjaya menembusi pasaran antarabangsa.</i></p> <p><i>Bagi KPI FIMI, FINAS telah mencadangkan supaya KPI tenaga kerja mahir perlu diambil kira. KPI ini adalah untuk memastikan kesemua tenaga kerja yang diambil bagi penghasilan sesuatu projek mempunyai satu tahap skil yang standard. Cadangan KPI tersebut adalah dalam perbincangan dengan pihak PEMANDU yang dijangka diadakan pada suku ke-3 tahun 2015.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.2.1	<p><b>Proses Pemilihan - Tempoh Pemprosesan Permohonan</b></p> <p>Penetapan norma kerja bagi memproses permohonan dapat membantu produser dalam merangka jadual penggambaran dan bajet penggambaran. Sehubungan itu, FINAS telah menetapkan setiap permohonan FIMI akan diproses dalam tempoh 4 hingga 6 minggu bagi memutuskan pemberian <i>Provisional Certificate</i>. Selain itu, keputusan pemberian <i>Final Certificate</i> akan diputuskan dalam tempoh 4 hingga 6 bulan daripada tarikh permohonan bersama dokumen lengkap diterima daripada produser.</p> <p>Semakan Audit mendapati 4 (14%) permohonan <i>Provisional Certificate</i> telah lewat diproses antara 7 hingga 15 minggu dari tempoh yang sepatutnya. Selain itu, turut didapati 5 (17%) <i>Provisional Certificate</i> telah dikeluarkan selepas tempoh penggambaran bermula. Kelewatan yang dikenal pasti adalah antara 2 hingga 7 bulan dari tempoh penggambaran bermula.</p> <p>Bagi pengurusan dana CGI, analisis Audit mendapati perjanjian bagi 3 (10%) filem telah mengambil tempoh masa antara 5 hingga 10 bulan untuk ditandatangani berbanding tempoh masa purata iaitu antara 2 hingga 4 bulan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tempoh masa pemprosesan permohonan bagi dana CGI dan FIMI adalah kurang memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 14 September 2015</b></p> <p><i>Antara punca utama kelewatan dalam memproses permohonan FIMI pada tahun 2013 dan 2014 adalah disebabkan penerimaan borang permohonan yang tidak lengkap. Sehubungan itu, mulai tahun 2015, permohonan FIMI yang tidak lengkap akan ditolak oleh urus setia. Hanya permohonan yang lengkap dengan dokumen sokongan akan diterima dengan rasmi dan dibentangkan kepada jawatankuasa FIMI.</i></p> <p><i>Bagi Dana CGI, tiga produksi mengambil masa yang lama untuk menandatangani perjanjian atas sebab-sebab berikut:-</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. <i>KRU International Sdn. Bhd. (Vikingdom) – Menunggu kelulusan bagi permohonan peruntukan tambahan</i></li> <li>b. <i>Pesona Picture Sdn. Bhd. (Anak Raja Api) – Pihak produksi lambat mengembalikan semula perjanjian yang ditandatangani oleh mereka.</i></li> </ol>	<p>FINAS bersetuju dengan penemuan dan maklum balas yang diberikan seperti perenggan dan mengesahkan kepada pihak Audit Negara pada 21 Oktober 2015. Mulai tahun 2015, permohonan FIMI yang tidak lengkap akan ditolak oleh urus setia. Hanya permohonan yang lengkap dengan dokumen sokongan akan diterima dengan rasmi dan dibentangkan kepada jawatankuasa FIMI.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>c. <i>Cinemaya Studios Sdn. Bhd. (KL Vampire) - Pihak produksi mengemukakan surat penangguhan untuk tandatangan perjanjian kerana ingin menyiapkan pembikinan filem lain terlebih dahulu.</i></p>	
<p><b>15.5.2.2.1</b></p>	<p><b>Lesen Pengeluaran Filem</b></p> <p>Bagi mengesahkan pemilikan Lesen Pengeluaran Filem oleh semua penerima dana, pihak Audit telah memeriksa rekod pendaftaran lesen di Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan FINAS pada Mei 2015. Didapati 6 (35%) syarikat CGI yang dilantik tidak mempunyai Lesen Pengeluaran Filem yang sah sepanjang tempoh produksi.</p>	<p>FINAS bersetuju dengan penemuan dan maklum balas yang diberikan seperti perenggan dan mengesahkan kepada pihak Audit Negara pada 21 Oktober 2015.</p>
<p><b>15.5.2.2.2</b></p>	<p><b>Pengalaman Produksi</b></p> <p>Memandangkan dana CGI melibatkan pengagihan amaun yang besar kepada sesuatu produksi, maka pengalaman produksi telah dijadikan kriteria dalam pemilihan penerima dana. Kriteria ini penting bagi menjamin filem yang diterbitkan adalah berkualiti dan berpontensi untuk dipasarkan di pasaran antarabangsa.</p> <p>Semakan Audit terhadap semua fail permohonan dana CGI tidak menemui bukti penilaian ada dibuat terhadap pengalaman produksi. Tiada profil produksi yang memperincikan pengalaman produksi mahu pun individu pemegang saham dilampirkan bersama-sama Borang Permohonan Dana CGI. Ini kerana borang permohonan berkenaan tidak mempunyai ruangan mandatori berkaitan pengalaman produksi.</p>	
<p><b>15.5.2.2.3</b></p>	<p><b>Sumber Pembiayaan</b></p> <p>Produksi perlu mempunyai sumber pembiayaan yang kukuh dan mencukupi bagi memastikan penerbitan filem dapat disempurnakan mengikut jadual dan tidak tergendala. Berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Dana Kesan Khas, produksi filem perlu mengemukakan dokumen sokongan berkenaan sumber pembiayaan sebagai salah satu syarat permohonan.</p> <p>Semakan Audit terhadap 31 fail dana CGI mendapati tiada dokumen sokongan sumber pembiayaan dilampirkan bersama-sama borang permohonan. Produksi hanya menyatakan perancangan pembiayaan penerbitan filem dalam borang permohonan. Tiada bukti menunjukkan FINAS ada membuat pengesahan dan penilaian lanjut berkaitan maklumat pembiayaan setiap produksi.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kesan daripada sumber pembiayaan yang kurang kukuh bagi menerbitkan sesuatu filem dapat dilihat melalui penerbitan filem Anak Raja Api oleh Pesona Pictures Sdn. Bhd. Menurut perjanjian, filem berkenaan sepatutnya telah siap pada November 2014. Namun, sehingga tarikh pengauditan, filem berkenaan didapati masih belum memulakan penggambaran berikutan masih belum mendapatkan pembiayaan yang mencukupi. Berdasarkan rekod, FINAS telah membuat pembayaran sejumlah RM450,000 (30% daripada RM1.5 juta yang diluluskan) kepada produksi berkenaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses penilaian terhadap permohonan dana CGI adalah kurang memuaskan kerana tiada bukti pengesahan dibuat terhadap Lesen Pengeluaran Filem, pengalaman produksi dan sumber pembiayaan.</p> <p><b>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 14 September 2015</b></p> <p><u>Lesen Pengeluaran Filem</u></p> <p><i>Mulai tahun 2015, sebelum perjanjian ditandatangani, FINAS akan memastikan produser mengemukakan lesen yang sah berkuat kuasa sepanjang tempoh produksi. Di samping itu, FINAS akan memastikan semakan terhadap sah lesen produser dibuat sebelum pembayaran bagi setiap "milestones".</i></p> <p><u>Pengalaman Produksi</u></p> <p><i>Bermula tahun 2015, syarikat atau individu pemilik saham perlu mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam penerbitan filem dan perlu dibuktikan semasa permohonan dihantar. Kriteria untuk syarikat CGI telah ditambah baik di mana setiap pekerja daripada syarikat CGI perlu menjadi ahli CCIG dan sekurang-kurangnya seorang daripadanya telah mendapat akreditasi daripada CCIG. Pengalaman produksi dinilai daripada profil yang dikemukakan oleh produser. Penilaian pengalaman ini adalah berdasarkan kepada pembentangan pemohon semasa sesi penilaian / "pitching".</i></p> <p><u>Sumber Pembiayaan</u></p> <p><i>Sebelum ini kemampuan produser hanya ditanya semasa sesi pitching sahaja kerana beranggapan FINAS hanya membantu membiayai pada bahagian CGI sahaja dan bukannya keseluruhan filem. Panel CGI juga hanya membuat penilaian terhadap nilai CGI yang dipersembahkan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Walau bagaimanapun, mulai tahun 2015, pihak pemohon perlu menghantar dokumen sokongan sumber pembiayaan. Sekiranya tiada dokumen tersebut, pihak produser perlu mengemukakan surat akuan "Directors Guarantee" bagi memastikan sumber pembiayaan sedia ada adalah mencukupi.</i></p> <p><u><i>Produksi Pesona Pictures Sdn. Bhd.</i></u></p> <p><i>Produksi Pesona Pictures Sdn. Bhd. telah mengemukakan rayuan terhadap perkara ini kepada KSU melalui surat yang diterima pada 27 April 2015. Mesyuarat yang telah diadakan pada 20 Mei 2015 telah bersetuju untuk memberikan jangka masa setahun untuk produksi ini disiapkan. Pihak FINAS sedang berbincang dengan pihak peguam untuk memasukkan klausa persetujuan perlanjutan masa yang diberikan dalam perjanjian sedia ada. Sekiranya terdapat produksi yang masih gagal untuk disiapkan, maka FINAS berhak untuk mengenakan tindakan lanjut berdasarkan "revised agreement" yang akan dimuktamadkan dan ditandatangani sebelum akhir bulan Ogos 2015.</i></p> <p><i>Susulan daripada kes ini, mulai tahun 2015, FINAS telah menguatkuasakan pelaksanaan bon pelaksanaan sebanyak 5% daripada jumlah dana yang diluluskan bagi memastikan setiap produser menyempurnakan kerja-kerja produksi dalam tempoh masa yang dipersetujui dan kepentingan Kerajaan terpelihara.</i></p>	
15.5.3.2	<p><b>Pemeriksaan Fizikal</b></p> <p>Klausa 5.2(e) kontrak dana CGI memberi kuasa kepada FINAS untuk menjalankan pemeriksaan fizikal ke syarikat CGI. Semakan Audit terhadap fail dan rekod FINAS tidak menemui bukti sama ada secara laporan bertulis atau laporan bergambar bahawa FINAS ada membuat pemeriksaan fizikal terhadap produser yang telah ditawarkan <i>Provisional Certificate</i> atau pun syarikat CGI. Ini menyebabkan FINAS tidak dapat mengesahkan pematuhan produser terhadap bilangan sebenar tenaga kerja tempatan/pelatih amali yang digaji oleh produser; bidang kerja / kepakaran tenaga kerja tempatan berkenaan; pelantikan penyedia perkhidmatan produksi tempatan; lokasi sebenar penggambaran; penggunaan perisian kesan khas yang asli; dan kapasiti/keupayaan sebenar peralatan-peralatan yang digunakan dalam pengaplikasian kesan khas. Pengesahan terhadap perkara-perkara berkenaan adalah penting bagi memastikan objektif untuk menggalakkan perkembangan ekonomi dalam industri kreatif tempatan dapat dicapai.</p>	FINAS bersetuju dengan penemuan dan maklum balas yang diberikan seperti perenggan dan mengesahkan kepada pihak Audit Negara pada 21 Oktober 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pemantauan yang dilaksanakan oleh FINAS sama ada melalui pelaporan atau pemeriksaan fizikal adalah tidak cekap.</p> <p><b>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 14 September 2015</b></p> <p><u>Dana Computer Generated Imagery</u></p> <p>Setiap syarikat yang menerima Dana CGI perlu mengemukakan Laporan berkenaan kemajuan filem mereka setiap tiga bulan sekali. Sekiranya tidak menerima laporan tersebut, Urus Setia akan mengeluarkan surat peringatan untuk bertanyakan status filem mereka.</p> <p>Pemantauan berterusan dibuat berdasarkan kepada “milestone deliverables” yang mana di setiap milestone, pihak FINAS akan memastikan kemajuan projek adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.</p> <p>Di samping itu, pemeriksaan fizikal bagi dana CGI hanya akan dilaksanakan sekiranya filem yang diluluskan mendatangkan keraguan dalam proses pembikinan. Urus setia pernah melaksanakan pemeriksaan fizikal ke atas dua syarikat CGI iaitu Two Tones Sdn. Bhd. dan Chain-Fx Sdn. Bhd.</p> <p><u>Film In Malaysia Incentive</u></p> <p>Keperluan laporan status projek dan laporan perbelanjaan secara bulanan kepada FINAS adalah berdasarkan kepada prosedur projek FIMI tahun 2013 &amp; 2014. Bagi kedua-dua tahun ini, pihak FINAS tidak mengenakan sebarang tindakan kepada produser untuk mengemukakan pelaporan setiap bulan.</p> <p>Dengan pelaksanaan proses pengauditan berkala atau ‘periodic Audit’ bagi semua projek FIMI yang diluluskan mulai tahun 2015 dapat memastikan status projek dan perbelanjaan projek adalah mengikut jadual yang dipersetujui. Laporan Audit pada setiap peringkat penerbitan akan memberikan status projek dan perbelanjaan yang sebenar.</p> <p>Selain itu, FINAS juga telah menubuhkan pasukan yang akan membuat pemantauan ke syarikat produksi dan lokasi penggambaran. Pasukan ini akan mula membuat pemantauan pada suku ke-3 tahun 2015.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
15.5.4.1	<p><b>Proses Penilaian Pembayaran - Dana <i>Computer Generated Imagery</i></b></p> <p>Klausa 4 (b) kontrak CGI menetapkan pembayaran dana kepada produser akan dilaksanakan secara berperingkat.</p> <p>Klausa 4.2 kontrak menyatakan bagi pembayaran di peringkat kedua hingga terakhir, FINAS akan menubuhkan panel penilai untuk menilai proses dan hasil kesan khas serta menasihati, menegur dan membuat usul-usul cadangan penambahbaikan. Produser hendaklah mengambilkira nasihat, teguran dan usul penambahbaikan tersebut secara serius dan membuat penambahbaikan yang sewajarnya pada pengaplikasian kesan khas.</p> <p>Semakan Audit mendapati 6 (19%) daripada 31 filem tidak melalui proses penilaian berperingkat. Filem berkenaan hanya dinilai sekali sahaja iaitu setelah pengaplikasian kesan khas sempurna 100% dan sedia bagi sesi pra tonton kepada Jawatankuasa CGI. Pada peringkat ini, sebarang komen atau cadangan penambahbaikan oleh Jawatankuasa CGI tidak dapat diambil tindakan sewajarnya oleh produser.</p> <p>Di samping itu, berdasarkan pemerhatian Audit semasa menghadiri sesi penilaian bagi 2 buah filem didapati FINAS tidak menyediakan garis panduan kepada syarikat-syarikat CGI berkaitan dengan format pembentangan. Format pembentangan yang bersesuaian perlu dirangka oleh FINAS bagi memastikan perbezaan babak sebelum dan selepas pengaplikasian kesan khas dapat dikenal pasti dengan jelas bagi tujuan penilaian oleh Jawatankuasa CGI. Selain itu, pihak Audit turut mendapati tiada sistem penarafan yang bersesuaian disediakan oleh FINAS bagi menilai kualiti kesan khas yang diaplikasikan oleh syarikat CGI.</p> <p>Pada pendapat Audit, proses penilaian pembayaran adalah kurang teratur kerana penilaian berperingkat tidak dilaksanakan, ketiadaan format pembentangan dan juga sistem penarafan yang bersesuaian bagi menentukan tahap kualiti pengaplikasian kesan khas.</p> <p><b>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 14 September 2015</b></p> <p><i>Keadaan ini berlaku disebabkan tempoh masa yang diambil daripada tarikh tutup permohonan kepada sesi penilaian / pitching atau mesyuarat kelulusan adalah terlalu lama akibat kekangan jadual semua ahli panel dan jawatankuasa. Oleh itu, semua pemohon tetap meneruskan proses</i></p>	<p>FINAS bersetuju dengan penemuan dan maklum balas yang diberikan seperti perenggan dan mengesahkan kepada pihak Audit Negara pada 21 Oktober 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pembikinan filem masing-masing mengikut jadual yang dirancang menggunakan peruntukan sendiri. Apabila permohonan mereka telah diluluskan oleh jawatankuasa, proses pembikinan filem mereka telah sampai ke peringkat akhir. Oleh itu, panel akan melihat keseluruhan proses yang telah disiapkan. Sekiranya panel tidak berpuas hati, panel berhak untuk memotong nilai pembiayaan Dana CGI yang telah diluluskan seperti yang berlaku kepada filem BALUN yang mana pemotongan bayaran amaun dana sebanyak 10%.</i></p> <p><i>Mulai tahun 2015, bagi memastikan kelancaran Jawatankuasa ini, pihak FINAS telah mengambil inisiatif untuk menempah masa setiap ahli panel iaitu pada minggu kedua setiap bulan bagi sesi penilaian.</i></p> <p><i>Format pembentangan juga telah disediakan di mana setiap pembentangan wakil syarikat produksi / wakil syarikat CGI perlu menunjukkan perbezaan babak sebelum dan selepas pengaplikasian kesan khas. Sistem penarafan terhadap kualiti kesan khas telah disediakan oleh panel CGI.</i></p>	
<p><b>15.5.4.2.1</b></p>	<p><b>Penubuhan Panel Audit FIMI FINAS</b></p> <p>Berdasarkan semakan fail, pihak Audit mendapati FINAS ada melantik firma guaman bagi menyediakan Garis Panduan Penubuhan Panel Audit FIMI FINAS pada tahun 2011. Perkhidmatan telah disempurnakan oleh firma guaman berkenaan dan bayaran telah dibuat. Bagaimanapun, sesi perbincangan antara FINAS dan beberapa firma audit terpilih gagal mencapai persetujuan terhadap terma-terma dalam garis panduan berkenaan dan sehingga kini tiada bukti tindakan penambahbaikan ada dilaksanakan oleh FINAS.</p> <p>Susulan daripada kegagalan mencapai persetujuan, sehingga kini Panel Audit FIMI FINAS masih belum ditubuhkan. Susulan itu, pelantikan juruaudit dilaksanakan berdasarkan keperluan yang mana mengikut rekod mengambil masa antara 2 hingga 6 bulan.</p> <p>Di samping itu, ketiadaan garis panduan juga menyebabkan tiada penetapan dibuat terhadap format dan perincian laporan audit. Memandangkan pelbagai firma audit akan dilantik pada masa hadapan, keseragaman format dan perincian laporan adalah penting bagi memudahkan kefahaman di kalangan pegawai FINAS dan juga produser.</p> <p>Selain daripada format laporan, FINAS juga perlu merangka formula pengiraan kadar yuran audit yang bersesuaian bagi memastikan amaun rebat</p>	<p>FINAS bersetuju dengan penemuan dan maklum balas yang diberikan seperti perenggan dan mengesahkan kepada pihak Audit Negara pada 21 Oktober 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang akan dipotong adalah wajar dan berpatutan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengesahan kewajaran pembayaran melalui proses pengauditan adalah amat baik dan bersesuaian. Bagaimanapun, proses pengesahan berkenaan didapati tidak teratur berikutan ketiadaan Panel Audit FIMI FINAS dan terma-terma pelantikan yang berkaitan.</p> <p><b>Maklum Balas KKMM Yang Diterima Pada 14 September 2015</b></p> <p><i>Mulai 2015, FINAS telah melaksanakan perkara-perkara berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Panel Audit FIMI telah ditubuhkan dengan pelantikan syarikat Audit Ernst &amp; Young (EY), Price Water House Coopers (PWC), BDO dan Deloitte. Penambahan panel Audit akan dibuat dari semasa ke semasa berdasarkan kepada keperluan.</i></li> <li><i>ii. FIMI telah menetapkan senarai tugas / 'scope of work' kepada semua panel Audit yang dilantik bagi menilai dan memberikan verifikasi perbelanjaan produksi FIMI.</i></li> <li><i>iii. FIMI telah menetapkan kadar bayaran yuran Audit adalah berdasarkan jumlah jam kerja yang terlibat bagi setiap proses Audit.</i></li> </ul>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Perenggan 16 : Projek Pembinaan Pusat Pengajian Pertahanan Nasioanal (PUSPAHANAS)**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.1.1.a	<p><b>Prestasi Projek Pembinaan - Pencapaian Fizikal Projek</b></p> <p>Berdasarkan kemajuan kerja yang tidak memuaskan, AMSB dikehendaki mengemukakan pelan pemulihan dengan menggunakan kaedah <i>Critical Path Method</i> (CPM) yang baru. Bagaimanapun, sehingga tarikh lawatan Audit pada bulan Julai 2015, AMSB gagal mengemukakan CPM tersebut kepada BPKP. Menurut perunding, arahan telah dikeluarkan kepada kontraktor dari semasa ke semasa bagi meningkatkan prestasi kemajuan projek namun pelaksanaannya amat perlahan. AMSB telah memohon lanjutan masa tetapi tidak diluluskan kerana alasan yang diberi tidak munasabah. AMSB dikenakan <i>Liquidated Ascertained Damages</i> (LAD) mulai dari 24 Oktober 2014.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 29 September 2015</b></p> <p><i>Kementerian bersetuju dengan pandangan Audit bahawa kaedah CPM sepatutnya digunakan bagi tujuan pemantauan projek di tapak selaras dengan Lampiran 1 kepada SPP Bil 5/2012. Berdasarkan prestasi projek yang tidak memuaskan, Kementerian telah mengarahkan AMSB menyediakan pelan pemulihan. Syarikat telah menyerahkan pelan pemulihan pada 25 Ogos 2015. Mengikut pelan pemulihan pihak AMSB bersetuju untuk menyiapkan projek ini pada 29 Februari 2016. Kemajuan projek selepas penilaian semula dalam pelan pemulihan setakat 15 September 2015 adalah 76.83%. Kelewatan kemajuan projek berkaitan secara langsung dengan keupayaan kewangan kontraktor iaitu Awan Megah Sdn. Bhd. (AMSB). Ini terbukti di mana pihak AMSB melalui suratnya bertarikh 4 Oktober 2015 telah meminta Kementerian untuk unlock Land Bond sebagai modal untuk menghabiskan baki kerja di tapak dan bayaran deposit pembelian bekalan perabot serta ICT. Kementerian pada 21 September 2015 telah tidak bersetuju kerana mendapati klausa 3.3.1 hingga 3.3.5 mengenai Land Bond di dalam perjanjian adalah memadai untuk memenuhi keperluan AMSB tanpa menjejaskan tanggungjawab Kementerian</i></p>	<p>Pada 5 Oktober 2015, Kementerian telah mengemukakan notis kepada AMSB untuk melanjutkan tempoh sah laku bon pelaksanaan dan insuran kerja yang akan berakhir pada 31 Disember 2015. AMSB telah diminta untuk melanjutkan tempoh sah laku bon dan insuran sehingga 29 Februari 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>ini dalam menjaga kepentingan Kerajaan. Oleh itu Land Bond yang berkaitan sewajarnya diuruskan mengikut klausa-klausa kontrak yang telah dipersetujui.</i></p>	
<p><b>16.5.1.1.b</b></p>	<p>Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 8 Tahun 2009 telah menetapkan bahawa projek yang mengalami kelewatan melebihi 2 bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan boleh diambil tindakan penamatan kontrak. Berdasarkan Laporan Kemajuan Kerja mendapati peningkatan kecil kemajuan fizikal dari 89% ke 89.20% iaitu peningkatan hanya 0.20% berbanding kemajuan yang sepatutnya 100%.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 29 September 2015</b></p> <p><i>Berdasarkan kelewatan yang berlarutan, wakil Pengarah Projek (PP) pada 4 Ogos 2015 telah mengambil inisiatif mengesyorkan projek ini di bawa ke pertimbangan Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) untuk cadangan pemuliharaan. Untuk persediaan mesyuarat JKPS ini, Kementerian perlu menyediakan kertas taklimat yang menyeluruh. syarikat pula perlu menyediakan cadangan pelan pemuliharaan yang akan disahkan oleh PP untuk dibawa ke pertimbangan JKPS. Pada masa yang sama, BUU perlu mengkaji implikasi cadangan penamatan. Tindakan ini selaras dengan peraturan 1PP PK4/2013.</i></p> <p><i>Tindakan penamatan pada masa ini akan merugikan Kerajaan kerana tanah balasan telah selesai dipindah milik kepada AMSB pada 12 Januari 2015. Pada masa yang sama, nilai lebih tanah balasan sebanyak RM15,054,408.31 oleh AMSB secara in-kind tidak akan diperolehi untuk tujuan perolehan perabot dan ICT.</i></p> <p><i>Kementerian sentiasa tegas memantau prestasi AMSB. Kementerian kini dalam tindakan mempertimbangkan cadangan pemuliharaan projek melalui JKPS.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi kerja kontraktor adalah tidak memuaskan. Projek ini sepatutnya dibawa ke Jawatankuasa Projek Sakit semasa kelewatan di peringkat awal lagi. Kementerian perlu mengkaji Pelan Pemuliharaan yang disediakan oleh kontraktor bagi memastikan projek ini dapat disiapkan.</p>	<p>Projek ini akan dibawa ke Jawatankuasa Projek Sakit pada 11 November 2015 bagi mempertimbangkan syor cadangan pemuliharaan AMSB yang telah disahkan oleh PP pada 28 September 2015 untuk menyiapkan projek pada tarikh baharu iaitu 29 Februari 2016 di atas kenaikan LAD secara terkumpul berjumlah RM5,039,654.55. Nilai LAD ini tidak melebihi nilai bon pelaksanaan semasa berjumlah RM5,721,035.00.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																		
16.5.1.2.a	<p><b>Pencapaian Kewangan Projek</b></p> <p>Kos projek PUSPAHANAS mengikut kontrak adalah berjumlah RM99.37 juta. Projek ini dilaksanakan secara penswastaan dan sebagai balasan tanah seluas 223.33 ekar diserahkan kepada AMSB. Pada tahun 1995, JPPH telah membuat penilaian tanah tersebut sejumlah RM100 juta tetapi AMSB telah merayu supaya dikurangkan nilainya kepada RM72.50 juta dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penswastaan pada bulan Ogos 2001. Perbezaan sejumlah RM26.87 juta iaitu perbezaan nilai tanah dengan kos projek ditanggung oleh Kerajaan. Berdasarkan <i>Supplementary Agreement</i>, tanah balasan ini telah dinilai semula pada bulan Jun 2003 berjumlah RM87.55 juta. Oleh itu, sejumlah RM15.05 juta perbezaan harga nilai tanah ini hendaklah dibayar oleh AMSB kepada Kerajaan secara tunai atau <i>in-kind</i>. Kementerian telah bersetuju perbezaan ini digunakan bagi keperluan <i>Information and Communications Technology (ICT), Extra Low Voltage (ELV)</i> dan perabot. Semakan Audit mendapati sehingga tempoh pengauditan selesai, keperluan sepertimana yang dipersetujui masih belum dilaksanakan.</p>	<p>Kementerian pada 9 Oktober 2015 telah memuktamadkan harga, spesifikasi dan <i>layout plan</i> untuk keperluan perabot dan kelengkapan, <i>Information and Communications Technology (ICT), Extra Low Voltage (ELV)</i> dan lain-lain <i>loose item</i> di bawah lebih nilai tanah balasan sebanyak RM15,054,408.31 oleh AMSB kepada Kerajaan secara <i>in-kind</i>.</p> <p>Kementerian juga telah memasukkan syarat di dalam deraf <i>Supplementary Agreement Ke-2 (SA2)</i> bahawa AMSB adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas tempahan, pembekalan, pemasangan, pengujian dan pentauliahan semua perabot, ICT dan ELV yang telah dimuktamadkan. Semua kerja-kerja ini perlu disiapkan dan diserahkan kepada Kementerian pada 29 Februari 2016.</p>																		
16.5.1.2.b	<p>Klausa 3 syarat Kontrak Asal menetapkan perbezaan tunai perlu dibayar kepada AMSB secara progresif pada penghujung setiap 2 bulan selepas Sijil Interim dikeluarkan oleh BPKP. Semakan Audit mendapati perbezaan tunai ini telah selesai dibayar semasa Perakuan Penilaian Kerja No.10 iaitu pada 7 Disember 2012.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 29 September 2015</b></p> <p><i>Kementerian bersetuju dengan teguran Audit bahawa bayaran perbezaan tunai sejumlah RM26,866,280 dibuat tidak selaras dengan Klausa 3.1.1 syarat kontrak.</i></p> <table border="1" data-bbox="344 1126 1104 1369"> <thead> <tr> <th>PENILAIAN OLEH PENGARAH PROJEK</th> <th>TARIKH BAYARAN</th> <th>JUMLAH (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>28.06.2011</td> <td>19.07.2011</td> <td>9,533,000</td> </tr> <tr> <td>09.11.2011</td> <td>01.12.2011</td> <td>4,099,000</td> </tr> <tr> <td>12.12.2011</td> <td>27.12.2011</td> <td>1,403,000</td> </tr> <tr> <td>16.01.2012</td> <td>15.02.2012</td> <td>2,343,000</td> </tr> <tr> <td>09.03.2012</td> <td>02.04.2012</td> <td>1,133,000</td> </tr> </tbody> </table>	PENILAIAN OLEH PENGARAH PROJEK	TARIKH BAYARAN	JUMLAH (RM)	28.06.2011	19.07.2011	9,533,000	09.11.2011	01.12.2011	4,099,000	12.12.2011	27.12.2011	1,403,000	16.01.2012	15.02.2012	2,343,000	09.03.2012	02.04.2012	1,133,000	<p>Jawatankuasa Siasatan Dalaman telah mula bersidang pada 19 Oktober 2015 untuk mengkaji dan menyediakan laporan siasatan kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan selewat-lewatnya pada 18 November 2015 untuk pengesyoran tindakan selanjutnya.</p>
PENILAIAN OLEH PENGARAH PROJEK	TARIKH BAYARAN	JUMLAH (RM)																		
28.06.2011	19.07.2011	9,533,000																		
09.11.2011	01.12.2011	4,099,000																		
12.12.2011	27.12.2011	1,403,000																		
16.01.2012	15.02.2012	2,343,000																		
09.03.2012	02.04.2012	1,133,000																		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini															
	<table border="1" data-bbox="344 268 1104 451"> <tr> <td>04.04.2012</td> <td>27.04.2012</td> <td>1,915,000</td> </tr> <tr> <td>13.06.2012</td> <td>13.07.2012</td> <td>2,969,000</td> </tr> <tr> <td>18.07.2012</td> <td>21.09.2012</td> <td>2,003,000</td> </tr> <tr> <td>08.08.2012</td> <td>03.10.2012</td> <td>1,252,000</td> </tr> <tr> <td>18.09.2012</td> <td>07.12.2012</td> <td>673,800</td> </tr> </table> <p data-bbox="331 480 1133 507"><i>Jawatankuasa Siasatan perlu ditubuhkan bagi menyasat tatacara bayaran.</i></p>	04.04.2012	27.04.2012	1,915,000	13.06.2012	13.07.2012	2,969,000	18.07.2012	21.09.2012	2,003,000	08.08.2012	03.10.2012	1,252,000	18.09.2012	07.12.2012	673,800	
04.04.2012	27.04.2012	1,915,000															
13.06.2012	13.07.2012	2,969,000															
18.07.2012	21.09.2012	2,003,000															
08.08.2012	03.10.2012	1,252,000															
18.09.2012	07.12.2012	673,800															
16.5.1.2.d	<p data-bbox="331 539 1173 647"><i>Liquidated Ascertained Damages (LAD) dikenakan dari 24 Oktober 2014 hingga 29 Julai 2015 (282 hari @ RM10,140.15 sehari) adalah berjumlah RM2.86 juta. Bagaimanapun, Kementerian akan mengambil tindakan pemotongan LAD terhadap AMSB semasa bayaran akhir projek.</i></p> <p data-bbox="331 703 1104 730"><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 29 September 2015</b></p> <p data-bbox="331 759 1173 924"><i>Sehingga kini Kementerian belum mengambil tindakan memotong bayaran LAD. Kaedah bayaran LAD bagi kontrak ini adalah tertakluk kepada klausa 7.6 di mana AMSB perlu membayar kepada Kerajaan. Pemotongan LAD tidak boleh dibuat ke atas pengurangan nilai Land Bond. Kementerian sememangnya sentiasa memastikan jumlah LAD bagi projek ini hendaklah tidak melebihi nilai bon pelaksanaan iaitu sejumlah RM5,721,035.00.</i></p> <p data-bbox="331 952 1173 1257"><i>Kementerian telah menuntut bayaran LAD daripada AMSB pada 11 September 2015, bagi tempoh kelewatannya bermula dari 24 Oktober 2014 sehingga 31 Ogos 2015 berjumlah RM3,113,026.05 tanpa menjejaskan nilai bon semasa. AMSB melalui suratnya bertarikh 5 Oktober 2015 yang telah diterima oleh Kementerian pada 6 Oktober 2015 telah mengemukakan penjelasan dan pendiriannya yang tidak bersetuju untuk membayar LAD dan menyarankan supaya isu ini di bawa ke Dispute Resolution Committee. Kementerian masih berpendirian bahawa kegagalan AMSB menjelaskan bayaran LAD sebelum tarikh siap iaitu pada 29 Februari 2016 akan menyebabkan Kementerian merampas bon pelaksanaan berjumlah RM5,721,035.00.</i></p> <p data-bbox="331 1286 1173 1369"><i>Pada pendapat Audit, Kementerian sepatutnya menjelaskan perbezaan tunai mengikut syarat kontrak dan LAD hendaklah dibayar oleh kontraktor sebelum projek siap.</i></p>	<p data-bbox="1193 539 2083 620">Kementerian akan tetap membuat tuntutan LAD dan akan merampas bon pelaksanaan berjumlah RM5,721,035.00 sekiranya AMSB gagal menjelaskan bayaran LAD sebelum tarikh siap iaitu pada 29 Februari 2016.</p>															

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.1.3	<p><b>Pencapaian Outcome</b></p> <p>Mengikut <i>Supplementary Agreement</i>, projek PUSPAHANAS ini sepatutnya disiapkan pada 23 Oktober 2014 iaitu 72 bulan selepas <i>Commencement Date</i> pada 24 Oktober 2008. Bagaimanapun, setakat 29 Julai 2015, projek ini telah lewat jadual selama 282 hari. Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) telah dikeluarkan oleh BPKP pada 1 Disember 2014. Perbincangan bersama Kementerian pada 29 Julai 2015, AMSB menjanjikan projek ini akan disiapkan selewatnya pada bulan Disember 2015.</p> <p>Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Pembangunan Dan Penempatan Pejabat Di Sekitar Kem Kementah pada bulan Jun 2013 telah memutuskan bahawa Pusat Peperangan Bersama (PESAMA) akan ditempatkan di Bangunan Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT) manakala Bahagian Perkhidmatan Kesihatan (BPK) yang menyewa di Menara KUB di Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) apabila kedua-dua maktab ini dipindahkan ke PUSPAHANAS. Bagaimanapun, penempatan ini tidak dapat dilaksanakan memandangkan PUSPAHANAS belum siap lagi. Kos sewaan ruang pejabat BPK adalah sejumlah RM95,164.75 sebulan. Kontrak sewaan ruang pejabat BPK telah diperbaharui pada 1 Januari 2014 dan tamat tempoh pada 31 Disember 2016. Akibat daripada kelewatan projek yang sepatutnya siap pada bulan Oktober 2014, Kementerian terpaksa menanggung kos sewaan sejumlah RM2.47 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menyiapkan projek dan perpindahan bahagian terlibat ke PUSPAHANAS mengakibatkan Kementerian terpaksa menanggung kos sewaan yang tinggi.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 29 September 2015</b></p> <p><i>Kementerian bersetuju kelewatan menyiapkan projek ini telah menyebabkan kontrak sewaan bangunan KUB terpaksa dilanjutkan.</i></p> <p><i>Kementerian telah mengambil tindakan proaktif untuk memastikan projek siap mengikut tempoh siap inginan (29 Februari 2016) bagi mengelakkan kerugian membayar sewa.</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 16.5.1.3.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
16.5.2.1.1.a	<p><b>Pengurusan Pembinaan - Pentadbiran Kontrak - Bon Pelaksanaan</b></p> <p>Bon Pelaksanaan ialah suatu bentuk jaminan yang perlu dikemukakan oleh Kontraktor bagi melindungi kepentingan Kerajaan untuk memastikan kontraktor melaksanakan semua obligasi di bawah sesuatu kontrak. Tempoh sah laku bon ini adalah dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP). Jika berlaku kelewatan dalam penyiapan projek, tindakan serta merta hendaklah diambil oleh Kementerian untuk memastikan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan dilanjutkan. Sebelum memulakan kerja di tapak dan tidak lewat dari tarikh milik tapak, kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan dari bank atau Institusi Kewangan yang diluluskan selaras dengan syarat-syarat kontrak. Semakan Audit mendapati, syarat kontrak perjanjian asal AMSB perlu mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM4.95 juta iaitu bersamaan 5% daripada nilai kontrak sebagai jaminan prestasi kerja. Bagaimanapun melalui pindaan <i>Supplementary Agreement</i>, jumlah bon ini meningkat kepada RM4.97 juta.</p>	<p>Pindaan nilai bon dari RM4.95 juta kepada RM4.97 juta adalah berdasarkan kos projek yang diluluskan oleh MJM pada 16 Februari 2005 sebanyak RM99,366,280.00.</p>
16.5.2.1.1.b	<p>Klausa 11.2.2 Syarat Kontrak Asal menetapkan, Bon Pelaksanaan ini hendaklah sah sehingga Sijil Perakuan Siap (CPC) dikeluarkan. Sekiranya Bon Pelaksanaan yang dikemukakan itu telah tamat tempoh sebelum <i>CPC</i> dan Bon Penyenggaraan dikemukakan, AMSB hendaklah dalam tempoh 12 hari sebelum tarikh tamat tempoh menggantikan Bon Pelaksanaan yang baru kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati pada 27 Jun 2011 AMSB telah mengemukakan Bon Pelaksanaan yang bernilai RM4.95 juta berkuat kuasa sehingga 26 Jun 2014 dengan kelewatan selama 977 hari dari <i>Commencement Date</i>. Semakan Audit selanjutnya mendapati, Bon Pelaksanaan kedua yang berjumlah RM5.72 juta hanya diserahkan oleh AMSB pada 26 Mei 2015 dan tamat tempoh pada 31 Disember 2015 iaitu kelewatan selama 334 hari daripada 26 Jun 2014 (dalam tempoh 12 hari sebelum tarikh tamat tempoh bon pertama). Kementerian tidak mempunyai/memegang Bon Pelaksanaan bagi tempoh 27 Jun 2014 sehingga 25 Mei 2015.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 29 September 2015</b></p> <p><i>Peningkatan nilai bon adalah berdasarkan kos projek sejumlah RM99,366,280 yang diluluskan oleh MJM pada 16 Februari 2005. Kementerian telah mengarahkan AMSB mengemukakan bon bernilai RM4,968,314 melalui surat</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 16.5.2.1.1.b.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>serah tapak bertarikh 6 Ogos 2008.</i></p> <p><i>AMSB lewat mengemukakan Bon Pelaksanaan selama 977 hari dari tarikh Commencement Date (24 Oktober 2008) bernilai RM4,950,000 pada 27 Jun 2011 kerana syarikat hanya boleh memohon bon setelah Unit Perancang Ekonomi (UPE), JPM meluluskan VM Lab dengan kos projek berjumlah RM100 juta pada 14 Januari 2011. AMSB hanya lewat 127 hari iaitu dari tarikh syarikat menerima tawaran Kementerian pada 21 Februari 2011. Kementerian mengesahkan bahawa Bon Pelaksanaan kedua berjumlah RM5,721,135 telah lewat dikemukakan oleh AMSB pada 26 Mei 2015 iaitu lewat selama 11 bulan.</i></p> <p><i>Kementerian sentiasa memantau dan telah memberi peringatan kepada AMSB semasa mesyuarat tapak sebelum tempoh Bon Pelaksanaan pertama luput pada 26 Jun 2014.</i></p> <p><i>Pada pendapat Audit, kelewatan penyerahan Bon Pelaksanaan menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak terjamin dalam tempoh kelewatan tersebut.</i></p>	
16.5.2.1.2	<p><b>Pengeluaran <i>Default Notice</i></b></p> <p>Mengikut klausa 18.2 syarat kontrak, <i>Default Notice</i> boleh dikeluarkan sekiranya kontraktor gagal mematuhi syarat kontrak seperti gagal menyiapkan projek mengikut jadual dan gagal menunjukkan prestasi kerja selaras dengan jadual kerja yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap Laporan Bulanan mendapati AMSB tidak menunjukkan kemajuan kerja seperti yang dijadualkan bermula pada bulan yang ke 22 iaitu Ogos 2013 sehingga kini. Kemajuan kerja yang dilaporkan setakat bulan Oktober 2014 iaitu semasa tarikh kerja sepatut siap hanyalah 77.8%. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak Kementerian tidak mengambil tindakan yang tegas terhadap AMSB sepertimana syarat dalam kontrak dengan mengeluarkan <i>Default Notice</i> terhadap AMSB dan seterusnya mengambil tindakan untuk menamatkan kontrak.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 29 September 2015</b></p> <p><i>Kementerian akur bahawa wakil PP tidak mengemukakan <i>Default Notice</i> kepada AMSB 2 minggu dari tarikh siap yang dibenarkan iaitu pada 23 Oktober 2014.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 16.5.2.1.2. Berikut adalah maklumat tambahan:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Merujuk kepada Klausa 18.2.1, Kerajaan hendaklah mengeluarkan <i>Default Notice</i> sekiranya pihak kontraktor tanpa sebab munasabah telah melakukan kemungkiran iaitu antaranya berikut:- <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) gagal menyiapkan projek dalam tempoh siap yang dibenarkan; dan</li> <li>(c) gagal menunjukkan kemajuan yang berkesan berdasarkan jadual kerja.</li> </ul> </li> <li>(ii) Selaras dengan perenggan (i) diatas, didapati wakil P.P hanya gagal mengeluarkan notis amaran selaras dengan klausa 18.2.1 (a) iaitu sebelum tarikh siap yang dibenarkan pada 23 Oktober 2014 tamat.</li> <li>(iii) Walau bagaimanapun wakil P.P telah mematuhi klausa 18.2.1 (c), iaitu dengan mengeluarkan notis amaran kepada AMSB pada 14 Mei 2012 dan 21 September 2012 setelah mendapati kontraktor gagal menunjukkan kemajuan yang berkesan.</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, kegagalan pihak Kementerian mengeluarkan <i>Default Notice</i> kepada kontraktor menunjukkan kelemahan pemantauan. Ia telah mengakibatkan prestasi kerja kontraktor menjadi semakin menurun. Pihak Kementerian perlu mengambil tindakan yang tegas mengikut syarat kontrak kepada kontraktor bagi mengelakkan Kerajaan menghadapi risiko.</p>	
<p><b>16.5.4</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan oleh Kementerian bagi memastikan kerja yang dilaksanakan mengikut skop dan spesifikasi kerja serta dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Klausula 8.1.4 syarat kontrak antaranya menetapkan bahawa pemantauan dan penyeliaan terhadap pelaksanaan projek adalah tanggungjawab syarikat. Bagaimanapun untuk menjaga kepentingan Kerajaan, BPKP selaku wakil Pegawai Penguasa Projek adalah bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek pembinaan PUSPAHANAS secara keseluruhannya. Kementerian telah menubuhkan satu Tim Nukleus PUSPAHANAS pada bulan Disember 2014 iaitu 6 tahun selepas tarikh masuk tapak dan selepas kontrak tamat bagi memantau dan melaporkan kemajuan projek kepada Jawatankuasa Pemandu yang dikendalikan oleh Bahagian Perancangan Pertahanan, Markas ATM. Semakan Audit mendapati Tim Nukleus ini telah memantau kemajuan projek bermula pada bulan Januari 2015. Pemantauan juga diadakan melalui mesyuarat tapak, mesyuarat teknikal dan Laporan Kemajuan Kerja secara berkala. Sepanjang tahun 2015, sebanyak 4 lawatan kerja yang diketuai oleh KSU Kementerian ke tapak projek telah dilakukan bagi melihat sendiri perkembangan pembangunan PUSPAHANAS.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan Kementerian menubuhkan pasukan pemantau lebih awal menyebabkan projek ini tidak dapat disiapkan mengikut jadual.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 29 September 2015</b></p> <p><i>Bagi tujuan pemantauan tim projek pusat telah diwujudkan pada 1 April 2011 dengan kekuatan seramai 4 orang bertujuan menyelaraskan dan mengkoordinasi keperluan organisasi dan pembangunan PUSPAHANAS selain memantau kemajuan pelaksanaan projek bersama wakil PP. Tim ini melaksanakan tugas secara sekunder kerana pada masa yang sama mempunyai tugas hakiki</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 16.5.4.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>masing-masing.</i></p> <p><i>Bagi memastikan projek ini siap sepenuhnya pada tarikh yang dijanjikan oleh AMSB iaitu 29 Feb 2016, Kementerian telah mengambil langkah-langkah proaktif seperti yang berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Laporan mingguan kemajuan projek dikemukakan kepada KSU;</i></li> <li><i>ii. Lawatan tapak oleh pengurusan tertinggi secara berkala;</i></li> <li><i>iii. Mesyuarat pelan pemulihan telah dipengerusikan oleh KSU pada 12 Ogos 2015; dan</i></li> <li><i>iv. Jawatankuasa Projek Sakit akan bersidang pada 1 Oktober 2015 untuk mempertimbangkan cadangan pemulihan yang dikemukakan oleh AMSB.</i></li> </ul> <p><i>Bagi memantapkan aspek pemantauan, Tim Nukleus telah diwujudkan bagi menggantikan tim sedia ada berkuat kuasa 2 Januari 2015. Tim Nukleus telah diberikan kuasa bertindak di bawah Akta Angkatan Tentera 1972 dan perjawatan yang lebih kukuh iaitu seramai 10 orang di samping bidang tanggungjawab yang lebih luas bagi memastikan projek ini disempurnakan dan dapat beroperasi dengan berkesan.</i></p> <p><i>Pemantauan rapi telah dibuat menerusi lawatan kerja pengurusan tertinggi secara berkala. Lawatan-lawatan tersebut telah diadakan pada 5 November 2014, 26 Februari 2015, 12 Mac 2015, 16 April 2015, 8 Jun 2015, 13 Julai 2015 dan terkini pada 20 Ogos 2015.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Perenggan 17 : Pembinaan Kem Batalion Infantri Tentera Darat, Batu Pahat**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.2.2	<p><b>Perjanjian Kontrak</b></p> <p>Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan setelah SST dikeluarkan. Semakan Audit mendapati SST telah dikeluarkan pada 14 September 2011 dan kontrak telah ditandatangani pada 24 April 2012 iaitu lewat 100 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 20 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kontrak ini memang lewat ditandatangani atas sebab yang tidak dapat dielakkan iaitu Kontraktor hanya dapat memasuki tapak selepas sebulan daripada tarikh pemilikan tapak pada 14 Oktober 2011 kerana terdapat isu setingan pekebun sayur yang menyebabkan beberapa komponen teknikal yang sepatutnya dimasukkan sebagai sebahagian daripada kontrak tidak dapat dikemukakan segera. Kementerian telah mengemukakan peringatan kepada kontraktor pada 4 November 2011 dan 21 Disember 2011 supaya menyegerakan penyerahan draf kontrak. Draft pertama hanya dapat dikemukakan oleh pihak kontraktor pada 27 Februari 2012 untuk ditandatangani. PUU telah menyemak dan mempersetujui draf kontrak tersebut pada 28 Mac 2012 seterusnya ditandatangani pada 24 April 2012. Kementerian telah memohon pengecualian khas bagi menandatangani kontrak melebihi 4 bulan dan telah diluluskan oleh MOF melalui surat bertarikh 8 Oktober 2015.. Bahagian Pembangunan Kementerian telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bahagian Pembangunan Bil. 11/2015 bertarikh 15 Jun 2015 untuk memaklumkan tindakan yang perlu dibuat sekiranya mendapati sesuatu kontrak tidak dapat ditandatangani dalam tempoh 4 bulan. Selain itu, dimasa hadapan, kontrak akan ditandatangani sebaik sahaja Jilid 1 dimuktamadkan dan jilid-jilid seterusnya boleh dilengkapkan kemudian</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.2.2.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<i>sebagaimana dipraktiskan oleh JKR.</i>	
17.5.3.1	<p><b>Pentadbiran Kontrak - Arahan Perubahan Kerja</b></p> <p>1PP PK 2 Lampiran 2.26 menetapkan tiada perubahan kerja sepatutnya dalam kontrak Reka dan Bina. Bagaimanapun 2 keadaan yang membolehkan perubahan kerja yang akan melibatkan Pelarasan Harga Kontrak seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• perubahan kepada kehendak Kerajaan; dan</li> <li>• perubahan kerja reka bentuk yang dibuat atas kesesuaian atau keselamatan kerja.</li> </ul> <p>Perenggan 16.2.8(d) Garis Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya Edisi 3 menetapkan perubahan kerja tidak boleh diarahkan selepas Tarikh Siap Kerja atau selepas Tarikh Siap Kerja dilanjutkan. Perubahan kerja hendaklah dimohon dan diluluskan dalam tempoh kontrak. Semakan Audit mendapati 2 Arahan Perubahan Kerja (APK) dan 1 Pelarasan Harga Kontrak (PHK) bagi kerja landskap telah diluluskan bagi Pakej A yang melibatkan peningkatan kos berjumlah RM1.37 juta (3.4%). Bagaimanapun, APK 2 diluluskan pada 9 Mei 2014 setelah projek selesai.</p> <p>Pada pendapat Audit, permohonan dan kelulusan APK adalah tidak teratur.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 20 Oktober 2015</b></p> <p><i>APK tersebut diperlukan bagi meningkatkan kefungsi, keselamatan dan keperluan untuk memenuhi piawaian pemasangan alat komunikasi yang berkenaan. Bagaimanapun kelewatan kontraktor mengemukakan sebutharga dan penilaian oleh Bahagian Pembangunan mengakibatkan Lembaga Perolehan A Kementerian hanya dapat meluluskan APK ini pada 9 Mei 2014, iaitu selepas kontrak tamat pada 3 April 2014. Bagi tujuan penambahbaikan tatacara pelaksanaan APK, Bahagian Pembangunan Kementerian telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bahagian Pembangunan Bil. 5/2015 bertarikh 17 Februari 2015 (Larangan Penambahan dan Pengubahsuaian Skop Projek Yang Telah Dimuktamadkan Bagi Projek Pembangunan Kementerian Pertahanan). Kementerian juga telah memohon pengecualian berkaitan perkara ini kepada MOF pada 23 September 2015.</i></p>	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.3.1.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.4.1.a	<p><b>Pembinaan Tidak Menepati Spesifikasi Kontrak/Lukisan - Pemasangan Siling</b></p> <p>Dokumen Kontrak Volume 2 - Architectural Works (Part 1) Specification menyatakan “<i>Chipboard for ceilings shall be fixed to the frames with butt V joint using nails or screws as described hereinbefore. Asbestos free cement flat sheet for ceiling shall be 5 mm thick fixed to frames using mitred timber cover batten and brass screw. Ceiling panel shall be set out symmetrically from the centre line of the ceiling</i>”. Semakan Audit terhadap semua bangunan yang dilawati mendapati siling yang dipasang di bahagian luar bangunan telah tercabut, terbuka atau pecah akibat tiupan angin. Keadaan ini disebabkan siling <i>Asbestos free cement flat sheet</i> yang digunakan tidak dilekatkan secara kekal tetapi hanya diletakkan pada rangka siling.</p>	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.4.1.c.
17.5.4.1.b	<p><b>Sump Pit Longkang</b></p> <p>Para 4.8 kontrak <i>volume 3 of 5 Civil and Structure Work</i> menyatakan “<i>all deep sumps, deep drains shall be covered with mild steel grilles to ensure safety of pedestrian or vehicles. All drains other than above at the entrances and exits to building or public area must be properly covered by suitable cover slabs or grills as necessary</i>”. Semakan Audit mendapati hampir kesemua <i>sump pit</i> longkang tidak ditutup dengan jeriji atau jeriji penutup tidak dipasang dengan kemas. Selain itu semakan juga mendapati <i>sump pit</i> untuk membuka dan menutup <i>stop cork handle for fire protection pipe</i> tidak bertutup dan tidak disenggarakan. Keadaan ini menyebabkan <i>sump pit</i> berkenaan dipenuhi dengan kotoran dan air bertakung yang boleh mengakibatkan tuil dan batang paip berkarat.</p>	
17.5.4.1.c	<p><b>Pemasangan UPVC Gutter And Rainwater Downpipe Tidak Dibuat Seperti Di Lukisan Pelan</b></p> <p>Berdasarkan lukisan pelan A8.1 Pentas Tabik Hormat dan Astaka (No. lukisan 0701/A/T/A8.1/KD/01) yang telah dipersetujui dalam kontrak, pemasangan <i>UPVC Gutter And Rainwater Downpipe</i> hendaklah dibuat ke atas keseluruhan pentas tabik hormat dan astaka. Semakan Audit mendapati pemasangan <i>UPVC Gutter And Rainwater Downpipe</i> hanya dibuat pada pentas tabik hormat sahaja.</p> <p>Pada pendapat Audit, kualiti kerja yang tidak memuaskan dan kerja yang tidak mengikut spesifikasi kontrak boleh menyebabkan risiko keselamatan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 25 September 2015</b></p> <p><i>Siling-siling yang tercabut telah dipasang semula dan dipasang skru sepertimana yang telah ditetapkan dalam spesifikasi. Jeriji Sump Pit dan UPVC Gutter And Rainwater Downpipe telah dipasang seperti mana yang telah ditetapkan dalam lukisan kontrak.</i></p>	
<p><b>17.5.4.2</b></p>	<p><b>Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan - Resapan Air Di Siling Dan Dinding Bangunan</b></p> <p>Kerja binaan hendaklah dibuat dengan kemas serta pada tahap piawaian yang boleh diterima serta memenuhi standard kualiti umum bagi menjamin keselamatan pengguna dan bangunan. Bagaimanapun semakan Audit menunjukkan terdapat keretakan/rekahan/resapan air pada longkang, siling dan bangunan yang dibina.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja-kerja pembinaan yang kurang berkualiti dan tidak mematuhi spesifikasi tidak sepatutnya berlaku sekiranya pemantauan rapi terhadap kerja-kerja kontraktor.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 25 September 2015</b></p> <p><i>Resapan air di siling dan dinding bangunan telah dibuat pembaikan. Manakala bagi kecacatan-kecacatan lain tindakan pembaikan secara berterusan sedang diambil oleh kontraktor sehingga tempoh tanggungan kecacatan tamat pada 3 April 2016.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.4.2.</p>
<p><b>17.5.4.3.a</b></p>	<p><b>Penyenggaraan Landskap</b></p> <p>Klausula 5.2.4, <i>contract volume 2 of 5 Architectural Works</i> adalah dirujuk “<i>The Contractor shall cut the grass at least once a month throughout the maintenance period which will keep grass height from exceeding 2 ½” or at any time instructed by the Clients Representatives</i>”. <i>Grass cutting shall be carried out with hand or mechanical tools with sharp and well adjusted blade, so that the turf shall be cleanly cut and no tearing will take place.</i> Semakan Audit mendapati longkang di kawasan menara tangki air tidak dibersihkan dan tumbuhan liar yang telah diracun dibiarkan memenuhi longkang.</p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.4.3.c. Berikut adalah maklumat tambahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Kontraktor telah membersihkan longkang di kawasan menara tangki air.</li> <li>b. Kontraktor telah menambak dan memadatkan tanah di kawasan Pos Pengawal Tengah dan Tempat Simpanan Senjata/Amra dan rumput telah ditanam semula di Platun Semboyan dan Tempat Simpanan Senjata/Amra.</li> <li>c. Kontraktor telah menanam rumput di bahagian bawah traverse di Stor Peluru.</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
17.5.4.3.b	<p>Semakan fizikal Audit di Pos Pengawal Tengah dan Tempat Simpanan Senjata/Amra mendapati berlakunya mendapan tanah di bahagian belakang Pos Pengawal dan di sekeliling bangunan tempat simpanan senjata/amra. Semakan lanjut mendapati mendapan di pos pengawal tengah mengakibatkan pergerakan tanah setinggi 6sm sementara di stor simpanan senjata/amra pula tahap mendapannya adalah antara 20sm hingga 30sm. Selain itu semakan juga mendapati rumput yang ditanam di sekitar Stor Simpanan Senjata/Amra dan Platun Semboyan telah mati dan perlu ditanam semula.</p>	
17.5.4.3.c	<p><i>Traverse</i> dibina di sekeliling tempat simpanan peluru sebagai pemampam apabila berlaku letupan dan bagi memastikan <i>traverse</i> yang dibina tidak terhakis akibat hujan ia ditanam dengan rumput menjalar. Semakan Audit mendapati rumput di bahagian bawah <i>traverse</i> telah diracun. Keadaan ini boleh mengakibatkan hakisan dan merosakkan <i>traverse</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, kontraktor perlu memastikan penyenggaraan persekitaran dilaksana mengikut syarat kontrak atau melantik kontraktor lain bagi pihaknya untuk melaksanakan kerja penyenggaraan persekitaran dalam tempoh tanggungan kecacatan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 25 September 2015</b></p> <p><i>Kontraktor telah menambak dan memadatkan tanah di kawasan yang terbabit, menanam semula rumput serta mengambil tindakan membersihkan longkang di kawasan menara tangki air.</i></p>	
17.5.5.1	<p><b>Kerja Elektrikal Tidak Dilaksanakan Dengan Sempurna - Bilik Genset Dan Suis</b></p> <p>Peraturan 38 (1) dan (3), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 menyatakan “A standard notice displaying the words “DILARANG MASUK” shall be placed outside a place containing electrical equipment where unauthorized interference with the equipment is to be expected and where such interference is dangerous” dan “A standard notice displaying the word “BAHAYA” shall be placed in a conspicuous position near the switchboard”. Bagaimanapun semakan Audit mendapati hampir kesemua pintu bilik Genset dan Bilik Suis tidak dilekatkan dengan notis “DILARANG MASUK” dan “BAHAYA”.</p> <p>Manakala Peraturan 37(d), “Any part of an installation where the switchboard or equipment is installed in any premises shall not be used for storage of any</p>	Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.5.3.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kind</i>". Melalui temubual bersama pegawai quartermaster Kem dan semakan ke atas lukisan pelan bangunan Markas Batalion mendapati ruangan untuk stor penyimpanan perabot tidak disediakan. Ini menyebabkan bilik suis elektrik digunakan sebagai stor penyimpanan perabot yang tidak digunakan.</p>	
<p><b>17.5.5.2</b></p>	<p><b>Lukisan Skematik Tidak Disediakan Dan <i>Fire Alarm Control Panel</i> Tidak Berfungsi</b></p> <p>Peraturan 19 (1)(b), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 menyatakan "<i>the course of a conductor shall be readily traced and a clearly drawn diagram of the connections shall be displayed near the switchboard</i>". Bagaimanapun semakan Audit mendapati hampir kesemua kotak agihan elektrik tidak dilekatkan dengan lukisan litar skematik. Selain itu, semakan Audit juga mendapati Panel Penggera Kawalan Api (<i>Fire Alarm Control Panel</i>) tidak berfungsi semasa lawatan Audit pada 28 Mei 2015 walaupun perkara ini telah dibangkitkan dalam mesyuarat Tempoh Tanggungan Kecacatan Bil. 1 dan Bil. 2 masing-masingnya bertarikh 21 November 2014 dan 10 Februari 2015.</p>	
<p><b>17.5.5.3</b></p>	<p><b>Pemasangan Soket Alur Di luar Bangunan</b></p> <p>Peraturan 16 (1) (a), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 menyatakan "<i>any switch, switchfuse, fuse switch, circuit breaker or isolating link shall be constructed, placed or protected in such a manner as to prevent danger</i>". Semakan Audit mendapati soket alur keluar dipasang di kawasan yang terdedah dengan air serta tidak menggunakan soket jenis kalis air. Keadaan ini boleh mengakibatkan berlakunya litar pintas sekiranya soket tersebut terkena air.</p> <p>Pada pendapat Audit, kerja-kerja eletrik yang tidak mengikut peraturan yang berkuatkuasa boleh menjejaskan keselamatan pengguna.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 20 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kontraktor telah membuat tindakan pembedulan terhadap kelemahan yang dibangkitkan dan melaksanakan penggantian soket alur diluar bangunan. Sementara itu, Bahagian Pembangunan telah mengeluarkan surat arahan kepada pihak Kem supaya tidak menjadikan bilik suis sebagai stor simpanan selaras dengan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994. Pembaikan terhadap Fire Alarm Control Panel telah pun dilaksanakan. Bagaimanapun terdapat kerosakan kepada perkakasan yang ditemui pada 18 September 2015 dan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kontraktor perlu mendapatkan pengesahan daripada pembekal dan perunding kebolehfungsian keseluruhan sistem yang dipasang. Kerja-kerja perkakasan tersebut dijangkakan selesai selewat-lewatnya pada 30 Oktober 2015.</i></p>	
<p><b>17.5.6</b></p>	<p><b>Kamera Litar Tertutup</b></p> <p>Penggunaan Kamera Litar Tertutup (KLT) merupakan salah satu kaedah pemantauan yang dilakukan terus dari Pos Pengawal bertujuan memastikan tiada pencerobohan. Sekiranya berlaku pencerobohan tindakan serta merta dapat dilaksanakan oleh pegawai yang bertugas. Semakan Audit mendapati monitor KLT yang disediakan di Kem telah diletakkan di tempat yang tidak bersesuaian iaitu di pejabat Am Stor Senjata/Amra. Monitor KLT ini hanya boleh dipantau sekiranya ada pegawai di dalam pejabat berkenaan. Selain itu semasa lawatan Audit mendapati KLT yang ditempatkan di stor peluru tidak berfungsi.</p> <p>Pada pendapat Audit, kesesuaian kedudukan monitor KLT yang ditempatkan boleh menyebabkan tindakan tidak dapat diambil dengan segera sekiranya berlaku kecemasan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 20 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pemasangan monitor KLT adalah seperti yang telah direkabentuk oleh pihak konsultan pada peringkat awal. Monitor bersaiz 32" telah dipasang pada dinding bilik Stor Amra untuk memudahkan pemantauan pegawai. Kedudukan baru monitor ini telah dipersetujui bersama oleh pihak Kem, Sel Pemantauan Projek Infrastruktur dan Senggaraan Tentera Darat, Markas Tentera Darat (SPPISTD-MkTD), wakil Penguasa Projek dan Kontraktor pada 21 September 2015. Kerja-kerja pemasangan Monitor KLT telah siap pada 1 Oktober 2015. Selain itu, Suis KLT di Stor Peluru telah dibaiki serta dibuka semula "Switch On" untuk pengoperasian pada 22 September 2015.</i></p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.6.</p>
<p><b>17.5.7.1</b></p>	<p><b>Tanah - Pewartaan Tanah Sebagai Kawasan Larangan</b></p> <p>Pembangunan Kem Tentera perlu diwartakan melalui Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 di bawah Perintah Kawasan Larangan 1994. Setiap tanah yang hendak diwartakan, maklumat serta peta berkaitan perlu dihantar kepada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk disahkan jarak dan <i>bearing</i>. Seterusnya dihantar kepada pegawai keselamatan di Jabatan Perdana Menteri untuk diluluskan pewartaan oleh Menteri di</p>	<p>Maklum balas adalah kekal seperti di perenggan 17.5.7.2.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Kementerian Dalam Negeri. Unit Tanah, Bahagian Pembangunan Kementerian telah mengeluarkan permohonan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kawasan yang perlu diwartakan melalui surat bertarikh 16 Januari 2013. Bagaimanapun semakan Audit mendapati sehingga Jun 2015 Unit Tanah belum mengemukakan senarai kepada JUPEM untuk tujuan tersebut. Memandangkan sebahagian tanah di Lot 13441, telah dibangunkan menjadi Kem Tentera, ia perlu diwartakan sebagai kawasan larangan dan tempat larangan.</p>	
<p><b>17.5.7.2</b></p>	<p><b>Status Penyewaan Tanah Milik Kementerian</b></p> <p>Tapak tanah Lot PTD 13441 HS(D) 12094, Mukim Simpang Kanan, Batu Pahat merupakan tanah Kerajaan Negeri yang telah dirizabkan untuk tujuan Persekutuan (Kementerian Pertahanan Malaysia). Sebelum dibangunkan sebagai tapak Kem Batalion Infantri, ianya telah disewakan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) kepada pengusaha kebun sayur melalui perjanjian no. siri 02276 yang telah ditandatangani bagi tempoh 3 tahun mulai 1 Jun 2006 hingga 31 Mei 2009 dengan kadar RM3,937.50 sebulan. Bagaimanapun perjanjian ini telah dibatalkan pada tahun 2008 kerana kawasan tersebut akan dibangunkan Kem Batalion Infantri. Semakan Audit pada 25 hingga 29 Mei 2015 mendapati aktiviti penanaman sayur berlaku di dalam kawasan tanah milik Kementerian yang masih belum dibangunkan. Pihak Audit telah merujuk perkara ini kepada Unit Tanah, Bahagian Pembangunan, Kementerian dan maklumbalas yang diterima mendapati pihak Unit Tanah mengaku tentang kewujudan aktiviti penanaman sayur tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan Kementerian mewartakan kawasan Kem Tentera sebagai kawasan larangan boleh mendedahkan kawasan berkenaan kepada isu-isu keselamatan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 20 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kementerian menyedari bahawa semua kawasan Kem perlu diwartakan sebagai Kawasan Larangan. Namun begitu, proses pewartaan sesebuah kem adalah tertakluk kepada permohonan daripada Markas. Bagi tujuan pewartaan, jurukur berlesen perlu dilantik bagi menyediakan pre-comp plan. Markas TD telah diminta mengemukakan pelan pewartaan yang disediakan oleh jurukur berlesen bagi membolehkan proses pewartaan Kawasan Larangan diteruskan melalui surat bertarikh 28 Ogos 2015. Bagi mengelakkan tanah diceroboh secara haram, Kementerian mencadangkan sewaan tanah secara rasmi</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>diteruskan bagi memudahkan kawalan dibuat dan dapat menambahkan hasil kerajaan memandangkan Peruntukan tidak mencukupi untuk memagarkan keseluruhan tanah Kementerian. Permohonan penyewaan bagi tanaman kontan telah dikemukakan oleh 3 pekebun sayur dan sedang diproses untuk diangkat dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Tanah Bil. 4/15 yang dijadualkan pada 1 Disember 2015.</i></p>	
<p><b>17.5.8.1</b></p>	<p><b>Pemantauan - Mesyuarat Tapak</b></p> <p>Mesyuarat tapak bertujuan memantau kemajuan kerja, mengenal pasti masalah pelaksanaan projek dan membuat keputusan penyelesaiannya. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh pembinaan sebanyak 27 siri mesyuarat tapak telah diadakan. Selain itu, lawatan pemantauan oleh Setiausaha Bahagian Pembangunan dan KPSU Unit Darat Bahagian Pembangunan juga telah dilaksanakan bagi memastikan pembinaan telah dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan.</p>	<p> KERJA pembinaan yang tidak memuaskan ini sedang diambil tindakan oleh pihak kontraktor di dalam tempoh DLP iaitu sehingga 4 April 2016. Bahagian Pembangunan juga sentiasa memantau status pembaikan dari masa ke semasa prestasi pihak kontraktor semasa Mesyuarat DLP, lawatan-lawatan daripada Dato' Seri Panglima Medan Barat, mantan Dato' Sri KSU, Dato' TKSU (Pembangunan), mantan SUB Bahagian Pembangunan, mantan TSUB(K) Pembangunan, lawatan daripada Pasukan Audit Negara dan pemeriksaan wakil Bahagian Pembangunan bagi memastikan setiap laporan audit dilaksanakan dengan segera. Segala kerosakan/kecacatan yang dilaporkan oleh pihak pengguna akan dipastikan diperbaiki keseluruhannya sebelum CMGD dikeluarkan.</p>
<p><b>17.5.8.2</b></p>	<p><b>Laporan Kemajuan Kerja</b></p> <p>Sepanjang tempoh pembinaan sebanyak 27 Laporan Kemajuan Kerja telah dikeluarkan yang mana mengandungi maklumat berkaitan isu kontrak, isu berbangkit, sumber manusia dan jentera, pengesahan penguatkuasa tempatan, <i>non-compliance report</i> dan gambar-gambar kemajuan kerja di tapak.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan projek ini adalah kurang memuaskan kerana walaupun mekanisme pemantauan seperti mesyuarat tapak dan laporan kemajuan kerja dilaksanakan, namun masih berlaku kelemahan antaranya kerja elektrik yang tidak sempurna dan kerja pembinaan yang tidak memuaskan.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**Jabatan Penjara Malaysia**

**Perenggan 18 : Pengurusan Kuarters**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>18.5.1.1.a</b>	<p><b>Prestasi Pengurusan Kuarters - Kedudukan Keseluruhan Kuarters</b></p> <p>Setakat 31 Disember 2014, Jabatan mempunyai 43 Institusi Penjara yang telah disediakan kuarters jabatan. Jumlah keseluruhan kuarters yang dimiliki oleh Jabatan adalah sebanyak 8,662 unit di mana kuarters yang boleh diduduki adalah sebanyak 7,744 unit (89.4%) dan sebanyak 918 unit kuarters yang tidak boleh diduduki kerana rosak. Daripada jumlah kuarters yang boleh diduduki tersebut, sebanyak 6,938 unit (89.6%) telah diduduki manakala sebanyak 806 unit tidak diduduki.</p>	
<b>18.5.1.1.b</b>	<p>Analisis Audit mendapati Kompleks Penjara Kajang mempunyai bilangan kuarters paling banyak iaitu sebanyak 902 unit, manakala Pusat Koreksional Labuan pula mempunyai bilangan kuarters yang paling sedikit iaitu sebanyak 11 unit. Peratusan kuarters yang diduduki paling tinggi adalah di Maktab Penjara Malaysia; Penjara Wanita Kota Kinabalu/Parol &amp; Perkhidmatan Komuniti Negeri Sabah; Pusat Koreksional Perlis; Pusat Koreksional Dungun, Terengganu; Pusat Koreksional Labuan; Pusat Pemulihan Akhlak Machang dan Sekolah Henry Gurney Keningau iaitu 100% manakala paling rendah iaitu 31.0% di Muzium Penjara Malaysia - Penjara Bandar Hilir Melaka. Analisis Audit selanjutnya mendapati peratusan kuarters yang baik tetapi tidak diduduki paling tinggi adalah di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka iaitu 44.0% dan paling rendah iaitu 0.2% di Penjara Kluang, Johor. Selain itu, peratusan kuarters yang tidak diduduki dalam keadaan rosak paling tinggi adalah di Muzium Penjara Malaysia - Penjara Bandar Hilir Melaka iaitu 44.8% dan paling rendah iaitu 0.7% di Penjara Sungai Udang, Melaka.</p>	
<b>18.5.1.1.c</b>	<p>Analisis berdasarkan sampel Audit mendapati sebanyak 16 unit kuarters di Kompleks Penjara Kajang, 24 unit di Penjara Reman Pulau Pinang, 47 unit di Penjara Puncak Borneo dan 10 unit di Penjara Bentong adalah kuarters yang baik tetapi tidak diduduki. Bagi kuarters yang tidak diduduki kerana rosak di</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>institusi penjara tersebut masing-masingnya sebanyak 70 unit, 8 unit, 27 unit dan 6 unit tidak diduduki kerana rosak. Antara sebab kuarters yang baik tetapi tidak diduduki adalah kerana pegawai telah membeli rumah sendiri atau menduduki kuarters pasangan. Manakala antara sebab kuarters yang rosak dan tidak dapat diduduki adalah kerana tiada penyenggaraan berjadual, kerosakan sistem pembentungan, pendawaian elektrik dan kerosakan dalaman kuarters.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengisian terhadap kuarters yang disediakan oleh Jabatan secara keseluruhannya telah diuruskan dengan baik. Ini kerana sebanyak 6,938 (89.6%) unit kuarters telah diduduki jika dibandingkan dengan jumlah kuarters yang boleh diduduki iaitu sebanyak 7,744 unit.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 7 September 2015</b></p> <p><i>Setakat 7 Ogos 2015, sebanyak 500 unit kuarters yang baik tidak diduduki dan 655 unit kuarters tidak diduduki dalam keadaan rosak. Pemantauan terhadap status pengisian kuarters telah dibuat oleh IPPM dan sebab kuarters tidak diisi sepenuhnya adalah kerana anggota telah menetap di rumah sendiri, menetap di rumah keluarga dan menetap di kuarters pasangan. Bagaimanapun, ianya tertakluk kepada Akta Penjara 1995 dan Peraturan-peraturan Penjara 2000. Oleh itu, mana-mana pegawai penjara yang tinggal di luar dan dibayar ITP dan BSH telah mendapat kebenaran/kelulusan daripada Jawatankuasa Perumahan yang dipengerusikan oleh Ketua Institusi.</i></p> <p><i>Muzium Penjara Malaysia - Penjara Bandar Hilir Melaka dan Penjara Puncak Borneo telah disediakan kuarters melebihi daripada perjawatan yang diluluskan adalah disebabkan oleh:</i></p> <p><i>i. Muzium Penjara Malaysia sebelum ini adalah merupakan Penjara Bandar Hilir Melaka yang mana sebelum ini jumlah perjawatan adalah sebanyak 124 uniform, 9 kakitangan awam dan jumlah keseluruhan 133 pegawai pada tahun 2010. Namun setelah ditukar status menjadi muzium, organisasi dan perjawatan Penjara Bandar Hilir Melaka telah distruktur semula. Pegawai/kakitangan yang selebihnya telah dipindahkan ke Penjara Sungai Udang dan ke institusi yang memerlukan pegawai/kakitangan dan keperluan perjawatan di muzium adalah sebanyak 23 perjawatan sahaja.</i></p>	<p>Maklum balas kekal seperti di perenggan 18.5.1.1.c</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>ii. Bagi Penjara Puncak Borneo jumlah penjawatan adalah sebanyak 193 uniform, 33 kakitangan awam dan jumlah keseluruhan 226 pegawai. Jumlah rumah kuarters yang telah dibina adalah sebanyak 220 buah.</i></p>	
<p><b>18.5.1.3.a</b></p>	<p><b>Keluasan Kuarters</b></p> <p>Bahagian D4 (Kuarters) Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan pada tahun 2005 oleh Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara Jabatan Perdana Menteri telah menetapkan kelas kuarters Kerajaan iaitu Kelas A, B, C, D, E, F, G dan H dengan keluasannya adalah 415; 345; 265; 200; 140; 120; 110 dan 93 meter persegi masing-masing.</p>	
<p><b>18.5.1.3.b</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap kuarters Kelas G hingga C di 17 lokasi mendapati keluasannya adalah di antara 67.2 hingga 248.8 meter persegi. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi kuarters Kelas G yang berusia melebihi 20 tahun mempunyai 2 bilik sahaja dengan keluasan adalah di bawah keluasan yang sepatutnya disebabkan kuarters tersebut telah dibina sebelum garis panduan dikeluarkan.</p>	
<p><b>18.5.1.3.c</b></p>	<p>Bagi memastikan keluasan kuarters menepati garis panduan/peraturan yang ditetapkan, pihak Jabatan telah mengubah suai kuarters di Penjara Reman Pulau Pinang. Ini melibatkan penambahan dan pindaan pada bahagian dalaman rumah di Blok Cempaka Penjara Reman Pulau Pinang. Pengubahsuaian ini melibatkan jumlah asal sebanyak 24 kepada 12 unit kuarters. Keluasan asal seunit kuarters ini adalah 67.2 meter persegi dan telah diperluaskan kepada 134.4 meter persegi. Antara pengubahsuaian yang dilakukan adalah penyediaan 3 bilik tidur, 2 bilik air dan pemasangan perabot pasang siap di ruang dapur dan ruang tamu dengan peruntukan berjumlah RM2 juta.</p> <p>Pada pendapat Audit, bagi perancangan kuarters di masa hadapan, Jabatan perlu memastikan keluasan kuarters hendaklah menepati garis panduan/peraturan yang ditetapkan bagi menjamin keselesaan penghuni kuarters.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 7 September 2015</b></p> <p><i>Jabatan akan mengambil maklum garis panduan dan peraturan bagi perancangan bangunan yang dikeluarkan pada tahun 2005 oleh Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara, Jabatan Perdana Menteri bagi perancangan kuarters di masa akan datang.</i></p> <p><i>Bagi status kelas kuarters yang telah diubah suai di kuarters Penjara Reman Pulau Pinang adalah dikekalkan iaitu Kelas G. Walaupun saiz keluasan kuarters telah bertambah, pengekalan Kelas G adalah diteruskan bagi membolehkan penghuni asal iaitu warga anggota di Kelas G dapat terus mendiami kuarters tersebut. Ini dapat membantu anggota dengan kos sewa rumah dan memastikan operasi penjara berjalan lancar. Projek pengubahsuaian ini telah diserahkan kepada Jabatan Penjara Malaysia oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia pada 2 September 2015.</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 18.5.1.3.c
18.5.1.4.a	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995 menetapkan jabatan/agensi hendaklah melaksanakan sistem penyenggaraan terancang dan menyeluruh terhadap aset Kerajaan yang terbahagi kepada penyenggaraan pemuliharaan dan penyenggaraan pencegahan. Penyenggaraan tersebut hendaklah memberikan perhatian kepada 4 aspek penting iaitu struktur, mekanikal, elektrik dan persekitaran supaya ianya sentiasa dalam keadaan mudah digunakan, tahan lasak dan tidak mudah rosak.</p>	
18.5.1.4.b	<p>Semakan Audit mendapati peruntukan penyenggaraan kuarters hanya diluluskan berdasarkan permohonan bagi penyenggaraan pemuliharaan oleh pihak Institusi Penjara. Bagi tahun 2012 dan 2013 tiada peruntukan khusus bagi penyenggaraan pencegahan dan pemuliharaan kuarters. Dengan ini, pihak pengurusan kuarters tidak dapat melaksanakan penyenggaraan pencegahan dan pemuliharaan bagi tahun tersebut. Bagaimanapun, pada tahun 2014 Jabatan telah menerima Waran Peruntukan di bawah Dasar Baru Aktiviti 101400 – Penyenggaraan Penjara Bagi Tujuan Penyenggaraan Dan Pembaikan Bangunan Serta Kemudahan Jabatan berjumlah RM16 juta. Manakala semakan selanjutnya terhadap perbelanjaan tersebut mendapati sebanyak 4 Institusi Penjara telah membuat penyenggaraan di bawah OS28000 yang berjumlah RM226,416; sebanyak 17 Institusi Penjara telah membuat penyenggaraan di bawah OS32000 berjumlah RM7 juta dan sebanyak 3 Institusi Penjara telah membuat penyenggaraan di bawah OS33000 berjumlah</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	RM792,800.	
18.5.1.4.c	<p>Semakan Audit di IPPM mendapati rekod penyenggaraan kuarters tidak diselenggarakan untuk 4 Institusi Penjara yang dilawati bagi tahun 2012 dan 2013 kecuali bagi tahun 2014. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tahun 2013 terdapat 4 penyenggaraan kuarters telah dilaksanakan di Penjara Reman Pulau Pinang berjumlah RM26,960 manakala satu penyenggaraan kuarters telah dilaksanakan di Penjara Bentong berjumlah RM59,235. Semakan Audit terhadap rekod penyenggaraan di 4 institusi penjara bagi tahun 2014 mendapati sejumlah RM3.99 juta telah dibelanjakan bagi penyenggaraan kuarters di bawah OS28000, OS32000 dan OS33000. Jumlah penyenggaraan bagi Kompleks Penjara Kajang adalah sejumlah RM3.66 juta; Penjara Reman Pulau Pinang adalah sejumlah RM135,300 dan Penjara Puncak Borneo adalah sejumlah RM200,000.</p> <p>Pada pendapat Audit, perbelanjaan sebenar bagi penyenggaraan dan pembaikan kuarters adalah rendah iaitu berjumlah RM8.02 juta (50.1%) berbanding keseluruhan peruntukan di bawah OS28000, OS32000 dan OS33000 bagi tahun 2014 menyebabkan sebanyak 918 unit kuarters masih berstatus rosak.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 2 Julai 2015</b></p> <p><i>Rekod maklumat penyenggaraan Penjara Reman Pulau Pinang berjumlah RM26,960 dan satu penyenggaraan kuarters di Penjara Bentong berjumlah RM59,235 ada diselenggarakan di peringkat institusi sedangkan maklumat penyenggaraan tersebut tidak diselenggarakan di peringkat IPPM adalah disebabkan perkara seperti berikut:</i></p> <p><i>i. Jabatan tidak disediakan peruntukan secara khusus untuk tujuan penyenggaraan kuarters secara berkala. Penyenggaraan kuarters hanya dibuat menggunakan peruntukan sedia ada tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi. Sehubungan itu, tiada rekod penyenggaraan di peringkat IPPM bagi penyenggaraan kuarters yang dibuat di peringkat Institusi Penjara pada tahun 2012 dan 2013 kerana perbelanjaan tersebut dibuat menggunakan peruntukan sedia ada di Institusi Penjara masing-masing.</i></p> <p><i>ii. Bagaimanapun, pada tahun 2014, Jabatan telah menerima peruntukan</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 18.5.1.4.c

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>sejumlah RM16 juta di bawah Dasar Baru (Mengurus) untuk tujuan penyenggaraan penjara dan sejumlah daripada peruntukan tersebut telah digunakan untuk tujuan penyenggaraan kuarters. Agihan peruntukan Dasar Baru tersebut direkodkan dan pemantauan dibuat di peringkat IPPM.</i></p>	
<p><b>18.5.2.1</b></p>	<p><b>Sijil Akuan Masuk Dan Keluar Rumah</b></p> <p>Perintah-Perintah Am Bab E menyatakan seorang pegawai yang telah diperuntukkan sebuah rumah Kerajaan oleh Pegawai Perumahan hendaklah menandatangani satu Sijil Akuan Masuk Rumah (SAMR) mengambil alih tanggungjawab atas segala barang, perkakas dan perabot dalam rumah tersebut. Manakala, seseorang pegawai yang akan berpindah dari rumah kerajaan hendaklah menyerahkan semua kunci rumah dan menandatangani satu Sijil Akuan Keluar Rumah (SAKR). Semakan Audit terhadap kesemua 80 sampel yang diperoleh bagi penghuni baru yang menduduki kuarters dan penghuni yang menukar kuarters yang diduduki ke kuarters lain mendapati hanya sebanyak 21 (26.2%) SAMR telah disediakan. Manakala semakan terhadap kesemua 76 sampel yang diperoleh bagi permohonan menukar kuarters yang diduduki ke kuarters lain, bertukar tempat bertugas serta permohonan keluar kuarters kerana menduduki rumah sendiri/pasangan dan bersara mendapati sebanyak 21 (27.6%) SAKR telah disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pematuhan terhadap Perintah-Perintah Am Bab E adalah kurang memuaskan kerana arahan tersebut tidak dipatuhi sepenuhnya di mana SAMR yang tidak disediakan adalah sebanyak 59 (73.8%) dan SAKR pula adalah sebanyak 58 (73.4%).</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 7 September 2015</b></p> <p><i>Semua institusi sedang dalam tindakan mengemaskini dokumen SAMR dan SAKR tersebut seperti berikut:</i></p> <p><u>Kompleks Penjara Kajang</u>  <i>Sebanyak 16 SAMR yang tidak dikemukakan adalah disebabkan anggota dan pegawai hanya bertukar rumah dalam kawasan kuarters Kompleks Penjara Kajang sahaja. Sebanyak 22 SAKR yang tidak dapat dikemukakan adalah disebabkan anggota dan pegawai yang telah berpencen dan juga berpindah ke institusi lain. Pihak pengurusan telah mengingatkan anggota dan pegawai</i></p>	<p>Maklum balas kekal seperti di perenggan 18.5.2.1</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>tersebut untuk menyerahkan kunci kuarters, membuat pemotongan bil elektrik dan air serta melengkapkan SAKR, tetapi anggota dan pegawai tersebut gagal berbuat demikian.</i></p> <p><u>Penjara Reman Pulau Pinang</u>  <i>Penggunaan borang akuan masuk kuarters yang ditetapkan sejak dari dahulu dengan menggunakan borang dari pihak perumahan namun tidak mengikut seperti yang ditetapkan dalam Perintah-Perintah Am Bab E. Bagaimanapun, setelah teguran audit, Setiausaha Perumahan telah menggunakan akuan masuk/keluar kuarters seperti yang ditetapkan mengikut Perintah-Perintah Am Bab E.</i></p> <p><u>Penjara Puncak Borneo</u>  <i>Pihak pengurusan kuarters telah mengambil tindakan mengemaskinikan dokumen pada 2 September 2015.</i></p> <p><u>Penjara Bentong</u>  <i>Maklumat SAMR dan SAKR yang diambil adalah daripada pengurusan kuarters institusi pada tahun 2012. Pengurusan kuarters sedia ada mula aktif pada tahun 2014 dan semua dokumentasi perumahan kakitangan mula difailkan sejak tahun berkenaan. Pihak pengurusan kuarters sedia ada tidak mempunyai sebarang maklumat berkaitan SAMR dan SAKR kerana semua dokumen ini tidak diserahkan oleh pihak pengurusan kuarters terdahulu yang menguruskan urusan kuarters sejak institusi beroperasi pada tahun 2008. Penjara Bentong sedang dalam tindakan untuk mengemaskini maklumat tersebut. Bagaimanapun, penyimpanan dokumentasi perumahan sejak tahun 2014 hingga hari ini diselenggara dengan baik.</i></p>	
18.5.2.2.a	<p><b>Penyenggaraan Kuarters - Penyenggaraan Berdasarkan Aduan Kerosakan</b></p> <p>Pihak Audit mendapati kerja penyenggaraan pemulihan dilaksanakan berdasarkan kepada aduan kerosakan yang diterima serta pemeriksaan kerosakan dari semasa ke semasa oleh pegawai perumahan. Semakan Audit terhadap rekod aduan kerosakan mendapati sebanyak 338 aduan telah diterima bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014. Daripada aduan tersebut sebanyak 273 (80.8%) bilangan aduan telah diambil tindakan dan sebanyak 65 aduan masih belum diambil tindakan. Pemeriksaan Audit terhadap 21 (7.7%) daripada 273 bilangan aduan yang telah diambil tindakan adalah didapati semua aduan kerosakan tersebut telah diambil tindakan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, segala aduan kerosakan oleh penghuni kuarters perlu diambil tindakan segera oleh pihak pengurusan kuarters bagi menjamin penyelesaian dan keselamatan penghuni.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 7 September 2015</b></p> <p><i>Pihak institusi telah mengambil tindakan dengan membaiki kerosakan dengan peruntukan di bawah kontrak kerja pembaikan kecil kuarters pada tahun 2014. Pihak institusi akan mengambil kira sebarang aduan dalam kadar yang segera dan bergantung kepada peruntukan semasa.</i></p> <p><u>Kompleks Penjara Kajang</u>  <i>Daripada 48 aduan kerosakan, sebanyak 26 aduan kerosakan telah selesai dibuat penyenggaraan. Manakala, sebanyak 22 aduan kerosakan masih belum selesai kerana masih menunggu peruntukan penyenggaraan.</i></p> <p><u>Penjara Reman Pulau Pinang</u>  <i>Pembaikan tidak dapat dijalankan secara keseluruhan kerana ia bergantung kepada peruntukan yang diberikan oleh pihak IPPM. Aduan kerosakan tersebut melibatkan penyenggaraan major dan memerlukan peruntukan yang tinggi.</i></p> <p><u>Penjara Puncak Borneo</u>  <i>Pihak pengurusan kuarters mengambil maklum bagi penemuan audit tersebut dan tindakan telah diambil di mana sebahagian daripada aduan kerosakan penghuni yang telah diperbaiki dengan menggunakan peruntukan di bawah kontrak kerja pembaikan kecil kuarters pada tahun 2014. Pihak pengurusan kuarters akan mengambil kira sebarang aduan dalam kadar yang segera dan ianya bergantung kepada peruntukan semasa.</i></p>	<p>Maklum balas kekal seperti di perenggan 18.5.2.2.a</p>
18.5.2.2.b	<p><b>Kedaaan Kuarters Yang Rosak</b></p> <p>Pemeriksaan Audit terhadap 20 unit kuarters yang rosak dan tidak boleh diduduki mendapati kuarters tersebut mengalami kerosakan yang teruk seperti kerosakan dalaman kuarters, sistem pembentungan, pendawaian elektrik dan sistem perpaipan.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kuarters yang telah rosak adalah tidak boleh diduduki sehingga ianya dibuat penyenggaraan pemuliharaan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 7 September 2015</b></p> <p><u>Kompleks Penjara Kajang</u> Penyenggaraan bermula bulan Julai 2015 dengan menggunakan peruntukan One-Off tahun 2015.</p> <p><u>Penjara Reman Pulau Pinang</u> Penyenggaraan telah dilaksanakan.</p> <p><u>Penjara Bentong</u> Penyenggaraan bermula 25 Mei 2015 dengan menggunakan peruntukan National Blue Ocean Strategy (NBOS) tahun 2015. Tempoh projek adalah 12 minggu dan dipantau oleh Jabatan Kerja Raya Bentong.</p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 18.5.2.2.b
18.5.2.3	<p><b>Kemudahan Yang Disediakan Di Kawasan Kuarters</b></p> <p>Lawatan Audit ke 4 Institusi Penjara mendapati 36 kemudahan telah disediakan. Daripada kemudahan yang disediakan, didapati sebanyak 25 dalam keadaan baik, 5 mengalami kerosakan, 2 ditutup sementara kerana kerja pengubahsuaian blok kuarters dan 4 telah ditutup operasinya.</p> <p>Pada pendapat Audit, kemudahan yang disediakan kepada penghuni kuarters adalah memuaskan kerana keperluan yang disediakan bersesuaian dengan Institusi Penjara masing-masing. Bagaimanapun, pihak pengurusan kuarters perlu memastikan kemudahan yang disediakan sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat untuk kegunaan penghuni kuarters.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 2 Julai 2015</b></p> <p><u>Kompleks Penjara Kajang</u> Projek One-Off 2015 telah meluluskan permohonan taman permainan kanak-kanak di Taman Wirajaya dan taman permainan kanak-kanak Kuarters Lama Blok G bagi menggantikan taman permainan kanak-kanak Kuarters Lama Blok C.</p> <p><u>Penjara Puncak Borneo</u> Pihak pengurusan kuarters ini mengambil maklum kerosakan kecil pada surau. Tindakan institusi ini telah membuka sebut harga pada 31 Mac 2015</p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 18.5.2.3

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dan Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 4 Mei 2015. Bagaimanapun, ianya masih menunggu kelulusan peruntukan dari KDN. Pihak pengurusan kuarters ini juga mengambil maklum kerosakan kecil di taman permainan kanak-kanak di Blok 6A. Tindakan awal telah mengetengahkan isu ini di dalam mesyuarat Ahli Jawantankuasa Perumahan Kompleks Penjara Puncak Borneo Kuching Bil. 2/2015 bertarikh 10 Mac 2015 perkara 5.7 di mana arahan untuk mendapatkan sebut harga pembaikan untuk dimajukan ke IPPM.</p>	
<p><b>18.5.2.4.a</b></p>	<p><b>Pengubahsuaian Kuarters</b></p> <p>Satu unit kuarters telah dibuat pengubahsuaian yang melibatkan penambahan dan pindaan kepada bahagian luar rumah di Blok C Kuarters Lama Kompleks Penjara Kajang. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pengubahsuaian tersebut telah mendapat kelulusan pihak yang berkenaan kerana pihak pengurusan kuarters tidak dapat mengemukakan maklumat kelulusan pengubahsuaian berkenaan.</p>	
<p><b>18.5.2.4.b</b></p>	<p>Lawatan Audit mendapati 3 Institusi Penjara telah menukar fungsi penggunaan kuarters mengikut keperluan dan kesesuaian semasa yang melibatkan 21 unit kuarters. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan kelulusan bagi 19 daripada 21 unit kuarters tersebut kerana maklumat mengenai kelulusan penggunaannya tidak dapat dikemukakan. Manakala, di Penjara Bentong, penukaran fungsi bagi 2 unit kuarters telah mendapat kelulusan daripada Pengarah Penjara Bentong.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengubahsuaian melibatkan tambahan dan pindaan serta penukaran fungsi penggunaan kuarters adalah kurang memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 7 September 2015</b></p> <p><u>Kompleks Penjara Kajang</u>  <i>Pengubahsuaian telah dilakukan pada tahun 1986 dan telah dijadikan TASKA Penjara Kajang. Setelah TASKA dipindahkan, unit kuarters tersebut telah dijadikan stor Kelab Sukan Penjara Kajang sehingga kini. Pihak pengurusan Penjara Kajang telah menjemput wakil dari JKR Ulu Langat pada 4 Ogos 2015 bagi pengesahan kelulusan penambahan tersebut dan sehingga kini kelulusan masih belum diperoleh.</i></p>	<p>Maklum balas kekal seperti di perenggan 18.5.2.4.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>Penjara Reman Pulau Pinang</u> Kuarters di Penjara Reman Pulau Pinang sudah lama dijadikan rumah rehat/tumpangan. Surat kebenaran serta tarikh yang tepat untuk memastikan kewujudan kemudahan tersebut adalah sukar untuk diperolehi. Bagaimanapun, pihak Penjara Reman Pulau Pinang telah mengeluarkan surat pengesahan yang baru untuk menyatakan kewujudan kemudahan tersebut.</p> <p><u>Penjara Puncak Borneo</u> Penjara Puncak Borneo telah mendapat kelulusan menggunakan kuarters sebagai Pusat Latihan Penjara Negeri Sarawak pada 23 Mei 2014. Pada 12 Ogos 2015, Penjara Puncak Borneo juga telah mendapat kelulusan menggunakan kuarters sebagai TADIKA, TASKA, Rumah Kelab, KOPEN, PERSIAP dan Pejabat Unit Pembangunan.</p>	
18.5.3	<p><b>Penilaian Kepuasan Penghuni Kwarters</b></p> <p>Bagi menilai tahap kepuasan penghuni terhadap pengurusan kuarters, sebanyak 200 borang soal selidik telah diedarkan di 4 Institusi Penjara yang dilawati dan sebanyak 123 (61.5%) borang soal selidik telah dikembalikan. Aspek kepuasan yang dinilai adalah kemudahan/perkhidmatan yang disediakan, pentadbiran kuarters, kebersihan dan keselamatan. Hasil analisis menunjukkan sebanyak 62 (50.4%) berpuas hati dengan kemudahan/perkhidmatan seperti TASKA/TABIKA/TADIKA dan taman permainan kanak-kanak yang disediakan, sebanyak 77 (62.6%) tidak berpuas hati dengan pentadbiran kuarters seperti proses permohonan kuarters dan pemotongan/pembayaran ITP dan BSH, sebanyak 78 (63.4%) tidak berpuas hati dengan tahap kebersihan kuarters dan sebanyak 92 (74.8%) tidak berpuas hati dengan keselamatan seperti kawalan dan tahap keselamatan.</p> <p>Pada pendapat Audit, tahap kepuasan penghuni kuarters secara keseluruhannya masih boleh dipertingkatkan kerana analisis soal selidik yang dikemukakan oleh responden menunjukkan responden masih tidak berpuas hati terhadap beberapa aspek yang dinilai.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**Agensi Antidadah Kebangsaan**

**Perenggan 19 : Pengurusan Kuarters**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>19.5.1.1.a</b>	<p><b>Prestasi Pengurusan Kuarters - Pengisian Kuarters</b></p> <p>Sehingga bulan Disember 2014, bilangan unit kuarters AADK bagi semua kawasan perumahan di bawah pentadbirannya adalah sebanyak 805 unit kuarters. Daripada 805 unit kuarters, sebanyak 474 (58.9%) unit telah diisi, manakala sebanyak 206 (25.6%) unit didapati tidak sesuai diduduki kerana telah rosak.</p>	<p>Mengikut perkiraan yang dibuat, sebanyak 84.5% kuarters yang sama ada telah diduduki atau yang telah rosak. Seperti yang telah dimaklumkan, CCRC Benta mempunyai lebih kapasiti memandangkan kuarters tersebut diterima daripada PGA dan bukanlah mengikut keperluan AADK yang sebenar. Oleh yang demikian, sebanyak 91 unit (11.3 %) kuarters di CCRC Benta merupakan lebih kapasiti yang tidak diperlukan oleh AADK. Dengan mengambil kira perkara ini, didapati bahawa kadar pengisian kuarters dan juga mengambil kira lebih kapasiti di CCRC Benta, jumlah sebenar adalah 95.7 %. Kekosongan sebanyak 4.3 % adalah kekosongan biasa dan akan diisi sekiranya terdapat permintaan untuk menduduki kuarters.</p> <p>Bagi Klinik C&amp;C 1M Tampin, AADK telah mengemukakan kembali permohonan kepada Pengarah Jabatan Sumber Strategik dan Teknologi, Polis Diraja Malaysia yang baharu pada 2 November 2015 dan menunggu maklum balas selanjutnya.</p> <p>Bagi CCRC Muar pula, keputusan bagi permohonan RP1 hanya akan diketahui selepas Pembentangan Bajet Tahun 2016 yang telahpun diadakan pada 23 Oktober 2015.</p>
<b>19.5.1.1.b</b>	<p>Analisis Audit terhadap data kuarters daripada C&amp;C1M/CCRC/CCVC yang dilawati mendapati 226 (45.2%) daripada 500 unit kuarters telah diisi manakala sebanyak 31 (6.2%) adalah kosong dan boleh diduduki. Beberapa faktor yang menyebabkan kuarters kurang mendapat permintaan adalah kuarters mengalami kerosakan; keluasan tidak sesuai bagi kakitangan yang mempunyai ahli keluarga yang ramai; kadar sewa rumah di sekitar kuarters lebih rendah; faktor keselamatan kerana lokasi kuarters berhampiran dengan pelatib serta keadaan kuarters yang usang dan tidak sesuai untuk didiami.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengisian kuarters di C&amp;C1M/CCRC/CCVC AADK yang dilawati adalah kurang memuaskan kerana hanya 45.2% kuarters diisi dan 48.6% kuarters tidak diduduki kerana rosak.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>CCRC Benta mempunyai lebih kapasiti kuarters memandangkan kuarters tersebut diterima daripada Pasukan Gerakan Am dan bukanlah mengikut keperluan AADK yang sebenar. Kekosongan akan diisi sekiranya terdapat permintaan untuk menduduki kuarters.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Bagi Klinik C&amp;C1M Tampin, pada masa kini pihak AADK masih belum menerima maklum balas daripada pihak PDRM berkenaan status kuarters tersebut serta kebenaran bagi melupuskan bangunan tersebut.</i></p> <p><i>Bagi CCRC Muar pula, keputusan bagi permohonan Rolling Plan 1 (RP1) hanya akan diketahui selepas Pembentangan Bajet Tahun 2016 yang dijangka pada 23 Oktober 2015 ini.</i></p>	
19.5.1.2	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>Penyenggaraan kuarters di C&amp;C1M/CCRC/CCVC diuruskan di peringkat pengurusan masing-masing memandangkan tiada peruntukan khusus bagi penyenggaraan kuarters diperuntukkan di peringkat ibu pejabat. Analisis Audit juga mendapati tiada peruntukan di bawah kod OL28101 untuk penyenggaraan kuarters bagi C&amp;C1M, CCRC dan CCVC yang dilawati bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 daripada peruntukan yang diluluskan di bawah OS28000 berjumlah RM3.21 juta. Kos penyenggaraan untuk kuarters adalah sama ada menggunakan peruntukan mengurus pejabat ataupun dibaiki sendiri oleh penghuni kuarters.</p> <p>Pada pendapat Audit, tiada peruntukan khusus untuk penyenggaraan kuarters menyebabkan kuarters yang telah mengalami kerosakan tidak dapat dibaiki dan menjejaskan keselesaan penghuni kuarters.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 8 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Secara keseluruhan, sejumlah RM14.75 juta telah diperuntukkan bagi pembaikan kuarters untuk tahun 2015 merangkumi 13 buah PTJ yang mempunyai kuarters. Pelaksanaan semua projek pembaikan ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya. Melalui maklumat terkini, adalah didapati bahawa sebanyak 2 projek telah selesai dilaksanakan dan projek selebihnya dijangka akan selesai pada bulan November 2015.</i></p> <p><i>Bagi tahun 2016, AADK bersetuju untuk Pusat Tanggungjawab (PTJ) memohon peruntukan pembaikan kuarters sama seperti permohonan pembaikan yang lain dan ia akan disediakan melalui penjimatan dalaman AADK. Bagi tahun selanjutnya permohonan bagi pembaikan kuarters akan dimasukkan dalam permohonan bajet tahunan untuk dipohon di bawah Dasar Baru.</i></p>	Maklum Balas kekal seperti di perenggan 19.5.1.2

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
19.5.1.4.a.i	<p><b>Keluasan, Usia Dan Status Kuarters Selepas Perolehan - Statistik Keluasan, Bilangan Bilik Dan Usia Kuarters</b></p> <p>Bahagian D4 (Kuarters) Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan pada tahun 2005 oleh Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara, Jabatan Perdana Menteri telah menetapkan keluasan seunit kelas kuarters Kerajaan iaitu antara 120.00 m.p (Kelas F) hingga 415.00 m.p (Kelas A) sebagai kriteria dan piawaian umum dalam mereka bentuk bangunan Kerajaan supaya ia dirancang dan dilaksanakan dengan penggunaan kos yang berkesan, di samping memenuhi keperluan fungsinya (<i>cost effective and functional</i>).</p>	Maklum Balas kekal seperti di perenggan 19.5.1.4.a.v
19.5.1.4.a.ii	<p>Semakan Audit terhadap kuarters kelas G hingga B di kawasan perumahan terpilih mendapati keluasannya adalah di antara 34.55 m.p hingga 722.16 m.p dan ada yang mempunyai 2 bilik sahaja. Kebanyakan keluasan kuarters C&amp;C1M/CCRC/CCVC dan bilangan bilik yang disediakan adalah kecil daripada sepatutnya disebabkan kuarters terlibat dibina sebelum garis panduan tersebut dikeluarkan.</p>	
19.5.1.4.a.iii	<p>Semakan Audit selanjutnya terhadap usia kuarters yang dilawati mendapati ia telah diduduki untuk tempoh 9 hingga 30 tahun pada tahun 2014 iaitu sejak tahun 1984 hingga 2005.</p>	
19.5.1.4.a.iv	<p>Berdasarkan rekod usia kuarters untuk keseluruhan 805 unit kuarters AADK pada tahun 2014 yang disediakan oleh Ibu Pejabat AADK menunjukkan 723 unit (89.8%) usia kuarters AADK berusia melebihi 10 tahun iaitu sebanyak 369 unit (45.8%) berusia antara 11 hingga 20 tahun dan 354 unit (44.0%) lagi melebihi usia 20 tahun.</p>	
19.5.1.4.a.v	<p>Analisis Audit selanjutnya mendapati usia kuarters yang diduduki C&amp;C1M/CCRC/CCVC di seluruh negara adalah antara 6 hingga 54 tahun. Di antara kuarters yang tertua adalah di CCRC Karak, Pahang sebanyak 40 unit (5%) yang berusia 54 tahun, C&amp;C1M Sungai Besi, Kuala Lumpur sebanyak 25 unit (3.1%) yang berusia 34 tahun dan C&amp;C1M Tampin, Melaka sebanyak 32 unit (4.0%) yang berusia 31 tahun.</p> <p>Pada pendapat Audit, kebanyakan kuarters AADK yang dilawati telah berusia melebihi 10 tahun (89.8%) dan memerlukan peruntukan kewangan khusus untuk tujuan penyenggaraan secara berkala. Pembinaan kuarters tanpa mengikut spesifikasi JKR menyebabkan ketidakselesaan bagi penghuni kuarters.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pembinaan kuarters oleh pelatih di CCRC yang berkenaan seperti di CCRC Perlop, CCRC Muar dan CCRC Serendah adalah dibina sebelum tahun 2005 iaitu sebelum Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh EPU, JPM. Tambahan pula, tujuan asal pembinaan adalah bagi latihan vokasional dan kemahiran pelatih. Namun, bagi mengelakkan sebarang kerugian di pihak Kerajaan, bangunan tersebut dibenarkan untuk diduduki.</i></p> <p><i>Kertas kerja terperinci sedang disediakan dan melalui perbincangan bersama Pengurusan Tertinggi AADK, fokus kertas kerja terperinci ini telah dikembangkan bukan hanya meliputi pembinaan/penyenggaraan kuarters, namun juga melihat secara keseluruhan sesebuah CCRC contohnya peningkatan kapasiti penghuni dan peningkatan tahap keselamatan. AADK berpendapat bahawa peningkatan kemudahan di CCRC haruslah meliputi pembaikan secara holistik dan tidak hanya melihat kepada pembaikan/pembinaan kuarters semata-mata. Tambahan pula, kuarters di AADK adalah sebahagian daripada CCRC dan bukannya bersifat “stand alone”.</i></p> <p><i>Bagi CCRC Karak, AADK telah merancang dan memohon projek berjumlah RM55 juta di bawah RP1, RMKe11 dan sekiranya diluluskan oleh EPU, JPM ia akan dilaksanakan pada tahun 2016. Bagi C&amp;C1M Sungai Besi, peruntukan sejumlah RM3 juta telah diterima di bawah peruntukan One-Off KDN dan sedang dalam pelaksanaan. Manakala bagi Klinik C&amp;C1M Tampin pula, pihak AADK masih belum menerima maklum balas daripada pihak PDRM berkenaan status kuarters tersebut serta kebenaran bagi melupuskan bangunan tersebut. Surat permohonan kepada PDRM telah dikemukakan pada 28 Ogos 2015.</i></p>	
19.5.2.1.a	<p><b>Pengurusan Kuarters AADK - Peraturan Dan Garis Panduan</b></p> <p>Pengurusan kuarters tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Perintah-Perintah Am Bab E (Rumah dan Bangunan Pejabat Kerajaan) di samping pekeliling lain yang berkuat kuasa. AADK tidak mengeluarkan sebarang garis panduan bagi menguruskan kuarters. Namun, Surat Arahan Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri (SABSM) yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2005, dijadikan sebagai panduan oleh C&amp;C1M/CCRC/CCVC untuk menguruskan kuarters masing-masing antaranya</p>	Maklum Balas kekal seperti di perenggan 19.5.2.1.e

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>seperti pelaksanaan bayaran perumahan khas, penubuhan Jawatankuasa Pengagihan Kuarters, bidang tugas Jawatankuasa Pengagihan Kuarters dan senarai jawatan yang layak diperuntukkan kuarters. C&amp;C1M/CCRC/CCVC juga menggunakan Surat Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk menguruskan kuarters masing-masing memandangkan tiada garis panduan khusus dikeluarkan oleh ibu pejabat AADK.</p>	
<b>19.5.2.1.b</b>	<p>Semakan Audit terhadap peraturan dan garis panduan pengurusan kuarters digunakan di C&amp;C1M/CCRC/CCVC mendapati selain daripada Perintah-Perintah Am Bab E, hanya C&amp;C1M Tampoi Johor dan CCRC Serendah, Selangor menggunakan SABSM dan pekeliling berkaitan seperti Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1996, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2006 sebagai garis panduan untuk pengurusan kuarters masing-masing.</p>	
<b>19.5.2.1.c</b>	<p>Berdasarkan SABSM, sebuah jawatankuasa perlu diwujudkan bagi tujuan mengagihkan kuarters di C&amp;C1M/CCRC/CCVC. Jawatankuasa ini akan membuat pemilihan anggota yang boleh menduduki kuarters mengikut jawatan yang telah ditetapkan dengan mempertimbangkan beberapa perkara antaranya keutamaan perkhidmatan, kekananan pegawai, keperluan kakitangan untuk bertugas atas panggilan, anggota yang diperlukan ketika kecemasan, memastikan kelulusan mendiami kuarters dibuat berdasarkan bilangan kuarters sedia ada sahaja dan memastikan kuarters diisi secara optimum selaras dengan keperluan perkhidmatan. Keanggotaan Jawatankuasa Pengagihan Kuarters di peringkat C&amp;C1M/CCRC/CCVC dipengerusikan oleh Komandan dan diurus setia oleh Unit Pentadbiran, manakala keahlian jawatankuasa terdiri daripada Timbalan Komandan, Ketua Kaunselor dan pegawai lain ditentukan oleh pengerusi.</p>	
<b>19.5.2.1.d</b>	<p>Semakan Audit di Ibu Pejabat AADK mendapati tiada bahagian yang bertanggungjawab memantau keseluruhan pengurusan kuarters AADK, manakala pengurusan kuarters di C&amp;C1M/CCRC/CCVC diuruskan secara berbeza seperti Bahagian Pentadbiran di CCVC Sepang dan Persatuan Penduduk di CCRC Perlop dan bukan oleh jawatankuasa sebagaimana ditetapkan SABSM.</p>	
<b>19.5.2.1.e</b>	<p>Temu bual dengan pegawai/kakitangan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kuarters dan semakan Audit terhadap buku log latihan bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mendapati tiada sebarang latihan atau pendedahan berkaitan pengurusan kuarters diberikan. Pelaksanaan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pengurusan kuarters adalah berdasarkan pengalaman dan prosedur yang dipraktikkan sebelum ini.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan pengurusan kuarters AADK adalah kurang memuaskan kerana peraturan, garis panduan dan tanggungjawab adalah berbeza bagi C&amp;C1M/CCRC/CCVC masing-masing serta tiada latihan khusus bagi pengurusan kuarters disediakan kepada pegawai/kakitangan yang bertanggungjawab menguruskan kuarters.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 8 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Jawatankuasa Pengurusan Kuarters telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2015 yang terdiri daripada pegawai kanan AADK daripada Sektor Khidmat Pengurusan Dan Sektor Operasi. Jawatankuasa ini bertujuan untuk menimbang dan meluluskan sebarang perkara dasar atau penting yang melibatkan pengurusan kuarters secara umumnya kepada semua PTJ AADK yang mempunyai kuarters selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa. Manakala Cawangan Pembangunan telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan serta memantau pengurusan kuarters AADK di Ibu Pejabat AADK.</i></p> <p><i>Pihak Pengurusan AADK telah mengeluarkan surat arahan kepada semua PTJ AADK supaya pengurusan kuarters AADK diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran PTJ berkenaan selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa [Perintah Am Bab E, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1996, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/2002, Surat pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/2006, Surat Arahan Bahagian Sumber Manusia KDN (SABSM) dan arahan lain yang diputuskan oleh pihak berkuasa]. Ini bertujuan untuk memastikan pengurusan kuarters AADK adalah mematuhi peraturan yang berkuat kuasa. Selain itu, pihak pengurusan PTJ berkenaan juga bertanggungjawab terhadap pengurusan kuarters daripada segi penyenggaraan, pemantauan dan lain-lain.</i></p> <p><i>Garis Panduan Pengurusan Kuarters AADK masih dalam peringkat draf. Selain daripada mendapatkan garis panduan pihak Jabatan Penjara Malaysia, AADK telah mendapatkan khidmat nasihat daripada Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM (BPH) mengenai pengurusan kuarters semasa sesi taklimat kepada kakitangan AADK yang menguruskan kuarters pada 29 September 2015.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Hasil daripada khidmat nasihat BPH, AADK telah mengenal pasti fungsi utama dalam pengurusan kuarters iaitu pengurusan permohonan keluar masuk kuarters, naziran yang meliputi penguatkuasaan peraturan-peraturan menduduki kuarters, penyenggaraan bagi memantau dan melaksanakan pembaikan kerosakan dan juga menguruskan keperluan komuniti seperti aktiviti-aktiviti sosial penghuni kuarters, keperluan surau, parkir dan sebagainya. Cawangan Pembangunan sedang membuat pindaan terhadap borang dan surat yang akan digunakan sebagai sebahagian daripada garis panduan tersebut. Draf tersebut dijangka siap pada penghujung Oktober 2015 dan seterusnya akan diangkat kepada Jawatankuasa Pengurusan Kuarters AADK Peringkat Ibu Pejabat untuk pertimbangan dan kelulusan.</i></p> <p><i>Dari segi latihan pula, AADK telah melaksanakan taklimat kepada semua PTJ yang menguruskan kuarters pada 29 September 2015. Taklimat tersebut telah dihadiri oleh seramai 51 orang kakitangan daripada 29 PTJ yang terlibat dalam pengurusan kuarters dan juga Urusetia Pengurusan Kuarters AADK Peringkat Ibu Pejabat. Hasil taklimat ini dijadikan kerangka bagi penyediaan garis panduan pengurusan kuarters AADK. Selain itu, Bengkel Keperluan Bisnes dan Keperluan Pengguna Bagi Pengurusan Kuarters Kerajaan anjuran Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM juga telah diadakan pada 25 hingga 27 Ogos 2015 di Putrajaya International Convention Center (PICC).</i></p>	
19.5.2.2.a	<p><b>Prosedur Pengisian Dan Pengosongan Kuarters</b></p> <p>C&amp;C1M Tampoi, CCRC Benta dan CCRC Serendah sahaja telah menubuhkan Jawatankuasa Pengagihan Kuarters bagi tujuan pengurusan kuarters. Manakala untuk CCRC Perlop, pengurusan kuarters diuruskan oleh Jawatankuasa Persatuan Penduduk Taman Sri Perlop dan pengurusan kuarters CCVC Sepang diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran. Tiada rekod penghuni kuarters untuk CCRC Muar dan C&amp;C1M Tampin kerana tidak diduduki sejak tahun 2000 dan 2010 masing-masing.</p>	<p>Ibu Pejabat AADK telah meminta semua PTJ untuk melengkapkan dokumen seperti dokumen permohonan, dokumen akuan masuk, surat kelulusan serta borang aku janji. CCRC Benta, Klinik C&amp;C 1M tampoi, Klinik C&amp;C 1M Tampin, CCRC Muar, CCRC Perlop, CCRC Serendah dan CCVC Sepang telah mengemukakan rekod penghuni yang lengkap.</p>
19.5.2.2.b	<p>Rekod penghuni kuarters bagi tujuan pengisian kuarters seperti borang permohonan, kelulusan dan arahan menduduki kuarters serta sijil akuan masuk bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 yang dikemukakan oleh pengurusan tidak diselenggarakan dengan teratur dan lengkap.</p>	
19.5.2.2.c	<p>Sebanyak 18 rekod penghuni keluar kuarters yang dikemukakan tidak diselenggarakan dengan teratur dan lengkap seperti tiada rekod akuan keluar, borang akuan keluar tidak ditandatangani, tiada bukti penyerahan kunci dan rekod pemeriksaan kuarters yang telah dikosongkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pengurusan pengisian dan pengosongan kuarters yang dilawati adalah kurang memuaskan kerana proses pengisian dan pengosongan kuarters adalah tidak teratur.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Ibu Pejabat AADK telah meminta semua PTJ untuk melengkapkan dokumen seperti dokumen permohonan, dokumen akuan masuk, surat kelulusan serta borang aku janji. Setakat ini, PTJ yang masih belum dapat mengemukakan rekod penghuni kuarters adalah CCRC Benta kerana maklumat yang dikemukakan telah dikuri kerana tidak lengkap manakala bagi Klinik C&amp;C 1M tampoi, Klinik C&amp;C 1M Tampin,, CCRC Muar, CCRC Perlop, CCRC Serendah dan CCVC Sepang telah mengemukakan rekod penghuni yang lengkap.</i></p>	
<p><b>19.5.2.3.a</b></p>	<p><b>Keselamatan Kuarters</b></p> <p>Kos sara hidup yang tinggi di kawasan bandar seperti di Tampoi, Johor menyebabkan kuarters C&amp;C1M Tampoi yang telah berusia 40 tahun masih diduduki oleh pegawai/kakitangan walaupun usang manakala lokasi C&amp;C1M/CCRC/CCVC yang jauh di pedalaman seperti CCRC Perlop, Perak menyebabkan keperluan kuarters mendesak. Kos pembaikan kuarters juga telah ditanggung oleh penghuni sendiri. Tiga kawasan perumahan semasa lawatan Audit masih diduduki oleh kakitangan AADK walaupun telah diisytiharkan tidak selamat oleh JKR iaitu di C&amp;C1M Tampoi, CCRC Perlop dan CCRC Serendah. Selain itu, di CCVC Sepang terdapat unit kuarters yang mengalami keretakan yang kritikal di bahagian dinding, lantai dan saluran longkang. Kuarters CCVC Sepang merupakan kuarters yang dibina oleh KDN dan mula diduduki sejak tahun 2005.</p>	<p>Jabatan Perhilitan Negeri Pahang telah mengambil tindakan dengan memasang perangkap secara tetap di kawasan yang sering menjadi tumpuan kera liar pada Oktober 2015 iaitu selepas menerima surat permohonan daripada AADK yang bertarikh 26 Ogos 2015. Sehingga kini, laporan mendapati bahawa terdapat sehingga 14 ekor kera liar telah ditangkap dan dipindah oleh Jabatan Perhilitan. Jabatan Perhilitan akan membuat pemantauan secara berkala terhadap perangkap tersebut dan akan memindahkan kera-kera yang ditangkap setiap kali pemantauan dibuat.</p>
<p><b>19.5.2.3.b</b></p>	<p>Bagi aspek keselamatan berkaitan kawasan persekitaran kuarters pihak Audit mendapati kawasan persekitaran kuarters adalah tidak terurus dengan keadaan rumput yang panjang. Terdapat sebanyak 12 unit blok tidak digunakan dalam keadaan terbiar serta dikelilingi hutan belukar di CCRC Benta. Berdasarkan temu bual pihak Audit dengan penghuni kuarters, mereka menyatakan sering menghadapi ancaman kera liar.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan kuarters daripada aspek keselamatan adalah kurang memuaskan kerana kuarters yang telah disahkan tidak selamat diduduki masih didiami dan tiada tindakan untuk melupuskan atau membaiki</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kuarters supaya ia selamat diduduki.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 8 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>CCRC Perlop telah menerima peruntukan pembaikan di bawah Peruntukan One-Off berjumlah RM1.40 juta manakala CCRC Serendah menerima peruntukan pembaikan di bawah Peruntukan MyBM berjumlah RM990,910 dan kerja pembaikan telah dimulakan pada bulan Mei 2015. AADK kemudiannya akan memohon untuk menilai semula kuarters yang telah siap diperbaiki untuk mendapatkan pengesahan selamat diduduki daripada JKR Kuala Kangsar dan JKR Kuala Selangor bagi memastikan keselamatan para penghuni kuarters terjamin. Kerja pembaikan di CCRC Perlop dan CCRC Serendah masih dalam pelaksanaan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada bulan November 2015. Bagaimanapun, AADK telah membuat makluman awal kepada JKR yang berkenaan supaya menilai semula kedudukan kuarters apabila ia siap kelak.</i></p> <p><i>CCVC Sepang telah menerima peruntukan pembaikan di bawah Peruntukan MyBM berjumlah RM1.37 juta bagi menyenggara 51 unit kuarters yang melibatkan kerja seperti membaiki dinding, tandas, water proofing, rawatan anai-anai dan serangga perosak. Kerja pembaikan telah bermula pada bulan Jun 2015. Isu keretakan seperti yang dibangkitkan oleh pihak Audit telah dibaiki dan kerja lain masih dalam pelaksanaan.</i></p> <p><i>Bagi CCRC Benta pula, kuarters yang diperolehi daripada Pasukan Gerakan Am (PGA) pada tahun 1996 telah digunakan mengikut keperluan CCRC Benta. Lebihan 12 unit blok yang tidak digunakan merupakan lebihan kapasiti dan tidak diperlukan oleh CCRC Benta. Kawasan belakang CCRC Benta adalah hutan belantara di mana menyukarkan AADK mengawal secara keseluruhan gangguan kera. Bagaimanapun, langkah pencegahan telah diambil oleh CCRC Benta seperti memasang perangkap. AADK juga telah mengambil tindakan dengan menghubungi pihak Jabatan Perhilitan Negeri Pahang bagi mendapatkan cadangan dan khidmat nasihat untuk menyelesaikan masalah ini.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																
19.5.2.4.a	<p><b>Pemotongan Elaun Dan Pembayaran Bil Utiliti</b></p> <p>Kuarters C&amp;C1M Tampoi, CCRC Perlop dan CCRC Serendah telah disahkan tidak selamat diduduki oleh JKR. Sehubungan itu, pihak pengurusan C&amp;C1M/CCRC/CCVC berkenaan telah memohon untuk mendapatkan pengecualian pulangan balik ITP daripada Ibu Pejabat AADK. Semakan Audit mendapati pengecualian bayaran balik ITP telah diluluskan kepada C&amp;C1M Tampoi bertarikh 15 November 2010 manakala permohonan bagi CCRC Serendah telah ditolak. Bagi CCRC Perlop tiada sebarang surat kelulusan dapat dikemukakan untuk semakan Audit. Selain itu, semakan Audit selanjutnya terhadap salinan penyata gaji penghuni kuarters di CCRC Perlop dan CCRC Serendah bagi bulan Disember 2014 mendapati tiada pulangan balik ITP dilakukan.</p>	<p>Mesyuarat mengenai permohonan pengecualian bayaran balik bagi Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) bersama dengan Bahagian Pengurusan Aset Awam (PAM) Kementerian Kewangan telah diadakan pada 8 September 2015. Mesyuarat telah bersetuju supaya Jabatan Kerja Raya dan Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM memeriksa dan menilai semula status rumah-rumah kakitangan ini sama ada layak digelar kuarters atau tidak dan jika ianya layak digelar kuarters, pengesahan juga diperlukan sama ada ianya boleh diklasifikasikan sebagai rumah sub-standard.</p> <p>Ibu Pejabat PAIP telah mengemukakan maklum balas mengenai isu <i>double tapping</i> di CCRC Benta menerusi surat bertarikh 29 Julai 2015 yang menerangkan dengan lebih jelas perkara ini iaitu pelarasan bil telah dibuat pada penyata bulan Januari, Jun dan Disember 2014. Menurut surat daripada Pengurusan Air Pahang Berhad, pengiraan bil telah mengambil kira penggunaan sub-meter. Mengikut sampel yang telah dimohon oleh pihak Audit iaitu bil Januari, Jun dan Disember 2014,</p> <table border="1" data-bbox="1234 786 2045 959"> <thead> <tr> <th>Bulan</th> <th>Jumlah Penggunaan (RM)</th> <th>Jumlah Yang Dibilkan (RM)</th> <th>Pelarasan Sub-Meter</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Januari 2014</td> <td>7706.05</td> <td>6956.40</td> <td>749.65</td> </tr> <tr> <td>Jun 2014</td> <td>8647.65</td> <td>7878.20</td> <td>769.45</td> </tr> <tr> <td>Disember 2014</td> <td>8624.00</td> <td>7821.55</td> <td>802.45</td> </tr> </tbody> </table>	Bulan	Jumlah Penggunaan (RM)	Jumlah Yang Dibilkan (RM)	Pelarasan Sub-Meter	Januari 2014	7706.05	6956.40	749.65	Jun 2014	8647.65	7878.20	769.45	Disember 2014	8624.00	7821.55	802.45
Bulan	Jumlah Penggunaan (RM)	Jumlah Yang Dibilkan (RM)	Pelarasan Sub-Meter															
Januari 2014	7706.05	6956.40	749.65															
Jun 2014	8647.65	7878.20	769.45															
Disember 2014	8624.00	7821.55	802.45															
19.5.2.4.b	<p>Berdasarkan semakan Audit terhadap salinan penyata gaji bulan Disember 2014 bagi C&amp;C1M/CCRC/CCVC yang dilawati mendapati semua penghuni kuarters yang layak menduduki rumah khas jabatan telah menerima bayaran perumahan khas kecuali bagi CCRC Perlop dan CCRC Serendah. Bayaran perumahan khas ini adalah bagi menggalakkan pegawai/kakitangan untuk tinggal berdekatan dengan kawasan berhampiran C&amp;C1M/CCRC/CCVC.</p>																	
19.5.2.4.c	<p>Di 7 kawasan perumahan, bil elektrik telah dibilkan secara individu manakala bagi bil air telah dibilkan secara pukal dan individu. Semakan Audit selanjutnya mendapati bil air yang dibilkan secara pukal telah dibayar oleh pihak pengurusan C&amp;C1M/CCRC/CCVC namun tiada bukti kutipan bayaran balik bil tersebut daripada penghuni kuarters dikemukakan semasa semakan Audit di CCRC Benta dan CCVC Sepang.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pemulangan balik elaun dan pembayaran bil utiliti adalah kurang memuaskan kerana ia tidak dilakukan dengan teratur.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 8 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>AADK berpendirian bahawa potongan ITP dan BSH tidak dibuat memandangkan kondisi rumah yang substandard dan telah diisytiharkan tidak selamat untuk diduduki oleh pihak JKR. Selain itu, ia juga bagi menjaga kebajikan kakitangan AADK terutamanya berpendapatan rendah yang majoritinya mendiami kuarters tersebut disebabkan kadar sewa rumah yang tinggi, ketiadaan rumah di kawasan sekitar CCRC yang berkenaan dan juga</i></p>	<p>Bagi CCVC Sepang, satu mesyuarat bersama pihak SYABAS telah diadakan bagi menyelesaikan isu <i>bulk meter</i> di sana. Pada mesyuarat tersebut pihak SYABAS akan membuat migrasi terhadap sistem <i>bulk meter</i> sedia ada kepada meter individu yang akan dipasang di setiap kuarters di CCVC Sepang. Pada masa ini, CCVC Sepang akan membuat bacaan meter secara bulanan bagi mengenalpasti penggunaan meter individu bagi tujuan kutipan balik.</p>																

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>lokasi CCRC yang berjauhan dari penempatan yang terdekat. Bagaimanapun, AADK telah mengemukakan surat permohonan pengecualian bayaran balik bagi Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada Bahagian Pengurusan Aset Awam (PAM) Kementerian Kewangan pada 8 September 2015. Maklum balas daripada Kementerian Kewangan ialah mereka akan mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan mengenai perkara ini di samping meminta AADK mengemukakan maklumat yang diperlukan. AADK telah membalas surat tersebut berserta maklum balas yang dimohon pada 5 Oktober 2015.</i></p> <p><i>CCRC Benta telah menghantar surat kepada Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) bagi memohon pelarasan bil tersebut. Berikutan daripada itu, Ibu Pejabat AADK juga telah mengemukakan surat kepada Ibu Pejabat PAIP bagi menerangkan dengan lebih jelas perkara ini iaitu mengenai isu tapping bagi paip yang disalurkan ke kawasan kuarters. Ini adalah untuk memastikan tiada caj berganda dikenakan terhadap CCRC Benta.</i></p> <p><i>Bagi CCVC Sepang, AADK bersetuju bahawa kutipan bayaran balik bil air dibuat daripada tahun 2012 sehingga kini. Bagaimanapun, bagi tempoh tahun 2005 hingga 2011, AADK akan memohon pengecualian kutipan balik tersebut. Pengarah Pusat Data SPAN mencadangkan agar AADK menggunakan kadar minimum RM12.00 bagi setiap rumah. Cadangan pembayaran balik kadar RM12 sebulan bagi setiap rumah telah dipersetujui secara dasarnya namun masih belum mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Pengurusan Kuarters AADK. Sebagai langkah jangka masa panjang AADK akan melaksanakan penukaran meter secara individu bagi memastikan teguran Audit tidak berulang.</i></p>	
19.5.2.5.a	<p><b>Penyenggaraan Kuarters</b></p> <p>Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, AADK tidak memperuntukkan sebarang peruntukan bagi penyenggaraan kuarters di C&amp;C1M/CCRC/CCVC sebaliknya penyenggaraan dilakukan secara <i>ad hoc</i> atau berdasarkan kerja pembaikan kecemasan dengan menggunakan peruntukan daripada perbelanjaan mengurus.</p>	Maklum Balas kekal seperti di perenggan 19.5.2.5.f
19.5.2.5.b	<p>Berdasarkan maklumat pengisian kuarters perumahan daripada Ibu Pejabat AADK, didapati sebanyak 331 (41.1%) daripada 805 unit kuarters adalah berstatus kosong. Penyumbang utama kepada kekosongan tersebut adalah di CCRC Benta, Pahang iaitu sebanyak 199 daripada 261 unit kuarters yang ada. Daripada 199 unit yang kosong, sebanyak 63 unit telah dibaiki melalui</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	peruntukan pembangunan pada tahun 2010. Namun, sebanyak 20 unit kuarters yang telah dibaiki masih belum diduduki. Selain itu, didapati daripada 179 unit kuarters yang kosong dan rosak, sebanyak 108 unit kuarters tidak diduduki dan terbiar sejak tahun 1996.	
<b>19.5.2.5.c</b>	Terdapat kuarters mengalami kerosakan teruk seperti masalah resapan air, serangan haiwan perosak (anai-anai) dan binatang liar (kera dan ular) serta struktur bangunan retak dan mendapan tanah.	
<b>19.5.2.5.d</b>	Kwarters yang rosak dan terbiar kosong telah disalah guna oleh penghuni daripada tujuan asal. Ia telah dijadikan tempat pembuangan sampah dan penyimpanan barang persendirian. Keadaan ini telah menimbulkan persekitaran yang tidak selesa kepada penghuni lain.	
<b>19.5.2.5.e</b>	Persekitaran kuarters tidak diurus dengan baik menyebabkan lalang tumbuh meliar dan longkang tersumbat serta tempat pembuangan sampah tidak disenggara. Keadaan ini boleh membahayakan penghuni kuarters selain daripada menjejaskan imej jabatan.	
<b>19.5.2.5.f</b>	<p>Kemudahan seperti taman permainan dan padang ada disediakan di kawasan kuarters yang dilawati iaitu di CCRC Benta, Pahang, CCRC Perlop, Perak, CCRC Serendah, Selangor dan CCRC Muar, Johor. Namun disebabkan kekangan peruntukan, penyenggaraan tidak dapat dilaksanakan menyebabkan taman permainan tersebut tidak boleh digunakan lagi atau usang.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan kerja penyenggaraan, pembaikan dan pencegahan kuarters tidak dapat dilaksanakan kerana tiada peruntukan khusus untuk tujuan tersebut.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 8 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>AADK telah bersetuju agar pada tahun 2016, PTJ boleh memohon peruntukan pembaikan kuarters sama seperti permohonan pembaikan yang lain. Peruntukan akan disediakan melalui penjimatan dalam AADK. Ini kerana, bagi tahun 2016, sesi pemeriksaan bajet bagi tahun 2016 telah siap dilaksanakan dan setakat ini tiada PTJ yang memohon peruntukan khas bagi pembaikan kuarters. Bagi tahun selanjutnya AADK telah bersetuju agar permohonan bagi pembaikan kuarters dimasukkan dalam permohonan bajet tahunan untuk dipohon di bawah Dasar Baru.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>AADK juga akan menyediakan kertas kerja terperinci bagi melihat secara keseluruhan keperluan kuarters AADK. Ini adalah termasuk memastikan keperluan untuk pembinaan semula atau membaiki kuarters sedia ada. Selain itu, ia akan mengambil kira peruntukan penyenggaraan di bawah perbelanjaan mengurus bagi semua kuarters. Kertas kerja ini dijangka akan disediakan pada penghujung tahun 2015 iaitu setelah kerja pembaikan di bawah Peruntukan One-Off dan MyBM iaitu sejumlah RM14.75 juta siap dilaksanakan pada tahun 2015. Ini bagi mengelakkan sebarang pertindihan skop kerja sedia ada dan peruntukan dapat dibelanjakan secara berkesan.</i></p>	
<p><b>19.5.2.6.a</b></p>	<p><b>Penyelenggaraan Rekod Kuarters Dan Aset</b></p> <p>Tiada unit khusus di Ibu Pejabat AADK yang bertanggungjawab menyelenggarakan rekod kuarters AADK secara keseluruhan menyebabkan pemantauan sukar dilaksanakan.</p>	<p>Maklum Balas kekal seperti di perenggan 19.5.2.6.d</p>
<p><b>19.5.2.6.b</b></p>	<p>Daftar/rekod penghuni telah diwujudkan di C&amp;C1M/CRCC/CCVC. Bagaimanapun, rekod tersebut tidak lengkap dan kemas kini serta maklumat penghuni terdahulu tidak disediakan. Rekod maklumat kuarters yang disimpan juga tidak seragam dan hanya berdasarkan amalan pegawai sebelumnya. Manakala rekod sejarah penyenggaraan dan pembaikan kuarters pula tidak diselenggarakan di lokasi yang dilawati. Ini disebabkan pihak C&amp;C1M/CCRC/CCVC tidak menyedari keperluannya dan tiada garis panduan yang boleh dirujuk bagi tujuan tersebut. Oleh itu, pihak pengurusan yang menguruskan kuarters perlu mengenal pasti maklumat mengenai kuarters dan penyenggaraan yang telah dilaksanakan.</p>	
<p><b>19.5.2.6.c</b></p>	<p>Rekod aduan kerosakan kuarters bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 ada disediakan di 3 daripada 5 C&amp;C1M/CCRC/CCVC. CCRC Perlop dan CCRC Serendah tidak menyediakan rekod aduan kerosakan penghuni disebabkan amalan melaporkan secara lisan atau penghuni mengeluarkan kos untuk membaiki sendiri kerosakan. Oleh itu, adalah sukar bagi AADK merancang pembaikan dan penyenggaraan kuarters serta merancang bajet tahunan kerana rekod/daftar aduan kerosakan tidak diselenggarakan dengan teratur.</p>	
<p><b>19.5.2.6.d</b></p>	<p>Tiada maklumat aset/inventori kuarters didaftarkan dalam Daftar Aset Dan Inventori di C&amp;C1M/CCRC/CCVC. Aset/inventori tidak direkodkan kerana pihak yang menguruskan kuarters tidak mempunyai maklumat aset dari awal kuarters diduduki atau tidak mengetahui keperluan merekodkannya kerana mengikut amalan pegawai yang bertanggungjawab sebelum ini. Ini menyebabkan maklumat aset hak milik Kerajaan di kuarters tidak dapat</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dikenal pasti seperti kipas dan penghawa dingin.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod kuarters dan aset serta rekod penyelenggaraan/pembaikan adalah kurang memuaskan kerana tidak lengkap dan kemas kini.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 8 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Cawangan Pembangunan Ibu Pejabat AADK telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan dan memantau pengurusan kuarters AADK. Pihak Pengurusan AADK telah mengeluarkan surat arahan kepada semua PTJ AADK yang menguruskan kuarters. Antara intipati surat tersebut adalah memohon supaya pengurusan kuarters AADK diuruskan oleh Bahagian Pentadbiran PTJ berkenaan selaras dengan pekeliling yang berkuat kuasa [Perintah Am Bab E, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/1996, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11/2002, Surat pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/2006, Surat arahan Bahagian Sumber Manusia KDN (SABSM) dan arahan lain yang diputuskan oleh pihak berkuasa]. Ini bertujuan memastikan pengurusan kuarters AADK adalah selaras dan juga mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Garis panduan yang sedang dirangka oleh AADK akan mengambil kira teguran pihak Audit dan memasukkan elemen seperti rekod aduan, rekod pembaikan dan rekod aset bagi memastikan sistem pengurusan kuarters yang lengkap.</i></p>	
19.5.2.7.a	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Setiap penghuni kuarters AADK adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan. Aktiviti pemantauan daripada pihak pengurusan di C&amp;C1M/CCRC/CCVC adalah penting bagi memastikan peraturan sebagaimana ditetapkan dalam Perintah-Perintah Am Bab E dipatuhi dan dapat dikuatkuasakan. Selain itu, ia juga dapat membantu mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh anggota AADK terutama dalam aspek kebajikan, kebersihan dan keselamatan.</p>	AADK sedang menyediakan standard report yang akan dikemukakan oleh semua PTJ yang mempunyai kuarters bagi memastikan pelaporan dibuat dalam bentuk yang standard dan lengkap. Ini akan dimasukkan sebagai salah satu elemen garis panduan.
19.5.2.7.b	Lawatan Audit ke kawasan kuarters mendapati tiada mekanisme pemantauan secara berkala diwujudkan. Selain itu, semakan Audit juga mendapati tiada tindakan penguatkuasaan dilaksanakan oleh pihak C&C1M/CCRC/CCVC. Antaranya unit kuarters yang kosong diubah menjadi pejabat dan stor serta pengubahsuaian kuarters tanpa kelulusan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, pemantauan ke atas kuarters AADK adalah kurang memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 8 September 2015 Dan 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>AADK telah dimaklumkan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) bahawa mereka sedang dalam usaha untuk membangunkan sistem pengurusan kuarters secara bersepadu yang akan melibatkan pengurusan kuarters semua Kementerian. Ini adalah berdasarkan Bengkel Keperluan Bisnes dan Keperluan Pengguna Bagi Pengurusan Kuarters Kerajaan anjuran Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM yang diadakan pada 25 hingga 27 Ogos 2015 di PICC. Oleh yang demikian, AADK akan mengguna pakai mekanisme yang akan diwujudkan oleh BPH. Selain itu, AADK akan menyediakan standard report yang akan dikemukakan oleh semua PTJ yang mempunyai kuarters bagi memastikan pelaporan dibuat dalam bentuk yang standard dan lengkap. Ini akan dimasukkan sebagai salah satu elemen garis panduan.</i></p>	
<p><b>19.5.3.2.a</b></p>	<p><b>Analisis Maklum Balas Penghuni Dan Bukan Penghuni</b></p> <p>Secara keseluruhannya, faktor utama responden tidak menduduki kuarters kerana telah memiliki rumah sendiri (55.1%), kadar sewa yang murah (21.2%) dan kuarters tidak disediakan (19.7%). Selain itu faktor lain adalah tinggal di kuarters pasangan (3.0%) dan tinggal di rumah keluarga (1.0%).</p>	<p>Maklum Balas kekal seperti di perenggan 19.5.3.2.b</p>
<p><b>19.5.3.2.b</b></p>	<p>Analisis Audit terhadap maklum balas faktor yang dipertimbangkan oleh responden untuk menduduki kuarters yang tertinggi antaranya seperti keselamatan iaitu sebanyak 41.2%; 13.5% responden berpendapat keluasan kuarters juga adalah penting untuk keselesaan tinggal di kuarters; 13.2% responden menyokong kemudahan persekitaran yang lengkap perlu disediakan untuk kegunaan penghuni kuarters; 11.5% responden juga berpendapat adalah wajar kos senggara kuarters ditanggung oleh Kerajaan sebagaimana rumah Kerajaan lain.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhan penghuni kuarters AADK adalah berpuas hati dengan kuarters yang disediakan. Namun begitu, ia boleh ditambah baik dengan menyediakan kemudahan di kawasan kuarters seperti surau, taman permainan, tempat pembuangan sampah dan dewan serba guna.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Kementerian Dalam Negeri Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>AADK mengambil perhatian terhadap keperluan kemudahan kuarters serta prosedur yang boleh menjamin keselesaan penghuni dan akan mengambil kira perkara ini dalam perancangan pada masa hadapan. Memandangkan peruntukan yang tidak mencukupi, sama ada dalam peruntukan pembangunan ataupun mengurus, keutamaan terpaksa diberikan kepada pembangunan yang menjadi “core business” iaitu pemulihan dan memastikan fungsi jabatan tidak terjejas.</i></p> <p><i>Kuarters AADK adalah bersifat “integral” dan bukannya bersifat “stand alone” dengan bangunan CCRC. Kemudahan seperti padang, surau, taman permainan dan dewan serbaguna telah dibina di CCRC yang berkenaan. Oleh yang demikian, pihak AADK berpendapat bahawa kemudahan ini boleh digunakan secara bersama bagi mengoptimumkan penggunaan kemudahan tersebut di samping menggalakkan integrasi antara kakitangan CCRC dan juga pelatih (solat berjemaah di surau dan sebagainya).</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Perenggan 20 : Pengurusan Projek-Projek Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Dan Kemudahan Lain Yang Berkaitan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.5.1.1.a	<p><b>Prestasi Projek - Pencapaian Fizikal</b></p> <p>Projek Pembinaan SMKA (P) Al-Mashoor, SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab dan SMKA Keningau serta kemudahan lain yang berkaitan telah berjaya disiapkan walaupun melepasi tarikh siap asal. Berdasarkan tarikh siap baru, hanya SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab lewat disiapkan.</p>	
20.5.1.1.b	<p>Berdasarkan kontrak, tempoh pelaksanaan bagi 3 projek pembinaan SMKA yang dipilih adalah antara 24 hingga 30 bulan. Bagaimanapun, ketiga-tiga projek telah diluluskan lanjutan masa (EOT) antara 107 hingga 956 hari.</p>	
20.5.1.1.c	<p>Mengikut Buku Panduan Pentadbiran Kontrak Kerja Raya, kontraktor layak mendapat lanjutan masa dan Pegawai Penguasa perlu meluluskan EOT sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan di dalam kontrak. Pihak Audit mendapati 2 EOT lewat dimohon selama 35 dan 97 hari manakala 5 EOT lewat diluluskan antara 37 hingga 260 hari selepas tarikh siap projek. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan penyiapan kerja adalah disebabkan kerja-kerja yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan, kelewatan Kementerian meluluskan Wang Peruntukan Sementara (WPS) dan kerja-kerja di luar jangkauan.</p>	
20.5.1.1.d	<p>Mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133) menetapkan kebenaran merancang pembangunan diperoleh sebelum sesuatu projek pembinaan dimulakan. Semakan Audit mendapati kontraktor telah diberi EOT 1 selama 316 hari bagi SMKA (P) Al-Mashoor disebabkan oleh arahan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 27 Julai 2010 untuk memberhentikan kerja pembinaan kerana permohonan kebenaran merancang pembangunan belum diluluskan. Kerja awalan telah dimulakan oleh kontraktor pada 14 Mei 2010 dan permohonan kebenaran merancang telah dibuat pada 4 Jun 2010. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelulusan pelan kebenaran merancang telah diluluskan pada 1 Jun 2011 iaitu selama 361 hari dari tarikh permohonan dibuat disebabkan oleh kekeliruan mengenai cadangan meroboh</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sebahagian bangunan sekolah sedia ada yang dikategorikan sebagai bangunan warisan.</p> <p>Bagaimanapun maklum balas daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 16 Oktober 2015 menyatakan kelewatan kelulusan pelan kebenaran merancang adalah disebabkan arkitek pemohon gagal mematuhi kehendak jabatan teknikal bagi penyerahan tanah untuk pelebaran jalan dan tidak menyediakan anjakan bangunan dari garisan pelebaran jalan. Hal tersebut menyebabkan Jawatankuasa OSC terpaksa menangguhkan permohonan kebenaran merancang sebanyak 2 kali iaitu pada 3 November 2010 dan 8 Mac 2011.</p>	
20.5.1.1.e	<p>Semakan Audit selanjutnya di SMKA Keningau pula mendapati kelewatan meluluskan kerja WPS oleh Kementerian pada 27 November 2012 juga telah mengakibatkan EOT terpaksa diberikan kepada kontraktor walaupun kontraktor telah mengemukakan permohonan WPS lebih awal iaitu pada 8 Mac 2012. Kelewatan kelulusan WPS menyebabkan EOT selama 174 hari telah diberikan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemberian EOT disebabkan kelewatan Kementerian dalam meluluskan WPS dan kelewatan kelulusan pelan Kebenaran Merancang oleh MPPP dapat dielakkan sekiranya pemantauan yang teliti dibuat oleh pihak Kementerian/Perunding.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 September 2015</b></p> <p><i>SMKA Al-Mashoor - EOT No.4 lewat dipohon oleh kontraktor disebabkan alasan utama bagi permohonan tersebut adalah bagi kerja-kerja pipe jacking untuk retikulasi air dan retikulasi pembentungan. Kelulusan pelan retikulasi air daripada PBA telah diperolehi pada 13 Oktober 2014 manakala kelulusan pelan retikulasi pembentungan hanya diperolehi pada 9 Oktober 2014. Tanpa kelulusan pelan tersebut, kontraktor tidak akan dapat mengganggu tempoh masa yang diperlukan bagi menyiapkan kerja-kerja tersebut serta kerja lain yang perlu dilaksanakan setelah kerja tersebut siap.</i></p> <p><i>Kementerian mengambil maklum berkaitan kelewatan kelulusan EOT bagi permohonan EOT No.1, 3 dan 4. Kelulusan EOT No.1 hanya dibawa ke Jawatankuasa EOT pada 24 Oktober 2014 selepas kelulusan Kebenaran Merancang (KM) diperolehi dan kontraktor benar-benar boleh memulakan semua kerja di tapak. Kelulusan EOT No.3 pula hanya dibentangkan pada</i></p>	Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.1.1.e

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>21 Januari 2014 disebabkan terdapat beberapa perubahan kerja bagi bangunan warisan yang tidak dapat dimuktamadkan yang mempengaruhi tempoh EOT yang dipohon bagi menyiapkan kerja tersebut.</p> <p>Namun begitu, tiada sebarang EOT yang diluluskan selepas CPC dikeluarkan. Walaupun terdapat EOT diluluskan selepas tamat tempoh kontrak, Kementerian telah mengeluarkan Perakuan Tidak Siap Kerja (CNC) dan ia mematuhi prosedur kontrak.</p> <p>Proses permohonan Kebenaran Merancang bagi projek ini telah dimulakan pada 22 Jun 2009 iaitu proses mendapatkan tandatangan pemilik tanah iaitu JKPTG di atas pelan yang akan dikemukakan ke MPPP. Namun, berlaku masalah di mana pihak JKPTG tidak mahu menandatangani pelan tersebut disebabkan tapak bagi projek ini bukan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). Setelah semakan didapati status tapak tersebut adalah Tanah Kerajaan Negeri Rezab Persekutuan bagi tujuan pendidikan. Tanah tersebut diuruskan dan diselenggarakan oleh Kerajaan Persekutuan. Isu tersebut hanya dapat diselesaikan selepas perbincangan yang melibatkan Pengurusan Tertinggi Kementerian dan Kerajaan Negeri dan akhirnya MPPP telah setuju untuk menerima permohonan KM tanpa tandatangan pemilik tanah pada 4 Jun 2010.</p> <p>Bagi kelewatan kelulusan KM selama 361 hari, kelewatan tersebut keseluruhannya berpunca daripada proses yang panjang di MPPP. Perunding yang dilantik oleh Kementerian telah beberapa kali memohon bagi memulakan kerja awalan di tapak namun ditolak.</p> <p>Kelewatan meluluskan WPS bagi kerja-kerja membaik pulih bangunan warisan adalah disebabkan Kementerian dan perunding menunggu maklum balas daripada MPPP bagi rayuan untuk merobohkan Blok A (Pusat Sumber) yang diperakukan tidak lagi selamat untuk diperbaiki berdasarkan kepada Laporan Pemeriksaan dan Siasatan Forensik yang disediakan oleh IKRAM. Sehingga peringatan terakhir pada 3 Jun 2013, MPPP tidak memberikan sebarang maklum balas terhadap rayuan tersebut.</p> <p><u>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab - Tarikh permohonan EOT No. 1 dikemukakan kepada Kementerian melalui surat bertarikh 29 Oktober 2012. Pra-EOT hanya dibuat pada 11 Januari 2013. Kertas kelulusan ini hanya diangkat untuk kelulusan Mesyuarat JK EOT yang dipengerusikan oleh KSU pada 25 Mac 2013.</u></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Tarikh yang dimaksudkan adalah tarikh sijil ditandatangani oleh Pegawai Penguasa. Tempoh antara permohonan dan kelulusan dan tarikh sijil ditandatangani adalah melibatkan tindakan pembetulan pada kuir dan mengemukakan dokumen tambahan sebelum kertas permohonan diangkat ke mesyuarat atau sijil diangkat untuk perakuan Pegawai Penguasa.</i></p> <p><i>SMKA Keningau - Pihak Kementerian telah mengambil tindakan pembaikan untuk memastikan sebarang permohonan yang melibatkan APK/WPS/PHK/KKS diproses segera setelah dokumen lengkap diterima untuk mengelakkan EOT diberikan kepada kontraktor.</i></p>	
<p><b>20.5.1.2</b></p> <p><b>20.1.5.2.a</b></p>	<p><b>Pencapaian Kewangan</b></p> <p>Projek pembinaan SMKA (P) Al-Mashoor, SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab dan SMKA Keningau dan kemudahan lain yang berkaitan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan secara tender terhad dan rundingan terus serta dilaksanakan secara Konvensional. Jumlah kos yang diperuntukkan bagi pembinaan SMKA tersebut setelah mengambil kira pelarasan harga adalah berjumlah RM174.07 juta. Manakala perbelanjaan setakat 31 Mei 2015 adalah berjumlah RM163.31 juta (93.8%).</p>	
<p><b>20.1.5.2.b.i</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap permohonan dan kelulusan Arahan Perubahan Kerja (APK) mendapati perkara seperti yang berikut:</p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007 menyatakan Arahan Perubahan Kerja (APK) ialah sebarang penyimpangan daripada perjanjian kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan/atau senarai kuantiti sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan. Bagi membuat perubahan kepada kerja yang terkandung dalam kontrak, permohonan Perubahan Kerja hendaklah disediakan untuk kelulusan Jawatankuasa APK.</p>	
<p><b>20.1.5.2.b.ii</b></p>	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat Perubahan Kerja dibuat melalui <i>Architect's Instruction</i> (AI) dan <i>Structural Instruction</i> (SI) Perunding yang melibatkan di SMKA (P) Al-Mashoor dan SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab tidak dikemukakan kepada Pegawai Penguasa untuk kelulusan. Berdasarkan AI dan/atau SI tersebut, kontraktor didapati telah melakukan perubahan kerja tanpa sebarang pertambahan/pengurangan kos kerana tiada penilaian dan pengukuran kerja telah dibuat terhadap perubahan kerja berkenaan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
20.1.5.2.b.iii	<p>Penyelarasan jumlah harga kontrak terhadap segala perubahan reka bentuk, kualiti atau kuantiti kerja sama ada ditambah atau dikurang hendaklah diukur dan dinilai oleh Pegawai Penguasa. Tanpa APK, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada terdapat penyelarasan amaun yang dibenarkan daripada jumlah harga kontrak yang perlu ditambah atau dikurangkan dan sebab-sebab perubahan kerja diberikan.</p> <p>Pada pendapat Audit, APK yang tidak diluluskan namun telah dilaksanakan oleh kontraktor telah melanggar kontrak perjanjian dan kontraktor tidak boleh membuat tuntutan sekiranya terdapat pertambahan kos disebabkan APK tersebut. Namun sekiranya terdapat pengurangan kos disebabkan oleh APK tersebut, tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap kontraktor dan perunding.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 September 2015</b></p> <p><i>SMKA Al-Mashoor - Terdapat perbezaan di antara lukisan dan kuantiti di dalam kontrak dengan yang dibina di tapak. Ini disebabkan terdapat sedikit pindaan yang disyaratkan dalam kelulusan KM di mana secara keseluruhannya ia melibatkan pengurangan kos yang dianggarkan sebanyak RM332,590.12. Bagi arahan yang melibatkan pengurangan kos hanya Pelarasan Harga Kontrak (PHK) perlu dibuat setelah kerja-kerja siap sepenuhnya. Perunding QS sedang melaksanakan PHK bagi semua skop kontrak dan dijangka dikemukakan ke Kementerian selewat-lewatnya 30 Ogos 2015.</i></p> <p><i>Kementerian akan memastikan semua PHK dibentangkan ke Jawatankuasa APK/KPK/KKS/WPS/PHK untuk diluluskan selewat-lewatnya 30 September 2015 atau 1 bulan selepas dikemukakan oleh perunding.</i></p> <p><i>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab - Perubahan kerja yang dimaksudkan ini tidak melibatkan sebarang perubahan kos bagi item berkaitan. Bagi perubahan yang melibatkan perubahan kedudukan, ianya akan ditunjukkan dalam As-Built Drawing.</i></p>	<p><b>SMKA Al-Mashoor</b></p> <p>Berdasarkan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang dilaksanakan oleh perunding QS, didapati terdapat pengurangan kos yang terkini iaitu sebanyak RM388,374.30. Perunding QS telah mengemukakan PHK bagi semua skop kontrak mengikut tempoh yang ditetapkan namun KPM telah mengarahkan agar PHK tersebut diteliti lagi berdasarkan <i>As-Built Drawing</i> yang telah disediakan oleh kontraktor. Perunding QS telah diarahkan untuk mengemukakan semula PHK tersebut ke KPM selewat-lewatnya 16 November 2015.</p> <p>Kementerian akan memastikan semua PHK dibentangkan ke Jawatankuasa APK/KPK/KKS/WPS/PHK untuk diluluskan selewat-lewatnya 15 Disember 2015 atau 1 bulan selepas dikemukakan oleh perunding.</p>
20.5.2.2	<p><b>Surat Setuju Terima (SST) Lewat Dikeluarkan</b></p> <p>Surat Setuju Terima (SST) ialah surat pengesahan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender, syarat yang telah dipersetujui dalam Surat Niat dan syarat lain yang</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dipersetujui melalui rundingan sebelumnya. Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan SST hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor dalam tempoh satu hari selepas kelulusan Kementerian Kewangan. Semakan Audit mendapati SST bagi SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahad dan SMKA Keningau lewat dikeluarkan selama 34 dan 90 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan mengeluarkan SST boleh menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 September 2015</b></p> <p><i>Kementerian mengakui bahawa berlaku kelewatan dalam mengeluarkan SST. Ia adalah berpunca daripada kelewatan menandatangani kertas kerja yang diangkat semula berikutan Pengurus Projek yang bertukar. Bagi mengelakkan masalah yang sama berulang bagi projek-projek Kementerian yang akan datang, Kementerian telah menyemak semula prosedur tersebut dan telah membuat penambahbaikan dalam tatacara pengeluaran SST.</i></p>	<p>Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.2.2</p>
<p><b>20.5.2.3</b></p>	<p><b>Kontrak Lewat Ditandatangani</b></p> <p>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 menetapkan kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh keluarnya Surat Setuju Terima. Semakan Audit terhadap dokumen kontrak projek pembinaan SMKA mendapati kedua-dua projek pembinaan SMKA telah lewat ditandatangani antara 113 hingga 209 hari.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan menandatangani kontrak boleh menjejaskan kepentingan Kerajaan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 September 2015</b></p> <p><i>SMKA Al-Mashoor - Kementerian mengakui bahawa berlaku kelewatan dalam menandatangani kontrak. Ia adalah berpunca daripada kelewatan Pelarasan Harga dan Kadar Harga Kontrak oleh kontraktor dan juga kelewatan proses tandatangan di Kementerian.</i></p> <p><i>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab - Kementerian mengakui bahawa berlaku kelewatan dalam menandatangani kontrak. Ia adalah berpunca daripada kelewatan Pelarasan Harga dan Kadar Harga Kontrak oleh</i></p>	<p>Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.2.3</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>kontraktor dan juga kelewatan proses tandatangan di Kementerian.</i>  <u>SMKA Keningau</u> - Dokumen kontrak telah dihantar oleh Perunding QS kepada Kementerian pada 28 Julai 2011. (Punca kelewatan tandatangan dokumen kontrak disebabkan terdapat beberapa pindaan lukisan kontrak perlu dibuat sebelum ianya dipersetujui).</p> <p><i>Bagi mengelakkan masalah yang sama berulang bagi projek-projek Kementerian yang akan datang, Kementerian telah menyemak semula prosedur tersebut dan telah membuat penambahbaikan terhadap tatacara pentadbiran kontrak di peringkat pasca tender yang turut merangkumi proses menandatangani kontrak.</i></p>	
20.5.2.4	<p><b>As-Built Drawing Lewat Dikemukakan</b></p> <p>Mengikut Dokumen kontrak, kontraktor hendaklah mengemukakan Dokumen Penyerahan merangkumi Lukisan Siap Bina (<i>As-Built Drawing</i>), salinan Sijil-sijil waranti dan Pengiktirafan yang berkaitan termasuk Manual Operasi yang dijilidkan dengan lengkap dalam tempoh 30 hari dari tarikh Perakuan Siap Kerja (CPC). Pegawai Penguasa atau bahagian yang menyelia projek perlu mengadakan satu sistem kawalan penerimaan, perekodan dan penyimpanan dokumen-dokumen berkenaan dengan teratur dan selamat. Semakan Audit mendapati <i>As-Built Drawing</i> bagi SMKA (P) Al Mashoor dan SMKA Keningau lewat dikemukakan kepada Kementerian antara 109 dan 559 hari, manakala sehingga 31 Mei 2015, <i>As-Built Drawing</i> bagi SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab masih belum dikemukakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan atau kegagalan kontraktor mengemukakan <i>As-Built Drawing</i> boleh menyebabkan pengesahan rekod dan kerja sebenar tidak dapat dibuat yang akhirnya menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan dilaksanakan bila diperlukan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><u>SMKA Al-Mashoor</u> - Kelewatan adalah disebabkan perunding terpaksa mengambil masa yang lama bagi menyemak dan mengesahkan lukisan tersebut kerana terdapat banyak pindaan berbanding lukisan kontrak terutamanya yang melibatkan bangunan warisan.</p>	Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.2.4

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab - Kelewatan penyerahan As-Built Drawing adalah kekangan akibat semakan dan pengesahan yang mengambil masa daripada Perunding Arkitek manakala Perunding M&amp;E dan C&amp;S masih dalam semakan. Perunding Arkitek telah dimaklumkan akan hal ini dan dipohon agar dapat mempercepatkan semakan dan pengesahan As-Built Drawing. As-Built Drawing yang lengkap hanya dapat dikemukakan pada penghujung bulan Oktober 2015 kerana masih dalam semakan perunding Arkitek.</i></p>	<p><b><u>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab</u></b></p> <p>Perunding M&amp;E dan C&amp;S telahpun mengemukakan <i>as-built drawing</i> masing-masing. Pihak perunding masih dalam proses membukukan semua lukisan dan dokumen yang telah dimuktamadkan sebelum dikemukakan kepada BPP untuk tindakan selanjutnya. Jangka selesai sebelum Disember 2015.</p>
<p><b>20.5.3</b></p> <p><b>20.5.3.1</b></p>	<p><b>Kualiti Pembinaan</b></p> <p><b>Reka Bentuk Pembinaan Yang Tidak Praktikal/TidakSesuai</b></p> <p>Setiap reka bentuk dan binaan hendaklah mengikut keperluan pelanggan, berfungsi dengan baik, selamat, praktikal dan mudah untuk melaksanakan kerja penyenggaraan. Semakan Audit mendapati beberapa reka bentuk pembinaan/ perabot yang dilaksanakan/dibekalkan adalah tidak praktikal/tidak sesuai.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab - Item penutup longkang tidak tersenarai dalam kontrak. Cadangan perolehan secara berasingan oleh pihak sekolah dengan menggunakan peruntukan mengurus telah dikeluarkan melalui emel bertarikh 12 Ogos 2015.</i></p> <p><i>SMKA Keningau - Semakan mendapati kualiti bumbung adalah tidak mengikut lukisan kontrak dan BQ. Lukisan sebenar adalah melepasi koridor. Kementerian telah mengeluarkan surat bertarikh 28 Ogos 2015 mengarahkan kontraktor untuk mengubah kualiti mengikut lukisan kontrak yang disediakan dengan kadar segera. Bagi mengelakkan kerosakan pada struktur bangunan sedia ada pihak arkitek telah mencadangkan pemasangan bumbung tambahan. Jenis dan pemasangan adalah berdasarkan reka bentuk yang disediakan oleh arkitek. Pihak kontraktor akan membuat kerja-kerja berkenaan apabila cuti sekolah bermula pada hujung bulan November 2015 untuk mengelakkan gangguan terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran.</i></p> <p><i>Penutup longkang tidak termasuk dalam lukisan sivil. Cadangan perolehan secara berasingan oleh pihak sekolah dengan menggunakan peruntukan mengurus telah dikeluarkan melalui emel bertarikh 12 Ogos 2015.</i></p>	<p><b><u>SMKA KENINGAU</u></b></p> <p>Pihak Kementerian mengambil maklum atas kajian Audit ini. Untuk makluman, pihak Kontraktor telah menyediakan jadual kerja fleksibel bagi tujuan pembaikan kualiti bumbung pada selang masa 20 November 2015 hingga 31 Disember 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>20.5.3.2</b></p>	<p><b>Kualiti Kerja Pembinaan Tidak Memuaskan/Sempurna</b></p> <p>Kerja pembinaan perlu berkualiti selaras dengan objektif Kementerian untuk menyediakan prasarana kemudahan pembelajaran yang kondusif serta mendapat <i>best value for money</i> dan berada pada tahap piawai yang boleh diterima umum supaya bangunan/peralatan yang dibina boleh digunakan secara optimum dan selamat. Pemeriksaan Audit mendapati kerja pembinaan tidak dilaksanakan dengan memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 September 2015</b></p> <p><i>Kementerian mengakui bahawa pemasangan sesalur air di dalam bilik suis boleh menyebabkan berlakunya kerosakan kepada Papan Suis Utama sekiranya berlaku kebocoran pada paip tersebut. Sebagai langkah pencegahan, kontraktor telah diarahkan untuk melindungi paip tersebut dengan membina box up daripada permukaan lantai sehingga permukaan siling bilik tersebut. Kerja-kerja pembinaan box up tersebut dijangka siap sebelum 31 Ogos 2015.</i></p> <p><i>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab - Pembaikan ke atas kemas kerja yang laporkan sebagai kualiti tidak memuaskan telah dimasukkan dalam Senarai Kecacatan untuk dibaiki oleh kontraktor. Sehingga tarikh pemeriksaan bersama oleh pihak kontraktor dan perunding pada 31 Julai 2015 mendapati kerja-kerja berkaitan telah pun dibaiki.</i></p> <p><i>SMKA Keningau - Pihak kontraktor dan konsultan telah mengenalpasti kawasan terlibat dan kerja-kerja pembaikan akan dilakukan serentak dengan kerja-kerja pemasangan bumbung di blok akademik. Kerja-kerja pembaikan yang dijalankan ini dijangka akan selesai pada penghujung bulan November 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, selain peringatan bertulis, tindakan lebih tegas kepada pihak kontraktor dan konsultan perlu diambil atau dipertimbangkan.</p>	<p>Kementerian mengakui bahawa pemasangan sesalur air di dalam bilik suis boleh menyebabkan berlakunya kerosakan kepada Papan Suis Utama sekiranya berlaku kebocoran pada paip tersebut. Sebagai langkah pencegahan, kontraktor telah diarahkan untuk melindungi paip tersebut dengan membina box up daripada permukaan lantai sehingga permukaan siling bilik tersebut. Kerja-kerja pembinaan box up tersebut telah disiapkan pada 25 September 2015.</p> <p><b>SMKA KENINGAU</b></p> <p>Pihak Kementerian mengambil maklum atas kajian Audit ini. Untuk makluman, pihak Kontraktor telah menyediakan jadual kerja fleksibel bagi tujuan pembaikan kualiti kerja pada selang masa 20 November 2015 hingga 31 Disember 2015.</p>
<p><b>20.5.3.3</b></p>	<p><b>Kerja/Peralatan Yang Dilaksanakan/Dibekalkan Tidak Mengikut Lukisan Kontrak/Spesifikasi Yang Ditetapkan</b></p> <p>Setiap kerja binaan dan perbekalan peralatan hendaklah mengikut butiran spesifikasi yang telah ditetapkan dalam kontrak. Sebarang perubahan terhadap skop kerja dan spesifikasi kontrak asal perlu mendapat kelulusan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>daripada Pegawai Penguasa. Lawatan Audit ketiga-tiga SMKA mendapati ada kerja binaan dan perbekalan peralatan yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan tiada perubahan kerja atau APK terhadap penyimpangan tersebut dapat disemak.</p> <p>Pada pendapat Audit, kualiti kerja yang tidak memuaskan; kerja yang tidak mengikut spesifikasi kontrak dan perbekalan tidak mengikut kontrak boleh menyebabkan risiko keselamatan serta persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 September 2015</b></p> <p><u>SMKA Al-Mashoor</u> - Berikut merupakan maklum balas bagi perkara yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. 4 unit Bain Marie di Dewan Makan - Panjang Bain Marie terpaksa dikurangkan bagi menyesuaikan dengan reka bentuk bilik disebabkan terdapat tiang/column yang perlu dibina pada kawasan bain marie tersebut dipasang. Perubahan ini akan melibatkan pemotongan kos sebanyak RM2059.20.</li> <li>ii. Permukaan lantai di bilik utiliti dan servis - Mengikut spesifikasi piawai, kemasan bagi lantai bilik utiliti dan servis adalah secara lepaan simen sahaja. Namun, semasa penyediaan lukisan tender dan lukisan kontrak perunding arkitek telah melakukan kesilapan dengan meletakkan kemasan lantai iaitu jubin jenis homogenous. Oleh itu, pelarasan harga akan dibuat dan ia akan melibatkan pengurangan kos.</li> </ol> <p>Perunding QS telah diarahkan untuk menyediakan semua Pelarasan Harga Kontrak (PHK) dan perlu dikemukakan ke Kementerian sebelum 31 Julai 2015.</p> <p>Kementerian telah memberikan peringatan kepada Perunding untuk menyerahkan PHK sebelum 23 Oktober 2015 memandangkan setakat 12 Oktober 2015, PHK belum dikemukakan lagi.</p> <p><u>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab</u> - Bagi item perabot, pihak Perunding memaklumkan melalui surat bertarikh 6 Mei 2015 (ruj: PUA/KPM/SMKASHOAW/07-104/KPMS (8) bahawa perabot yang tidak</p>	<p><b><u>SMKA Al-Mashoor</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <b>4 unit Bain Marie di Dewan</b> Berdasarkan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang dilaksanakan oleh perunding QS, didapati terdapat pengurangan kos yang terkini bagi <i>Bain Marie</i> di Dewan Makan iaitu sebanyak RM1,165.00 dan merupakan dalam PHK No.5.</li> <li>ii. <b>Permukaan lantai di bilik utiliti dan servis</b> Berdasarkan Pelarasan Harga Kontrak (PHK) yang dilaksanakan oleh perunding QS, didapati terdapat pengurangan kos yang terkini iaitu sebanyak RM388,374.30.</li> </ol> <p>Perunding QS telah mengemukakan PHK bagi semua skop kontrak mengikut tempoh yang ditetapkan namun terdapat sedikit pindaan dan dokumen tambahan yang diperlukan. Perunding QS telah diarahkan untuk mengemukakan semula PHK tersebut ke KPM selewat-lewatnya 16 November 2015. Kementerian akan memastikan semua PHK dibentangkan ke Jawatankuasa APK/KPK/KKS/WPS/PHK untuk diluluskan selewat-lewatnya 15 Disember 2015 atau 1 bulan selepas dikemukakan oleh perunding.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dipasang sebelum ini telah pun dipasang di tapak dan juga penjelasan dibuat ke atas perabot dan peralatan yang dipasang tidak mengikut spesifikasi di dalam kontrak.</i></p> <p><i><u>SMKA Keningau</u> - Kerja-kerja binaan yang telah dibina tidak mengikut spesifikasi telah disemak bersama QS konsultan dan pihak Kementerian telah mengeluarkan surat peringatan pada 12 Ogos 2015 dan perbincangan mengenai perkara ini telah dilakukan pada 11 September 2015. Pihak kontraktor akan menyempurnakan kerja-kerja spesifikasi kontrak bermula pada hujung November semasa cuti sekolah kerana tidak mahu mengganggu sesi pengajaran dan pembelajaran. Konsultan M&amp;E telah memaklumkan bahawa pemasangan kabel tray adalah di luar kontrak kontraktor utama kerana dilaksanakan oleh pihak kontraktor SESB.</i></p>	<p><b><u>SMKA KENINGAU</u></b></p> <p>Pihak Kementerian mengambil maklum atas kajian Audit ini. Untuk makluman, pihak Kontraktor telah menyediakan jadual kerja fleksibel bagi tujuan pembaikan pada selang masa 15 November 2015 hingga 31 Disember 2015.</p>
<p><b>20.5.3.4</b></p>	<p><b>Warna/Cat Luntur Di Bahagian Luar Dinding Bangunan Di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab</b></p> <p>Bagi memastikan kerja mengecat yang berkualiti, kontraktor perlu memastikan produk cat pengilang adalah mengikut <i>standard</i> yang ditetapkan dan waranti diberikan. Kerja mengecat hendaklah memenuhi prosedur, spesifikasi dan arahan pengilang. Lawatan Audit di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab mendapati berlakunya kelunturan warna cat di bahagian luar dinding bangunan di Blok Pentadbiran, Blok Asrama dan Blok Akademik. Semakan Audit selanjutnya mendapati produk cat yang dibekalkan masih dalam tempoh waranti bermula dari 15 November 2013 hingga 14 November 2019 iaitu selama 6 tahun.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i><u>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab</u> - Kerja mengecat telah dijalankan sepenuhnya ke atas sekolah tersebut. Kerja mengecat telah sempurna sepenuhnya pada 15 September 2015.</i></p>	<p>Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.3.4</p>
<p><b>20.5.3.5</b></p>	<p><b>Kelunturan Warna Bumbung Bangunan (<i>Metal Roofing Sheet</i>)</b></p> <p>Pembekalan produk berkualiti penting untuk memastikan ketahanan produk selaras dengan tempoh waranti yang ditetapkan dan tidak membebankan pengguna dari aspek kos penyelenggaraan yang berterusan. Lawatan Audit pada 2 Mac 2015 mendapati bumbung di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Wahab yang dipasang pada 15 November 2013 telah mengalami kelunturan warna menyebabkan terdapat 2 warna pada bumbung tersebut. Semakan lanjut mendapati tempoh jaminan bumbung-bumbung tersebut adalah 5 tahun. Bagaimanapun tindakan mengecat semula oleh pihak kontraktor akan dilakukan mulai bulan Mei 2015 hingga Disember 2015.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Perunding mengesahkan bahawa kerja-kerja berkaitan telah selesai sepenuhnya pada 19 September 2015.</i></p>	Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.3.5
20.5.3.6.a	<p><b>Pemasangan Lif Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak Di SMKA (P) Al-Mashoor</b></p> <p>Mengikut kontrak bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Terima Dan Mentauliah Kerja-Kerja Pemasangan Lif di SMKA (P) Al-Mashoor, sebanyak 10 lif perlu dipasang iaitu 2 lif di Blok Kuarters, 4 lif di Blok Asrama dan 4 lif di Blok Akademik melibatkan kos sejumlah RM2.19 juta. Ia melibatkan 6 lif penumpang dan 4 lif Bomba. Bagi tujuan ini CMA Services Sdn. Bhd. sebagai Subkontraktor Dinamakan (NSC) telah dilantik dan perjanjian telah ditandatangani antara kontraktor utama dan NSC pada 11 Jun 2013 di mana pemasangan perlu dibuat dalam tempoh 21 September 2012 hingga 3 Oktober 2013.</p>	
20.5.3.6.b	<p>Semakan Audit mendapati saiz sesalur/lif <i>shaft</i> di blok akademik yang dibina oleh kontraktor utama tidak memenuhi ketegakan (<i>verticality</i>) yang diperlukan atau lebih kecil berbanding saiz yang ditetapkan di dalam kontrak. Sesalur yang dibina adalah tidak sekata. Ukuran yang dibuat oleh CMA Services Sdn. Bhd. mendapati ukuran paling kritikal diperolehi bagi sesebuah lif berbanding ukuran sesalur lif yang minima diperlukan bagi pemasangan lif.</p>	
20.5.3.6.c	<p>Ukuran minima sesalur lif dibina adalah berbeza dengan ukuran minima diperlukan menyebabkan 4 buah lif di blok Akademik bernilai RM0.84 juta yang telah dibina dikilang tidak dapat dipasang. Semakan lanjut mendapati Perunding JPNS Sdn. Bhd. (perunding mekanikal dan elektrik) pada November 2013 telah membuat 2 cadangan penyelesaian kepada Kementerian Kementerian seperti yang berikut:</p> <p>i. membuat perubahan ruang sesalur lif yang melibatkan kerja-kerja <i>hacking</i> terhadap dinding sesalur lif yang telah siap sehingga 145mm yang akan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>menyebabkan struktur konkrit sesalur lif tidak lagi kukuh kerana ketebalan dinding konkrit sesalur lif hanya berukuran 250mm. Selain itu kedudukan sesalur lif bersebelahan ruang tangga dan bersambung dengan struktur bangunan lain, ditakuti kerja pembaikan ini boleh memberi kesan kepada kekukuhan struktur keseluruhan bangunan; dan</p> <p>ii. memasang lif berkapasiti lebih kecil yang bersesuaian dengan ukuran sesalur sedia ada iaitu 685kg untuk 10 penumpang. Bagaimanapun ia akan menyebabkan tempoh pengoperasian lif yang lebih lama, melibatkan tambahan masa sehingga 4 bulan bagi kerja pengubahsuaian lif sedia ada dan kemungkinan melibatkan tambahan kos sehingga RM0.28 juta kerana perubahan spesifikasi lif.</p>	
<p><b>20.5.3.6.d</b></p>	<p>Kementerian pada 20 Januari 2014 telah memutuskan kapasiti lif di blok Akademik dikurangkan daripada 15 penumpang kepada 10 penumpang, tiada lanjutan masa diberikan dan pelarasan harga kontrak akan dibuat akibat pengurangan kapasiti lif. Sehingga lawatan Audit pada 26 hingga 30 Januari 2015 mendapati tiada pelarasan harga bagi perubahan kapasiti lif daripada 15 kepada 10 orang telah dibuat.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kementerian mengakui bahawa berlaku masalah dalam pembinaan dan pemasangan lif seperti yang dibangkitkan pada para a, b dan c. Kementerian juga telah memutuskan untuk hanya membayar kerja tersebut berdasarkan kepada harga lif bagi 10 penumpang. Oleh itu, pelarasan harga akan dibuat.</i></p> <p><i>Perunding M&amp;E telah mendapatkan harga bagi lif 10 penumpang daripada 5 pengeluaran lif yang berbeza namun Kementerian telah mengarahkan agar harga tersebut disemak semula berdasarkan kadar harga pada tahun 2011. Kementerian telah mengingatkan supaya Perunding menyemak harga yang diberikan dan mengemukakan PHK dengan kadar yang segera. Selain itu, Kementerian juga telah memutuskan bahawa kos pengubahsuaian lif daripada 15 penumpang kepada 10 penumpang akan ditanggung bersama dan dibahagikan di antara kontraktor utama, subkontraktor lif dan semua perunding kecuali perunding QS.</i></p> <p><i>PHK akan diserahkan selewatnya penghujung bulan Oktober 2015 untuk tindakan selanjutnya.</i></p>	<p>Kementerian mengakui bahawa berlaku masalah dalam pembinaan dan pemasangan lif seperti yang dibangkitkan pada para a, b dan c. Kementerian juga telah memutuskan untuk hanya membayar kerja tersebut berdasarkan kepada harga lif bagi 10 penumpang. Oleh itu, pelarasan harga akan dibuat.</p> <p>Perunding M&amp;E telah mendapatkan harga bagi lif 10 penumpang daripada 5 pengeluaran lif yang berbeza namun Kementerian telah mengarahkan agar harga tersebut disemak semula berdasarkan kadar harga pada tahun 2011. Kementerian telah mengingatkan supaya Perunding menyemak harga yang diberikan dan mengemukakan PHK dengan kadar yang segera. Selain itu, Kementerian juga telah memutuskan bahawa kos pengubahsuaian lif daripada 15 penumpang kepada 10 penumpang akan ditanggung bersama dan dibahagikan di antara kontraktor utama, subkontraktor lif dan semua perunding kecuali perunding QS.</p> <p>Namun, PHK masih belum dikemukakan ke KPM berdasarkan sasaran awal yang ditetapkan oleh KPM. KPM telah mengingatkan perunding QS agar mengemukakan selewat-lewatnya 16 November 2015. Sekiranya gagal, Surat Tunjuk Sebab akan dikeluarkan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, kelemahan perunding dalam memantau kerja-kerja pembinaan struktur <i>lif shaft</i> telah mengakibatkan pembinaan struktur lif shaft yang tidak sejajar oleh kontraktor. Namun tindakan pelarasan harga yang akan dibuat oleh Kementerian adalah langkah yang wajar tetapi Kementerian seharusnya mengambil kira dan mengkaji impak keselamatan kepada pelajar sekiranya peraturan penggunaan lif oleh pelajar tidak dipatuhi bagi tempoh jangka panjang.</p>	
<p><b>20.5.3.7</b></p>	<p><b>Kerosakan Atau Kecacatan Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) Yang Belum Diambil Tindakan</b></p> <p>Mengikut syarat kontrak, Kontraktor/Pembekal perlu membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dalam tempoh tanggungan kecacatan selama 12 bulan dari tarikh Perakuan Siap Kerja. Pihak Perunding/Kementerian adalah bertanggungjawab untuk memantau kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor/Pembekal berkenaan. Semakan Audit terhadap laporan kecacatan di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab mendapati kerosakan dan kecacatan tertunggak/berulang belum diambil tindakan walaupun telah dibangkitkan oleh sekolah semasa dalam tempoh DLP. Manakala tempoh DLP bagi projek pembinaan SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab telah tamat pada 14 November 2014, namun lawatan Audit pada 3 hingga 5 Mac 2015 mendapati kerosakan dan kecacatan tersebut masih belum dapat diselesaikan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kerja penyiapan DLP ini telah dilaksanakan dengan sebaiknya mengikut jadual. Kerja penyiapan DLP telah siap sepenuhnya pada bulan September 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, sebarang kegagalan/kemungkiran kontraktor untuk melaksanakan kerja pembaikan perlulah diambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan perjanjian kontrak yang ditetapkan.</p>	<p>Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.3.7</p>
<p><b>20.5.3.8</b></p>	<p><b>Kelemahan Perkhidmatan Perunding Arkitek</b></p> <p>Objektif utama pelantikan perunding bertujuan membantu Kementerian untuk melaksanakan projek dan memastikan projek disiapkan mengikut jadual. Pelaksanaan skop perkhidmatan perunding hendaklah selaras dengan <i>Term</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>of Reference</i> (TOR) yang dinyatakan dalam <i>Memorandum of Agreement</i> (MOA). Setiap reka bentuk dan binaan hendaklah mengikut keperluan pengguna, berfungsi dengan baik, selamat, praktikal dan mudah untuk melaksanakan kerja penyenggaraan. Semakan Audit mendapati terdapat kelemahan dalam perkhidmatan yang diberikan oleh perunding. Antara kelemahan perunding adalah seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. penyediaan reka bentuk pembinaan yang tidak praktikal dan tidak sesuai. Contohnya rekabentuk SMKA (P) Al-Mashoor yang tidak mempunyai ruang basuh baju bagi asrama pelajar;</li> <li>b. terdapat perubahan kerja yang tidak dikemukakan kepada Kementerian bagi kerja-kerja pembinaan dan pembekalan peralatan/perabot yang tidak mengikut lukisan dan spesifikasi/<i>bills of quantities</i> (BQ) untuk penilaian dan kelulusan pegawai penguasa seperti pembinaan <i>aluminium louvers</i> dan <i>metal roof awning</i> di Kuarters Kelas D SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab;</li> <li>c. pengesahan terhadap bayaran kemajuan bagi kerja/peralatan yang tidak mengikut lukisan dan spesifikasi/<i>bills of quantities</i> (BQ) seperti pengesahan bagi kerja-kerja pemasangan <i>skirting</i> dan <i>gutter</i> di SMKA Keningau;</li> <li>d. pengesahan terhadap bayaran kemajuan bagi peralatan yang tidak dibekalkan seperti <i>blinds</i> di SMKA Keningau;</li> <li>e. kelemahan pemeriksaan di tapak pembinaan menyebabkan berlakunya kualiti kerja/<i>workmanship</i> kontraktor yang kurang memuaskan seperti masalah kualiti lepaan simen di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab; dan</li> <li>f. kelemahan pemantauan terhadap kerja-kerja pembaikan dalam tempoh DLP menyebabkan berlakunya kerosakan dan kecacatan yang belum diambil tindakan dan melepasi tempoh DLP. Contohnya terdapat kerosakan berulang di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab.</li> </ol> <p>Pada pendapat Audit, Kementerian/Perunding perlu peka dengan keperluan pengguna semasa mereka bentuk sesuatu projek supaya Kerajaan tidak menanggung kos penyenggaraan/pengubahsuaian atas reka bentuk yang tidak praktikal/tidak sesuai. Selain itu, kegagalan perunding memantau secara terperinci kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor telah memberi kesan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>terhadap kualiti kerja pembinaan. Kementerian juga perlu mengkaji semula sama ada elemen denda perlu dimasukkan dalam kontrak bagi perkhidmatan perunding yang tidak memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kementerian mengambil perhatian yang tinggi terhadap syor pihak Audit. Perkara ini sedang dikaji untuk dimasukkan dalam kontrak bagi perkhidmatan perunding.</i></p> <p><i>Kementerian telah mengambil tindakan sewajarnya melalui pemantauan bersama dengan pihak JPN.</i></p> <p><i>SMKA Al-Mashoor - Berdasarkan semakan dengan perunding, ruang membasuh baju tidak disediakan disebabkan mereka dimaklumkan semasa peringkat reka bentuk bahawa coin operated machine akan disediakan. Oleh itu, mereka hanya menyediakan ruang bagi menempatkan coin operated machine. Menyedari masalah tersebut, Kementerian telah menurunkan waran peruntukan kepada JPN Pulau Pinang bagi membina kemudahan membasuh baju di ruang yang disediakan dan dijangka siap dalam masa terdekat. Projek tersebut telah siap dilaksanakan dan sudah boleh digunakan oleh murid-murid.</i></p> <p><i>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab - Kerja-kerja ini adalah merupakan inisiatif kontraktor atas komen (secara verbal) daripada pihak SESCO semasa pemasangan meter. Kos berkaitan item ini walaubagaimanapun tidak di tuntutan oleh pihak kontraktor.</i></p> <p><i>Pemantauan sentiasa dibuat oleh pihak perunding yang menempatkan Resident Engineer / Clerk of Work bagi memantau kerja-kerja yang dilaksanakan.</i></p> <p><i>SMKA Keningau - Semakan telah dilakukan kepada pihak QS dan QS memaklumkan pelarasan akan dilakukan terhadap item yang telah dibayar semasa penyediaan akaun muktamad. Kementerian bersetuju bahawa terdapat beberapa masalah dan kelemahan yang berpunca daripada kurangnya kompetensi dan kecuai perunding. Bagi mengatasi isu tersebut dalam projek-projek akan datang, Kementerian telah mengambil beberapa langkah pro aktif seperti yang berikut:</i></p>	<p>Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.3.8</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menggunakan format perjanjian perunding yang terbaharu yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (<i>Consultant Service Agreement, CSA</i>). Berdasarkan CSA ini, terdapat peruntukan di mana perunding boleh dikenakan LAD sekiranya gagal mematuhi perjanjian (<i>deliverables</i>).</li> <li>2. Mengadakan engagement dengan semua Lembaga Profesional yang terlibat bagi memastikan semua perunding yang berdaftar dengan lembaga tersebut memberikan khidmat perundingan yang sewajarnya kepada Kerajaan.</li> <li>3. Membuat aduan/surat tunjuk sebab terus kepada Lembaga Profesional yang berkaitan untuk mengambil tindakan disiplin terhadap perunding yang bermasalah. <i>Menyenaraihitamkan dan tidak lagi melantik perunding-perunding yang bermasalah bagi melaksanakan projek-projek baru Kementerian.</i></li> </ol>	
20.5.4.1	<p><b>Peralatan Melebihi Keperluan</b></p> <p>Setiap perolehan peralatan hendaklah dirancang mengikut keperluan bagi memastikan peralatan dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya, selaras dengan tujuan projek. Semakan Audit mendapati SMKA Keningau telah menerima peralatan <i>workstation</i> guru bernilai RM420,000 daripada perolehan kontrak <i>Built-In Furniture</i>. Bagaimanapun, SMKA Keningau juga telah dibekalkan set meja guru dan padestal bernilai RM47,250 buat kali kedua pada 31 Disember 2012 daripada JPN Sabah, menyebabkan peralatan berlebihan dan tidak digunakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelemahan dalam membuat perancangan perolehan menyebabkan berlakunya pembaziran dan mengakibatkan peralatan tersebut disimpan dan tidak dapat dimanfaatkan penggunaannya.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 September 2015</b></p> <p><i>Sebagaimana proses kerja biasa, Unit Perolehan JPN Sabah akan diarahkan untuk membuat perolehan perabot loose furniture setelah projek mencapai kemajuan fizikal 80%. Perolehan kali kedua ini adalah disebabkan kekurangan penyelarasan pada masa itu. Sebagai langkah penambahbaikan, Unit Perolehan JPN akan dipanggil turut serta di dalam mesyuarat tapak bagi membolehkan keperluan sebenar perabot di sekolah berkaitan.</i></p>	Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.4.1

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>20.5.4.2</b></p>	<p><b>Pengurusan Bayaran</b></p> <p>Perolehan bagi perabot dan peralatan SMKA (P) Al-Mashoor telah diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dengan waran peruntukan berjumlah RM2.27 juta. Perkara 1.8 SST sebut harga menyatakan penyempurnaan pembekalan peralatan hendaklah dibuktikan dengan menggunakan Sijil Akuan Penerimaan (SAP) dan Sijil Pemasangan dan Pengujian (SPP) yang ditandatangani oleh pegawai di institusi-institusi pendidikan yang terlibat. Semakan Audit terhadap 16 sampel baucar bayaran mendapati 5 baucar bayaran yang bernilai RM393,909.84 telah dibayar tanpa disertakan dengan SPP.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembekalan barang tanpa SPP tidak menjamin barang yang dibekalkan berkualiti dan boleh membawa berisiko tidak dapat digunakan sedangkan bayaran telah dibuat sepenuhnya.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 September 2015</b></p> <p><i>Projek SMKA Al-Mashoor telah siap sepenuhnya pada 25 Disember 2014 dan diserahkan pada 7 Januari 2015. Proses perpindahan sekolah telah bermula pada 29 Disember 2014.</i></p> <p><i>Pengujian dan pentauliahan peralatan tidak dapat dilaksanakan pada awalnya kerana penyusunan peralatan di lokasi tidak dibuat kerana proses perpindahan sekolah dari premis lama ke premis baru ini. Kebanyakan peralatan masih belum dibuka dan ditempatkan di sebuah bilik di tingkat 1.</i></p> <p><i>JPN telah melaksanakan sesi pengujian dan pentauliahan selepas semua peralatan tersebut dibuka dan ditempatkan ke bilik-bilik yang sepatutnya seterusnya Sijil Pengujian dan Pentauliahan dikeluarkan.</i></p>	<p>Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.4.2</p>
<p><b>20.5.5</b></p> <p><b>20.5.5.1</b></p> <p><b>20.5.5.1.a</b></p>	<p><b>Penggunaan Peralatan/Kemudahan</b></p> <p><b>Peralatan Tidak Digunakan</b></p> <p>Setiap peralatan yang dibekalkan perlu digunakan secara optimum bagi mengelakkan pembaziran. Semakan Audit mendapati sebanyak 19 unit peralatan bernilai RM134,980 masih belum digunakan sehingga tarikh lawatan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Audit. Antara peralatan yang tidak digunakan adalah peralatan dapur memasak dewan makan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kebanyakan peralatan tersebut belum digunakan kerana kontraktor dewan makan menggunakan peralatan sendiri.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i><u>SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab</u> - Peralatan dapur memasak, periuk dan peralatan dapur lain tidak digunakan oleh pihak sekolah kerana katerer yang dilantik memilih untuk menggunakan peralatan milik mereka sendiri. Oven untuk membakar roti juga tidak digunakan kerana roti dibeli terus dari pembekal.</i></p> <p><i><u>SMKA Keningau</u> - Peralatan memasak di dewan makan adalah disediakan mengikut spesifikasi seperti yang diperlukan untuk penyediaan makanan mengikut jumlah pelajar.</i></p> <p><i>Kementerian mencadangkan kepada pihak JPN untuk memasukkan syarat wajib penggunaan peralatan memasak kepada katerer dalam spesifikasi tender memandangkan syarat ini tidak pernah dimasukkan sebelum ini.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, arahan tegas bagi memastikan katerer menggunakan peralatan yang telah disediakan amatlah diperlukan memandangkan tiada bayaran dikenakan terhadap penggunaan peralatan tersebut selain daripada sewaan. Tindakan mengenakan bayaran/denda bagi katerer yang tidak menggunakan peralatan seharusnya dikaji kewajarannya untuk diimplikasikan dalam perjanjian katerer agar Kerajaan tidak dibebankan dengan kos penyenggaraan pemulihan pada masa akan datang.</p>	<p><b><u>SMKA KENINGAU</u></b></p> <p>Pihak Kementerian mengambil maklum atas kajian Audit ini. Untuk makluman, Kementerian telah mengeluarkan surat bertarikh 30 Oktober 2015 ruj: KPM. BPP(SBH) 900/00201/012/2-39 Jld II (20) kepada JPN Sabah bagi memaklumkan cadangan untuk memberikan arahan atau mengenakan syarat wajib penggunaan peralatan sedia ada kepada semua katerer yang terlibat.</p>
20.5.5.2	<p><b>Kemudahan Tidak Digunakan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati kemudahan seperti makmal komputer, makmal sains, makmal kimia, makmal fizik, makmal biologi, bilik kerja, bilik masak, bilik sukan dan bilik muzik SMKA Keningau tidak digunakan sejak sekolah mula beroperasi kerana tiada peralatan pengajaran dan pembelajaran disediakan. Semakan lanjut mendapati makmal komputer di SMKA Keningau menggunakan meja guru yang dibekalkan oleh JPN Negeri Sabah sebagai meja komputer dan komputer riba yang dipinjam daripada Pusat Kegiatan Guru untuk kegunaan pelajar.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 11 September 2015</b></p> <p><i>Penyediaan peralatan P&amp;P tidak termasuk dalam kontrak dan perlu dimohon melalui JPNS. Permohonan Makmal Sains untuk SMKA Keningau telah diangkat semula ke Kementerian rujukan : JP(SB)/900(12)/400/02/02Jilid.10(22) bertarikh 23 Februari 2015, atas sebab unit perolehan tidak mempunyai data berkaitan makmal sains, permohonan dibuat setelah memohon Sektor Pengurusan Akademik (SPA) mengemukakan senarai sekolah dan senarai peralatan makmal berdasarkan keperluan mengikut subjek yang diajar di sekolah. Secara teknikal, unit perolehan JPN Sabah tidak memegang data mengenai peralatan makmal kerana ia berkaitan dengan peralatan pembelajaran yang diselaraskan oleh SPA.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kegagalan perancangan yang sempurna dan teliti menyebabkan peralatan atau kemudahan tidak dapat digunakan secara optimum yang seterusnya berisiko berlakunya pembaziran.</p>	<p>Maklumbalas kekal seperti di perenggan 20.5.5.2</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Perenggan 21 : Pengurusan Buku Teks**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.1.2.a	<p><b>Prestasi Fizikal</b></p> <p>Pencapaian aktiviti pengurusan buku teks diukur berdasarkan bilangan judul buku teks yang diterbitkan (baru dan cetakan semula) dan bilangan naskhah yang dibekalkan ke sekolah-sekolah. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, BBT telah berjaya menerbitkan sebanyak 1,629 judul buku teks seperti yang dirancang. Dari segi naskhah yang dibekalkan ke sekolah, didapati BBT telah membekal sebanyak 76.02 juta naskhah berbanding 85.83 juta yang dirancang dengan kurangan sebanyak 9.81 juta naskhah (11.4%).</p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 21.5.1.2.b
21.5.1.2.b	<p>Sepanjang tempoh tersebut didapati KPM telah berjaya membekalkan buku teks ke sekolah sebelum hari pertama persekolahan dibuka kerana tiada aduan diterima oleh KPM mengenai kegagalan membekalkan buku teks pada tarikh ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi aktiviti ini adalah baik kerana 98.7% peruntukan telah dibelanjakan dan buku teks telah berjaya dibekalkan ke sekolah sebelum hari pertama persekolahan. Bagaimanapun pihak Audit tidak dapat menentukan punca pengurangan naskhah buku yang dibekal ke sekolah berbanding dirancang.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kurangan pembekalan buku teks berlaku kerana anggaran kontrak dibuat antara 2 hingga 4 tahun lebih awal berbanding pesanan sebenar. Anggaran pesanan ini berdasarkan enrolmen semasa berserta anggaran pertambahan enrolmen sebanyak 3% serta jangkaan buku rosak. Selain itu, BBT menghadapi kesukaran untuk menganggarkan pesanan bagi mata pelajaran elektif.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.2.2.a	<p><b>Proses Penghasilan Buku Teks</b></p> <p>Mengikut kontrak, kontraktor hendaklah membekalkan buku teks yang berkualiti antaranya perlulah jelas, lengkap, betul dan tepat. Sekiranya kontraktor membekalkan buku teks yang rosak atau rendah kualitinya, Kerajaan berhak mengenakan denda sebanyak 5% daripada nilai buku teks yang dipesan atau RM500 mengikut mana yang kurang.</p>	
21.5.2.2.b	<p>Mengikut Manual Prosedur Kerja (MPK), bagi judul buku teks terbitan baru, kontraktor perlu mengemukakan Naskhah Sedia Kamera (NSK) kepada BBT untuk disemak oleh 7 jawatankuasa antaranya Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat (PMS), Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan PMS dan Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera yang keahliannya terdiri daripada kalangan pensyarah universiti dan guru cemerlang mata pelajaran berkaitan bagi menghasilkan Naskhah Contoh (NC) dan Naskhah Edar (NE). Pengarah BBT hendaklah meluluskan NE tersebut sebelum percetakan dibuat. Bagaimanapun proses kerja bagi buku teks cetakan semula tidak dinyatakan dalam MPK tersebut.</p>	<p>BBT bersetuju dengan syor audit dan telah menambah baik <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi proses semakan buku teks cetakan semula (BCS) untuk dimasukkan dalam Manual Prosedur Kerja (MPK).</p>
21.5.2.2.c	<p>Semakan Audit mendapati proses cetakan buku baru telah dilaksanakan seperti yang telah ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya di semua sekolah yang dilawati dan di BBT mendapati mutu percetakan semula buku teks Sejarah Tingkatan 2, Bahasa Malaysia Tingkatan 2 dan Bahasa Melayu Tingkatan 1 adalah kurang memuaskan kerana tulisannya dan warna tidak jelas atau berbayang. Selain itu, terdapat muka surat yang tidak lengkap bagi buku teks Sains Tingkatan 2.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelantikan Kontraktor telah dijalankan dengan teratur. Bagaimanapun, kualiti cetakan semula buku teks kurang memuaskan.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><u>Maklum Balas DBP:-</u></p> <p><i>Kualiti buku yang terjejas adalah disebabkan masalah yang timbul semasa penswastaaan aktiviti penerbitan kepada syarikat kontraktor yang dilantik DBP. Oleh itu, DBP akan menggantikan kesemua buku yang rosak iaitu buku teks Sejarah Tingkatan 2, Bahasa Malaysia Tingkatan 2 dan Bahasa Malaysia Tingkatan 1 serta akan memastikan buku yang dibekalkan ke sekolah berkualiti.</i></p>	<p>Status terkini - Sejarah Tingkatan 2, Bahasa Malaysia Tingkatan 1 dan Bahasa Malaysia Tingkatan 2 kini sedang dicetak dan dijilid. Buku-buku tersebut akan diedarkan ke sekolah bersama-sama dengan judul buku teks baharu terbitan tahun 2015. Pembekalan dijangka selesai sebelum 31 Disember 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><u>Maklum Balas BBT:-</u></p> <p>Pada masa akan datang, pihak BBT akan membuat semakan yang lebih teliti dengan memastikan pihak penerbit menyerahkan sampel untuk disemak sebelum dicetak. Pihak penerbit juga diminta menyerahkan sampel Naskhah Edar untuk disemak. KPM memaklumkan buku teks yang rosak bagi tahun 2012 hingga 2014 untuk Sejarah Tingkatan 2 (RM1.47 juta), Bahasa Malaysia Tingkatan 2 (RM0.95 juta) dan Bahasa Malaysia Tingkatan 1 (RM0.83 juta) akan diganti oleh DBP. Surat peringatan kepada DBP bagi tujuan penggantian buku teks tersebut telah dikeluarkan pada 9 Oktober 2015 dan penggantian buku teks dijangka selesai pada 31 Disember 2015. Pihak BBT akan memberi peringatan ulangan kepada semua sekolah agar mendapatkan gantian terus buku-buku teks yang didapati rosak dari penerbit/pembekal dan melaporkan segera kepada PPD/JPN/BBT untuk tindakan selanjutnya (jaminan gantian buku rosak dalam tempoh 2 tahun). Oleh kerana DBP telah bersetuju untuk menggantikan semua buku tersebut yang mana nilainya lebih tinggi, BBT tidak bercadang untuk mengenakan denda terhadap DBP.</p>	
21.5.3.1.a	<p><b>Pengurusan SPBT Di Peringkat Sekolah Dan Daerah - Peringkat Sekolah - Borang Rekod Pinjaman Buku Teks (SPBT G)</b></p> <p>Bagi memastikan peminjaman kepada murid dan pemulangan daripada murid adalah terkawal, Guru Penyelaras atau Guru Kelas dikehendaki mengisi borang SPBT G yang merekodkan nama murid, judul buku, tarikh peminjaman dan pemulangan, tandatangan murid dan disahkan oleh Guru Darjah/ Tingkatan. Semakan Audit mendapati borang SPBT G diselenggara dengan lengkap di 6 sekolah, diselenggara tetapi tidak lengkap di 16 sekolah dan 14 sekolah tidak mengemukakan borang SPBT G.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak sekolah akur dengan teguran Audit. Pihak sekolah telah melengkapkan Borang Rekod Pinjaman Buku Teks (SPBT G) bagi tahun 2015.</i></p>	Maklumbalas adalah kekal sama seperti di perenggan 21.5.3.1.a
21.5.3.1.b.i	<p><b>BOSS Tidak Diurus Dengan Teratur</b></p> <p>Sebanyak 4 BOSS tidak menyelenggarakan buku stok dan 18 BOSS menyediakan buku stok tetapi tidak dikemaskinikan.</p>	BBT telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja untuk <i>Task Force</i> bagi Mengkaji Tindakan Penambahbaikan Pengurusan Buku Teks di Sekolah dan Bilik Operasi SPBT Daerah. Tindakan penambahbaikan seperti dalam Laporan <i>Task Force</i> .

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.3.1.b.ii	<p>Sebanyak 27 BOSS sama ada tiada semakan GPK HEM atau tiada pengesahan Pengetua/Guru Besar pada akhir setiap tahun.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak sekolah akur dengan teguran pihak Audit. Pihak sekolah telah mengemas kini buku stok dan buku di rak BOSS serta telah disahkan oleh pentadbir sekolah.</i></p>	
21.5.3.1.b.iii	<p>Semakan Audit terhadap rekod buku stok dan baki fizikal bagi 279 judul buku melibatkan 16 sekolah di Johor dan Kedah mendapati semua sekolah terlibat telah menyimpan buku teks melebihi jumlah yang dibenarkan iaitu lebih daripada 3 naskhah buku teks sehingga 600 naskhah. Selain itu, pemeriksaan Audit mendapati bagi judul buku tertentu, baki naskhah buku teks mengikut rekod adalah kosong tetapi terdapat baki fizikal buku teks di rak atau sebaliknya. Sehubungan ini, wujud perbezaan baki buku teks yang dicatat di dalam rekod buku stok berbanding dengan bilangan fizikal sehingga 172 (600-428) naskhah. Keadaan ini menyebabkan berlaku lebihan buku teks yang ketara.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan BOSS adalah tidak teratur terutamanya dari segi penyelenggaraan stok buku teks dan pematuhan kepada had minimum naskhah yang dibenarkan disimpan oleh setiap sekolah.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak sekolah akur dengan teguran Audit. Pihak sekolah juga telah mengemas kini buku stok dan buku teks di rak BOSS.</i></p>	BBT telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja untuk <i>Task Force</i> bagi Mengkaji Tindakan Penambahbaikan Pengurusan Buku Teks di Sekolah dan Bilik Operasi SPBT Daerah. Tindakan penambahbaikan seperti dalam Laporan <i>Task Force</i> .
21.5.3.2.a.i	<p><b>Peringkat Daerah - Pengurusan Stor Buku Teks Di Bilik Operasi SPBT Daerah (BOSD)</b></p> <p>Semua PPD di negeri yang dilawati menyelenggara BOSD kecuali PPD di Negeri Johor kerana tidak mempunyai ruang yang mencukupi.</p>	JPN Johor telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan BOSD seperti dalam Minit Mesyuarat Khas JPN Johor bertarikh 15 September 2015.
21.5.3.2.a.ii	Tiada arahan yang jelas mengenai pengurusan BOSD yang melibatkan format buku stok yang perlu diselenggara, pemeriksaan serta pengesahan baki tahunan stok buku teks dan pihak yang dipertanggungjawabkan untuk membuat pemeriksaan serta pengesahan berkenaan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.3.2.a.iii	<p>BOSD SMK Cheras Jaya, Selangor menggunakan buku stok seperti format buku stok BOSS bagi merekodkan buku teks. 3 BOSD menyediakan senarai judul dan kuantiti naskhah, 2 BOSD menyediakan senarai judul tanpa kuantiti naskhah, 4 BOSD tidak merekodkan langsung buku teks dalam simpanan dan sebuah BOSD tidak dapat diperiksa kerana berkunci. Bagi BOSD yang menyediakan senarai judul dan kuantiti naskhah didapati proses kemas kini judul dan naskhah adalah berdasarkan borang penerimaan dan pengeluaran buku teks. Bagaimanapun ia tidak dikemas kini mengikut tarikh borang tersebut diterima atau dikeluarkan.</p>	<p>BBT telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja untuk <i>Task Force</i> bagi Mengkaji Tindakan Penambahbaikan Pengurusan Buku Teks di Sekolah dan Bilik Operasi SPBT Daerah. Tindakan penambahbaikan seperti dalam Laporan <i>Task Force</i>.</p>
21.5.3.2.a.iv	<p>Baki stok buku teks bagi 2 BOSD di negeri Kedah yang mempunyai senarai judul dan kuantiti naskhah ialah 196 judul dan 16,820 naskhah. Berdasarkan harga perolehan buku teks tersebut nilai stok adalah dianggarkan berjumlah RM123,328.</p> <p>Bagaimanapun semakan fizikal terhadap baki stok bagi 40 judul buku teks tersebut berbanding baki di rak mendapati baki buku teks yang dinyatakan dalam senarai tersebut adalah tidak tepat bagi semua judul kerana terdapat perbezaan antara satu hingga 314 naskhah. Berdasarkan harga perolehan, nilai buku teks di rak adalah berjumlah RM16,203.</p>	<p>BBT telah membuat penyusunan semula dengan mewujudkan Unit Pemantauan dan Operasi seperti yang disyorkan oleh Audit.</p>
21.5.3.2.a.v	<p>Mengikut Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan, pemeriksaan stok hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya setahun sekali ke atas semua stok (100%) mulai 1 Oktober setiap tahun. Selain itu verifikasi stor juga perlu dijalankan selepas pemeriksaan stok sekurang-kurangnya setahun sekali sebelum berakhir 31 Disember. Tujuan pemeriksaan untuk mengesan dan mengenal pasti kelemahan yang menyebabkan stok berlebihan, berkurangan, rosak, usang dan sebagainya supaya tindakan susulan dapat diambil. Semakan Audit mendapati pemeriksaan stok dan verifikasi stor tidak dilakukan di semua BOSD yang dilawati.</p>	
21.5.3.2.a.vi	<p>BOSD adalah tempat pengumpulan sementara buku teks yang berlebihan sebelum diagihkan kepada sekolah yang memerlukan dan sepatutnya hanya menyimpan baki stok yang minimum bagi keperluan segera. Bagaimanapun semakan Audit di 11 BOSD semasa hari persekolahan mendapati BOSD mempunyai stok buku teks yang banyak/berlebihan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan BOSD adalah tidak teratur terutamanya dari segi penetapan peraturan, penyelenggaraan stok buku teks dan pemeriksaan stok menyebabkan berlaku lebih buku teks.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015 Dan 27 Oktober 2015</b></p> <p><i>Buku Panduan Pengurusan SPBT Edisi Ketiga (2014) yang diedarkan ke semua sekolah menyatakan bahawa sekolah yang menguruskan BOSD perlu menyediakan dan mengemas kini buku stok. Bagi memantapkan dan memperjelaskan pengurusan BOSD, Bahagian Buku Teks telah menyediakan Panduan Pengurusan BOSD dan telah dihantar ke JPN untuk dipanjangkan ke PPD dan semua sekolah yang terlibat pada 15 Jun 2015. Surat arahan untuk memastikan semua BOSD menyedia, mengemas kini dan membuat pelarasan data buku stok pada atau sebelum 30 September 2015 telah dihantar ke JPN pada 15 Jun 2015.</i></p> <p><i>Pengurusan sekolah dan PPD akur dengan teguran Audit. JPN Selangor telah menyerahkan buku stok BOSD pada 16 Jun 2015. Manakala JPN Kedah telah menyerahkan buku stok BOSD pada 27 Oktober 2015.</i></p>	
21.5.3.3.a	<p><b>Penentuan Keperluan Pesanan Buku Teks Tidak Tepat</b></p> <p>Berdasarkan Buku Panduan Pengurusan SPBT adalah menjadi tanggungjawab Pengetua atau Guru Besar atau Penyelaras SPBT memastikan pesanan buku teks bagi sesebuah sekolah dibuat dengan tepat. Jumlah pesanan sesuatu judul buku teks untuk kegunaan tahun hadapan, contoh Tingkatan 3 tahun 2014 adalah ditentukan berdasarkan enrolmen murid Tingkatan 2 tahun 2013 dibandingkan dengan buku di tangan murid Tingkatan 3 tahun 2013 termasuk stok buku di BOSS serta mengambil kira buku yang bakal dilupuskan (rosak, lusuh dan hilang) pada tahun 2013. Bagi buku teks Tahun 1 dan Tingkatan 1, jumlah pesanan ditentukan berdasarkan enrolmen murid tahun semasa dengan tambahan 3% dibandingkan dengan buku di tangan murid tahun semasa (termasuk stok buku di BOSS) serta mengambil kira buku yang bakal dilupuskan (rosak, lusuh dan hilang) pada tahun semasa. Setelah jumlah pesanan buku teks di peringkat sekolah ditentukan, maklumat tersebut dikemukakan ke PPD (bagi tujuan penyelarasan di peringkat daerah) dengan menggunakan penyata BTBT190 yang disediakan oleh pihak sekolah. Semasa taklimat pengisian pesanan bersama PPD, guru SPBT sekolah akan membuat pembetulan mengikut data semasa manakala penyelaras BOSD akan membekalkan maklumat stok buku teks di BOSD. Setelah penyelarasan dilaksanakan, PPD mengemukakan maklumat pesanan ke JPN untuk dimuktamadkan dan dikemukakan kepada Kontraktor.</p>	<p>BBT telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja untuk <i>Task Force</i> bagi Mengkaji Tindakan Penambahbaikan Pengurusan Buku Teks di Sekolah dan Bilik Operasi SPBT Daerah. Tindakan penambahbaikan seperti dalam Laporan <i>Task Force</i>.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
21.5.3.3.b	<p>Semakan Audit mendapati semasa proses penyelarasan pesanan di peringkat PPD maklumat pesanan awal yang dibuat di peringkat sekolah (BTBT190 asal) telah berubah berbanding maklumat pesanan akhir di BTBT460. Terdapat pengurangan stok buku elok antara BTBT190 dan BTBT460 tahun semasa seterusnya menyebabkan pesanan meningkat. Berdasarkan 5 sekolah dan 36 judul buku yang dipilih, didapati telah berlaku lebihan pesanan buku antara 4 hingga 162 naskhah berbanding keperluan sebenar bagi setiap judul. Ini menyebabkan lebihan buku teks di BOSS dan BOSD.</p> <p><b>Maklum Balas Kementerian Yang Diterima Pada 16 Oktober 2015 Dan 20 Oktober 2015</b></p> <p><i>BBT telah menyediakan garis panduan pesanan buku teks dan diedarkan kepada semua JPN. Sehubungan itu, BBT dan JPN telah melaksanakan pesanan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bagaimanapun, JPN Kedah, JPN Selangor dan JPN Johor akur dengan teguran Audit dan akan mengambil tindakan bagi penambahbaikan. KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja untuk Task Force Bagi Tindakan Penambahbaikan Pengurusan Buku Teks di Sekolah dan Bilik Operasi SPBT Daerah (BOSD) untuk mengatasi masalah pengurusan dan lebihan buku teks seperti yang diarahkan oleh Ketua Setiausaha KPM semasa mempengerusikan exit conference pada 14 September 2015. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat pada 17 dan 18 September 2015 dan kertas laporan telah diserahkan kepada Ketua Setiausaha KPM pada 21 September 2015.</i></p> <p><u>SMK Cheras Jaya dan SMK Saujana Impian</u></p> <p><i>Tiada beza kuantiti pesanan pada pesanan BTBT190 dengan terimaan BTBT460. Data yang sepatutnya diambil adalah data yang ditulis tangan bukan yang bercetak. Sehubungan ini, SMK Cheras Jaya dan SMK Saujana Impian akur dengan teguran Audit. Justifikasi bagi pengurangan buku adalah buku yang diasingkan untuk pelupusan; agihan antara sekolah; pelajar pindah; dan pelajar dibuang atau pindah sekolah tidak memulangkan buku. Bagaimanapun, perkara tersebut telah tidak direkod dengan baik. JPN Selangor akur dengan teguran Audit dan akan membuat penambahbaikan terhadap kawalan rekod buku stok.</i></p> <p><u>SMK Kompleks Sultan Abu Bakar</u></p> <p><i>Tiada beza kuantiti pesanan pada pesanan BTBT190 dengan terimaan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>BTBT460. Data yang sepatutnya diambil adalah data yang ditulis tangan bukan yang bercetak.</i></p> <p><i><u>SMK Padang Terap dan SMK Dato' Syed Ahmad</u></i>  <i>Telah mengemukakan BTBT190 dan BTBT460 pada 14 Ogos 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, proses pesanan buku teks yang dilaksanakan oleh BOSS adalah kurang teratur. Berkenaan lebih pesanan, perkiraan yang dibuat oleh pihak Audit adalah berdasarkan BTBT190 asal yang dikeluarkan pada bulan Februari/Mac tahun berkenaan (yang menunjukkan stok buku teks elok sebenar di tangan dan jumlah buku teks baru perlu dipesan) berbanding BTBT190 baru (pindaan tangan) yang dibuat pada bulan Mei/Jun tahun yang sama (yang menunjukkan stok buku teks elok di tangan dan jumlah pesanan baru) yang bersamaan dengan BTBT460. Pindaan tersebut menyebabkan stok buku teks elok di tangan dikurangkan dengan ketara mengakibatkan pesanan baru bertambah yang menyumbang kepada lebih stok buku teks.</p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Perenggan 22 : Pengurusan Penyenggaraan Dan Pembaikan Infrastruktur Sekolah Di Negeri Sarawak**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>22.5.2.1.a</b>	<p><b>Kualiti Kerja Projek - Projek PT Di SMK Kidurong Dan SK Kidurong II, Bintulu, Sarawak</b></p> <p>SMK Kidurong terletak bersebelahan dengan SK Kidurong II, Bintulu Sarawak mengalami masalah mendapan tanah menyebabkan dataran perhimpunan mendap, apron dan struktur bangunan retak serta lantai bangunan tergantung. Kerja pembaikan mendapan tanah telah ditawarkan kepada Medansains Jaya Sdn. Bhd. dengan kos projek bernilai RM9.70 juta. Tempoh kontrak adalah 8 bulan iaitu antara 20 Mac hingga 19 November 2013. Tempoh Lanjutan Masa yang diluluskan adalah antara 20 November 2013 hingga 7 Julai 2014. Projek ini telah siap pada 7 Julai 2014. Skop kerja kontrak melibatkan antaranya kerja penyenggaraan bangunan, pembaikan struktur, geoteknikal dan sistem kumbahan.</p>	<p>Kementerian mengambil maklum kajian Audit ini dan bersetuju dengan ulasan Audit.</p> <p>Perkara-perkara hasil Penemuan Audit telah diselesaikan oleh pihak kontraktor dan disahkan oleh perunding pada 3 September 2015.</p> <p>Maklumbalas Kementerian adalah sebagaimana dikemuka kepada Jabatan Audit Negara pada 28 September 2015 dan 13 Oktober 2015.</p>
<b>22.5.2.1.b</b>	<p>Pemeriksaan Audit mendapati ada kerja pembaikan tanah mendap yang kualitinya tidak memuaskan. Kualiti kerja yang kurang memuaskan boleh mengakibatkan Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi di masa hadapan. Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian pada 28 September 2015, tindakan pembaikan telah diambil selepas teguran Audit.</p>	
<b>22.5.2.1.c</b>	<p>Mengikut laporan pihak pengurusan SMK Kidurong, Bintulu, Sarawak jeriji tingkap di makmal sains dan 2 unit tiang besi bola tampar yang ditanggalkan semasa pelaksanaan projek tidak dipasang semula.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 28 September 2015</b></p> <p><i>Jeriji tingkap dan tiang jaring bola tampar telah diganti dan dipasang semula.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.2.1.d	<p>Mengikut spesifikasi kontrak, kontraktor hendaklah membersihkan tapak projek dan membuang sisa pembinaan ke tempat pembuangan milik kontraktor. Pemeriksaan Audit mendapati tapak projek di SMK Kidurong, Bintulu, Sarawak tidak dibersihkan sepenuhnya di mana bahan buangan pembinaan iaitu sisa konkrit ditinggalkan oleh kontraktor di bahagian luar bangunan akademik. Perkara ini berlaku disebabkan kurang pemantauan oleh Kementerian dan perunding menyebabkan kualiti kerja pembaikan kurang memuaskan, jeriji tingkap di makmal sains dan tiang besi bola tampar hilang dan sisa pembinaan tidak dibersihkan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 28 September 2015</b></p> <p><i>Sisa-sisa bahan binaan di tapak telah dibersihkan dan disahkan oleh perunding pada 3 September 2015 seperti gambar berikut:</i></p> <p>Pada pendapat Audit, kualiti kerja yang kurang memuaskan boleh mengakibatkan Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi di masa hadapan. Selain itu, tapak projek yang tidak dibersihkan dari sisa pembinaan membahayakan keselamatan warga sekolah.</p>	
22.5.2.2.a	<p><b>PRK-USNT Bagi Kerja Penyenggaraan/Pembaikan Dan Naik Taraf Bangunan Di SK Matang, Padawan, Sarawak</b></p> <p>Kerja penyenggaraan/pembaikan dan naik taraf bangunan di SK Matang, Padawan, Sarawak bernilai RM265,812 ditawarkan kepada M.Construction &amp; General Service. Tempoh kontrak asal mulai 19 November 2014 hingga 10 Mac 2015 tetapi hanya siap pada 8 Jun 2015 iaitu lewat 90 hari dari jadual asal. Bagaimanapun, tiada kelulusan lanjutan masa diberikan dan tiada denda kelewatan dikenakan kepada kontraktor. Projek ini dipantau oleh JKR Bahagian Kuching, Sarawak. Skop kontrak ini meliputi kerja merobohkan tandas lama dan membina tandas baru, menanam rumput di kawasan belakang tandas, memasang pancuran air hujan (<i>gutter</i>), membina dinding pemisah bilik darjah dan menaik taraf sistem pendawaian elektrik. Pemeriksaan Audit ke SK Matang, Padawan, Sarawak pada 9 Julai 2015 mendapati ada kerja penyenggaraan/pembaikan yang kualitinya kurang memuaskan.</p>	<p>Kementerian mengambil maklum kajian Audit ini dan bersetuju dengan ulasan Audit.</p> <p>Penemuan Audit telah diselesaikan oleh pihak JKR Kuching pada 18 September 2015.</p> <p>Selaras dengan pewakilan kuasa Pegawai Pengawal Kementerian pada 9 April 2014, mulai tahun 2014, Pengarah JPN bertindak sebagai Pegawai Penguasa(PP) untuk melaksanakan dan menguruskan projek-projek Pembangunan Infrastruktur dan Perolehan Perkhidmatan yang bernilai RM5.0 juta ke bawah. Bagi projek yang bernilai melebihi RM5.0 juta, Pengarah JPN bertindak sebagai wakil PP yang bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan kesemua projek Kementerian di bawah kawalan JPN. Langkah ini diambil sebagai salah satu kaedah untuk meningkatkan kekerapan pemantauan ke atas projek-projek di bawah Kementerian.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.2.2.b	Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian pada 28 September 2015, semua kerja penyenggaraan/pembaikan yang kualitinya kurang memuaskan telah diambil tindakan pembaikan selepas teguran Audit.	
22.5.2.2.c	<p>Perkara ini berlaku disebabkan kurang pemantauan oleh JKR Bahagian Kuching, Sarawak menyebabkan kualiti kerja pembaikan kurang memuaskan. Kualiti kerja yang kurang memuaskan ini boleh mengakibatkan Kerajaan menanggung kos penyenggaraan yang tinggi di masa hadapan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kontraktor tidak mematuhi spesifikasi kerja yang ditetapkan dalam kontrak. Pihak yang bertanggungjawab terhadap pemantauan projek tidak melaksanakan tugasnya dengan baik.</p>	
22.5.3.2	<p><b>Bangunan Sekolah Belum Digunakan Semula Walaupun Projek PT Telah Siap</b></p> <p>Projek PT di SK Long Luping, Lawas, Sarawak bernilai RM3.03 juta telah diperakukan siap pada 16 September 2012. Bagaimanapun lawatan Audit pada 11 Mac 2015 mendapati 2 blok bangunan berdekatan dengan projek tersebut yang dikosongkan semasa pelaksanaan projek masih belum digunakan semula. Oleh itu, murid-murid sekolah masih ditempatkan di blok bangunan lain yang tidak selesa di mana satu bilik darjah telah dijadikan dua kelas dengan membina dinding pemisah. Perkara ini berlaku kerana pihak sekolah belum menerima arahan daripada Kementerian/JPNS/PPD untuk menggunakan semula 2 blok bangunan tersebut. Ini menunjukkan koordinasi dan komunikasi yang kurang memuaskan antara Kementerian, JPNS dan PPD telah menyebabkan 2 blok bangunan yang dikosongkan semasa pelaksanaan projek belum digunakan semula selepas 906 hari projek ini diperakukan siap.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 28 September 2015</b></p> <p><i>Kementerian mengambil maklum ke atas penemuan Audit ini. Projek ini telah siap dilaksanakan oleh JKR Malaysia Cawangan Kejuruteraan Cerun. JPNS mengambil tindakan susulan terhadap penemuan Audit ini. Satu surat bertarikh 18 September 2015 kepada PPD Lawas diminta untuk berhubung dengan JKR Bahagian Limbang untuk membuat verifikasi integriti struktur bangunan tersebut. Sekiranya perakuan selamat menduduki diperolehi daripada JKR, pihak sekolah dikehendaki untuk menduduki bangunan berkenaan dalam masa 14 hari daripada surat pihak JKR Bahagian Limbang</i></p>	<p>Kementerian mengambil maklum kajian Audit ini dan bersetuju dengan ulasan Audit. Maklumbalas Kementerian adalah sebagaimana dikemuka kepada Jabatan Audit Negara pada 28 September 2015 dan 13 Oktober 2015.</p> <p><u>Maklumat Tambahan sehingga 2 November 2015 :</u></p> <p>Tarikh tutup sebutharga ialah pada 16 Oktober 2015. Lantikan kontraktor telah dibuat dan kerja pembaikan sedang dilaksanakan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dikeluarkan kelak.</i></p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 13 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak sekolah mula menduduki bangunan berkenaan pada 25 September 2015 secara berperingkat. Kerja mengemaskini ruang dan penggantian peralatan/perabot sekolah sedang berjalan. Ruang bangunan berkenaan sedia digunakan sepenuhnya mulai sesi awal persekolahan tahun 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, komunikasi yang kurang memuaskan antara Kementerian, JPNS, PPD dan SK Long Luping, Lawas yang menyebabkan bangunan sekolah tidak digunakan secara optimum.</p>	
22.5.4.1.a	<p><b>Pengurusan Infrastruktur Fizikal Sekolah Yang Rosak - Struktur Fizikal Sekolah</b></p> <p>Infrastruktur sekolah yang rosak teruk hendaklah dibaiki dengan segera untuk memastikan kemudahan asas yang disediakan untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran dapat memberi keselesaan dan keselamatan kepada warga sekolah. Secara amnya, sekolah mempunyai pelbagai infrastruktur seperti bilik darjah, makmal, asrama, blok pentadbiran, kuarters, dewan makan dan tandas. Kementerian telah menilai dan mengklasifikasikan keadaan fizikal bangunan sekolah di Malaysia mulai tahun 2009 mengikut kriteria.</p>	Kementerian mengambil maklum kajian Audit ini dan bersetuju dengan ulasan Audit. Maklumbalas Kementerian adalah sebagaimana dikemuka kepada Jabatan Audit Negara pada 28 September 2015 dan 13 Oktober 2015.
22.5.4.1.b	Mengikut rekod JPNS setakat 31 Disember 2014, bilangan keseluruhan sekolah di negeri Sarawak adalah sebanyak 1,452. Daripada jumlah tersebut sebanyak 388 (26.7%) bangunan sekolah diklasifikasikan sebagai rosak teruk, 327 (22.5%) sekolah adalah rosak sedikit, 464 (32.0%) sekolah adalah rosak sederhana, 270 (18.6%) dalam keadaan baik. Bagi 3 (0.2%) unit sekolah, keadaan fizikal bangunan tidak direkodkan.	
22.5.4.1.c	Lawatan Audit ke 145 sekolah mendapati 124 (85.5%) sekolah mempunyai bangunan rosak teruk yang memerlukan pembaikan serta merta di mana 90 sekolah mempunyai struktur kayu reput, 13 sekolah mempunyai struktur besi usang, 38 sekolah mempunyai struktur konkrit rosak, 24 sekolah mempunyai tanah mendap/tanah runtuh, 24 sekolah mempunyai sistem kumbahan rosak, 53 sekolah mempunyai masalah serangan anai-anai, 13 sekolah mempunyai laluan pejalan kaki rosak, 65 sekolah mempunyai bumbung/siling bocor dan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>22 sekolah mempunyai longkang rosak/tiada longkang.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 28 September 2015</b></p> <p><i>Sehingga 9 September 2015 JPNS telah menerima peruntukan keseluruhan berjumlah RM88.18 juta merangkumi OS28000, OS31000, OS32000, P63 dan S63. JPNS menganggarkan keperluan peruntukan bagi kerja penyenggaraan dan pembaikan infrastruktur sekolah bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah berjumlah RM632.06 juta.</i></p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 13 Oktober 2015</b></p> <p><i>JPNS membuat penyenaian mengikut keutamaan bagi sekolah yang dikategorikan sebagai rosak teruk dan mengancam keselamatan memandangkan peruntukan yang diterima setiap tahun adalah terhad berbanding keperluan. Permohonan peruntukan dimasukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) tahun 2016 yang diangkat ke Kementerian pada Oktober 2015.</i></p>	
22.5.4.2.a	<p><b>Permohonan Peruntukan Pembaikan Belum Diluluskan</b></p> <p>Bangunan sekolah yang rosak akibat bencana alam hendaklah dibaiki dengan segera supaya proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar. Semakan Audit mendapati bangunan bagi PPKI dan PSS di SK Sebako, Lundu telah rosak dilanda angin kencang pada 21 September 2014 menyebabkan kerosakan bumbung, dinding dan pendawaian elektrik. JPNS telah mengemukakan permohonan peruntukan pembaikan sejumlah RM107,000 pada 8 Oktober 2014 kepada pihak Kementerian melalui surat rujukan JPS(W)/SK2P(PB)/AS.1218(PEM)(41).</p>	<p>Kementerian mengambil maklum kajian Audit ini dan bersetuju dengan ulasan Audit.</p> <p>JPNS telah mengagihkan sejumlah RM107,000 kepada PPD Lundu bagi pelaksanaan kerja pembaikan bumbung di SK Sebako, Lundu dan dijangka siap dalam tahun semasa. Kerja-kerja pembaikan adalah dilaksanakan oleh JKR Kuching dan buat masa ini masih di peringkat perolehan.</p> <p><u>Maklumat Tambahan sehingga 2 November 2015 :</u></p>
22.5.4.2.b	<p>Bagaimanapun semakan Audit sehingga tarikh lawatan Audit pada 16 Mac 2015, mendapati kerosakan tersebut masih belum dibaiki lagi kerana permohonan peruntukan pembaikan kepada Kementerian belum diputuskan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 13 Oktober 2015</b></p> <p><i>JPNS telah mengagihkan sejumlah RM107,000 kepada PPD Lundu bagi pelaksanaan kerja pembaikan di SK Sebako, Lundu.</i></p>	<p>Senarai Kuantiti dan Lukisan telah lengkap disediakan oleh JKR dan diserahkan kepada Bahagian Pengurusan Kontrak, JKR Kuching.</p> <p>Bahagian Pengurusan Kontrak JKR Kuching dalam proses penyediaan dokumen untuk iklan dan panggilan sebutharga. Tarikh tutup sebutharga ialah pada 11 November 2015. Tempoh pembaikan ditetapkan selama 4 minggu.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.4.3.a	<p><b>Bangunan Tidak Selamat Diduduki Masih Digunakan</b></p> <p>Mengikut Laporan Penuh Pemeriksaan Menyeluruh Terhadap Bolehguna Bangunan Sekolah oleh JKR Daerah Lundu pada 10 Julai 2013, bangunan Blok B, C dan D di SK Sebako, Lundu serta Blok 1 di SK Jangkar, Lundu disahkan tidak selamat digunakan. Perkara ini telah dimaklumkan oleh PPD Lundu kepada JPNS pada 12 Julai 2013. Bagaimanapun setakat 31 Mac 2015 belum ada sebarang tindakan diambil mengenainya.</p>	<p>Kementerian mengambil maklum kajian Audit ini dan bersetuju dengan ulasan Audit. Maklumbalas Kementerian adalah sebagaimana dikemuka kepada Jabatan Audit Negara pada 28 September 2015 dan 13 Oktober 2015.</p>
22.5.4.3.b	<p>Lawatan Audit pada 16 Mac 2015 mendapati bangunan Blok B, C dan D di SK Sebako, Lundu telah dikosongkan dan murid-murid ditempatkan di bangunan lain yang telah diubahsuai oleh pihak sekolah. Manakala Blok 1 di SK Jangkar, Lundu masih digunakan walaupun telah disahkan tidak selamat oleh JKR Daerah Lundu. Ini menyebabkan murid-murid sekolah belajar dalam keadaan yang tidak selesa dan terdedah kepada bahaya. Kementerian sepatutnya membina bangunan sekolah baru untuk menggantikan blok bangunan sekolah yang telah disahkan tidak selamat bagi memastikan keselesaan dan keselamatan warga sekolah.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 28 September 2015</b></p> <p><i>JPNS telah memajukan surat permohonan tambahan bilik darjah kepada Kementerian pada 10 September 2015 untuk disenaraikan di bawah projek RMKe-11.</i></p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 13 Oktober 2015</b></p> <p><i>Permohonan tambahan bilik darjah bagi SK Sebako dan SK Jangkar, Lundu sedang dalam peringkat semakan untuk disenaraikan di bawah RMKe-11 atau peruntukan pembangunan sedia ada. Kelulusan adalah bergantung kepada peruntukan yang telah diluluskan. Projek dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2016 bergantung kepada kelulusan peruntukan.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, infrastruktur sekolah yang rosak teruk boleh menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran serta tidak dapat memberi keselesaan dan keselamatan kepada warga sekolah. Selain itu, bangunan di SK Sebako, Lundu dan SK Jangkar, Lundu yang telah disahkan tidak selamat oleh JKR Daerah Lundu tidak sepatutnya digunakan lagi.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
22.5.5.1	Sistem pendawaian elektrik yang rosak teruk hendaklah dibaiki dengan serta merta untuk memastikan keselamatan harta benda dan warga sekolah. Kementerian telah menilai dan mengklasifikasikan keadaan pendawaian elektrik sekolah mulai tahun 2009.	
22.5.5.2	Mengikut rekod di Bahagian Pembangunan JKNS setakat 31 Disember 2014, bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, Kementerian telah melaksanakan projek pembaikan/naik taraf/pendawaian semula elektrik di 47 sekolah dengan kos RM5.07 juta di bawah peruntukan PRK-USNT (Pendawaian Semula Elektrik). Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2014, sejumlah 37 (25.5%) daripada 145 sekolah yang diaudit mempunyai sistem pendawaian yang kurang memuaskan kerana rosak teruk dan memerlukan pembaikan/naik taraf/pendawaian semula elektrik.	
22.5.5.3	Sistem pendawaian elektrik sekolah yang rosak teruk boleh menyebabkan litar pintas dan kebakaran. Selain itu, bekalan elektrik sering terputus boleh menyebabkan berlaku litar pintas kepada peralatan elektrik di sekolah. Semakan Audit seterusnya terhadap rekod kebakaran bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 mendapati 6 kes kebakaran berlaku di SK Sg. Setiam, Bintulu, SMK Ulu Layar, Betong, SMK Simanggang, Sri Aman, SMK Lake, Bau, SK Stoh, Lundu dan SK Abang Leman, Saratok tetapi punca kebakaran tidak dinyatakan.	
22.5.5.4	<p>Keadaan ini boleh mendatangkan risiko keselamatan kepada warga sekolah.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 28 September 2015</b></p> <p><i>Kementerian mengambil maklum ke atas penemuan Audit ini. Bagi tujuan pendawaian elektrik, JPNS telah mengagihkan peruntukan berjumlah RM0.82 juta di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK/PFI II) kepada sekolah/PPD yang terlibat pada 17 dan 18 Mac 2015 bagi tujuan pendawaian elektrik sekolah. Di samping itu, JPNS juga telah mengagihkan peruntukan di bawah PRK/PFI II kepada JKR Sarawak pada 17 Mac 2015 bagi sekolah yang terlibat dengan kebakaran, iaitu; SMK Lake, Baru (RM0.15 juta), SMK Simanggang, Sri Aman (RM1.95 juta) dan SMK Ulu Layar Betong (RM0.25 juta).</i></p> <p><i>Waran peruntukan bertarikh 27 Mei 2014 di bawah PRK/PFI II - Pembaikan Dan Penyelenggaraan Bukan Struktur telah diagihkan kepada SK Abang Leman, melalui PPD Saratok bagi kerja pendawaian Bilik Khas yang</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>berjumlah RM22,700 dan kerja telah siap 100%. Manakala, bagi SK Sg. Setiam, di bawah PPD Bintulu telah menerima peruntukan (waran bertarikh 27 Mei 2014) berjumlah RM15,506 bagi kerja penyenggaraan am dan telah siap 100%. Bagi SK Stoh, Lundu di bawah PPD Lundu juga menerima peruntukan (waran bertarikh 27 Mei 2014) berjumlah RM60,000 bagi kerja menaiktaraf sistem pendawaian yang berusia 15 tahun serta peralatan elektrik bangunan sekolah dan telah siap 100%.</i></p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 13 Oktober 2015</b></p> <p><i>JPNS membuat penyenaian bagi sekolah yang mempunyai pendawaian melebihi 15 tahun berserta dengan keperluan peruntukan bagi tujuan bajet 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, pendawaian elektrik sekolah yang rosak teruk boleh membahayakan keselamatan warga sekolah.</p>	
22.5.6	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan yang cekap dan berkesan adalah penting dalam pengurusan penyenggaraan dan pembaikan infrastruktur sekolah untuk memastikan ianya dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Pelaksanaan kerja bagi projek PPIS dipantau oleh pihak sekolah, PPD/JPNS, JKR Sarawak, perunding dan Kementerian.</p> <p>Pada keseluruhannya pemantauan terhadap projek PPIS adalah memuaskan. Bagaimanapun, pemantauan terhadap satu projek PT yang dijalankan oleh pihak perunding bagi SMK Kidurong dan SK Kidurong II, Bintulu, Sarawak serta projek PRK-USNT bagi kerja penyenggaraan/pembaikan dan naik taraf bangunan di SK Matang, Padawan, Sarawak yang dipantau oleh JKR Bahagian Kuching, Sarawak adalah kurang memuaskan kerana kualiti kerja tidak mengikut piawaian yang ditetapkan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada Kementerian Pada 13 Oktober 2015</b></p> <p><i>Surat teguran kepada perunding telah dikeluarkan pada 30 April 2015 supaya perkara ini diberi perhatian dan tidak berulang lagi pada masa hadapan.</i></p>	<p>Kementerian mengambil maklum kajian Audit ini dan bersetuju dengan ulasan Audit. Maklumbalas Kementerian adalah sebagaimana dikemuka kepada Jabatan Audit Negara 13 Oktober 2015.</p>

<b>Perenggan</b>	<b>Penemuan Audit</b>	<b>Status Terkini</b>
	Pada pendapat Audit, pemantauan yang kurang memuaskan telah menyebabkan kualiti kerja dan spesifikasi kontrak tidak dibuat mengikut piawaian yang ditetapkan.	



**(PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
PERSEKUTUAN)**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Perenggan 23 : Analisis Kewangan Dan Pemantauan Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
23.5.2.4	<p><b>Penyaluran Geran Kepada Syarikat MKD</b></p> <p>Kementerian Kewangan Malaysia berperanan menyalurkan peruntukan dalam bentuk geran kepada syarikat MKD untuk melaksanakan pelbagai program/aktiviti bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu pembiayaan program/projek khusus bagi melaksanakan peranan pembangunan, pembayaran balik pinjaman atau penebusan bon bagi syarikat yang tiada kemampuan untuk memenuhi obligasi pinjaman, subsidi kadar faedah/bayaran kupon, subsidi perumahan, pampasan kenaikan tarif serta funding gap, perbelanjaan operasi dan lain-lain bantuan kewangan untuk tempoh tertentu.</p> <p>Bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014, sejumlah RM3.79 bilion geran mengurus dan RM2.14 bilion geran pembangunan disalurkan masing-masing kepada 18 dan 8 syarikat MKD tanpa mengambil kira peruntukan dalam bentuk pinjaman, ekuiti/modal dan bayaran balik pinjaman Kerajaan.</p> <p>Adalah didapati, Sepang International Circuit Sdn. Bhd. menerima penyaluran geran mengurus tertinggi bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 berjumlah RM841.62 juta manakala 1Malaysia Development Berhad menerima penyaluran geran pembangunan berjumlah RM1,086.50 juta bagi tempoh yang sama.</p> <p>Selain itu, pihak Audit juga mendapati BSPK telah membuat penambahbaikan proses kerja dalam penyaluran geran kepada syarikat MKD berdasarkan teguran Jabatan Audit Negara/Bahagian Audit Dalam Perbendaharaan seperti jadual berikut:</p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.2.4

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini						
	<p style="text-align: center;"><b>JADUAL 23.16 PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA PENYALURAN GERAN KEPADA SYARIKAT MKD</b></p> <table border="1" data-bbox="333 395 1146 1345"> <thead> <tr> <th data-bbox="333 395 723 507"><b>TEGURAN JABATAN AUDIT NEGARA/BAHAGIAN AUDIT DALAM PERBENDAHARAAN</b></th> <th data-bbox="723 395 1146 507"><b>PENAMBAHBAIKAN OLEH BAHAGIAN SYARIKAT PELABURAN KERAJAAN (BSPK)</b></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="333 507 723 927"> <p>Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2012: Pengurusan Khazanah Nasional Berhad - isu : pemberian geran oleh Kerajaan kepada syarikat MKD tidak disertakan dengan surat pemberian geran.</p> </td> <td data-bbox="723 507 1146 927"> <p>Unit Tadbir Urus Korporat melalui surat edaran dalaman (memo) bertarikh 28 November 2014 (KK/GIC(S)10/01JLA2SK.3(3) telah menyediakan satu proses kerja bagi semua jenis bantuan kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan kepada syarikat MKD. Selain itu, turut disediakan format surat pemberian geran yang akan dikeluarkan sebelum geran disalurkan dan juga klasifikasi geran yang diberikan kepada syarikat MKD.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="333 927 723 1345"> <p>Bahagian Audit Dalam Perbendaharaan - isu yang dibangkitkan adalah berkaitan pemberian geran tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta disimpan dalam fail teratur, tidak menyediakan satu panduan komprehensif dalam pengurusan geran serta laporan penggunaan geran, laporan prestasi pelaksanaan projek serta laporan impak tidak dikemukakan oleh syarikat kepada BSPK.</p> </td> <td data-bbox="723 927 1146 1345"> <p>BSPK telah mengeluarkan memo bertarikh 4 Mac 2015 (KK/GIC/10/536/3 Jld.2(20) supaya semua pegawai BSPK perlu mematuhi proses kerja yang telah ditetapkan daripada peringkat permohonan, kelulusan sehingga ke peringkat bayaran agar pelaksanaannya lebih sistematik. Disamping itu, BSPK juga dalam proses penyediaan garis panduan bagi pemberi bantuan kewangan kepada syarikat MKD.</p> </td> </tr> </tbody> </table>	<b>TEGURAN JABATAN AUDIT NEGARA/BAHAGIAN AUDIT DALAM PERBENDAHARAAN</b>	<b>PENAMBAHBAIKAN OLEH BAHAGIAN SYARIKAT PELABURAN KERAJAAN (BSPK)</b>	<p>Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2012: Pengurusan Khazanah Nasional Berhad - isu : pemberian geran oleh Kerajaan kepada syarikat MKD tidak disertakan dengan surat pemberian geran.</p>	<p>Unit Tadbir Urus Korporat melalui surat edaran dalaman (memo) bertarikh 28 November 2014 (KK/GIC(S)10/01JLA2SK.3(3) telah menyediakan satu proses kerja bagi semua jenis bantuan kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan kepada syarikat MKD. Selain itu, turut disediakan format surat pemberian geran yang akan dikeluarkan sebelum geran disalurkan dan juga klasifikasi geran yang diberikan kepada syarikat MKD.</p>	<p>Bahagian Audit Dalam Perbendaharaan - isu yang dibangkitkan adalah berkaitan pemberian geran tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta disimpan dalam fail teratur, tidak menyediakan satu panduan komprehensif dalam pengurusan geran serta laporan penggunaan geran, laporan prestasi pelaksanaan projek serta laporan impak tidak dikemukakan oleh syarikat kepada BSPK.</p>	<p>BSPK telah mengeluarkan memo bertarikh 4 Mac 2015 (KK/GIC/10/536/3 Jld.2(20) supaya semua pegawai BSPK perlu mematuhi proses kerja yang telah ditetapkan daripada peringkat permohonan, kelulusan sehingga ke peringkat bayaran agar pelaksanaannya lebih sistematik. Disamping itu, BSPK juga dalam proses penyediaan garis panduan bagi pemberi bantuan kewangan kepada syarikat MKD.</p>	
<b>TEGURAN JABATAN AUDIT NEGARA/BAHAGIAN AUDIT DALAM PERBENDAHARAAN</b>	<b>PENAMBAHBAIKAN OLEH BAHAGIAN SYARIKAT PELABURAN KERAJAAN (BSPK)</b>							
<p>Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2012: Pengurusan Khazanah Nasional Berhad - isu : pemberian geran oleh Kerajaan kepada syarikat MKD tidak disertakan dengan surat pemberian geran.</p>	<p>Unit Tadbir Urus Korporat melalui surat edaran dalaman (memo) bertarikh 28 November 2014 (KK/GIC(S)10/01JLA2SK.3(3) telah menyediakan satu proses kerja bagi semua jenis bantuan kewangan yang disalurkan oleh Kerajaan kepada syarikat MKD. Selain itu, turut disediakan format surat pemberian geran yang akan dikeluarkan sebelum geran disalurkan dan juga klasifikasi geran yang diberikan kepada syarikat MKD.</p>							
<p>Bahagian Audit Dalam Perbendaharaan - isu yang dibangkitkan adalah berkaitan pemberian geran tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta disimpan dalam fail teratur, tidak menyediakan satu panduan komprehensif dalam pengurusan geran serta laporan penggunaan geran, laporan prestasi pelaksanaan projek serta laporan impak tidak dikemukakan oleh syarikat kepada BSPK.</p>	<p>BSPK telah mengeluarkan memo bertarikh 4 Mac 2015 (KK/GIC/10/536/3 Jld.2(20) supaya semua pegawai BSPK perlu mematuhi proses kerja yang telah ditetapkan daripada peringkat permohonan, kelulusan sehingga ke peringkat bayaran agar pelaksanaannya lebih sistematik. Disamping itu, BSPK juga dalam proses penyediaan garis panduan bagi pemberi bantuan kewangan kepada syarikat MKD.</p>							

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas BSPK Yang Diterima Pada 1 Oktober 2015</b></p> <p><i>BSPK telah menyediakan Garis Panduan Tatacara Panduan Bantuan Kewangan kepada syarikat MKD untuk rujukan pegawai BSPK.</i></p>	
23.5.3.2	<p><b>Pencapaian Key Performance Indicator Syarikat MKD Bagi Tahun 2014</b></p> <p>Kementerian Kewangan telah menetapkan pencapaian sekurang-kurangnya 85% daripada KPI tahun 2014 bagi 39 syarikat MKD. Penetapan pencapaian KPI tersebut adalah berasaskan 39 syarikat dengan pegangan ekuiti melebihi 50% yang mana Kerajaan mempunyai kawalan penuh. Semakan Audit mendapati sebanyak 36 (92.31%) daripada 39 syarikat telah mencapai sasaran penetapan KPI iaitu 85% ke atas. Seterusnya, bagi syarikat yang tidak mencapai sasaran KPI tersebut, surat penjelasan perlu dikemukakan. Sehingga 24 Jun 2015, sebanyak 3 syarikat telah memberikan surat penjelasan berkenaan ketidakcapaian peratusan KPI yang telah ditetapkan kepada MKD.</p> <p><b>Maklum Balas BSPK Yang Diterima Pada 1 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bagi tahun 2014, sebanyak 39 daripada 44 syarikat telah diminta untuk menghantar Laporan Pencapaian KPI kepada BSPK untuk pemantauan. Sebanyak 5 syarikat tidak perlu menghantar Laporan KPI di atas sebab seperti yang berikut :</i></p> <p><i>i. syarikat yang melapor terus kepada Jabatan Perdana Menteri; dan</i>  <i>ii syarikat baharu yang masih belum menetapkan KPI.</i></p> <p><i>Bagi syarikat MKD yang tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan, BSPK telah mengadakan Corporate Improvement Program (CIP) bertujuan untuk mengenal pasti punca dan mencari jalan alternatif secara bersama untuk menambah baik prestasi. CIP pertama telah diadakan pada 18 September 2015 dengan Amanah Raya Berhad dan Bank Pembangunan Malaysia Berhad. BSPK mendapati ARB telah menunjukkan peningkatan prestasi dengan jangkauan dana pemegang saham positif menjelang akhir tahun 2015.</i></p>	Maklum balas kekal seperti di perenggan 23.5.3.2

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Perenggan 24 : Pengurusan Uda Dayaurus Sdn. Bhd.**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.2.2.i	<p><b>Pengurusan Aktiviti - Dokumen Kontrak Tidak Dikemukakan</b></p> <p>Dokumen kontrak merupakan suatu dokumen yang merekodkan terma-terma kontrak bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak yang menandatangani kontrak secara bertulis dan sangat penting dalam pelaksanaan tanggungjawab oleh pihak yang terlibat. Semasa pengauditan dijalankan, UDA Dayaurus gagal mengemukakan 6 dokumen kontrak antara UDA Dayaurus dengan pelanggannya untuk semakan Audit. Bagi pelanggan yang tidak menyediakan dokumen kontrak, UDA Dayaurus hanya mengemukakan Surat Setuju Terima (SST) daripada pelanggan berkenaan. Tanpa dokumen kontrak yang formal, pihak UDA Dayaurus tidak mempunyai sumber untuk merujuk kepada terma serta spesifikasi bagi menjalankan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pelanggan. Di samping itu, semakan tidak dapat dibuat untuk mengesahkan terma dan butiran terperinci berhubung tanggungjawab kedua-dua pihak. Pihak Audit mengesyorkan agar UDA Dayaurus segera mendapatkan dokumen kontrak berkenaan sebagai rujukan dalam menjalankan perkhidmatan serta menuntut bayaran dari pelanggan.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bagi kontrak Felda, pihak UDA Dayaurus telah menerima empat (4) salinan kontrak yang telah ditandatangani oleh pihak Pengurusan Felda pada 8 Oktober 2015. Pihak UDA Dayaurus telah menyediakan kertas kerja bagi mendapatkan cop mohor UDA Dayaurus dan seterusnya Bahagian Setiausaha Syarikat sedang mendapatkan tandatangan daripada semua Pengarah Syarikat. Setelah itu, kontrak tersebut akan ditandatangani oleh Pengarah Urusan Kumpulan UDA Holdings merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah UDA Dayaurus. Perkara ini dijangka selesai pada 20 Oktober 2015 dan setelah selesai pihak UDA Dayaurus akan membuat duti setem ke atas semua salinan kontrak tersebut.</i></p>	<p style="text-align: center;"><u>Status pada 2 November 2015</u></p> <p>Bagi Menara Felda, pihak UDSB telah menerima empat (4) salinan kontrak yang telah ditandatangani oleh Pihak Pengurusan Felda pada 8 Oktober 2015 dan telah ditandatangani oleh Pihak Pengurusan UDA Dayaurus Sdn. Bhd. pada 26 Oktober 2015. (Sila rujuk lampiran)</p> <p>Bagi dokumen kontrak SKMM, Pos Malaysia dan Wisma SBBU, Surat Setuju Terima diterima pakai sebagai dokumen kontrak. Manakala salinan kontrak bagi MIMOS dan MPAJ telah dikemukakan melalui maklum balas bertarikh 15 September 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.2.2.ii	<p><b>Kesilapan Klausu Dokumen Kontrak</b></p> <p>Surat permohonan Penyambungan Kontrak Tanpa Tender bagi Kontrak Pengurusan Bangunan Wisma Darul Iman dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu bertarikh 22 Januari 2014 menyatakan kadar harga baru bagi kontrak berkenaan adalah sejumlah RM84,390 sebulan. Namun begitu semakan terhadap Perjanjian Pengurusan Bangunan Wisma Darul Iman Kuala Terengganu di antara Kerajaan Negeri Terengganu dan UDA Dayaurus Sdn. Bhd. bagi tempoh 01 April 2014 hingga 31 Mac 2017 yang ditandatangani pada 01 April 2014 mendapati berlaku kesilapan dalam klausa 5.1. Klausu berkenaan menyatakan “<i>sebagai balasan di atas perkhidmatan pengurusan, Kerajaan hendaklah membayar Syarikat sebanyak RM84,390 (Ringgit Malaysia: Lapan Puluh Empat ribu dan Tiga Ratus Sembilan Puluh sahaja) bagi keseluruhan tempoh perjanjian ini,</i>” di mana perkataan sebulan tidak dinyatakan dan digantikan dengan ayat bagi keseluruhan tempoh perjanjian. Kesilapan klausa ini akan menjejaskan amaun bayaran bulanan yang patut diterima oleh UDA Dayaurus dari segi perundangan kerana klausa berkenaan boleh memberi maksud bayaran sejumlah RM84,390 itu merupakan bayaran untuk perkhidmatan yang diberikan selama 36 bulan iaitu keseluruhan tempoh perjanjian berkenaan. Tindakan pembetulan terhadap klausa berkenaan perlu dibuat bagi melindungi kepentingan UDA Dayaurus.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Addendum kepada Perjanjian Pengurusan Bangunan Wisma Darul Iman Kuala Terengganu telah dibuat oleh pihak SUK pada 16 Julai 2015 di mana perkataan “sebulan” telah dimasukkan ke dalam Addendum tersebut.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>
24.5.2.2.iii	<p><b>Kelewatan Bayaran Oleh Pelanggan</b></p> <p>UDA Dayaurus sepatutnya memastikan bayaran daripada pelanggan diterima dalam tempoh yang ditetapkan dalam dokumen perjanjian bagi memastikan bayaran daripada pelanggan tidak tertunggak dan menjejaskan Aliran Wang Tunai. Semakan Audit mendapati 10 pelanggan lewat membuat bayaran sehingga melebihi 365 hari.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Penambahbaikan yang telah dan akan dilakukan oleh UDA Dayaurus:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Satu Jawatankuasa, Working Capital Management Committee telah ditubuhkan untuk memantau keberkesanan proses kutipan pada bulan Mac 2014;</li> <li>- SOP Kawalan Kredit akan diperkemas untuk memastikan proses kutipan adalah efektif; dan</li> <li>- Sekiranya langkah-langkah di atas gagal, kemungkinan agen kutipan atau peguam akan dilantik untuk tindakan seterusnya.</li> </ul> <p>Setakat 15 Oktober 2015, tunggakan bayaran oleh 10 pelanggan telah berkurang kepada RM1.04 juta berbanding RM6.86 juta pada 31 Disember 2014.</p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>
<p><b>24.5.2.2.iv</b></p>	<p><b>Potongan Bayaran Oleh Pelanggan</b></p> <p>Penyempurnaan kerja mengikut spesifikasi adalah penting bagi memastikan UDA Dayaurus dibayar sepenuhnya mengikut nilai kontrak bulanan dan memastikan semua pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan sekali gus mewujudkan reputasi yang baik dengan pelanggan. Semakan terhadap Nota Kredit yang dikeluarkan oleh UDA Dayaurus kepada pelanggan mendapati potongan bayaran telah dibuat oleh pelanggan kerana kegagalan UDA Dayaurus menyempurnakan kerja seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Sepanjang tahun 2012 hingga 2014 sejumlah RM84,644 potongan dibuat oleh pelanggan.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Bagi dua pelanggan iaitu Telekom Malaysia dan MIMOS, UDA Dayaurus telah menamatkan kontrak terhadap sub-kontraktor yang gagal menjalankan kerja-kerja yang telah ditauliahkan. Pihak UDA Dayaurus juga akan memastikan pemilihan sub-kontraktor akan dibuat dengan lebih teliti bagi mengelakkan perkara di atas dari berulang.</i></p>	<p>Status pada 2 November 2015.</p> <p>Bagi mengelakkan kejadian berulang, pihak Bahagian Pembelian dan Kontrak telah membuat penambahbaikan dari segi perlantikan sub-kontraktor dengan menilai semula prestasi sub-kontraktor dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh perlantikan dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak pelanggan. Sekiranya sub-kontraktor tersebut gagal menepati kriteria yang telah ditetapkan, pihak UDA Dayaurus akan mengambil tindakan dengan membuka semula tender kepada kontraktor lain serta menyenarai hitam sub-kontraktor yang telah gagal bagi memastikan UDA Dayaurus memberi perkhidmatan yang berkualiti dan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		menepati kehendak pelanggan.
24.5.2.2.v	<p><b>Ketiadaan Manual <i>Strategic Business Unit</i> (SBU)</b></p> <p>Bagi melancarkan operasi di setiap SBU satu manual perlu disediakan bagi menjadi panduan kepada kakitangan di setiap SBU dalam menjalankan operasi. Semakan terhadap SBU mendapati enam daripada 10 SBU tidak mempunyai Manual SBU.</p> <p>Pada pendapat Audit, semua SBU sepatutnya dilengkapi dengan Manual SBU bagi membolehkan semua kakitangan dapat menjalankan kerja dengan teratur dan sistematik.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Manual SBU bagi kesemua pelanggan di atas telah disiapkan pada 14 Mei 2015.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>
24.5.2.2.vi	<p><b>Tarikh Kelulusan Daripada Jawatankuasa Pembelian</b></p> <p>UDA Dayaurus boleh melantik subkontraktor untuk menjalankan kerja bagi pihak mereka. Bagaimanapun, satu laporan perlu disediakan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pembelian sebelum Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan kepada subkontraktor. Semakan Audit mendapati 6 cadangan yang disediakan tidak menyatakan tarikh kelulusan bagi cadangan berkenaan. Tanpa tarikh kelulusan Jawatankuasa Pembelian dicatatkan di atas kertas cadangan, pengesahan tidak dapat dibuat sama ada semua Surat Setuju Terima telah dikeluarkan selepas mendapat kelulusan Jawatankuasa Pembelian UDA Dayaurus.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak UDSB akur dengan komen dan ulasan pihak Jabatan Audit Negara. Bahagian Pembelian dan Kontrak akan memastikan tarikh kelulusan dinyatakan dalam kertas cadangan Jawatankuasa Pembelian berserta kelulusan mengikut LOA.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.2.3.a.i	<p><b>Tadbir Urus Korporat - Ahli Lembaga Pengarah</b></p> <p>Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat (<i>business plan</i>) dan menetapkan strateginya untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang dan rancangan tersebut perlu selaras dengan objektif penubuhannya serta perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk. Semakan Audit mendapati UDA Dayaurus ada menyediakan rancangan korporat (<i>business plan</i>), namun ianya tidak diluluskan dan disahkan oleh Lembaga Pengarah UDA Dayaurus.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Business plan telah diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah UDA Bil. 1/2013 bertarikh 23 Januari 2013 dan adalah terpakai untuk anak syarikat milik penuh UDA.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>
24.5.2.3.a.ii	<p>Manual Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government Link Company) yang dikeluarkan oleh <i>Putrajaya Committee On GLC High Performance-The Green Book-Enhancing Board Effectiveness</i> menetapkan keperluan syarikat mengadakan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah secara kerap biasanya antara 6 hingga 8 kali setahun. Semakan Audit mendapati UDA Dayaurus tidak pernah mengadakan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah. Ini berdasarkan Memorandum and Articles of Association (M&amp;A) UDA Dayaurus yang menyatakan "<i>a resolution in writing signed by all the members for the time being entitled to receive notice of and attend and vote at General Meeting shall be valid and effective as if the same had been passed at a General Meeting of the Company duly convened and held</i>".</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Mengikut Struktur Organisasi Kumpulan UDA, semua keputusan pengurusan dan operasi adalah mengikut LOA yang telah diluluskan dan dibentangkan di dalam mesyuarat bulanan Operation Committee dan Group Management Committee. Bahagian Kesetiausahaan juga telah mengeluarkan Resolusi Pekeliling yang telah ditandatangani oleh semua Pengarah. Sebagai langkah pro-aktif, pihak Pengurusan Kumpulan UDA akan mengkaji keberkesanan untuk mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang dicadangkan.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
24.5.2.3.b.i	<p><b>Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</b></p> <p>Pencapaian keseluruhan KPI bagi tahun 2014 dan 2013 telah melebihi <i>weightage</i> yang ditetapkan.</p>	
24.5.2.3.b.ii	<p>Berdasarkan maklum balas pihak UDA Dayaurus bertarikh 3 April 2015, penetapan KPI tahunan akan dibuat selepas Bajet dan Pelan Perniagaan Kumpulan ditetapkan dan kebiasaannya akan dibentangkan pada Lembaga Pengarah UDA pada awal tahun. Manakala, pencapaian KPI ada dibincang dan dipantau setiap bulan di peringkat UHB bagi <i>Strategic Business Unit</i> (SBU) dan setiap suku tahunan bagi <i>Support Services</i> dan dibentangkan pada mesyuarat bulanan <i>Audit and Risk Management Committee</i> (RMC) dan Lembaga Pengarah UHB. Semakan Audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan penetapan, pencapaian dan pemantauan KPI UDA Dayaurus telah dibawa untuk kelulusan serta perhatian Lembaga Pengarah.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pada tahun 2012 dan 2013, pengurusan UDA melaksanakan pelan Transformasi dan perubahan ke atas Struktur Organisasi UDA. Pihak UDA Dayaurus telah mengambil langkah penambahbaikan tersebut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Kumpulan UDA telah menubuhkan Bahagian Korporat dan Strategik bagi memantau prestasi anak-anak syarikat di bawah Kumpulan UDA secara berjadual; dan</i></li> <li>- <i>Sejak tahun 2014, pencapaian KPI bulanan bahagian-bahagian operasi di bawah Kumpulan UDA dibentangkan di mesyuarat Audit dan Risiko yang dijalankan hampir setiap bulan.</i></li> </ul> <p><i>Mulai tahun 2015, pencapaian KPI akan diselaraskan dengan kenaikan pangkat, gaji dan bonus.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>
24.5.3.1.a	<p><b>Pengurusan Perolehan – Dokumen Sebut Harga Tidak Lengkap</b></p> <p>Manual Prosedur Perolehan menetapkan bahawa perolehan secara sebut harga memerlukan Borang P&amp;CO1; 3 sebut harga daripada pembekal; sekiranya nilai perolehan melebihi RM5,000 atau aset perlu mendapat kelulusan Ketua Pegawai Operasi (COO) dan disemak oleh <i>Executive Procurement and Contract Department</i> (PNCD) sebelum <i>Purchase Order</i> (PO)</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dikeluarkan. Semakan Audit terhadap 47 perolehan barangan/ perkhidmatan sepanjang tahun 2011 hingga 2014 mendapati 25 sebut harga tidak mempunyai dokumen yang lengkap seperti ditetapkan oleh SOP. Manakala sembilan sebut harga hanya mempunyai satu tawaran sebut harga daripada pembekal.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak UDA Dayaurus akur dengan komen dan ulasan pihak Jabatan Audit Negara dan akan memastikan proses yang telah ditetapkan di dalam SOP dipatuhi sepenuhnya.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>
<p><b>24.5.3.1.b</b></p>	<p><b>Pesanan Belian Lewat Dikeluarkan</b></p> <p>Pesanan Belian hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu bagi tujuan perolehan. Semakan mendapati pesanan belian bagi sembilan perolehan berjumlah RM89,498 telah dikeluarkan selepas perolehan dibuat.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak UDSB akur dengan komen dan ulasan pihak Jabatan Audit Negara dan akan memastikan proses yang telah ditetapkan di dalam SOP Pembelian dan Kontrak dipatuhi sepenuhnya.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>
<p><b>24.5.3.2.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Perbelanjaan - Pengurusan Baucar Bayaran</b></p> <p>Semakan Audit mendapati berlaku kelemahan dalam pengurusan baucar bayaran seperti tiada cop tarikh terima, tidak dicop telah dibayar dan tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap bagi 78 baucar bayaran berjumlah RM225,328.</p> <p>Pada pendapat Audit, Pengurusan UDA Dayaurus perlu mengambil langkah segera dalam menangani perkara ini. Prosedur Penyediaan Bayaran hendaklah dikemas kini dengan mengambil kira kawalan dalaman yang diperlukan bagi setiap proses pembayaran untuk memastikan bayaran dibuat terhadap perkhidmatan/bekalan/kerja yang telah benar-benar dilaksanakan sahaja dan tidak berlaku <i>improper payment</i>.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak UDA Dayaurus akan memastikan proses yang telah ditetapkan di dalam SOP akan dipatuhi sepenuhnya dan akan melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa. Selain itu, Reckon Accounts Enterprise 2014 yang digunakan UDA Dayaurus mempunyai ciri "auto update" di mana risiko berlakunya bayaran ulangan dapat dielakkan.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>
<p><b>24.5.3.2.b.i</b></p>	<p><b>Pengurusan Pendahuluan Tunai</b></p> <p>Pendahuluan tunai bagi 3 baucar bayaran berjumlah RM22,009 bagi perolehan barangan tidak disokong dengan dokumen sokongan yang lengkap seperti bil, invois, keterangan kerja dan lain-lain dokumen yang berkaitan; dan</p>	
<p><b>24.5.3.2.b.ii</b></p>	<p>Semakan selanjutnya mendapati semua pendahuluan tunai telah direkodkan sebagai perbelanjaan dan bukannya sebagai hutang. Di samping itu, kakitangan yang mengambil pendahuluan tunai tidak dikehendaki membuat pengisytiharan selepas perbelanjaan sebenar dibuat. Ini menyebabkan pengesahan Audit tidak dapat dibuat sama ada semua pendahuluan tunai telah dibelanjakan mengikut maksud sebenar ia dimohon dan sama ada ia telah benar-benar dibelanjakan bagi tujuan rasmi.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak UDA Dayaurus dalam proses penyediaan SOP untuk Pengurusan Pendahuluan Secara Tunai. Cadangan SOP tersebut akan dibawa ke Bahagian Sistem dan Method UDA Holdings Bhd. untuk kelulusan dan dijangka selesai pada hujung bulan Disember 2015.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>
<p><b>24.5.4.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Aset - Rekod Aset Tidak Diselenggara</b></p> <p>Berdasarkan <i>Handling of Fixed Aset-SOP/AD/006</i> menyatakan <i>Admin Personnel</i> hendaklah menyediakan satu daftar aset dan membuka kad aset bagi setiap aset yang dibeli. Semakan Audit mendapati masih terdapat 17 aset yang dibeli berjumlah RM29,629 tidak disenaraikan dalam daftar aset.</p> <p>Pemeriksaan lanjut mendapati aset yang bernilai RM529,247 telah direkod dalam daftar aset tetapi masih tiada kad aset.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Pihak UDA Dayaurus telah mengambil tindakan membuat pengemaskinian ke atas semua senarai daftar aset dan kad aset.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>
<p><b>24.5.4.b</b></p>	<p><b>Pelupusan Aset</b></p> <p>Pemeriksaan Audit pada 2 April 2015 mendapati 16 aset yang telah usang (diperoleh antara tahun 2001 hingga 2010) masih belum dilupuskan iaitu mesin perincih (1 unit), <i>vacuum</i> (3 unit), mesin faksimili (1 unit), mesin taip (1 unit), komputer (4 unit) dan pencetak (6 unit). Sebahagian aset berkenaan disimpan di stor tingkat RG dan tingkat 13 Kompleks Pertama.</p> <p><b>Maklum Balas UDA Dayaurus Yang Diterima Pada 15 Oktober 2015</b></p> <p><i>Kertas cadangan bagi pelupusan aset sedang disediakan dan senarai aset sedang dikemas kini untuk tindakan selanjutnya. Pihak UDA Dayaurus akan mematuhi SOP sedia ada bagi tujuan pelupusan tersebut.</i></p>	<p>Pihak UDA Dayaurus mengesahkan maklum balas pada 15 Oktober 2015.</p>

**(AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN)**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (SWCorp)**

**Perenggan 2 : Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<b>2.4.1</b>	<b>Prestasi Perkhidmatan Pembersihan Oleh Syarikat Konsesi</b>	
<b>2.4.1.1</b>	Mengikut Klausa 4 perjanjian konsesi, syarikat konsesi hendaklah melaksanakan semua tugas dengan penuh tanggungjawab dan efisien. Perkhidmatan yang dijalankan hendaklah berdasarkan kepada Lampiran IV dan V perjanjian dan mematuhi KPI seperti yang ditetapkan di Lampiran VI dan VII perjanjian. Selain itu, SWCorp turut menyediakan Garis Panduan Pemantauan Operasi Syarikat Konsesi sebagai panduan kepada pegawai penguatkuasa bagi memastikan syarikat konsesi melaksanakan perkhidmatan yang ditetapkan dalam perjanjian.	
<b>2.4.1.2</b>	Pemeriksaan dan lawatan Audit bersama pegawai penguatkuasa SWCorp pada bulan November 2014 sehingga Januari 2015 di negeri Kedah, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur mendapati perkhidmatan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi adalah kurang sempurna dan tidak memuaskan walaupun bayaran telah dibuat. Ini disebabkan kurang pemantauan dan penguatkuasaan oleh SWCorp. Selain itu, syarikat konsesi tidak dapat memberikan perkhidmatan yang ditetapkan dalam perjanjian kerana struktur premis individu yang diubahsuai menghalang kerja pembersihan. Ini menyebabkan kualiti perkhidmatan pembersihan syarikat konsesi tidak setimpal dengan bayaran yang dibuat.	
<b>2.4.1.2.a</b>	<b>Pembersihan Longkang Dan Sump Tidak Sempurna Serta Tidak Mengikut Kekerapan</b>  i. Kekerapan pembersihan longkang dan sump yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi adalah sekali dalam sebulan. Kadar yang ditetapkan bagi pembersihan longkang adalah RM0.0402 semeter manakala bagi pembersihan sump adalah RM50 seunit. Mengikut Garis Panduan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini				
	<p>Pemantauan Operasi Syarikat Konsesi, semua bahagian longkang hendaklah dibersihkan dan bebas dari sebarang halangan seperti batu besar, tumbuhan liar, sisa pepejal, keladak dan bahan asing sehingga menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan lancar.</p> <p>ii. Pihak Audit mendapati syarikat konsesi tidak melakukan pembersihan mengikut kekerapan yang ditetapkan menyebabkan longkang dan <i>sump</i> dipenuhi dengan sampah sarap, tumbuhan liar dan keladak. Selain itu, syarikat konsesi juga tidak dapat melakukan pembersihan longkang disebabkan pemilik premis melakukan ubahsuai terhadap struktur longkang.</p> <p>Pada pendapat Audit, perkhidmatan pembersihan oleh syarikat konsesi adalah kurang memuaskan kerana pembersihan tidak dapat dibuat dengan sempurna disebabkan banyak halangan yang dibuat oleh pemilik premis dan tiada tindakan oleh pihak PBT.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp mengambil maklum teguran Audit dan telah memaklumkan pihak PBT mengenai teguran Audit serta tindakan perlu diselesaikan sebelum 30 Oktober 2015. Status tindakan yang diambil adalah seperti berikut:</i></p> <table border="1" data-bbox="331 922 1171 1396"> <thead> <tr> <th data-bbox="331 922 510 954">LOKASI</th> <th data-bbox="510 922 1171 954">MAKLUM BALAS</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="331 954 510 1396"> <i>Kepong Industrial Park, WP Kuala Lumpur</i> </td> <td data-bbox="510 954 1171 1396"> <p><i>Pembersihan telah dilaksanakan pada 2 Februari 2015. Pelarasan ke atas bayaran yang telah dibuat akan diselaraskan semasa bayaran bulan September 2015. Pelarasan dari bulan Oktober 2014 sehingga Januari 2015 adalah sebanyak RM100 sebulan atau RM400 bagi tempoh tersebut.</i></p> <p><i>Bagi longkang yang ditutup oleh pemilik premis, pelarasan akan dibuat melalui bulan September 2012 sehingga Ogos 2015. Pelarasan akan dilaksanakan di dalam tuntutan bayaran konsesi bagi bulan September 2015. Sebarang tuntutan mulai bulan Oktober 2015 tidak akan dibayar. SWCorp akan membuat perbincangan lanjut dengan pihak DBKL bagi menyelesaikan masalah ini sebelum 30 Oktober 2015.</i></p> </td> </tr> </tbody> </table>	LOKASI	MAKLUM BALAS	<i>Kepong Industrial Park, WP Kuala Lumpur</i>	<p><i>Pembersihan telah dilaksanakan pada 2 Februari 2015. Pelarasan ke atas bayaran yang telah dibuat akan diselaraskan semasa bayaran bulan September 2015. Pelarasan dari bulan Oktober 2014 sehingga Januari 2015 adalah sebanyak RM100 sebulan atau RM400 bagi tempoh tersebut.</i></p> <p><i>Bagi longkang yang ditutup oleh pemilik premis, pelarasan akan dibuat melalui bulan September 2012 sehingga Ogos 2015. Pelarasan akan dilaksanakan di dalam tuntutan bayaran konsesi bagi bulan September 2015. Sebarang tuntutan mulai bulan Oktober 2015 tidak akan dibayar. SWCorp akan membuat perbincangan lanjut dengan pihak DBKL bagi menyelesaikan masalah ini sebelum 30 Oktober 2015.</i></p>	<p>Pihak SWCorp telah hadir ke mesyuarat bersama DBKL yang membincangkan mengenai isu longkang berhalangan dan isu pembersihan longkang pada 22 September 2015. Pihak DBKL akan memfokuskan kepada penyelesaian kerja penambahbaikan keadaan longkang sedia ada. Longkang berhalangan kekal dan sukar untuk dibersihkan seperti longkang tertutup, dibina struktur dan sebagainya akan dikeluarkan dari inventori.</p>
LOKASI	MAKLUM BALAS					
<i>Kepong Industrial Park, WP Kuala Lumpur</i>	<p><i>Pembersihan telah dilaksanakan pada 2 Februari 2015. Pelarasan ke atas bayaran yang telah dibuat akan diselaraskan semasa bayaran bulan September 2015. Pelarasan dari bulan Oktober 2014 sehingga Januari 2015 adalah sebanyak RM100 sebulan atau RM400 bagi tempoh tersebut.</i></p> <p><i>Bagi longkang yang ditutup oleh pemilik premis, pelarasan akan dibuat melalui bulan September 2012 sehingga Ogos 2015. Pelarasan akan dilaksanakan di dalam tuntutan bayaran konsesi bagi bulan September 2015. Sebarang tuntutan mulai bulan Oktober 2015 tidak akan dibayar. SWCorp akan membuat perbincangan lanjut dengan pihak DBKL bagi menyelesaikan masalah ini sebelum 30 Oktober 2015.</i></p>					

Perenggan	Penemuan Audit		Status Terkini
	<p><i>Jalan Perindustrian Senai, Kulai, Johor</i></p>	<p><i>Jadual kerja pembersihan longkang adalah pada 1 sehingga 8 November 2014. Syarikat konsesi telah mengemukakan Borang Halangan Kerja pada 3 November 2014 kerana hujan tetapi tidak menyatakan tarikh kerja pembersihan. SWCorp Cawangan Kulai telah membuat semakan di seluruh Kawasan Perindustrian Senai pada 30 November 2014 dan mendapati kerja pembersihan longkang tidak dilakukan dengan sempurna dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Oleh itu, 2 ketidakpatuhan KPI berjumlah RM1,000 telah dikenakan di lokasi Jalan Perindustrian Senai 4 dan 5 kepada syarikat konsesi pada hari tersebut.</i></p> <p><i>SWCorp Cawangan Kulai akan memastikan setiap borang halangan kerja yang dihantar oleh syarikat konsesi perlu dinyatakan tarikh yang terperinci dan pindaan jadual operasi pembersihan yang baru.</i></p>	<p>Keseluruhan jadual kerja pembersihan longkang di Kawasan Perindustrian Senai, Kulai di mana lokasi bagi penemuan audit telah dilaksanakan kerja – kerja pembersihan oleh pihak konsesi sehingga 30 November 2014. Pihak SWCorp Cawangan Kulai juga telah mempertingkatkan pemantauan di lokasi tersebut mengikut aturan jadual kerja yang telah dikemukakan oleh pihak konsesi secara bulanan bagi memastikan perkara tersebut tidak lagi berulang.</p> <p>Mesyuarat Aduan Majlis Bandaraya Kulim (MPKK) Bil.9/2015 bertarikh 26 Oktober 2015 memaklumkan Unit Bangunan mencadangkan supaya perkara ini dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kemudahan Awam MPKK.</p>
<p><i>Kawasan Perindustrian Kuchai Lama, WP Kuala Lumpur</i></p>	<p><i>Masalah berkaitan longkang di Kawasan Perindustrian Kuchai Lama telah dikemukakan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui surat bertarikh 3 Mei 2013 tetapi masih tiada tindakan yang diambil sehingga lawatan Audit dilaksanakan. DBKL diminta memperbaiki penutup longkang berkenaan sebelum 30 Oktober 2015. Pemantauan yang lebih berkesan dibuat untuk memastikan syarikat konsesi sentiasa melaksanakan kerja mengikut jadual yang telah ditetapkan.</i></p>		
<p><i>Taman Sri Melati dan Taman Mutiara, Kulim Kedah</i></p>	<p><i>Kerja pembersihan tetap dilaksanakan oleh syarikat konsesi menggunakan kaedah alternatif seperti ultrawhack dan water jetter. Sehubungan itu, surat pemakluman kepada Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) mengenai halangan tersebut telah dihantar pada 20 Ogos 2015 dan perkara ini juga telah dibangkitkan di dalam Mesyuarat Aduan MPKK Bil. 7/2015 pada 20 Ogos 2015.</i></p>		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.1.2.b	<p><b>Pembersihan Pasar Awam Tidak Menyeluruh</b></p> <p>i. Mengikut perjanjian konsesi, tahap standard pembersihan pasar awam perlu dilakukan setiap hari dan kadar yang ditetapkan bagi pembersihan adalah RM0.18 semeter persegi di setiap kawasan dalam pasar awam yang merangkumi kemudahan, tempat penyimpanan sisa dan perabot kegunaan awam. Kawasan pasar awam yang perlu dibersihkan adalah meliputi kawasan berpagar atau jika tidak berpagar, ia dirujuk kepada tempat letak kereta, tandas awam, longkang awam dan pusat pengumpulan sisa. Syarikat konsesi perlu memastikan kawasan lantai sentiasa bersih, tidak licin dan tiada air bertakung. Pembersihan perlu dibuat secara kerap dan memastikan semua kawasan di pasar awam bebas dari tempat pembiakan nyamuk.</p> <p>ii. Semakan Audit terhadap pengesyoran bayaran bulan Ogos 2014 oleh SWCorp mendapati keluasan Pasar Besar Alor Setar adalah 44,677 meter persegi dan kos pembersihan berjumlah RM241,256. Bagaimanapun, lawatan Audit bersama pegawai penguatkuasa SWCorp pada 17 November 2014 di Pasar Besar Alor Setar mendapati kerja pembersihan adalah tidak menyeluruh disebabkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Halangan struktur berpagar oleh peniaga pemprosesan ayam. Walaupun peniaga membersihkan sendiri lantai premisnya tetapi sisa yang dibersihkan disalurkan ke longkang menyebabkan pengaliran air terganggu.</li> <li>• Perangkap minyak yang tidak dibersihkan di restoran yang tidak beroperasi menyebabkan air bertakung dan menjadi tempat pembiakan nyamuk.</li> <li>• Sebahagian longkang dalam kawasan pasar juga dipenuhi sampah sarap yang boleh menyebabkan aliran air tersekat.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, perkhidmatan pembersihan pasar awam oleh syarikat konsesi tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna dan menyeluruh disebabkan oleh wujudnya halangan struktur berpagar oleh peniaga dan ada kawasan yang masih di luar skop pemantauan SWCorp.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp mengesahkan kerja pembersihan pasar tidak dapat dilaksanakan secara sempurna kerana terdapat halangan struktur berpagar oleh peniaga pemprosesan ayam. SWCorp telah menghantar surat kepada Majlis</i></p>	<p>Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) akan memberi notis terhadap peniaga-peniaga ayam yang membina struktur yang boleh mengganggu kerja-kerja pembersihan lantai di Pasar Besar Awam Alor Setar. Manakala pemantauan</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Bandaraya Alor Setar (MBAS) pada 23 Ogos 2015 untuk mengambil tindakan terhadap peniaga tersebut.</i></p> <p><i>SWCorp juga telah mengeluarkan notis peringatan pada 29 Oktober 2014 untuk peniaga membuang sisa pemprosesan ayam ke dalam tong yang disediakan. SWCorp akan mengambil langkah penambahbaikan dengan menyediakan jadual perkhidmatan pembersihan yang lebih terperinci mulai bulan September 2015. Perangkap minyak juga telah dibersihkan selepas teguran Audit. Surat makluman mengenai kerja menyenggara perangkap minyak telah dihantar kepada MBAS pada 23 Ogos 2015.</i></p>	<p>perangkap minyak yang didapati pecah dan kerja pembaikan akan dipanjangkan ke Bahagian Kerja Awam dan Penyelenggaraan MBAS akan dibuat dari semasa ke semasa.</p> <p>Jadual Perkhidmatan yang lebih terperinci telah disediakan oleh Syarikat Konsesi dan telah dipasang pada bulan Oktober 2015.</p>
<p><b>2.4.2</b></p> <p><b>2.4.2.1</b></p> <p><b>2.4.2.1.a</b></p>	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p><b>Keperluan Kewangan</b></p> <p>Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam diwujudkan di bawah Seksyen 27 Akta 673 bagi membuat bayaran perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada geran mengurus yang disalurkan oleh KPKT dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan PBT. Perjanjian di antara Kerajaan dan PBT menetapkan PBT perlu membayar sumbangan kepada SWCorp setiap bulan berdasarkan kadar perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam yang sedia ada bagi inventori yang diterima semasa perjanjian. Bagi inventori yang diterima selepas perjanjian, kadar sumbangan adalah mengikut kadar yang tertinggi antara kadar sedia ada dan kadar dalam perjanjian konsesi.</p>	
<p><b>2.4.2.1.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati kos penswastan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dianggarkan bagi tempoh 21 tahun adalah berjumlah RM28.30 bilion. Jumlah ini perlu dijelaskan melalui Geran Kerajaan Persekutuan sejumlah RM17.72 bilion dan sumbangan daripada PBT sejumlah RM10.58 bilion. Kerajaan perlu menanggung kos keseluruhan penswastan sekiranya PBT tidak memberi sumbangan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan penswastan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam melibatkan peruntukan kewangan yang tinggi. Bagaimanapun, tanggungan Kerajaan Persekutuan dapat dikurangkan sekiranya PBT membuat bayaran sumbangan yang ditetapkan mengikut perjanjian.</p>	<p>Pihak SWCorp akan mengkaji semula dan mengesyorkan klausa tambahan dalam <i>tripartite agreement</i> kepada JPSPN selewat-lewatnya pada Julai 2016 untuk mengenakan penalti kepada mana-mana PBT yang gagal membuat bayaran sumbangan KWPSPPA kepada SWCorp.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>Memorandum Jemaah Menteri (MJM) mengenai Pelaksanaan Akta 672 di Semenanjung Malaysia yang dibentangkan pada 24 Jun 2011 kepada kabinet telah membuat pengiraan kos tersebut berdasarkan anggaran bilangan premis yang diperolehi dari PBT pada tahun 2011. Pengiraan juga telah mengambil kira kenaikan bilangan premis, inventori dan kawasan dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, anggaran yang dibuat di dalam MJM berkaitan adalah lebih rendah dari implimentasi sebenar. Perbezaan anggaran ini adalah disebabkan oleh:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam secara berperingkat mengikut KPI.</i></li> <li>• <i>Pertambahan inventori dari kawasan baru yang diserahkan oleh PBT kepada SWCorp untuk diuruskan yang dianggarkan akan meningkat setiap tahun.</i></li> <li>• <i>Peningkatan kekerapan dan skop perkhidmatan di lokasi yang dipohon oleh PBT.</i></li> </ul> <p><i>SWCorp telah mengambil beberapa inisiatif bagi mengawal kenaikan kos pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Cadangan inisiatif yang akan dan sedang diambil adalah seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Pelaksanaan Sistem Direct Billing atau Paid As You Throw (PAYT) di mana sebahagian daripada kos pengurusan sisa pepejal akan ditanggung oleh penjana sisa secara terus.</i></li> <li>• <i>Pelaksanaan Asingkan Sisa Pepejal Daripada Sumber yang berkuatkuasa pada 1 September 2015 di mana masyarakat diwajibkan mengasingkan sisa pepejal yang boleh dan tidak boleh dikitar semula. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, ianya akan meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal seterusnya mengurangkan kos kutipan dan pelupusan.</i></li> <li>• <i>Pelaksanaan kajian permulaan (preliminary study) bagi mengoptimumkan kos perkhidmatan pembersihan awam bersama JPSPN dan PEMANDU.</i></li> </ul>	<p>Bengkel <i>Polluter Pays Principle @ Pay As You Throw</i> telah dibuat oleh JPSPN pada 9-11 Mac 2015 bagi mengkaji keberkesanan inisiatif PAYT. Hasil daripada bengkel PAYT akan diperhalusi oleh JPSPN sebelum dicadangkan kepada YB Menteri.</p> <p>Pelaksanaan Pengasingan Sisa Di Punca yang telah bermula pada 1 September 2015 telah menampakkan hasil. Sejumlah 169 tan barangan kitar semula dalam tempoh 1 September sehingga 21 Oktober 2015 telah berjaya dikutip daripada 7 negeri yang telah melaksanakan Pengasingan Sisa Di Punca. Secara tidak langsung bayaran <i>tipping fees</i> juga dapat dikurangkan dan jangka hayat tapak pelupusan dapat dipanjangkan.</p> <p>Semakan kadar tarif kutipan akan dibuat sebelum 2018 dengan mengambil kira keuntungan yang diperolehi oleh syarikat konsesi hasil daripada jualan barangan kitar semula.</p> <p>Makmal Pengurusan Sisa Pepejal yang dikendalikan oleh JPSPN dan PEMANDU telah dibuat pada 27 Mei sehingga 17 Jun 2015. Hasil daripada bengkel tersebut telah dibentangkan kepada YB Menteri dan pelaksanaan bagi kajian mengoptimumkan kos perkhidmatan pembersihan awam akan dilaksanakan pada 1 September 2018 (fasa kedua pelaksanaan Perjanjian Konsesi).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>2.4.3</b></p> <p><b>2.4.3.1</b></p>	<p><b>Tuntutan Dan Bayaran Kepada Syarikat Konsesi Tidak Teratur</b></p> <p>Setiap tuntutan daripada syarikat konsesi dan bayaran yang dibuat hendaklah teratur bagi memastikan pembayaran yang dibuat adalah munasabah, mempunyai bukti yang mencukupi, jelas dan tepat selaras dengan perkhidmatan yang diberikan. Selain itu, tuntutan yang dibuat hendaklah berdasarkan kepada skop perkhidmatan yang dipersetujui dalam perjanjian konsesi. Pengesyoran bayaran ialah dokumen yang disediakan oleh Pengurus Cawangan SWCorp yang memperincikan kerja dan perkhidmatan yang dilakukan oleh syarikat konsesi pada setiap bulan. Dokumen berkenaan mengandungi nama dan kategori inventori, kadar, kekerapan dan jumlah yang perlu dibayar bagi setiap skop kerja mengikut skim dan kawasan yang diberikan perkhidmatan. Pengesyoran bayaran dibuat setelah mendapat tuntutan bulanan daripada syarikat konsesi. Bahagian Kewangan akan membuat pembayaran kepada syarikat konsesi berdasarkan pengesyoran bayaran yang telah disahkan oleh Bahagian Sisa Domestik Dan Pembersihan Awam.</p>	<p>Terdapat 2 bentuk dokumen yang perlu dikemukakan oleh syarikat konsesi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Invois tuntutan bayaran KPI penuh syarikat konsesi</li> <li>B. Dokumen sokongan bagi pelaksanaan KPI penuh <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hebahan pada penduduk setempat</li> <li>▪ Agihan tong telah mencapai 90% daripada jumlah penduduk</li> <li>▪ Jadual Perkhidmatan perlu dikemukakan</li> <li>▪ Sumber tenaga manusia dan peralatan telah mencukupi</li> </ul> </li> </ul> <p>Syarikat Konsesi telah mengemukakan segala dokumen tuntutan bayaran pada bulan semasa iaitu mulai bulan September 2012. Bayaran mengikut KPI penuh dibuat selepas pihak konsesi mengemukakan segala dokumen sokongan yang telah ditetapkan oleh SWCorp.</p> <p>Bahagian Kewangan SWCorp telah mengemukakan invois tuntutan bayaran KPI penuh syarikat konsesi bagi bulan September 2012 sehingga Januari 2013 kepada Jabatan Audit Negara sebagai bukti pada 22 Oktober 2015.</p>
<p><b>2.4.3.2</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati tuntutan dan bayaran kepada syarikat konsesi adalah tidak teratur kerana tuntutan dan pembayaran di luar skop/tidak dinyatakan dalam perjanjian, pengesyoran dan bayaran yang diragui, tuntutan tidak munasabah, tuntutan tidak berdasarkan kerja sebenar dan bayaran tidak berdasarkan kepada inventori yang dimuktamadkan. Berdasarkan sampel Audit, bayaran yang tidak teratur bagi tahun 2014 kepada syarikat konsesi berjumlah RM56.29 juta. Bagaimanapun, bayaran yang tidak teratur kepada syarikat konsesi bagi bulan September 2012 sehingga Disember 2014 adalah dianggarkan berjumlah RM116.65 juta.</p>	
<p><b>2.4.3.2.a</b></p>	<p><b>Tuntutan Dan Pembayaran Kepada Syarikat Konsesi Di Luar Skop/ Tidak Dinyatakan Di Dalam Perjanjian</b></p> <p>i. Mengikut Lampiran V perjanjian konsesi, skop perkhidmatan pembersihan awam adalah sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 2 Akta 672 iaitu membersihkan jalan awam, tempat awam, tandas awam dan longkang awam; membersihkan pusat penjaja dan pasar kecuali medan makan dan pasar yang dipunyai serta disenggara secara persendirian; membersihkan sisa pepejal terkawal yang dibuang dengan menyalahi undang-undang di atas jalan dan tempat awam (sisa haram); membersihkan pantai; memotong rumput di tepi bebendul jalan awam; memotong rumput di tempat awam dan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>mengalihkan bangkai. Kadar yang ditetapkan bagi setiap skop perkhidmatan yang diberikan adalah seperti di Lampiran IX perjanjian.</p> <p>ii. Semakan Audit terhadap pengesyoran bayaran tahun 2014 bagi WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur mendapati pembayaran telah dibuat kepada syarikat konsesi terhadap skop kerja pembersihan longkang, tempat awam dan pembersihan lain yang tidak dinyatakan dalam perjanjian berjumlah RM17.52 juta bagi WP Putrajaya dan RM7.33 juta bagi WP Kuala Lumpur.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengesyoran yang dibuat oleh SWCorp adalah tidak tepat dan teratur kerana pengesyoran dibuat bagi perkhidmatan yang tiada dalam perjanjian.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan terdapat permintaan daripada PBT kepada SWCorp untuk melaksanakan pembersihan siar kaki bagi meningkatkan kebersihan kawasan perkhidmatan. Hanya 2 PBT yang diberi perkhidmatan di luar skop iaitu WP Kuala Lumpur dan Putrajaya. SWCorp mengambil maklum mengenai skop dan kadar seperti yang tercatat di Lampiran V dan IX perjanjian konsesi.</i></p> <p><i>SWCorp bersetuju untuk melaksanakan kerja di luar skop perjanjian konsesi setelah dimaklumkan bahawa segala pembayaran adalah tidak menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan, sebaliknya ditanggung oleh PBT yang berkenaan. Jumlah yang dibayar terhadap kerja di luar skop bagi WP Putrajaya adalah sejumlah RM17.52 juta. Bagaimanapun PBT hanya membayar sejumlah RM6.57 juta manakala sejumlah RM10.95 juta telah dibayar oleh SWCorp dan akan dilaraskan kelak selepas Bengkel Pemurnian Data Luar Skop bagi kawasan Putrajaya dari September 2011 sehingga kini.</i></p> <p><i>SWCorp berpendapat pindaan yang perlu dibuat adalah terhadap perincian kepada kaedah dan kadar harga pembersihan melalui Perjanjian Tambahan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat SLC pada 21 hingga 22 September 2015.</i></p>	<p>Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Tahap Perkhidmatan Bil 3 Tahun 2015 yang diadakan pada 21 hingga 22 September 2015 telah memutuskan supaya SWCorp membentangkan cadangan perkhidmatan luar skop Perjanjian Konsesi beserta kos yang terlibat dalam mesyuarat yang akan datang. Sehubungan itu Ibu Pejabat SWCorp telah mengeluarkan arahan kepada setiap Ibu Pejabat Negeri SWCorp untuk menyenaraikan dan melengkapkan maklumat perkhidmatan luar skop Perjanjian Konsesi di negeri masing-masing untuk dibentangkan dan dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tahap Perkhidmatan Bil 4 Tahun 2015 yang dijadualkan pada bulan Disember 2015.</p> <p>Rujukan: (Surat rujukan PSP.BSD.600-3/9 (9) bertarikh 13 Oktober 2015).</p> <p>Bengkel Pemurnian Data telah dilaksanakan pada 19 hingga 22 Oktober 2015. Penemuan Bengkel tersebut mendapati jumlah yang sepatutnya dituntut adalah kurang daripada jumlah yang sebenarnya. Sehubungan dengan itu, SWCorp akan membuat semakan semula tuntutan kerja luar skop sebenar bersama Perbadanan Putrajaya untuk tempoh masa bermula pengambilalihan pada September 2011 sehingga terkini. SWCorp akan menghantar surat susulan kepada JPSPN pada 30 Oktober 2015 untuk menyegerakan keputusan bagi kerja-kerja di luar skop perjanjian konsesi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.3.2.b	<p data-bbox="331 260 1108 284"><b>Pengesyoran Dan Bayaran Kepada Syarikat Konsesi Adalah Diragui</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="347 343 1171 563">i. Mengikut perjanjian konsesi, pembayaran bulanan terhadap perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam perlu mengikut kadar yang ditetapkan dalam Lampiran IX perjanjian konsesi dan <i>database</i> inventori yang dikemas kini dari semasa ke semasa oleh syarikat konsesi serta disahkan oleh SWCorp. <i>Database</i> inventori perlu disediakan oleh syarikat konsesi dalam tempoh 6 bulan selepas perjanjian ditandatangani mengikut format yang ditetapkan dalam Lampiran XI perjanjian konsesi.</li> <li data-bbox="347 595 1171 895">ii. Pihak Audit mendapati pengesyoran bayaran terhadap pembersihan siar kaki pada kadar RM2.08 semeter persegi dan <i>upkeeping</i> pada kadar RM0.0402 semeter persegi bagi bulan Jun sehingga Oktober 2014 di Skim 2 WP Putrajaya telah dibuat secara <i>lump sum</i> tanpa mengikut pecahan kawasan. Ini disebabkan syarikat konsesi dan SWCorp masih belum memuktamadkan inventori pembersihan siar kaki dan <i>upkeeping</i> di skim tersebut berikutan pertambahan kawasan baru. Oleh itu, pembayaran kepada syarikat konsesi berjumlah RM2.12 juta bagi pembersihan siar kaki dan RM22.68 juta bagi <i>upkeeping</i> adalah diragui kerana dibuat secara <i>lump sum</i> tanpa menyatakan pecahan inventori mengikut kawasan.</li> <li data-bbox="347 927 1171 1118">iii. Semakan lanjut terhadap pengesyoran bayaran bulan September 2014 bagi Skim 1 WP Putrajaya mendapati inventori bagi <i>upkeeping</i> di Lebu Sentosa, Lebu Wawasan dan Persiaran Utara adalah sama dengan keluasan inventori pemotongan rumput. Keluasan inventori bagi pemotongan rumput sepatutnya kurang daripada inventori <i>upkeeping</i> kerana terdapat struktur longkang, siar kaki dan laluan motosikal yang tidak berumput.</li> </ul> <p data-bbox="331 1150 1171 1254">Pada pendapat Audit, keluasan inventori pemotongan rumput sebenar adalah lebih kecil berbanding dengan keluasan <i>upkeeping</i> kerana tidak mengambil kira keluasan siar kaki, longkang dan laluan motosikal. Ini boleh menyebabkan berlakunya lebihan bayaran.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan semua tuntutan daripada syarikat konsesi adalah berdasarkan data inventori terperinci yang disertakan. Pembayaran berdasarkan pengesahan dan semakan di lapangan. Hanya jumlah akhir sahaja dimasukkan di dalam pengesyoran kerana SWCorp masih dalam proses menyalin semua lokasi terperinci ke dalam softcopy pengesyoran. Bagaimanapun, pengesyoran bulan November 2014 dibuat secara terperinci.</i></p> <p><i>SWCorp juga memaklumkan upkeeping bermaksud kerja-kerja pembersihan tempat awam termasuk pencucian kemudahan awam yang lain seperti pencucian bollard dan pencucian litter bin. Pengesyoran yang dibuat bagi bulan September 2014 bagi kerja upkeeping dan pemotongan rumput telah menggunakan inventori yang sama kerana data inventori sebenar bagi upkeeping masih belum dimuktamadkan. Data ini hanya mula digunakan pada bulan September 2014. Sebelum ini, kadar lump sum digunakan. Sejak tahun 2011, SWCorp telah memohon pihak konsesi untuk menyediakan maklumat berkaitan data inventori mengikut skim bagi tujuan pembayaran.</i></p> <p><i>SWCorp telah mengambil beberapa inisiatif bagi menyelesaikan masalah inventori tersebut antaranya pada 8 November 2013, satu Task Force pengesahan data serta inventori antara SWCorp dan syarikat konsesi dibuat berdasarkan arahan Ketua Pegawai Eksekutif. Task Force ini melibatkan 11 orang pegawai dari Kelantan dan 13 orang dari Terengganu serta 12 unit peralatan GPS telah ditambah untuk memuktamadkan data inventori. Proses pemuktamadan data selesai keseluruhannya pada 6 Julai 2015.</i></p>	<p>Pengesyoran telah dibuat berdasarkan data inventori terperinci bermula dari November 2014. Semua tuntutan akan disemak terlebih dahulu sebelum pengesyoran dibuat. Berkenaan dengan nilai inventori bagi kerja-kerja pemotongan rumput, proses menggunakan data yang telah dimuktamadkan di dalam pengesyoran telah dibuat bermula dari pengesyoran September 2015.</p>
<p><b>2.4.3.2.c</b></p> <p><b>2.4.3.2.c.i</b></p>	<p><b>Pengesyoran Dan Bayaran Kepada Syarikat Konsesi Tidak Munasabah</b></p> <p><b>Pembersihan Longkang Di Jalan Hujan Abu 2 Taman OUG</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut Arahan Perbendaharaan 93 (i), setiap pembayaran yang dibuat hendaklah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab supaya bayaran dibuat tidak akan menyebabkan lebihan atas amaun yang diperuntukkan.</li> <li>• Semakan Audit terhadap pengesyoran bayaran tahun 2014 di Skim 14 WP Kuala Lumpur mendapati pembersihan longkang di Jalan Hujan Abu 2 Taman OUG berjumlah RM2.99 juta setahun bagi longkang sepanjang 277.27 kilometer. Berdasarkan pengesyoran bayaran, pembersihan longkang meliputi <i>log boom/slit trap</i>, longkang terbuka (450mm&lt;lebar&lt;1000mm), longkang terbuka (lebar&gt;2000mm)</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dan longkang tertutup yang mempunyai kadar yang berbeza.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagaimanapun, lawatan Audit bersama pegawai penguatkuasa SWCorp pada 22 Januari 2015 mendapati panjang longkang hanya 0.528 kilometer bagi longkang jenis terbuka (450mm&lt;lebar&lt;1000mm) dengan kadar RM0.4393 permeter berjumlah RM231.95 sebulan atau RM2,783 setahun. Pihak Audit tidak dapat mengesan <i>log boom/slit trap</i>, longkang terbuka (lebar&gt;2000mm) dan longkang tertutup yang dinyatakan dalam pengesyoran bayaran. Berdasarkan pengesyoran bayaran ini, SWCorp telah membayar kepada syarikat konsesi sejumlah RM2.98 juta berbanding jumlah sebenar sejumlah RM2,783 pada tahun 2014.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, pengesyoran bayaran dibuat tanpa semakan yang teliti oleh SWCorp telah menyebabkan Kerajaan membuat lebihan bayaran terhadap perkhidmatan yang tidak diberi.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp mengakui bahawa data panjang longkang bagi Taman OUG di dalam dokumen pengesyoran adalah tidak tepat. Semakan semula mendapati panjang longkang sebanyak 277.27 kilometer adalah meliputi 63 buah taman termasuk Taman OUG. SWCorp telah menyemak semula longkang sebanyak 277.27 kilometer tersebut dan menyenaraikan mengikut 63 taman, mulai tuntutan bulan April 2015. SWCorp mengakui terdapat kesilapan semasa pihak konsesi membuat penyenaian semula data pada bulan Disember 2013. Nama-nama jalan di 63 taman telah diduplikasi dengan nama Jalan Hujan Abu 2, Taman OUG. Oleh yang demikian, SWCorp tidak membuat sebarang bayaran melebihi yang sepatutnya.</i></p> <p><i>Hasil semakan semula ke atas maklum balas dan dokumen sokongan yang dikemukakan, pihak Audit mendapati longkang di jalan-jalan yang disenaraikan masih merujuk kepada Taman OUG tidak kepada 63 taman yang dimaklumkan oleh SWCorp. Selain itu, panjang inventori yang disenaraikan juga melebihi 277.27 kilometer.</i></p>	<p>Pembayaran yang telah dibuat adalah berdasarkan kepada maklumat inventori panjang longkang yang belum dimuktamadkan dan berlaku duplikasi keterangan nama taman dan lokasi dalam tuntutan konsesi dan pengesyoran SWCorp. Sejumlah besar nama taman dan lokasi longkang dicatatkan sebagai 'Jalan Hujan Abu 2, Taman OUG'. Lanjutan daripada teguran Audit, pihak SWCorp telah membuat semakan di lapangan dan mengesahkan berlaku duplikasi. Seterusnya SWCorp telah menyenaraikan data menurut 63 lokasi sebenar termasuk jalan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.3.2.c.ii	<p><b>Pembersihan Longkang Di Lebuh Raya Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Struktur dan spesifikasi longkang yang sempurna adalah kriteria penting bagi memastikan penyenggaraan berkala dapat dilaksanakan dengan baik. SWCorp perlu memastikan longkang dalam keadaan sempurna sebelum KPI penuh dilaksanakan. Kadar bagi KPI penuh pembersihan longkang yang ditetapkan adalah RM0.4393 semeter bagi longkang terbuka (450mm&lt;lebar&lt;1000mm) dan RM0.3626 semeter bagi longkang tanah. Denda bagi kesalahan tidak mematuhi KPI akan dikenakan kepada syarikat konsesi sekiranya saluran longkang tidak dibersihkan daripada sisa pepejal, sampah sarap, benda asing, tumbuhan atau sebarang halangan di dalam saluran longkang.</li> <li>• Pihak Audit mendapati tuntutan syarikat konsesi dan pengesyoran bayaran pada tahun 2014 terhadap pembersihan longkang di Lebuh Raya Sultanah Bahiyah, Alor Setar sepanjang 34,056 meter berjumlah RM14,960 sebulan atau RM179,520 setahun adalah pada kadar KPI penuh walaupun keadaan longkang tidak memenuhi kriteria. Ini disebabkan Bandaraya Alor Setar telah mendapat KPI penuh mulai bulan September 2012. Selain itu, lawatan Audit bersama pegawai penguatkuasa SWCorp dan wakil syarikat konsesi pada 20 November 2014 mendapati sebahagian longkang tanah di kawasan tersebut tidak berfungsi dan rosak menyebabkan syarikat konsesi tidak dapat menjalankan pembersihan longkang dengan baik.</li> <li>• Semakan lanjut mendapati kebanyakan longkang adalah jenis longkang tanah dan kadar yang ditetapkan adalah RM0.3626 semeter. Bagaimanapun, tuntutan syarikat konsesi adalah berdasarkan longkang konkrit jenis terbuka pada kadar RM0.4393 semeter. Selain itu, pihak Audit juga mendapati syarikat konsesi tidak dikenakan denda kesalahan KPI walaupun keadaan longkang tidak bersih dan banyak halangan. Ini kerana tiada penetapan kriteria bagi denda KPI longkang tanah dan longkang tersebut sentiasa terdedah kepada lumpur dan tumbuhan liar.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, tuntutan yang dibuat oleh syarikat konsesi dengan kadar KPI penuh adalah suatu tuntutan yang tidak wajar kerana tidak memenuhi kriteria KPI yang ditetapkan. Bayaran dibuat bagi perkhidmatan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang tidak diberikan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>Longkang di sepanjang Lebuhraya Sultanah Bahiyah masih belum diukur untuk dimuktamadkan menggunakan data GIS kerana perlu dilaksanakan secara berperingkat. Oleh itu, kaedah pembayaran sebelum data GIS dimuktamadkan dibuat berdasarkan KPI penuh seperti arahan dari JPSPN.</i></p> <p><i>Inventori GIS bagi longkang di sepanjang Lebuhraya Sultanah Bahiyah telah dimuktamadkan pada 2 Julai 2015. Inventori longkang tanah telah dikeluarkan dari senarai inventori setelah data dimuktamadkan. Pelarasan pengesyoran akan dilaksanakan bermula bulan Ogos 2015 dengan mengambil kira pengesyoran bulan September 2012 hingga Julai 2015 (35 bulan). Pelarasan sejumlah RM616,254.12 akan dibuat kepada syarikat konsesi.</i></p> <p><i>Surat makluman berkenaan halangan aktiviti pembersihan awam di sepanjang longkang Lebuhraya Sultanah Bahiyah telah dihantar ke MBAS pada 23 Jun 2014. Perbincangan bersama Datuk Bandar MBAS berkaitan isu yang dibangkitkan oleh pihak Audit akan diadakan dalam bulan Oktober 2015.</i></p>	<p>Surat pelarasan bayaran telah dikeluarkan kepada Syarikat Environment Idaman Sdn. Bhd. pada 7 Oktober 2015. Pelarasan ini akan dibuat secara berjadual selama 4 bulan dan potongan untuk bulan Oktober 2012 sehingga Disember 2012 telah dibuat dalam pengesyoran bulan Ogos 2015. Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) memaklumkan tindakan untuk memperbaiki kerosakan longkang di tepi Jalan Sultanah Bahiyah termasuk di hadapan Restoran Laman Padi menggunakan peruntukan 2016.</p>
2.4.3.2.c.iii	<p><b>Kutipan Sisa Pepejal Di Pasar Borong Selayang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjanjian konsesi menetapkan kutipan sisa pepejal di pasar borong dibuat setiap hari. Bagaimanapun, keperluan bilangan tong roro ditentukan oleh syarikat konsesi dan disahkan oleh SWCorp. Mengikut pengesyoran bayaran dan jadual perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat konsesi, kutipan sisa pepejal adalah sebanyak 18 kali sehari iaitu 6 tong roro yang dihantar ke tapak pelupusan 3 kali sehari pada waktu pagi, tengahari dan malam. Selain itu, mengikut Klausula 19 Perjanjian, <i>Regional Implementation Committees</i> (RIC) boleh mencadangkan keperluan bilangan tong roro dan kekerapan kutipan sisa pepejal selain yang ditetapkan dalam standard perkhidmatan. Pemantauan terhadap perkhidmatan yang diberikan hendaklah dijalankan bagi mengenal pasti keperluan dan perkhidmatan sebenar diberikan oleh syarikat konsesi.</li> <li>• Lawatan Audit di tapak bersama pegawai penguatkuasa SWCorp pada 19 sehingga 22 Januari 2015 mendapati sebanyak 6 tong roro disediakan dengan sekali penghantaran ke tapak pelupusan.</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian Audit, keperluan sebenar hanya 4 tong roro dengan kekerapan kutipan dihantar ke tapak pelupusan adalah sekali sehari berdasarkan purata sampah yang dibuang termasuk sampah yang dibuang oleh peniaga yang tidak berlesen di kawasan pasar borong tersebut. Semakan lanjut mendapati tiada kajian dibuat oleh SWCorp terhadap keperluan sebenar bilangan tong roro dan kekerapan kutipan di Pasar Borong Selayang. Dianggarkan SWCorp telah membuat lebihan bayaran kepada syarikat konsesi sejumlah RM656,937 bagi tempoh Januari 2014 sehingga Januari 2015.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan Audit di tapak bersama pegawai penguatkuasa SWCorp pada 20 dan 21 Januari 2015 mendapati hanya satu tong roro iaitu KLE00062 telah dikutip untuk dihantar ke tapak pelupusan sampah manakala 3 tong iaitu KLE00081, KLE00079 dan satu yang tidak bernombor masih kosong dan baki 2 tong iaitu KLE00078 dan KLE00080 masih belum dipenuhi sampah. Waktu puncak operasi Pasar Borong Selayang adalah pada jam 1.30 pagi sehingga jam 8 pagi dan ditutup sepenuhnya pada jam 3 petang.</li> <li>• Pihak Audit juga turut melakukan penanda aras terhadap aktiviti, operasi dan kutipan di Pasar Borong Selayang dengan Pasar Borong Kuala Lumpur bagi menentukan keperluan dan kekerapan kutipan tong roro adalah munasabah. Berdasarkan temubual dengan syarikat konsesi dan pegawai penguatkuasa SWCorp, purata kutipan tong roro sehari di Pasar Borong Kuala Lumpur adalah 11 sehingga 13 kali sehari dengan operasi/aktiviti yang sibuk berbanding Pasar Borong Selayang.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, bilangan tong roro dan kekerapan kutipan yang dipersetujui adalah tidak mengikut keperluan sebenar. Bayaran kepada syarikat konsesi yang tidak berdasarkan kepada perkhidmatan sebenar telah menyebabkan berlakunya <i>improper payment</i>.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan bayaran yang dibuat adalah tertakluk kepada Perjanjian Konsesi di mana kadar adalah berdasarkan kekerapan tong roro ditarik. Mesyuarat Penyelarasan JPSPN dan SWCorp pada 25 Mac 2015 telah membincangkan keperluan tong di pasar harian ini, sebagai usaha</i></p>	<p>Kajian SWCorp pada 8 hingga 22 Oktober 2015 mendapati 4 tong RORO adalah mencukupi untuk keperluan aktiviti di Pasar Borong Kuala Lumpur dan 2 tong selebihnya akan dipindah keluar oleh pihak syarikat konsesi.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>penjimatan. Kajian semula janaan sampah dicadangkan dilaksanakan sebelum 30 Oktober 2015 bagi menilai kekerapan dan bilangan tong yang sepatutnya diletakkan. Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Kawasan (RIC) pada 7 Mei 2015 dan 20 Ogos 2015 memutuskan membawa perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tahap Perkhidmatan (SLC) yang akan diadakan pada 21 dan 22 September 2015 bagi menentukan bilangan tong dan kekerapan yang bersesuaian dilaksanakan di Pasar Harian Selayang.</i></p> <p><i>Bagi isu sampah haram yang dibuang ke tong yang berada di dalam Pasar Harian Selayang, ianya telah dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat SLC pada 16 Januari 2014, 15 April 2014 dan 13 Oktober 2014. Mesyuarat telah memutuskan kutipan sampah haram yang dihasilkan penjaja tidak berlesen dimasukkan sebagai sebahagian daripada skop pembersihan sampah haram.</i></p>	<p>Sampah haram yang dibuang ke tong yang berada di dalam Pasar Harian Selayang tidak lagi menjadi isu kerana Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah menyediakan 2 tong RORO berdekatan dengan pasar tersebut dan di atas tanah MPS untuk menampung sisa janaan luar pasar. Sapuan jalan dan kutipan litter dilaksanakan oleh syarikat konsesi di luar pasar dalam kawasan DBKL.</p>
<p><b>2.4.3.2.d</b></p> <p><b>2.4.3.2.d.i</b></p>	<p><b>Bayaran Tidak Berdasarkan Kerja Sebenar</b></p> <p><b>Data Inventori Bagi Pengesyoran Bayaran Lebih Tinggi Berbanding Inventori Sebenar</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuntutan dan pengesyoran bayaran terhadap perkhidmatan syarikat konsesi perlu berdasarkan kerja sebenar yang dilakukan di lokasi dan <i>database</i> inventori yang dipersetujui bersama antara SWCorp dan syarikat konsesi. Data inventori bagi pengesyoran bayaran dan tuntutan perlu sama dengan inventori sebenar di lokasi.</li> <li>• Pemeriksaan fizikal bersama pegawai penguatkuasa SWCorp terhadap inventori sebenar di lokasi yang dipilih di negeri Johor, WP Kuala Lumpur dan Kedah pada bulan November 2014 sehingga Januari 2015 mendapati data inventori di pengesyoran bayaran adalah lebih tinggi berbanding inventori sebenar di lokasi. Mengikut pengesyoran, jumlah sebenar bayaran perkhidmatan yang dibuat berjumlah RM570,178 berbanding nilai inventori yang sebenar berjumlah RM271,133. Ini menyebabkan SWCorp menanggung lebihan bayaran berjumlah RM299,045 setahun kerana SWCorp tidak membuat semakan fizikal terhadap data inventori sebelum mengesyorkan bayaran.</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan perbezaan sump di Jalan Permas Kukup, Pontian berlaku kerana kesilapan memasukkan data ke dokumen pengesyoran bayaran konsesi iaitu 46 unit. Pelarasan bayaran telah dibuat pada bulan Januari 2015 bagi tempoh bulan Oktober 2013 hingga Oktober 2014 (13 bulan) dan melibatkan pemotongan bayaran sejumlah RM26,000.</i></p> <p><i>Bilangan tong sampah yang disediakan di Kem Kementah, Kuala Lumpur disemak semula untuk mendapatkan jumlah sebenar yang disediakan dan diberi perkhidmatan. Memandangkan jumlah pelarasan yang besar, satu mesyuarat berkaitan akan diadakan pada bulan Oktober 2015 dan keputusan mesyuarat akan dibawa ke JPSPN untuk kelulusan.</i></p> <p><i>SWCorp telah menyemak semula bilangan premis di PULAPOL, Kuala Lumpur bersama pihak konsesi dan mendapati jumlah yang ditemui oleh Audit adalah benar, iaitu sebanyak 586 buah premis. Pihak SWCorp tidak menyemak dan membuat kesilapan dalam pengiraan premis tersebut.</i></p> <p><i>Perbezaan 64 buah premis di Flat Sri Terengganu, Kuala Lumpur adalah disebabkan premis tersebut telah diarahkan oleh DBKL untuk ditutup kerana tidak boleh diduduki. Pelarasan tidak perlu dibuat kerana tiada arahan untuk menolak bayaran bagi mana-mana premis yang kosong.</i></p> <p><i>Flat Gemilang, Alor Setar Kedah melibatkan 2 bangunan yang berasingan iaitu Flat RPA Sri Gemilang dan Flat Perumahan Rakyat Mergong. Perjanjian Pengurusan di antara MBAS dan Environment Idaman Sdn. Berhad yang ditandatangani pada 1 November 2009 menyatakan 2 flat di Jalan Kampung Batin diserahkan kepada syarikat konsesi untuk diberi perkhidmatan kutipan sampah. Mulai bulan Ogos 2015, pengesyoran untuk Flat RPA Gemilang akan dipecahkan kepada 2 Flat yang berbeza. Berdasarkan surat daripada Bahagian Sisa Domestik bertarikh 13 Januari 2015, pengesyoran telah dibuat berdasarkan bilangan tong mulai bulan Februari 2015. Pelarasan akan dibuat untuk bulan Julai 2013 hingga Januari 2015 yang melibatkan 19 bulan berjumlah RM186,034.32.</i></p>	<p>Pelarasan amaun bagi bayaran tong di PULAPOL berjumlah RM515,886.35 akan diselaraskan melalui bayaran bagi tempoh dari September 2012 sehingga Julai 2015, dalam tempoh 35 bulan. Jadual pemotongan bayaran untuk bayaran tong tersebut bermula dalam pengesyoran bulan September 2015.</p> <p>Pelarasan amaun bagi bayaran tong di Flat Sri Terengganu berjumlah RM80,959.20 akan diselaraskan melalui bayaran bagi tempoh dari September 2012 sehingga Julai 2015, dalam tempoh 35 bulan. Jadual pemotongan bayaran untuk bayaran tong tersebut bermula dalam pengesyoran bulan September 2015.</p> <p>Kedua-dua pelarasan tersebut telah dimaklumkan dan diminitkan di dalam mesyuarat Regional Implementation Committee (RIC) Wilayah Persekutuan.</p> <p>Pejabat SWCorp Kedah telah mengeluarkan surat kepada Syarikat Environment Idaman Sdn. Bhd. yang bertarikh 7 Oktober 2015 bagi memaklumkan tentang pelarasan bayaran yang akan dibuat. Walau bagaimanapun, setelah semakan dibuat, jumlah sebenar pelarasan untuk Flat Gemilang adalah sebanyak RM182,674.17 dan potongan akan dibuat secara berjadual mulai September 2015 sehingga November 2015. Potongan bayaran untuk bulan pertama telah dibuat dalam pengesyoran bulan September 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
2.4.3.2.d.ii	<p><b>Pengesyoran Bayaran SWCorp Lebih Tinggi Daripada Tuntutan Syarikat Konsesi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tuntutan dan pengesyoran yang dibuat perlu mengikut <i>database</i> inventori dan ianya perlu dikemas kini dari semasa ke semasa serta disahkan oleh SWCorp.</li> <li>• Semakan Audit terhadap tuntutan syarikat konsesi dan pengesyoran bayaran oleh SWCorp bagi bulan September 2014 mendapati pengesyoran bayaran bagi Skim 12, 13 dan 16 WP Kuala Lumpur serta Skim 01 WP Putrajaya adalah lebih tinggi berbanding tuntutan syarikat konsesi. Ini disebabkan perbezaan data inventori dan kadar di antara SWCorp dan syarikat konsesi.</li> <li>• Bagi WP Putrajaya, tuntutan syarikat konsesi untuk pembersihan tempat awam (<i>upkeeping</i>) adalah pada kadar RM0.0402 semeter persegi dengan kekerapan 30 hari sebulan tetapi pengesyoran SWCorp pada kadar RM0.0420 semeter persegi dengan kekerapan 30 hari sebulan menyebabkan perbezaan berjumlah RM115,859. Oleh itu, SWCorp telah terlebih bayar kepada syarikat konsesi sejumlah RM288,729.</li> </ul> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan perbezaan amaun sejumlah RM115,859 di Skim 01, Putrajaya adalah disebabkan kesilapan kadar bagi kerja upkeeping. Perkara ini telah dikenal pasti pada bulan November 2014 dan pelarasan bayaran telah dibuat pada bulan yang sama.</i></p> <p><i>SWCorp juga memaklumkan pengesyoran bayaran yang lebih tinggi berbanding tuntutan syarikat konsesi di WP Kuala Lumpur berlaku kerana SWCorp menggunakan inventori yang telah dipersetujui bersama syarikat konsesi pada bulan Jun 2013. Persetujuan tersebut dibuat bagi mempercepatkan proses bayaran iaitu pembayaran perlu dibuat dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan tuntutan. Pelarasan untuk WP Kuala Lumpur Skim 12, 13, 16 dan WP Putrajaya Skim 01 sejumlah RM5,952,504 akan dibuat pada bulan Ogos 2015 bermula dari bulan September 2012 sehingga Julai 2015.</i></p> <p><i>Satu bengkel pemurnian tuntutan dan pengesyoran bayaran akan diadakan pada bulan Oktober 2015. Memandangkan jumlah pelarasan yang besar, satu</i></p>	<p>Tindakan pelarasan telah dibuat pada bulan Ogos 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>mesyuarat berkaitan akan diadakan pada bulan Oktober 2015 dan keputusan mesyuarat akan dibawa ke JPSPN untuk kelulusan.</i></p>	
<p><b>2.4.3.2.d.iii</b></p>	<p><b>Pengesyoran Bayaran Dibuat Walaupun Tiada Tuntutan Oleh Syarikat Konsesi</b></p> <p>Semakan Audit terhadap tuntutan dan pengesyoran bayaran bulan September 2014 bagi WP Kuala Lumpur mendapati sejumlah RM106,668 telah disyorkan untuk dibayar walaupun tiada tuntutan dibuat oleh syarikat konsesi. Perkara ini berlaku disebabkan oleh data inventori di SWCorp tidak dikemas kini.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembayaran yang dibuat kepada syarikat konsesi adalah tidak teratur kerana tidak berdasarkan kepada perkhidmatan yang diberi menyebabkan kerugian wang Kerajaan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan perkara ini berlaku kerana inventori yang digunakan oleh SWCorp adalah inventori bagi tahun 2013. Inventori ini digunakan buat sementara waktu sehingga data dimuktamadkan. Amaun pelarasan sejumlah RM3,711,843 bermula dari bulan September 2012 sehingga Julai 2015 dibuat bagi tuntutan bulan Ogos 2015 dengan menggunakan data inventori yang dimuktamadkan. Secara keseluruhannya, pengesyoran bagi WP Kuala Lumpur pada bulan September 2014 adalah lebih rendah iaitu sejumlah RM22,753,044 berbanding tuntutan syarikat konsesi sejumlah RM31,493,286 iaitu penjimatan sejumlah RM8,740,412.</i></p>	<p>Lanjutan dari Bengkel Pemurniaan Data yang diadakan pada 19 hingga 22 Oktober 2015, data-data inventori telah disemak dan digunapakai dalam pengesyoran-pengesyoran bayaran kepada syarikat konsesi bermula dengan pengesyoran bayaran bulan September 2015.</p>
<p><b>2.4.4</b></p> <p><b>2.4.4.1</b></p>	<p><b>Tunggakan Bayaran Yang Tinggi Oleh PBT</b></p> <p>Mengikut Perjanjian <i>Tripartite</i> di antara PBT, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, PBT hendaklah memberi sumbangan kepada SWCorp bagi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang telah dilaksanakan oleh syarikat konsesi. Berdasarkan Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007, sumbangan kepada SWCorp adalah daripada sebahagian kutipan cukai pintu yang dibayar oleh pemilik premis kepada PBT yang sebelum ini digunakan untuk membiayai kos perkhidmatan kutipan, pengangkutan dan penghantaran sisa pepejal serta pembersihan awam.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini								
<p><b>2.4.4.2</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati tunggakan sumbangan oleh PBT kepada SWCorp sehingga bulan Disember 2014 adalah tinggi iaitu berjumlah RM326.11 juta. Semakan lanjut mendapati 12 PBT mempunyai tunggakan tertinggi antara 39.9% sehingga 87.5% daripada jumlah tuntutan yang dibuat oleh SWCorp. Antara punca tunggakan yang tinggi adalah kerana PBT tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Ini menyebabkan sumber kewangan SWCorp tidak mencukupi untuk membayar perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi pada masa hadapan.</p> <p>Pada pendapat Audit, PBT bertanggungjawab membayar sumbangan kepada SWCorp berdasarkan perjanjian yang telah dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dan PBT.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan terma “sumbangan” yang digunakan dalam Perjanjian Tripartite merujuk kepada sebahagian daripada bayaran cukai taksiran yang telah diperuntukkan dan perlu dibayar oleh PBT ke dalam Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam (KWPSPPA). Tunggakan yang tinggi disebabkan PBT tidak mematuhi tempoh kredit 14 hari yang ditetapkan, kekangan kewangan di atas penambahan kawasan baru, peningkatan kekerapan di lokasi yang dipohon oleh PBT, masalah terma sumbangan yang digunakan dalam Perjanjian Tripartite dan komitmen PBT yang rendah untuk memberi sumbangan kepada KWPSPPA.</i></p> <p><i>SWCorp telah mengambil tindakan seperti mengadakan rundingan bersama pihak pengurusan PBT, SUK dan EXCO Negeri; menghentikan penerimaan kawasan baru; mengadakan 64 mesyuarat Masalah Penyelesaian Segera bersama PBT dan Kerajaan Negeri; menghantar 194 surat peringatan kepada PBT dan mengelaskan keupayaan PBT untuk membayar sumbangan. Peratus tunggakan PBT telah menurun daripada 87% pada tahun 2011 kepada 15% pada bulan Ogos 2015.</i></p> <p><i>PBT telah memberikan jadual komitmen bayaran tunggakan kepada SWCorp, SWCorp menghantar surat peringatan kepada PBT, mengadakan mesyuarat Penyelarasan Bersama JPSPN, mengadakan mesyuarat bersama pihak Jabatan Kerajaan Tempatan, menghantar surat penghargaan dan mengadakan bengkel Lean Organisation pada 10 hingga 12 Februari 2015.</i></p>	<p>Sehingga 29 Oktober 2015, peratus tunggakan sumbangan KWPSPPA yang dicatatkan oleh pihak SWCorp telah menurun kepada 14% berbanding 15% pada Ogos 2015 yang lalu.</p> <p>Selain itu, PBT juga telah mematuhi jadual komitmen bayaran ansuran bagi menyelesaikan tunggakan &amp; tuntutan KWPSPPA bagi bulan semasa, seperti yang dikemukakan kepada SWCorp sebelum ini. Senarai PBT tersebut adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1198 954 2078 1390"> <thead> <tr> <th data-bbox="1198 954 1458 1002">PBT</th> <th data-bbox="1458 954 2078 1002">STATUS PEMATUHAN KOMITMEN BAYARAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1198 1002 1458 1107">Majlis Daerah Segamat</td> <td data-bbox="1458 1002 2078 1107">Bersetuju membayar tunggakan pada tahun 2011 secara penuh. Bayaran tunggakan telah selesai pada Julai 2015.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1198 1107 1458 1299">Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya</td> <td data-bbox="1458 1107 2078 1299">Sehingga 29 Oktober 2015, pihak MPHTJ telah mematuhi jadual komitmen bayaran bagi tahun 2015 seperti yang dijanjikan, iaitu sebanyak RM330,000 sebulan (RM200,000 untuk tunggakan tahun 2012 dan RM130,000 untuk tuntutan tahun 2015). Bayaran terakhir diterima pada 23 Oktober 2015 yang lalu.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1198 1299 1458 1390">Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah</td> <td data-bbox="1458 1299 2078 1390">Sehingga 29 Oktober 2015, pihak MBMB telah membuat bayaran bagi tuntutan tahun 2015. Bayaran terakhir diterima pada 22 September 2015 yang lalu.</td> </tr> </tbody> </table>	PBT	STATUS PEMATUHAN KOMITMEN BAYARAN	Majlis Daerah Segamat	Bersetuju membayar tunggakan pada tahun 2011 secara penuh. Bayaran tunggakan telah selesai pada Julai 2015.	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	Sehingga 29 Oktober 2015, pihak MPHTJ telah mematuhi jadual komitmen bayaran bagi tahun 2015 seperti yang dijanjikan, iaitu sebanyak RM330,000 sebulan (RM200,000 untuk tunggakan tahun 2012 dan RM130,000 untuk tuntutan tahun 2015). Bayaran terakhir diterima pada 23 Oktober 2015 yang lalu.	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Sehingga 29 Oktober 2015, pihak MBMB telah membuat bayaran bagi tuntutan tahun 2015. Bayaran terakhir diterima pada 22 September 2015 yang lalu.
PBT	STATUS PEMATUHAN KOMITMEN BAYARAN									
Majlis Daerah Segamat	Bersetuju membayar tunggakan pada tahun 2011 secara penuh. Bayaran tunggakan telah selesai pada Julai 2015.									
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	Sehingga 29 Oktober 2015, pihak MPHTJ telah mematuhi jadual komitmen bayaran bagi tahun 2015 seperti yang dijanjikan, iaitu sebanyak RM330,000 sebulan (RM200,000 untuk tunggakan tahun 2012 dan RM130,000 untuk tuntutan tahun 2015). Bayaran terakhir diterima pada 23 Oktober 2015 yang lalu.									
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Sehingga 29 Oktober 2015, pihak MBMB telah membuat bayaran bagi tuntutan tahun 2015. Bayaran terakhir diterima pada 22 September 2015 yang lalu.									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini	
		Majlis Perbandaran Jasin	Bersetuju membayar tunggakan sebanyak RM40,000 sebulan secara ansuran mulai Oktober 2015, dan membayar tuntutan bulan semasa mengikut aliran tunai Majlis
		Majlis Perbandaran Alor Gajah	Sehingga 29 Oktober 2015, pihak MPAG telah mematuhi jadual komitmen bayaran bagi tahun 2015 seperti yang dijanjikan, iaitu sebanyak RM50,000 sebulan. Bayaran terakhir diterima pada 27 Oktober 2015 yang lalu.
		Perbadanan Putrajaya	Sehingga 29 Oktober 2015, pihak PPJ telah membuat bayaran bagi tunggakan dan tuntutan tahun 2015. Bayaran terakhir diterima pada 13 Oktober 2015 yang lalu.
		Majlis Perbandaran Kulim	Sehingga 29 Oktober 2015, pihak MP Kulim telah mematuhi jadual komitmen bayaran bagi tahun 2015 seperti yang dijanjikan, iaitu sebanyak RM650,000 sebulan. Bayaran terakhir diterima pada 10 September 2015 yang lalu.
		Majlis Perbandaran Kluang	Sehingga 29 Oktober 2015, pihak MPKu telah membuat bayaran bagi tunggakan dan tuntutan tahun 2015. Bayaran terakhir diterima pada 20 Oktober 2015 yang lalu.
		Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan	Sehingga 29 Oktober 2015, pihak MPLBP telah membuat bayaran bagi tunggakan dan tuntutan tahun 2015. Bayaran terakhir diterima pada 13 Oktober 2015 yang lalu.
2.4.5	<b>Database Inventori</b>		
2.4.5.1	<b>Data Inventori Lewat Dimuktamadkan</b>		
2.4.5.1.a	<i>Database inventori yang lengkap dan teratur perlu disediakan oleh syarikat konsesi dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh perjanjian dan mestilah sepadan dengan data inventori SWCorp. Data inventori yang disediakan perlu berdasarkan bilangan skim di setiap negeri dan menjadi asas kepada perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat konsesi dan digunakan bagi tujuan pemantauan.</i>		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>2.4.5.1.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati data inventori belum dimuktamadkan oleh SWCorp dalam tempoh 6 bulan dari tarikh perjanjian. SWCorp bersama syarikat konsesi telah membuat semakan terhadap data inventori di lapangan menggunakan kaedah <i>Geographic Information System (GIS)</i> bagi tujuan mengunci data. Pada 24 Januari 2014 sehingga 19 Ogos 2014, SWCorp telah memuktamadkan data inventori bagi 53 skim di WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Bagaimanapun, data inventori bagi 36 skim di negeri Pahang, Kedah dan Perlis masih belum dimuktamadkan dan disahkan oleh SWCorp kerana syarikat konsesi dan SWCorp menyediakan data inventori masing-masing secara manual. Ini menyebabkan terdapat perbezaan inventori di antara tuntutan bulanan syarikat konsesi dengan pengesyoran bayaran daripada SWCorp.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan pasukan Task Force telah melakukan operasi pengukuran di lapangan untuk memuktamadkan data secara berperingkat. Sebanyak 53 skim bagi WP Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor telah dimuktamadkan dan dikemas kini. Bagaimanapun, sebanyak 36 skim bagi negeri Pahang, Kedah dan Perlis masih dalam proses pengemaskinian yang dijangka siap pada akhir bulan Oktober 2015. Bagi cadangan penambahbaikan, syarikat konsesi akan dibenarkan menyemak database inventori SWCorp bagi menjamin keseragaman dan kesahihan maklumat inventori serta perlu menghantar laporan kerja harian bersama-sama dengan tuntutan bulanan.</i></p>	<p>Pasukan Task Force telah memuktamadkan data dan siap mengemaskini dalam Pangkalan Data Inventori Bersepadu (PDIB) bagi 53 skim bagi WP Kuala Lumpur. Tambahan 36 skim bagi negeri Pahang, Kedah dan Perlis juga telah dimuktamadkan dan siap dikemaskini dalam PDIB pada 31 Oktober 2015.</p> <p>PDIB dijadikan rujukan bagi semua pegawai yang bertanggungjawab di SWCorp di Ibu Pejabat dan peringkat Negeri serta Cawangan. Bagi menjamin rujukan yang seragam oleh pihak konsesi, penyediaan modul paparan konsesi akan disediakan dan diberi kepada pegawai konsesi yang bertanggungjawab selewat-lewatnya pada 1 Disember 2015.</p> <p>Satu Prosedur Kemaskini Data disediakan untuk kawalan bagi sebarang pindaan data supaya dimuktamad di peringkat Pengarah Negeri dan Pengarah Bahagian Domestik sebelum dikemaskini dalam PDIB.</p>
<p><b>2.4.5.1.c</b></p>	<p>Semakan lanjut mendapati tuntutan syarikat konsesi dan pengesyoran bayaran SWCorp bagi skop pembersihan jalan bulan September 2014 di WP Kuala Lumpur masih tidak seragam walaupun kesemua 18 skim telah dimuktamadkan. Semakan terhadap 14 daripada 18 skim mendapati wujud perbezaan inventori sebanyak 20,674,547 meter berjumlah RM1.16 juta di antara pengesyoran bayaran dan data inventori yang dimuktamadkan bagi pembersihan jalan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>2.4.5.1.d</b></p>	<p>Semakan lanjut mendapati syarikat konsesi tidak mengemukakan data GIS kepada SWCorp semasa data inventori dimuktamadkan. Oleh itu, pihak Audit tidak boleh mengesahkan sama ada data inventori yang telah dimuktamadkan adalah tepat kerana syarikat konsesi dan SWCorp tidak mengemukakan data GIS semasa pengauditan dijalankan.</p> <p>Pada pendapat Audit, penyediaan data inventori adalah tidak teratur kerana syarikat konsesi gagal mengemukakan data inventori mengikut tempoh yang ditetapkan. Kelewatan SWCorp memuktamadkan data inventori tersebut menyebabkan berlaku perbezaan inventori di antara tuntutan bulanan syarikat konsesi dengan pengesyoran bayaran oleh SWCorp. Ini telah menyebabkan SWCorp terlebih bayar kepada syarikat konsesi.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp mengambil maklum perbezaan amaun inventori sebanyak 20,674,547 meter. Data inventori jalan telah dimuktamadkan pada bulan Jun 2014 secara manual dan semakan sukar dilaksanakan. Pengemaskinian selesai pada bulan April 2015 dan amaun pelarasan sejumlah RM39,716,313 bermula dari bulan September 2012 sehingga bulan Julai 2015 akan dibuat bagi tuntutan bulan September 2015. SWCorp juga memaklumkan syarikat konsesi gagal mengemukakan data GIS kepada SWCorp selaras dengan kehendak Perjanjian Konsesi pada klausa 7.1.1(h), 9.1.2, 13.2(e)(iii) dan 36.11.</i></p>	<p>Pada 7 September 2015, SWCorp telah menerima maklumat GIS dalam bentuk PDF daripada ketiga-tiga syarikat konsesi. Namun begitu, penyemakan sukar dilaksanakan secara <i>hardcopy</i>.</p> <p>Oleh itu, SWCorp telah memaklumkan di dalam Mesyuarat SLC yang dihadiri oleh ketiga-tiga syarikat konsesi untuk menyerahkan <i>softcopy</i> data GIS konsesi kepada SWCorp. Hasil daripada mesyuarat tersebut, hanya pihak E-Idaman sahaja yang telah menyerahkan salinan cakera keras mengandungi <i>database</i> GIS yang telah diterima oleh Unit GIS SWCorp pada 21 Oktober 2015.</p> <p>SWCorp juga dalam perancangan untuk membangunkan sistem Web GIS secara <i>real-time</i> yang dijangkakan akan dilaksanakan pada tahun 2016 bagi memudahkan pemantauan data inventori secara teratur dan sistematik agar SWCorp tidak terlebih bayar kepada syarikat konsesi lagi.</p> <p>Ini adalah selaras dengan kehendak perjanjian konsesi pada <i>klause 7.1.1(h), 9.1.2, 13.2(e)(iii) dan 36.11</i>.</p>
<p><b>2.4.5.2</b></p> <p><b>2.4.5.2.a</b></p>	<p><b>Sistem Database Inventori Tidak Dibangunkan</b></p> <p>Mengikut Klausa 11.1 perjanjian konsesi, syarikat konsesi hendaklah menyedia dan menyelenggara <i>database</i> inventori menggunakan kos dan perbelanjaan sendiri dalam tempoh 6 bulan dari tarikh perjanjian ditandatangani. <i>Database</i> tersebut hendaklah mengandungi butiran seperti yang ditetapkan di Lampiran XI perjanjian dan boleh dikongsi bersama oleh</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>syarikat konsesi dan SWCorp secara <i>real time</i>. Selain itu, <i>database</i> tersebut hendaklah sepadan dengan <i>database</i> yang dibangunkan oleh SWCorp, sentiasa dikemas kini oleh syarikat konsesi dan perlu disahkan oleh SWCorp.</p>	
<p><b>2.4.5.2.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati syarikat konsesi tidak menyediakan sistem <i>database</i> inventori yang boleh dicapai secara <i>real time sharing</i> dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh perjanjian tetapi hanya menyediakan data inventori secara manual. Bagaimanapun, penyediaan data inventori manual ini juga lewat dimuktamadkan. Oleh itu, sistem <i>database</i> inventori tidak dapat dibangunkan dalam tempoh yang ditetapkan dan menyebabkan perbezaan yang ketara di antara tuntutan syarikat konsesi dan pengesyoran yang dibuat oleh SWCorp.</p> <p>Pada pendapat Audit, pembangunan sistem <i>database</i> inventori tidak mengikut terma perjanjian menyebabkan <i>database</i> yang tepat, sepadan dan kemas kini tidak dapat dikongsi secara <i>real time</i>. Selain itu, perjanjian tidak menetapkan klausa denda yang boleh dikenakan terhadap syarikat konsesi jika gagal membangunkan sistem <i>database</i> inventori tersebut.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan pembangunan struktur pangkalan data inventori telah dimulakan pada tahun 2010 yang melibatkan 2 aspek utama iaitu penyediaan platform dan penyediaan data inventori. Beberapa siri mesyuarat telah diadakan bagi memantau status pembangunan pangkalan data oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun, hanya Alam Flora Sdn. Berhad dan SWM Sdn. Berhad telah membangunkan platform pangkalan data tetapi masih tidak mematuhi garis panduan pangkalan data yang sepatutnya.</i></p> <p><i>Berdasarkan Mesyuarat Persediaan Akta 672 Bersama Syarikat Konsesi pada 17 Mac 2011, syarikat konsesi telah diarahkan untuk menyediakan maklumat inventori mengikut skim/zon dan maklumat ini hendaklah dihantar pada 1 April 2011. Bagaimanapun, pihak konsesi gagal menghantar pada tarikh yang ditetapkan dan tempoh tersebut dilanjutkan kepada 15 Ogos 2011.</i></p> <p><i>Sehingga Mac 2012, hanya 2 syarikat konsesi iaitu SWM Sdn. Berhad dan E-Idaman Sdn. Berhad yang telah menyerahkan data manakala Alam Flora Sdn. Berhad masih membuat pengumpulan data di lapangan. Alam Flora Sdn. Berhad telah dikenakan tindakan berdasarkan klausa 36.11 'Provision Of Documents' di mana pihak konsesi perlu membayar RM100 sehari sehingga</i></p>	<p>Maklumbalas dikekalkan seperti di perenggan 2.4.5.2.b</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>dokumen diserahkan. Data yang lengkap telah dihantar pada bulan Disember 2012. SWCorp telah menyemak ketepatan data yang telah diberi tetapi banyak data inventori yang diragui ketepatannya.</i></p> <p><i>Task Force memuktamadkan data telah dibuat dan perlu disiapkan sebelum atau pada 30 Jun 2014. Bagaimanapun, sehingga tarikh tersebut masih terdapat data belum dimuktamadkan. Mesyuarat Prestasi Perkhidmatan Konsesi bertarikh 7 Ogos 2014 memutuskan perkara ini perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2014 tetapi syarikat konsesi masih gagal memuktamadkan data disebabkan kurang komitmen dan pertikaian data di antara kedua belah pihak. Penalti kali kedua telah dikenakan kepada syarikat Alam Flora Sdn. Berhad pada 8 Oktober 2014 sejumlah RM104,900.</i></p> <p><i>Proses memuktamadkan data selesai sepenuhnya pada 6 Julai 2015 menggunakan kaedah Geographical Information System (GIS). Pengukuran di lapangan akan dibuat jika ada pertikaian untuk ketepatan data yang sebenar. Data yang dimuktamadkan akan diguna pakai sebagai rujukan bagi tujuan penyediaan jadual operasi dan tuntutan syarikat konsesi.</i></p>	
<p><b>2.4.6</b></p> <p><b>2.4.6.1</b></p>	<p><b>Kelemahan Sistem <i>Intelligent Monitoring And Enforcement Management System</i></b></p> <p>Sistem <i>Intelligent Monitoring And Enforcement Management System</i> (iMEMS) merupakan aplikasi berasaskan web yang berfungsi untuk mendaftar, menghapus, mengemas kini <i>database</i> inventori dan kesalahan KPI serta menjana laporan pemantauan. Sistem ini berintegrasi dengan peralatan <i>handheld</i> yang dibekalkan kepada pegawai penguatkuasa untuk tujuan pemantauan terhadap syarikat konsesi. Sistem ini juga boleh dicapai oleh syarikat konsesi untuk memuat naik jadual kerja dan mengesahkan denda KPI yang dikenakan oleh penguatkuasa SWCorp. Perolehan bagi sistem aplikasi iMEMS dibuat bersekali dengan 450 unit peralatan <i>handheld</i> daripada Prominent Multimedia pada bulan Februari 2011 dengan kos keseluruhan berjumlah RM5.71 juta. Pembangunan sistem iMEMS adalah bagi tempoh 6 bulan bermula 28 Februari 2011 sehingga 27 Ogos 2011. Bayaran penuh telah dibuat oleh SWCorp bagi pembangunan sistem tersebut.</p>	
<p><b>2.4.6.2</b></p>	<p>Pada bulan Mei 2013, sebanyak 71 lagi unit peralatan <i>handheld</i> dibeli daripada Selia Maju Sdn. Berhad berjumlah RM0.47 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peralatan <i>handheld</i> yang diperolehi adalah 521 unit dengan kos berjumlah RM4.75 juta. Kos keseluruhan bagi pembangunan sistem iMEMS dan peralatan <i>handheld</i> pula adalah berjumlah RM6.18 juta.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini									
2.4.6.3.a	<p><b>Sub Modul GPS dan GIS Sistem iMEMS Tidak Digunakan Sepenuhnya</b></p> <p>Penggunaan sub modul <i>Global Positioning System</i> (GPS) dan GIS dalam sistem iMEMS tidak digunakan sepenuhnya dan tidak aktif bagi tujuan memantau kedudukan <i>handheld</i> yang dibekalkan kepada pegawai penguatkuasa. Hanya <i>handheld</i> bagi WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur sahaja didaftarkan dalam sub modul GPS/GIS manakala <i>handheld</i> di negeri lain tidak didaftarkan kerana tiada capaian internet. Selain itu, status kedudukan <i>handheld</i> bagi WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur tidak dikemas kini dan tidak mempunyai koordinat <i>latitude</i> dan <i>longitude</i>. Sistem yang tidak disenggara sepenuhnya dengan bacaan <i>latitude</i> dan <i>longitude</i> menyebabkan <i>handheld</i> yang dikesan melalui sistem adalah tidak munasabah dan diragui.</p> <p>Pada pendapat Audit, objektif pembangunan sub modul GPS/GIS di dalam sistem iMEMS untuk pemantauan tidak tercapai kerana sub modul GPS/GIS tidak dapat digunakan secara menyeluruh dan data sistem tidak tepat.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan Sub Modul GPS/GIS adalah ciri-ciritambahan yang diwujudkan di dalam iMEMS bertindak untuk mengesan lokasi semasa penguatkuasaan, butang pertolongan cemas dan juga merekod lokasi ketidakpatuhan KPI. Pelaksanaan ujian perintis (pilot test) telah dijalankan terhadap 70 unit handheld di WP Kuala Lumpur. Hasil pengujian mendapati pelaksanaan GIS/GPS tidak praktikal untuk diperluaskan kepada seluruh cawangan. Di samping itu, melalui perluasan ini akan melibatkan kos yang tinggi dan berterusan. SwCorp akan memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem oleh pembantu penguatkuasa di WP Kuala Lumpur yang dibekalkan dengan sim card. Sistem Android akan dibangunkan bagi menggantikan peralatan handheld yang rosak pada jangka masa panjang.</i></p>	<p>Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) SWCorp membentangkan hasil pelaksanaan perintis dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JP ICT) SWCorp Bil.3/2015. Beberapa kelemahan dan cadangan penambahbaikan dikenal pasti seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1198 951 2078 1278"> <thead> <tr> <th data-bbox="1198 951 1270 979">Bil</th> <th data-bbox="1270 951 1507 979">Kelemahan</th> <th data-bbox="1507 951 2078 979">Cadangan Panambahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1198 979 1270 1129">1</td> <td data-bbox="1270 979 1507 1129"><i>Setting GPS keep OFF</i> menyebabkan GPS tidak berfungsi.</td> <td data-bbox="1507 979 2078 1129"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkemas SOP</li> <li>• Kuatkuasakan SOP dan memberi peringatan untuk menyemak setting handheld (taklimat pagi) sebelum PP keluar membuat rondaan masing.</li> </ul> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1198 1129 1270 1278">2</td> <td data-bbox="1270 1129 1507 1278">Data GPS tidak dicerap semasa rondaan</td> <td data-bbox="1507 1129 2078 1278"> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pastikan Pembantu Penguatkuasa semua menyimpan data GPS dengan klik butang Simpan di lokasi</li> <li>• Pastikan semua tuntutan rondaan dilakukan melalui iMEMS</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table> <p>Mesyuarat JP ICT memutuskan supaya penambahbaikan dan kajian semula dilakukan oleh Bahagian Teknologi Maklumat SWCorp bagi melihat keberkesanan. Keputusan akan dibuat samada ia berkesan untuk diperluaskan pada semua</p>	Bil	Kelemahan	Cadangan Panambahan	1	<i>Setting GPS keep OFF</i> menyebabkan GPS tidak berfungsi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkemas SOP</li> <li>• Kuatkuasakan SOP dan memberi peringatan untuk menyemak setting handheld (taklimat pagi) sebelum PP keluar membuat rondaan masing.</li> </ul>	2	Data GPS tidak dicerap semasa rondaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pastikan Pembantu Penguatkuasa semua menyimpan data GPS dengan klik butang Simpan di lokasi</li> <li>• Pastikan semua tuntutan rondaan dilakukan melalui iMEMS</li> </ul>
Bil	Kelemahan	Cadangan Panambahan									
1	<i>Setting GPS keep OFF</i> menyebabkan GPS tidak berfungsi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkemas SOP</li> <li>• Kuatkuasakan SOP dan memberi peringatan untuk menyemak setting handheld (taklimat pagi) sebelum PP keluar membuat rondaan masing.</li> </ul>									
2	Data GPS tidak dicerap semasa rondaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pastikan Pembantu Penguatkuasa semua menyimpan data GPS dengan klik butang Simpan di lokasi</li> <li>• Pastikan semua tuntutan rondaan dilakukan melalui iMEMS</li> </ul>									

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		peralatan <i>handheld</i> atau tidak dan menamatkan ujian perintis pada WP Kuala Lumpur ini.
<p><b>2.4.7</b></p> <p><b>2.4.7.1</b></p>	<p><b>Bebanai Tugas Pegawai Penguatkuasa</b></p> <p>Tugas pegawai penguatkuasa adalah untuk melaksanakan pemantauan dan mengawal selia pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di kawasan seliaan; membantu menjalankan program kitar semula dan kesedaran awam; menyelesaikan aduan awam yang berkaitan dengan kawalselia dan penguatkuasa; menyediakan laporan prestasi kerja syarikat konsesi dan kontraktor; mengumpul data yang berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta membuat rondaan bagi mengesan dan mengambil tindakan terhadap aktiviti pembuangan sampah secara haram.</p>	
<p><b>2.4.7.2</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap bilangan inventori yang diselia oleh SWCorp bagi kawasan yang dilawati mendapati secara purata seorang pegawai penguatkuasa perlu mengawal selia 6,905 buah premis, 60,809 meter persegi keluasan rumput, 21,858 meter jalan dan 77,911 meter longkang berdasarkan kekerapan mengikut jadual perkhidmatan syarikat konsesi. Pihak Audit juga mendapati SWCorp tidak menetapkan nisbah bebanan tugas harian bagi seorang pegawai penguatkuasa di kawasan seliaan masing-masing.</p> <p>Pada pendapat Audit, bebanan tugas yang banyak oleh setiap pegawai penguatkuasa menyebabkan pemantauan tidak dapat dilakukan secara menyeluruh dan berkesan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan urusan penempatan setiap anggota dan pegawai penguatkuasa adalah berdasarkan kepada bilangan perjawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2014. SWCorp telah mengemukakan cadangan penyusunan semula perjawatan kepada pihak JPA memandangkan skop dan tanggungjawab serta beban tugas yang telah berubah dan semakin bertambah. Cadangan penyusunan semula perjawatan ini melibatkan urusan pemindahan waran perjawatan daripada negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 seperti Pulau Pinang dan Selangor ke negeri lain yang menguatkuasakan akta berkenaan.</i></p> <p><i>SWCorp akan melaksanakan pengauditan perjawatan bagi menyemak beban tugas di pejabat negeri dan cawangan bagi memastikan bebanan tugas dapat</i></p>	<p>Pengauditan perjawatan akan dilaksanakan pada Julai 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>diminimumkan dan aspek pemantauan mampu dilaksanakan secara menyeluruh dan lebih berkesan. SWCorp juga menyediakan norma kerja iaitu penetapan nisbah bebanan tugas pegawai dan anggota penguatkuasa yang lebih munasabah dan praktikal.</i></p> <p><i>Penempatan bilangan pegawai dan anggota penguatkuasa di satu kawasan akan diselaraskan semula dengan mengambil kira bilangan premis, keluasan kawasan rumput, panjang jalan, tandas, pantai, tempat awam, pusat penjaja dan longkang serta hitungan keluasan rondaan bagi setiap pegawai dan anggota penguatkuasa. Bebanan tugas seseorang pegawai dan anggota penguatkuasa di lapangan juga mampu dikurangkan dengan mengkaji semula skop, tugas dan tanggungjawab setiap pegawai dan anggota penguatkuasa.</i></p>	
<p><b>2.4.8</b></p> <p><b>2.4.8.1</b></p>	<p><b>Mekanisme Pemantauan Dan Penguatkuasaan</b></p> <p><b>Peringkat Service Level Committee</b></p> <p>Mengikut Klausula 19 perjanjian konsesi, <i>Service Level Committee (SLC)</i> perlu ditubuhkan untuk mengkaji dan membuat keputusan terhadap pindaan KPI bagi perkhidmatan standard dan menetapkan penalti nilai demerit. Semakan Audit mendapati SLC ada ditubuhkan untuk menjalankan fungsi yang ditetapkan dalam perjanjian. Keahlian SLC terdiri daripada Ketua Pengarah JPSPN sebagai Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp atau wakilnya, wakil Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), wakil Kementerian Kewangan, wakil Pihak Berkuasa Negeri dan syarikat konsesi. Keperluan mesyuarat SLC pada tahun 2014 adalah sekali bagi setiap 3 bulan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.</p>	
<p><b>2.4.8.2</b></p>	<p><b>Peringkat Regional Implementation Committee</b></p> <p>Mengikut Klausula 19 perjanjian konsesi, <i>Regional Implementation Committee (RIC)</i> perlu ditubuhkan untuk membuat cadangan mengenai lokasi, saiz, jenis, bilangan tong dan kekerapan bagi setiap kawasan; membuat cadangan kekerapan dan standard perkhidmatan pengurusan pembersihan awam; mengesahkan jadual kutipan dan pembersihan awam; mengesyorkan cadangan tambahan atau semakan semula untuk zon pembersihan dan perkhidmatan kutipan kawasan tertentu. Semakan Audit mendapati RIC ada ditubuhkan untuk menjalankan fungsi yang ditetapkan dalam perjanjian. Keahlian RIC terdiri daripada Pengarah Negeri SWCorp sebagai Pengerusi, Pengurus Cawangan SWCorp yang berkaitan, PBT dan syarikat konsesi. Keperluan mesyuarat tidak dinyatakan dalam perjanjian. Bagaimanapun,</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	semakan Audit terhadap minit mesyuarat tahun 2014 bagi WP Putrajaya dan WP Kuala Lumpur mendapati RIC bermesyuarat pada setiap bulan.	
<b>2.4.8.3</b>  <b>2.4.8.3.a</b>	<b>Peringkat Pengurusan SWCorp</b>  Mekanisme pemantauan di peringkat SWCorp adalah melalui mesyuarat Anggota Perbadanan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Anggota Perbadanan diadakan 4 kali setahun bagi membincangkan isu berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti laporan prestasi perkhidmatan syarikat konsesi dan kedudukan kewangan Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam.	
<b>2.4.8.3.b</b>	Anggota penguatkuasa juga bertanggungjawab membuat pemantauan terhadap operasi syarikat konsesi. Sehubungan itu, Garis Panduan Operasi Syarikat Konsesi Bagi Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam telah disediakan. Garis panduan ini memperincikan proses kerja yang perlu dipatuhi semasa menjalankan pemantauan terhadap operasi syarikat konsesi dan KPI bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam. Pemantauan operasi syarikat konsesi dilakukan secara harian oleh anggota penguatkuasa dengan mencatat ketidakpatuhan KPI dan mengambil bahan bukti menggunakan Borang Pemantauan Kutipan dan Borang Pemantauan Pembersihan Awam menggunakan peralatan <i>handheld</i> . Pengurus Cawangan SWCorp akan menyemak Laporan Potongan Penalti Mingguan yang dijana melalui sistem iMEMS.	
<b>2.4.8.3.c</b>	Jawatankuasa Teknikal Aduan Awam ditubuhkan untuk membincangkan perkara berbangkit berkaitan aduan awam dan dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp. Sepanjang tahun 2014, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 8 kali. Selain itu, Unit Aduan di Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam bertanggungjawab untuk mengurus, memantau dan menyelaras semua aduan awam yang diterima melalui pelbagai saluran dan memberi maklum balas dalam tempoh 24 jam.	
<b>2.4.8.3.d</b>	Bahagian Sisa Domestik Dan Pembersihan Awam bertanggungjawab untuk membuat semakan terhadap semua tuntutan dan pengesyoran yang dikemukakan oleh Pengurus Cawangan dan Pengarah Negeri. Bagaimanapun, semakan ini terhad kepada pematuhan KPI dan hanya dibuat oleh seorang pegawai bagi setiap syarikat konsesi. Selain itu, mekanisme pemantauan terhadap pembayaran yang dibuat kepada konsesi tidak diwujudkan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan terhadap sistem pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah diwujudkan oleh SWCorp. Bagaimanapun, pemantauan tidak dibuat secara menyeluruh.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada SWCorp Diterima Pada 10 September 2015</b></p> <p><i>SWCorp memaklumkan pemantauan secara terperinci terhadap tuntutan syarikat konsesi, pengesyoran SWCorp dan kerja sebenar yang dibuat dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) bagi menambahbaik proses pembayaran syarikat konsesi. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Inventori SWCorp bertarikh 21 Mei 2015 membentangkan semakan inventori di lapangan dan kesilapan dalam pengesyoran bayaran. Hasil daripada mesyuarat tersebut, setiap Pengarah Negeri yang terlibat perlu menyemak semula inventori dan juga pengesyoran bayaran yang telah dibuat.</i></p> <p><i>Bagi memudahkan proses semakan bayaran syarikat konsesi, SWCorp sedang membangunkan Modul Bayaran dalam iMEMS bagi memudahkan semakan dibuat secara sistematik dan mengatasi berlakunya kesilapan semasa pengesyoran bayaran dibuat. Modul ini dijangka akan disiapkan pada bulan Februari 2016.</i></p> <p><i>Pemantauan oleh anggota penguatkuasa di lapangan diperkuat melalui penyediaan 7 jenis protokol yang disediakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Dan Kawal Selia. Bagi pemantauan serta semakan pengesyoran bayaran kepada syarikat konsesi, semakan terhadap inventori dilakukan secara berkala bagi memastikan tuntutan yang dibuat oleh syarikat konsesi adalah tepat dan berintegriti.</i></p>	<p>Penambahbaikan kepada proses semakan pengesyoran bayaran telah dilaksanakan. Pejabat SWCorp Negeri diberi tempoh sehingga 18 haribulan setiap bulan berbanding 13 haribulan sebelum ini untuk menghantar pengesyoran bayaran kepada Bahagian Kewangan SWCorp.</p>

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**Pertubuhan Keselamatan Sosial**

**Perenggan 3 : Pengurusan Projek *ICT Core System***

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.1	<b>Pelaksanaan Projek</b>	
3.4.1.1	<b>Prestasi Projek <i>ICT Core System</i></b>	
3.4.1.1.a	Setakat bulan Disember 2014, sejumlah RM98.49 juta atau 44.1% daripada RM223.45 juta telah dibelanjakan bagi keseluruhan projek ini selaras dengan prestasi kemajuan 8 daripada 21 modul aplikasi yang telah <i>go live</i> iaitu 38.1%.	Setakat 30 September 2015, sejumlah RM106.88 juta atau 47.66% daripada RM224.27 juta telah dibelanjakan bagi keseluruhan projek ini selaras dengan prestasi kemajuan 8 daripada 21 modul aplikasi yang telah <i>go live</i> iaitu 38.1%, 2 kluster yang telah memasuki fasa jaminan, perkakasan <i>server</i> yang telah memasuki fasa penyelenggaraan, sewaan rangkaian, sewaan pusat data, sewaan pusat pemulihan bencana dan sewaan <i>peripherals</i> .
3.4.1.1.b	<p>Semakan Audit mendapati pelantikan perunding untuk <i>co-sourcing Project Management Office</i> dan perkhidmatan <i>system integrator</i> terpaksa dilanjutkan oleh PERKESO kerana kebergantungan kepada kemajuan pembangunan sistem utama yang masih belum selesai. PERKESO bercadang melanjutkan perjanjian dengan Innovation Associates Consulting Sdn. Berhad bermula 22 Oktober 2014 sehingga 21 Oktober 2015 dengan nilai RM1.98 juta. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkhidmatan <i>system integrator</i> oleh MIMOS Berhad yang telah tamat pada 24 Julai 2013 tidak dibuat pelanjutan perjanjian.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 8 Julai 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan perjanjian dengan Innovation Associates Consulting Sdn. Berhad hanya dilanjutkan sehingga 30 Jun 2015 dengan nilai RM1.10 juta kerana PERKESO ingin menguruskan projek menggunakan khidmat dalaman tanpa bergantung pada perunding. Perjanjian bagi perkhidmatan system integrator iaitu MIMOS Berhad tidak dilanjutkan kerana berdasarkan perjanjian, pihak MIMOS perlu menyelesaikan skop perkhidmatan sehingga Projek <i>ICT Core System</i> selesai dilaksanakan dan perjanjian adalah masih sah.</i></p>	Status terkini sepertimana maklumbalas pada 8 Julai 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																										
3.4.1.2.a	<b>Prestasi Pelaksanaan Aplikasi Sistem PINTAR</b>  Modul aplikasi Sistem PINTAR dikelaskan mengikut 5 kluster yang mempunyai 21 modul dan dibangunkan secara berperingkat mengikut <i>drop</i> . Secara keseluruhannya, sehingga bulan Disember 2014, sebanyak 38.1% atau 8 daripada 21 modul aplikasi Sistem PINTAR telah dibangunkan dan <i>go live</i> .	Censof telah mengemukakan tarikh selesai <i>Application Functional Test (AFT) Drop 2 (Release 2)</i> dan <i>Drop 3 (Release 3)</i> adalah pada 30 Oktober 2015 manakala tarikh selesai <i>System Integration Test (SIT)</i> adalah pada 30 November 2015.  Modul-modul yang terlibat dalam <i>Drop 2 (Release 2)</i> dan <i>Drop 3 (Release 3)</i> adalah seperti berikut:																																										
3.4.1.2.b	Semakan Audit mendapati pelaksanaan pembangunan modul bagi Kluster 1 dan 2 oleh Century Software (Malaysia) Sdn. Berhad (CENSOF) tidak menepati tempoh pelaksanaan seperti yang dijadualkan dalam kontrak dan mengalami kelewatan antara 263 sehingga 503 hari. Sehingga bulan Disember 2014, hanya 35.3% atau 6 daripada 17 modul aplikasi Kluster 1 dan 2 telah <i>go live</i> . Pelaksanaan modul Kluster 1 yang melibatkan Modul Pendaftaran, Caruman dan Kutipan telah dijalankan secara berperingkat bermula dengan pelaksanaan di Ibu Pejabat PERKESO dan cawangan Petaling Jaya serta seterusnya di peringkat negeri.	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Drop (Release)</th> <th>Modul Kluster 1</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2</td> <td>• <i>Scheme Management, Medical Services, Jemaah Doktor, Disability Management</i> dan <i>Disbursement</i>.</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>• <i>Detection, Inspection, Compound, Prosecution, Debt Recovery, Education Loan</i></td> </tr> </tbody> </table>	Drop (Release)	Modul Kluster 1	2	• <i>Scheme Management, Medical Services, Jemaah Doktor, Disability Management</i> dan <i>Disbursement</i> .	3	• <i>Detection, Inspection, Compound, Prosecution, Debt Recovery, Education Loan</i>																																				
Drop (Release)	Modul Kluster 1																																											
2	• <i>Scheme Management, Medical Services, Jemaah Doktor, Disability Management</i> dan <i>Disbursement</i> .																																											
3	• <i>Detection, Inspection, Compound, Prosecution, Debt Recovery, Education Loan</i>																																											
3.4.1.2.c	Pembangunan Modul <i>Legal Management</i> di bawah Kluster 3 telah ditunda dan perolehan tidak dibuat kerana mengambil kira kritikaliti pelaksanaan Kluster 1 dan 2 serta penglibatan pegawai yang sama untuk membangunkan modul berkenaan.	Status pencapaian pembangunan sehingga 30 September 2015 bagi modul-modul <i>Drop 2 (Release 2)</i> berdasarkan senarai <i>Feature List</i> dan senarai <i>Gap Analysis</i> yang diperolehi daripada sesi <i>Walkthrough</i> adalah seperti berikut:																																										
3.4.1.2.d	Modul <i>Fraud Management</i> di bawah Kluster 4 telah selesai dibangunkan oleh MIMOS Berhad tanpa kos manakala Modul <i>Performance Management</i> (KPI manual) di bawah Kluster 5 yang dibangunkan oleh Ara Techbis Sdn. Berhad telah selesai dibangunkan tanpa kelewatan. Bagaimanapun, Modul <i>Performance Management</i> (KPI automatik) masih dalam peringkat pengujian.	<table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="3">Modul</th> <th colspan="4">Status Pencapaian Pembangunan (Sehingga 30 September 2015)</th> </tr> <tr> <th rowspan="2">Oleh Censof (%)</th> <th colspan="3">Oleh PERKESO</th> </tr> <tr> <th>Features List (%)</th> <th>Gap Analysis (%)</th> <th>Jumlah (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><i>Disbursement</i></td> <td>80</td> <td>55.00 (11/20)</td> <td>0.00 (0/81)</td> <td>10.90 (11/101)</td> </tr> <tr> <td><i>Scheme Management</i></td> <td>90</td> <td>98.16 (152/155)</td> <td>26.8 (65/243)</td> <td>55.00 (217/398)</td> </tr> <tr> <td><i>Medical Services</i></td> <td>80</td> <td>99.5 (192/193)</td> <td>0.0 (0/145)</td> <td>56.8 (192/338)</td> </tr> <tr> <td><i>Jemaah Doktor</i></td> <td>100</td> <td>91.3 (42/46)</td> <td>0.00 (0/31)</td> <td>54.5 (42/77)</td> </tr> <tr> <td><i>Disability Managemet</i></td> <td>75</td> <td>99.0 (199/201)</td> <td>0.00 (0/202)</td> <td>49.4 (199/403)</td> </tr> <tr> <td><i>Jumlah</i></td> <td>85</td> <td>96.91 (596/615)</td> <td>9.26 (65/702)</td> <td>50.2 (661/1,317)</td> </tr> </tbody> </table>	Modul	Status Pencapaian Pembangunan (Sehingga 30 September 2015)				Oleh Censof (%)	Oleh PERKESO			Features List (%)	Gap Analysis (%)	Jumlah (%)	<i>Disbursement</i>	80	55.00 (11/20)	0.00 (0/81)	10.90 (11/101)	<i>Scheme Management</i>	90	98.16 (152/155)	26.8 (65/243)	55.00 (217/398)	<i>Medical Services</i>	80	99.5 (192/193)	0.0 (0/145)	56.8 (192/338)	<i>Jemaah Doktor</i>	100	91.3 (42/46)	0.00 (0/31)	54.5 (42/77)	<i>Disability Managemet</i>	75	99.0 (199/201)	0.00 (0/202)	49.4 (199/403)	<i>Jumlah</i>	85	96.91 (596/615)	9.26 (65/702)	50.2 (661/1,317)
Modul	Status Pencapaian Pembangunan (Sehingga 30 September 2015)																																											
	Oleh Censof (%)	Oleh PERKESO																																										
		Features List (%)	Gap Analysis (%)	Jumlah (%)																																								
<i>Disbursement</i>	80	55.00 (11/20)	0.00 (0/81)	10.90 (11/101)																																								
<i>Scheme Management</i>	90	98.16 (152/155)	26.8 (65/243)	55.00 (217/398)																																								
<i>Medical Services</i>	80	99.5 (192/193)	0.0 (0/145)	56.8 (192/338)																																								
<i>Jemaah Doktor</i>	100	91.3 (42/46)	0.00 (0/31)	54.5 (42/77)																																								
<i>Disability Managemet</i>	75	99.0 (199/201)	0.00 (0/202)	49.4 (199/403)																																								
<i>Jumlah</i>	85	96.91 (596/615)	9.26 (65/702)	50.2 (661/1,317)																																								
3.4.1.2.e	Semakan selanjutnya mendapati Innovation Associates Consulting Sdn. Berhad gagal menyerahkan <i>Quality Management Report</i> seperti yang dikehendaki pada setiap bulan kepada PERKESO bagi mengenal pasti punca kelewatan <i>Drop 2</i> dan <i>Drop 3</i> oleh CENSOF. Punca kelewatan yang dikenal pasti adalah <i>Lead Business Analyst (BA)</i> yang merupakan <i>Subject Matter Expert</i> kepada CENSOF tidak lagi terlibat dalam projek. Selain itu, tahap kompetensi yang rendah di kalangan BA dan kaedah pembangunan aplikasi yang berubah beberapa kali menyebabkan keperluan tidak difahami.																																											

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																														
3.4.1.2.f	<p>Sistem PINTAR yang dibangunkan mempunyai kebergantungan antara modul. Carta 1.2 menunjukkan integrasi antara Sistem PINTAR dengan sistem Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi menyemak kesahihan nombor kad pengenalan, pendaftaran serta pengiktirafan kursus yang ditawarkan oleh Institut Pengajian Tinggi. Semakan secara automatik dengan agensi yang terlibat dijangka dapat dibuat apabila Modul Pendaftaran dan Modul <i>Education Loan</i> telah berfungsi dengan lengkap.</p>	<p>Secara keseluruhannya PERKESO berpendapat pembangunan modul <i>Drop 2 (Release 2)</i> hanya pada tahap 50.2%.</p> <p>Status pencapaian pembangunan sehingga 30 September 2015 bagi modul-modul <i>Drop 3 (Release 3)</i> berdasarkan senarai <i>Feature List</i> dan senarai <i>Gap Analysis</i> yang diperolehi daripada sesi <i>Walkthrough</i> adalah seperti berikut:</p>																																														
3.4.1.2.g	<p>Berdasarkan kontrak antara PERKESO dan MIMOS Berhad pada tahun 2011, iaitu perjanjian perolehan bekalan perisian <i>MIMOS Intelligent Informatics System Platform (Mi-I2F)</i> dan perkhidmatan integrasi sistem, <i>framework</i> telah siap dibangunkan mengikut jadual tetapi tidak dapat digunakan kerana memerlukan maklumat dari modul-modul lain yang belum selesai. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan keberkesanan integrasi sistem tersebut.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan integrasi dengan JPN telah berjaya dilaksanakan sejak bulan Mac 2014 manakala integrasi dengan MQA dan SSM belum lagi dilaksanakan memandangkan aplikasi yang dibangunkan oleh pembekal belum selesai. Integrasi dengan JPN, MQA dan SSM bukan merupakan keperluan 'Show Stopper' kerana validasi data masih boleh dibuat secara manual seperti proses sedia ada. Integrasi dengan MQA akan dilaksanakan setelah aplikasi yang dibangunkan oleh pembekal selesai dilaksanakan (pelaksanaan Go-Live keseluruhan).</i></p> <p><i>Pada 21 Mac 2013, pihak SSM memaklumkan bahawa pelaksanaan Sistem MyCoID oleh SSM bagi kolaborasi antara agensi juga belum dibangunkan. Justeru itu, PERKESO menandatangani satu perjanjian dengan SSM untuk membeli data berkaitan secara offline. Bagaimanapun, data secara offline masih belum dapat diguna pakai memandangkan aplikasi yang dibangunkan oleh pembekal belum lagi disiapkan. Integrasi dengan ketiga agensi dijangka dapat dilaksanakan pada 3 Mac 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, prestasi pelaksanaan Projek <i>ICT Core System</i> adalah kurang memuaskan kerana kelewatan menyiapkan pembangunan modul aplikasi utama iaitu Kluster 1 dan 2. Kelewatan ini telah mengakibatkan pertambahan kos projek kerana kontrak dengan CENSO dan</p>	<table border="1" data-bbox="1238 451 2072 1074"> <thead> <tr> <th rowspan="3">Modul</th> <th colspan="4">Status Pencapaian Pembangunan (Sehingga 30 September 2015)</th> </tr> <tr> <th rowspan="2">Oleh Censof (%)</th> <th colspan="3">Oleh PERKESO</th> </tr> <tr> <th>Features List (%)</th> <th>Gap Analysis (%)</th> <th>Jumlah (%)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><i>Detection</i></td> <td>100</td> <td>0.00 (0/19)</td> <td>0.00 (0/41)</td> <td>0.00 (0/60)</td> </tr> <tr> <td><i>Inspection</i></td> <td>85</td> <td>0.00 (0/159)</td> <td><i>Walkthrough</i> Belum Dilaksanakan Oleh Censof</td> <td>0.00</td> </tr> <tr> <td><i>Compound</i></td> <td>100</td> <td>0.00 (0/21)</td> <td>0.00 (0/22)</td> <td>0.00 (0/43)</td> </tr> <tr> <td><i>Prosecution</i></td> <td>85</td> <td>0.00 (0/57)</td> <td rowspan="2"><i>Walkthrough</i> Belum Dilaksanakan Oleh Censof</td> <td>0.00</td> </tr> <tr> <td><i>Debt Recovery</i></td> <td>40</td> <td>0.00 (0/4)</td> <td>0.00</td> </tr> <tr> <td><i>Education Loan</i></td> <td>90</td> <td>97.05 (33/34)</td> <td></td> <td>0.00</td> </tr> <tr> <td><i>Jumlah</i></td> <td>85</td> <td>11.22 (33/294)</td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>Censof belum melaksanakan sesi <i>walkthrough</i> bagi membolehkan PERKESO mengesahkan <i>features</i> yang telah dibangunkan untuk <i>Drop 3 (Release 3)</i>. Justeru, peratus sebenar pembangunan tidak dapat ditentukan.</p>	Modul	Status Pencapaian Pembangunan (Sehingga 30 September 2015)				Oleh Censof (%)	Oleh PERKESO			Features List (%)	Gap Analysis (%)	Jumlah (%)	<i>Detection</i>	100	0.00 (0/19)	0.00 (0/41)	0.00 (0/60)	<i>Inspection</i>	85	0.00 (0/159)	<i>Walkthrough</i> Belum Dilaksanakan Oleh Censof	0.00	<i>Compound</i>	100	0.00 (0/21)	0.00 (0/22)	0.00 (0/43)	<i>Prosecution</i>	85	0.00 (0/57)	<i>Walkthrough</i> Belum Dilaksanakan Oleh Censof	0.00	<i>Debt Recovery</i>	40	0.00 (0/4)	0.00	<i>Education Loan</i>	90	97.05 (33/34)		0.00	<i>Jumlah</i>	85	11.22 (33/294)		
Modul	Status Pencapaian Pembangunan (Sehingga 30 September 2015)																																															
	Oleh Censof (%)	Oleh PERKESO																																														
		Features List (%)	Gap Analysis (%)	Jumlah (%)																																												
<i>Detection</i>	100	0.00 (0/19)	0.00 (0/41)	0.00 (0/60)																																												
<i>Inspection</i>	85	0.00 (0/159)	<i>Walkthrough</i> Belum Dilaksanakan Oleh Censof	0.00																																												
<i>Compound</i>	100	0.00 (0/21)	0.00 (0/22)	0.00 (0/43)																																												
<i>Prosecution</i>	85	0.00 (0/57)	<i>Walkthrough</i> Belum Dilaksanakan Oleh Censof	0.00																																												
<i>Debt Recovery</i>	40	0.00 (0/4)		0.00																																												
<i>Education Loan</i>	90	97.05 (33/34)		0.00																																												
<i>Jumlah</i>	85	11.22 (33/294)																																														

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	perunding <i>Project Management Office</i> perlu dilanjutkan.	
3.4.1.3	<p><b>Prestasi Modul Sistem PINTAR</b></p> <p>Sistem PINTAR mempunyai 21 modul dan pihak Audit telah menjalankan sesi <i>walkthrough</i> antara bulan Julai sehingga November 2014 terhadap modul yang selesai dibangunkan.</p>	
3.4.1.3.a	<p><b>Modul Pendaftaran</b></p> <p>i. Modul Pendaftaran dibangunkan untuk proses pendaftaran majikan dan pekerja dan telah mula <i>go live</i> pada bulan Mei 2014. Pendaftaran majikan dan pekerja dijangka boleh dilaksanakan melalui kaunter dan portal. Pegawai yang menerima Borang 1 dan Borang 2 yang mengandungi maklumat majikan dan pekerja melalui kaunter akan memasukkan data berkenaan ke dalam sistem dan disahkan oleh Pegawai Pendaftaran sebelum kod pendaftaran majikan dijana. Semasa proses ini, nombor kad pengenalan majikan dan pekerja akan disemak dengan data sedia ada dalam Sistem Q-TERM atau data Jabatan Pendaftaran Negara. Seterusnya, pemberitahuan mengenai kelulusan pendaftaran dan kod pendaftaran majikan akan dihantar melalui surat, e-mel, faks atau sms. Majikan juga boleh mengaktifkan <i>user ID</i> dan kata laluan yang diberi untuk mengakses portal PERKESO bagi menyemak maklumat caruman.</p> <p>ii. Semakan Audit mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah pendaftaran majikan dan pekerja melalui portal masih belum dapat dilaksanakan kerana Modul <i>Enrollment</i> masih dalam pembangunan.</li> <li>• Semakan nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran syarikat/perniagaan secara <i>online real time</i> ke JPN dan SSM masih tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.</li> <li>• Pegawai Pendaftaran masih menggunakan buku log pendaftaran untuk merekodkan kod pendaftaran majikan yang telah dijana setiap hari kerana laporan pendaftaran melalui sistem masih belum dapat digunakan.</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sistem tidak membenarkan draf pendaftaran yang dimasukkan oleh pegawai kaunter disimpan sementara mendapatkan pengesahan maklumat bagi nombor pendaftaran majikan yang telah wujud (bagi kes syarikat yang mempunyai cawangan).</li> <li>• Nombor rujukan tidak dijana secara automatik dalam surat kelulusan pendaftaran majikan. Ini menyukarkan pengesanan surat yang telah dikeluarkan kerana tiada rujukan di dalam sistem. Selain itu, pemantauan ke atas pendaftaran yang telah dibuat setiap hari terpaksa dibuat melalui buku log kod pendaftaran majikan.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan Modul Pendaftaran adalah tidak memuaskan kerana kaedah pendaftaran majikan dan pekerja secara <i>online</i> serta semakan dengan JPN dan SSM secara <i>real time</i> masih belum dapat dilaksanakan. Selain itu, sistem tidak dapat melicinkan pengurusan pegawai pendaftaran di kaunter.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 dan 24 Jun 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan :</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>i. Proses pendaftaran majikan dan pekerja secara online dijangka dapat diselesaikan setelah semua defect pada Modul Enrolment diselesaikan iaitu pada 2 Januari 2016.</i></li> <li><i>ii. Standard Operating Procedure pendaftaran bagi proses menyimpan draf pendaftaran yang dimasukkan oleh pegawai kaunter sementara mendapatkan pengesahan maklumat bagi nombor pendaftaran majikan yang telah wujud (bagi kes syarikat yang mempunyai cawangan) telah dikemas kini pada 24 Jun 2015.</i></li> <li><i>iii. Format nombor rujukan yang dijana secara automatik telah dimuktamad dan tindakan pihak pembekal sedang dilaksanakan yang dijangka selesai pada 31 Oktober 2015.</i></li> </ol>	<p>Status terkini sepertimana maklumbalas pada 28 Mei dan 24 Jun 2015.</p> <p>Status terkini sepertimana maklumbalas pada 28 Mei dan 24 Jun 2015.</p> <p>Format nombor rujukan surat bagi modul Pendaftaran, Kutipan dan Caruman untuk <i>Drop 1 (Release 1)</i> telah dimuktamadkan pada 29 Mei 2015. Walaubagaimanapun, tindakan pelarasan format nombor rujukan surat dengan modul-modul <i>Drop 2 (Release 2)</i> dan <i>Drop 3 (Release 3)</i> sedang dilaksanakan dan dijangka selesai sepenuhnya sebelum <i>go live</i> keseluruhan dilaksanakan pada 3 Mac 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
3.4.1.3.b	<p><b>Modul Caruman dan Kutipan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Modul Caruman dan Kutipan dibangunkan dan telah <i>go live</i> pada bulan Mei 2014. Borang caruman dan kutipan seperti Borang 8A/8B/Notis FCLB yang dikemukakan oleh majikan secara <i>hardcopy</i> akan diimbas atau <i>softcopy</i> akan dimuat naik ke dalam sistem. Modul Caruman berfungsi menguruskan maklumat caruman majikan dan pekerja di samping menjana Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB). Manakala Modul Kutipan menerima kutipan caruman yang dibuat secara <i>online</i> melalui portal PERKESO, kaunter, cek dan melalui pihak ketiga (bank dan pejabat pos).</li> <li>ii. Semakan Audit mendapati laporan caruman dan kutipan masih belum dapat dikeluarkan dan masih dalam peringkat pembangunan walaupun modul telah <i>go live</i>. Ini disebabkan PERKESO masih belum memuktamadkan format laporan yang diperlukan. Selain itu, kaedah kutipan caruman secara <i>online</i> melalui portal PERKESO juga masih belum dapat dilaksanakan.</li> <li>iii. Semakan selanjutnya terhadap Laporan Insiden <i>Drop 1</i> sejak <i>go live</i> sehingga 31 Disember 2014 mendapati sebanyak 4,449 aduan telah dikemukakan dalam tempoh 6 bulan. Sebanyak 4,041 atau 90.8% aduan telah diselesaikan dan berbaki 408 atau 9.2%. Kebanyakan laporan insiden yang masih belum diselesaikan adalah berkaitan dengan permasalahan FCLB.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, pelaksanaan Modul Caruman dan Kutipan yang telah dibangunkan dan <i>go live</i> adalah kurang memuaskan memandangkan laporan caruman dan kutipan masih tidak dapat dijana melalui sistem ini. Selain itu, jumlah aduan dalam laporan insiden yang terlalu tinggi menunjukkan <i>quality assurance</i> tidak dilaksanakan dengan berkesan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015</b></p> <p><i>PERKESO telah memuktamadkan 10 format laporan bagi Modul Caruman dan Kutipan pada Oktober 2014 dan laporan-laporan tersebut telah dibangunkan pada Januari 2015. Bagaimanapun, pembekal aplikasi masih lagi menjalankan tindakan pembetulan ke atas kandungan laporan hasil daripada beberapa proses pengujian yang dilalui. Jumlah laporan yang telah dibangunkan</i></p>	<p>Sebanyak 9,187 aduan telah dikemukakan sejak <i>go live</i> sehingga 27 Oktober 2015. Sebanyak 8,297 atau 90.3% aduan telah diselesaikan dan berbaki 890 atau 9.7%.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>sehingga 15 September 2015 adalah sebanyak 27 bagi Laporan Caruman dan 32 bagi Laporan Kutipan. Kaedah kutipan caruman secara online melalui portal PERKESO telah dibangunkan dan dijangka akan Go-Live setelah semua defect pada Modul Enrolment diselesaikan pada 2 Januari 2016.</i></p> <p><i>PERKESO memaklumkan pelaksanaan quality assurance bagi projek ini dipecahkan kepada 3 iaitu:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Peringkat pengujian Application Functional Test (AFT) yang dilaksanakan oleh pihak pembekal. Pengujian ini merangkumi Unit Test, Component Test, Module Test dan Integration Test.</i></li> <li><i>ii. Peringkat pengujian System Integration Test (SIT) yang dilaksanakan oleh pihak System Integrator iaitu MIMOS Berhad yang merangkumi ujian integrasi antara aplikasi yang dibangunkan, platform dan sistem luaran.</i></li> <li><i>iii. Peringkat pengujian User Acceptance Test (UAT) yang dilaksanakan oleh PERKESO.</i></li> </ul> <p><i>Kesemua peringkat pengujian yang dilaksanakan telah berjaya mencapai tahap yang munasabah. Di peringkat pelaksanaan go live yang melibatkan 47 pejabat secara serentak, wujudnya insiden teknikal baru yang tidak dikenal pasti semasa peringkat pengujian seperti di atas. Insiden ini sedang dipantau dan sedang diambil tindakan pencegahan dan dijangka dapat diselesaikan sepenuhnya. PERKESO dalam tindakan mengemas kini database dan dijangka selesai pada November 2015.</i></p>	
3.4.1.3.c	<p><b>Modul Fraud Management</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Modul Fraud Management telah dibangunkan khas untuk Cawangan Anti Fraud dan Penyiasatan bagi melaksanakan proses penyiasatan jika terdapat unsur penyelewengan. Sumber aduan adalah melalui surat, faks dan e-mel. Siasatan akan dilakukan oleh Pegawai Penyiasat untuk pengesahan aduan kes dan dikemukakan kepada Pegawai Fraud untuk dikemas kini dalam sistem. Tahap severity kes akan diklasifikasi berdasarkan case value seperti paling tinggi, medium dan rendah bertujuan untuk membahagikan kes sama ada kepada Pegawai Penyiasat atau Pengurus Penyiasat. Setelah selesai siasatan, kes akan dihantar untuk kelulusan pihak atasan atau sebaliknya memerlukan siasatan tambahan.</i></li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ii. Semakan Audit mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Fraud</i> yang dikesan secara automatik daripada Sistem PINTAR (<i>auto detect</i>) masih belum dibangunkan dan input kes pada masa ini secara manual sahaja.</li> <li>• Tiada identiti pengadu yang boleh diklasifikasi sebagai <i>anonymous</i> jika aduan ingin dibuat secara sulit.</li> <li>• Aduan yang diinput ke dalam sistem tidak mempunyai klasifikasi penjenisan <i>fraud</i> contohnya seperti “berniat” dan “tanpa niat”. Selain itu, sistem tidak memberi pilihan terhadap kaedah <i>fraud</i> yang dikenal pasti kerana hanya memaparkan kaedah yang biasa berlaku namun tiada pilihan untuk menambah kaedah <i>fraud</i> yang baru. Ini menyebabkan kesukaran jika pada masa akan datang berlaku penambahan kaedah <i>fraud</i> yang baru.</li> <li>• Sistem tidak menyediakan ruangan untuk justifikasi bagi pergerakan kes yang ditolak oleh Pegawai Penyiasat. Ini adalah perlu bagi memantau pergerakan setiap kes.</li> <li>• Sistem ini telah selesai dibangunkan pada bulan Julai 2014 namun masih belum digunakan sepenuhnya kerana kekangan kakitangan dan perkakasan ICT yang khusus.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, modul pengesanan aktiviti fraud secara automatik dalam modul ini melalui integrasi Sistem PINTAR adalah baik jika dapat dibangunkan mengikut perancangan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan features pengesanan kes fraud secara automatik telah dibangunkan. Bagaimanapun, disebabkan pembangunan Kluster 1 belum disiapkan sepenuhnya, ketetapan parameter dan corak fraud yang boleh digunapakai sebagai rules tidak dapat dilaksanakan. Modul ini dibangunkan mengambil kira keperluan yang telah diberikan pada peringkat awal di mana aduan berkaitan fraud yang diterima mempunyai maklumat</i></p>	<p>Status terkini sepertimana maklumbalas pada 28 Mei dan 18 September 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pengadu iaitu Nombor KPPN dan Nama. Bagaimanapun, setelah sistem dibangunkan didapati wujud aduan tanpa identiti pengadu. Pihak MIMOS tidak mempunyai halangan untuk meminda sistem bagi mengikut keperluan baharu tersebut dan menunggu keperluan yang lengkap daripada PERKESO berikutan Unit Fraud dalam proses menyediakan polisi berkaitan laporan/aduan Fraud.</i></p> <p><i>Modul Fraud Management yang dibangunkan tidak mempunyai klasifikasi penjenisan fraud kerana klasifikasi penjenisan fraud hanya akan dapat ditentukan selepas siasatan selesai dijalankan dan klasifikasi penjenisan fraud akan dikemaskini dalam ruangan 'Comment'. Modul yang dibangunkan mempunyai 6 pilihan jenis-jenis fraud yang berlaku iaitu Employee, Employer, Employee and Employer, Staff, Service Provider dan Others. Pada masa akan datang, jika berlaku penambahan kaedah fraud yang baharu, pengemaskinian akan dibuat dengan memilih jenis fraud 'Others'.</i></p> <p><i>Modul Fraud Management yang dibangunkan telah mempunyai ruangan 'comment' bagi membolehkan justifikasi dibuat oleh Pegawai Penyiasat kepada Pegawai Atasan untuk keputusan lanjut. Pengesanan potensi fraud secara automatik dan segala perkara yang dibangkitkan akan dilaksanakan sepenuhnya setelah Go-Live keseluruhan dilaksanakan pada 3 Mac 2016.</i></p>	
3.4.1.3.d	<p><b>Modul Performance Management</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Modul <i>Performance Management</i> dibangunkan untuk Cawangan Korporat bagi menguruskan KPI semua pegawai di PERKESO. Enam fungsi utama dalam modul ini adalah Penyediaan, Pengurusan, Penilaian dan Kelulusan KPI, Pengurusan <i>Balance Score Card</i> serta Laporan. Penilaian KPI juga boleh dilaksanakan secara automatik kerana modul ini dapat berintegrasi dengan modul aplikasi utama bagi mendapatkan maklumat pencapaian sebenar pegawai.</li> <li>ii. Semakan Audit mendapati modul ini telah siap dibangunkan dan dijangka akan mula digunakan bagi penyediaan KPI tahun 2015. Bagaimanapun, fungsi penilaian KPI secara automatik masih dalam peringkat pengujian dan belum dapat dilaksanakan.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, keberkesanan modul ini bergantung pada fungsi penyediaan dan penilaian KPI secara automatik yang sedang dibangunkan. Ini kerana pencapaian KPI setiap pegawai dapat dinilai secara telus berdasarkan input terus daripada sistem.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan fungsi pengukuran dan penilaian KPI secara automatik bagi modul Pendaftaran, Caruman dan Kutipan telah siap dibangunkan dan telah melepasi pengujian sistem. Penggunaan fungsi penilaian KPI secara automatik ini tidak dapat dilaksanakan bagi penyediaan KPI 2015 kerana ia bergantung kepada pelaksanaan sepenuhnya modul-modul lain dalam semua kluster di dalam Sistem PINTAR dan dijangka dapat dilaksanakan bagi penyediaan KPI 2016. Bagaimanapun, pelaksanaan pengukuran dan penilaian bagi modul-modul yang lain akan dilaksanakan bagi KPI PERKESO tahun 2017.</i></p>	<p>Status terkini sepertimana maklumbalas pada 28 Mei 2015.</p>
<p><b>3.4.1.3.e</b></p>	<p><b>Modul Customer Relationship Management</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Modul <i>Customer Relationship Management (CRM)</i> dibangunkan bertujuan membantu PERKESO memberikan maklum balas secara cepat dan tepat kepada pelanggan melalui Unit <i>Call Center</i>. Semua aduan dan pertanyaan yang dihantar melalui panggilan telefon, faks, e-mel, sms, <i>chat</i> dan saluran media sosial iaitu <i>Facebook</i> dan <i>Twitter</i> akan dipantau oleh <i>Customer Service Representative</i> melalui modul ini.</li> <li>ii. Semakan Audit mendapati modul ini telah mula digunakan sejak bulan Jun 2014 dan setakat ini aduan dan pertanyaan hanya dapat diterima menggunakan medium telefon, <i>Facebook</i>, <i>Twitter</i> dan e-mel. Kaedah perhubungan pelanggan melalui <i>chatting</i> belum dapat digunakan kerana akses portal untuk majikan masih belum diaktifkan oleh PERKESO. Selain itu, CENSOF masih dalam proses penyelesaian untuk mengaktifkan medium sms yang melibatkan pihak ketiga iaitu Dapat Vista Sdn. Berhad. Semakan selanjutnya mendapati fungsi pelaporan masih dalam pembangunan dan belum dapat digunakan.</li> </ol> <p>Pada pendapat Audit, PERKESO tidak dapat memanfaatkan penggunaan medium <i>chat</i>, sms dan pelaporan dalam modul ini sepenuhnya bagi memudahkan perhubungan interaktif dengan pelanggan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan keperluan kaedah perhubungan pelanggan melalui Chatting seperti dinyatakan dalam dokumen keperluan sistem pada peringkat awal pembangunan Modul CRM telah diputuskan untuk tidak dilaksanakan selepas keperluan tersebut diperincikan kerana sekiranya dilaksanakan, jawapan yang akan diberikan oleh Pegawai Perkhidmatan Pelanggan adalah secara terus kepada pelanggan tanpa semakan dan dikhuatiri berlaku kesilapan dalam memberi maklum balas. Kaedah perhubungan pelanggan melalui medium SMS telah dibangunkan dan diaktifkan pada November 2014.</i></p> <p><i>Mengikut keperluan asal, fungsi pelaporan telah dibangunkan sepenuhnya. Bagaimanapun, selepas Go-Live, terdapat keperluan-keperluan tambahan pelaporan oleh anggota CRM bagi tujuan analisis data dan penilaian pencapaian anggota CRM. Keperluan-keperluan tambahan pelaporan ini akan dibangunkan secara in-house oleh PERKESO.</i></p>	<p>Pembangunan keperluan-keperluan tambahan pelaporan CRM bagi tujuan analisis data dan penilaian pencapaian anggota CRM akan dibangunkan secara <i>in-house</i> oleh PERKESO selepas pelaksanaan <i>Go-Live</i> keseluruhan pada 3 Mac 2016.</p>
<p><b>3.4.2</b></p> <p><b>3.4.2.1</b></p> <p><b>3.4.2.1.b</b></p>	<p><b>Pengurusan Projek</b></p> <p><b>Pelan Strategik Teknologi Maklumat</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Pelan Strategik Teknologi Maklumat PERKESO tidak dikemas kini sehingga tarikh pengauditan dijalankan. Pelan Strategik Teknologi Maklumat yang terkini adalah bagi tahun 2007 sehingga 2011. Pelan tersebut menyatakan perancangan bagi melaksanakan penambahbaikan ke atas sistem dan infrastruktur ICT di PERKESO secara keseluruhan.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERKESO tidak mengemaskini hala tuju dan strategi bagi melaksanakan Projek <i>ICT Core System</i> yang mengalami kelewatan dan tidak mencapai tempoh sasaran.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 dan 24 Jun 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan sedang mengambil tindakan menyediakan Pelan Strategik Teknologi Maklumat bagi tempoh 2012 sehingga 2015 dan dijangka akan disiapkan pada 30 Oktober 2015.</i></p>	<p>Jawatankuasa Pemandu ICT PERKESO (JP ICT) telah memperakukan dokumen Pelan Strategik Teknologi Maklumat bagi tempoh 2012 sehingga 2015 dan edaran akan dilaksanakan pada November 2015. Kajian pencapaian Pelan Strategik Teknologi Maklumat bagi tempoh 2012 sehingga 2015 juga sedang dilaksanakan sebagai input untuk merangka Pelan Strategik Teknologi Maklumat bagi tempoh</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		2016 sehingga 2020 yang dijangka akan disiapkan pada suku pertama tahun 2016.
<p><b>3.4.2.2</b></p> <p><b>3.4.2.2.a</b></p>	<p><b>Kelemahan Pengurusan Kontrak</b></p> <p><b>Tempoh Pelaksanaan Dan Waranti Adalah Bertindan</b></p> <p>Kontrak bagi Kluster 1 dan 2 yang ditandatangani bersama CENSOF menyatakan tempoh kontrak dari 16 April 2012 hingga 15 Ogos 2014. Bagaimanapun, tempoh pelaksanaan kontrak sebenar hanyalah setakat 15 Ogos 2013 iaitu selama 16 bulan sahaja dan satu tahun berikutnya merupakan tempoh waranti. Semakan selanjutnya menunjukkan kelemahan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tarikh tamat waranti yang dinyatakan dalam kontrak telah digunakan sebagai tarikh tamat kontrak sedangkan tarikh sepatutnya siap kerja adalah pada 15 Ogos 2013.</li> <li>ii. Pelaksanaan pembangunan modul telah dilanjutkan ke dalam tempoh waranti kontrak. Pembekal telah mengambil tempoh waranti sebagai tempoh tamat kontrak dan kerja-kerja yang lewat telah dilaksanakan dalam tempoh waranti tersebut.</li> <li>iii. CENSOF tidak dapat menyiapkan kerja-kerja yang lewat dalam tempoh lanjutan 1.5 bulan yang diluluskan.</li> </ul> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan tarikh tamat waranti belum lagi bermula kerana tarikh siap kerja masih bergantung kepada pengeluaran Final Acceptance Certificate (FAC). Pelaksanaan pembangunan ICT tidak dilanjutkan dalam tempoh waranti kerana FAC belum dikeluarkan dan tempoh kontrak adalah fleksibel. Oleh itu, pembekal tidak boleh mengambil tempoh waranti sebagai tempoh tamat kontrak.</i></p> <p><i>Pada 22 Julai 2013, PERKESO telah memberikan surat peringatan kepada pembekal aplikasi bagi Kegagalan Menyiapkan Pembangunan Aplikasi mengikut jadual (go live pada 30 Jun 2013) dan pengenaan Liquidated and Ascertained Damages atas sebarang kelewatan. Surat permohonan lanjutan</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>masa telah dikemukakan dan diterima daripada pembekal pada 31 Julai 2013 di mana pihak pembekal telah meminta lanjutan masa selama 7 bulan daripada tarikh FAC asal. Bagaimanapun, PERKESO hanya membenarkan lanjutan masa selama 1.5 bulan kerana 1.5 bulan itu merupakan kelewatan PERKESO menyerahkan dokumen Requirement Analysis Book.</i></p> <p><i>PERKESO telah menandatangani kontrak dengan CENSOF pada 13 Ogos 2012 iaitu sebelum 1Pekeliling Perbendaharaan PK2 - Garis Panduan Mengenai Pengurusan Perolehan ICT Kerajaan dikuatkuasakan. CENSOF telah mengesahkan dalam Mesyuarat Khas Lembaga Bil. 6/2015 pada 17 September 2015 bahawa tarikh waranti bermula selepas Final Acceptance Test dimuktamadkan dan FAC dikeluarkan kepada CENSOF.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun kontrak telah ditandatangani sebelum pekeliling tersebut dikeluarkan, namun adalah menjadi amalan terbaik untuk tidak menetapkan tempoh waranti dalam kontrak. Ini bagi mengelakkan pembekal daripada mengambil kesempatan melewatkan tempoh pelaksanaan pembangunan sistem, tempoh kontrak tidak harus merangkumi tempoh waranti. Pihak Audit telah menyarankan PERKESO untuk mematuhi pekeliling tersebut pada masa hadapan.</p>	<p>PERKESO mengambil perhatian serius saranan Audit untuk mematuhi 1Pekeliling Perbendaharaan PK2 - Garis Panduan Mengenai Pengurusan Perolehan ICT Kerajaan pada masa hadapan. Saranan ini telah mula dilaksanakan di dalam <i>Supplemental Contract</i> bagi pelanjutan tempoh masa (EOT) Kluster 1 dan Kluster 2 yang telah dikemukakan kepada Censof pada 15 Oktober 2015 untuk persetujuan dan tandatangan.</p>
3.4.2.2.b	<p><b>Klausa Tempoh Waranti</b></p> <p>Semakan Audit mendapati klausa tempoh waranti dalam kontrak tidak menjaga kepentingan PERKESO dan bercanggah dengan klausa 2.1 <i>Contract Period</i> iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Part A</i> Klausa 1, <i>Components of Contracts and Definitions</i> memberi definisi “Warranty Period : means the period of twelve (12) months after the date of Final Acceptance Certificate or 15 August 2014.”</li> <li>ii. Manakala Klausa 2.1 <i>Contract Period</i> pula menyatakan Tarikh Efektif Kontrak adalah pada 16 April 2012 dan berkuat kuasa selama 16 bulan ditambah setahun waranti menjadikan tempoh kontrak yang berakhir pada 15 Ogos 2014.</li> <li>iii. Berdasarkan amalan terbaik, tempoh waranti hanya boleh bermula setelah projek siap dan <i>Final Acceptance Certificate</i> ditandatangani. Bagaimanapun, <i>Part A</i> Klausa 1 perjanjian telah membenarkan pemilihan tarikh permulaan tempoh waranti tanpa <i>Final Acceptance Certificate</i>. Ia memberi implikasi bahawa tempoh waranti akan bermula tanpa mengambil kira sama ada kerja pembangunan dan</li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pelaksanaan sistem telah siap atau belum. Percanggahan yang timbul adalah definisi yang ditetapkan dalam <i>Part G</i> Klausa 19.1 <i>Warranty Support</i> yang menyatakan <i>Warranty Support Period</i> akan bermula selepas <i>Final Acceptance Certificate</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, percanggahan klausa dalam kontrak menimbulkan kekeliruan tarikh sebenar tempoh waranti bermula dan ini memberi kesukaran kepada PERKESO untuk mengenakan LAD.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan pihaknya tidak kehilangan tempoh waranti kerana FAC belum dikeluarkan dan pembangunan ICT belum disiapkan sepenuhnya. Oleh itu, pembetulan bugs masih boleh dilaksanakan kerana FAC belum dikeluarkan. Kesannya adalah tiada percanggahan antara takrifan warranty period dan Warranty Support Period kerana di peringkat sekarang tempoh waranti belum bermula.</i></p> <p><i>Merujuk kepada takrifan Go-Live, seperti di muka surat 7 Kontrak, menyatakan mana-mana aplikasi dan sistem telah diterima selepas UAT dan beroperasi secara live di Ibu Pejabat, Pejabat Tempatan, Pusat Data (DC) dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) adalah tarikh 15 Jun 2013 atau tarikh selepas PERKESO mengesahkan sijil UAT yang mana “..which ever is earlier.” Justeru tarikh-tarikh 15 Jun 2013, 15 Julai 2013 dan 15 Ogos 2013 adalah merujuk kepada tarikh-tarikh akhir CENSOF perlu menyempurnakan tugasnya. Bagaimanapun, tempoh waranti kontrak adalah fleksibel mengikut tarikh 15 Ogos 2013 atau tarikh FAC dikeluarkan, mengikut mana yang terkemudian.</i></p> <p><i>CENSOF telah mengesahkan di dalam Mesyuarat Khas Lembaga Bil 6/2015 pada 17 September 2015 bahawa tarikh waranti bermula selepas Final Acceptance Test (FAT) dimuktamadkan dan Final Acceptance Certificate (FAC) dikeluarkan kepada Censof</i></p> <p>Pihak Audit masih berpendapat tempoh waranti kontrak telah tamat berdasarkan takrif kontrak berkaitan <i>Warranty Period, Final Acceptance Date, Go Live Date</i> dan <i>Provisional Acceptance Date</i> iaitu 15 Julai 2013 (tarikh terakhir <i>Provisional Acceptance Certificate (PAC)</i> disahkan oleh PERKESO) atau selepas 30 hari daripada tarikh <i>Go-Live Date</i> iaitu 15 Jun 2013 yang mana terdahulu. Pihak CENSOF telah bersetuju tarikh waranti bermula selepas FAC ditandatangani. Bagaimanapun, PERKESO hendaklah</p>	<p>Status terkini sepertimana maklumbalas pada 28 Mei 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																				
	memastikan kontrak lanjutan tidak mempunyai tarikh-tarikh yang bercanggah seperti di atas.																																					
3.4.2.2.c	<p><b>Kontrak Lanjutan Tidak Disediakan</b></p> <p>i. Mengikut klausa 2.2, <i>Extension of Contract Period</i> dalam perjanjian, telah menetapkan CENSOF hendaklah mengemukakan permohonan pelanjutan kontrak 3 bulan sebelum tarikh tamat kontrak dan PERKESO perlu memberi persetujuan sebulan sebelum tarikh tamat tersebut. Sekiranya tidak dipersetujui, kontrak akan tamat secara automatik pada Tarikh Tamat Kontrak.</p> <p>ii. Semakan Audit mendapati walaupun <i>Project Timeline</i> telah disediakan dari semasa ke semasa namun tiada Kontrak Lanjutan (<i>Supplementary Contract</i>) dibuat setelah tamat tempoh pada 15 Ogos 2013.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan dalam proses pelanjutan perjanjian bagi Kluster 1 sehingga 18 Julai 2016 dan Kluster 2 sehingga 15 Disember 2015 yang tidak melibatkan tambahan kos kecuali bagi kos Change Request (CR).</i></p> <p><i>Kontrak lanjutan belum dapat dimuktamadkan walaupun setelah 15 Ogos 2013 kerana CENSOF telah mengemukakan 183 CR baru yang menyebabkan PERKESO terpaksa mengambil masa untuk menyemak CR tersebut. Hasil semakan mendapati CR baru tersebut tidak boleh dibenarkan dan CR hanya 13 sahaja yang telah dibenarkan oleh Jawatankuasa Pemandu Projek ICT. Tarikh pelanjutan yang baru akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Pemandu Projek ICT untuk persetujuan.</i></p>	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek ICT Bil 6/2015 bertarikh 29 September 2015 telah bersetuju dengan pelanjutan tempoh masa (<i>EOT</i>) bagi kontrak Kluster 1 dan Kluster 2 tertakluk kepada kontrak tambahan (<i>Supplemental Contract</i>) yang perlu ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan dengan mengambil kira tarikh-tarikh <i>Milestone</i> yang menjadi tanggungjawab Censof seperti berikut:</p> <p>i. Kluster 1</p> <table border="1" data-bbox="1249 592 2072 855"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Milestone</th> <th>Tarikh Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Pembangunan Aplikasi</td> <td>30 Oktober 2015</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Pengujian <i>Application Functional Test</i> (AFT)</td> <td>30 Oktober 2015</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Pengujian <i>System Integration Test</i> (SIT)</td> <td>30 November 2015</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Pengujian <i>User Acceptance Test</i> (UAT)</td> <td>22 Januari 2016</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td><i>Go-Live</i></td> <td>3 Mac 2016</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td><i>Provisional Acceptance Certificate</i> (PAC)</td> <td>3 April 2016</td> </tr> <tr> <td>7.</td> <td><i>Final Acceptance Certificate</i> (FAC)</td> <td>3 Mei 2016</td> </tr> <tr> <td>8.</td> <td>Tempoh Jaminan</td> <td>3 Mei 2017</td> </tr> </tbody> </table> <p>ii. Kluster 2</p> <table border="1" data-bbox="1249 911 2072 999"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Milestone</th> <th>Tarikh Selesai</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td><i>Final Acceptance Certificate</i> (FAC)</td> <td>14 Julai 2015</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Tempoh Jaminan</td> <td>14 Julai 2016</td> </tr> </tbody> </table> <p>Surat persetujuan pelanjutan tempoh masa (<i>EOT</i>) bagi kontrak Kluster 1 dan Kluster 2 telah dikemukakan kepada Censof pada 15 Oktober 2015 untuk persetujuan dan tandatangan.</p>	Bil.	Milestone	Tarikh Selesai	1.	Pembangunan Aplikasi	30 Oktober 2015	2.	Pengujian <i>Application Functional Test</i> (AFT)	30 Oktober 2015	3.	Pengujian <i>System Integration Test</i> (SIT)	30 November 2015	4.	Pengujian <i>User Acceptance Test</i> (UAT)	22 Januari 2016	5.	<i>Go-Live</i>	3 Mac 2016	6.	<i>Provisional Acceptance Certificate</i> (PAC)	3 April 2016	7.	<i>Final Acceptance Certificate</i> (FAC)	3 Mei 2016	8.	Tempoh Jaminan	3 Mei 2017	Bil.	Milestone	Tarikh Selesai	1.	<i>Final Acceptance Certificate</i> (FAC)	14 Julai 2015	2.	Tempoh Jaminan	14 Julai 2016
Bil.	Milestone	Tarikh Selesai																																				
1.	Pembangunan Aplikasi	30 Oktober 2015																																				
2.	Pengujian <i>Application Functional Test</i> (AFT)	30 Oktober 2015																																				
3.	Pengujian <i>System Integration Test</i> (SIT)	30 November 2015																																				
4.	Pengujian <i>User Acceptance Test</i> (UAT)	22 Januari 2016																																				
5.	<i>Go-Live</i>	3 Mac 2016																																				
6.	<i>Provisional Acceptance Certificate</i> (PAC)	3 April 2016																																				
7.	<i>Final Acceptance Certificate</i> (FAC)	3 Mei 2016																																				
8.	Tempoh Jaminan	3 Mei 2017																																				
Bil.	Milestone	Tarikh Selesai																																				
1.	<i>Final Acceptance Certificate</i> (FAC)	14 Julai 2015																																				
2.	Tempoh Jaminan	14 Julai 2016																																				
3.4.2.2.d	<p><b>Variation Order Tidak Disediakan</b></p> <p>Mengikut kontrak, pelaksanaan pembangunan Kluster 1 dan 2 oleh CENSOF sepatutnya siap pada 15 Ogos 2013 dan <i>variation order</i> perlu dikemukakan sekiranya terdapat kelewatan. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2014, pembangunan masih belum selesai dan CENSOF tidak menyediakan <i>variation order</i> bagi menunjukkan perubahan masa dan kos.</p>																																					

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan perubahan masa merupakan isu berkaitan dengan pelanjutan kontrak. Oleh itu, sebarang perubahan yang berkaitan dengan pembangunan ICT telah dibuat melalui Change Request mengikut klausa 12.1.</i></p>	<p>Status terkini sepertimana maklumbalas pada 28 Mei 2015.</p>
<p><b>3.4.2.2.e</b></p>	<p><b>Penalti Tidak Dikenakan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengikut klausa 11.2(a) perjanjian, CENSOF akan dikenakan <i>Liquidated and Ascertained Damages</i> (LAD) bagi kegagalan menyiapkan skop kerja dan mengemukakan <i>Final Acceptance Certificate</i> dalam tempoh kontrak. Pengiraan LAD adalah pada kadar 0.5% setiap minggu dan tidak melebihi 12% berdasarkan nilai perisian aplikasi yang gagal diselesaikan mengikut kontrak.</li> <li>ii. Akibat daripada pelanjutan pelaksanaan kontrak ke dalam tempoh waranti, PERKESO tidak mengenakan sebarang LAD ke atas CENSOF walaupun kelewatan menyiapkan projek telah mencapai 503 hari. Mengikut perkiraan Audit, anggaran LAD yang sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM5.50 juta.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, PERKESO tidak menguatkuasakan klausa LAD seperti yang ditetapkan dalam perjanjian setelah projek mengalami kelewatan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 24 Jun 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan pada dasarnya, LAD telah dikenakan tetapi telah dijelaskan melalui cara berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <i>Menggantikan kerja tambahan sebanyak 565 man-days akibat daripada Change Request (CR) oleh PERKESO tanpa bayaran tambahan kepada CENSOF.</i></li> <li>ii. <i>Dengan itu, kos CR ditimbal balik melalui persetujuan PERKESO melanjutkan tempoh kontrak yang perlu diberikan kepada CENSOF bagi menyelesaikan pembangunan CR.</i></li> <li>iii. <i>EOT juga mengambil kira tambahan tempoh pengujian User Acceptance Test (UAT) yang perlu dilaksanakan oleh PERKESO.</i></li> </ul>	<p>Status terkini sepertimana maklumbalas pada 24 Jun 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Susulan itu, memberi ruang untuk tarikh FAC dianjakkan.</i></p> <p><i>iv. Mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua-dua belah pihak untuk memastikan hasil projek ini menjadi realiti demi keutamaan pelanggan PERKESO.</i></p>	
<p><b>3.4.2.3.b</b></p>	<p><b>Tadbir Urus Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati pembangunan projek ini ditadbir urus oleh Jawatankuasa Pemandu Projek yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif. Jawatankuasa ini berperanan antaranya menentukan hala tuju dan strategi pelaksanaan projek, memantau status pelaksanaan projek secara menyeluruh dan memantau aliran kewangan projek bersamaan kemajuan kerja. Selain itu, Pasukan Petugas Projek diwujudkan dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi). Pasukan ini berperanan antaranya memantau dan memastikan pelaksanaan projek memenuhi skop projek dan jadual yang telah ditetapkan, mengkaji isu-isu dasar yang timbul semasa pelaksanaan projek serta mencadangkan penyelesaian kepada Jawatankuasa Pemandu. Semakan lanjut mendapati peranan Pasukan Petugas Projek <i>ICT Core System</i> adalah setara dengan peranan Jawatankuasa Teknikal Projek seperti yang dinyatakan dalam panduan tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERKESO mempunyai struktur tadbir urus yang baik dan teratur dalam pengurusan Projek <i>ICT Core System</i>.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015</b></p> <p><i>PERKESO mengambil maklum dan struktur tadbir urus utama Projek ICT adalah berasaskan kepada Pelaksanaan Pengurusan Projek ICT Sektor Awam yang dikeluarkan oleh MAMPU.</i></p>	<p>Status terkini sepertimana maklumbalas pada 28 Mei 2015.</p>
<p><b>3.4.3</b></p> <p><b>3.4.3.1</b></p> <p><b>3.4.3.1.a</b></p>	<p><b>Perolehan Projek</b></p> <p><b>Perolehan Perkhidmatan <i>Independent Tester</i></b></p> <p>PERKESO telah melantik Malaysian Software Testing Board (MSTB) melalui rundingan terus pada 13 Februari 2013 dengan kos RM2.07 juta bagi melaksanakan pengujian <i>User Acceptance Test</i> (UAT) termasuk menyediakan laporan pengujian bagi tujuan pentauliahan kepada pembekal aplikasi dan <i>system integrator</i>. Skop perjanjian pengujian dan pentauliahan antara MSTB</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	dan PERKESO merangkumi ujian <i>functional, performance, security</i> dan <i>usability</i> .	
3.4.3.1.b	<p>Bagaimanapun, MSTB hanya melaksanakan sebahagian pengujian dan telah menghentikan perkhidmatannya pada bulan Januari 2014 disebabkan isu bayaran yang belum diselesaikan oleh PERKESO. Semakan Audit mendapati perjanjian antara PERKESO dan MSTB masih belum ditandatangani walaupun tempoh perjanjian telah tamat pada 3 Februari 2014. Ini disebabkan PERKESO dan MSTB masih dalam rundingan pecahan kos bagi Jadual Pembayaran. MSTB memohon bayaran dibuat berdasarkan harga kontrak dan bukan Jadual Pembayaran. Semakan selanjutnya mendapati pecahan skop kerja dalam Jadual Pembayaran perjanjian telah mengambil kira pengesahan pengujian oleh PERKESO melalui <i>Provisional Acceptance Certificate (PAC)</i> dan <i>Final Acceptance Certificate (FAC)</i>.</p> <p>Pada pendapat Audit, perjanjian yang lewat dimuktamadkan telah menyebabkan pertikaian berkaitan pembayaran antara PERKESO dan MSTB. Pembayaran hanya boleh dibuat mengikut perkhidmatan yang telah dilaksanakan selaras dengan Jadual Pembayaran dalam perjanjian.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 24 Jun 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan perjanjian dengan MSTB telah dimuktamadkan pada 21 Disember 2014. PERKESO tidak melanjutkan perjanjian dengan MSTB dan tuntutan bayaran yang diluluskan tidak melibatkan bayaran bagi skop kerja yang tidak dilaksanakan iaitu submission of Test Closure Report, upon notification by PERKESO of PAC dan FAC.</i></p>	Status terkini sepertimana maklumbalas pada 28 Mei dan 24 Jun 2015.
3.4.3.2 3.4.3.2.c	<p><b>Perolehan Perkakasan <i>Peripherals</i></b></p> <p>Semakan Audit mendapati perjanjian sewaan pengimbas tidak menyatakan serahan dilaksanakan secara berperingkat. Bagaimanapun, hanya jadual pemasangan untuk serahan pertama iaitu sebanyak 170 unit daripada jumlah keseluruhan 430 unit disertakan dalam perjanjian. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya 257 unit pengimbas telah diserahkan kepada PERKESO pada 6 November 2013 dan 20 Mei 2014 manakala baki 193 unit belum diserahkan oleh pembekal. Peralatan pengimbas yang dibekalkan tersebut telah digunakan bagi sesi <i>Train the Trainers</i> pada tahun 2013 dan setakat bulan Disember 2014 sejumlah RM421,818 telah dibayar kepada pembekal</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	bagi sewaan 257 unit pengimbas ini.	
3.4.3.2.d	<p>Pemeriksaan Audit turut mendapati sebanyak 159 unit <i>MyKad Reader</i> masih belum diagihkan dan disimpan. Pihak Audit dimaklumkan lebih peralatan ini disimpan sebagai penggantian jika rosak. Selain itu, pencetak mudah alih berjumlah 150 unit yang diterima pada 25 November 2013 masih disimpan dan belum dapat digunakan kerana aplikasi <i>Enforcement</i> iaitu Modul <i>Detection, Inspection</i> dan <i>Compound</i> belum siap dibangunkan.</p>	
3.4.3.2.e	<p>Pemeriksaan Audit mendapati stok perkakasan yang belum digunakan disimpan di dalam bilik penempatan sementara pembekal tanpa pemantauan dari PERKESO.</p> <p>Pada pendapat Audit, PERKESO tidak membuat perancangan teliti bagi perolehan perkakasan <i>peripherals</i> iaitu <i>MyKad Reader</i> dan pencetak mudah alih. Perolehan secara berlebihan bertujuan untuk penggantian jika rosak dan melebihi keperluan sebenar menyebabkan pembaziran kepada PERKESO.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 18 September 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan justifikasi perolehan dan pengagihan perkakasan MyKad Reader dan pencetak mudah alih tidak menggambarkan perolehan secara berlebihan untuk penggantian jika rosak dan melebihi keperluan sebenar.</i></p> <p><u><i>MyKad Reader</i></u>  <i>Baki 159 unit MyKad Reader adalah merangkumi sebanyak 110 unit bagi penggunaan persidangan Jemaah Doktor (JD) di Pejabat PERKESO dan persidangan Jemaah Doktor Rayuan (JDR) di Ibu Pejabat, Sabah dan Sarawak. Bekalan MyKad Reader akan diagihkan bagi tujuan ini setelah Modul JD siap dibangunkan. Baki 20 unit lagi adalah untuk pembekalan kepada 10 UTC yang akan dibangunkan oleh Kerajaan di masa hadapan manakala 29 unit lagi disimpan untuk tujuan penggantian sekiranya berlaku kerosakan dan juga untuk kegunaan latihan, ujian dan sokongan pembangunan.</i></p> <p><u><i>Pencetak Mudah Alih</i></u>  <i>Jumlah pencetak mudah alih sebanyak 150 unit yang telah diterima pada 25 November 2013 adalah berdasarkan kepada nisbah 1 pencetak untuk 2</i></p>	<p>Status terkini sepertimana maklumbalas pada 28 Mei dan 18 September 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pegawai di 46 Pejabat PERKESO berserta 1 unit tambahan untuk setiap pejabat bagi tujuan penggantian sekiranya berlaku kerosakan. Jumlah keseluruhan bagi tujuan penggantian adalah sebanyak 46 unit. Bagaimanapun, pencetak mudah alih yang ditempatkan di Ibu Pejabat adalah bertujuan untuk kegunaan latihan, ujian dan sokongan pembangunan.</p> <p>PERKESO memaklumkan perolehan lebih bagi penggantian jika rosak adalah bagi mengelak berlaku masalah kelewatan menerima penggantian daripada pihak pembekal sehingga mengganggu operasi PERKESO. PERKESO akan memastikan semua aset yang diperoleh digunakan dan tiada pembaziran. Peralatan-peralatan berkenaan merupakan keperluan dalam menyampaikan perkhidmatan khususnya di kaunter. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kaunter tidak terjejas, peralatan-peralatan yang mengalami kerosakan perlu diganti dengan segera daripada peralatan gantian tersebut. Pada masa yang sama, peralatan yang mengalami kerosakan dihantar kepada pembekal untuk baik pulih. Tempoh baik pulih oleh pembekal dan penghantaran kembali peralatan tertakluk kepada jenis kerosakan dan jarak yang diambil ke Pejabat PERKESO.</p> <p>Pihak Audit mendapati perolehan lebih untuk kerosakan adalah tidak perlu kerana terdapat klausa dalam perjanjian perkhidmatan penyenggaraan peripherals yang mengambil kira penggantian peralatan yang rosak. Selain itu, Service Level Agreement dan Service Level Guarantee yang menyatakan penyenggaraan secara terperinci perlu disediakan bagi melindungi kepentingan PERKESO.</p>	
<p><b>3.4.4</b></p> <p><b>3.4.4.1</b></p>	<p><b>Kawalan ICT</b></p> <p><b>Kawalan Aplikasi</b></p> <p>MIMOS Berhad bertanggungjawab untuk melaksanakan <i>data cleansing</i> dan <i>data migration</i> dari pangkalan data sedia ada PERKESO ke pangkalan data sementara. Pihak Audit telah menjalankan analisis data pendaftaran sehingga bulan November 2014 untuk menentukan kawalan aplikasi sistem dan integriti data yang telah dimigrasi ke pangkalan data baru.</p>	
<p><b>3.4.4.1.a</b></p>	<p><b>Rekod Bertindan</b></p> <p>Analisis Audit mendapati sebanyak 694 rekod pencarum mempunyai nombor kad pengenalan yang bertindan dan 253 rekod nombor kad pengenalan bertindan tersebut telah disahkan oleh JPN. Pengesahan butiran nama dan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																																																				
	nombor kad pengenalan pekerja adalah dilaksanakan secara <i>online</i> dengan pihak JPN semasa proses pendaftaran majikan dan pekerja PERKESO.																																																					
3.4.4.1.b	<p><b>Rekod Tidak Munasabah</b></p> <p>i. Semakan Audit mendapati tiada kawalan input dalam mengisi maklumat di medan tarikh lahir, tarikh mati, nombor pendaftaran perniagaan dan nombor kad pengenalan di mana sistem tidak dapat menapis maklumat berkaitan dan pengguna bebas memasukkan sebarang butiran walaupun tidak munasabah. Contoh butiran bagi medan nombor kad pengenalan yang tidak dikawal daripada sejumlah 539 rekod seperti jadual berikut:-</p> <p style="text-align: center;"><b>JADUAL 3.7 : NOMBOR KAD PENGENALAN TIDAK MUNASABAH</b></p> <table border="1" data-bbox="333 675 1176 1023"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>NO KAD PENGENALAN</th> <th>BIL.</th> <th>NO KAD PENGENALAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr><td>1.</td><td>000609130017</td><td>11.</td><td>000619-08-02</td></tr> <tr><td>2.</td><td>000114130963</td><td>12.</td><td>000328130651</td></tr> <tr><td>3.</td><td>000502130287</td><td>13.</td><td>000701130749</td></tr> <tr><td>4.</td><td>0063939</td><td>14.</td><td>000329102249</td></tr> <tr><td>5.</td><td>0063588</td><td>15.</td><td>000062</td></tr> <tr><td>6.</td><td>000119011701</td><td>16.</td><td>001029131165</td></tr> <tr><td>7.</td><td>0098648</td><td>17.</td><td>*01213035767</td></tr> <tr><td>8.</td><td>0002359</td><td>18.</td><td>ZULKAFI BIN</td></tr> <tr><td>9.</td><td>0071649</td><td>19.</td><td>111111111111</td></tr> <tr><td>10.</td><td>000226131346</td><td>20.</td><td>000609130017</td></tr> </tbody> </table> <p>ii. Analisis Audit terhadap 941,051 <i>data organisation</i> mendapati penemuan berikut:-</p> <p style="text-align: center;"><b>JADUAL 3.8 : ANALISIS DATA ORGANISATION</b></p> <table border="1" data-bbox="333 1190 1176 1394"> <thead> <tr> <th>HASIL ANALISIS</th> <th>BILANGAN REKOD</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Medan nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai 'Tiada/Tiada Maklumat'/ Tiada No SSM'</td> <td>654</td> </tr> <tr> <td>Nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai '0000'/0000000000'</td> <td>513</td> </tr> <tr> <td>Medan tidak dikemas kini dengan nombor pendaftaran</td> <td>468</td> </tr> </tbody> </table>	BIL	NO KAD PENGENALAN	BIL.	NO KAD PENGENALAN	1.	000609130017	11.	000619-08-02	2.	000114130963	12.	000328130651	3.	000502130287	13.	000701130749	4.	0063939	14.	000329102249	5.	0063588	15.	000062	6.	000119011701	16.	001029131165	7.	0098648	17.	*01213035767	8.	0002359	18.	ZULKAFI BIN	9.	0071649	19.	111111111111	10.	000226131346	20.	000609130017	HASIL ANALISIS	BILANGAN REKOD	Medan nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai 'Tiada/Tiada Maklumat'/ Tiada No SSM'	654	Nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai '0000'/0000000000'	513	Medan tidak dikemas kini dengan nombor pendaftaran	468	
BIL	NO KAD PENGENALAN	BIL.	NO KAD PENGENALAN																																																			
1.	000609130017	11.	000619-08-02																																																			
2.	000114130963	12.	000328130651																																																			
3.	000502130287	13.	000701130749																																																			
4.	0063939	14.	000329102249																																																			
5.	0063588	15.	000062																																																			
6.	000119011701	16.	001029131165																																																			
7.	0098648	17.	*01213035767																																																			
8.	0002359	18.	ZULKAFI BIN																																																			
9.	0071649	19.	111111111111																																																			
10.	000226131346	20.	000609130017																																																			
HASIL ANALISIS	BILANGAN REKOD																																																					
Medan nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai 'Tiada/Tiada Maklumat'/ Tiada No SSM'	654																																																					
Nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai '0000'/0000000000'	513																																																					
Medan tidak dikemas kini dengan nombor pendaftaran	468																																																					

Perenggan	Penemuan Audit		Status Terkini																																																																				
	<table border="1"> <tr> <td>perniagaan</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Nombor pendaftaran perniagaan yang tidak munasabah</td> <td>428</td> </tr> <tr> <td>Nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai '9999'</td> <td>228,598</td> </tr> <tr> <td>Nombor pendaftaran diisi dengan lengkap</td> <td>710,390</td> </tr> <tr> <td><b>JUMLAH</b></td> <td><b>941,051</b></td> </tr> </table>		perniagaan		Nombor pendaftaran perniagaan yang tidak munasabah	428	Nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai '9999'	228,598	Nombor pendaftaran diisi dengan lengkap	710,390	<b>JUMLAH</b>	<b>941,051</b>																																																											
perniagaan																																																																							
Nombor pendaftaran perniagaan yang tidak munasabah	428																																																																						
Nombor pendaftaran perniagaan diisi sebagai '9999'	228,598																																																																						
Nombor pendaftaran diisi dengan lengkap	710,390																																																																						
<b>JUMLAH</b>	<b>941,051</b>																																																																						
	<p>iii. Antara contoh butiran bagi medan nombor pendaftaran perniagaan yang tidak lengkap dan tidak munasabah seperti jadual berikut:-</p>																																																																						
	<p align="center"><b>JADUAL 3.9 : NOMBOR PENDAFTARAN PERNIAGAAN TIDAK LENGKAP DAN TIDAK MUNASABAH</b></p>																																																																						
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL</th> <th>NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN</th> <th>ID ORGANISASI</th> <th>BIL</th> <th>NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN</th> <th>ID ORGANISASI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td></td> <td>0115411</td> <td>11.</td> <td>TIADA NO SSM</td> <td>0626187</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>0000000000</td> <td>0739496</td> <td>12.</td> <td>.COM</td> <td>0240066</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>TIADA MAKLUMAT</td> <td>0267328</td> <td>13.</td> <td>.DBKK 995267</td> <td>0909825</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>(APC)35027</td> <td>0202727</td> <td>14.</td> <td>/1736(S)</td> <td>0192467</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>(K)1.649/81</td> <td>0511666</td> <td>15.</td> <td>/65</td> <td>0116177</td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>(NONE)</td> <td>0723571</td> <td>16.</td> <td>/83 P/N</td> <td>0048796</td> </tr> <tr> <td>7.</td> <td>nil</td> <td>0121405</td> <td>17.</td> <td>0</td> <td>0226628</td> </tr> <tr> <td>8.</td> <td>(SJ) 03/001/27</td> <td>0236475</td> <td>18.</td> <td>00/3/9988D</td> <td>0721004</td> </tr> <tr> <td>9.</td> <td>(TI)1/66</td> <td>0192740</td> <td>19.</td> <td>pindah seberang</td> <td>0513347</td> </tr> <tr> <td>10.</td> <td>++2898P</td> <td>0046254</td> <td>20.</td> <td>rekod tiada</td> <td>0378703</td> </tr> </tbody> </table>		BIL	NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN	ID ORGANISASI	BIL	NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN	ID ORGANISASI	1.		0115411	11.	TIADA NO SSM	0626187	2.	0000000000	0739496	12.	.COM	0240066	3.	TIADA MAKLUMAT	0267328	13.	.DBKK 995267	0909825	4.	(APC)35027	0202727	14.	/1736(S)	0192467	5.	(K)1.649/81	0511666	15.	/65	0116177	6.	(NONE)	0723571	16.	/83 P/N	0048796	7.	nil	0121405	17.	0	0226628	8.	(SJ) 03/001/27	0236475	18.	00/3/9988D	0721004	9.	(TI)1/66	0192740	19.	pindah seberang	0513347	10.	++2898P	0046254	20.	rekod tiada	0378703			
BIL	NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN	ID ORGANISASI	BIL	NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN	ID ORGANISASI																																																																		
1.		0115411	11.	TIADA NO SSM	0626187																																																																		
2.	0000000000	0739496	12.	.COM	0240066																																																																		
3.	TIADA MAKLUMAT	0267328	13.	.DBKK 995267	0909825																																																																		
4.	(APC)35027	0202727	14.	/1736(S)	0192467																																																																		
5.	(K)1.649/81	0511666	15.	/65	0116177																																																																		
6.	(NONE)	0723571	16.	/83 P/N	0048796																																																																		
7.	nil	0121405	17.	0	0226628																																																																		
8.	(SJ) 03/001/27	0236475	18.	00/3/9988D	0721004																																																																		
9.	(TI)1/66	0192740	19.	pindah seberang	0513347																																																																		
10.	++2898P	0046254	20.	rekod tiada	0378703																																																																		
	<p>Pada pendapat Audit, PERKESO tidak dapat menyelesaikan <i>data cleansing</i> sepenuhnya sebelum <i>data migration</i> dilaksanakan kerana populasi data terlalu besar sehingga memberi kesan terhadap integriti rekod pendaftaran.</p>																																																																						

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015 Dan 24 Jun 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan proses data cleansing masih belum selesai dan terdapat 1.6 juta rekod data yang perlu dibersihkan dan akan diselesaikan sebelum sistem go live. PERKESO juga telah meningkatkan kawalan input dengan mewujudkan medan dengan pilihan input (dropdown) bagi medan input yang mempunyai pilihan tetap dan kriteria medan input bagi nombor kad pengenalan untuk memastikan integriti data. Oleh kerana 1.6 juta rekod tidak dapat dikemas kini sebelum Go-Live, PERKESO telah memutuskan data-data ini dimasukkan dalam Sistem PINTAR di bawah modul Data Cleansing. PERKESO akan membuat kemaskini data melalui modul data cleansing dari semasa ke semasa. Sehingga 14 Ogos 2015, sebanyak 71, 478 data telah dibersihkan (cleansed).</i></p> <p><i>Pengemaskinian data-data ini tidak boleh dilaksanakan secara automatik menggunakan kaedah Fuzzy Logic dan memerlukan 'Eye Balling' bagi setiap data tersebut. PERKESO juga perlu menghubungi majikan bagi mendapatkan maklumat yang betul bagi data-data ini di mana proses ini memakan masa kerana kebergantungan kepada maklumat yang ada pada majikan. Terdapat juga kes-kes di mana majikan telah tutup dan maklumat tidak dapat dikemas kini.</i></p>	<p>Sehingga 30 Oktober 2015, terdapat baki 1.4 juta rekod data yang perlu dibersihkan (cleansed).</p>
<p><b>3.4.4.2</b></p> <p><b>3.4.4.2.a</b></p>	<p><b>Pelan Pemulihan Bencana</b></p> <p>Pelan Pemulihan Bencana adalah penting bagi memastikan kesinambungan fungsi dan operasi di sesebuah agensi apabila berlaku bencana. Pelan tersebut perlu menyatakan dengan jelas tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan apabila berlaku bencana bagi menjamin operasi sistem. Selain itu, aplikasi yang kritikal dapat dipulihkan dalam jangka masa yang paling singkat dan mengelakkan perkhidmatan PERKESO terjejas apabila berlaku bencana. Garis Panduan Pengurusan Keselamatan ICT Sektor Awam Malaysia (MyMIS) telah menggariskan langkah-langkah pemulihan bencana yang perlu diambil kira oleh setiap agensi dalam penyediaan pelan yang komprehensif. Agensi juga perlu memastikan pelan tersebut diuji dan latihan atau penilaian pemulihan bencana dilaksanakan secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun.</p>	
<p><b>3.4.4.2.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati PERKESO mempunyai sebuah pusat pemulihan bencana yang lengkap namun Pelan Pemulihan Bencana yang menyeluruh tidak disediakan. Bagaimanapun, simulasi pemulihan bencana ada</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>dilaksanakan pada 30 Mei 2014 untuk menguji tahap kesediaan pusat pemulihan bencana dan kebolehfungsian Sistem PINTAR di pusat pemulihan bencana.</p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun Sistem PINTAR belum dibangunkan sepenuhnya, Pelan Pemulihan Bencana yang lengkap adalah penting bagi mendapat gambaran menyeluruh prosedur yang perlu dilaksanakan untuk keselamatan sistem dan integriti data. Ini adalah kerana pelan tersebut merupakan pelan kontigensi pembangunan sistem.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015</b></p> <p><i>PERKESO memaklumkan Pelan Pemulihan Bencana secara berperingkat (Drop 1) dijangka akan disediakan pada Disember 2015.</i></p>	<p>Simulasi pemulihan bencana telah dilaksanakan sekali lagi pada 18 dan 19 September 2015 berpandukan prosedur yang telah dibangunkan. Hasil simulasi adalah berjaya namun penambahbaikan terhadap prosedur semasa masih dapat ditingkatkan dan dijangka selesai dikemaskini pada 31 Disember 2015.</p>
3.4.5	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Menurut 1Pekeliling Perbendaharaan PK 2, Garis Panduan Mengenai Pengurusan Perolehan ICT Kerajaan menyatakan agensi hendaklah memastikan pelaksanaan dan pemantauan projek ICT diuruskan dengan baik selaras dengan terma kontrak yang berkuat kuasa sehingga semua obligasi kontrak dipatuhi sepenuhnya.</p>	
3.4.5.1	<p><b>Peringkat Pengurusan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek ICT dan Jawatankuasa Pasukan Projek diadakan secara berkala iaitu sekurang-kurangnya sekali sebulan. PERKESO juga mengadakan mesyuarat khas Jawatankuasa Pemandu Projek ICT untuk memantau status kemajuan projek dengan teliti. Prestasi pelaksanaan Projek <i>ICT Core System</i> juga dilaporkan secara berkala dalam Mesyuarat Lembaga PERKESO.</p>	<p>Mesyuarat Khas Lembaga PERKESO Bil.K6/2015 telah diadakan pada 17 September 2015 bagi membincangkan status dan hala tuju <i>Project ICT Core System</i> PERKESO. Pengurusan PERKESO telah mengemukakan laporan "Cabaran Dan Halatuju <i>Project ICT Core System</i> PERKESO" manakala pihak Censof telah mengemukakan pelan perancangan dan memberikan komitmen untuk menyiapkan pembangunan aplikasi dan pengujian <i>Application Functional Test (AFT)</i> pada 30 Oktober 2015. Pihak MIMOS pula telah memberikan komitmen untuk menyiapkan pengujian <i>Sistem Integration Test (SIT)</i> pada 30 November 2015.</p>
3.4.5.2	<p><b>Peringkat Pelaksana</b></p> <p>Semakan Audit mendapati PERKESO melaksanakan pemantauan terhadap aduan atau laporan insiden yang berkaitan dengan pelaksanaan Sistem PINTAR secara sistematik melalui <i>Issue Tracking System</i>. Setiap laporan insiden dikategorikan sama ada sebagai <i>Change Request</i>, <i>Defect</i> atau <i>Patch</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>yang seterusnya akan diselesaikan oleh pembekal. Statistik laporan insiden turut dilaporkan dalam Mesyuarat Lembaga PERKESO secara berkala.</p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun pemantauan Projek <i>ICT Core System</i> telah dilaksanakan oleh PERKESO namun masih terdapat kelemahan dalam pengurusan projek yang ketara iaitu Modul Pendaftaran, Caruman dan Kutipan yang lewat disiapkan serta Modul <i>Scheme Management, Disbursement, Medical Services, Jemaah Doktor, Disability Management, Detection, Inspection, Compound, Prosecution</i> dan <i>Education Loan</i> yang masih dalam pembangunan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PERKESO Diterima Pada 28 Mei 2015</b></p> <p><i>PERKESO mengambil maklum bahawa terdapat kelemahan dalam pemantauan pengurusan projek yang menyebabkan kelewatan dalam menyiapkan Projek ICT Core System mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, kelewatan projek ini juga disumbangkan oleh faktor-faktor di luar kawalan pengurusan Projek ICT Core System, antaranya seperti kekerapan pertukaran Business Analyst bagi CENSOF untuk setiap modul Kluster 1, kekurangan pembangun sistem (developer) pembekal aplikasi untuk Kluster 1 dan 2, pertukaran Project Manager pembekal aplikasi untuk Kluster 1 dan 2 dan peletakan jawatan Subject Matter Expert serta Solution Architect pembekal aplikasi tanpa pengganti untuk Kluster 1.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran**

**Perenggan 4 : Pengurusan Pinjaman**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.1	<b>Prestasi Pemberian Pinjaman</b>	
4.4.1	<p>Semakan Audit mendapati bagi tahun 2011 sehingga 2014, purata pencapaian sasaran bilangan pelatih golongan pekerja adalah 10.5% dan jumlah dana yang digunakan untuk pinjaman hanya 44.6% daripada peruntukan. Berdasarkan prestasi yang rendah pada tahun 2014, Kementerian Sumber Manusia tidak lagi menyalurkan peruntukan pinjaman golongan pekerja. Oleh itu, pemberian pinjaman golongan pekerja pada tahun 2014 adalah berdasarkan baki peruntukan tahun sebelumnya berjumlah RM58.76 juta. Purata pencapaian sasaran bilangan pelajar lepasan sekolah pula adalah baik iaitu 80% dan purata penggunaan dana adalah melebihi sasaran. Selain itu, didapati purata pencapaian sasaran bilangan pelatih pelajar lepasan sekolah adalah amat memberangsangkan iaitu 110.4% dan lebihan tersebut dibiayai oleh peruntukan dana tahun sebelum.</p>	<p>Selain daripada 7 tindakan yang telah diambil seperti di Perenggan 4.4.1.3, usaha-usaha untuk meningkatkan sambutan dan minat golongan pekerja telah diambil seperti memberi kelonggaran syarat pinjaman tanpa penjamin bagi pinjaman yang tidak melebihi RM5,000 dan tempoh latihan kurang daripada tiga (3) bulan. PTPK juga telah membuat kerjasama dengan Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) bagi melatih pekerja untuk memenuhi kehendak industri Negeri Johor. Untuk itu peruntukan sejumlah RM20 juta telah disediakan bagi tempoh RMKe-11. Kedua-dua perkara ini telah pun dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah PTPK yang bersidang pada 20 Oktober 2015.</p> <p>PTPK juga telah menjadualkan dalam bulan Disember 2015 untuk melibaturus (<i>engagement</i>) dengan Penyedia Latihan, pihak industri, majikan dan Koridor sebagai salah satu platform bagi mempromosikan skim pinjaman pekerja ini.</p>
4.4.1.3	<p>Semakan Audit mendapati sasaran pemberian pinjaman kepada golongan pekerja tidak tercapai adalah disebabkan kurangnya sambutan daripada golongan pekerja walaupun PTPK telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menggalakkan golongan pekerja menyertainya. Antaranya ialah kelonggaran syarat pendapatan dan umur peminjam, membuka pembiayaan kepada golongan pekerja pengurusan dan profesional, skop program yang dibiayai diperluaskan, program pelesenan berdasarkan peruntukan undang-undang pekerjaan nasional dan antarabangsa, promosi melalui kaunter luar premis serta iklan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pemberian pinjaman untuk pelajar lepasan sekolah adalah baik. Bagaimanapun, prestasi pemberian pinjaman untuk golongan pekerja adalah rendah dan Kementerian Sumber Manusia tidak lagi menyalurkan peruntukan mulai tahun 2014.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>PTPK telah menjalankan dan merangka usaha-usaha bagi meningkatkan sambutan dan minat untuk permohonan pinjaman golongan pekerja seperti berikut:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Perluaskan skop pembiayaan Skim Pekerja kepada golongan future workers;</i></li> <li><i>ii. Perluasan kaedah permohonan pinjaman melalui Penyedia Latihan kepada Permohonan Secara Individu melalui kaedah atas talian;</i></li> <li><i>iii. Perluasan kaedah program Pengiktirafan melalui Pencapaian Terdahulu (PPT) secara teori basis kepada kaedah secara e-PPT atau atas talian;</i></li> <li><i>iv. Cadangan pemberian kemudahan Elaun Sara Hidup RM400 kepada Pelatih Pinjaman Skim Pekerja;</i></li> <li><i>v. Cadangan pemanjangan tempoh bayaran balik pinjaman daripada 5 tahun kepada 10 tahun;</i></li> <li><i>vi. Cadangan Peruntukan dana khas RM20 juta bagi melatih pekerja mahir sedia ada di Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA); dan</i></li> <li><i>vii. Mewujudkan Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh Industry Lead Body (ILB) dalam memberi nasihat kepada PTPK akan keperluan industri semasa.</i></li> </ul> <p><i>Program Pekerja ini telah dijenamakan semula dengan memperkenalkan Malaysian Meister Program (MMP) dan akan dilaksanakan dengan kerjasama Federation Malaysian Skills Development Centre (FMSDC), Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM dan Malaysia Meister Industry Board. Penjenamaan semula program ini bermatlamat untuk memenuhi pekerja berkemahiran dan berpendapatan tinggi.</i></p>	
<p><b>4.4.2</b></p> <p><b>4.4.2.2</b></p>	<p><b>Proses Pengeluaran Pinjaman</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 100 fail peminjam bagi tahun 2012 dan 2013 mendapati tiada isu kelewatan bayaran pertama ke akaun peminjam oleh Bahagian Pinjaman Latihan PTPK. Penyediaan arahan bayaran adalah dalam</p>	<p>PTPK mengambil maklum berhubung pemerhatian Audit dan telah memastikan pengurusan pengeluaran pinjaman dibuat dalam tempoh ditetapkan. Dalam tahun 2015, sehingga 31 Oktober 2015 terdapat sebanyak 604 baucar bayaran yang</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh terima dokumen sokongan lengkap. Bayaran kepada peminjam adalah dalam tempoh 10 hari bekerja daripada tarikh terima arahan bayaran.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran pinjaman adalah baik kerana dibuat dalam tempoh ditetapkan setelah maklumat lengkap peminjam diterima.</p>	<p>diuruskan bayarannya. Dari jumlah tersebut, 602 baucar atau 99.6% telah dijelaskan bayarannya dalam tempoh 7 hari manakala 2 baucar lagi dijelaskan tidak lebih dari 10 hari berkerja.</p>
<p><b>4.4.3</b></p> <p><b>4.4.3.1</b></p> <p><b>4.4.3.1.a</b></p>	<p><b>Pengurusan Bayaran Balik Pinjaman</b></p> <p><b>Prestasi Bayaran Balik Pinjaman</b></p> <p>Semakan Audit mendapati prestasi sasaran kutipan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2011 hingga 2014 semakin baik kerana secara purata pencapaian bayaran balik berbanding sasarannya adalah 94.6%. Ini adalah kerana PTPK menetapkan sasaran bayaran balik berdasarkan prestasi bayaran balik pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, purata prestasi bayaran balik berbanding jumlah patut kutip hanya 36.5% setahun. Kutipan bayaran balik semakin baik setiap tahun kerana inisiatif galakan bayaran balik yang dilaksanakan oleh PTPK melalui pendekatan seperti berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Skim <i>early bird</i> bayaran balik pinjaman latihan kemahiran iaitu pengecualian bayaran caj pentadbiran dengan syarat-syarat tertentu mulai tahun 2009;</li> <li>ii. Bagi pembayaran balik daripada 1 Mac 2013 sehingga 28 Februari 2014, insentif diskaun 20% diberi bagi bayaran sekaligus; dan</li> <li>iii. Bagi pembayaran balik mulai 1 Mac 2014 insentif diskaun 10% diberi berdasarkan kepada jumlah bayaran yang dibuat secara konsisten.</li> </ol>	<p>Untuk mempertingkatkan bayaran balik pinjaman, PTPK telah memutuskan bahawa proses bayaran balik pinjaman dilaksanakan secara Projek mulai tahun 2016. Pengurus Projek telah diminta untuk membuat perancangan pada bulan November 2015 dan pelaksanaan secara printis dalam bulan Disember 2015. Projek ini akan mensasarkan kutipan bayaran balik sebanyak RM104 juta setahun selama 3 tahun berturut-turut. Penumpuan akan diberikan terhadap peminjam yang telah berkerja tetapi tidak membuat bayaran balik. Insentif-insentif yang telah diberikan sebelum ini akan diteruskan seperti yang dinyatakan di perenggan 4.4.3.1a. Pengurus Projek juga telah diminta untuk mencadangkan langkah-langkah lain yang difikirkan perlu bagi mempertingkatkan kutipan balik pinjaman, melantik Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai ejen pungutan seperti mana ditetapkan dalam Seksyen 58.(1), Akta 640 : Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004.</p>
<p><b>4.4.3.1.b</b></p>	<p>Analisis Audit terhadap sasaran kutipan yang ditetapkan mendapati perkara berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat peningkatan yang ketara bagi pinjaman yang sepatutnya dikutip bagi setiap tahun iaitu peningkatan sejumlah RM2.54 juta bagi tahun 2012 berbanding 2011, sejumlah RM10.73 juta bagi tahun 2013 dan sejumlah RM15.47 juta bagi tahun 2014.</li> <li>• Manakala sasaran kutipan yang ditetapkan adalah hanya 37.1% bagi tahun 2011, sebanyak 42.9% bagi tahun 2012 , 37.2% bagi tahun</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>2013 dan bagi tahun 2014 adalah 37.4%.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Secara keseluruhannya bagi tempoh tahun 2011 sehingga 2014, PTPK mensasarkan kutipan sejumlah RM121 juta berbanding RM314.11 juta atau 38.5% daripada jumlah yang sepatutnya dikutip.</li> </ul>	
4.4.3.1.c	<p><b>Hapus Kira Pinjaman Latihan</b></p> <p>i. Lembaga Pengarah PTPK telah meluluskan hapus kira pinjaman latihan kemahiran berjumlah RM1.41 juta mulai tahun 2007 sehingga 2013 dan tiada hapus kira pada tahun 2014. Jumlah hapus kira ini merangkumi jumlah pinjaman yang tidak dapat dikutip daripada 445 peminjam yang berbaki kurang daripada RM10 berjumlah RM1,944 dan daripada 296 peminjam yang memohon pinjaman sebelum 1 Jun 2006 tetapi telah meninggal dunia berjumlah RM1.40 juta. Mulai 1 Jun 2006, insurans telah dikenakan kepada peminjam bagi mengatasi masalah bayaran balik apabila berlaku kematian.</p> <p>ii. Analisis Audit mendapati amaun dihapus kira sejumlah RM1.41 juta adalah 0.2% berbanding jumlah pinjaman diluluskan sejumlah RM701.71 juta sejak tahun 2001 sehingga 2006.</p>	
4.4.3.1.d	<p><b>Bayaran Balik Daripada Peminjam Yang Batal Pinjaman Dan Tidak Menamatkan Latihan</b></p> <p>i. Pembatalan pinjaman latihan kemahiran adalah berdasarkan permohonan yang diterima daripada PL dan pelatih sendiri. Antara sebab pembatalan adalah kerana masalah disiplin, tidak menyambung tahap latihan, menjaga ibu bapa sakit, mendapat pekerjaan semasa menjalani latihan, masalah peribadi, masalah kewangan, bertukar tempat latihan kemahiran di PL lain atau membiayai sendiri latihan di PL. Mengikut seksyen 56, Akta 640, penerima pinjaman yang tidak menamatkan atau tidak menghadiri program latihan yang diluluskan perlu memulangkan baki pinjaman tersebut. Syarat perjanjian pinjaman turut menetapkan peminjam hendaklah membayar balik pinjaman secara ansuran bulanan tidak lewat daripada 60 hari daripada tarikh meninggalkan program latihan atau tarikh batal baki. Batal baki bermaksud apabila peminjam membatalkan pinjaman atau meninggalkan pengajian sebelum tamat pengajian.</p> <p>ii. Semakan Audit mendapati bilangan pinjaman berstatus batal baki</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>semakin meningkat setiap tahun. Prestasi pemulangan pinjaman batal baki dari tahun 2011 sehingga 2014 adalah rendah iaitu purata 23.6% setahun walaupun PTPK telah menjalankan prosedur yang ditetapkan untuk mendapatkan balik pinjaman.</p> <p>iii. Analisis Audit mendapati daripada 3,321 peminjam berstatus batal baki dengan jumlah tunggakan pinjaman RM2.99 juta, seramai 529 peminjam telah membuat bayaran balik berjumlah RM0.70 juta atau 23.3%. Seramai 2,792 peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman berjumlah RM2.29 juta atau 76.7% masih belum membuat bayaran balik pinjaman setakat 31 Disember 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pencapaian kutipan bayaran balik pinjaman berbanding sasaran bagi tahun 2011 hingga 2014 semakin baik dengan purata 94.6% setahun. Bagaimanapun, jumlah kutipan bayaran balik berbanding jumlah patut kutip masih rendah dengan purata 36.5% setahun. Jumlah dihapuskira berbanding jumlah pinjaman yang diluluskan sejak tahun 2001 sehingga 2006 adalah 0.2%. Prestasi bayaran balik pinjaman batal baki adalah rendah dengan purata 23.3% setahun manakala tunggakan pinjaman batal baki yang masih tidak dapat dikutip setakat 31 Disember 2014 adalah 76.7%.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p>i. <i>PTPK telah memohon untuk mengaktifkan sekali lagi insentif 20% diskaun skim intensif ini bagi menggalakkan pembayaran balik pinjaman PTPK, terutama kepada peminjam yang mempunyai tunggakan pinjaman. Selain itu, kaunter-kaunter bayaran bergerak ke seluruh negara telah diwujudkan bagi mendekatkan lagi PTPK dengan peminjam.</i></p> <p>ii. <i>Bagi tahun 2014, Bahagian Bayaran Balik &amp; Penguatkuasaan telah membuat semakan semula bagi setiap permohonan hapus kira. Oleh itu syor hapus kira tidak dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran.</i></p> <p>iii. <i>Sehingga 3 Jun 2015, PTPK telah memproses 819 permohonan pembatalan baki dan membuat tuntutan kepada 819 pelatih dan 141 Penyedia Latihan dengan tuntutan sebanyak RM16.28 juta dan bayaran diterima sebanyak RM0.43 juta. PTPK sentiasa membuat</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>penambahbaikan secara berterusan untuk memastikan proses kutipan bayaran balik pinjaman adalah mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.</i></p>	
<p><b>4.4.3.2</b></p> <p><b>4.4.3.2.a</b></p>	<p><b>Prestasi Pengeluaran Notis Peringatan</b></p> <p><b>Notis Peringatan Mula Bayar Balik Tidak Dikeluarkan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semakan Audit terhadap data peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik (tegar) dari tahun mula bayar balik 2011 sehingga 2014 mendapati PTPK tidak mengeluarkan Notis Peringatan MBB dalam tempoh 3 bulan sebelum tarikh bayaran balik kepada 8,816 (39.2%) daripada 22,483 peminjam tegar yang melibatkan jumlah tunggakan pinjaman sebanyak RM44.51 juta.</li> <li>ii. Semakan lanjut mendapati bagi tahun mula bayar balik 2011 sehingga 2014, PTPK tidak mengeluarkan Notis Peringatan Tunggakan (NPT) 1 Bulan dan Notis Peringatan Tunggakan 3 Bulan (sama ada dengan Notis atau Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) bagi 1,743 peminjam tegar dan 394 peminjam yang tidak ikut jadual bayaran yang mempunyai tunggakan pinjaman 1 hingga 3 bulan. Ia melibatkan jumlah tunggakan pinjaman RM510,718 dan RM119,147 masing-masing setakat 31 Disember 2014.</li> <li>iii. Selain itu setakat 31 Disember 2014, Notis Peringatan Tindakan Undang-undang Akhir (NPTUUA) masih belum dikeluarkan kepada 424 peminjam tegar dan 127 peminjam yang tidak ikut jadual bayaran balik dan mempunyai tunggakan melebihi 6 bulan. Ia melibatkan tunggakan pinjaman berjumlah RM835,568 dan RM205,886 masing-masing.</li> <li>iv. Kegagalan Cawangan Bayaran Balik mengeluarkan Notis Peringatan Mula Bayar Balik, Notis Peringatan Tunggakan 1 &amp; 3 Bulan dan Notis Peringatan Tindakan Undang-undang Akhir adalah kerana maklumat dalam Sistem Pengurusan Pinjaman (SPP) tidak kemas kini dengan maklumat berkaitan peminjam yang memohon penangguhan, batal baki dan terdapat senarai fail peminjam yang terlibat dalam <i>Problem Solving Committee</i> menyebabkan lejar peminjam tidak lengkap. Salah satu usaha PTPK untuk mengatasi masalah di atas ialah dengan membuat semakan dalam sistem pada setiap minggu bagi memastikan tiada notis yang tertinggal untuk dikeluarkan kepada</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>peminjam.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran notis peringatan adalah tidak memuaskan kerana notis tidak dikeluarkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kegagalan pengeluaran notis boleh menyebabkan kehilangan hasil.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun dan 17 September 2015</b></p> <p><i>Bahagian Bayaran Balik &amp; Penguatkuasaan, PTPK sentiasa bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Maklumat, PTPK membuat semakan secara berkala dan manual bagi semakan memastikan tiada nama peminjam yang tercicir dalam pengeluaran notis ini dengan bilangan kakitangan yang terhad. PTPK telah mengguna pakai sistem perisian yang baru untuk menjana notis peringatan dengan lebih berkesan.</i></p>	<p>Bahagian Bayaran Balik Dan Penguatkuasaan (BBPK),PTPK telah menggunakan perisian <i>Win Automation</i> bagi mengenalpasti senarai nama dan nombor akaun yang perlu dikeluarkan notis setiap bulan. Walaubagaimana pun, BBPK masih perlu menapis secara manual senarai tersebut sebelum mengeluarkan senarai peminjam yang membuat rayuan, potongan KWSP, diskaun 20% dan juga peminjam yang telah meninggal dunia. Oleh itu sehingga 31 Oktober 2015, hasil daripada penggunaan <i>Win Automation</i>, sebanyak 18,584 peminjam telah dikeluarkan Notis Mula Bayar Balik (NMBB) dan sebanyak 506 peminjam dikeluarkan NMBB secara manual.</p>
<p><b>4.4.4</b></p> <p><b>4.4.4.1</b></p> <p><b>4.4.4.1.b</b></p>	<p><b>Penguatkuasaan Bayaran Balik</b></p> <p><b>Tempoh Pengeluaran LOD Tidak Ditetapkan.</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Unit Undang-undang tidak menetapkan secara bertulis satu tempoh bagi proses pengeluaran LOD terhadap fail-fail peminjam. Bagaimanapun, tempoh pengeluaran LOD dikira mulai tarikh penerimaan fail dari Bahagian Bayaran Balik. Sejumlah 80 daripada 9,215 fail peminjam bagi tahun 2010 sehingga 2014 telah dipilih untuk analisis. Analisis Audit mendapati Unit Undang-undang mengambil masa dari 7 sehingga 283 hari untuk mengeluarkan LOD.</p>	<p>Unit Undang-undang, PTPK telah pun menetapkan tempoh 30 hari bagi tujuan pengeluaran LOD setelah fail peminjam diterima daripada Bahagian Bayaran Balik. Tempoh ini telah pun dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja dan Garis Panduan Proses Pengeluaran LOD.</p>
<p><b>4.4.4.1.c</b></p>	<p>Analisis audit mendapati 43 daripada 44 peminjam dengan tunggakan sejumlah RM237,196 telah dikeluarkan LOD atas sebab peminjam tidak menjelaskan bayaran mengikut jadual bayaran balik yang ditetapkan dan tunggakan adalah melebihi RM2,500 manakala 1 peminjam dengan tunggakan sejumlah RM5,190 tidak pernah membuat bayaran balik terhadap pinjamannya.</p>	
<p><b>4.4.4.1.d</b></p>	<p>Semakan lanjut mendapati prestasi pengeluaran LOD dari tahun 2012 sehingga 2014 berbanding bilangan fail peminjam yang diterima oleh Unit Undang-undang.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
4.4.4.1.e	<p>Analisis Audit mendapati daripada 11,172 fail peminjam yang diterima dari Bahagian Bayaran Balik, 8,578 fail atau 76.8% telah dikeluarkan LOD manakala 2,439 fail atau 21.8% masih belum dikeluarkan LOD setakat 31 Disember 2014.</p>	<p>Tindakan pengeluaran LOD telah diambil ke atas fail peminjam dari masa ke semasa. Tindakan keatas 892 fail yang masih belum dikeluarkan LOD sehingga 19 Jun 2015, kini terdapat 22 buah fail lagi yang masih belum dikeluarkan LOD.</p>
4.4.4.1.f	<p>PTPK memaklumkan tempoh pengeluaran LOD dari 7 hingga 283 hari ialah kerana fail yang perlu dikeluarkan LOD semakin bertambah setiap tahun. Proses pemantauan bayaran balik peminjam juga mengambil masa selama 3 bulan atau lebih sebelum tindakan undang-undang diambil bergantung kepada trend pembayaran balik peminjam terutamanya bagi peminjam yang tidak mengikut jadual pembayaran balik.</p>	
4.4.4.1.g	<p>Ketiadaan penetapan tempoh proses pengeluaran LOD menyebabkan tempoh sebenar pengeluaran LOD bagi baki 2,439 fail sehingga tahun 2014 tidak dapat dipastikan. Ini akan menjejaskan usaha untuk mendapatkan bayaran balik daripada peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik dan yang mempunyai tunggakan kerana tidak membayar mengikut jadual.</p> <p>Pada pendapat Audit ketiadaan tempoh pengeluaran LOD telah menyebabkan PTPK tidak dapat menilai keberkesanan pematuhan kepada polisi.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Unit Undang-undang bersetuju menetapkan tempoh 30 hari daripada tarikh fail peminjam diterima di Unit Undang-undang untuk memproses fail-fail peminjam bagi tujuan pengeluaran LOD pada Jun 2015. Tempoh ini telah dinyatakan di dalam Manual Prosedur Kerja (MPK) bagi proses pengeluaran LOD pada Jun 2015.</i></li> <li><i>ii. Daripada 2,439 fail yang belum dikeluarkan LOD, sebanyak 533 fail peminjam telah diambil tindakan dan baki 1,906 fail peminjam sedang dalam proses semakan dan tindakan susulan Unit Undang-undang. Daripada jumlah 1,906 fail tersebut, 1,114 fail sedang dalam pemantauan menjadikan baki terkini iaitu sebanyak 892 fail. Tindakan pengeluaran LOD akan dilakukan secara berterusan.</i></li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>4.4.4.2</b></p> <p><b>4.4.4.2.d</b></p>	<p><b>LOD Belum Dikeluarkan Bagi Peminjam Yang Mempunyai Tunggakan Melebihi 6 Tahun</b></p> <p>Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2014 terdapat 53,994 fail atau 63.5% yang mempunyai tunggakan 6 tahun ke atas berjumlah RM 260.56 juta masih belum dikeluarkan LOD.</p>	
<p><b>4.4.4.2.e</b></p>	<p>Analisis Audit mendapati Cawangan Penguatkuasaan telah mengeluarkan LOD terhadap 31,035 fail atau 36.5% manakala 53,994 fail atau 63.5% masih belum dikeluarkan LOD berbanding 85,029 fail peminjam yang layak dikeluarkan LOD setakat 31 Disember 2014.</p>	
<p><b>4.4.4.2.f</b></p>	<p>Cawangan Penguatkuasaan memaklumkan bahawa antara cabaran yang dihadapi oleh cawangan ini dalam pengeluaran LOD kepada peminjam adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semakan fail-fail peminjam sama ada notis tuntutan telah dikeluarkan atau belum perlu dibuat secara manual.</li> <li>ii. Tiada kemudahan dalam Sistem Pengurusan Pinjaman seperti <i>profiling history</i> ataupun <i>triggering factor</i> bagi tujuan semakan dan pemantauan bayaran balik pinjaman setelah notis dikeluarkan kepada peminjam.</li> <li>iii. Kekurangan pegawai di Cawangan Penguatkuasaan.</li> <li>iv. Keupayaan mesin mencetak notis LOD juga menjadi faktor kelewatan di mana notis perlu dicetak satu per satu dengan memasukkan nombor akaun peminjam dan bukannya dicetak secara berkumpulan.</li> </ul> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pengeluaran <i>Letter of Demand</i> oleh Cawangan Penguatkuasaan PTPK adalah memuaskan kerana setakat 31 Disember 2014, bilangan peminjam mempunyai tunggakan pinjaman melebihi 6 tahun dan belum dikeluarkan <i>Letter of Demand</i> telah berkurang kepada 63.5% berbanding 2 tahun sebelumnya yang mempunyai 94.9%. Walau bagaimanapun, urusan pengeluaran LOD wajar diperbaiki lagi kerana ianya elemen penting untuk mendapat balik pinjaman.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Statistik pengeluaran LOD yang terkini dari bulan Januari 2015 sehingga Mei 2015 adalah kepada 14,099 peminjam dan 28,198 penjamin. Ia melibatkan pinjaman berjumlah RM53.90 juta. Sejumlah RM1.04 juta daripada RM53.90 juta jumlah patut dikutip telah diterima oleh PTPK.</i></p>	<p>PTPK telah membangunkan Modul Notis Penguatkuasaan (Notis LOD) secara dalaman melalui sistem eSmart PTPK. Sistem ini mula digunakan pada 30 September 2015 dan berjaya mengeluarkan proses LOD seperti yang ditetapkan.</p> <p>Sehingga 31 Oktober 2015, sebanyak 16,734 peminjam dan 33,468 penjamin telah dikeluarkan LOD. Sebanyak RM1.913 juta berjaya dikutip daripada RM66.316 juta patut kutip.</p>
<p><b>4.4.4.3</b></p> <p><b>4.4.4.3.b</b></p>	<p><b>Saman Masih Belum Dikeluarkan</b></p> <p>Semakan Audit terhadap 44 fail peminjam yang telah dikeluarkan LOD setakat 31 Disember 2014 mendapati seramai 13 peminjam telah dikeluarkan saman manakala baki 31 peminjam masih belum dikeluarkan saman. Semakan lanjut mendapati seramai 26 daripada 31 peminjam mempunyai tempoh saman masih belum dikeluarkan iaitu antara 47 hingga 272 hari dengan tunggakan pinjaman berjumlah RM128,083. Semakan lanjut mendapati baki 5 daripada 31 peminjam tidak perlu dikeluarkan saman kerana mempunyai pembayaran balik pinjaman dan sedang dipantau oleh Unit Undang-undang.</p>	
<p><b>4.4.4.3.c</b></p>	<p>Antara sebab kewujudan tempoh saman masih belum dikeluarkan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Keutamaan diberikan kepada fail-fail peminjam yang menghampiri tempoh had masa 6 tahun dari tarikh mula bayaran balik pinjaman atau tarikh akhir bayaran balik pinjaman.</li> <li>ii. Proses pemantauan bayaran balik peminjam mengambil masa selama 3 bulan atau lebih sebelum tindakan undang-undang diambil bergantung kepada trend pembayaran balik peminjam terutamanya bagi peminjam yang tidak mengikut jadual pembayaran balik.</li> <li>iii. Pemfailan saman di Mahkamah Kuala Lumpur dibuat secara atas talian. Kaedah ini hanya membolehkan sebanyak 15 saman sahaja difailkan dalam 1 hari.</li> <li>iv. Kekurangan pegawai bagi memproses kesemua fail peminjam yang layak bagi pengeluaran saman. Sejak tahun 2012 sehingga 2014, Unit Undang-undang hanya mempunyai seorang pegawai berjawatan tetap</li> </ol>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sebagai Pembantu Tadbir bagi menguruskan fail-fail peminjam untuk tindakan pengeluaran saman.</p>	
<p><b>4.4.4.3.d</b></p>	<p>Kesan daripada kewujudan tempoh saman masih belum dikeluarkan menyebabkan <i>backlog</i> fail peminjam yang masih tidak dikeluarkan saman. Berdasarkan senarai fail peminjam yang menghampiri tempoh had masa 6 tahun dari tarikh mula bayaran balik pinjaman atau tarikh akhir bayaran balik pinjaman sehingga 31 Disember 2014, pihak Audit mendapati sejumlah 2,143 atau 43.3% daripada 4,949 fail peminjam masih belum dikeluarkan saman.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan pengeluaran saman dan <i>backlog</i> 2,143 fail peminjam yang masih belum dikeluarkan saman memberi tanggapan PTPK tidak memberi penekanan untuk mengutip balik tunggakan pinjaman. Masalah kekurangan kakitangan wajar diberi perhatian serius untuk mengatasi masalah ini.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun dan 17 September 2015</b></p> <p><i>i. Berdasarkan kiraan semula PTPK yang dibuat setakat 31 Disember 2014, terdapat 9,215 orang peminjam perlu dikeluarkan saman. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,884 orang peminjam telah dikeluarkan saman. Sebanyak 2,449 orang peminjam telah membuat bayaran. Baki yang tidak membuat bayaran dan belum dikeluarkan saman adalah sebanyak 3,882 orang peminjam.</i></p> <p><i>ii. Bermula Januari sehingga Mei 2015 sebanyak 545 fail telah dikeluarkan saman menjadikan baki terkini fail yang belum dikeluarkan saman adalah sebanyak 3,337 fail. Tindakan untuk mengeluarkan saman sentiasa diambil oleh Unit Undang-undang dengan kekangan kakitangan sedia ada.</i></p>	<p>Tindakan untuk mengeluarkan saman sentiasa diambil oleh Unit Undang-undang, PTPK. Sehingga 31 Oktober 2015, dari 3,337 fail, sebanyak 822 fail telah pun dikeluarkan saman. Tindakan untuk mengeluarkan saman bagi 3,074 fail masih dalam tindakan Unit Undang-undang, PTPK.</p>
<p><b>4.4.5</b></p> <p><b>4.4.5.1</b></p> <p><b>4.4.5.1.c</b></p>	<p><b>Pengurusan Aduan</b></p> <p><b>Tiada Daftar Lengkap Menjejak Aduan</b></p> <p>Semakan Audit mendapati Unit Komunikasi Korporat menyenggara senarai statistik aduan bulanan dan tahunan secara manual. Status aduan dikira selesai sekiranya maklumat aduan telah dihantar kepada Bahagian/Unit PTPK terlibat sama ada melalui surat atau emel. Oleh yang demikian, jejak audit</p>	<p>Unit Komunikasi Korporat (UKK), PTPK telah pun mengambil tindakan terhadap aduan yang diterima. Tindakan juga telah pun diambil untuk memudahkan aduan dibuat melalui sistem atas talian. Portal e-Maklumbalas yang dibangunkan secara dalaman telah berjaya menyelesaikan isu-isu mengenai aduan ini.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sesuatu aduan tidak dapat dipastikan kerana terputus selepas aduan diserahkan ke Bahagian/Unit berkaitan untuk tindakan. Walaupun Modul Aduan ada dibangunkan dalam Sistem Pengurusan Pinjaman Integrasi (SPPiN) tetapi sistem ini tergendala dan sedang dalam tindakan lanjut PTPK.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan aduan adalah kurang memuaskan kerana tiada daftar lengkap bagi menjejak aduan dan tidak dapat dipastikan sama ada aduan telah diselesaikan selepas aduan diserahkan oleh Unit Komunikasi Korporat ke Bahagian/Unit berkenaan untuk tindakan. Modul melalui SPPiN boleh meningkatkan sistem penyampaian PTPK kepada pelanggan menerusi aduan yang diterima.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Unit Komunikasi Korporat telah menempatkan seorang pembantu tadbir khusus untuk menyemak, membuat susulan dan pemantauan semua aduan yang telah dihantar ke Bahagian/Cawangan/Unit berkaitan bagi memastikan aduan telah diambil tindakan dan akan dilaporkan di dalam Mesyuarat Eksekutif, PTPK.</i></p>	<p>Sistem eMaklumbalas telah mula digunakan pada 15 Oktober 2015, sehingga 31 Oktober 2015 sebanyak 34 aduan telah diterima dan semuanya dijawab dalam tempoh 3 hari bekerja.</p>
<p><b>4.4.5.2</b></p> <p><b>4.4.5.2 .b</b></p>	<p><b>Peminjam Nafi Buat Pinjaman</b></p> <p>Semakan Audit terhadap senarai aduan di Unit Komunikasi Korporat mendapati 20 aduan penafian peminjam dan penjamin pada tahun 2013 dan 7 aduan pada tahun 2014. Semakan lanjut ke fail aduan bagi tahun 2013 sehingga bulan Mac 2015 mendapati 7 peminjam menafikan pinjaman. Analisis menunjukkan daripada 7 aduan, 4 aduan atau 57.1 % adalah daripada Kolej Teknologi Prodigy dan PTPK seharusnya menjalankan siasatan lanjut terhadap kesahihan kes tersebut dan seterusnya mengambil tindakan jika terdapat salah guna kuasa oleh PL tersebut.</p> <p>Pada pendapat Audit, terdapat ruang penyalahgunaan kuasa oleh PL kerana permohonan pinjaman diuruskan oleh PL. Sekiranya proses permohonan ini tidak diperbaiki, isu penafian pinjaman boleh meningkat dan boleh menyebabkan pinjaman tidak dapat dikutip dan juga menyekat peluang kepada peminjam lain.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Daripada 7 aduan, didapati 5 aduan dinafikan oleh PL sebagai tidak benar. PL telah mengambil langkah-langkah membawa kes ke mahkamah. Manakala 1 kes didapati betul dan PL telah memulangkan balik pinjaman sepenuhnya dan 1 kes lagi LOD telah dikeluarkan. Bahagian Pinjaman Latihan, PTPK telah menambah baik proses semakan dan pengesahan pelatih sebelum dibuat bayaran dengan membuat pengesahan melalui panggilan telefon kepada pelatih dan penjamin sebelum bayaran dilepaskan.</i></p>	
<p><b>4.4.6</b></p> <p><b>4.4.6.1</b></p> <p><b>4.4.6.1.b</b></p>	<p><b>Penemuan Audit Semasa Lawatan Ke Premis Penyedia Latihan</b></p> <p><b>Kesahihan Kehadiran Pelatih Dan Perbezaan Maklumat Tenaga Pengajar</b></p> <p>Lawatan Audit pada 7 Oktober 2014 di Yakin Kerjaya Sdn. Bhd. (Pulau Pinang) mendapati hanya 2 pelatih hadir bagi kursus Pramusaji berbanding 19 yang direkod manakala 3 pelatih hadir bagi kursus IT berbanding 38 yang direkod dalam SPP. Mengikut PL, perbezaan bilangan pelatih adalah kerana mereka sedang mengikuti program latihan praktikal IT di Pusat Latihan Yakin Kerjaya, Bukit Mertajam. Bagaimanapun, lawatan ke Pusat Latihan Yakin Kerjaya, Bukit Mertajam pada 8 Oktober 2014 mendapati kursus IT tidak dikendalikan di premis tersebut dan pihak Audit tidak dapat mengesahkan kewujudan pelatih-pelatih seperti dalam rekod PL.</p>	<p>Penyedia Latihan Yakin Kerjaya Sdn. Bhd. (Pulau Pinang) yang telah tamat tempoh pendaftarannya pada 30 Jun 2015 telah memohon untuk pembaharuan pendaftaran. Oleh kerana PL ini gagal memenuhi syarat asas pembaharuan pendaftaran, iaitu gagal mengemukakan penyata kewangan tahun 2013 dan dalam siasatan Penguatkuasaan, maka PTPK telah membekukan pendaftarannya. Akibatnya segala urusan yang berkaitan dengan pemberian peruntukan pinjaman (kuota) dan pembayaran yuran kepada Penyedia Latihan telah dibekukan. Kedudukan Yakin Kerjaya Sdn. Bhd. ini akan akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk Pendaftaran Penyedia Latihan (JPPL) yang dijadualkan bersidang pada 9 November 2015</p>
<p><b>4.4.6.1.c</b></p>	<p>Cawangan Penguatkuasaan, PTPK telah menjalankan pemeriksaan secara bersepadu bersama Bahagian Penguatkuasaan dan Kawal Selia Jabatan Pembangunan Kemahiran, KSM terhadap Penyedia Latihan Yakin Kerjaya Sdn. Bhd. (Pulau Pinang) pada 11 dan 13 November 2014. Pemeriksaan ke atas pelatih yang sedang mengikuti latihan kemahiran di PL mendapati sebilangan pelatih tidak hadir ke program latihan dan PL mempunyai masalah perjalanan kelas kerana ketiadaan tenaga pengajar. Cawangan Penguatkuasaan PTPK telah mengesyorkan PL tersebut memulangkan balik yuran pinjaman kepada PTPK sekiranya gagal mencari pengganti tenaga pengajar. Selain itu, arahan pembekuan bayaran pinjaman juga disyorkan terhadap semua peminjam di PL ini. Semakan Audit mendapati arahan pembekuan bayaran pinjaman telah dilaksanakan oleh Cawangan Arah Bayar, Bahagian Pinjaman Latihan PTPK bermula pada 19 November 2014 selepas penerimaan memo permohonan pembekuan daripada Cawangan Penguatkuasaan pada tarikh yang sama. Pembekuan bayaran pinjaman ini melibatkan 403 peminjam yang melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM5.36 juta. Berdasarkan Mesyuarat Penentuan Tindakan Ke Atas Ke Atas Lawatan</p>	<p>PTPK telah menjalankan pemeriksaan secara bersepadu bersama Bahagian Penguatkuasaan dan Kawal Selia Jabatan Pembangunan Kemahiran bagi memastikan Penyedia Latihan sentiasa mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sehingga 31 Oktober 2015, sebanyak 384 PL telah dibuat lawatan yang melibatkan 23,790 pelatih tahun 2014 dan sebanyak 17,229 yang melibatkan pelatih pada tahun 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>Pemeriksaan Ke Penyedia Latihan yang dipengerusikan oleh Pengurus Besar (Operasi) PTPK pada 6 Januari 2015, jawatankuasa ini mengesyorkan pemberian kuota kepada PL ini dikurangkan berdasarkan bilangan peminjam yang hadir semasa lawatan dijalankan. Selain itu, mesyuarat bersetuju supaya bayaran PLK dilepaskan semula kepada peminjam setelah dibekukan sementara sebelum ini dengan syarat pegawai PTPK yang bertanggungjawab perlu membuat pengesahan pelatih melalui panggilan telefon serta kegagalan PL mengemukakan nombor telefon pelatih yang dikemaskini akan mengakibatkan arahan bayaran pinjaman dibatalkan. Bagi permohonan baru, pelatih baru akan disahkan latihan di PL tersebut sebelum meluluskan permohonan.</p>	
<p><b>4.4.6.1.d</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati wujud perbezaan antara senarai tenaga pengajar di SPP, PTPK dengan carta organisasi di 4 premis PL iaitu Yakin Kerjaya Sdn. Bhd, Yahos Sdn. Bhd, Kolej SMI Training Centre SEGI (Kuching) dan Kolej A.I.T.C. (Kuching). Perbezaan yang dikesan ialah nama tenaga pengajar tersebut aktif di SPP tetapi tiada maklumat terperinci/luput dan tiada maklumat di Carta Organisasi PL atau sebaliknya.</p> <p>Pada pendapat Audit, ketidakhadiran pelatih dan pengendalian program Kursus IT di premis Penyedia Latihan menimbulkan keraguan sama ada pelatih wujud atau tidak menghadiri latihan. Selain itu, maklumat tenaga pengajar yang tidak dikemas kini di SPP juga menimbulkan keraguan atas kelayakan dan kewujudan mereka.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun dan 17 September 2015</b></p> <p><i>JPK telah mengambil tindakan menggantung pentauliahan dan pengambilan pelatih di Yakin Kerjaya Sdn. Bhd mulai Januari 2015. Manakala pengemaskinian maklumat personel di PTPK adalah merupakan tanggungjawab Penyedia Latihan memandangkan ia akan memberi implikasi ke atas permohonan pinjaman latihan kemahiran secara atas talian. Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah melaksanakan pemantauan Pusat Bertauliah (PB) yang bermasalah sejak tahun 2013 di seluruh negara. Pemantauan ini dihadiri bersama oleh 2 orang pegawai daripada JPK. PB yang ingin membuat pindaan personel pentauliahan hendaklah mengemukakan permohonan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>4.4.7</b></p> <p><b>4.4.7.1</b></p>	<p><b>Peralatan Di Premis Penyedia Latihan Tidak Selaras Dengan Bilangan Pelatih</b></p> <p>Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab memastikan Sijil Pentauliahan yang dikeluarkan mematuhi Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahan Pusat Bertauliah di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia berasaskan <i>National Occupational Skills Standard</i> (NOSS) tahun 2012. Para 4.5.2 panduan tersebut menetapkan PL untuk menyediakan dan memastikan kuantiti kelengkapan, peralatan dan bahan mencukupi mengikut bilangan pelatih dan memastikan peralatan berfungsi dengan baik dan selamat untuk digunakan.</p>	
<p><b>4.4.7.2</b></p>	<p>Berdasarkan rekod PTPK, Yakin Kerjaya Sdn. Bhd. (Pulau Pinang) telah menggunakan 38 daripada 63 kuota pinjaman yang diluluskan bagi Kod Kemahiran IT-080-2 (Tahap 2) berjumlah RM205,200. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 7 Oktober 2014 ke premis PL ini mendapati kapasiti bilik latihan IT mengikut bilangan kerusi meja yang disediakan hanya untuk 9 pelatih sahaja dengan anggaran penggunaan pinjaman berjumlah RM48,600. Oleh itu kuota yang diluluskan didapati tidak selaras dengan kemudahan yang disediakan dengan lebih sebanyak RM156,600.</p> <p>Pada pendapat Audit, Penyedia Latihan tidak mematuhi syarat pemberian sijil pentauliahan dari Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia kerana gagal memastikan peralatan lengkap dan berfungsi.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Susulan lawatan PTPK dan JPK yang dijalankan pada 13 November 2014 mendapati pengagihan kuota ke PL ini telah dibekukan.</i></p>	
<p><b>4.4.8</b></p> <p><b>4.4.8.1</b></p>	<p><b>Pembangunan Sistem SPPiN Gagal Disiapkan</b></p> <p>PTPK telah menggunakan Sistem Pengurusan Pinjaman (SPP) untuk merekodkan pendaftaran PL, permohonan dan arahan bayar pinjaman sejak penubuhannya pada tahun 2006 dan ditambah dengan fungsi <i>online</i> untuk Penyedia Latihan mulai tahun 2010 bagi permohonan pinjaman. Pada tahun 2012, PTPK telah melantik Teliti Komputers Sdn. Bhd. melalui tender terhad dengan kos RM2.63 juta untuk menyediakan Sistem Pengurusan Pinjaman Integrasi (SPPiN) secara pangkalan data berpusat dan meluaskan modul sedia ada. Skop projek mengandungi perkakasan, perisian dan sistem aplikasi. Tempoh kontrak adalah selama setahun iaitu dari 1 Disember 2012</p>	<p>Proses untuk pembangunan semula Sistem SPPiN telah diambil dan di jadualkan untuk ditender pada 15 Disember 2015. Tindakan ke atas vendor yang lama iaitu Syarikat Teliti Komputers Sdn. Bhd juga akan diambil sebaik sahaja kos tender sebenar diperolehi. Vendor yang lama akan dituntut untuk menanggung perbezaan harga kontrak iaitu di antara harga tender yang lama dengan harga tender yang baru selaras dengan klausa 21.2(c) (iii) dalam dokumen kontrak di antara PTPK dan Syarikat Teliti Komputers Sdn. Bhd.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sehingga 30 November 2013. Lanjutan masa telah diluluskan bagi tempoh 1 Disember sehingga 17 Mei 2014. Pembekal telah dikenakan <i>Liquidated Ascertained Damages</i> (LAD) dari 18 Mei 2014 hingga 18 Julai 2014 berjumlah RM9,817 kerana tidak dapat menyiapkan sistem mengikut tempoh masa yang ditetapkan.	
4.4.8.2	PTPK telah menamatkan kontrak pada 18 Julai 2014 melalui suratnya kepada pembekal bertarikh 2 Oktober 2014. Penamatan kontrak ini dibuat oleh PTPK kerana pembekal gagal melepasi ujian <i>user acceptance test</i> untuk 12 daripada 13 modul SPPiN, tiada integrasi antara modul dan gagal tahap penyediaan skrin antara muka pengguna. Kemajuan projek pada tarikh penamatan kontrak ialah 86% dan bayaran diluluskan berjumlah RM2.02 juta iaitu 76.6% daripada kos projek dan jaminan bank berjumlah RM131,836 telah dituntut oleh PTPK sebagai ganti rugi pada 19 Mei 2015.	
4.4.8.3	Semakan lanjut mendapati sejumlah RM975,714 atau 63.1% daripada RM1.55 juta kos pembangunan aplikasi telah dibayar kepada pembekal. Oleh itu sejumlah RM1.29 juta atau 67.5% daripada RM1.91 juta telah dibayar untuk pembangunan aplikasi bagaimanapun 12 daripada 13 modul gagal berfungsi mengikut keperluan pengguna.	
4.4.8.4	<p>Semakan Audit mendapati PTPK tidak menggunakan klausa 21.2 (c) (ii) dalam dokumen kontrak yang menetapkan PTPK boleh mengambil tindakan ke atas pembekal bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami akibat daripada penamatan kontrak ini dan klausa 21.2 (c) (iii) yang menetapkan PTPK boleh melantik kontraktor lain untuk menyiapkan sistem dan pembekal akan membayar kepada PTPK kos tambahan tersebut sekiranya kontrak belum ditamatkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, berlaku pembaziran kerana 12 daripada 13 modul aplikasi sistem tidak boleh digunakan oleh PTPK yang mana telah melibatkan perbelanjaan perolehan SPPiN sejumlah RM2.02 juta. PTPK juga tidak menjaga kepentingan Kerajaan kerana tidak menggunakan klausa 21.2 (c) (ii) dan (iii) dalam dokumen kontrak.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Sistem Pengurusan Pinjaman Berintegrasi (SPPiN). Sistem ini yang terdiri daripada 13 modul telah diujikaji di setiap peringkat seperti yang dijadualkan di dalam Kontrak Perjanjian. PTPK tidak berpuas hati kerana hanya satu modul sahaja yang berfungsi sepenuhnya. PTPK juga berpendapat sekiranya</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>kesemua modul ini diintegrasikan sudah pasti ia tidak dapat berfungsi seperti yang dikehendaki. PTPK menamatkan kontrak setelah mengambilkira perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. PTPK memberi peluang kepada pihak Syarikat untuk membuat pengujian ke atas 3 modul yang masih dibangunkan walaupun arahan pemberhentian telah dikeluarkan dan ia dilakukan pada 18hb Ogos 2014. Namun, hasil sesi pengujian tersebut sistem masih gagal berfungsi sebagaimana yang diperlukan oleh pengguna sistem.</li> <li>ii. Sehubungan itu, satu mesyuarat telah diadakan pada 19 September 2014 dan mesyuarat memutuskan supaya projek ini perlu ditamatkan berkuatkuasa pada 18 Julai 2014.</li> <li>iii. Selepas penamatan dibuat, PTPK telah meneliti tuntutan bayaran berasaskan kepada setakat mana kerja-kerja dilakukan selaras dengan Jadual Bayaran yang termaktub di dalam Dokumen Kontrak Perjanjian.</li> <li>iv. PTPK juga telah mengambil tindakan ke atas Syarikat seperti berikut:- <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengenaan caj Liquidated Ascertained Damages (LAD) sebanyak RM9,817.08 berdasarkan kepada pengiraan yang terdapat di dalam Kontrak Perjanjian</li> <li>• Bon Pelaksanaan berjumlah RM 131,836.22 telah dirampas sebagai gantirugi</li> </ul> </li> </ol> <p>Oleh kerana SPPiN telah gagal dibangunkan oleh Syarikat Teliti Computers Sdn. Berhad, PTPK terpaksa membangunkan "sistem sementara" yang dilaksanakan secara dalaman bagi proses-proses kerja yang tergendala di peringkat pengguna yang patut ada dalam Sistem SPPiN. PTPK juga telah membuat keputusan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT PTPK Bil.2 tahun 2015 di mana pihak PTPK bersetuju supaya Pembangunan Sistem Menggunakan Vendor Baru Secara Sepenuhnya bagi pembangunan Sistem Baru dengan tempoh pelaksanaan yang hendaklah dipercepatkan iaitu 6-9 bulan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>4.4.9</b></p> <p><b>4.4.9.1</b></p>	<p><b>Pemantauan Pengurusan Pinjaman</b></p> <p>Pemantauan adalah elemen pengurusan yang penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi pada peringkat awal dan membolehkan tindakan diambil dengan segera untuk memperbaiki atau menyelesaikannya. Pemantauan pengurusan pinjaman di PTPK dijalankan oleh 5 jenis jawatankuasa yang ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Induk Pendaftaran Penyedia Latihan, Jawatankuasa Kerja Kajian Semula Kadar Pinjaman PTPK dan Program Baru Untuk Dibiayai, Jawatankuasa Kerja Pendaftaran Penyedia Latihan dan Program Latihan Kemahiran, Jawatankuasa Penentuan Kuota dan Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran.</p>	<p>Takwim Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa bagi tahun 2016 telah pun disediakan untuk memastikan Mesyuarat dijalankan seperti mana yang telah dijadualkan.</p>
<p><b>4.4.9.2</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap kekerapan pelaksanaan mesyuarat adalah mengikut keperluan kecuali Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman dan Latihan Kemahiran yang hanya bermesyuarat sekali setahun. Jawatankuasa ini sepatutnya membincangkan perkara berkaitan dengan kutipan bayaran balik pinjaman seperti pembiayaan kursus yang relevan dan memenuhi permintaan pasaran, penyediaan saluran bayaran balik, pemberian insentif, <i>tracer study</i>, pelaporan prestasi kutipan bayaran balik bagi tahun sebelum dan semasa serta syor kelulusan hapus kira pinjaman yang berkenaan.</p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan yang diwujudkan oleh PTPK telah dilaksanakan dengan baik kecuali Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman dan Latihan Kemahiran yang hanya bermesyuarat setahun sekali berbanding pelbagai perkara berkaitan kutipan bayaran balik yang dipertanggungjawabkan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada PTPK Diterima Pada 19 Jun 2015</b></p> <p><i>Bagi kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Kutipan Bayaran Balik Pinjaman Latihan Kemahiran bersidang, PTPK telah mensasarkan untuk mengadakan mesyuarat ini minimum 3 kali setahun mulai tahun 2015 bagi pemantauan berkala prestasi dan cara peningkatan bayaran balik pinjaman.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**Majlis Sukan Negara**

**Perenggan 5 : Pengurusan Pembinaan Dan Penyenggaraan Kompleks Sukan**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>5.4.1</b></p> <p><b>5.4.1.1</b></p>	<p><b>Prestasi Projek</b></p> <p>Pada 31 Mei 2005, MSN telah melantik Aspacia Construction &amp; Development Sdn. Berhad bagi melaksanakan Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, Kuala Lumpur dengan kos berjumlah RM4.58 juta dan tarikh siap kerja pada 16 April 2007. Bagaimanapun, kontraktor ini ditamatkan kontrak pada 1 Ogos 2006 kerana gagal memulakan kerja dalam tempoh 2 minggu dari tarikh milik tapak pada 17 Julai 2006 dan gagal menyerahkan bon pelaksanaan sejumlah RM229,039, polisi tanggungan awam berjumlah RM1 juta, nombor pendaftaran Skim Keselamatan Sosial Pekerja serta polisi insurans kerja berjumlah RM4.58 juta. Syarikat Ikatan Mahir Sdn. Berhad pula dilantik melalui tender terbuka pada tahun 2007 bagi melaksanakan kerja pembinaan dengan kos berjumlah RM11.52 juta. Kontraktor ini telah ditamatkan kontraknya pada 3 Mac 2010 kerana lewat menyiapkan projek dengan kemajuan kerja hanya 50% atau lewat selama 240 hari walaupun telah diberi EOT selama 176 hari. Syarikat Kumpulan Awambina Sdn. Berhad dilantik sebagai kontraktor penyelamat melalui tender terhad pada 1 Jun 2011 dengan kos sejumlah RM13.32 juta. Tempoh projek adalah selama satu tahun dan sepatutnya siap pada 13 Jun 2012.</p>	
<p><b>5.4.1.2</b></p>	<p>Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin, Pahang telah dilaksanakan oleh Syarikat Vastec Engineering Sdn. Berhad pada bulan September 2007 dengan kos berjumlah RM3.59 juta dan dijangka siap pada 2 Mei 2008. MSN telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap pada 9 Disember 2008 dan menamatkan kerja kontraktor secara persetujuan bersama pada 1 Mac 2009. Ini disebabkan kontraktor memohon ditamatkan kontrak memandangkan kontraktor menghadapi masalah kewangan akibat daripada kenaikan harga bahan binaan. Status pelaksanaan projek adalah 88% siap atau lewat selama 286 hari dan sebanyak 3 EOT telah diluluskan selama 271 hari. Pada 30 Ogos 2009, Syarikat Syed Othman Anak Beranak</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	telah dilantik sebagai kontraktor penyelamat melalui tender terbuka dengan kos berjumlah RM1.99 juta.	
5.4.1.3	MSN juga telah melantik QSE Construction Sdn. Berhad melalui tender terbuka untuk melaksanakan Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Jalan Raja Muda, Kampong Baru Kuala Lumpur dengan nilai kontrak berjumlah RM12.30 juta. Projek ini dikawal selia oleh Jabatan Kerja Raya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai Agensi Pelaksana. Projek telah disiapkan pada 3 Ogos 2012 berbanding tarikh siap yang ditetapkan pada 10 Julai 2012 selepas diberi EOT selama 24 hari.	
5.4.1.4	Projek Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet, Bukit Jalil Kuala Lumpur pula bermula pada 19 September 2011 oleh syarikat RuffNTuff Sdn. Berhad dengan kos berjumlah RM8.87 juta. Pelantikan kontraktor adalah melalui tender terbuka dan sepatutnya siap pada 16 September 2012.	
5.4.1.5	Semakan Audit mendapati Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, Kuala Lumpur hanya siap pada 2 Mei 2013 iaitu lewat selama 323 hari selepas diberi 5 EOT selama 294 hari. Kontraktor telah dikenakan penalti Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) sejumlah RM670,346.	
5.4.1.6	Kontraktor penyelamat bagi Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin telah diluluskan sebanyak 2 EOT selama 88 hari dan tarikh tamat EOT kedua adalah pada 28 Jun 2010. Kerja pembinaan telah disiapkan pada 8 Ogos 2011 iaitu selepas tarikh tamat EOT dengan kelewatan selama 365 hari berbanding tarikh sepatutnya siap asal pada 31 Mac 2010. Kontraktor telah dikenakan penalti LAD sejumlah RM78,000.	
5.4.1.7	<p>Semakan lanjut mendapati kontraktor Projek Pembinaan Pusat Latihan Menembak Atlet, Bukit Jalil telah diluluskan sebanyak 2 EOT selama 248 hari dan tarikh tamat EOT kedua adalah pada 22 Mei 2013. Projek hanya siap pada 17 September 2013 iaitu 178 hari selepas tarikh tamat EOT kedua atau kelewatan selama 369 hari dari tarikh siap asal. Kontraktor telah dikenakan LAD sejumlah RM179,605.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju, Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin dan Pusat Latihan Menembak Atlet adalah kurang memuaskan kerana projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015 Dan 15 September 2015</b></p> <p><i>Semua projek tersebut telah dilaksanakan tanpa melebihi siling peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan. Faktor yang mengakibatkan projek tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan adalah pengurusan projek oleh pihak kontraktor yang lemah, prestasi perunding tidak mencapai kualiti yang ditetapkan, penelitian, penyemakan dan pembaikan terhadap struktur bangunan yang perlu dilaksanakan akibat projek yang terbengkalai hampir 2 tahun, bencana alam, kenaikan harga barang binaan, pembekal di luar Negara yang tidak dapat membekal peralatan mengikut keperluan kontrak. MSN tidak membayar sebarang tuntutan preliminary kepada kontraktor walaupun EOT diluluskan.</i></p> <p><i>Tindakan yang telah diambil oleh pihak MSN terhadap kelewatan ini adalah menyediakan laporan prestasi perunding dan dihantar kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk tindakan, yuran perunding tidak dibayar sepenuhnya sehingga projek mendapat Perakuan Kelayakan Menduduki (CF) dan akaun projek dimuktamadkan, mengenakan LAD dan mengeluarkan Notis Kelewatan Dan Kemungkiran kepada kontraktor.</i></p> <p><i>i. Kompleks MSN Wangsa Maju</i></p> <p><i>Prestasi kontraktor Ikatan Mahir Sdn. Berhad amat mengecewakan dengan pengurusan kewangan yang lemah dan banyak menimbulkan masalah semasa projek berjalan. Kontraktor telah diberi amaran secara bersurat dan lisan semasa mesyuarat tapak. Kontraktor telah ditamatkan kontrak pada 3 Mac 2010 oleh Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) peringkat kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Belia Dan Sukan. JKPS telah melantik kontraktor Kumpulan Awambina Sdn. Berhad sebagai kontraktor penyelamat setelah senarai kontraktor berwibawa diperoleh daripada Jabatan Kerja Raya (JKR). Pada permulaan pelaksanaan projek, kontraktor telah diarahkan untuk melaksanakan pemeriksaan secara menyeluruh terhadap struktur bangunan dan kolam akibat projek terbengkalai selama hampir 2 tahun dan terdapat banyak kerja membaikpulih yang perlu dilaksanakan. Prestasi syarikat mula menurun selepas 5 hingga 6 bulan kerja pembaikan selesai. Ini disebabkan kontraktor menumpukan sepenuhnya kepada projek agensi lain yang perlu diselesaikan dahulu. Surat amaran berserta amaran lisan di dalam mesyuarat tapak telah diberikan oleh pihak perunding berkaitan kelewatan pihak kontraktor. Bagaimanapun, projek ini dapat disiapkan pada 2 Mei 2013 dan mendapat Sijil Layak Menduduki.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>ii. Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin</i></p> <p><i>Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin lewat disiapkan adalah disebabkan berlakunya banjir besar pada tahun 2008 yang menjejaskan perjalanan projek. Prestasi kontraktor Vastec Engineering Sdn. Berhad adalah memuaskan tetapi disebabkan kos bahan binaan meningkat pada tahun 2008, kontraktor tidak mampu meneruskan projek ini dan memohon penamatan kontrak secara persetujuan bersama. Prestasi kontraktor Syed Othman Anak Beranak kurang memuaskan setelah melaksanakan projek selama 6 bulan adalah disebabkan masalah kewangan, pengurusan tapak yang lemah dan kekurangan pekerja di tapak bina. Projek ini telah siap dibina pada 22 Julai 2011 dan mendapat Sijil Perakuan Siap Dan Pematuhan (CCC) daripada arkitek.</i></p> <p><i>iii. Projek Pembinaan Pusat Latihan Menembak, Bukit Jalil</i></p> <p><i>Projek lewat disiapkan adalah disebabkan pertukaran sistem sasaran 25 meter daripada manual kepada elektronik. Pertukaran ini berlaku kerana pembekal yang dipilih RIKA (jenama daripada Jerman) tidak dapat membekalkan sistem sasaran 25 meter jenis manual. Ini disebabkan pengilang tidak dapat mengeluarkan alat ganti bagi sistem manual dan masalah ini mungkin tidak dapat diselesaikan dalam tempoh kontrak yang boleh mengakibatkan kerugian kepada MSN. Berdasarkan kepada keperluan pertandingan terkini pada peringkat antarabangsa, sistem elektronik adalah penting disebabkan pertandingan peringkat antarabangsa menggunakan sepenuhnya sistem sasaran elektronik.</i></p>	
<p><b>5.4.2</b></p> <p><b>5.4.2.1</b></p>	<p><b>Prestasi Kewangan</b></p> <p>MSN menerima peruntukan RMK-8 hingga RMK-10 bagi Kompleks MSN Wangsa Maju berjumlah RM24.80 juta, Kompleks MSN Kuala Rompin berjumlah RM6.10 juta, Kompleks MSN Jalan Raja Muda berjumlah RM15 juta dan Pusat Latihan Menembak Atlet berjumlah RM11.40 juta. Sehingga bulan Disember 2014, perbelanjaan yang dikeluarkan bagi kesemua projek tersebut adalah berjumlah RM49.59 juta atau 86.5%.</p>	
<p><b>5.4.2.2</b></p> <p><b>5.4.2.2.a</b></p>	<p><b>Peningkatan Kos Projek</b></p> <p>Semakan Audit mendapati kos Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju telah meningkat sejumlah RM8.74 juta atau melebihi 100% iaitu daripada RM4.58 juta menjadi RM13.32 juta selepas 2 kontraktor dilantik.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.2.2.b	<p>Pihak Audit mendapati kos projek meningkat sejumlah RM6.94 juta atau melebihi 100% iaitu daripada RM4.58 juta menjadi RM11.52 juta kerana perubahan skop kerja antaranya <i>piling works</i>, bangunan kemudahan, kolam renang, <i>external works</i>, kerja mekanikal dan elektrik.</p>	
5.4.2.2.c	<p>Semakan lanjut juga mendapati berlaku peningkatan kos projek RM1.80 juta atau 15.6% daripada RM11.52 juta iaitu kos projek kontraktor ke-2 berbanding dengan kos projek kontraktor penyelamat. Ini disebabkan oleh peningkatan kos terhadap <i>rectification works</i> sejumlah RM0.31 juta yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor penyelamat. Selain itu, peningkatan kos juga antaranya melibatkan <i>external works</i> sejumlah RM1.63 juta dan kerja mekanikal dan elektrik berjumlah RM848,290.</p> <p>Pada pendapat Audit, perancangan projek pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju adalah kurang memuaskan kerana gagal disiapkan mengikut jadual menyebabkan MSN menanggung kenaikan kos projek sejumlah RM8.74 juta. Ini mengakibatkan kos tambahan kepada Kerajaan kerana perlu menyalurkan peruntukan tambahan kepada MSN bagi menampung kenaikan kos projek.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015</b></p> <p><i>Skop tambahan merangkumi bangunan kemudahan sukan (2 tingkat) yang terdiri daripada 9 gelanggang badminton, bilik mesyuarat, ruang pejabat, bilik persalinan berserta tandas dan surau, kolam renang dan jogging track. Skop tambahan ini telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan diluluskan dengan kos tambahan sejumlah RM11.7 juta.</i></p>	
5.4.3	<p><b>Pengurusan Projek Pembinaan</b></p>	
5.4.3.1	<p><b>Pelanjutan Masa</b></p>	
5.4.3.1.a	<p>Kontraktor boleh diberi EOT berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam kontrak antaranya kelewatan atau kerosakan yang disebabkan oleh perkara luar jangka, cuaca luar biasa dan masalah teknikal.</p>	
5.4.3.1.b	<p><b>Kelewatan Permohonan dan Kelulusan EOT</b></p> <p>Berdasarkan kepada Klausula 43 dalam perjanjian, kontraktor hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada Pegawai Penguasa bagi memohon EOT</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sekiranya terdapat kelewatan dalam kemajuan kerja. Pegawai Penguasa pula hendaklah meluluskan permohonan tersebut sebelum tarikh siap atau tarikh EOT yang ditetapkan tamat. Semakan Audit mendapati kontraktor lewat mengemukakan permohonan EOT antara 97 dan 153 hari bagi Projek Pembinaan Kompleks MSN Wangsa Maju.</p>	
<p><b>5.4.3.1.c</b></p>	<p>Semakan lanjut mendapati MSN telah lewat memberi kelulusan EOT antara 56 hingga 106 hari daripada tarikh mohon EOT sebelumnya.</p> <p>Pada pendapat Audit, kelewatan permohonan dan kelulusan EOT menunjukkan kontraktor dan MSN tidak peka terhadap syarat kontrak dan peraturan Kerajaan yang perlu dipatuhi.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015</b></p> <p><i>Kontraktor bertanggungjawab untuk memohon EOT baru sebelum tarikh tamat EOT seperti yang dinyatakan dalam syarat kontrak. Selain itu, perunding bertanggungjawab untuk mengarahkan kontraktor mengemukakan permohonan EOT, menyemak dan menilai EOT terlebih dahulu sebelum dimuktamadkan serta dicadangkan kepada MSN. Kelemahan pihak perunding juga diakui oleh MSN dalam menilai dan lewat mencadangkan jumlah EOT kepada MSN mengakibatkan kelewatan pengeluaran sijil EOT. Perkara ini juga menjadi faktor kepada prestasi projek MSN yang lewat dilaksanakan. EOT yang diberi kepada semua kontraktor adalah mengikut klausa 43-Pelanjutan Masa dalam Dokumen Kontrak. Pihak perunding juga telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) kepada kontraktor selepas tarikh EOT tamat. Ini adalah peraturan Kerajaan yang perlu dipatuhi untuk mengelakkan implikasi kepada kontrak.</i></p>	<p>Tanggungjawab memohon EOT baru adalah merupakan tanggungjawab kontraktor dan perlu dipohon sebelum EOT semasa tamat tempohnya. Selain dari itu, juruperunding turut bertanggungjawab untuk memastikan kontraktor mengemukakan permohonan EOT baru dan membuat semakan serta penilaian terhadap permohonan EOT tersebut. Walau bagaimanapun, kedua-dua kontraktor dan juruperunding gagal melaksanakan tanggungjawab mereka. Pihak MSN menyedari kelewatan ini dan telah memastikan isu perlanjutan masa ini sebagai agenda tetap mesyuarat tapak projek tersebut, ekoran dari itu juga, pihak juruperunding telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) kepada kontraktor setelah EOT lama tamat. Disamping itu, pihak MSN telah mengenakan LAD kepada kontraktor berkenaan dan laporan prestasi juruperunding turut dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan.</p>
<p><b>5.4.3.2</b></p> <p><b>5.4.3.2.a</b></p>	<p><b>Pembayaran Kemajuan Kerja Kepada Kontraktor</b></p> <p>Mengikut Klausa 47 (b) dalam perjanjian, perakuan bayaran interim perlu dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh penilaian kerja dibuat. Klausa 47 (d) dalam perjanjian pula menyatakan bayaran perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh perakuan interim kerja. Semakan Audit mendapati MSN telah lewat membuat bayaran kemajuan kerja kepada kontraktor bagi Projek Menaik Taraf Kompleks MSN Kuala Rompin antara 31 hingga 66 hari dari tarikh perakuan bayaran interim.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015</b></p> <p><i>MSN mengakui kelewatan membuat bayaran kepada ketiga-tiga kontraktor tersebut. Ini disebabkan oleh MSN perlu membuat semakan terperinci dengan perunding projek yang memerlukan masa sebelum bayaran berkenaan dibuat. Projek yang dijalankan ini merupakan projek yang bermasalah dan kawalan kepada kualiti kerja perlu dipastikan dan disahkan sebelum sesuatu bayaran dibuat. Bagaimanapun, MSN akan memantau dan memastikan perkara ini tidak berulang.</i></p>	
<p><b>5.4.3.3</b></p>	<p><b>Perakuan Kelayakan Menduduki Atau Perakuan Siap Dan Pematuhan</b></p> <p>Kontraktor hendaklah mendapatkan <i>Certificate of Fitness for Occupation</i> (CFO) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau <i>Certificate of Completion and Compliance</i> (CCC) daripada Badan Profesional sebelum sesuatu bangunan dapat diduduki. CCC hanya boleh dikeluarkan setelah semua pihak berkenaan berpuas hati bahawa pembinaan tersebut telah diawasi dan disiapkan mengikut perundangan dan syarat dalam Kelulusan Pelan Bangunan seperti yang ditetapkan oleh PBT. Perakuan CCC hanya berkuat kuasa mulai 13 April 2007 dan keperluan untuk mendapatkan CFO masih dikekalkan bagi pelan bangunan yang telah diluluskan atau telah dikemukakan kepada PBT sebelum CCC berkuat kuasa.</p> <p>Semakan Audit mendapati Bangunan Gimnasium 3 yang mengandungi dewan gimnastik, ruang latihan sukan dan ruang pejabat telah siap pada 12 Disember 2007 kecuali Pusat Latihan Menembak Atlet di bangunan tersebut yang hanya disiapkan pada 17 September 2013. Bangunan Gimnasium 3 telah digunakan untuk latihan sukan mulai tahun 2008 tetapi CFO atau CCC belum diperolehi sehingga tarikh pengauditan. Perkara ini disebabkan kelewatan menyiapkan Pusat Latihan Menembak Atlet dan pintu rintangan api yang tidak memenuhi spesifikasi pihak bomba.</p> <p>Pada pendapat Audit kegagalan mendapatkan CF atau CCC menyebabkan pengguna tidak dilindungi sekiranya berlaku perkara yang di luar jangkaan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015 Dan 15 September 2015</b></p> <p><i>Pemeriksaan tidak rasmi pihak bomba pada bulan Jun 2015 di Gimnasium 3 mendapati sebanyak 3 pintu rintangan api di ruang latihan gimnastik perlu ditukar kerana sistemnya telah rosak. Kelewatan pembaikan adalah</i></p>	<p>Kerajaan telah peruntukan sebanyak RM43 juta untuk pembinaan Gimnasium 3 di bawah Program Gemilang 2006 sebagai penyediaan atlet ke arah Sukan Asia dan Sukan Komanwel 2006. Skop pembinaan Gimnasium 3 turut merangkumi Pusat Latihan Menembak. Pengurusan Majlis telahpun mendapat kelulusan merancang daripada DBKL untuk kedua-dua bangunan ini. Walau bagaimanapun, pembinaan Gimnasium 3 yang siap pada 15 Jun 2007 tanpa pembinaan Pusat Latihan Menembak disebabkan kekangan peruntukan kewangan. Berdasarkan kepada perbincangan pihak perunding dengan DBKL, permohonan CF perlu merangkumi keseluruhan skop Gimnasium 3 dan Pusat Latihan Menembak</p> <p>Di dalam RMK10, pembinaan Pusat Latihan Menembak telah diluluskan sebanyak RM10 juta dan telah siap pada 17 September 2013. Proses permohonan CF telah bermula pada awal Januari 2014 dan pada ketika ini pengurusan Majlis dalam proses membaikpulih kerosakan-kerosakan bagi mematuhi kehendak pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat. Kerja-kerja ini dijangka siap pada 15 November 2015. Pengurusan Majlis akan berusaha untuk mendapatkan surat sokongan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat pada Disember 2015 yang membolehkan permohonan CF dilaksanakan seterusnya.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>disebabkan pintu tersebut diimport dari luar negara. Perkara ini telah dimaklumkan pada pihak bomba dan pembaikan dijangka siap sepenuhnya pada akhir bulan September 2015 serta kelulusan daripada pihak bomba dijangka diperolehi pada bulan Oktober 2015. Gimnasium 3 juga telah dikenal pasti untuk dinaik taraf dalam penyediaan venue ke arah Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur.</p>	
<p><b>5.4.4</b></p>	<p><b>Kualiti Pembinaan</b></p> <p>Berdasarkan syarat kontrak, kontraktor hendaklah dimaklumkan secara bertulis terhadap kecacatan dan ketidaksempurnaan atau kerosakan yang disebabkan oleh bahan, barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati kontrak dalam tempoh tanggungan kecacatan. Kontraktor pula hendaklah membaiki semua kecacatan dan kerosakan dengan perbelanjaannya sendiri. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian dalam tempoh yang ditetapkan, MSN berhak meminta pihak lain melakukan kerja pembaikan dan memotong bon pelaksanaan kontrak. Lawatan Audit ke Kompleks MSN Wangsa Maju dan Kompleks MSN Jalan Raja Muda mendapati kualiti pembinaan adalah kurang memuaskan.</p>	
<p><b>5.4.4.1</b></p>	<p><b>Kompleks MSN Wangsa Maju</b></p>	
<p><b>5.4.4.1.a</b></p>	<p>Semakan Audit terhadap Laporan Penilaian Kerja-kerja Pembinaan yang disediakan oleh perunding mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor kedua iaitu Ikatan Mahir Sdn. Berhad kurang memuaskan. Tembok penahan yang dibina tidak mengikut spesifikasi dan berbeza dengan lukisan kontrak.</p>	
<p><b>5.4.4.1.b</b></p>	<p>Semakan lanjut mendapati MSN telah melantik Kumpulan IKRAM Sdn. Berhad sebagai penyemak bebas bagi memastikan tembok penahan di Kompleks MSN Wangsa Maju yang direka bentuk selamat dibina dan berfungsi dengan baik. Skop kerja yang terlibat adalah memeriksa kestabilan dan ketahanan tembok, memeriksa dan membuat kajian tanah pada tembok penahan dan mengemukakan konsep reka bentuk kerja pembaikan tembok penahan. MSN juga telah membayar sejumlah RM74,626 pada 25 Februari 2011 kepada Kumpulan IKRAM Sdn. Berhad.</p>	
<p><b>5.4.4.1.c</b></p>	<p>Kumpulan IKRAM Sdn. Berhad telah mengeluarkan laporan kepada MSN pada bulan Mac 2010 dan mencadangkan 3 jenis kerja pembaikan yang melibatkan kos antara RM440,000 hingga RM480,000. Bagaimanapun, cadangan tersebut tidak dilaksanakan oleh MSN kerana melibatkan penambahan kos pembaikan tembok penahan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.4.1.d	Semakan Audit mendapati MSN telah mengarahkan kontraktor penyelamat iaitu Kumpulan Awambina Sdn. Berhad untuk merobohkan dan membina semula tembok penahan tersebut yang hanya melibatkan kos sejumlah RM183,368 dan telah disiapkan dalam tempoh kontrak.	
5.4.4.1.e	<p>Lawatan Audit pada 17 November 2014 di Kompleks MSN Wangsa Maju mendapati kualiti kerja pembinaan kontraktor penyelamat adalah kurang memuaskan. Projek pembinaan siap pada 2 Mei 2013 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan tamat pada 2 Mei 2014 dan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan telah dikeluarkan pada 19 Ogos 2014. Bagaimanapun selepas teguran Audit, kerja membaik pulih telah dilaksanakan oleh kontraktor penyelamat.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015 Dan 15 September 2015</b></p> <p><i>Berdasarkan kenyataan perunding Mekanikal Dan Elektrikal, pemasangan Air Terminal (Lightning Arrestor) adalah mengikut spesifikasi dan pelan terperinci dalam kontrak iaitu bersaiz 457.20 milimeter panjang dan berdiameter 15.88 milimeter. MSN telah membaik pulih tembok penahan tersebut pada 17 Jun 2015.</i></p>	
5.4.4.2	<b>Kompleks MSN Jalan Raja Muda</b>	
5.4.4.2.aa	MSN telah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja bagi Pembinaan Kompleks MSN Jalan Raja Muda pada 3 Ogos 2012 dan Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah mulai 4 Ogos 2012 hingga 3 Ogos 2013. Semakan Audit mendapati pembinaan di bangunan asrama, anak tangga 2,3 dan 4 telah dibina tidak mengikut spesifikasi lukisan arkitek serta Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UUKBS) Tahun 1984. Ketinggian anak tangga 2, 3 dan 4 melebihi 180mm iaitu ukuran maksimum yang ditetapkan. Selain itu, tinggi dan lebar anak tangga juga dibina dengan ukuran yang tidak seragam.	
5.4.4.2.b	Pada bulan Mac 2014, JKR Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKR WPKL) telah mengarahkan kontraktor menjalankan kerja pembaikan anak tangga tersebut berdasarkan kepada ukuran <i>tolerance</i> (+)(-) 5mm iaitu bersamaan 2.77% perbezaan mengikut kehendak UUKBS 1984. Bagaimanapun, sehingga pengauditan pada bulan Disember 2014 kerja pembaikan masih belum disiapkan. Oleh itu, Perakuan Siap Membaiki Kecacatan dan Perakuan Siap Kerja Dan Pematuhan tidak dapat dikeluarkan.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 15 September 2015</b></p> <p><i>Kerja pembaikan tangga oleh pihak ketiga akan dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak Jabatan Kerja Raya bermula pada akhir bulan September 2015.</i></p>	<p>Maklumbalas yang diterima daripada pihak JKR melalui surat bertarikh 30 Oktober 2015 memaklumkan kerja-kerja pembaikan tangga sedang dilaksanakan oleh kontraktor pihak ke-tiga secara panggilan sebutharga rasmi. Tarikh tempoh siap adalah pada 17 Januari 2016.</p>
<p><b>5.4.5</b></p> <p><b>5.4.5.1</b></p>	<p><b>Penyenggaraan Dan Pembaikan Kompleks Sukan</b></p> <p>Penyenggaraan kompleks sukan MSN meliputi bidang kerja sivil, mekanikal dan elektrik yang dilaksanakan secara berkala serta mengikut keperluan. Penyenggaraan bagi kerja pembersihan dan pembaikan kecil dilaksanakan oleh kakitangan MSN. Penyenggaraan lain dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik secara pembelian terus, sebut harga atau tender mengikut jenis kerja penyenggaraan. Pada tahun 2012 sehingga 2014, MSN telah memperuntukkan sejumlah RM17 juta di bawah perbelanjaan mengurus untuk penyenggaraan kompleks sukan MSN.</p>	
<p><b>5.4.5.2</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2014, sejumlah RM22.86 juta telah dibelanjakan iaitu melebihi sejumlah RM5.86 juta atau 34.5% daripada peruntukan asal. Oleh itu, MSN telah menerima peruntukan tambahan berjumlah RM6.26 juta bagi tahun 2012 sehingga 2014 untuk menampung perbelanjaan penyenggaraan tersebut.</p>	
<p><b>5.4.5.3</b></p>	<p>Selain itu, semakan Audit juga mendapati penyenggaraan berkala yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik adalah kerja penyenggaraan padang, sistem rawatan air kumbahan, peralatan merempuh halangan dan kolam renang di kompleks sukan. Kerja penyenggaraan yang telah disempurnakan disahkan oleh penyelia kompleks sukan berkenaan sebelum bayaran dijelaskan oleh ibu pejabat MSN.</p>	
<p><b>5.4.5.3.a</b></p>	<p><b>Kompleks Sukan Taman Keramat</b></p> <p>i. Kompleks Sukan Taman Keramat, Kuala Lumpur berkeluasan 55,080 meter persegi telah siap dibina pada tahun 1996 dengan kos berjumlah RM5.83 juta. Kemudahan yang disediakan di kompleks ini antaranya adalah padang memanah, dewan serba guna, dewan tinju, gelanggang badminton, sepak takraw, tenis, surau dan astaka. Kompleks sukan ini digunakan oleh atlet untuk menjalani latihan sukan dan menjadi lokasi pertandingan sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, kemudahan yang disediakan juga disewakan kepada orang awam.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>ii. Lawatan Audit ke Kompleks Sukan Taman Keramat pada 29 Oktober 2014 dan 19 November 2014 mendapati kerosakan pada pagar, gelanggang tenis, lantai dewan dan pintu. Penyelia Kompleks Sukan Taman Keramat telah melaporkan kerosakan tersebut kepada Bahagian Harta Dan Kemudahan MSN dan pembaikan telah dilaksanakan selepas teguran Audit.</p>	
<p><b>5.4.5.3.b</b></p>	<p><b>Dry Gimnasium</b></p> <p>i. Dry Gimnasium yang terletak di Kompleks MSN, Bukit Jalil, Kuala Lumpur dibina pada tahun 2006 dengan kos berjumlah RM2.70 juta. Kemudahan yang disediakan di Dry Gimnasium adalah 8 unit papan anjal, 6 unit <i>trampoline pit</i> dan seunit <i>diving pit form</i>. Semua kemudahan tersebut disediakan untuk atlet menjalani latihan sukan jenis akuatik terjun.</p> <p>ii. Lawatan Audit ke Dry Gimnasium pada 2 November 2014 mendapati bumbung dewan gimnasium telah pecah dan <i>isolation</i> bumbung rosak. MSN memaklumkan laporan kerosakan telah dibuat pada bulan September 2014. Bagaimanapun selepas teguran Audit, semua kerosakan tersebut telah dibaiki.</p>	
<p><b>5.4.5.3.c</b></p>	<p><b>Gimnasium 1</b></p> <p>i. Gimnasium 1 terletak di Kompleks MSN Bukit Jalil, Kuala Lumpur telah siap dibina pada tahun 1998 dengan kos berjumlah RM4.50 juta. Gimnasium 1 digunakan oleh atlet untuk menjalani latihan sukan. Antara kemudahan yang disediakan adalah 4 gelanggang sepak takraw, 4 gelanggang badminton, 4 gelanggang karate, pejabat pentadbiran, stor memanah, bilik persalinan lelaki dan wanita serta surau.</p> <p>ii. Lawatan Audit ke Gimnasium 1 pada 18 November 2014 mendapati keadaan bilik <i>router</i> tidak kemas dan dipenuhi dengan barang-barang yang tidak sepatutnya. Selain itu, ruang memasak, tandas dan kios terbiar serta rosak tanpa penyenggaraan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, <i>bilik router</i> telah dibersihkan dan semua kerosakan tersebut telah dibaiki.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
5.4.5.3.d	<p><b>Kompleks MSN Kuala Rompin</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kompleks MSN Kuala Rompin, Pahang mempunyai kawasan seluas 21,250 meter persegi telah siap dinaik taraf pada tahun 2011 dengan kos berjumlah RM5.59 juta. Kemudahan yang disediakan di pusat ini antaranya adalah dewan utama, dewan pelbagai, peralatan angkat berat, gimnasium rakyat, dewan makan, asrama dan gelanggang sepak takraw. Kompleks ini digunakan oleh atlet dan orang awam untuk menjalani latihan sukan angkat berat, mengadakan kejohanan sukan seperti badminton, sepak takraw dan bola tampar.</li> <li>ii. Lawatan Audit pada 2 Disember 2014 di Kompleks MSN Kuala Rompin, Pahang mendapati pagar perimeter tidak dipasang <i>bracing</i>, dinding longkang bata telah terdedah akibat mendapan tanah dan longkang tidak dibina seperti di Lukisan Siap Bina. Selain itu, saluran air hujan di asrama lelaki tidak di pasang <i>bracket</i>, saluran paip air yang tidak ditanam dan terdapat kesan resapan air pada permukaan dinding serta kemasukan <i>skirting</i> lantai telah tertanggal. Kerosakan juga berlaku di asrama perempuan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, semua kerosakan tersebut telah dibaiki.</li> </ul>	
5.4.5.3.e	<p><b>Kompleks Sukan Pagoh</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kompleks Sukan Pagoh, Johor berkeluasan 10 ekar telah dibina pada tahun 2001 dengan kos projek berjumlah RM3.50 juta. Kemudahan yang disediakan di kompleks ini antaranya adalah gelanggang badminton, sepak takraw, futsal dan dewan serbaguna. Kompleks sukan ini disewakan kepada orang awam untuk menjalani latihan sukan, mengadakan pertandingan sukan peringkat sekolah dan daerah serta program kemasyarakatan.</li> <li>ii. Lawatan Audit ke Kompleks Sukan Pagoh pada 7 Disember 2014 mendapati gelanggang sepak takraw dan gelanggang futsal telah rosak. Pegawai MSN memaklumkan tindakan pembaikan tidak dibuat dengan segera kerana gelanggang tersebut kurang digunakan disebabkan kurang permintaan daripada pengguna. Bagaimanapun, kerosakan tersebut telah dilaporkan kepada Bahagian Harta Dan Kemudahan pada bulan November 2014 untuk tindakan pembaikan. Kontraktor telah dipelawa untuk membuat lawatan ke gelanggang sepak takraw dan gelanggang futsal untuk menentukan kos pembaikan secara sebut harga. Kerja pembaikan telah siap</li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	sepenuhnya pada bulan April 2015 selepas teguran Audit.	
<p><b>5.4.5.4</b></p> <p><b>5.4.5.4.a</b></p>	<p><b>Kelewatan Bayaran Kerja Penyelenggaraan</b></p> <p>Merujuk kepada perkara 4.30 Arahan Kewangan MSN, Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua bil dan tuntutan yang diterima oleh jabatan disemak, diperakui dan dihantar segera ke cawangan kewangan. Semua bil tuntutan hendaklah dibayar dengan segera, tidak lewat dari 14 hari dari tarikh ia diterima kecuali berlaku pelarasan dengan syarat-syarat perjanjian atau kontrak mengikut mana yang berkenaan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015.</b></p> <p><i>Sebanyak 16 baucar bayaran berjumlah RM175,298 bagi kelewatan antara satu ke dua bulan yang merupakan kerja penyelenggaraan kecil di kemudahan MSN. Kelewatan adalah disebabkan oleh proses semakan kepada setiap dokumen yang diserahkan dengan lebih terperinci. Tindakan pembaikan telah diambil bagi memastikan kelewatan pembayaran tidak berulang seperti menubuhkan Jawatankuasa Bajet &amp; Bayaran MSN yang bermesyuarat pada setiap bulan bagi memantau setiap pembayaran.</i></p>	
<p><b>5.4.5.4.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati 16 baucar bayaran berjumlah RM175,298 bagi kerja menyenggara, mengecat, membaiki kerosakan, mengganti peralatan dan pembersihan di Pusat Rakan Sukan Dungun, Kompleks Saujana Asahan, Kompleks Sukan Pagoh, Kompleks MSN Kuala Rompin, Kompleks MSN Wangsa Maju dan Kompleks Sukan Taman Keramat lewat dibayar antara 30 hingga 63 hari dari tarikh dokumen diterima oleh Bahagian Kewangan MSN.</p> <p>Pada pendapat Audit, bil dan invoice yang diterima daripada pembekal hendaklah dijelaskan dengan segera dalam tempoh yang ditetapkan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.</p>	
<p><b>5.4.5.5</b></p>	<p><b>Pesanan Tempatan Dikeluarkan Selepas Kerja Dilaksanakan</b></p> <p>Mengikut Arahan Perbendaharaan 176.1(b) dan (d) menetapkan Pesanan Kerajaan mestilah disediakan dalam 3 salinan pada masa barang-barang dipesan. Selain itu, tindakan mengeluarkan pesanan tempatan terlebih dahulu merupakan kawalan dalaman yang bertujuan untuk memantau pengurusan kewangan agensi, menentukan peruntukan yang sedia ada mencukupi dan juga berperanan sebagai satu jaminan kepada pembekal bahawa MSN</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>komited terhadap pesanan yang dibuat. Semakan Audit mendapati 5 pesanan tempatan berjumlah RM41,558 dikeluarkan antara 24 hingga 67 hari selepas kerja penyenggaraan dimulakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pesanan tempatan yang dikeluarkan selepas kerja dimulakan boleh menyebabkan perbelanjaan tanpa tanggungan peruntukan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015.</b></p> <p><i>Pesanan tempatan dikeluarkan selepas kerja dilaksanakan adalah disebabkan oleh kerja tersebut perlu dilaksanakan pada kadar segera.</i></p>	
<p><b>5.4.6</b></p> <p><b>5.4.6.1</b></p> <p><b>5.4.6.1.a</b></p>	<p><b>Penggunaan Kemudahan Sukan</b></p> <p><b>Kompleks MSN Jalan Raja Muda</b></p> <p>Kompleks MSN Jalan Raja Muda, Kampong Baru, Kuala Lumpur telah siap dinaik taraf pada bulan Ogos 2012 dengan kos berjumlah RM12.30 juta. Kompleks Sukan ini mempunyai kawasan seluas 20,243 meter persegi dan dilengkapi dengan kemudahan antaranya padang bola sepak, gimnasium, astaka, asrama, 9 gelanggang badminton, bilik seminar dan kafeteria. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2014, kompleks sukan ini belum beroperasi walaupun telah siap dinaiktaraf pada tahun 2012.</p>	
<p><b>5.4.6.1.b</b></p>	<p>Mesyuarat Khas yang dipengerusikan oleh Pengarah JKR WPKL pada 18 Jun 2014 telah memutuskan bahawa bangunan tersebut boleh digunakan untuk latihan atlet sahaja dan tidak boleh dibuka untuk kegunaan orang awam atau mengadakan kejohanan sukan. Ini disebabkan kerja pembaikan kecacatan tangga asrama masih belum disiapkan dan CCC belum dikeluarkan.</p>	
<p><b>5.4.6.1.c</b></p>	<p>Mesyuarat Pengurusan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MSN pada 7 Julai 2014 telah bersetuju untuk melantik syarikat bagi menguruskan Kompleks MSN Jalan Raja Muda. Oleh itu, MSN telah mengiklankan sebut harga pada 2 September 2014 dan syarikat Dragon Port Holdings Sdn. Berhad telah dilantik pada 17 September 2014 dengan tempoh kontrak selama 3 tahun mulai 1 Oktober 2014 hingga 30 September 2017. Mengikut syarat kontrak, syarikat perlu membayar sewa sejumlah RM20,000 sebulan kepada MSN dan syarikat bertanggungjawab untuk mengurus serta menyenggara Kompleks MSN Jalan Raja Muda. Semakan Audit mendapati kelulusan untuk menyerahkan pengurusan kompleks kepada syarikat tersebut</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	tidak dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengurus.	
5.4.6.1.d	<p>Lawatan Audit pada 28 Oktober 2014 mendapati kelengkapan dan perabot pejabat seperti kabinet, meja bilik seminar, permaidani dan kerusi yang disediakan oleh MSN berjumlah RM148,405 tidak digunakan oleh syarikat. Selain itu, peralatan asrama seperti katil, tilam dan bantal di asrama yang dibeli pada 28 Disember 2012 berjumlah RM120,960 juga tidak digunakan oleh syarikat dan disimpan di stor. Penyelia kompleks memaklumkan syarikat enggan menggunakan peralatan yang telah disediakan dan membuat kerja ubah suai bangunan pejabat, asrama dan kafeteria termasuk menggantikan peralatan yang baru dengan menggunakan peruntukan kewangannya.</p> <p>Pada pendapat Audit, perolehan kelengkapan dan perabot tidak dirancang dengan teliti kerana sehingga tarikh pengauditan, peralatan yang dibeli sejumlah RM269,365 tidak digunakan oleh syarikat dan disimpan di stor Kompleks MSN Jalan Raja Muda.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015</b></p> <p><i>CF masih belum diterima dan bangunan tidak dapat beroperasi kerana mengambil kira faktor keselamatan pengguna. Keputusan muktamad untuk kompleks tersebut ditadbir oleh syarikat luar dibuat pada tahun 2014. Bagaimanapun, penswastaaan ini hanya dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengurus pada 8 April 2015. Penswastaaan kompleks kepada syarikat Dragon Port Holdings Sdn. Berhad telah dimeterai pada 17 April 2015 dengan bayaran sewaan bulanan sejumlah RM20,000.</i></p> <p><i>MSN juga memaklumkan perolehan perabot dan peralatan yang tidak digunakan telah dipindahkan ke Kompleks MSN Taman Keramat bagi menggantikan peralatan asrama sedia ada yang telah lama dan uzur.</i></p>	
5.4.6.2	<p><b>Kompleks MSN Kuala Rompin</b></p> <p><b>5.4.6.2.a Peralatan Tidak Digunakan</b></p> <p>Pihak Audit mendapati sebanyak 14 unit peralatan dapur di Dewan Makan bernilai RM37,400 tidak digunakan sejak ia dibeli pada tahun 2010. Bagaimanapun, peralatan tersebut berada dalam keadaan baik kecuali seunit dapur bernilai RM6,080 telah berkarat. Penyelia memaklumkan peralatan ini tidak digunakan kerana pembekal makanan yang dilantik membekalkan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>makanan yang telah siap dimasak ke pusat ini dari semasa ke semasa berdasarkan tempahan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015.</b></p> <p><i>Kali terakhir penggunaan peralatan dapur di Dewan Makan adalah pada tahun 2014 oleh syarikat yang dilantik iaitu Sepakat Perkasa Enterprise bagi tempoh 1 Oktober 2013 hingga 30 April 2014. Operator terkini iaitu EIFA Enterprise dari Kuala Rompin dilantik mulai 1 Mei 2014 sehingga 30 April 2016 tidak menggunakan peralatan dapur tersebut kerana makanan yang disajikan kepada atlet telah siap dimasak di restoran sendiri. Bagaimanapun, MSN telah mengambil tindakan memindahkan peralatan dapur tersebut ke Kafeteria Atlet di Bukit Jalil dan UPM, Serdang.</i></p>	
<p><b>5.4.7</b></p> <p><b>5.4.7.1</b></p>	<p><b>Soal Selidik Kepuasan Pelanggan</b></p> <p>Satu soal selidik telah dibuat bagi mendapatkan maklum balas daripada atlet dan orang awam terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di 7 kompleks sukan yang dipilih. Soal selidik tersebut merangkumi beberapa bahagian berkaitan pengetahuan responden terhadap kemudahan dan perkhidmatan kompleks dan masalah yang dihadapi semasa mendapatkan perkhidmatan yang telah diterima.</p>	
<p><b>5.4.7.2</b></p>	<p>Seramai 163 responden yang terdiri daripada atlet elit, atlet pelapis, atlet paralimpik, jurulatih, pelajar universiti, pelajar sekolah, kakitangan awam dan kakitangan swasta telah memberikan maklum balas berkenaan soal selidik tersebut. Analisis Audit mendapati 75% responden berpendapat kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Kompleks MSN Wangsa Maju berada di tahap cemerlang. Antara 50% hingga 76.2% responden berpendapat 6 kompleks sukan MSN adalah di tahap baik.</p>	
<p><b>5.4.7.3</b></p>	<p>Selain itu, terdapat 43 cadangan yang diberikan oleh pengguna kompleks sukan MSN bagi menambah baik kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.</p> <p>Pada pendapat Audit, kemudahan dan perkhidmatan di 7 Kompleks MSN telah memberi manfaat kepada semua pengguna terutamanya kepada atlet negara bagi meningkatkan prestasi sukan negara.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015.</b></p> <p><i>Cadangan pengguna di dalam maklum balas soal selidik pihak Audit telah dimasukkan di dalam cadangan naik taraf dan penyenggaraan kompleks MSN 2015 yang telah diluluskan dalam Lembaga Pengurus MSN.</i></p>	
<p><b>5.4.8</b></p> <p><b>5.4.8.1</b></p>	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>Pemantauan adalah elemen pengurusan penting bagi memudahkan pihak pengurusan mengenal pasti kelemahan dan punca masalah pada peringkat awal seterusnya mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya. Pemantauan perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan pengurusan projek Kompleks MSN dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya segala kelemahan dan masalah dapat dikenal pasti dan tindakan boleh diambil dengan segera.</p>	
<p><b>5.4.8.2</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati Cawangan Harta dan Kemudahan memantau perkembangan projek melalui mesyuarat tapak, membuat lawatan dari semasa ke semasa serta berhubung terus dengan perunding dan kontraktor. Pemantauan juga dilaksanakan oleh perunding terhadap projek pembangunan. Selain itu, prestasi projek pembinaan Kompleks MSN telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Pembangunan di peringkat Kementerian Belia Dan Sukan. Bahagian Harta dan Kemudahan memantau penyenggaraan kompleks MSN melalui Laporan Kerosakan yang dikemukakan oleh Penyelia kompleks MSN secara berkala.</p> <p>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan projek telah diwujudkan untuk memantau projek ini. Bagaimanapun, pemantauan yang dilaksanakan kurang berkesan berdasarkan prestasi kemajuan projek yang lewat disiapkan, kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan dan terdapat kerosakan yang belum diambil tindakan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MSN Diterima Pada 20 April 2015 Dan 15 September 2015</b></p> <p><i>Penambahbaikan kepada fungsi dan tugas Bahagian Harta Dan Kemudahan akan sentiasa dibuat supaya kelemahan dalam perancangan serta pemantauan projek dapat diatasi serta ditingkatkan dalam menghasilkan kualiti kerja pembinaan yang terbaik. Pengurusan projek kemudahan sukan juga dipantau dengan menggunakan khidmat perunding swasta yang dilantik</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>oleh MSN. Tindakan yang diambil oleh MSN adalah berdasarkan kepada khidmat nasihat daripada perunding antaranya pengeluaran Sijil Tidak Siap, Arahan Perubahan Kerja Dan Pelanjutan Masa. Pendekatan pelaksanaan projek menggunakan khidmat perunding mungkin ada sedikit perbezaan dengan pendekatan yang diambil oleh Jabatan Kerja Raya dalam pembinaan projek namun ia tetap mematuhi syarat kontrak.</i></p>	

**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

**Lembaga Minyak Sawit Malaysia**

**Perenggan 6 : Pengurusan Skim Tanaman Semula Dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.1.1	<b>Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK)</b>	
6.4.1.1.a	Mengikut syarat permohonan Skim TSSPK, pokok sawit yang berumur melebihi 25 tahun kebiasaannya mempunyai hasil yang lebih rendah dan digalakkan untuk ditanam semula. Berdasarkan statistik MPOB, seluas 109,000 hektar pokok sawit tua milik pekebun kecil individu yang tertanggung perlu ditanam semula setakat 31 Disember 2010. Sehubungan itu, Skim TSSPK dilancarkan pada tahun 2011 dengan objektif utama untuk mempercepatkan penanaman semula pokok sawit yang berumur melebihi 25 tahun dan tidak produktif.	Sehingga 31 Oktober 2015, pencapaian bagi TSSPK dan TBSPK adalah seperti berikut:  <u>Keseluruhan Tanaman Sawit:</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sasaran: 109,000 hektar</li> <li>• Pencapaian: keluasan sebanyak 112,194 hektar (103%) telah diluluskan dan notis kelulusan telah dikeluarkan</li> </ul>
6.4.1.1.b	Semakan Audit mendapati sasaran yang ditetapkan oleh MPOB bagi tahun 2011 sehingga 2014 adalah seluas 78,400 hektar dan pencapaian adalah 46,161 hektar atau 58.9%. Pencapaian tertinggi adalah di Zon Sabah iaitu 69.1% manakala terendah adalah di Zon Sarawak hanya mencapai 33.3%. Antara sebab pencapaian Skim TSSPK yang rendah adalah pekebun kecil tidak berminat menanam semula pokok sawit yang tua semasa harga minyak sawit tinggi.	<u>Agihan kepada TSSPK:</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sasaran: 63,400 hektar</li> <li>• Pencapaian: 48,842 hektar (77%)</li> </ul> <u>Agihan kepada TBSPK:</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sasaran: 45,600 hektar</li> <li>• Pencapaian: 63,352 hektar (139%)</li> </ul>
6.4.1.2	<b>Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK)</b>	
6.4.1.2.a	Pada peringkat awal, peruntukan hanya disalurkan untuk Skim TSSPK dan seterusnya dipanjangkan kepada Skim TBSPK mulai bulan April 2011 apabila sambutan Skim TSSPK kurang menggalakkan. Objektif Skim TBSPK adalah meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui pembukaan kawasan baru sawit dan meningkatkan keluasan tanaman sawit serta pengeluaran hasil sawit negara.	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.1.2.b	<p>Semakan Audit mendapati sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2011 sehingga 2014 adalah seluas 65,600 hektar dan pencapaian adalah 75,499 hektar atau 115.1%. Skim TBSPK mendapat sambutan yang menggalakkan di Zon Semenanjung Malaysia dan Sarawak iaitu mencapai lebih daripada sasaran yang ditetapkan masing-masing sebanyak 185.5% dan 128.2%. Selain itu, sambutan di Zon Sabah juga memberangsangkan dengan mencapai sebanyak 68.7% daripada sasaran yang ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian Skim TSSPK adalah memuaskan dengan pencapaian 58.9% manakala prestasi pencapaian Skim TBSPK adalah sangat baik dengan mencapai sasaran sebanyak 115.1% daripada sasaran yang ditetapkan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 18 September 2015</b></p> <p><i>Sepanjang tahun 2011 hingga 2014, beberapa perubahan dasar telah berlaku yang mempengaruhi pelaksanaan Skim TSSPK dan TBSPK. Antara sebab pencapaian Skim TSSPK rendah adalah seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Had bantuan maksimum Skim TSSPK adalah tidak melebihi 40.46 hektar. Bagaimanapun mulai 1 November 2013, had bantuan telah diturunkan kepada tidak melebihi 5 hektar setiap pemohon selaras dengan Skim TBSPK.</i></li> <li><i>ii. Syarat nyata guna tanah bagi permohonan Skim TSSPK juga telah diselaraskan sebagaimana Skim TBSPK iaitu untuk pertanian atau kelapa sawit sahaja. Dengan yang demikian pemohon mengambil masa untuk menukar syarat nyata tanah.</i></li> <li><i>iii. Harga sawit yang tinggi pada tahun 2011 sehingga 2014 menyebabkan pekebun kecil menanggungkan untuk menebang dan menanam semula sawit tua.</i></li> <li><i>iv. Arahan supaya memberhentikan penerimaan permohonan mulai 8 November 2012 telah merencatkan momentum permohonan yang diterima untuk Skim TSSPK.</i></li> </ul> <p><i>Pihak MPOB turut memaklumkan pelaksanaan Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK) diteruskan kepada pekebun kecil yang layak bagi menggalakkan mereka menyertai Skim TSSPK.</i></p>	<p>Merujuk kepada maklum balas LKAN yang dihantar kepada Jabatan Audit Negara (JAN), sebab dan pencapaian Skim TSSPK adalah seperti di (i) hingga (iv) dan tambahan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>v. Terdapat pemohon yang menarik diri atas pelbagai sebab atau dibatalkan kerana permohonan tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat</li> <li>vi. Perubahan kadar bantuan di Sabah dan Sarawak daripada RM7,000 kepada RM9,000 per hektar dilaksanakan mulai 6 April 2012.</li> </ul>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>6.4.2</b></p> <p><b>6.4.2.1</b></p>	<p><b>Prestasi Perbelanjaan</b></p> <p>MPOB telah menerima peruntukan sejumlah RM930 juta daripada kerajaan antara tahun 2011 sehingga 2014 iaitu sejumlah RM457.26 juta bagi Skim TSSPK dan RM472.74 juta bagi Skim TBSPK. Setakat bulan Disember 2014, prestasi perbelanjaan adalah sejumlah RM367.44 juta atau 39.5% iaitu perbelanjaan Skim TSSPK berjumlah RM211.17 juta atau 46.2% dan Skim TBSPK berjumlah RM156.27 juta atau 33.1% manakala baki peruntukan adalah berjumlah RM562.56 juta.</p>	<p>Prestasi perbelanjaan sehingga 30 Oktober 2015 adalah berjumlah RM482.32 juta iaitu 52% daripada peruntukan RM930 juta.</p>
<p><b>6.4.2.2</b></p>	<p>Semakan selanjutnya mendapati sejumlah RM146.69 juta atau 26.1% daripada baki peruntukan sejumlah RM562.56 juta merupakan komitmen perbelanjaan input pertanian iaitu anak benih, baja, bahan kimia dan Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK). Komitmen perbelanjaan yang diambil kira adalah berdasarkan pesanan belian yang dikeluarkan. Sehingga 31 Disember 2014, komitmen perbelanjaan Skim TSSPK dan TBSPK untuk input pertanian adalah sejumlah RM138.70 juta dan BPK RM7.99 juta. Baki peruntukan sejumlah RM415.87 juta adalah untuk permohonan baru Skim TSSPK dan TBSPK.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Prestasi perbelanjaan seperti dilaporkan adalah benar bersesuaian dengan pelaksanaan skim yang melibatkan proses pembayaran dibuat secara berperingkat iaitu dalam tempoh 2 hingga 4 tahun yang jangka akan tamat pada tahun 2020. Prestasi perbelanjaan berdasarkan bajet RM930 juta sehingga 27 Ogos 2015 telah meningkat kepada RM447.41 juta (48%) iaitu menghampiri 50% adalah munasabah sebagaimana dijangka.</i></p>	
<p><b>6.4.3</b></p> <p><b>6.4.3.1</b></p>	<p><b>Prosedur Pengurusan Skim</b></p> <p>MPOB telah menyediakan manual prosedur kerja bagi Skim TSSPK dan TBSPK untuk melancarkan proses permohonan dan pelaksanaan skim. Semakan Audit terhadap kedua-dua manual tersebut mendapati prosedur kerja adalah sama. Bagaimanapun, Manual Prosedur Kerja Skim TSSPK tidak menetapkan tempoh terhadap proses permohonan dan pelaksanaan skim. Sehubungan itu, pengauditan telah dijalankan berdasarkan kepada Manual Prosedur Kerja Skim TBSPK yang telah menetapkan tempoh pemprosesan permohonan dan pelaksanaan.</p>	<p>Manual Prosedur Kerja (MPK) pelaksanaan TSSPK dan TBSPK yang dikemaskini telah digunakan mulai 2 Jun 2015.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>6.4.3.2</b></p>	<p>Semakan selanjutnya terhadap manual prosedur kerja mendapati tiada kesinambungan antara proses permohonan dan penyaluran input pertanian. Manual tidak menetapkan tempoh yang sepatutnya input pertanian dibekal selepas permohonan diluluskan seperti tempoh penyediaan kawasan sepatutnya dilaksanakan oleh pekebun kecil dan tempoh baja dan bahan kimia sepatutnya dibekalkan kepada pekebun kecil. Selain itu, manual prosedur kerja tidak mengemaskini proses kerja terhadap permohonan pekebun kecil yang berstatus tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak di mana pengesahan dan verifikasi perlu diperoleh daripada Jabatan Pertanian Sarawak sebelum permohonan diproses.</p> <p>Pada pendapat Audit, manual prosedur kerja tidak menetapkan tempoh yang sepatutnya input pertanian dibekalkan selepas permohonan diluluskan menyebabkan tempoh masa pembekalan input pertanian tidak konsisten. Selain itu, Manual Prosedur Kerja Skim TSSPK adalah tidak lengkap dengan tempoh pemrosesan dan pelaksanaan menyebabkan prestasi pengurusan Skim TSSPK tidak dapat diukur.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Tempoh permohonan dan pelaksanaan Skim TSSPK telah ditetapkan sama seperti Skim TBSPK. Kedua-dua Manual Prosedur Kerja (MPK) telah diselaraskan, disatukan dan digunakan mulai 2 Jun 2015. MPK tersebut telah dikemas kini dan ditambahbaik bagi menentukan kesinambungan antara proses permohonan dan penyaluran input pertanian serta penetapan tempoh sepatutnya input pertanian dibekal. Proses kerja permohonan di Sarawak adalah sama seperti proses kerja permohonan bagi negeri lain kecuali tanah NCR perlu mendapatkan pengesahan daripada Jabatan Pertanian Sarawak.</i></p>	
<p><b>6.4.5</b></p> <p><b>6.4.5.1</b></p>	<p><b>Prestasi Kelulusan Permohonan</b></p> <p>Setakat tahun 2014, sebanyak 95.3% permohonan telah diluluskan di bawah Skim TSSPK dan TBSPK manakala permohonan yang tidak diluluskan adalah disebabkan tidak memenuhi syarat seperti pemilik tanah melebihi had kelayakan dan tiada sokongan pengesahan bagi tanah tidak bergerak. Selain itu, terdapat juga permohonan yang telah lulus tetapi dibatalkan oleh MPOB disebabkan pekebun kecil tidak membersihkan kawasan dalam tempoh yang ditetapkan dan pemohon menarik diri kerana menerima bantuan daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Analisis terhadap 206 sampel permohonan yang tidak diluluskan atau batal</p>	<p>Antara tindakan yang diambil oleh MPOB seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Meningkatkan kekerapan mengadakan mesyuarat bagi meluluskan permohonan iaitu setiap sebulan bagi TBSPK dan setiap 2 minggu bagi TSSPK. (Dimulakan bagi TBSPK pada 17 Januari 2012 dan TSSPK pada 8 Januari 2014)</li> </ol>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	daripada 4 daerah mendapati sebanyak 51.5% disebabkan tidak memenuhi syarat permohonan, 33.9% permohonan batal disebabkan pekebun kecil tarik diri dan 14.6% lain-lain sebab.	b. Bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Negeri Sarawak mulai 21 April 2014 untuk kerja verifikasi tanah Hak Adat Bumiputera ( <i>Native Customary Rights-NCR</i> ) dan mempercepat permohonan Skim TBSPK di Sarawak.
6.4.5.2	Berdasarkan Manual Prosedur Kerja Skim TBSPK, proses permohonan dari tarikh menerima borang permohonan sehingga kelulusan jawatankuasa mengambil masa selama 6 bulan. Setiap permohonan yang diterima oleh pejabat cawangan akan disemak oleh Pegawai Tunjuk Ajar Sawit (TUNAS) yang bertanggungjawab bagi kawasan tanah pemohon dan lawatan pemeriksaan kebun diadakan untuk menilai kesesuaian tanah. Permohonan yang layak dan borang lengkap akan dimuat naik ke Sistem Pengurusan Skim untuk kelulusan Jawatankuasa Pelaksana TSSPK di peringkat MPOB atau Jawatankuasa Pemandu TBSPK di peringkat KPPK.	c. MPOB telah mengemukakan 164 permohonan jawatan baru kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Walau bagaimanapun, JPA pada 26 Mei 2015 meminta MPOB untuk mengkaji semula permohonan jawatan tersebut. Pada 22 Jun 2015, MPIC mencadangkan supaya MPOB membuat penstrukturan secara dalaman.  d. Pada 18 Ogos 2015, satu bengkel penstrukturan semula Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan (IRED), MPOB telah diadakan bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan projek. Beberapa cadangan telah dibuat seperti berikut:
6.4.5.3	Semakan Audit terhadap 39 sampel Skim TSSPK dan 29 sampel Skim TBSPK mendapati sebanyak 5 atau 12.8% permohonan Skim TSSPK dan 17 atau 58.6% permohonan Skim TBSPK mengambil masa melebihi 6 bulan untuk memproses permohonan sehingga kelulusan jawatankuasa iaitu antara 7 hingga 21 bulan.	i. Surat tawaran kerja ditambahbaik dari segi faedah dan kemudahan.  ii. Kelayakan pengambilan Pegawai TUNAS terbuka kepada lepasan SPM/Kursus Operator Mekanisasi Ladang.
6.4.5.4	Selain itu, tempoh masa pemprosesan yang lama juga disebabkan kekurangan Pegawai TUNAS dan kenderaan di pejabat cawangan MPOB untuk menjalankan pemeriksaan tapak. Berdasarkan sampel Audit, 17.6% atau 12 daripada 68 pemeriksaan tapak mengambil masa antara 4 hingga 13 bulan daripada tarikh permohonan. Selain itu, dokumen permohonan yang tidak lengkap dan kawasan pejabat cawangan MPOB yang tidak dapat mengakses ke Sistem Pengurusan Skim untuk memuat naik permohonan pekebun kecil juga merupakan faktor kelewatan tersebut.	iii. Menempatkan seorang pegawai Teknologi Maklumat (IT) sekurang-kurangnya Gred F41 ke atas di IRED. Pegawai IT Gred F52 daripada Unit IT MPOB telah ditempatkan sementara di IRED pada 1 Oktober 2015 bagi tujuan membantu dan melancarkan proses kerja-kerja teknikal yang melibatkan sistem portal.
6.4.5.5	Bagi status tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) di Sarawak, pengesahan dan verifikasi perlu diperolehi daripada Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) sebelum permohonan diproses. Setakat bulan Disember 2014, sebanyak 6,774 hektar permohonan Skim TBSPK di Sarawak masih menunggu pengesahan dan verifikasi daripada JPS. Ini menyebabkan permohonan tidak dapat diproses mengikut tempoh yang ditetapkan.  Pada pendapat Audit, prestasi kelulusan permohonan Skim TSSPK adalah baik kerana 87.2% diluluskan dalam tempoh 6 bulan. Bagaimanapun, prestasi kelulusan permohonan Skim TBSPK adalah kurang memuaskan kerana 58.6% melebihi 6 bulan. Tempoh kelulusan permohonan yang lama boleh menyebabkan kekurangan minat pekebun kecil untuk menanam semula atau	iv. Menambah 11 pegawai pelbagai gred. Sesi temuduga telah dijalankan pada 13 Oktober 2015 dan mereka akan mula bertugas pada 16 November 2015.  v. Kelulusan telah diperolehi untuk membeli 4 buah kenderaan baru bagi Pejabat MPOB Cawangan Bau, Betong, Sarikei dan Miri. Selain daripada itu, penyewaan 15 buah kenderaan pacuan 4 roda telah dibuat di Sarawak dan Sabah.  vi. Penurunan kuasa melulus ke peringkat Zon berkuasa mulai 11 Mei 2015.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>tanam baru sawit dan mengalihkan minat terhadap bantuan pertanian lain.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Kelewatan meluluskan permohonan antaranya disebabkan kelewatan membuat pemeriksaan tapak akibat daripada kekurangan kakitangan dan kemudahan pengangkutan. Selain itu pada tahun 2011, kekerapan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu TBSPK hanya diadakan 5 kali disebabkan penglibatan pelbagai agensi, pihak berkuasa negeri dan kementerian lain semasa peringkat awal pelaksanaan Skim TBSPK.</i></p> <p><i>Antara tindakan diambil oleh MPOB seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>e. Meningkatkan kekerapan mesyuarat melulus permohonan iaitu setiap 2 minggu bagi meluluskan permohonan Skim TSSPK dan satu bulan bagi Skim TBSPK.</i></li> <li><i>f. Kerjasama dengan JPS untuk verifikasi tanah NCR dan mempercepatkan permohonan Skim TBSPK di Sarawak.</i></li> <li><i>g. MPOB telah mengemukakan 164 permohonan jawatan baru kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Bagaimanapun maklum balas daripada JPA pada 26 Mei 2015 meminta MPOB mengkaji semula cadangan. Pada 22 Jun 2015, KPPK mencadangkan MPOB membuat penstrukturan secara dalaman.</i></li> <li><i>h. Pada 18 Ogos 2015, satu bengkel penstrukturan semula Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan (IRED) telah diadakan bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan projek. Beberapa cadangan telah dibuat seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li><i>vii. Surat tawaran kerja ditambahbaik dari segi faedah dan kemudahan.</i></li> <li><i>viii. Kelayakan pengambilan Pegawai TUNAS terbuka kepada lepasan SPM/Kursus Operator Mekanisasi Ladang.</i></li> <li><i>ix. Menempatkan seorang pegawai Teknologi Maklumat sekurang-kurangnya gred F41 ke atas.</i></li> <li><i>x. Menambah 11 pegawai pelbagai gred dan penyewaan</i></li> </ul> </i></li> </ul>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini																											
	<p><i>tambahan 15 kenderaan pacuan 4 roda di Sarawak dan Sabah.</i></p> <p><i>xi. Penurunan kuasa melulus ke peringkat Zon.</i></p>																												
<p><b>6.4.6</b></p>	<p><b>Perolehan Dan Penyaluran Input Pertanian</b></p> <p>Input pertanian akan disalurkan kepada pekebun kecil selepas permohonan pekebun kecil diluluskan. Input pertanian yang diberikan kepada pekebun kecil termasuklah anak benih sawit, baja untuk 2 tahun dan bahan kimia atau racun. Semua perolehan input pertanian dilaksanakan di ibu pejabat MPOB.</p>	<p>Berikut adalah status terkini 8 buah nurseri yang dalam proses pensijilan CoPN:</p>																											
<p><b>6.4.6.1</b></p> <p><b>6.4.6.1.a</b></p>	<p><b>Anak Benih Sawit</b></p> <p>Pada peringkat awal, perolehan anak benih sawit dilaksanakan secara sebut harga yang mengambil masa lama menyebabkan penyaluran anak benih sawit yang kurang cekap. Sehubungan itu, mulai tahun 2012 perolehan anak benih sawit telah dilaksanakan secara rundingan terus oleh panel pembekal dengan kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia.</p>	<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="1196 512 1279 539">Bil.</th> <th data-bbox="1279 512 1559 539">Nama Syarikat</th> <th data-bbox="1559 512 2047 539">Status Terkini</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1196 539 1279 566">1.</td> <td data-bbox="1279 539 1559 566">R n Z Agriculture</td> <td data-bbox="1559 539 2047 566">Belum mendapat sijil CoPN</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 566 1279 651">2.</td> <td data-bbox="1279 566 1559 651">Johor Plantech</td> <td data-bbox="1559 566 2047 651">Telah mendapat CoPN. Tempoh sah sijil dari 28 Oktober 2015 hingga 27 Oktober 2018</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 651 1279 735">3.</td> <td data-bbox="1279 651 1559 735">Pertubuhan Peladang Negeri Johor</td> <td data-bbox="1559 651 2047 735">Telah mendapat CoPN. Tempoh sah sijil dari 28 Oktober 2015 hingga 27 Oktober 2018</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 735 1279 794">4.</td> <td data-bbox="1279 735 1559 794">Yun Fook Plantation</td> <td data-bbox="1559 735 2047 794">Lawatan Fasa 1 pada 11 Februari 2012 dan 2 Jun 2014</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 794 1279 821">5.</td> <td data-bbox="1279 794 1559 821">TK Enterprise</td> <td data-bbox="1559 794 2047 821">Belum mendapat sijil CoPN</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 821 1279 849">6.</td> <td data-bbox="1279 821 1559 849">Othman Farm</td> <td data-bbox="1559 821 2047 849">Belum mendapat sijil CoPN</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 849 1279 876">7.</td> <td data-bbox="1279 849 1559 876">U &amp; Me Network</td> <td data-bbox="1559 849 2047 876">Belum mendapat sijil CoPN</td> </tr> <tr> <td data-bbox="1196 876 1279 903">8.</td> <td data-bbox="1279 876 1559 903">Teraju Hijau</td> <td data-bbox="1559 876 2047 903">Belum mendapat sijil CoPN</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Nama Syarikat	Status Terkini	1.	R n Z Agriculture	Belum mendapat sijil CoPN	2.	Johor Plantech	Telah mendapat CoPN. Tempoh sah sijil dari 28 Oktober 2015 hingga 27 Oktober 2018	3.	Pertubuhan Peladang Negeri Johor	Telah mendapat CoPN. Tempoh sah sijil dari 28 Oktober 2015 hingga 27 Oktober 2018	4.	Yun Fook Plantation	Lawatan Fasa 1 pada 11 Februari 2012 dan 2 Jun 2014	5.	TK Enterprise	Belum mendapat sijil CoPN	6.	Othman Farm	Belum mendapat sijil CoPN	7.	U & Me Network	Belum mendapat sijil CoPN	8.	Teraju Hijau	Belum mendapat sijil CoPN
Bil.	Nama Syarikat	Status Terkini																											
1.	R n Z Agriculture	Belum mendapat sijil CoPN																											
2.	Johor Plantech	Telah mendapat CoPN. Tempoh sah sijil dari 28 Oktober 2015 hingga 27 Oktober 2018																											
3.	Pertubuhan Peladang Negeri Johor	Telah mendapat CoPN. Tempoh sah sijil dari 28 Oktober 2015 hingga 27 Oktober 2018																											
4.	Yun Fook Plantation	Lawatan Fasa 1 pada 11 Februari 2012 dan 2 Jun 2014																											
5.	TK Enterprise	Belum mendapat sijil CoPN																											
6.	Othman Farm	Belum mendapat sijil CoPN																											
7.	U & Me Network	Belum mendapat sijil CoPN																											
8.	Teraju Hijau	Belum mendapat sijil CoPN																											
<p><b>6.4.6.1.b</b></p>	<p>Berdasarkan skop bantuan skim, anak benih sawit perlu dibekalkan daripada nurseri yang mempunyai Sijil <i>Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nursery</i> (CoPN) dan telah memenuhi spesifikasi yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati MPOB telah melantik 53 hingga 67 nurseri antara tahun 2012 sehingga 2014 untuk membekalkan anak benih sawit mengikut zon.</p>																												
<p><b>6.4.6.1.c</b></p>	<p>Semakan selanjutnya mendapati 11 nurseri yang tidak mempunyai Sijil CoPN turut dilantik sebagai panel pembekal anak benih sawit. Antaranya adalah disebabkan kekurangan nurseri yang mempunyai Sijil CoPN bagi menampung permintaan yang tinggi di lokasi tertentu.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Surat peringatan bertarikh 16 April 2015 telah dikeluarkan kepada panel nurseri yang baru supaya mengemukakan salinan Sijil CoPN atau laporan lawatan CoPN Fasa Pertama. Mereka diberi tempoh selama 3 bulan untuk mendapatkan sijil berkenaan. Sebanyak 3 nurseri telah mendapat sijil CoPN dan 8 nurseri lagi dalam proses pensijilan.</i></p>																												

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.6.1.d	<p>Pada tahun 2012, tiada perjanjian disediakan bagi kesemua pembekal anak benih sawit yang dilantik bagi kontrak bernilai RM51.61 juta dan hanya Surat Setuju Terima ditandatangani. Pada tahun 2013 pula, semua perjanjian pelantikan bernilai RM61.81 juta telah disediakan dan ditandatangani antara MPOB dan pembekal akan tetapi perjanjian tersebut tidak dimatikan dengan setem hasil.</p>	
6.4.6.1.e	<p>Pada tahun 2014, Surat Setuju Terima telah ditandatangani pada bulan Ogos 2014 untuk semua pelantikan pembekal di Zon Semenanjung dan Sabah dengan kontrak bernilai RM28.81 juta. Bagaimanapun, perjanjian masih belum disediakan sehingga tarikh pengauditan pada bulan Januari 2015. Di Zon Sarawak pula, pembekal bagi tahun 2014 masih belum dilantik sejak tamat tempoh perjanjian pada 31 Mac 2014. Semakan Audit mendapati bekalan bagi tahun 2014 masih dibuat oleh 21 pembekal yang telah tamat tempoh perjanjian kerana kuota yang ditawarkan kepada pembekal masih ada baki dan belum habis diambil oleh MPOB. Ini disebabkan mulai 22 April 2013, MPOB telah diarahkan oleh SUK Negeri Sarawak untuk memberhentikan serta merta pengedaran anak benih di Sarawak kerana isu tanah NCR. Surat permohonan perolehan secara rundingan terus hanya dikemukakan kepada Unit Kewangan MPOB untuk dimajukan kepada Kementerian Kewangan Malaysia pada 20 November 2014 iaitu selepas 8 bulan tamat tempoh perjanjian. Semakan selanjutnya mendapati setakat bulan Januari 2015, kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia belum diterima.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>MPOB mengambil maklum teguran Audit. Melalui surat bertarikh 16 Mac 2015, Kementerian Kewangan Malaysia telah meluluskan kaedah rundingan terus bagi perolehan anak benih Zon Sarawak. Surat Tawaran dan Surat Setuju Terima bagi pelantikan panel pembekal anak benih Zon Sarawak telah dikeluarkan pada 1 Mei 2015 untuk tempoh 12 bulan sehingga 30 April 2016.</i></p>	<p>Setakat 31 Oktober 2015, sebanyak 25 syarikat telah dilantik sebagai panel pembekal anak benih Zon Sarawak bagi tempoh 12 bulan mulai 1 Mei 2015 hingga 30 April 2016.</p>
6.4.6.1.f	<p>Mengikut Manual Prosedur Kerja Skim TBSPK, anak benih sawit perlu dibekalkan dalam tempoh 8 bulan daripada tarikh kelulusan jawatankuasa termasuk 2 bulan untuk proses perolehan. Semakan Audit mendapati 17 daripada 68 atau 25% pembekalan anak benih sawit mengambil masa melebihi 8 bulan iaitu antara 9 hingga 35 bulan dan 7 pekebun kecil belum menerima anak benih sawit sehingga tarikh lawatan audit iaitu 3 daripadanya telah melebihi 8 bulan antara 9 hingga 10 bulan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>6.4.6.1.g</b></p>	<p>Akibat daripada kelewatan penghantaran anak benih sawit, tapak kebun terpaksa dibiarkan tanpa menghasilkan sebarang pendapatan kepada pekebun kecil Skim TBSPK.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Antara punca kelewatan dalam pembekalan anak benih sawit disebabkan pembekuan penghantaran anak benih pada 22 April 2013 berikutan arahan menghentikan sementara pengedaran anak benih di Sarawak sehingga pengesahan tanah NCR diperolehi. Selain itu, peserta lewat memaklumkan penyediaan kawasan, tidak cukup kesediaan stok di nurseri (belum cukup umur 10 – 14 bulan) dan kelewatan pengeluaran pesanan belian (PO) anak benih kepada panel juga menyebabkan kelewatan pembekalan. Bagi mengatasi masalah tersebut, antara tindakan yang diambil oleh MPOB adalah seperti berikut:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. Pekebun kecil diberi tempoh 3 bulan untuk menyediakan kawasan, jika gagal surat amaran dikeluarkan dan pekebun diberi tempoh lanjutan 2 bulan untuk menyelesaikan kerja tersebut. Sekiranya gagal, peserta akan dicadang untuk dibatalkan.</i></li> <li><i>ii. ‘Outsource’ anak benih dari nurseri bukan panel yang mempunyai stok anak benih. Pegawai Zon telah membuat lawatan bagi memastikan anak benih yang akan diambil berkualiti dan subur.</i></li> <li><i>iii. Pekebun kecil yang telah siap kawasan dibenarkan memohon untuk membeli sendiri anak benih.</i></li> <li><i>iv. Mulai bulan Jun 2015, Penyelaras TUNAS Zon Sarawak dibenarkan mengeluarkan surat arahan kerja kepada pembekal anak benih bagi kes yang memerlukan bekalan anak benih dengan segera dan diikuti pengeluaran PO. Perkara ini akan diperluaskan ke zon lain jika didapati dapat mempercepatkan pengeluaran PO.</i></li> </ul>	<p>Semua Penyelaras TUNAS Zon dibenarkan untuk mengeluarkan surat arahan kerja kepada pembekal anak benih bagi kes yang memerlukan bekalan anak benih dengan segera. Memo kebenaran telah dikeluarkan pada 19 Oktober 2015.</p>
<p><b>6.4.6.2</b></p> <p><b>6.4.6.2.a</b></p>	<p><b>Baja</b></p> <p>Pembajaan adalah di antara faktor penting yang menyumbang kepada pencapaian hasil buah tandan segar yang tinggi. Kebun yang dibaja secukupnya dapat meningkatkan hasil berbanding dengan kebun yang tidak dibaja dengan sempurna. Jenis baja yang diberikan kepada pekebun kecil</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>adalah ditentukan oleh Jawatankuasa Penentuan Baja berdasarkan jenis tanah kebun. Mengikut skop bantuan Skim TSSPK dan TBSPK, baja diberikan pada tahun pertama dan kedua. Berdasarkan Manual Prosedur Kerja Skim TBSPK, proses penyaluran baja dilaksanakan selepas permohonan diluluskan. Bagaimanapun MPOB memaklumkan, perolehan baja akan dilaksanakan selepas anak benih diterima dan ditanam oleh pekebun kecil bagi mengelakkan perolehan baja yang berlebihan dan berlaku pembaziran sebelum anak benih diterima. Perolehan baja dilaksanakan oleh Unit Perolehan, ibu pejabat MPOB secara sebut harga melalui sistem e-perolehan (Sistem SENNEGO). Proses penyediaan sebut harga sehingga pembekalan baja dan pembayaran mengambil masa 60 hari (2 bulan).</p>	
<p><b>6.4.6.2.b</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati 30 daripada 68 atau 44.1% pembekalan baja tahun pertama mengambil masa melebihi 2 bulan iaitu antara 3 hingga 18 bulan daripada tarikh penerimaan anak benih sawit dan 33 pekebun kecil belum menerima baja sehingga tarikh lawatan Audit iaitu 18 daripadanya telah melebihi 2 bulan antara 3 hingga 28 bulan.</p>	
<p><b>6.4.6.2.c</b></p>	<p>Antara kelewatan pembekalan baja adalah disebabkan pekebun kecil tidak memaklumkan kawasan telah sedia atau telah siap tanam, penangguhan penyediaan kawasan oleh pekebun kecil, pekebun kecil tidak atau sukar dihubungi oleh Pegawai TUNAS dan pembekal gagal melaksanakan pembekalan.</p>	
<p><b>6.4.6.2.d</b></p>	<p>Berdasarkan Amalan Pertanian Baik, kekerapan membaja adalah tidak kurang daripada 2 kali setahun. Bagaimanapun, terdapat pekebun kecil yang masih belum menerima baja walaupun pokok anak benih sawit telah ditanam melebihi 12 bulan. Ini menyebabkan pusingan pembajaan tidak dapat dilaksanakan oleh pekebun kecil seperti yang disyorkan dan seterusnya memberi impak kepada hasil buah tandan segar.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Sebanyak 73% Skim TSSPK dan 80% Skim TBSPK daripada senarai sampel rawak pekebun kecil yang dilaporkan telah menerima baja. Antara tindakan telah diambil adalah mengadakan perbincangan dengan syarikat pembekal baja untuk mengatasi masalah pembekalan. Penambahan jenis baja dan pembekal dibuat dari semasa ke semasa. Sehingga kini, terdapat sebanyak 58 pembekal baja yang melibatkan 6 jenis baja.</i></p>	<p>Sebanyak 84% Skim TSSPK dan 82% Skim TBSPK daripada senarai sampel rawak pekebun kecil yang dilaporkan telah menerima baja. Rujuk Lampiran B &amp; C.</p> <p>Pada 22 Oktober 2015, mesyuarat bersama 14 pembekal baja telah diadakan bagi melaporkan status penghantaran baja oleh syarikat masing-masing. Hasil daripada mesyuarat, kawasan-kawasan penghantaran baja tertunggak telah dikenal pasti untuk tindakan penyelesaian oleh syarikat pembekal yang berkenaan. Mesyuarat</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
		pemantauan kepada syarikat yang mempunyai masalah tunggakan penghantaran baja akan diadakan pada setiap bulan untuk melaporkan status pelaksanaan.
<p><b>6.4.6.3</b></p> <p><b>6.4.6.3.a</b></p>	<p><b>Bahan Kimia</b></p> <p>Bahan kimia digunakan untuk mengawal musuh perosak tanaman sawit supaya kebun sawit bebas daripada serangan serangga perosak, hidup subur dan seterusnya mengeluarkan hasil yang tinggi. Pekebun kecil Skim TSSPK dan TBSPK akan dibekalkan racun perosak atau rumpai bagi memastikan kebun dijaga mengikut Amalan Pertanian Baik. Racun rumpai diperlukan untuk kerja pembersihan rumpai di sekeliling pangkal pokok sawit dan lorong tanaman manakala racun serangga disemur ke pokok bagi mengawal dan mengelakkan serangan perosak. Bahan kimia Blocus merupakan bahan kimia yang mengawal serangan kumbang badak yang merosakkan pokok sawit muda. Racun ini hanya diberikan kepada pekebun kecil Skim TSSPK manakala racun rumpai iaitu Basta 15 diberikan kepada pekebun kecil Skim TSSPK dan TBSPK.</p>	<p>Sehingga 31 Oktober 2015, pelaksanaan sistem baucer adalah di peringkat kedua runding terus harga. Keputusan dijangka dibuat dalam Mesyuarat Lembaga MPOB yang dijangka akan diadakan pada awal bulan Disember 2015.</p>
<p><b>6.4.6.3.b</b></p>	<p>Perolehan bahan kimia akan dilaksanakan selepas benih diterima dan ditanam oleh pekebun kecil bagi mengelakkan perolehan bahan kimia yang berlebihan dan berlaku pembaziran sebelum anak benih diterima. Perolehan input bahan kimia dilaksanakan oleh Unit Perolehan, ibu pejabat MPOB secara sebut harga melalui Sistem SENENGO. Proses kerja perolehan bahan kimia dari penyediaan sebut harga sehingga pembekalan dan bayaran mengambil masa 60 hari (2 bulan).</p>	
<p><b>6.4.6.3.c</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati pekebun kecil belum menerima bahan kimia walaupun anak benih sawit telah diterima dan ditanam melebihi 12 bulan. Analisis Audit mendapati 18 daripada 68 atau 26.5% pembekalan bahan kimia mengambil masa melebihi 2 bulan iaitu antara 3 hingga 12 bulan dan 41 atau 60.3% pekebun kecil belum menerima bahan kimia sehingga tarikh lawatan Audit di mana 32 daripadanya telah melebihi 2 bulan iaitu antara 3 hingga 38 bulan.</p>	
<p><b>6.4.6.3.d</b></p>	<p>Kelewatan penghantaran bahan kimia boleh menyebabkan kebun kembali dipenuhi semak samun dan pokok sawit muda diserang serangga perosak dan seterusnya menjejaskan hasil pengeluaran sawit.</p>	
<p><b>6.4.6.3.e</b></p>	<p>MPOB memaklumkan kelewatan membekal bahan kimia adalah disebabkan MPOB merancang dan menyusun pekebun kecil menerima input daripada</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>pembekal berhampiran bagi menjimat kos pengangkutan. Bagi mengatasi masalah tersebut, MPOB telah merancang untuk melaksanakan Sistem Baucar bagi pengedaran racun rumpai dan perosak. Pekebun kecil boleh menuntut racun rumpai dan perosak daripada pembekal berdasarkan baucar. Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) akan dilantik secara rundingan terus sebagai pembekal racun rumpai dan perosak. Kelulusan daripada Kementerian Kewangan Malaysia telah diperolehi pada 2 Disember 2014 dengan anggaran kos sejumlah RM14 juta untuk tempoh setahun. Bagaimanapun, pelantikan NAFAS belum dibuat sehingga tarikh pengauditan pada bulan Mei 2015 walaupun kelulusan telah diterima pada bulan Disember 2014.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan penyaluran input pertanian adalah kurang memuaskan kerana penyaluran benih sawit, baja dan bahan kimia melebihi tempoh yang ditetapkan. Kelewatan ini menjejaskan pencapaian objektif skim yang bertujuan mempercepatkan penanaman semula pokok sawit tua dan meningkatkan keluasan tanaman sawit milik pekebun kecil persendirian.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Seramai 37 atau 74% daripada jumlah pekebun kecil yang belum menerima bahan kimia sehingga tarikh lawatan Audit adalah disebabkan penangguhan pembekalan bahan kimia sehingga Sistem Baucar yang jangka dilaksanakan pada bulan Januari 2016. Sejumlah RM14 juta telah diperuntukkan untuk pembekalan bahan kimia sepertimana perjanjian di antara pihak MPOB dengan pembekal bagi pelaksanaan Sistem Baucar. Pada masa kini, perolehan input akan dibuat menggunakan Sistem SENNEGO (Semenanjung) dan sebut harga manual (Sabah dan Sarawak) bagi memastikan bahan kimia dapat dibekalkan kepada pekebun kecil.</i></p>	
<p><b>6.4.7</b></p> <p><b>6.4.7.1</b></p>	<p><b>Penyenggaraan Kebun</b></p> <p>Berdasarkan Amalan Pertanian Baik, pekebun kecil perlu mengawal keliling pokok sawit daripada rumpai dan anak kayu serta mengamalkan integrasi tanaman kontan yang sesuai. Lawatan ke kebun pekebun kecil di Selangor, Johor, Perak dan Sarawak mendapati ada kebun telah disenggara dengan baik manakala ada kebun yang tidak disenggara dengan baik menyebabkan kebun dipenuhi dengan semak samun.</p>	<p>Pelaksanaan Amalan Baik Pertanian banyak bergantung kepada komitmen dan usaha pekebun kecil itu sendiri untuk melaksanakan segala khidmat nasihat yang disampaikan oleh Pegawai TUNAS Kawasan.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.7.2	<p>Kawasan kebun telah berintegrasi dengan tanaman kontan seperti pisang dan nanas pada peringkat awal penanaman di mana sawit belum mengeluarkan hasil. Lawatan Audit mendapati tanaman kontan tersebut tidak disusun mengikut jarak yang sesuai dan terlalu rapat dengan pokok sawit di daerah Muar, Johor. Ini boleh memberi kesan kepada pertumbuhan anak pokok sawit dan seterusnya memberi kesan kepada pengeluaran hasil sawit.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Peserta Skim TSSPK dan TBSPK telah diberikan khidmat nasihat berkenaan Amalan Pertanian Baik (GAP) yang disyorkan oleh Pegawai TUNAS. Ini termasuklah mengajar cara merumpai, pembajaan, kawalan penyakit dan pemangkasan yang betul serta cara integrasi tanaman kontan dengan sawit. Selain daripada tunjuk ajar lisan, edaran risalah berkaitan GAP turut diberikan. Lawatan kebun yang berkala juga dibuat oleh Pegawai TUNAS berdasarkan permintaan pekebun.</i></p>	
6.4.8 6.4.8.1	<p><b>Sistem Pengurusan Skim Tidak Digunakan Secara Optimum</b></p> <p>Pada tahun 2011, MPOB telah membangunkan Sistem Pengurusan Skim (SPS) TSSPK dan TBSPK bertujuan memudahkan pemantauan status pelaksanaan skim dari semasa ke semasa di peringkat ibu pejabat dan cawangan, memudahkan rekod perbelanjaan dibuat terhadap setiap pekebun kecil dan menambah baik sistem penyimpanan data. Sistem ini merangkumi maklumat pemohon dan kebun, status lawatan kebun, kelulusan, penyediaan kawasan, pembekalan anak benih sawit, baja dan bahan kimia. SPS mula digunakan pada tahun 2011 bagi Skim TSSPK dan Skim TBSPK pada tahun 2012.</p>	<p>Demo pertama (<i>Live Data</i>) integrasi di antara ketiga-tiga sistem iaitu Sistem Portal Pemantauan Skim (SPS), Portal-ePerolehan (Sennego) dan Sistem Century (sistem pembayaran) telah diadakan pada 2 November 2015.</p> <p>Pegawai IT MPOB Gred F52 daripada Unit IT MPOB telah ditempatkan sementara di IRED mulai 1 Oktober 2015 bagi tujuan membantu dan melancarkan proses kerja-kerja teknikal yang melibatkan sistem portal.</p>
6.4.8.2	<p>Semakan Audit mendapati SPS telah dibangunkan oleh vendor yang dilantik secara pembelian terus oleh MPOB iaitu Object Expression Sdn. Berhad dengan kos berjumlah RM49,900 pada 2 Mac 2011. <i>Source code</i> telah diserahkan kepada MPOB pada 3 Mei 2011. Bagaimanapun, kertas cadangan pembangunan SPS tidak disediakan dengan lengkap seperti kos penyenggaraan SPS, syarat penyerahan <i>source code</i> dan tempoh jangka siap pembangunan SPS. Selain itu, Surat Setuju Terima dan perjanjian pelantikan tidak disediakan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.8.3	Semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa kontrak formal hendaklah diadakan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000. Semakan Audit mendapati vendor yang dilantik telah melaksanakan kerja penyenggaraan SPS secara bulanan mulai tahun 2013. Jumlah perbelanjaan untuk kerja penyenggaraan setakat bulan Disember 2014 adalah RM46,800. Bagaimanapun, perjanjian terhadap kerja penyenggaraan SPS tidak disediakan dan ditandatangani untuk menjamin kepentingan kedua-dua pihak.	Kontrak perjanjian dengan pembekal SPS iaitu Object Expression Sdn Bhd telah ditandatangani pada 30 Oktober 2015.
6.4.8.4	Semakan selanjutnya mendapati selain perbelanjaan pembangunan dan penyenggaraan SPS, MPOB juga menambah baik sistem dengan kos berjumlah RM53,900 dan kos perkhidmatan berjumlah RM 8,002 bagi tempoh 2012 sehingga 2014. Jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan SPS setakat bulan Disember 2014 adalah berjumlah RM158,602.	
6.4.8.5	Semakan terhadap SPS mendapati maklumat pekebun kecil, status lawatan kebun dan keputusan jawatankuasa telah dimasukkan ke dalam SPS. Bagaimanapun, tiada modul untuk mengunci masuk maklumat pembekalan benih, baja dan bahan kimia bagi setiap peserta. Ini menyebabkan status terkini penyaluran input pertanian tidak dapat dipantau secara berkesan.	
6.4.8.6	Selain itu, modul lain dalam menu utama seperti laporan, pembayaran penyediaan kawasan dan pembayaran BPK serta status pembayaran tidak digunakan.	
6.4.8.7	<p>Pihak Audit menghadapi kesukaran mendapatkan maklumat pekebun kecil yang kemas kini sehingga 31 Disember 2014 bagi kedua-dua skim. Ini disebabkan rekod pembekalan input pertanian yang diselenggara oleh Unit TSSPK dan TBSPK secara berasingan dan tiada <i>master list</i> disediakan dari kelulusan sehingga pembekalan input pertanian.</p> <p>Pada pendapat Audit, penggunaan SPS untuk memudahkan pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK adalah kurang memuaskan kerana maklumat pekebun kecil tidak kemas kini dan sebahagian modul tidak digunakan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>MPOB mengambil maklum terhadap teguran Audit dan dalam peringkat akhir mengadakan perjanjian dengan vendor SPS. Selain itu, modul lain dalam menu utama SPS seperti laporan, pembayaran penyediaan kawasan dan pembayaran BPK serta status pembayaran telah digunakan dan laporan</i></p>	
Maklumat mengenai pekebun kecil sehingga ke peringkat kelulusan permohonan boleh diperolehi melalui Sistem Pemantauan Sawit (SPS) manakala bagi proses bayaran adalah melalui Sistem Perakaunan Berkomputer <i>Century Financial (SAGA)</i> dan proses perolehan pula adalah menggunakan kaedah perolehan secara pembelian terus melalui Sistem Perolehan Elektronik (SPE) MPOB.		

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>pembayaran TSSPK telah dapat dijana sehingga tahun 2013 dan 2014.</i></p> <p><i>Buat masa ini, sistem penyimpanan maklumat pekebun kecil disimpan secara berasingan iaitu SPS hanya menyimpan setakat kelulusan manakala maklumat pembayaran disimpan di Sistem Perakaunan Century dan maklumat perolehan disimpan di Sistem e-Perolehan (SENNEGO). Integrasi maklumat antara SPS Sistem Perakaunan Century dan SENNEGO adalah untuk mewujudkan akaun ledger individu pemohon di mana maklumat permohonan sehingga pembekalan input pertanian kepada setiap pemohon dapat diperolehi. Proses integrasi maklumat telah mula dijalankan pada 12 Mei 2015. Sementara itu, penggunaan master list factsheet (Microsoft Excel) akan terus digunakan sehingga proses integrasi ketiga-tiga sistem berkenaan selesai sebelum 31 Disember 2015.</i></p>	<p>Maklumat kewangan telah dikemaskini sehingga 31 Disember 2014 dan kerja-kerja integrasi sistem dijangka siap pada 31 Disember 2015.</p>
<p><b>6.4.9</b></p> <p><b>6.4.9.1</b></p>	<p><b>Khidmat Nasihat Pegawai Tunjuk Ajar Sawit</b></p> <p>Pegawai Tunjuk Ajar Sawit (TUNAS) adalah pegawai di lapangan yang berhubung secara langsung dengan pekebun kecil dalam memproses permohonan dengan menjalankan pemeriksaan tapak. Selain itu, Pegawai TUNAS juga memberikan tunjuk ajar serta khidmat nasihat penanaman dan penyenggaraan sawit mengikut Amalan Pertanian Baik MPOB.</p>	
<p><b>6.4.9.2</b></p>	<p>Semakan Audit mendapati Pegawai TUNAS tidak dapat memberi tumpuan dan tunjuk ajar secara berkesan kepada pekebun kecil. Ini adalah disebabkan nisbah Pegawai TUNAS dan pekebun kecil adalah 1:1,662. Sebanyak 69.8% atau 250 daripada 358 pegawai TUNAS adalah lantikan kontrak yang menyebabkan pertukaran pegawai yang kerap. Selain itu, hanya sebuah kenderaan pacuan 4 roda dibekalkan kepada setiap pejabat cawangan menyebabkan aktiviti pemantauan Skim TSSPK dan TBSPK sukar dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Sebanyak 4 pejabat cawangan telah dipilih secara rawak untuk menganalisis nisbah pegawai TUNAS dan pekebun kecil.</p> <p>Pada pendapat Audit, khidmat nasihat dan pemantauan oleh Pegawai TUNAS adalah kurang memuaskan kerana nisbah Pegawai TUNAS yang kecil, kerap bertukar dan kekurangan kenderaan pacuan 4 roda. Ini menyebabkan aktiviti khidmat nasihat dan pemantauan sukar dilaksanakan secara cekap dan berkesan.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Permohonan jawatan Pegawai TUNAS tambahan seramai 164 orang bagi mengurangkan nisbah Pegawai TUNAS kepada pekebun kecil telah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Kementerian. Bagaimanapun, permohonan ini telah dikaji semula. Bengkel Penstrukturan Semula Bahagian IRED telah diadakan pada 18 Ogos 2015. Antara cadangan telah dibuat adalah seperti maklum balas di perenggan 6.4.5(d). Resolusi bengkel akan dikemukakan kepada pihak pengurusan MPOB untuk pertimbangan selanjutnya.</i></p>	<p>Pada 18 Ogos 2015, satu bengkel penstrukturan semula Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan (IRED), MPOB telah diadakan bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan projek. Beberapa cadangan telah dibuat seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Surat tawaran kerja ditambahbaik dari segi faedah dan kemudahan.</li> <li>ii. Kelayakan pengambilan Pegawai TUNAS terbuka kepada lepasan SPM/Kursus Operator Mekanisasi Ladang.</li> <li>iii. Menempatkan seorang pegawai Teknologi Maklumat (IT) sekurang-kurangnya Gred F41 ke atas di IRED. Pegawai IT Gred F52 daripada Unit IT MPOB telah ditempatkan sementara di IRED pada 1 Oktober 2015 bagi tujuan membantu dan melancarkan proses kerja-kerja teknikal yang melibatkan sistem portal.</li> <li>iv. Menambah 11 pegawai pelbagai gred. Sesi temuduga telah dijalankan pada 13 Oktober 2015 dan mereka akan mula bertugas pada 16 November 2015.</li> <li>v. Penyewaan 15 buah kenderaan pacuan 4 roda telah dibuat di Sarawak dan Sabah.</li> </ol> <p>Penurunan kuasa melulus ke peringkat Zon berkuatkuasa mulai 11 Mei 2015.</p>
<p><b>6.4.10</b></p> <p><b>6.4.10.1</b></p>	<p><b>Tiada Mekanisme Menilai Outcome Daripada Skim TSSPK dan TBSPK</b></p> <p>Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012 menyatakan pencapaian program/projek ditakrifkan sebagai kejayaan menyempurnakan program/projek mengikut piawaian yang ditetapkan dari segi spesifikasi kerja, tempoh masa, kos dan kualiti <i>output</i> tetapi turut mencakupi <i>outcome</i> atau impak yang dihasilkan terhadap golongan sasaran. MPOB telah menetapkan <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) untuk pelaksanaan Skim TSSPK dan TBSPK iaitu menetapkan sasaran jumlah keluasan tanam semula dan tanam baru sawit yang perlu dicapai bagi setiap tahun. <i>Outcome</i> yang ditetapkan adalah meningkatkan pendapatan pekebun kecil dengan meningkatkan produktiviti pekebun kecil dengan purata hasil buah tandan segar 22 tan/hektar/tahun pada tahun 2020.</p>	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian <i>Outcome</i> yang pertama telah diadakan pada 23 Oktober 2015. Susulan daripada mesyuarat berkenaan, beberapa Pegawai Penyelidik telah dikenalpasti dan akan membentuk pasukan penilaian <i>Outcome</i> dan dijangka akan mengeluarkan laporan penyelidikan pada April 2016.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.10.2	<p>Semakan Audit mendapati KPI Skim TSSPK dan TBSPK ada dinilai dari semasa ke semasa melalui jumlah keluasan yang telah diluluskan oleh MPOB. Bagaimanapun, tiada mekanisme untuk menilai <i>outcome</i> yang dihasilkan daripada skim seperti kadar peningkatan pendapatan dan hasil pengeluaran sawit pekebun kecil. Semakan selanjutnya mendapati Buku Rekod Ladang merupakan salah satu mekanisme untuk merekod dan menilai <i>outcome</i> yang dihasilkan daripada skim. Bagaimanapun, Buku Rekod Ladang tidak diedarkan kepada semua pekebun kecil Skim TSSPK dan TBSPK. Ini disebabkan Skim TSSPK dan TBSPK mula dilaksanakan pada tahun 2011 dan hasil pengeluaran sawit hanya dapat dinilai selepas 3 tahun pokok sawit ditanam.</p> <p>Pada pendapat Audit, walaupun Skim TSSPK dan TBSPK akan tamat pada tahun 2020, adalah wajar penilaian <i>preliminary outcome</i> dijalankan memandangkan ia penting untuk menilai tahap pencapaian objektif dan kejayaan skim TSSPK dan TBSPK dalam membantu pekebun kecil meningkatkan pendapatan dan hasil pengeluaran sawit.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Satu kajian awal bertajuk "Preliminary Evaluation on 1st Year FFB Yield Among TSSPK Participants" sedang dilaksanakan untuk menilai outcome mengenai hasil tahun pertama buah tandan segar dan pendapatan Skim TSSPK dan TBSPK. Kajian yang lain yang berkaitan akan dicadangkan sebagai projek penyelidikan oleh Pegawai Penyelidik IRED untuk pertimbangan Programme Advisory Committee 2016. Selain itu, Jawatankuasa Kerja Pasukan Kajian Penilaian Outcome Projek EPP1 telah ditubuh dan diluluskan penubuhannya pada 22 Julai 2014.</i></p>	
6.4.11	<p><b>Pemantauan</b></p> <p>6.4.11.1 Pemantauan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan pengurusan Skim TSSPK dan TBSPK dilaksanakan dengan cekap dan berkesan supaya kelemahan dan masalah di peringkat awal dikenal pasti dan pembetulan dibuat dengan segera.</p>	
6.4.11.2	<p>Semakan Audit mendapati kekerapan mesyuarat jawatankuasa adalah berdasarkan keperluan. Sebanyak 40 mesyuarat Jawatankuasa Pemandu TBSPK dan 91 mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana TSSPK telah diadakan antara tahun 2011 sehingga 2014.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
6.4.11.3	<p>Antara agenda mesyuarat adalah menimbang dan meluluskan permohonan serta tuntutan bayaran. Semakan selanjutnya mendapati pemantauan terhadap permohonan dan tuntutan bayaran telah dilaksanakan dengan baik berserta gambar sebagai bukti. Bagaimanapun, tiada agenda mesyuarat untuk membincangkan status kemajuan penyaluran input pertanian di peringkat Jawatankuasa Pelaksana TSSPK dan Jawatankuasa Pemandu TBSPK. Sehubungan itu, tiada pemantauan terhadap penyaluran input pertanian di peringkat jawatankuasa bagi memastikan input pertanian disalurkan kepada pekebun kecil dalam tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan Skim TSSPK dan TBSPK adalah memuaskan. Bagaimanapun, pemantauan terhadap penyaluran input pertanian adalah kurang berkesan kerana berlaku kelewatan dalam menyalurkan input pertanian kepada pekebun kecil.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada MPOB Diterima Pada 8 September 2015</b></p> <p><i>Pemantauan penyaluran input pertanian telah dibuat di peringkat cawangan dan Ibu Pejabat melalui penyelarasan pengkalan data mengikut seksyen masing-masing. Pemantauan juga telah dibuat melalui mesyuarat khas seperti mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Anak Benih, Baja dan Racun, mesyuarat Penentuan Baja TSSPK dan TBSPK mesyuarat bersama panel pembekal anak benih, mesyuarat bersama pembekal baja dan mesyuarat bersama Commerce Dot Com.</i></p>	<p>Pemantauan sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa melalui beberapa mesyuarat khas seperti yang telah dinyatakan.</p>

**(SYARIKAT SUBSIDIARI BADAN BERKANUN  
PERSEKUTUAN)**



**LAPORAN MAKLUM BALAS KE ATAS ISU-ISU UTAMA DALAM  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN SERTA  
PENGURUSAN SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI SIRI 3 TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**Universiti Kebangsaan Malaysia**

**Perenggan 11 : Pengurusan Syarikat UKM Tech Sdn. Bhd.**

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
<p><b>11.4.1.1</b></p> <p><b>11.4.1.1.a</b></p>	<p><b>Analisis Trend</b></p> <p>Pada tahun 2009 sehingga 2013, UKMTEch mencatatkan kerugian bersih bagi tempoh 5 tahun berturut-turut. Kerugian bersih dari tahun 2009 sehingga tahun 2011 menunjukkan peningkatan daripada RM27,119 kepada RM2.24 juta disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan pentadbiran sejumlah RM2.47 juta yang terdiri daripada kos seperti gaji pekerja, perbelanjaan tiket kapal terbang, sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya. Bermula tahun 2011, kos pentadbiran UKMTEch meningkat antaranya disebabkan UKMTEch terpaksa menanggung kos pentadbiran syarikat subsidiari yang masih di bawah bimbingan UKMTEch. Bagaimanapun, kerugian ini telah menurun kepada RM61,209 pada tahun 2012 dan RM1,792 pada tahun 2013 disebabkan daripada penerimaan geran bagi menampung perbelanjaan tahun semasa. Kerugian terkumpul bagi tahun 2009 sehingga 2013 menunjukkan trend peningkatan kesan daripada kerugian bersih yang dialami syarikat bagi tempoh tersebut. Sehingga 31 Disember 2013, UKMTEch mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM3.08 juta melebihi modal berbayar syarikat berjumlah RM1 juta.</p>	<p><u>Penjelasan tambahan:</u></p> <p>Pecahan perbelanjaan keseluruhan UKMTECH adalah meliputi kos emolumen (<i>personnel costs</i>), pentadbiran (<i>administrative costs</i>) dan operasi membabitkan pengurusan projek, promosi dan pengkomersilan (<i>operation, marketing and commercialisation</i>).</p> <p>Kerugian terkumpul UKMTECH telah berkurangan bermula tahun 2012 disebabkan pelarasan perbelanjaan geran (bukan 'penerimaan geran'). Ini kerana pengurusan baru UKMTECH dengan bantuan dan nasihat juruaudit kewangan telah berjaya mengesan ralat rekod perbelanjaan dana yang belum dipadankan dengan geran yang diterima dari tahun 2009 hingga 2011. Ini menyebabkan rekod kewangan menunjukkan UKMTECH kerugian berterusan dari tahun ke tahun. Pelarasan telah dibuat pada tahun 2012 hingga 2014. Ianya selaras Malasian Accounting Standard Board (MASB) – MASB21: <i>Accounting for Government Grants and Disclosure of Government Assistance</i> ("government grants are receipts from a source other than shareholders, they shall not be credited directly to shareholders' interests but shall be recognised as income in appropriate periods").</p> <p>Hasilnya, UKMTECH telah mencatatkan status kewangan sebenar bermula pada tahun 2014.</p>
<p><b>11.4.1.1.b</b></p>	<p>Pendapatan utama UKMTEch terdiri daripada yuran pengurusan, royalti logo UKM, bayaran inkubator dan lain-lain pendapatan seperti yuran perkhidmatan, yuran konsultasi dan yuran perlesenan. Selain itu, UKMTEch juga mempunyai pendapatan daripada operasi lain seperti faedah simpanan, faedah simpanan tetap, geran inovasi dari UKM dan lain-lain pendapatan antaranya terdiri</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>daripada pulangan bayaran. Pada tahun 2010 sehingga 2013, pendapatan utama UKMTech menunjukkan trend turun naik. Pada tahun 2011, pendapatan UKMTech mengalami penurunan sejumlah RM60,927 atau 24.3% berbanding tahun 2010 disebabkan oleh penurunan pendapatan royalti, kesan daripada penurunan permintaan terhadap penggunaan logo UKM oleh syarikat luar. Bagaimanapun, pendapatan UKMTech telah meningkat sejumlah RM0.57 juta atau 302.6% pada tahun 2012 kepada RM0.76 juta akibat daripada peningkatan pendapatan royalti, peningkatan lain-lain pendapatan serta peningkatan pendapatan yuran pengurusan, kesan daripada pertambahan projek yang diuruskan dan pertambahan syarikat subsidiari. Bagi tahun 2013, jumlah pendapatan menurun sejumlah RM0.19 juta atau 24.7% kepada RM0.58 juta disebabkan oleh penurunan pendapatan royalti serta lain-lain pendapatan.</p>	
11.4.1.1.c	<p>Bagi pendapatan operasi lain, pendapatan yang diperoleh menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2009 sehingga 2013. Pada tahun 2009, sumber pendapatan operasi lain UKMTech berjumlah RM2,029 dan pendapatan ini telah meningkat kepada RM1.43 juta pada tahun 2013 disebabkan oleh pemberian geran daripada UKM. Pada tahun 2012, berlaku peningkatan di dalam lain-lain pendapatan kerana terdapat pulangan bayaran daripada lebihan emolumen pekerja. Sehingga tahun 2014, UKMTech menerima sejumlah RM6.5 juta Geran Pembangunan STU untuk perbelanjaan STU peringkat pra-komersial dan komersial serta sejumlah RM4.25 juta Dana Inovasi bagi membiayai 49 projek inovasi yang terpilih. Secara umumnya pendapatan geran adalah melebihi pendapatan aktiviti utama UKMTech.</p>	<p><u>Penjelasan tambahan:</u></p> <p>Pendapatan operasi lain yang meningkat pada tahun 2013 disebabkan oleh pelarasan geran (bukan 'penerimaan geran') yang menjadi <i>deferred income</i> (pendapatan tertunggak) iaitu pendapatan lain bukan urusan perniagaan (<i>other income</i>) yang dipadankan dengan perbelanjaan geran tahun sebelumnya. Deferred income (pendapatan tertunggak) yang dipadankan kepada perbelanjaan yang mengakibatkan kerugian pada tahun 2009 hingga 2011 (Perkara 11.4.4.1a) adalah sebanyak RM782,615.07 (2012), RM1,393,711.37 (2013) dan RM 3,524,175.53 (2014)</p>
11.4.1.1.d	<p>Perbelanjaan operasi UKMTech meliputi komisen jualan, promosi, elaun projek, kos royalti dan lain-lain perbelanjaan operasi. Bagi tahun 2009 sehingga 2011, hanya kos promosi yang ditanggung oleh UKMTech berjumlah RM7,400 kerana syarikat baru ditubuhkan dan aktiviti bermula pada tahun 2011. Selain itu, terdapat juga perbelanjaan pentadbiran yang terdiri daripada gaji pekerja, tiket kapal terbang, sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebagainya. Pada tahun 2011, perbelanjaan pentadbiran UKMTech meningkat sejumlah RM1.44 juta atau 141% berbanding tahun 2010 antaranya disebabkan UKMTech terpaksa menanggung kos pentadbiran syarikat subsidiari. Bagi tahun 2012, perbelanjaan operasi UKMTech telah meningkat kepada RM0.19 juta disebabkan peningkatan kos royalti serta terdapat beberapa kos baru seperti elaun projek dan lain-lain perbelanjaan yang ditanggung oleh UKMTech bagi menguruskan projek inovasi yang bermula pada tahun tersebut. Pada tahun 2013, perbelanjaan operasi menurun kepada RM0.05 juta atau 72% disebabkan projek yang diuruskan</p>	<p><u>Penjelasan tambahan:</u></p> <p>Pecahan perbelanjaan keseluruhan UKMTECH adalah meliputi kos emolumen (<i>personnel costs</i>), pentadbiran (<i>administrative costs</i>) dan operasi membabitkan pengurusan projek, promosi dan pengkomersilan (<i>operation, marketing and commercialisation</i>).</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	adalah dalam pelaksanaan.	
<p><b>11.4.1.2</b></p> <p><b>11.4.1.2.a</b></p>	<p><b>Analisis Nisbah Kewangan</b></p> <p><b>Nisbah Semasa</b></p> <p>Nisbah Semasa menunjukkan kemampuan sesebuah syarikat menjelaskan hutang jangka pendek dengan membandingkan aset semasa dan liabiliti semasa. Nisbah Semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan yang tinggi dan berupaya menampung liabiliti semasanya. Analisis Audit mendapati Nisbah Semasa bagi tahun 2011 adalah kurang daripada 2. Ini berlaku kerana liabiliti semasa UKMTech adalah tinggi berbanding dengan aset semasa syarikat. Peningkatan liabiliti semasa pada tahun 2011 adalah disebabkan oleh kesilapan mengakaunkan geran yang akan diterima ke dalam liabiliti semasa yang sepatutnya diakaunkan ke dalam akaun geran di bawah liabiliti jangka panjang. Bagaimanapun pada tahun 2012, kesilapan ini telah dibuat pelarasan dan kesannya penurunan yang ketara bagi liabiliti semasa. Bagi tahun 2009, 2010, 2012 dan 2013, Nisbah Semasa UKMTech adalah lebih daripada 2 dan ini menunjukkan UKMTech mampu untuk menjelaskan hutang jangka pendeknya.</p>	<p><u>Penjelasan tambahan:</u></p> <p>Nisbah Semasa bagi tahun 2014 ialah lebih daripada 2 dan ini menunjukkan UKMTECH mampu untuk menjelaskan hutang jangka pendeknya.</p>
<p><b>11.4.1.2.b</b></p>	<p><b>Margin Untung Bersih</b></p> <p>Margin Untung Bersih menunjukkan keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan bagi pendapatan yang diperoleh. Margin Untung Bersih UKMTech bernilai negatif bagi tempoh 5 tahun berturut-turut disebabkan kerugian yang dialami dari tahun 2009 sehingga 2013. Bagaimanapun, Margin Untung Bersih UKMTech menunjukkan peningkatan daripada negatif 978.3% pada tahun 2011 kepada negatif 0.1% pada tahun 2013.</p>	<p><u>Penjelasan tambahan:</u></p> <p>Margin Untung Bersih telah kembali positif dengan nilai 59% pada tahun 2014. Ini disebabkan UKMTECH mencatatkan keuntungan setelah pelarasan lanjutan dibuat dengan nasihat dan kerjasama juruaudit kewangan bagi kesilapan mengakaunkan geran yang diterima dalam tahun awal operasi UKMTECH pada 2009, 2010 dan 2011.</p>
<p><b>11.4.1.2.c</b></p>	<p><b>Pulangan Atas Aset</b></p> <p>Pulangan Atas Aset mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik keupayaan syarikat untuk menjana pendapatan. Pulangan Atas Aset UKMTech adalah tidak memuaskan kerana menunjukkan peratusan yang negatif bagi 5 tahun berturut-turut disebabkan kerugian yang dialami. Pada tahun 2009, Pulangan Atas Aset adalah negatif 1.3% dan telah menurun pada tahun 2011 kepada negatif 85%. Bagaimanapun, pada tahun 2012, Pulangan Atas Aset telah</p>	<p><u>Penjelasan tambahan:</u></p> <p>Pulangan Atas Aset telah kembali positif dengan nilai 58.38% pada tahun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	meningkat kepada negatif 1.9% dan negatif 0.04% pada tahun 2013. Peningkatan Pulangan Atas Aset adalah disebabkan oleh peningkatan jumlah aset yang terdiri daripada baki tunai dan pengurangan kerugian bersih pada tahun semasa.	
11.4.1.2.d	<p><b>Pulangan Atas Ekuiti</b></p> <p>Pulangan Atas Ekuiti bertujuan untuk mengukur pulangan ke atas modal syarikat iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi pelaburan yang dibuat. Pada umumnya, semakin tinggi peratusan Pulangan Atas Ekuiti menunjukkan prestasi syarikat semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat berupaya menjana keuntungan yang tinggi kepada pemegang saham. Pulangan Atas Ekuiti UKMTech tidak memuaskan kerana peratusan pulangan adalah negatif bagi 5 tahun berturut-turut. Bagi tahun 2009 sehingga 2011, Pulangan Atas Ekuiti UKMTech menunjukkan penurunan iaitu dari negatif 2.7% pada tahun 2009 kepada negatif 223.7% pada tahun 2011 disebabkan peningkatan kerugian bersih yang dialami. Bagaimanapun pada tahun 2012, Pulangan Atas Ekuiti UKMTech menunjukkan peningkatan iaitu negatif 6.1% seterusnya negatif 0.2% bagi tahun 2013.</p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan UKMTech bagi tahun 2009 sehingga 2013 adalah tidak memuaskan. UKMTech telah mengalami kerugian bersih selama 5 tahun berturut-turut dari tahun 2009 sehingga 2013. Sehingga 31 Disember 2013, UKMTech telah mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM3.08 juta melebihi modal berbayar syarikat sejumlah RM1 juta.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015</b></p> <p><i>Prestasi kewangan tahun 2009 sehingga 2013 belum menunjukkan keuntungan operasi namun telah menunjukkan peningkatan bermula tahun kewangan 2012. Ini kerana pengurusan baru UKMTech dengan bantuan dan nasihat juruaudit kewangan telah berjaya mengesan ralat rekod perbelanjaan dana yang belum dipadankan dengan geran yang diterima dari tahun 2009. Ini menyebabkan rekod kewangan menunjukkan UKMTECH kerugian dari tahun ke tahun. Pelarasan tahun-tahun lepas telah dibuat dalam tahun 2014. Hasilnya, UKMTECH telah berjaya mengurangkan kerugian terkumpul sebanyak 83% kepada RM519,563 bagi tahun kewangan 2014. Tindakan penambahbaikan dibuat dengan memastikan perbelanjaan geran pembangunan dan pengkomersialan direkodkan ke tahun semasa.</i></p>	<p><u>Penjelasan tambahan:</u></p> <p>Pulangan Atas Ekuiti telah kembali positif dengan nilai 256% pada tahun 2014.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.2	<p><b>Pengurusan Aktiviti</b></p> <p>Mulai tahun 2011, UKMTech bergiat aktif sebagai syarikat pemindahan teknologi untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan UKM ke pasaran global. Pengkomersialan produk inovasi dan harta intelek dibuat antaranya melalui penyerahan hak, melesenkan kepada syarikat pihak ketiga, lesen kepada STU, menubuhkan STU baru atau syarikat usaha sama. UKMTech akan bertindak sebagai pemberi lesen bagi pihak UKM dan menjadi wakil UKM sebagai pemegang saham dalam syarikat bagi STU atau syarikat usaha sama universiti. Bagi projek inovasi, Pusat Inovasi Kolaboratif (PIK), UKM dan UKMTech akan menjalankan pemilihan teknologi yang hendak dikomersialkan berdasarkan kepada <i>due diligence</i> yang dilaksanakan.</p>	Maklum Balas UKMTECH pada 7 Mei 2015 dan 17 September 2015 telah direkodkan dalam Laporan Audit.
11.4.2.1 11.4.2.1.a	<p><b>Prestasi Pengkomersialan</b></p> <p>Setakat bulan Disember 2014, sebanyak 24 atau 49% daripada 49 projek inovasi telah disiapkan manakala 25 projek masih di peringkat penyelidikan dan pembangunan. Sebanyak 14 projek daripada 24 projek yang disiapkan telah dikomersialkan.</p>	
11.4.2.1.b	<p>Semakan Audit mendapati 3 projek yang dikomersialkan iaitu <i>The Development of Compact Food For Athletes And Service Men (ProBar)</i>, <i>Intelligent Project Management System For Small and Medium Enterprise (SME)</i> dan <i>Development of Non-Invasive Vascular Risk Prediction (NIVAR)</i> tidak memberi sebarang pulangan kepada syarikat walaupun telah disiapkan pada tahun 2011 dengan kos projek RM186,000. Seterusnya bagi 2 projek dengan kos projek RM150,000 yang dikomersialkan melalui syarikat A1 Meditech Sdn. Berhad dan Biotech Diagnostics Sdn. Berhad juga tidak menjana sebarang pulangan. Bagi 3 projek yang dikomersialkan sendiri oleh UKMTech dan 6 projek melalui STU, telah berjaya menjana pendapatan sejumlah RM1.49 juta. Bagi projek Cilibangi, <i>JetP</i> dan <i>Casemix</i> menunjukkan pulangan yang baik dan dapat menampung kos pembiayaan penyelidikan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015</b></p> <p><i>Produk The Development of Compact Food For Athletes And Service Men (ProBar) telah berjaya mendapat syarikat luar untuk dilesenkan teknologi dengan syarat (condition precedent) mendapat dana pembangunan dan pengkomersialan. Perlesenan tidak dapat diteruskan kerana syarikat tersebut</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>tidak berjaya mendapatkan dana yang dipersetujui. Oleh yang demikian, UKMTECH sedang dalam usaha mengkomersialkan sendiri dengan mengenalpasti dana daripada agensi seperti Cradle Fund, MTDC dan Teraju bagi meneruskan pemindahan teknologi dan pengkomersialan projek ini.</i></p> <p><i>Projek Intelligent Project Management System For Small and Medium Enterprise (SME-EZUrus) berjaya dikomersialkan pada 31 Disember 2013 dengan IP baru menggunakan nama EZ Monitor. Produk ini dilesenkan kepada syarikat Possible Technologies Sdn. Berhad selaku product integrator dan digunakan untuk salah satu sistem pemantauan di Perbadanan Putrajaya.</i></p> <p><i>Projek Development of Non-Invasive Vascular Risk Prediction (NIVAR) baru sahaja berjaya dilesenkan kepada syarikat BioCore (M) Sdn Bhd pada bulan Ogos 2015.</i></p>	
11.4.2.1.c	<p>Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 10 projek yang telah disiapkan pada tahun 2012 dan 2013 dengan kos berjumlah RM1.03 juta belum dapat dikomersialkan. Antaranya disebabkan oleh teknologi sesuatu produk tidak dapat diterima oleh pasaran, persaingan harga pasaran yang sengit, produk tiada daya tarikan dan memerlukan penyelidikan lanjut terhadap produk yang dihasilkan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015</b></p> <p><i>UKMTech telah menyertai lebih 25 acara dan pameran dalam dan luar negara bagi mempromosikan produk dan harta inteleknya antara bulan Jun 2011 sehingga Disember 2014. UKMTech telah menerima pelbagai maklum balas hasil daripada aktiviti promosi ini dan telah menghantar sampel produk termasuk ke luar negara bagi tujuan mendapatkan minat syarikat-syarikat ini terhadap produk UKM. Projek ini juga telah menerima suntikan dana daripada agensi kerajaan bagi tujuan pembinaan beta prototaip dan dana pre-komersial.</i></p>	
11.4.2.1.d	<p>Semakan Audit mendapati, UKMTech ada menyediakan <i>Key Milestones</i> dan <i>Roadmap</i> yang menggariskan strategi syarikat bermula dari penubuhannya pada tahun 2009 sehingga 2015. Ia juga merangkumi peringkat pelan pengkomersialan iaitu penubuhan STU hingga hasil dari R&amp;D yang dilaksanakan dapat komersialkan. Bagaimanapun, strategi dan pelan perniagaan yang disediakan adalah dalam bentuk gambar rajah dan graf yang agak sukar untuk difahami. Pihak UKMTech juga tidak dapat memastikan</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>sama ada <i>Key Milestones</i> dan <i>Roadmap</i> yang disediakan telah dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015</b></p> <p><i>Key Milestones dan Roadmap akan dimasukkan ke dalam Rancangan Pengkomersialan Teknologi dan Rancangan Perniagaan baru yang dijangka siap pada 30 November 2015.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, prestasi pengkomersialan produk inovasi oleh UKMTech adalah kurang memuaskan kerana 10 daripada 24 projek telah siap belum dikomersialkan. Manakala 5 daripada 14 projek yang dikomersialkan tidak menjana sebarang pulangan. Selain itu, UKMTech tidak menyediakan pelan komersial produk inovasi yang komprehensif bagi menentukan tempoh masa untuk mengkomersialkan produk inovasi walaupun telah disiapkan dalam tahun 2012 dan 2013.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 7 Mei 2015 Dan 17 September 2015</b></p> <p><i>Produk ProBar dan SME diletakkan dalam status Simpan Dalam Perhatian (KIV) di mana UKMTech tidak membiayai pembangunan atau promosi khusus terhadap produk tersebut tetapi akan mempromosi secara berkumpulan di dalam ekspo dan jaringan bersama industri. UKMTech akan memberi tumpuan khusus apabila ada permintaan industri. Justifikasi ini dibuat kerana usaha promosi untuk pengkomersialan sebelum ini gagal mendapat penerimaan pasaran. Produk NIVAR dibangunkan semula (R&amp;D) berdasarkan kepada maklum balas pasaran. Prototype baru kini dalam proses pengujian.</i></p> <p><i>Produk yang dikomersialkan oleh A1 Meditech Sdn. Berhad tidak mendapat sambutan pasaran. Produk ini dipilih dan dibiayai oleh MTDC. Produk Diagnostic Kits yang dikomersialkan oleh Biotech Diagnostics Sdn. Berhad tidak dapat mencapai tahap pre-production untuk tujuan pengeluaran dan penjualan atas beberapa kesulitan teknikal. Produk ini dipilih dan dibiayai oleh Cradle Fund. Syarikat A1 Meditech dan Biotech Diagnostics telah dasingkan daripada kumpulan UKMTech.</i></p> <p><i>UKMTech dalam rangka menyiapkan Technology Commercialisation Pelan (TCP) yang akan menjadi modul komprehensif sebagai template untuk</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>UKMTech dan PIK mengkaji pasaran, menilai potensi dan merancang pengkomersialan. Modul TCP ini dibangunkan oleh UKMTech bersama pakar dari universiti dan industri. Sasaran tempoh pengkomersialan akan ditetapkan berdasarkan TCP. TCP akan disediakan khusus untuk setiap produk atau anak syarikat. Strategi dan pelan perniagaan yang komprehensif akan disediakan berdasarkan TCP. Pelan perniagaan ini akan dikaji secara berkala terutama dari segi kewangan dan operasi untuk memastikan keberkesanan serta mengikut sasaran yang ditetapkan.</i></p> <p><i>Berdasarkan kepada prestasi keseluruhan operasi, kekangan teknikal dan kewangan serta pendapat Audit dan nasihat dari KSU Kementerian Pengajian Tinggi, UKMTech dan UKM bersetuju untuk menyediakan Strategi dan pelan pengkomersialan baru. UKMTech bersama entiti Penyelidikan dan Inovasi UKM serta pengurusan strategik UKM telah mengadakan beberapa siri perbincangan yang akan disusuli dengan pembentangan kepada Lembaga Pengarah UKMTech dan pengurusan tertinggi (MPU) UKM. Terkini, UKMTech dalam proses menyiapkan rancangan di peringkat teknologi dan anak syarikat yang akan dinilai dan dimasukkan ke dalam Rancangan Perniagaan Induk UKMTech yang dijangka selesai pada 30 November 2015.</i></p>	
11.4.2.2	<p><b>Penubuhan Syarikat Terbitan Universiti</b></p> <p>Mulai tahun 2009, UKMTech telah menubuhkan 25 Syarikat Terbitan Universiti (STU) untuk mengkomersialkan produk inovasi dan harta intelek. Sebanyak 15 STU yang diurus oleh UKMTech dan 10 STU yang dikelola bersama dengan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) di bawah Program Simbiosis UKM-MTDC.</p>	
11.4.2.2.a	<p><b>Syarikat Terbitan Universiti Di bawah UKMTech</b></p> <p>Pada asalnya, UKMTech mempunyai 15 STU. Bagaimanapun pada tahun 2012, pengurusan Syarikat K Eco Tourism Sdn. Berhad (K Eco Tourism) dipindahkan kepada UKM Holdings Sdn. Berhad disebabkan aktiviti perniagaan K Eco Tourism tidak melibatkan teknologi. Selain itu, pada tahun 2013 Syarikat UKM E Biz Sdn. Berhad telah ditutup kerana masalah teknologi dan pasaran.</p>	
11.4.2.2.a.i	<p>Pendapatan STU terdiri daripada pendapatan hasil aktiviti utama syarikat dan pendapatan lain antaranya kursus atau latihan yang dianjurkan. Semakan Audit mendapati semua 13 STU menjana pendapatan. Bagaimanapun, jumlah pendapatan yang diperolehi tidak dapat menampung perbelanjaan syarikat.</p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
11.4.2.2.a.ii	Semakan Audit mendapati 4 STU mencatat kerugian berterusan bagi tahun 2012 sehingga 30 September 2014 iaitu syarikat My C.R.O, Casemix Solutions, Serotech dan Kievision Technology. Kerugian ini disebabkan jumlah perbelanjaan adalah melebihi pendapatan antara 12.6% hingga 137.5%. Seterusnya, 6 STU mendapat keuntungan pada tahun 2014 iaitu syarikat Minds Technology, Altus Technology, VLearning, Tela Technology, UGreentech dan Biotech Diagnostics adalah disebabkan jumlah pendapatan melebihi perbelanjaan. Di samping itu, bagi syarikat Minds Technology, Altus Technology, VLearning dan Tela Technology pada tahun tersebut juga terdapat peningkatan di dalam pendapatan lain. Tiga STU mengalami penurunan keuntungan dari tahun 2012 sehingga 2014 iaitu syarikat Compleo Technology, Valde Technology dan Refrex Sdn. Berhad disebabkan penurunan di dalam pendapatan aktiviti utama dan pendapatan lain.	
11.4.2.2.a.iii	Semakan Audit selanjutnya mendapati 6 STU tidak menjana sebarang pendapatan daripada aktiviti utamanya iaitu Syarikat Minds Technology Sdn. Berhad, Biotech Diagnostics Sdn. Berhad, Kievision Technology Sdn. Berhad, VLearning Sdn. Berhad, Altus Technology Sdn. Berhad dan Tela Technology Sdn. Berhad. Sumber pendapatan lain tidak dapat menampung kos operasi syarikat menyebabkan syarikat mengalami kerugian berterusan.	
11.4.2.2.a.iv	<p>UKMTech tidak menyediakan laporan kewangan projek yang menunjukkan secara terperinci butiran pendapatan dan perbelanjaan setiap projek yang menyebabkan berlakunya perbelanjaan melebihi pendapatan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015</b></p> <p><i>Laporan kewangan yang dibuat pada tahun awal meneroka operasi pemindahan teknologi dan pengkomersialan tidak begitu tepat dan lengkap kerana banyak faktor yang belum dikenal pasti yang menjejaskan kelancaran pembangunan, bajet dan keberhasilan projek awal ini. UKMTech akan menyediakan laporan kewangan projek yang lebih terperinci berdasarkan Technology Commercialisation Plan (TCP) yang baru yang dijangka akan selesai pada 30 Mac 2016.</i></p>	
11.4.2.2.b	<b>Syarikat Terbitan Universiti Di bawah Program Simbiosis UKM-MTDC</b>	
11.4.2.2.b.i	Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) telah dilantik oleh Kerajaan untuk mengurus dan mentadbir dana pengkomersialan bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan oleh universiti dan	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>institusi pengajian tinggi di Malaysia. MTDC telah menawarkan untuk membiayai 10 projek inovasi yang dikendalikan oleh UKM. Bagi tujuan tersebut, UKMTech menubuhkan 10 STU dan setiap STU menerima geran antara RM1.94 juta sehingga RM2 juta daripada MTDC.</p>	
11.4.2.2.b.ii	<p>Menurut perjanjian antara MTDC dengan STU, tempoh perjanjian adalah selama 2 tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani iaitu sehingga 31 Oktober 2013. Pada tarikh tersebut syarikat sepatutnya telah menjadi <i>spin-off companies</i> yang bebas, berdikari dan berjaya meraih keuntungan apabila dikomersialkan. Bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan setakat bulan Disember 2014, pelaksanaan <i>spin-off</i> bagi syarikat berkenaan masih belum disempurnakan.</p>	
11.4.2.2.b.iii	<p>Semakan Audit terhadap penyata kewangan tahun 2012 dan 2013 bagi syarikat di bawah Program Simbiosis UKM-MTDC mendapati kesemua STU menunjukkan peningkatan di dalam kerugian terkumpul setiap tahun. Hanya 2 STU iaitu PV &amp; T Technologies Sdn. Berhad dan NX Photonics Sdn. Berhad berjaya mendapat pendapatan operasi bagi tahun 2013. Bagaimanapun, kos operasi Syarikat PV &amp; T Technology Sdn. Berhad pada tahun 2013 adalah 119.3% lebih tinggi berbanding pendapatan operasi pada tahun tersebut. Bagi Syarikat NX Photonics Sdn. Berhad, kos operasi melebihi pendapatan operasi adalah sebanyak 304.9% pada tahun 2013. Selain itu, 8 STU tidak menjana pendapatan operasi antaranya disebabkan produk yang dihasilkan tidak menepati kehendak pasaran dari segi teknologi dan kualiti.</p> <p>Pada pendapat Audit, objektif penubuhan syarikat subsidiari untuk mengkomersialkan hasil inovasi atau harta intelek tidak tercapai memandangkan STU tersebut mengalami kerugian berterusan dan terdapat syarikat yang tidak menjana sebarang hasil daripada aktiviti utamanya.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 7 Mei 2015 Dan 17 September 2015</b></p> <p><i>Daripada 10 anak syarikat ini, 3 syarikat telah ditutup pada tahun 2014 iaitu Minds Technology Sdn. Berhad, Vlearning Sdn. Berhad dan Tela Technology Sdn. Berhad. Manakala Serotech Sdn. Berhad telah diasingkan (spin-off). Seterusnya Biotech Diagnostic masih dalam proses diasingkan.</i></p>	

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p><i>Sebanyak 5 lagi syarikat dalam proses penilaian dan perancangan untuk re-startup berdasarkan teknologi yang baru iaitu:-</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>i. My CRO Sdn. Berhad</i></li> <li><i>ii. Ugreentech Sdn. Berhad</i></li> <li><i>iii. Altus Technology Sdn. Berhad</i></li> <li><i>iv. Kievision Technology Sdn. Berhad</i></li> <li><i>v. Valde Technology Sdn. Berhad</i></li> </ul> <p><i>Penutupan dan pengasingan (spin-off) Syarikat Terbitan Universiti (STU) telah dilaksanakan secara berperingkat sejak 2013. Ini adalah hasil rasionalisasi yang dibincang oleh Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, UKMTECH mengalami kesukaran untuk menutup kesemua STU yang mengalami kerugian kerana faktor potensi masih ada untuk dibangunkan dengan IP tambahan atau IP baru. Demikian juga, usaha pengasingan beberapa syarikat yang diputuskan oleh Lembaga Pengarah juga mengalami kesulitan untuk mendapat pengganti pengarah dan pengurusan baru yang sanggup menyedia modal dan mengambil risiko bersama produk dan pengurusan sedia ada.</i></p> <p><i>Secara keseluruhan, UKMTECH akan meneruskan usaha penutupan dan pengasingan ini berdasarkan kepada rancangan perniagaan terkini setiap STU yang ada. Sebahagian STU ini sudah menyiapkan rancangan perniagaan baru. Dijangkakan pada 30 November 2015, akan dikeluarkan senarai akhir STU yang akan diteruskan dalam Rancangan Perniagaan Dan Bajet Tahun 2016.</i></p> <p>Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan aktiviti UKMTech adalah tidak memuaskan kerana 10 daripada 24 projek yang telah siap belum dikomersialkan dan 5 daripada 14 projek yang telah dikomersialkan tidak menjana sebarang pendapatan. Selain itu, 10 daripada 13 syarikat subsidiari yang diurus UKMTech juga mengalami peningkatan kerugian terkumpul yang berterusan.</p>	
11.4.3	<p><b>Tadbir Urus Korporat</b></p> <p>Amalan tadbir urus yang baik amat penting kerana ia membantu mengukuhkan reputasi syarikat di samping meningkatkan tanggungjawab korporat bagi memastikan kualiti serta integriti organisasi. Secara keseluruhannya, tadbir urus UKMTech adalah memuaskan. Semakan Audit terhadap pengurusan tadbir urus korporat mendapati perkara berikut:</p>	<p>Maklum Balas UKMTECH pada 7 Mei 2015 dan 17 September 2015 telah direkodkan dalam Laporan Audit.</p>

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>a. Pelantikan pengerusi UKMTech tidak dibuat secara bertulis bagi menjelaskan peranan, tanggungjawab dan saraan yang layak diterima.</p> <p>b. Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dibuat melalui resolusi Lembaga Pengarah. Bagaimanapun, pelantikan tersebut tidak disusuli secara bertulis bagi menjelaskan peranan, tanggungjawab dan saraan yang mereka layak terima.</p> <p>c. Elaun menghadiri mesyuarat Pengerusi dan Ahli Lembaga tidak dibentangkan dalam Mesyuarat Agong.</p> <p>d. Penilaian keberkesanan tidak dilakukan terhadap ahli Lembaga Pengarah bagi memastikan setiap Lembaga Pengarah yang dilantik menjalankan tanggungjawabnya di dalam meningkatkan prestasi syarikat.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015</b></p> <p><i>Selepas teguran Audit, keperluan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah secara bertulis telah dimaklumkan kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah serta pengurusan UKM pada 26 Mei 2015 melalui "Endorsement Through Circulation: Paper UKMTSB 1/2015". Saraan akan berdasarkan saraan diperuntukkan selama ini seperti yang disahkan semasa Mesyuarat Agong 30 Jun 2015. Peranan dan tanggungjawab adalah seperti yang dipersetujui dalam resolusi Lembaga Pengarah.</i></p> <p><i>Elaun menghadiri mesyuarat telah di bentang dalam Mesyuarat Agong terkini pada 30 Jun 2015. Ini termasuk pengesahan semula elaun tersebut pada tahun-tahun sebelumnya. Penilaian keberkesanan ahli Lembaga Pengarah akan dirujuk kepada peranan dan tanggung jawab yang telah dipersetujui dalam resolusi Lembaga Pengarah.</i></p>	
11.4.4.1	<p><b>Peraturan Kewangan Dan Perakaunan</b></p> <p>a. UKMTech ada menyediakan Prosedur Kewangan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2013. Kandungan prosedur tersebut antaranya meliputi peraturan kewangan seperti panduan perolehan dan urusan perakaunan syarikat, tugas dan tanggungjawab pengurusan kewangan, penyediaan bajet, terimaan, bayaran, pengendalian panjar</p>	Maklum Balas UKMTECH pada 7 Mei 2015 dan 17 September 2015 telah direkodkan dalam Laporan Audit.

Perenggan	Penemuan Audit	Status Terkini
	<p>wang runcit dan urusan akaun bank.</p> <p>b. Semakan Audit mendapati peraturan berkaitan pembayaran dan penerimaan tidak dibuat secara terperinci dari segi panduan tempoh bayaran yang perlu dibuat bagi invois yang lengkap dan pengeluaran resit supaya pengurusan kewangan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015</b>  <i>UKMTech akan merujuk amalan dan nasihat pakar UKM dan penasihat industri untuk memperkemas peraturan kewangan dan perakaunan.</i></p>	
11.4.4.2.a	<p><b>Pengurusan Kawalan Kredit</b></p> <p>Penghutang UKMTech setakat bulan Oktober 2014 adalah berjumlah RM237,078. Penghutang yang melebihi 5 bulan adalah berjumlah RM167,207 atau 70.5% daripada jumlah hutang. Penghutang luar yang terdiri daripada pembekal dan penerima lesen merupakan penghutang tertinggi melebihi 5 bulan iaitu berjumlah RM111,750.</p>	
11.4.4.2.b	<p>Semakan Audit mendapati tiada polisi pengurusan kredit disediakan oleh UKMTech yang menerangkan secara terperinci antaranya tempoh kredit yang dibenarkan kepada penghutang, tatacara pungutan hutang bagi hutang yang melebihi tempoh had kredit, kaedah menyampaikan notis kepada penghutang, pegawai yang bertanggungjawab melaksanakannya dan sebagainya. Ini telah menyebabkan hutang sejumlah RM67,860 gagal dikutip dan telah dihapus kira pada bulan Disember 2013.</p> <p><b>Maklum Balas Daripada UKMTech Diterima Pada 17 September 2015</b></p> <p><i>UKMTech akan merujuk amalan dan nasihat pakar UKM dan penasihat industri untuk mengkaji, merancang dan melaksana tindakan untuk memperbaiki pengurusan hutang khususnya hutang berkaitan caj dan fi dalam kumpulan syarikat terbitan dan pelesen teknologi yang gagal mencapai sasaran pengkomersialan dan tidak mampu membayar caj dan fi berkaitan perkhidmatan inkubator dan perjanjian perlesenan.</i></p> <p><i>UKMTech akan merujuk amalan dan nasihat pakar UKM dan penasihat industri untuk menyediakan peraturan pembayaran dan penerimaan serta pengurusan kredit yang lebih terperinci.</i></p>	



**PNMB**

DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2015  
[www.printnasiona.com.my](http://www.printnasiona.com.my)  
email: [cservice@printnasiona.com.my](mailto:cservice@printnasiona.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Kompleks Kementerian Kewangan, No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62592 WP Putrajaya

[www.treasury.gov.my](http://www.treasury.gov.my)